

**KAUM MUDA PENGGERAK KESEDARAN KEMERDEKAAN TANAH
MELAYU 1906-1957**

KAMARUL AFENDEY HAMIMI

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (SEJARAH)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2018



ABSTRAK

Disertasi ini bertujuan mengkaji peranan Kaum Muda sebagai penggerak kesedaran kemerdekaan di Tanah Melayu sekitar 1906 hingga 1957. Kajian ini menilai faktor-faktor luaran dan dalaman yang mempengaruhi perkembangan perjuangan Kaum Muda di Tanah Melayu. Di samping itu mengetengahkan beberapa tokoh pejuang Kaum Muda daripada pelbagai latar belakang aliran pendidikan yang berjaya memberi kesedaran kepada masyarakat untuk memperjuangkan kemerdekaan. Sumber primer dan sekunder digunakan termasuklah kaedah temu bual untuk melengkapkan kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan Kaum Muda ini bukan sahaja menumpukan perhatian kepada soal-soal pembaikan dalam ibadat khusus tetapi turut mewarnai dunia politik, ekonomi dan sosial masyarakat Melayu. Dapatan kajian juga menunjukkan Kaum Muda merupakan penyuntik awal kesedaran kemerdekaan di Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati tidak semua tokoh Kaum Muda terlibat secara langsung dalam politik kepartian. Tokoh-tokoh Kaum Muda pada peringkat awal hanya memberi kesedaran agama terlebih dahulu kepada masyarakat agar kembali kepada ajaran Islam berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah. Manakala generasi kedua Kaum Muda pada era 1930-an turut membangunkan kesedaran tersebut, termasuklah dalam bidang politik, ekonomi dan sosial hingga menimbulkan kesedaran masyarakat untuk menuntut kemerdekaan. Mereka ini bergerak menggunakan beberapa kaedah seperti menerbitkan akhbar, menubuhkan madrasah, persatuan yang akhirnya mewujudkan parti politik. Ekoran daripada kegiatan tersebut, golongan ini turut menerima reaksi masyarakat sama ada berbau positif ataupun negatif. Mereka menghadapi tribulasi dan penentangan baik dalam kalangan pembesar-pembesar Melayu, tokoh-tokoh Kaum Tua dan pihak British. Kesimpulan kajian ini menunjukkan perjuangan Kaum Muda yang dipelopori oleh agamawan merupakan perintis kepada kesedaran kemerdekaan di Tanah Melayu. Walau bagaimanapun perjuangan mereka tidak sepenuhnya mendapat sokongan rakyat. Implikasi kajian menunjukkan pengakhiran perjuangan mereka untuk menuntut kemerdekaan berjaya menggerakkan momentum kesedaran dalam kalangan rakyat namun golongan ini tidak menjadi penyudah kepada kejayaan mencapai kemerdekaan tersebut. Hal ini disebabkan mereka merupakan golongan yang berhaluan kiri, mendapat tentangan daripada Kaum Tua dan British di samping beberapa kelemahan dalaman yang berlaku dalam perjuangan Kaum Muda itu sendiri.





**KAUM MUDA AS THE CATALYST FOR RAISING THE AWARENESS OF
INDEPENDENCE IN THE MALAY PENINSULA
1906-1957**

ABSTRACT

This dissertation aims to study the role of *Kaum Muda* as the driving force in raising the awareness about independence of Malaya from around 1906 until 1957. This research evaluates the external and internal factors that had influenced the struggles of *Kaum Muda* in Malaya. Besides highlighting some of its leaders from various educational backgrounds who had created the awareness among the people to fight for independence. Primary and secondary sources and interview method were used to complete the study. The findings of the study show that *Kaum Muda* was not only concerned about matters concerning the improvement of religious practice among the people but had also left its mark in politics, economy and social affairs of the Malay community. The findings also indicate that *Kaum Muda* was responsible for injecting the awareness of independence among the people of the Malay Peninsula. However, the study found that not all *Kaum Muda* leaders were directly involved in party politics. Initially they instilled religious consciousness according to al-Quran and al-Sunnah among the masses before the seeds of the awareness about independence were sown. It was the second generation of *Kaum Muda* leaders who started infusing the awareness of independence during the 1930's. They used several methods such as publishing newspapers, setting up schools, forming association and eventually a political party. They received both positive and negative reactions towards their struggles. They were opposed by the Malay elite, *Kaum Tua* as well as the British colonialists. In conclusion, this study shows that *Kaum Muda* acted as the catalyst for raising the awareness of independence. The study implies that their struggle was not fully supported by the people and thus the movement did not achieve its objective of eventual independence eventhough they had succeeded in creating the momentum. This was largely due to the resistance from the traditional Malay society, the *Kaum Tua* and the colonialists besides the inherent weaknesses of *Kaum Muda*.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI SINGKATAN	xii
SENARAI LAMPIRAN	xv
BAB 1 PENDAHULUAN	

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Permasalahan Kajian	6
1.4	Objektif Kajian	8
1.5	Skop Kajian	9
1.6	Kepentingan Kajian	11
1.7	Kajian Lepas	11
1.8	Metodologi Kajian	32
1.9	Definisi Kajian	34
1.10	Pembahagian Bab	51
1.11	Kesimpulan	54



BAB 2 SEJARAH AWAL PERJUANGAN KAUM MUDA DI TANAH MELAYU

2.1	Pengenalan	56
2.2	Perkembangan Kegiatan Kaum Muda di Tanah Melayu	58
2.3	Faktor-Faktor Luaran Kemunculan dan Perkembangan Kaum Muda di Tanah Melayu	83
2.3.1	Pengaruh Ulama Timur Tengah	84
2.3.2	Pengaruh Ulama India	90
2.3.3	Pengaruh Ulama Nusantara	94
2.3.4	Pengaruh Penghijrahan Orang Nusantara dan Tanah Melayu	103
2.3.5	Pengaruh Gerakan Kemerdekaan di Luar Negara	108
2.3.6	Kemunculan Gerakan Islam Sedunia	111
2.4	Faktor-Faktor Dalaman Kemunculan dan Perkembangan	117
2.4.1	Peranan Institusi Madrasah	118
2.4.2	Kepesatan Media Penerbitan	122
2.4.3	Islam Penggerak Kesedaran Ummah	124
2.4.4	Peranan Cendekiawan dan Hartawan Muslim	128
2.5	Kesimpulan	130

BAB 3 TOKOH-TOKOH PEJUANG KAUM MUDA DI TANAH MELAYU

3.1	Pengenalan	131
3.2	Aliran Pendidikan Timur Tengah	132
3.2.1	Syed Syeikh al-Hadi (1864-1934)	133
3.2.1.1	Pejuangan Syed Syeikh al-Hadi dalam Kaum Muda	142
3.2.1.2	Syed Syeikh al-Hadi Penggerak Kesedaran Kemerdekaan	152
3.2.2	Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin (1869-1956)	161



3.2.2.1	Pejuangan Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin dalam Kaum Muda	166
3.2.2.2	Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin Penggerak Kesedaran Kemerdekaan	170
3.2.3	Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari (1904-1970)	177
3.2.3.1	Pejuangan Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari dalam Kaum Muda	183
3.2.3.2	Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari Penggerak Kesedaran Kemerdekaan	190
3.3	Aliran Pendidikan India	196
3.3.1	Dr. Burhanuddin al-Helmy (1911-1969)	197
3.3.1.1	Pejuangan Dr. Burhanuddin al-Helmy dalam Kaum Muda	201
3.3.1.2	Dr. Burhanuddin al-Helmy Penggerak Kesedaran Kemerdekaan	204
3.3.2	Maulana Abdullah bin Awang Noh (1905-1947)	221
3.3.2.1	Pejuangan Maulana Abdullah bin Awang Noh dalam Kaum Muda	226
3.3.2.2	Maulana Abdullah bin Awang Noh Penggerak Kesedaran Kemerdekaan	232
3.4	Aliran Pendidikan Inggeris	244
3.4.1	Zainal Abidin Ahmad (1895-1973)	245
3.4.1.1	Pejuangan Zainal Abidin Ahmad dalam Kaum Muda	250
3.4.1.2	Zainal Abidin Ahmad Penggerak Kesedaran Kemerdekaan	259
3.5	Aliran Pendidikan Tempatan	271
3.5.1	Ustaz Abu Bakar al-Baqir (1909-1974)	272
3.5.1.1	Pejuangan Ustaz Abu Bakar al-Baqir dalam Kaum Muda	275

3.5.1.2	Ustaz Abu Bakar al-Baqir Penggerak Kesedaran Kemerdekaan	280
---------	--	-----

3.6	Kesimpulan	290
-----	------------	-----

BAB 4 KAEDAH PERJUANGAN KAUM MUDA DI TANAH MELAYU

4.1	Pengenalan	291
-----	------------	-----

4.2	Tahap Aliran Perjuangan Kaum Muda	292
-----	-----------------------------------	-----

4.3	Kegiatan Penerbitan Kaum Muda	301
-----	-------------------------------	-----

4.3.1	Majalah <i>al-Imam</i>	309
-------	------------------------	-----

4.3.2	Majalah <i>Saudara</i>	324
-------	------------------------	-----

4.4	Kegiatan Pendidikan Kaum Muda	336
-----	-------------------------------	-----

4.5	Kegiatan Politik Kaum Muda	354
-----	----------------------------	-----

4.5.1	Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) 1945	356
-------	--	-----

4.5.2	Hizbul Muslimin (1948)	364
-------	------------------------	-----

4.5.3	Parti Islam Se-Malaya (PAS) 1951	380
-------	----------------------------------	-----

4.6	Kesimpulan	398
-----	------------	-----

BAB 5 REAKSI MASYARAKAT TERHADAP PERJUANGAN KAUM MUDA

5.1	Pengenalan	400
-----	------------	-----

5.2	Reaksi Masyarakat terhadap Perkembangan Kaum Muda di Negeri- Negeri Melayu	401
-----	--	-----

5.3	Reaksi Masyarakat terhadap Kekuatan dan Kelemahan Kaum Muda	413
-----	---	-----

5.4	Tribulasi dan Cabaran dalam Perjuangan Kaum Muda	429
-----	--	-----

5.5	Kesimpulan	456
-----	------------	-----



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
x

RUMUSAN

458

RUJUKAN

473

LAMPIRAN

497



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Guru Melayu Maahad al-Ehya Asshariff Lulusan Indonesia 1946-1959	101
2.2	Guru Maahad al-Ehya Asshariff dari Indonesia antara 1946-1959	102
3.1	Kelulusan Peperiksaan Sekolah Inggeris Mengikut Kaum Pada 1933	262
3.2	Guru lepasan Timur Tengah, India, Indonesia dan India di Maahad al-Ehya Asshariff dari 1934-1958	278
4.1	Peratusan penduduk Cina di Tanah Melayu pada 1920	333
4.2	Guru Maahad al-Ehya Asshariff Bukan Aliran Agama dari 1952-1959	343
4.3	Pemberian Sijil Kerakyatan Melalui <i>State Nationality</i>	387

**SENARAI SINGKATAN**

AMCJA	<i>All Malaya Council of Join Action</i>
API	Angkatan Pemuda Insaf
AWAS	Angkatan Wanita Sedar
BA	<i>British Adviser</i>
BMA	<i>British Military Administration</i>
BPSK	Barisan Pemuda Sukarela Kelantan
CAB	<i>Cabinet Office</i>
C.O	<i>Colonial Office</i>
Dr.	Doktor
DUN	Dewan Undangan Negeri
F.O	<i>Foreign Office</i>
GLU	<i>General Labour Union</i>
HLM	Halaman
ISA	<i>Internal Security Act</i>
ISP	Ikatan Suara Pemuda
KEL.K	Setiausaha Kerajaan Kelantan
KEL.PM	Pejabat Menteri Kelantan
KMM	Kesatuan Melayu Muda
KMS	Kesatuan Melayu Semenanjung
KPM	Kongres Pemuda Melayu
LEPIR	Lembaga Pendidikan Rakyat
LKMJ	Lembaga Kesatuan Melayu Johor
MAIK	Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan





MATA	Majlis Agama Tinggi SeMalaya
MCA	<i>Malayan Chinese Association</i>
MCKK	<i>Malay College Kuala Kangsar</i>
MPAJA	<i>Malayan People Anti-Japanese Army</i>
MPSI	Maktab Perguruan Sultan Idris
MSF	<i>Malayan Social Front</i>
NNMB	Negeri Negeri Melayu Bersekutu
NNMTB	Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu
NNS	Negeri-Negeri Selat
PARPIM	Persatuan Pelajar Indonesia Malaya
PAS	Parti Islam Se-Malaya
PEKEMBAR	Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu
PEPERMAS	Pusat Perekonomian Melayu Se-Malaya
PERAM	Perpaduan Rakyat Kalimantan Malaya
PETA	Pembela Tanah Air
PIM	Persatuan Indonesia Merdeka
PKI	Parti Komunis Indonesia
PKM	Parti Komunis Malaya
PKMM	Parti Kebangsaan Melayu Malaya
PMP	Persatuan Melayu Perak
PRK	Perpaduan Rakyat Kalimantan
PPP	<i>People's Progressive Party</i>
PRM	Parti Rakyat Malaya
PUTERA	Pusat Tenaga Rakyat
SITC	<i>Sultan Idris Teacher College</i>



S.P

Surat Persendirian

UMNO

United Malays National Organization

SENARAI LAMPIRAN

- A. Gambar Maulana Abdullah Noh ketika berkhidmat dalam Batalion Giyu-Gun di Singapura.
- B. Kulit Kitab Semangat Perajurit-Perajurit Muslim Karya Maulana Noh.
- C. Gambar Ustaz Abu Bakar al-Baqir.
- D. Gambar Syeikh Tahir Jalaluddin
- E. Gambar Ustaz Abu Bakar al-Baqir

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Kaum Muda¹ merupakan satu gelaran popular kepada reformis Melayu terutamanya di Indonesia dan Tanah Melayu bermula pada awal abad ke-20 an. Gelaran ini diberikan oleh masyarakat setempat dan istilah Kaum Muda ini terus disensasikan oleh media-media penerbitan untuk menghangatkan polemik-polemik perdebatan dengan Kaum Tua yang mewakili ulama tradisional. Gelaran Kaum Muda ini diberikan kepada anak muda yang baharu selesai menamatkan pengajian di luar atau di dalam negara. Mereka mendapat inspirasi daripada gerakan pembaharuan dan kemerdekaan yang berlaku di luar seperti Mesir, Turki, India dan Indonesia. Setelah pulang ke tanah air atau

¹ Konsep dan istilah Kaum Muda akan dikupas mendalam dalam bab satu pada halaman 34-51.



menamatkan pengajian, Kaum Muda ini berusaha mengubah pemikiran dan amalan beragama masyarakat tempatan.²

Mereka turut berusaha menyedarkan masyarakat tentang keperluan kemajuan dalam kehidupan baik dari segi ekonomi, sosial dan juga politik. Namun begitu, idea pembaharuan mereka ini tidak disambut sepenuhnya oleh masyarakat Melayu terutama dalam hal ehwal agama. Hal ini sedemikian kerana masyarakat Melayu telah begitu sehati dengan pendekatan agama yang dibawa oleh Kaum Tua. Akhirnya Kaum Tua dan Kaum Muda terus berpolemik dalam isu-isu keagamaan tanpa kesudahan selama lebih 50 tahun hingga merencatkan pembaharuan yang ingin dibawa oleh golongan reformis atau islah ini.³



Kaum Muda ini bukanlah satu gerakan berjamaah. Aktivis Kaum Muda ini bergerak secara individu dalam masyarakat tanpa organisasi dalam menyampaikan kebenaran dalam amalan beragama. Kaum Muda juga bukanlah persatuan atau pertubuhan yang berdaftar. Namun dalam bidang politik, aktivis Kaum Muda ini bergerak secara berorganisasi hingga berjaya menubuhkan parti politik yang bertujuan menubuhkan daulah Islamiah. Mereka mempunyai semangat perjuangan untuk menyedarkan masyarakat dan menentang penindasan pemerintah dan penjajah. Sebahagian daripada reformis Kaum Muda ini turut berdakwah secara diplomasi di masjid, surau dan mendirikan madrasah untuk menyampaikan risalah Islam sebenar. Mereka turut menerbitkan akhbar dan juga majalah. Manakala sebahagian aktivis Kaum

² Silcock & Aziz, *Nationalism in Malaya*, 11th Conference Institute of Pacific Relations, Lucknow, India, Oktober 3-15, 1950, hlm. 13.

³ Perbincangan tentang gerakan reformis atau islah ini akan dibincang lanjut dalam bab dua tesis ini.





Muda yang lainnya pula bergerak secara radikal dengan menubuhkan parti-parti politik demi hak rakyat dan perjuangan kemerdekaan.

Selain itu landasan dan wadah perjuangan mereka adalah juga untuk membanteras ketidakadilan sosial dan pengabaian aristokrat dalam menjaga kepentingan orang Melayu. Konsep perjuangan Kaum Muda sebagai penggerak kesedaran kemerdekaan yang diperkatakan dalam tesis ini merupakan sebuah perjuangan yang berorientasikan kesedaran keagamaan di samping menyuntik semangat orang Melayu agar maju dalam sosial dan ekonomi seterusnya membebaskan tanah air daripada cengkaman penjajahan dan penghambaan aristokrat.

1.2 Latar Belakang Kajian



Pengkajian sejarah kemerdekaan negara sering menonjolkan tokoh-tokoh arus perdana yang berjasa kepada Tanah Melayu sehingga mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Memang tidak dinafikan sumbangan besar tokoh-tokoh negara seperti Tunku Abdul Rahman dan Dato' Onn Jaafar yang membawa negara ke arah mercu kemerdekaan. Namun begitu perjuangan kemerdekaan sebenarnya telah bermula lebih awal lagi oleh tokoh-tokoh pejuang yang menentang penaklukan Portugis di Melaka pada tahun 1511. Begitu juga dengan sumbangan Tok Janggut, Tok Bahaman, Datuk Maharajalela dan sebagainya terhadap perjuangan penentangan penjajahan British di negeri-negeri Melayu pada abad ke-19.



Manakala pada awal abad ke-20 pula di Tanah Melayu terdapat sekumpulan anak muda yang terdedah dengan idea reformis di Asia Barat dan mereka berhasrat untuk mengubah pola pemikiran dan tingkah laku masyarakat Melayu agar bangkit daripada kemunduran seterusnya bangun menentang penjajahan British. Mereka dikenali sebagai Kaum Muda dan merupakan nasionalis awal yang sejak 1906 lagi menentang kezaliman pihak berkuasa British dan aristokrat Melayu. Penentangan itu bermula dengan penerbitan majalah *al-Imam* yang mengkritik kedua-dua golongan tersebut kerana didapati kurang mengambil berat tentang kemunduran orang Melayu.⁴ Kaum Muda cuba memberi kesedaran kepada orang Melayu agar bangkit daripada kelalaian, kemiskinan di samping berjuang untuk menuntut kemerdekaan. Ketika berjuang, Kaum Muda ini dilabel oleh penjajah dan aristokrat Melayu sebagai golongan kiri atau penentang kepada *status quo*. Pelabelan pihak penjajah ini bertujuan untuk memberi satu gambaran terhadap konsep penderhakaan terhadap pemerintah kolonial dan *establishment* tempatan yang berada di istana dan institusi agama dibawah naungan sultan. Konsep pelabelan itu walaupun tidak tepat dan bersifat provokasi tetapi memberi satu impak yang besar kepada masyarakat untuk menjauhi golongan Kaum Muda tersebut. Momokan terhadap Kaum Muda yang dianggap sesat, mentah, beraliran komunis dan memecah belahkan masyarakat, sedikit sebanyak berjaya membantutkan usaha Kaum Muda untuk mengubah masyarakat.⁵

Dalam pengertian lain, perjuangan Kaum Muda ini bertujuan untuk menyuntik kesedaran orang Melayu yang alpa dan ketinggalan dalam pelbagai bidang di samping

⁴ Khoo Kay Kim, "Nasionalisme Melayu C. 1919-1941: Suatu Tatapan Semula", *Jebat* 28 (2001), hlm. 43-62.

⁵ Lihat A.P. No 425/1349, laporan polis *Religious Conflict in Mukim Paya*, Aduan oleh Ketua Kadi, Perlis pada 8 /8 1349H bersamaan 26 April 1931M yang mengaitkan Kaum Muda dengan gerakan Komunis. Sumber Arkib Negara Malaysia.



membangkitkan semangat rakyat untuk menuntut kemerdekaan. Mereka berjuang dengan prinsip yang tekad dan istiqamah menentang penjajah sehingga akhirnya terpenjara. Kaum Muda ini merupakan golongan agamawan dan profesional yang bukanlah seperti yang dimomokkan sebagai kumpulan yang sering membangkitkan hal yang remeh temeh dalam masyarakat tetapi sebaliknya mereka merupakan pelopor dan penggerak perjuangan kesedaran kemerdekaan di Tanah Melayu. Para pejuang Kaum Muda ini bukan sekadar menjadi tokoh setempat tetapi turut menjadi ikon pejuang umat Islam peringkat nasional dan antarabangsa bagi isu-isu umat Islam yang ditindas oleh penjajahan Barat.

Kajian tentang peranan Kaum Muda adalah tidak memadai jika sekadar menggarapkan sumbangan mereka dalam memberi kesedaran dalam kemajuan agama, ekonomi dan sosial semata-mata. Bahkan sumbangan Kaum Muda itu turut meliputi bidang politik. Perjuangan politik Kaum Muda dalam konteks menuntut kemerdekaan, walaupun dimomok sebagai berhaluan kiri oleh British tetapi perjuangan mereka adalah berlandaskan undang-undang, berdasarkan falsafah politik yang bertunjangkan Islam dan berteraskan budaya Melayu. Perjuangan politik Kaum Muda ini turut diterjemahkan dalam bentuk tindakan yang sederhana. Namun begitu, British tetap bimbang dengan perjuangan Kaum Muda ini sehingga mengharamkan gerakan politik yang dibawa oleh aktivis Kaum Muda ini. Pejuang-pejuang kemerdekaan ini terpaksa membayar harga perjuangan dengan harga yang mahal apabila akhirnya mereka terpenjara oleh tindak balas British.⁶

⁶ CO 537/ 3753, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 15/1948, 15 ogos 1948, hlm. 584 ada menerangkan penangkapan Ustaz Abu Bakar al-Baqir. Lihat juga *Utusan Melayu* 19 Disember 1950 tentang penangkapan Dr. Burhanuddin al-Helmy dalam isu Natrah. Sepanjang karier politiknya, beliau dipenjara sebanyak tiga kali oleh British iaitu pada 1936 ketika menentang perjanjian Balfour. Beliau turut ditangkap pada 1937 kerana majalah *Taman Bahagia* yang diterbitkan mengkritik





Dalam konteks perjuangan politik, Kaum Muda ini merupakan pencetus awal kesedaran orang Melayu untuk menuntut kemerdekaan. Justeru, mengkaji sumbangan Kaum Muda sebagai penggerak kesedaran kemerdekaan di Tanah Melayu adalah sesuatu yang sangat penting dan signifikan untuk digali bagi menambahkan lagi kajian tentang sejarah kemerdekaan di Tanah Melayu.

1.3 Permasalahan Kajian

Perjuangan Kaum Muda di negara ini tidak hanya terbatas kepada persoalan keagamaan semata-mata dengan memberi kefahaman, membuat pembaharuan pemikiran dan mengembalikan masyarakat kepada ajaran Islam sebenar sebagaimana dapatan penyelidikan lampau. Sebaliknya sumbangan mereka turut memberi kesedaran dalam pembangunan ekonomi, sosial dan juga politik. Namun begitu satu permasalahan yang melingkari perjuangan Kaum Muda ini adalah perjuangan mereka tidak mendapat sambutan sepenuhnya daripada masyarakat Melayu baik pada peringkat akar umbi sehinggalah kepada golongan pemerintah sama ada di istana ataupun pentadbiran kerajaan British pada masa itu.

Penglibatan Kaum Muda dalam memberi kesedaran kepada masyarakat amat penting terutama dalam arena politik tanah air terutamanya bagi mewujudkan kesedaran

British dan diharamkan oleh mereka kerana isu Palestin. Penangkapan yang terakhir pada 1965 di bawah Internal Security Bill kerana dituduh menubuhkan National Front di Tanah Melayu dan mahu menubuhkan kerajaan buangan di Indonesia. Selain Dr. Burhanuddin al-Helmy, Maulana Abdullah Noh dan Ustaz Abu Bakar al-Baqir turut terpenjara ekoran penentangan terhadap British di Tanah Melayu dalam usaha mereka meraih kemerdekaan daripada cengkaman penjajah tersebut. Keterangan lanjut tentang ketiga-tiga tokoh ini akan dibincangkan dalam bab tiga tesis ini.





kebangsaan dan kemerdekaan kepada masyarakat yang masih di bawah telunjuk penjajah. Selain daripada memberi kesedaran membangunkan masyarakat, penyelidik juga ingin membuktikan peranan dan penglibatan Kaum Muda sangat menonjol dalam perjuangan kemerdekaan tanah air. Mereka adalah nasionalis yang tidak didendangkan setiap kali hari kemerdekaan negara dihayati dan sumbangan mereka sebagai pejuang kemerdekaan masih tersisih dalam lipatan sejarah perjuangan kemerdekaan tanah air yang sepatutnya dinobatkan sebaris dengan nasionalis-nasionalis kemerdekaan lain dalam arus perdana.

Walaupun tidak menafikan peranan tokoh-tokoh pejuang kemerdekaan bermula pada zaman Melaka menentang Portugis lagi hinggalah kepada nasionalis golongan kanan yang akhirnya mencapai kemerdekaan tetapi sewajarnya peranan terawal aktivis Kaum Muda meniup semangat kesedaran orang Melayu menentang British itu diiktiraf sebagai tokoh kemerdekaan negara juga. Justeru, perjuangan Kaum Muda dalam menuntut kemerdekaan yang terakam dalam lipatan sejarah negara perlu diketengahkan kepada generasi muda baik dipaparkan dalam buku-buku teks sekolah ataupun media massa.



1.4 Objektif Kajian

Tesis ini ingin mencapai beberapa objektif berikut:

- a) Membuktikan peranan Kaum Muda dalam memberikan kesedaran perjuangan kemerdekaan di Tanah Melayu sama ada yang mendapat pengaruh daripada aliran pendidikan Timur Tengah, India, Indonesia ataupun aliran pendidikan tempatan.
- b) Menganalisis kepelbagaian kaedah perjuangan Kaum Muda dalam memberi kesedaran perjuangan kemerdekaan sama ada mereka menggunakan pentas dakwah, penerbitan, penubuhan madrasah, menubuhkan persatuan ataupun parti politik.
- c) Mengkaji penerimaan masyarakat terhadap perjuangan Kaum Muda dalam usaha memberi kesedaran kemerdekaan. Hal ini demikian kerana tidak semua masyarakat menerima perjuangan mereka walaupun atas nama untuk mengembalikan kesedaran agama dan memerdekakan Tanah Melayu.

Berdasarkan kepada objektif-objektif yang hendak dicapai, diharapkan hasil penulisan ini mampu memaparkan perspektif sejarah perjuangan menuntut kemerdekaan yang sebenarnya dicitus oleh perjuangan Kaum Muda bermula 1906 lagi hinggalah kepada bibit-bibit kemerdekaan pada 1957.



1.5 Skop Kajian

Kajian ini meneliti peranan Kaum Muda dalam menggerakkan kesedaran kemerdekaan dalam kalangan masyarakat di Tanah Melayu dari 1906 hingga 1957. Menurut Kamus Dewan edisi keempat, penggerak bermaksud galakan untuk menggerakkan ataupun faktor-faktor sama ada daripada unsur, individu dan lain-lain yang menggerakkannya.⁷ Manakala kesedaran pula bermaksud perihal keadaan sedar akan sesuatu, keinsafan dan ingatan.⁸ Kemerdekaan pula berasal daripada kata dasar merdeka yang bermaksud bebas daripada penjajahan, kurungan, naungan, lepas daripada tebusan, tuntutan, berdiri sendiri dan tidak bergantung pada yang lain.⁹ Tanah Melayu pula merujuk kepada negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu meliputi Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu dan Negeri-Negeri Selat termasuk



Singapura yang ketika itu di bawah pentadbiran British.¹⁰

Kajian ini akan memberi tumpuan kepada peranan Kaum Muda dalam memberi galakan dan menimbulkan kesedaran kepada masyarakat di Tanah Melayu untuk membebaskan diri mereka daripada belenggu naungan penjajahan minda dan fizikal. Maksud membebaskan diri daripada naungan penjajahan minda dan fizikal tersebut adalah melepaskan pemikiran orang Melayu daripada pemikiran yang sempit dan salah faham terhadap amalan beragama, berasa rendah diri dan menganggap bangsa Eropah hebat serta tidak boleh dikalahkan. Manakala membebaskan diri daripada naungan dan penjajahan fizikal pula bermaksud membebaskan masyarakat Melayu daripada

⁷ *Kamus Dewan*, Edisi keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013, hlm 462.

⁸ *Ibid.*, hlm. 1407.

⁹ *Ibid.*, hlm. 1024.

¹⁰ Lihat *Memorandum by the Secretary of State for the Colonies* dalam CAB 129/48/59, Malaya, hlm. 3.





diperhamba oleh sistem pemerintahan aristokrat Melayu dan British yang tidak mempedulikan kebajikan mereka di samping membebaskan tanah air ini daripada cengkaman penjajahan British di Tanah Melayu.

Kajian tentang Kaum Muda sebagai penggerak kesedaran kemerdekaan di Tanah Melayu ini bermula dari 1906 kerana perjuangan mereka di Tanah Melayu bermula dengan penerbitan *al-Imam*. *Al-Imam* merupakan majalah Kaum Muda yang pertama diterbitkan di Kepulauan Melayu dan merupakan penggerak awal kepada kesedaran orang Melayu untuk berubah baik dalam bidang ekonomi, politik dan sosial. Selain menerbitkan majalah dan akhbar, perjuangan Kaum Muda berkembang dengan menubuhkan madrasah-madrasah di seluruh pelusuk tanah air. Kepesatan perkembangan madrasah tersebut memungkinkan lahirnya kader-kader pelapis perjuangan hasil penyebaran firkah Kaum Muda dalam kalangan pelajar madrasah tersebut. Akhirnya para pelajar ini keluar daripada madrasah dengan semangat yang digerakkan oleh Kaum Muda untuk turut memperjuangkan kemerdekaan. Perjuangan mereka mencapai kemuncaknya apabila tokoh-tokoh Kaum Muda yang cuba menuntut kemerdekaan ini dipenjarakan oleh British. Tempoh kajian ini berakhir sehingga tahun 1957 apabila seruan kesedaran Kaum Muda untuk menuntut kemerdekaan Tanah Melayu ini tercapai apabila diraih oleh PERIKATAN yang ditunjangi UMNO. UMNO sebuah parti politik berhaluan kanan yang menjadi seteru kepada perjuangan politik Kaum Muda berdiplomasi dengan British untuk mencapai kemerdekaan tersebut.





1.6 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini adalah untuk memberikan maklumat tentang sumbangan Kaum Muda yang memberi kesedaran kepada orang Melayu agar bangkit menentang penjajah British. Melalui kajian ini diharap dapat membetulkan persepsi masyarakat yang menganggap Kaum Muda hanya memecah belahkan masyarakat Melayu melalui polemik-polemik khilafiah dengan Kaum Tua. Sebaliknya, perjuangan Kaum Muda adalah lebih besar daripada itu iaitu turut mengislahkan masyarakat melalui kesedaran ekonomi, sosial dan politik hingga menggerakkan kesedaran kemerdekaan kepada orang Melayu untuk bangkit menentang penjajahan British. Melalui fakta-fakta dan maklumat yang dikaji diharap sumbangan Kaum Muda dalam memberi kesedaran kepada orang Melayu untuk menuntut kemerdekaan akan dapat dinilai kembali. Hal ini demikian kerana sumbangan mereka seperti dipinggirkan dalam tinta sejarah kemerdekaan negara. Kajian ini juga akan dapat menggambarkan keadaan sebenar kisah-kisah perjuangan yang dilalui oleh Kaum Muda yang seolah-olah dilupai walaupun mereka turut sama menentang penjajahan British.

1.7 Kajian Lepas

Dalam kajian lampau walaupun terdapat banyak pengkaji sejarah membicarakan tentang sumbangan Kaum Muda di negara ini tetapi kebanyakan kajian tersebut memberi tumpuan kepada sumbangan keagamaan yang menjurus kepada gerakan dakwah dan persoalan pergeseran pendapat antara Kaum Muda dan Kaum Tua sahaja.





Manakala perjuangan Kaum Muda dalam menggerakkan kesedaran orang Melayu menuntut kemerdekaan tidak didedahkan oleh pengkaji lampau. Jika adapun pengkaji-pengkaji sejarah ini hanya memberi tumpuan kepada sumbangan tokoh-tokoh Kaum Muda dalam bidang sosial seperti dakwah, pendidikan dan kesusasteraan.

Penulisan tentang Kaum Muda sama ada dalam artikel, jurnal, kertas kerja, tesis dan juga buku-buku banyak diterbitkan di Malaysia ataupun di Indonesia.¹¹ Namun begitu, kebanyakan kajian Kaum Muda ini banyak berkisar persoalan pertembungan aliran fahaman berkaitan keagamaan yang menjurus soal-soal furu' atau khilafiah dalam agama. Pengkaji-pengkaji dahulu hanya menyelitkan perjuangan Kaum Muda dalam gerakan dakwah yang memberi kesedaran kepada orang Melayu agar mengamalkan Islam secara syumul atau menyeluruh. Persoalan berkaitan perjuangan Kaum Muda dalam meniuip semangat menuntut kemerdekaan daripada cengkaman penjajah tidak ditekankan dalam penyelidikan mereka. Memandangkan kajian-kajian lampau hanya memfokuskan kepada persoalan konflik pandangan keagamaan antara Kaum Muda dan Kaum Tua sahaja, maka kajian ini cuba memberi tumpuan kepada perjuangan dan

¹¹ Kebanyakan pengarang tidak menamakan tajuk Kaum Muda dalam penulisan mereka tetapi mengistilahkan perjuangan Kaum Muda dengan nama yang lain seperti gerakan islah, tajdid, ansarullah, reformis muslim dan lain-lain lagi yang sebenarnya adalah merujuk juga kepada Kaum Muda. Sebagai contoh lihat buku Ahmad Zaki Abdul Latif. *Transformasi Gerakan Islah dan Dakwah di Timur Tengah dan di Malaysia*. Pusat Penerbitan Universiti (UPENA), UITM, 2006 yang banyak mengaitkan gerakan islah di Malaysia dengan kegiatan Kaum Muda. Lihat juga Abdul Rauh Yaacob, 2006. *Gerakan Islah dan Tajdid di Dunia Islam* dalam Sejarah dan Tamadun Islam PY1262, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia yang mengatakan gerakan islah di Malaysia dipelopori Kaum Muda. Manakala sebahagian penulis pula menjadikan tokoh-tokoh, akhbar dan madrasah Kaum Muda sebagai tajuk penulisan mereka seperti Mohammad Redzuan Othman yang menulis tentang "Idea Kemajuan Dalam Pemikiran dan Perjuangan Sayyid Shaykh Al-Hadi" dalam *Sejarah Pembinaan Negara Bangsa*, 2006, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. Lihat juga Ismail Abdul Rahman dan Mat Asin Dolah. "*Syeikh Tahir Jalaluddin, 1869-1956. Reformis Islam Dalam Ulama Silam dalam Kenangan*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1992. Terdapat juga pengarang Indonesia yang menulis persoalan Kaum Muda ini sebagai isu utama dalam perbincangan karya mereka seperti Hamka yang mempertahankan Kaum Muda dalam bukunya yang berjudul *Teguran Suci dan Jujur Terhadap Mufti Johor* (cetakan semula 2010) yang memberi tumpuan penulisan terhadap perjuangan Kaum Muda di Indonesia dan juga di Malaysia serta mempertahankan kedudukan Kaum Muda.





pemikiran Kaum Muda yang juga turut membangkitkan kesedaran bangsa Melayu menuntut kemerdekaan.

Antara kajian lampau yang ada kaitan secara tidak langsung dengan tajuk Kaum Muda ini adalah tentang masalah-masalah Kaum Muda dan Kaum Tua yang berkisar kepada isu-isu keagamaan sepertimana yang ditulis oleh Abdul Halim El-Muhammady.¹² Menurut beliau, Kaum Muda merupakan golongan pembaharuan yang dipengaruhi oleh gerakan Islah di Mesir, Arab Saudi atau India. Lantaran itu aliran pemikiran dan pergerakannya adalah sama dari segi penekanannya dengan apa yang berlaku di Timur Tengah dan India iaitu penekanan kembali kepada al-Quran dan al-Sunnah, mengamalkan ijthid dan meninggalkan taqlid dalam menyelesaikan masalah hukum. Pembaharuan Kaum Muda ini adalah berkaitan masalah pendidikan, kesedaran politik, ekonomi dan sosial masyarakat tetapi penekanan banyak ditumpukan untuk merungkai masalah kefahaman agama.¹³

Abdul Halim dalam kajiannya itu turut mengkritik pendekatan Kaum Muda dalam membuat pembaharuan dalam masyarakat. Menurut beliau, masalah yang diungkitkan bukanlah persoalan pokok, malah isu yang ditimbulkan adalah masalah yang memang sudahpun berbeza pandangan ulama sejak dari zaman imam mazhab yang empat lagi. Walau bagaimanapun, imam-imam mazhab berkenaan berlapang dada dengan masalah yang diharuskan ikhtilaf dan tidak pula mengatakan bid'ah dan menuduh tidak mengikut nas. Abdul Halim menambah lagi kritiknya dengan menyatakan bahawa pengikut Kaum Muda di Tanah Melayu tidak cuba menghalusi

¹² Abdul Halim El-Muhammady, *Pengaruh Madhhab Shafii dan Masalah Kaum Muda di Malaysia.*, Penerbit Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah, 1982.

¹³ *Ibid.*, hlm. 34.



latar belakang tokoh-tokoh islah tempatan yang menjadi ikutan mereka dalam bidang feqah tersebut. Pada pendapat beliau, tokoh-tokoh Kaum Muda tersebut gagal memahami pendapat keseluruhan pemimpin-pemimpin Islah di Timur Tengah seperti Syeikh Muhammad Abduh dan Syeikh Jamaluddin al-Afghani yang mempunyai metodenya tersendiri dalam menafsir hukum fekah berasaskan latar belakang pengajian dan pengaruh yang mereka terima dalam bidang fekah berkenaan.

Abdul Halim turut menyatakan bahawa untuk menjaga keharmonian hubungan dalam masyarakat, persoalan ijthid dan masalah khilafiyat ini tidak patut didedahkan kepada masyarakat awam. Masalah itu hanya patut dibincangkan oleh pakar-pakar yang mencukupi syarat-syarat keilmuannya dalam menyelesaikan masalah umat. Dalam buku ini beliau turut menyenaraikan 20 perkara bidaah yang diperkatakan oleh Kaum Muda dalam masyarakat Melayu dan tujuh perkara amalan yang dianggap tidak tepat dalam ajaran mazhab Syafie.¹⁴ Buku ini lebih memberi tumpuan kepada konflik Kaum Muda dan Kaum Tua serta persoalan-persoalan khilafiyah yang diperdebatkan. Disamping itu beliau juga telah memberi kritikan yang agak tajam kepada Kaum Muda yang dianggap beliau sebagai ulama muda yang masih kurang ilmunya berbanding ulama-ulama Kaum Tua yang sarat dengan ilmu dan pengalaman.¹⁵

Jika ditinjau penulisan buku ini didapati pengarangnya hanya memusatkan kajiannya hanya kepada masalah Kaum Muda tetapi tidak pula melihat sumbangan yang salurkan oleh mereka di negara ini seperti mendirikan institusi madrasah, mereformasikan sistem pendidikan agama, menerbitkan akhbar, majalah dan

¹⁴ *Ibid.*, hlm. 37-39. Antara perkara bidaah yang disenaraikannya adalah seperti lafaz niat solat, tahlil, talkin, zakat fitrah bagi kanak-kanak, bacaan al-Quran di kubur dan solat sunat sebelum Jumaat.

¹⁵ *Ibid.*, hlm. 34.



menyuburkan kesedaran berpolitik kepada masyarakat Melayu. Tulisan Abdul Halim ini juga hanya menyentuh perkembangan Kaum Muda dari segi aliran pemikiran dan persoalan yang berbangkit dengan Kaum Tua. Sebaliknya beliau tidak menyentuh langsung tentang peranan Kaum Muda dalam memberi kesedaran kepada masyarakat untuk kembali kepada agama sebenar dan menentang penjajah British demi mencapai kemerdekaan.

Pengkaji berpendapat, Kaum Muda bukanlah menolak amalan bermazhab tetapi menentang amalan rigid yang hanya menerima pegangan satu mazhab. Perbezaan pendapat antara mazhab sepatutnya adalah rahmat kerana ilmuan boleh berdiskusi untuk memantapkan ilmu mereka dan masyarakat boleh memilih rukshah ataupun kemudahan dalam beribadah berdasarkan konteks dan maslahat mereka. Kaum Muda juga menentang taqlid atau budaya mengikut-ikut apa sahaja yang ditokok tambah oleh tokoh agama yang berpengaruh dalam masyarakat. Bagi Kaum Muda, setiap ibadat mestilah mempunyai sandaran nas atau dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah, ijmak ulama dan qias.

Selain itu Hashim Ismail turut menulis buku yang mempunyai kaitan tentang Kaum Muda tetapi hasil penulisannya adalah berkaitan sumbangan mereka dalam bidang kesusasteraan. Beliau memberi tumpuan tentang pengaruh Kaum Muda dalam bidang penulisan novel berasaskan pendekatan Hermeneutik.¹⁶ Beliau mengaitkan reformasi pemikiran yang dibawa oleh Kaum Muda di Tanah Melayu melalui tulisan berasaskan hubungan pemikiran Syeikh Jamaluddin al-Afghani di Mesir. Menurut

¹⁶ Hashim Ismail, *Hermeneutik: Reaksi Reformasi Kaum Muda*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka 2010.





beliau, hermeneutik merupakan pendekatan berasaskan makna dalam konteks sejarah, dalam lingkungan ruang dan waktunya untuk memahami rantai makna yang bersejarah. Hasil analisis beliau, wujud hubungan kesatuan semangat yang dibawa oleh Syeikh Jamaluddin al-Afgani dan Syeikh Muhammad Abduh yang meresap ke dalam gerakan pemikiran yang dikembangkan oleh Syed Syeikh al-Hadi dan rakan-rakan Kaum Mudanya di Tanah Melayu melalui kesusasteraan khususnya novel dan akhbar.

Kesannya Syed Syeikh al-Hadi dan rakan Kaum Muda yang seangkatannya seperti Rahim Kajai berjaya menghasilkan novel dan akhbar yang begitu cepat mempengaruhi pemikiran masyarakat Melayu di Tanah Melayu ketika itu.¹⁷ Pemikiran Jamaluddin al-Afgani dan Muhammad Abduh mencetuskan satu pemikiran yang baharu untuk umat Islam bangkit melawan imperialisme serta membebaskan diri daripada penjajahan Barat. Di sinilah analisis hermeneutik memainkan peranan yang penting di samping memahami ideologi yang berkembang dalam rantai makna sejarah. Pengaruh ketokohan dan perkembangan ideologi berantai ke dalam bentuk-bentuk perkembangan sejarah zaman yang berkesinambungan seperti hubungan jaringan *al-Manar* di Mesir dengan *al-Imam*, *Saudara*, dan *al-ikhwan* di Tanah Melayu.

Kajian buku ini lebih memberi tumpuan dalam lapangan penulisan dan kesusasteraan yang ditulis oleh Kaum Muda melalui akhbar dan novel-novel seperti *Hikayat Faridah Hanum* dan *Iakah Salmah*?¹⁸ Melalui pemikiran yang cuba

¹⁷ Abdul Rahim Salim Kajai merupakan tokoh Kaum Muda lepasan Universiti Al-Azhar yang lahir pada 1894 di Setapak, Kuala Lumpur dan meninggal dunia pada 1943. Beliau merupakan Bapa Kewartawanan Melayu. Lebih dikenali sebagai Rahim Kajai kerana bapanya, Salim berasal dari Kampung Kajai, Minangkabau, Sumatera. Lihat Abdul Latif Abu Bakar, *Abdul Rahim Kajai: Wartawan dan Sasterawan Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984, hlm. 8-9.

¹⁸ Hashim Ismail, *Hermeneutik: Reaksi Reformasi Kaum Muda*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2010, hlm. 285-286.





diketengahkan, Kaum Muda berjaya mengubah persepsi masyarakat terhadap ajaran Islam yang selama ini dipandang sempit oleh sesetengah masyarakat Melayu. Walaupun buku ini banyak mengisahkan peranan Kaum Muda dalam masyarakat namun aspek penglibatan Kaum Muda dalam menggerakkan kesedaran kemerdekaan tidak dibincangkan dalam karya ini.

Ishak Saat pula dalam bukunya *Radikalisme Melayu Perak 1945-1970* turut membahaskan peranan Kaum Muda dan pertembungan antara Kaum Muda dan Kaum Tua khususnya di Perak.¹⁹ Pembaharuan yang diutarakan oleh Kaum Muda tidak mendapat perhatian masyarakat Melayu termasuk raja-raja Melayu pada masa itu kerana kuatnya pengaruh ulama Kaum Tua ketika itu. Menurut beliau lagi, semangat yang dipelopori oleh Kaum Muda sekitar tahun 20-an hingga 30-an ini berjaya membangkitkan semangat menentang penjajah British di Tanah Melayu. Peranan Kaum Muda menubuhkan pelbagai madrasah melahirkan ramai pejuang yang menjadi mata rantai dalam usaha menentang penjajahan British. Aktivis Kaum Muda sedar dan memahami betapa pentingnya amanah dan tanggungjawab yang perlu dipikul demi memberikan kesedaran kepada masyarakat Melayu untuk kembali kepada agama yang syumul termasuk menubuhkan negara Islam yang merdeka. Jadi tidak hairanlah aktivis Kaum Muda di Tanah Melayu turut menubuhkan Hizbul Muslimin sebagai parti politik Islam yang pertama di Tanah Melayu dan ini telah merencanakan lagi gerakan menuntut kemerdekaan. Perjuangan mereka ini merupakan kesinambungan perjuangan umat Islam di tempat lain seperti di Mesir, India dan Indonesia yang bangun menuntut kemerdekaan di negara masing-masing.

¹⁹ Ishak Saat, *Radikalisme Melayu Perak 1945-1970*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2011.





Abdul Aziz Mat Ton turut mengkaji tentang sumbangan Kaum Muda dalam bukunya yang bertajuk *Politik al-Imam*.²⁰ Beliau mengatakan golongan yang menggerakkan kesedaran awal berpolitik di Tanah Melayu adalah Kaum Muda. Melalui majalah *al-Imam* yang diasaskan oleh Kaum Muda ini, mereka berjaya menerbitkan bibit-bibit kesedaran kepada orang Melayu berubah dalam bidang ekonomi, sosial dan juga politik. Hal ini adalah disebabkan di Universiti al-Azhar, Syeikh Muhammad Abduh dan Syeikh Jamaluddin al-Afghan berjaya menyebarkan gerakan islah kepada para pelajarnya. Selain itu beliau turut mengaitkan pengaruh Syeikh Jamaluddin al-Afghani, Syeikh Muhammad Abduh dan Syeikh Rasyid Ridha dengan gerakan Kaum Muda di Tanah Melayu kerana mereka ini telah mengasaskan pemikiran islah kepada umat Islam di seluruh dunia yang mirip dengan perjuangan mereka di Mesir.²¹



Menurut beliau lagi, Kaum Muda merupakan golongan reformis atau islah ini bukan hanya membetulkan penyelewengan atau kekeliruan akidah yang berkaitan dengan ibadat sahaja malah perjuangan politik juga merupakan agenda gerakan Kaum Muda. Apabila pelajar-pelajar Melayu yang menuntut di Universiti al-Azhar ini pulang ke negara masing-masing, mereka turut mengembangkan idea islah tersebut sehingga digelar oleh masyarakat setempat sebagai idea Kaum Muda sejak terbitnya *al-Imam* pada 1906 lagi.

Penulis berpendapat, semua pejuang islah ini dilabel di negara masing-masing. Jika di Nusantara, mereka dilabel sebagai Kaum Muda. Satu panggilan yang agak sinis

²⁰Abdul Aziz Mat Ton, *Politik al-Imam*, Kuala Lumpur: Bahasa dan Pustaka, 2000.

²¹*Ibid*, hlm. 168.





kepada sekumpulan anak muda yang ingin membuat pembaharuan dalam masyarakat Melayu. Kaum Muda ini dipandang sinis kerana ingin membuat perubahan kepada pengamalan agama masyarakat Melayu yang telah sebatu dengan ajaran agama Islam yang bercampur aduk dengan budaya adat resam tempatan. Manakala di Barat, kumpulan seperti ini digelar modenis dan dalam kalangan pelajar di Universiti al-Azhar mereka dikenali sebagai gerakan islah ataupun tajdid. Sebenarnya, apa juga label yang diberikan kepada mereka, golongan Kaum Muda atau modenis ini percaya bahawa Allah menganugerahkan akal untuk manusia berfikir dan menterjemahkan kehidupan sebenar dengan pemikiran yang terbuka asalkan selari dengan Islam. Pemikiran Barat dan moden boleh diterima sebagai sebahagian daripada pemodenan jika tidak bercanggah dengan Islam. Kaum Muda ini menyanggah pemikiran kolot sesetengah Kaum Tua yang konservatif dan sempit seperti melarang pendidikan akademik, belajar di sekolah Inggeris, berpakaian moden dan sebagainya.



Satu lagi buku yang boleh dijadikan rujukan berkaitan dengan topik Kaum Muda ini ialah buku yang ditulis oleh sarjana Barat iaitu William R. Roff, yang bertajuk *The Origins of Malay Nationalism*.²² Penulisan beliau ini antara lain mengutarakan perjuangan dan pertembungan dua aliran pemikiran besar di Tanah Melayu iaitu Kaum Muda dan Kaum Tua. William R. Roff menjelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi aliran Kaum Muda yang akhirnya memperlihatkan pertembungan dengan pemikiran tradisional yang didukung oleh Kaum Tua.

²² William R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya Press, 1967. Buku ini diterbitkan semula oleh Penerbit Universiti Malaya pada 1980 dan Ahmad Boestaman pula menterjemahkan buku ini dengan judul *Nasionalisme Melayu* yang diterbitkan oleh Universiti Malaya pada 2003.





Dalam penulisan ini, beliau turut mengkategorikan Kaum Muda sebagai pejuang nasionalisme di Tanah Melayu. Menurut Roff lagi, penjelmaan Kaum Muda dalam politik mula kelihatan dalam tahun-tahun 1920-an, walaupun implikasi kesedaran politik telah terdapat dalam cita-cita pembaharuan sebelumnya.

Di dalam buku ini beliau telah memaparkan peranan majalah *al-Manar*, *al-Imam* yang mempunyai kesan besar mengubah cara pemikiran dan kehidupan orang-orang Melayu. Sungguhpun majalah ini ada wakil-wakilnya di segenap pelosok negeri Melayu dengan penulis-penulis khasnya dari Johor, Perak dan Pahang tetapi pengaruh majalah ini tidaklah meresap ke seluruh akar umbi masyarakat Melayu memandangkan tidak semua mampu membaca penulisannya yang lebih mirip kepada gaya penulisan Arab walaupun rata-rata menggunakan bahasa Melayu. Kebanyakan pembaca majalah ini merupakan golongan agamawan, golongan terpelajar, lebih maju kedudukan sosialnya di kota-kota serta para pelajar madrasah.

Dalam tulisannya, Roff turut memaparkan perjuangan Kaum Muda turut membela nasib wanita. Tokoh Kaum Muda secara halus menerbitkan beberapa novel melalui penulis prolifiknya Syed Syeikh al-Hadi seperti *Hikayat Faridah Hanum* (1925) dan *Hikayat Puteri Nurul Ain*. Jelutong Press juga telah menerbitkan siri-siri cerita kehidupan seperti *Cherita Rokambul'* dan *Angan-Angan Kehidupan* untuk menyedarkan masyarakat peri pentingnya wanita mendapat pendidikan dan kebebasan yang lebih luas dalam kehidupan.

Walau bagaimanapun Roff mengatakan bahawa majalah *al-Imam* ini hanyalah satu majalah kritikan kepada bangsa Melayu yang didapati tidak mengamalkan Islam





dengan sempurna malah terlibat dengan perbuatan yang khurafat dan tidak langsung mengkritik penjajah British dalam pentadbiran mereka di Tanah Melayu. Namun begitu, penulis berpendapat *al-Imam* turut mengkritik penjajah. Roff mungkin tidak sedar istilah halus yang digunakan dalam *al-Imam* yang merujuk kepada penjajah sama ada British ataupun Belanda sebagai bangsa *ajanib* atau bangsa asing. Justeru, penulis tidak bersetuju dengan pendapat beliau tersebut kerana dalam *al-Imam* secara jelas mengkritik dasar-dasar penjajah sebagaimana kenyataan di bawah ini:

Maka awal masuk bangsa ajanib itu dirampasnya kekuatan harta...jika dapat juga kaya nescaya dicarinya jalan supaya jadi miskin. Keduanya, dirampasnya kekuatan askar hingga tiadalah umat Timur ini berkuasa kepada pekerjaan peperangan dan diruntuhkannya sebagai runtuh yang amat sukar membangunkan semula... ditutupnya pintu ilmu... supaya orang jangan jadi bijak dan cerdik.²³



Kadang-kadang dalam *al-imam*, penjajah British itu telah disindirkan sebagai serigala dan hal ini mungkin tidak disedari oleh Roff hingga beliau mengatakan *al-Imam* ini tidak mengkritik British. Antara kritikan halus *al-Imam* terhadap British adalah seperti berikut:

Maka telah buruklah keadaan dan bahaya [anak negeri tanah jajahan ini]; telah bersedialah serigala [penjajah] itu yang telah diajar untuk menghancurkan mangsanya serta mengawasi gerak-geri mangsa-mangsanya. Maka perlulah kita rakyat tanah jajahan berwaspada dan mengumpulkan kekuatan dan tenaga. Maka jika tidak kita bertolong-tolongan sedang umat [kita] golongan yang kecil maka binasalah kita dan rugi.²⁴

²³ “Talibul Ilmi” dalam *al-Imam*, Jilid 1, vi, Januari 1907, hlm. 169-173.

²⁴ *Al-Imam*, Jilid. I, viii, hlm. 253.





Mohammad Redzuan Othman dalam buku beliau yang bertajuk *Islam dan Masyarakat Melayu: Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*²⁵ turut menyentuh tentang peranan Kaum Muda yang mempengaruhi pemikiran orang Melayu. Beliau memperihalkan bagaimana idea *Pan-Islamisme*²⁶ turut mempengaruhi tokoh-tokoh reformis Melayu seperti Syeikh Tahir Jalaluddin, Syed Syeikh al-Hadi dan beberapa tokoh yang lain untuk menyedarkan orang Melayu betapa per pentingya membebaskan diri dari belenggu pemikiran yang mundur. Buku ini turut mengaitkan hubungan Sultan Abdul Hamid di Turki dengan orang Melayu khasnya hubungan antara Turki dengan Kesultanan Johor di bawah Sultan Abu Bakar.²⁷

Turki sebagai sebuah kerajaan khalifah umat Islam ini turut menyebarkan gagasan *Pan-Islamisme* dengan menghantar ulama-ulama Turki menggunakan badan-badan Islam dan menyalurkan dana untuk perkembangan Islam di Tanah Melayu dan Tanah Jawa di samping negara seperti Filipina yang turut meminta ulama-ulama Turki datang berkhidmat di negara berkenaan.²⁸ Walaupun idea *Pan-Islamisme* yang diperjuangkan oleh al-Afghani dan Sultan Abdul Hamid hanya berjaya mewujudkan kesedaran politik yang amat terbatas tetapi gerakan ini berjaya menimbulkan kesedaran dalam kalangan orang Melayu bahawa mereka adalah sebahagian daripada ummah yang sedang dilanda dengan pelbagai ancaman berikutan pencerobohan Barat.²⁹

²⁵ Lihat Mohammad Redzuan Othman, *Islam dan Masyarakat Melayu: Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2006.

²⁶ Jamaluddin al-Afghani merupakan tokoh yang bertanggungjawab kepada gagasan idea ini. Lihat Dwight E. Lee, "The Origin of Pan-Islamism", *The American Historical Review*, Vol.48, No.2 1942, hlm. 283. Slogan *Pan-Islamisme* digunakan untuk menyatukan masyarakat Islam bagi menentang pencerobohan Eropah dan seterusnya mengusir kuasa penjajah dari Asia. Perkataan *Pan-Islamisme* mula-mula sekali ditemui penggunaannya dalam tulisan Franz Von Werner dalam tulisannya yang bertajuk *Turkische Skizzen* pada Julai 1876 dan diterbitkan pada tahun 1877. Lihat Mohammad Redzuan Othman, 2006, hlm. 84 dan hlm. 104.

²⁷ *Ibid.*, hlm. 90-91.

²⁸ *Ibid.*, hlm. 98.

²⁹ *Ibid.*, hlm. 103.





Di dalam buku ini, Mohammad Redzuan turut mengaitkan peranan dan sumbangan pengaruh Mesir terhadap gerakan Kaum Muda. Pada tahun 1920-an dan 1930-an, pelajar-pelajar yang menuntut di Kaherah Mesir merupakan pemyumbang sumber kesedaran awal politik masyarakat Melayu. Tokoh-tokoh islah di Mesir berjaya menyebarkan pemikiran mereka kepada pelajar-pelajar dari Tanah Melayu. Iklim politik yang amat menggalakkan ini dan disertai dengan kemudahan pencetakan membolehkan para pelajar berkenaan menyebarkan pula kesedaran pemikiran berkenaan kepada penduduk Tanah Melayu. Kesedaran pemikiran ini bukan saja berkaitan dengan isu sosial dan ekonomi malah turut membabitkan kesedaran politik. Ini dapat dilihat apabila akhbar-akhbar yang diterbitkan oleh mereka di Tanah Melayu turut menyelitkan gambar dan berita perkembangan politik yang berlaku di Mesir terutamanya yang berkaitan dengan perjuangan kemerdekaan rakyat Mesir menentang penjajah Barat.

Jika diperhatikan buku Mohammad Redzuan ini, beliau turut menyentuh gerakan kesedaran kemerdekaan oleh Kaum Muda di Tanah Melayu yang dibangkitkan dengan penerbitan akhbar dan madrasah. Namun kajiannya agak umum dengan hanya menyatakan bahawa gerakan kesedaran menentang penjajah British mendapat sentuhan pemikiran ulama-ulama dari Timur Tengah tanpa merujuk secara langsung bentuk-bentuk gerakan berpolitik yang dijalankan oleh tokoh-tokoh Kaum Muda yang terlibat di Tanah Melayu dalam memberi kesedaran kemerdekaan kepada orang Melayu untuk menentang penjajah British.





Mohd Radzi Othman dan O.K. Rahmat turut menulis tentang peranan Kaum Tua dan Kaum Muda dalam kajian mereka.³⁰ Mereka berpendapat, pertentangan antara Kaum Muda dengan Kaum Tua pada zaman dahulu digalakkan oleh golongan penjajah yang sentiasa mengamalkan dasar ‘*devide et impera*’ (pecah dan perintah). Malah penjajah sememangnya takut dengan gerakan Kaum Muda ini yang cuba menyedarkan orang Melayu supaya bangun daripada tidur dan menuntut kemerdekaan.³¹ Buku ini turut mendedahkan persoalan konflik ilmu fikah dan aqidah antara Kaum Muda dan Kaum Tua yang berlaku di Tanah Melayu.³² Walau bagaimanapun, penulisan mereka lebih memberi tumpuan kepada aliran Kaum Muda di Perlis dengan mengaitkan mereka dengan aliran Ahlus Sunnah Wal Jamaah.³³ Aliran ini berkait rapat dengan aliran pembaharuan Islam yang bermula di luar negara seperti di Arab Saudi yang dibawa oleh Muhammad bin Abdul Wahab dan seterusnya dikembangkan ke negara umat Islam yang lain seperti Mesir dan India.³⁴



Di samping itu, Mohd Radzi Othman dan O.K. Rahmat turut menerangkan perkembangan aliran pembaharuan tersebut di dalam negara yang melibatkan beberapa buah negeri terutamanya Perlis. Di dalam buku ini penulisnya membuat beberapa kesimpulan berdasarkan soal selidik kepada masyarakat tempatan terutamanya di negeri Perlis. Antara dapattannya, negeri Perlis tidak terikat kepada pegangan bermazhab dan

³⁰ Mohd Radzi Othman dan O.K. Rahmat, *Gerakan Pembaharuan Islam: Satu kajian di Negeri Perlis dan Hubung Kaitnya dengan Malaysia*, Edisi Baharu, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2008.

³¹ *Ibid.*, hlm. 81.

³² *Ibid.*, hlm. 82-85.

³³ Ahlus-Sunnah wal-Jamaah dalam bidang fikah dan Usul al-Fiqh bermaksud sesuatu yang terbit daripada Rasulullah s.a.w yang mengandungi hukum hakam berupa dalil-dalil syarak yang melingkupi perkataan, perbuatan dan ikrar baginda. Dari segi bahasa pula bermaksud orang yang mengikut sunnah dan himpunan umat Islam. *Ibid.*, hlm. 48. Berdasarkan Jawatankuasa Syariah Majlis Agama Islam Negeri Perlis yang menyiarkan keputusan pada 18 April 1988, pengertian Ahlus-Sunnah Wal-Jamaah adalah kumpulan orang Islam yang berpegang kepada al-Quran, al-Sunnah dan pendapat para sahabat yang sepakat di atas kebenaran yang nyata daripada kitab Allah dan Sunnah Rasulullah S.A.W. *Ibid.*, hlm. 51.

³⁴ *Ibid.*, hlm. 10-28.





berfahaman *Ahlus-Sunnah* kerana pihak istana, pihak kerajaan negeri dan ulama di Perlis menyokong aliran tersebut berkembang dalam negeri berkenaan dan pengaruh Madrasah Alwiyah yang tidak menekankan aliran bermazhab Syafie di samping ketiadaan pondok-pondok yang didominasi oleh ulama aliran *Syafiiyah*.³⁵ Jika dinilai daripada buku ini, pengarangnya lebih memberi perhatian kepada kajian Kaum Muda dan perkembangannya di Tanah Melayu terutamanya di Perlis. Namun, aspek perjuangan tokoh-tokoh Kaum muda dalam menuntut kemerdekaan di Tanah Melayu tidak dipaparkan kerana bukanlah matlamat kajian tersebut ke arah itu. Sudah pastilah, buku ini tidak mengaitkan peranan yang dimainkan oleh Kaum Muda untuk menyuntik semangat kesedaran kemerdekaan tersebut.

Istilah tajdid dan islah tidak dapat dipisahkan dalam kamus perjuangan Kaum Muda. Tajdid yang membawa maksud pembaharuan turut menjadi perbincangan mendalam dalam gerakan Islam. Di Tanah Melayu gerakan dan perjuangan Kaum Muda itu terjalin dengan kebangkitan kesedaran nasionalisme Melayu menjelang tahun 30-an. Pada masa itu perhatian gerakan Kaum Muda bukan hanya ditujukan kepada isu-isu agama, bahkan semakin meluas kepada bidang keduniaan seperti ekonomi dan politik. Buku *Sejarah Ikhtilaf Mazhab di Malaysia* karya Abdul Rahman Hj. Abdullah turut mengutarakan kajian perkembangan pemikiran tajdid dan islah. Apa yang menariknya dalam buku ini, Abdul Rahman menyatakan gerakan islah yang telah sampai di Tanah Melayu ini bermula sejak zaman Khulafa' al-Rasyidin lagi.³⁶ Gerakan pembaharuan atau islah ini bermula sejak dari zaman klasik lagi iaitu dilakukan oleh para sahabat nabi Muhammad s.a.w hinggalah kepada zaman moden Islam baik di Timur Tengah ataupun

³⁵ *Ibid.*, hlm. 243-244.

³⁶ Abdul Rahman Hj. Abdullah, *Sejarah Ikhtilaf Mazhab di Malaysia*, Shah Alam: Karisma Publication, 2010, hlm. 3.





pada zaman kesultanan Delhi di India. Gerakan pembaharuan ini tidak terhenti di situ sahaja malah ulama-ulama Kaum Muda dari Timur Tengah dan India ini meluaskan lagi pemikiran mereka hingga ke Tanah Melayu.

Di dalam buku ini, beliau menerangkan sejarah islah di Tanah Melayu bermula di Negeri-Negeri Selat diikuti Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu sehinggalah perkembangan terakhir pemikiran islah yang berlaku dalam konteks terkini di Malaysia khususnya di Perlis.³⁷ Menurut beliau lagi, Perlis sangat unik dalam gerakan islah berbanding negeri lain kerana dalam perlembagaan negeri ini, mereka berpegang kepada aliran 'Ahli Sunnah Wal-Jamaah yang tidak berpegang kepada mana-mana mazhab sebaliknya berpegang semata-mata kepada al-Quran dan al-Sunnah sahaja.³⁸ Daripada kedua-dua buku di atas, walaupun banyak membicarakan tentang gerakan islah atau tajdid yang dibawa oleh Kaum Muda di Malaysia khususnya di Perlis tetapi tidak menyentuh isu-isu politik yang ditimbulkan oleh ulama Kaum Muda dalam menuntut kemerdekaan negara daripada tangan penjajah.

Satu lagi penulisan yang mengupas perjuangan Kaum Muda dalam bidang pendidikan madrasah ialah Nabir Haji Abdullah dalam buku beliau yang bertajuk *Maahad al Ihya Assyariff Gunung Semanggol 1934-1959*.³⁹ Karya ini berjaya memperlihatkan penglibatan institusi pendidikan agama yang dipelopori Kaum Muda dalam mengisi arus perjuangan menuntut kemerdekaan terhadap pihak British. Maahad

³⁷ *Ibid.*, hlm. 86.

³⁸ *Ibid.*, hlm. 210-211.

³⁹ Nabir Haji Abdullah, *Maahad al Ihya Assyariff Gunung Semanggol 1934-1959*, Kuala Lumpur: Percetakan Khee Meng, 1976. Buku ini merupakan adaptasi Latihan Ilmiah beliau di Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia pada 1973 dan diterbitkan oleh pihak universiti pada 1976.





al-Ihya Asshariff yang berperanan sebagai institusi pendidikan keagamaan yang berjaya menyedarkan dan melahirkan ramai pejuang kemerdekaan. Penulisnya berjaya menyingkap sejarah dan membuktikan bahawa para guru agama yang terdiri daripada Kaum Muda di maahad ini memiliki semangat juang yang tinggi dalam pengisian perjuangan tuntutan kemerdekaan di Tanah Melayu. Buku ini turut membuktikan bahawa maahad ini menjadi nadi kelangsungan tuntutan kemerdekaan di Tanah Melayu yang ditunjangi oleh Kaum Muda.

Dalam penulisan buku ini ketokohan seorang tokoh Kaum Muda, Ustaz Abu Bakar al-Baqir diketengahkan dan berjaya menjadi pengerak bukan sahaja kepada institusi agama ini tetapi juga lahir sebagai tokoh nasional dalam memimpin parti politik Islam yang pertama di Tanah Melayu, iaitu Hizbul Muslimim (HM). Kehadiran Hizbul Muslimin amat digeruni oleh pihak British dan juga oleh golongan elit Melayu sehinggakan kehadiran Hizbul Muslimin dalam arus politik negara ditohmah sebagai amat berbahaya dan berbau komunis. Ini boleh dibuktikan melalui ungkapan kata-kata seperti berikut; '*Hubaya, Hubaya, Bahaya dari Gunung*' yang dilontarkan oleh Dato Onn Jaafar yang memimpin United Malays National Organization (UMNO) waktu itu.

Keterlibatan aktivis Hizbul Muslimin secara aktif dalam persada politik amat mengancam kedudukan British. Lantaran itu Ustaz Abu Bakar al Baqir, Ustaz Abrab Tamimi dan Ustaz Abdul Rauf bin Nur dipenjara oleh pihak British selama lima tahun di bawah Akta Darurat 1948.⁴⁰ Buku ini berjaya mengetengahkan peranan Ustaz Abu Bakar al-Baqir sebagai tokoh Kaum Muda yang berperanan besar membangunkan

⁴⁰ *Ibid.*, hlm. 198.





Maahad al-Ihya Assyariff dan mengkaderkan para pelajarannya mempunyai semangat kesedaran kemerdekaan. Namun begitu, buku ini hanya memberi tumpuan kepada Ustaz Abu Bakar al-Baqir selaku ulama Kaum Muda yang memberi semangat kesedaran kemerdekaan sedangkan masih ramai lagi tokoh-tokoh Kaum Muda yang tidak ditonjolkan termasuk peranan Dr. Burhanuddin al-Helmy yang juga tokoh Kaum Muda yang turut menuntut kemerdekaan Tanah Melayu.

Kajian tentang Kaum Muda ini tidak terbatas di Tanah Melayu sahaja tetapi turut meliputi polemik dengan Kaum Tua di Indonesia khususnya di Sumatera Barat. Saidul Amin menulis tesisnya yang bertajuk *Perdebatan Kaum Muda dan Kaum Tua di Minangkabau*.⁴¹ Walaupun kajian ini berkisar kepada persoalan Kaum Muda di Indonesia tetapi rentetan kajiannya membuktikan pengaruh Kaum Muda ini bermula di Indonesia dan menjangkau hingga ke Tanah Melayu. Ulama Kaum Muda di Indonesia turut berhijrah ke Tanah Melayu mengembangkan pengaruh aliran tersebut dengan menyebarkan dakwah dan mendirikan madrasah-madrasah. Menurut beliau, Kaum Muda adalah satu kelompok masyarakat di Tanah Melayu pada akhir abad ke 19 dan awal abad ke-20an yang ingin melakukan pembaharuan dalam Islam khasnya dalam masalah pemikiran, aqidah dan pendidikan.

Menurut beliau lagi, Kaum Muda mempunyai hubungan yang erat dengan pemikiran tokoh-tokoh pembaharuan Islam khasnya Ibn Taimiyah (729H/1328M) dan Muhammad b. Abdul Al-Wahhab (1115-1207H/1703-1792M). Kedua-dua tokoh ini memiliki peranan yang cukup besar dalam memurnikan akidah khususnya membentaras

⁴¹ Saidul Amin, *Perdebatan Kaum Muda dan Kaum Tua di Minangkabau*. Tesis Doktor Falsafah, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2002.





berbagai-bagai amalan bidaah, syirik, khurafat, tahyul dan lain-lain lagi. Di samping itu, tokoh-tokoh Kaum Muda di Nusantara turut mendapat idea pembaharuan dari Syeikh Jamal al-Din al-Afghani (1255H-1315H/1839-1897M) dan muridnya Muhammad Abduh (12666-1323H/1849-1905M). Daripada tesis ini dapat diperlihatkan kajian pengarangnya masih berkisar persoalan aqidah dan ibadah khusus dengan hanya memberi tumpuan konflik pendapat antara Kaum Muda dan Kaum Tua di daerah Padang dan Kota Tinggi di Sumatera Barat. Aspek-aspek yang berkaitan peranan Kaum Muda dalam memberi kesedaran kemerdekaan tidak dibincangkan dalam tesis ini.

Selain itu terdapat juga tesis peringkat Doktor Falsafah yang mengkaji tentang Kaum Muda di Tanah Melayu tetapi dengan memberi tumpuan kepada persoalan-persoalan pemikiran Kaum Muda dalam novel-novel Melayu. Hashim Ismail menyiapkan tesis beliau pada 2003 di Universiti Malaya yang bertajuk *Pemikiran Kaum Muda di Dalam Novel-Novel Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua*. Dalam tesis tersebut, beliau telah mengkaji pemikiran sembilan orang tokoh Kaum Muda dan novel-novel terkenal mereka seperti Syed Syeikh al-Hadi, Ahmad Rasyid Talu, Ahmad Kotot, Syamsuddin Salleh, Raja Mansor Raja Abdul Kadir, Ishak Haji Muhammad, Abdullah Sidek, Harun Aminurrasyid dan Abdul Kadir Adabi.

Dalam pengkajiannya, beliau menggarapkan beberapa pemikiran tokoh-tokoh Kaum Muda berkenaan yang meliputi aspek politik, ekonomi dan sosial masyarakat Melayu. Kaum Muda ini cuba membangunkan minda mereka itu agar bangkit daripada kesempitan kehidupan dan mengembalikan keagungan Islam dengan menolak penguasaan penjajah. Pemikiran Kaum Muda terpancar di dalam novel-novel berkenaan





seperti menghindari sikap-sikap yang negatif, kejumudan pemikiran, meninggalkan taklid, sikap ketaksuban sebahagian guru agama dan lebai pondok, memperjuangkan hak dan emansipasi wanita, reformasi pendidikan, menggalakkan masyarakat berjihad dan perjuangan mengembalikan kedaulatan Islam serta bangun menuntut pembebasan tanah air turut mendapat perhatian dalam penghasilan novel Kaum Muda.

Walau bagaimanapun, aspek pengkajian beliau lebih tertumpu kepada pemikiran yang digarapkan di dalam novel-novel Melayu sebelum Perang Dunia Kedua seperti novel *Hikayat Faridah Hanum* karya Syed Syeikh al-Hadi dan dalam novel-novel awal seperti *Putera Gunung Tahan* karya Ishak Haji Muhammad. Kajian ini hanya menyinggung sedikit tentang pemikiran yang cuba diubah oleh Kaum Muda agar bangkit menentang penjajah di dalam novel-novel islah berkenaan. Pengkajian hanya berkisar tentang sumbangan Kaum Muda dalam konteks kegiatan penulisan novel sastera dan bukan melalui wadah-wadah perjuangan politik ataupun medium lain seperti mendirikan madrasah dan menerbitkan akhbar. Persoalan perjuangan Kaum Muda dalam usaha menuntut kemerdekaan, cabaran dan tribulasi perjuangan tidak dibincangkan kerana tesis tersebut hanya memberi tumpuan kepada pengkajian pemikiran di dalam novel-novel Melayu sebelum Perang Dunia Kedua.

Demikianlah sebahagian daripada kajian lepas yang membicarakan perjuangan Kaum Muda baik dalam bidang politik, ekonomi mahupun sosial melibatkan masyarakat yang mendasari zaman perjuangan mereka. Kesimpulannya kebanyakan penulisan tentang Kaum Muda hanya berkisar kepada menyedarkan masyarakat untuk mempraktikkan Islam secara syumul dan Kaum Tua pula sebagai ulama tradisional yang merasakan orang Melayu perlu mengekalkan pegangan agama yang telah tersedia



dipraktikkan dalam masyarakat. Hanya segelintir pengkaji sejarah memaparkan perjuangan Kaum Muda secara tidak langsung dalam gerakan kemerdekaan di Tanah Melayu seperti menonjolkan tokoh-tokoh Kaum Muda dalam kajian mereka ataupun menonjolkan institusi pendidikan atau akhbar yang dipelopori oleh Kaum Muda. Namun begitu, tiada penulisan khusus yang memaparkan peranan Kaum Muda dalam memberi kesedaran kepada masyarakat Melayu mencapai kemerdekaan. Inilah lompong yang ditinggalkan oleh pengkaji lampau untuk penulis membuat kajian lanjut tentang sumbangan Kaum Muda dalam gerakan kemerdekaan ini.

Justeru, dalam tesis ini penulis akan cuba membahaskan perjuangan Kaum Muda dalam menggerakkan kesedaran masyarakat Melayu yang berjuang demi menuntut kemerdekaan Tanah Melayu. Di bawah tajuk Kaum Muda penggerak kesedaran kemerdekaan Tanah Melayu 1906-1957, penyelidik akan mengkaji latar belakang perjuangan Kaum Muda di Tanah Melayu dengan melihat apakah faktor-faktor yang mendorong perjuangan mereka hingga mencetuskan gerakan islah di Tanah Melayu. Di samping itu kajian ini turut mengkaji beberapa tokoh tersohor Kaum Muda di Tanah Melayu, apakah pendekatan gerakan ini dan tribulasi yang dihadapi oleh mereka untuk menentang penjajah British. Inilah lompong kajian

Oleh yang demikian itu sudah pastinya kajian ini mempunyai perbezaan dengan kajian Kaum Muda yang terdahulu. Kajian yang lampau lebih berorientasikan polemik-polemik yang berlaku antara Kaum Muda dan Kaum Tua dalam isu-isu keagamaan selain penyelidikan terhadap sumbangan Kaum Muda dalam kesusasteraan dan pendidikan berbanding kajian tesis ini yang melihat sumbangan Kaum Muda sebagai penggerak kesedaran kemerdekaan di Tanah Melayu.

1.8 Metodologi Kajian

Metodologi kajian ini berdasarkan kaedah kualitatif. Penulis menjalankan kajian dengan mengumpul dan menganalisis dokumen. Terdapat dua kaedah kajian yang dipilih dalam penyelidikan ini. Kaedah pertama adalah menggunakan sumber primer seperti surat-surat persendirian, keratan akhbar, majalah, dokumen, laporan tahunan, fail-fail kerajaan Negeri dan Persekutuan yang banyak diperoleh daripada Arkib Negara Kuala Lumpur dan cawangan-cawangannya.

Antara koleksi Surat Persendirian (SP) yang telah diteliti adalah seperti Surat Persendirian Syeikh Mohd. Tahir Jalaluddin (SP 10), Surat Persendirian Za'ba (SP 18) dan Surat Persendirian Syed Alwi al-Hadi (SP 24). Penulis turut mendapat dokumen rasmi, fail dan laporan tahunan daripada penyelia dan rakan-rakan yang pernah memperoleh bahan tersebut dari *The National Archive* dan *British Library*, London. Antaranya adalah seperti *The Malayan Bulletin of Political Intelligence* (CO 273), *Political Intelligence Journals* (CO 537), *Political Intelligence Reports* (CO 537) dan *Pan-Malayan Review* (FO 371). Di Arkib Negara Malaysia juga, penulis turut merujuk akhbar-akhbar lama seperti *Saudara*, *al-Ikhwani*, *Lidah Benar*, *Utusan Melayu*, *Berita Harian*, *The Malay Mail*, *Malay Tribune*, *Pelita Malaya*, *Majlis*, *Suara Islam* dan sebagainya.

Selain itu kajian juga dilakukan dengan menggunakan kaedah temu bual dengan responden yang mempunyai ciri-ciri yang diperlukan oleh kajian.⁴² Mereka mempunyai

⁴² Temu bual dijalankan secara tidak formal dan tanpa memerlukan protokol temu bual. Pengkaji merakamkan perbualan dan menjalankan transkripsi data, melakukan semakan dan mereduksi data.



kaitan darah dengan tokoh yang dikaji ataupun mengenali tokoh tersebut sama ada berdasarkan tempat kelahiran yang sama, hubungan guru dan murid ataupun yang mengenali tokoh semasa hayatnya. Temu bual yang dibuat secara tidak langsung ini dirakam untuk menyokong dan mengukuhkan penemuan sumber primer. Penggunaan kaedah temu bual yang berasaskan sumber lisan dapat menambahkan lagi koleksi sumber primer yang sedia ada. Hasil temu bual ini diyakini kerana sumber lisan ini dapat mengesahkan lagi dapatan daripada waris terhampir yang lebih mengetahui keadaan sebenar yang berlaku kerana mereka terlibat secara langsung dengan tokoh yang dikaji dalam kajian ini. Apatah lagi jika sumber primer tentang tokoh-tokoh tersebut sukar diperoleh daripada Arkib Negara Malaysia atau perpustakaan awam. Namun kelemahan sumber lisan ini adalah fakta yang diberikan kadang kala agak emosional di samping daya ingatan yang semakin berkurangan kerana faktor usia yang



semakin lanjut.

Dalam usaha mendapatkan sumber lisan ini, antara tokoh yang ditemu bual adalah seperti almarhum Tuan Guru Nik Abdul Aziz bin Nik Mat (Mantan Menteri Besar Kelantan), Puan Aniqah Rusyda binti Abu Bakar (anak Ustaz Abu Bakar Baqir), Dr. Sobri bin Salamon (anak murid Abu Bakar al-Baqir), Tuan Haji Ghazi Ahmad bin Abdullah (anak Maulana Abdullah), Tuan Haji Daud bin Said (Anak murid Maulana Abdullah Noh), Tuan Haji Hasyim (anak murid Maulana Abdullah Nuh), Tuan Haji Wan Muhammad (kenalan Maulana Abdullah Nuh) dan Tuan Haji Fauzi bin Abu Bakar al-Asy'ari (anak Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari).

Kaedah kajian kedua pula adalah dengan mendapatkan sumber sekunder dengan merujuk buku, jurnal, artikel, tesis, kertas kerja dan prosiding seminar di perpustakaan.





Kajian ini dilakukan untuk mengukuhkan lagi penulisan melalui kaedah primer. Usaha ini amat penting bagi memantapkan lagi kesinambungan antara sumber primer dengan sumber sekunder. Sumber-sumber ini diperoleh daripada perpustakaan universiti-universiti awam dan negeri di Malaysia. Semua bahan ini dapat membantu penyelidik melengkapkan lagi hasil kajian tesis sejarah yang bertajuk Kaum Muda Penggerak Kesedaran Kemerdekaan Tanah Melayu 1906-1957. Apabila semua sumber tersebut diperoleh, penulis mengolah tesis ini dalam bentuk laporan naratif deskriptif dan ditulis berasaskan tematik mengikut kesesuaian objektif.

1.9 Definisi Istilah



Menurut laporan British, Kaum Muda merupakan satu kegiatan yang dilakukan oleh reformis agama yang ingin mengembalikan masyarakat kepada al-Quran. Mereka menyeru masyarakat menghindari kegiatan yang bercanggah dengan Islam seperti kaum lelaki memakai emas dan sutera, merokok, pemborosan membina perkuburan dan pemujaan kubur para wali.⁴³

Laporan itu juga menyebut, Kaum Muda ini berkongsi kepercayaan dengan pengikut Wahabi di Arab Saudi pada abad ke-18 yang turut mengajak masyarakat kembali kepada al-Quran. Kaum Muda di Tanah Melayu ini merupakan satu kegiatan pembaharuan dalam pengajaran agama yang dilakukan di masjid. Konflik Kaum Muda

⁴³ Lihat Pahang Confidential. Fail Kaum Muda: Memo Residen British Selangor kepada Setiausaha Residen Perak, Negeri Sembilan dan Pahang daripada salinan Fail Federal State Confidential, 9 November 1937, 245/37 Sumber Arkib Negara Malaysia.





dan Kaum Muda terjadi ekoran kedua-duanya inginkan pengiktirafan dalam masyarakat setempat. Kaum Muda ini bukanlah satu kegiatan politik yang bahaya. Justeru mereka ini tidaklah perlu ditekan kegiatannya sebaliknya perlulah bertoleransi tetapi dibimbing kegiatan mereka.⁴⁴

Kaum Muda⁴⁵ merupakan gelaran kepada reformis Islam yang bergerak cergas di Asia Tenggara terutamanya di Indonesia dan juga di Tanah Melayu. Kajian William Roff mendapati, Kaum Muda dianggap sebagai golongan pembaharuan manakala Kaum Tua dianggap sebagai golongan tradisional.⁴⁶ Gerakan pembaharuan Islam yang melibatkan Kaum Muda di Tanah Melayu berpusat di kota-kota terutamanya di Singapura dan Pulau Pinang. Kaum Muda juga muncul hasil daripada kebangkitan arus kesedaran akibat persaingan ekonomi moden. Pengaruhnya merebak ke tempat-tempat



⁴⁴ *Ibid.*

⁴⁵ Gelaran ini diberi oleh masyarakat kepada sekumpulan anak-anak muda yang mendapat pendidikan dari Timur Tengah yang terpengaruh dengan perjuangan *Pan Islamisme* dan gerakan reformis Islam di bawah kepimpinan Sultan Abdul Hamid II. Walau bagaimanapun gelaran ini sebenarnya suatu panggilan bernada sinis kepada mereka untuk mengaitkan golongan ini dengan gerakan perjuangan Turki Muda yang jauh menyimpang daripada Islam di bawah kepimpinan Mustapha Kemal. Keterangan lanjut lihat buku Mohammad Redzuan Othman, *Islam dan Masyarakat Melayu, Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005, hlm. 113-114. Hamka turut menyangkal pandangan yang mengaitkan perjuangan Kaum Muda yang dipelopori pelajar dari Timur Tengah dengan Kaum Muda Turki (*Turkiyyatul Fatah*). Menurut beliau Kaum Muda di Turki itu bukanlah sebuah gerakan agama tetapi satu gerakan politik yang hendak memper'muda' kembali Turki yang telah tua dan nyanyuk. Ini berbeza dengan gerakan Kaum Muda di Indonesia yang merupakan gerakan agama Islam semata-mata. Lihat Hamka, *Teguran Suci dan Jujur Terhadap Mufti Johor*, Selangor: Pustaka Dini, Cetakan Semula 2010, hlm. 20-21. Manakala menurut Sidek Haji Fadhil pula penggunaan label ini bertujuan merendah-rendahkan perjuangan Kaum Muda walaupun perjuangan mereka ingin mengembalikan umat Islam ke jalan yang benar. Lihat Sidek Fadhil, *Ash-Syeikh Muhammad Abduh-Satu Tinjauan Kritis Terhadap Pemikiran dan Rumusan Mengenai Pengaruhnya Dalam Masyarakat Melayu*, Tesis M. Litt, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1978, hlm. 398-401.

⁴⁶ Kaum Tua merupakan golongan ulama tradisional yang amat dihormati dalam masyarakat Melayu. Mereka menerapkan amalan Islam sejak sekian lama. Kaum Tua menentang perjuangan Kaum Muda kerana pada pandangan mereka, pemikiran baharu Kaum Muda mengelirukan masyarakat yang sudah sebatu dengan amalan tradisi seharian. Lantaran itu Kaum Tua menganggap penafsiran baru tentang amalan agama sebagai satu usaha untuk memesongkan ajaran Islam dan juga mencabar kewibawaan mereka. Temu bual dengan Nik Abdul Aziz bin Nik Mat, bekas Menteri Besar Kelantan di kediamannya di Kampung Pulau Melaka pada 3 Mei 2013 jam 6.30 pagi.





lain di Semenanjung Tanah Melayu kerana mempunyai pengikut dalam kalangan guru agama yang mementingkan perubahan dalam masyarakat.⁴⁷

Menurut Nik Abdul Aziz bin Nik Mat pula, Kaum Muda merupakan satu panggilan yang diberi oleh masyarakat dahulu kepada sekumpulan anak muda yang menentang amalan bidaah⁴⁸ dan khurafat⁴⁹ di Tanah Melayu. Mereka ini menentang amalan-amalan yang tiada sandaran dalam Islam seperti membaca al-Quran di kuburan, membaca talkin, kenduri arwah dan tahlil pada malam ketiga, ketujuh dan malam keempat puluh hari.⁵⁰ Kaum Muda ini bukan sahaja membentaras amalan bidaah dalam masalah ibadat khusus tetapi juga menentang setiap amalan yang bercanggah dengan Islam baik dalam bidang ekonomi, politik dan sosial. Aliran gerakan membentaras gejala yang tidak Islamik seperti mana yang dibawa oleh Kaum Muda ini bukan sahaja wujud di Tanah Melayu tetapi gerakan membentaras amalan bidaah dan khurafat ini juga wujud di seluruh dunia Islam. Antara gerakan membentaras gejala bidaah dan khurafat di negara lain adalah seperti gerakan Wahabiyyah di Arab Saudi dan gerakan Kaum Muda di Indonesia dan Tanah Melayu.⁵¹

⁴⁷ William R.Roff, *The Origins of Malaya Nationalism*, New Haven and London: Yale University Press, 1967, hlm. 67.

⁴⁸ Bidaah merupakan perbuatan yang diada-adakan dalam agama dan tidak disebut ajaran tersebut dalam al-Quran dan hadis. Menurut *Kamus Dewan* edisi keempat, bidaah merupakan pembaharuan yang ada diterima dan ada pula yang bercanggah dengan ajaran Islam. Lihat *Kamus Dewan* edisi keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013, hlm. 181. Menurut Abdul Halim El-Muhammady pula, bidaah juga dimaksudkan dengan perbuatan yang tidak ada dilakukan pada masa Rasulullah S.A.W. Bidaah terdiri daripada bidaah Lughawiyyah dan bidaah Shariyyah yang melibatkan ibadat dan aqidah. Lihat Abdul Halim El-Muhammady *Pengaruh Madhab Shafi'I dan Masalah Kaum Muda di Malaysia*. Penerbit Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah, 1982, hlm. 36.

⁴⁹ Khurafat merupakan kepercayaan yang karut, dongeng dan tahyul. Lihat *Kamus Dewan*, edisi keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2013, hlm. 784.

⁵⁰ Menurut Nik Abdul Aziz bin Nik Mat, sepanjang pengajiannya, beliau tidak menjumpai mana-mana dalil yang menunjukkan Rasulullah S.A.W membaca talkin dan tahlil apabila ahli keluarga atau sahabat baginda meninggal dunia. Temu bual dengan Nik Abdul Aziz bin Nik Mat, bekas Menteri Besar Kelantan di kediamannya di Kampung Pulau Melaka pada 3 Mei 2013 pada pukul 6.30 pagi.

⁵¹ *Ibid.*





Menurut Khoo Kay Kim, Kaum Muda ini lahir daripada kesedaran Islam yang dibawa pulang oleh para pelajar Melayu ketika menuntut ilmu dalam bidang agama di Asia Barat.⁵² Manakala menurut Ishak Saat pula, aliran Kaum Muda di Tanah Melayu bukan sahaja dipengaruhi perjuangan dari Timur Tengah sahaja tetapi juga dari India dan Indonesia. Kaum Muda ini adalah satu gerakan Islam yang ingin membuat perubahan pemikiran dan gaya amalan kehidupan beragama yang sebenar. Golongan ini lahir daripada kesedaran Islam yang dibawa pulang oleh mereka yang menuntut ilmu dalam bidang agama terutama di Timur Tengah dan mereka ini terpengaruh dengan perjuangan yang diasaskan oleh Ikhwanul Muslimin di Mesir yang berusaha menentang pihak imperialis Barat.⁵³

Pandangan ini turut dipersetujui oleh Peter Riddell bahawa Kaum Muda ini adalah merujuk kepada golongan intelektual Melayu yang terpengaruh dengan aliran pembaharuan Islam di Arab Saudi, Mesir dan India. Lantaran itu, aliran pemikiran dan pergerakan ulama Kaum Muda ini sebahagian besarnya adalah sama dari segi pelaksanaan dengan apa yang berlaku di Timur Tengah iaitu kembali kepada al-Quran dan hadis, mengamalkan ijtihad dan meninggalkan taklid dalam menyelesaikan masalah hukum.⁵⁴

Menurut Hamka, istilah Kaum Muda ini lahir dari perkembangan pembaharuan agama di Indonesia dan perkembangan itu lebih awal berlaku iaitu sekitar penghujung

⁵² Khoo Kay Kim, "Semenanjung Tanah Melayu: Satu Kajian Politik, 1900-1941," dalam Zainal Abidin Wahid, *Sejarah Malaysia Sepintas Lalu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1977, hlm. 100.

⁵³ Ishak Saat, *Radikalisme Melayu Perak 1945-1970*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2011, hlm. 27.

⁵⁴ Peter Riddell, *Islam and the Malay-Indonesian World*, Singapore: Horizon Books, 2001, hlm. 88-89, Lihat juga Abdul Halim El-Muhammady, *Pengaruh Madhab Shafi'i dan masalah Kaum Muda di Malaysia*, 1982, hlm. 34.





abad ke-19 berbanding di Tanah Melayu pada awal abad ke-20. Di Indonesia gerakan pembaharuan agama ini dibawa dari Sumatera Barat oleh orang Minangkabau yang menuntut di Mekah. Generasi pertama gerakan ini dikenali dengan nama gerakan Kaum Paderi yang ingin menentang Belanda pada akhir abad ke-19. Manakala pada awal abad ke-20 pula, sekumpulan generasi kedua yang pulang dari Timur Tengah ini cuba membuat pembaharuan dalam masyarakat Minangkabau yang terlalu terikat kepada adat yang bercanggah dengan ajaran Islam sebenar. Antara tokoh tersohor yang ingin membuat pembaharuan dalam masyarakat ini ialah Syeikh Tahir Jalaluddin, Syeikh Abdul Karim Amrullah dan Haji Muhammad Jamil Jambek.⁵⁵

Mereka digelar oleh masyarakat ketika itu sebagai Kaum Muda kerana rata-rata mereka baru pulang dari Timur Tengah tersebut usianya adalah muda berbanding dengan ulama tradisonal yang lebih lanjut usianya. Istilah Kaum Muda ini terus berkembang dalam masyarakat kerana polemik-polemik hangat turut disensasikan oleh akhbar-akhbar yang dinaungi Kaum Muda seperti *al-Imam*, *Saudara*, *al-Ikhwān* dan *Suara Benar* yang mewakili akhbar Kaum Tua.⁵⁶

Ulama-ulama Indonesia seperti Syeikh Tahir Jalaluddin ini akhirnya berhijrah ke Tanah Melayu dan mengembangkan aliran ini kepada masyarakat hingga istilah Kaum Muda ini turut berkembang dan digunakan dalam masyarakat di Tanah Melayu. Ulama-ulama dan rakyat Indonesia yang datang ke Tanah Melayu ini sebahagiannya adalah rakyat biasa yang berhijrah untuk mencari kehidupan yang lebih baik, pelarian politik dan pejuang agama yang berhijrah demi menyelamatkan diri serta keluarga

⁵⁵ Hamka, *Teguran Suci dan Jujur Terhadap Mufti Johor*, Selangor: Pustaka Dini, Cetakan Semula, 2010, hlm. 21.

⁵⁶ *Ibid.*





daripada ancaman Belanda. Mereka akhirnya mendirikan penempatan negeri-negeri seperti Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Perak. Jika diperhatikan, boleh dikatakan sebahagian besar tokoh Kaum Muda yang lahir di Tanah Melayu mempunyai susur galur keluarga yang berasal dari Sumatera dan Tanah Jawa. Nama-nama seperti Dr. Burhanuddin al-Helmy, Za'ba dan Ustaz Abu Bakar al-Baqir walaupun mereka dilahirkan di Tanah Melayu tetapi ibu-bapa mereka berketurunan dari tanah seberang tersebut. Darah perjuangan datuk nenek mereka menentang Belanda mengalir dalam diri mereka dan perjuangan itu diteruskan apabila berdepan dengan penjajah British di Tanah Melayu pula.

Penulis juga berpendapat, perkembangan Kaum Muda di Tanah Melayu terus berkembang pesat apabila golongan pelajar dari Tanah Melayu aliran Kaum Muda yang mendapat pendidikan di Timur Tengah pulang ke tanah air. Namun begitu, perkembangan aliran ini bukanlah hanya melibatkan aliran pelajar dari Timur Tengah semata-mata tetapi mereka turut mendapat pengaruh daripada sistem pendidikan di negara-negara umat Islam lain seperti India, Mesir dan Indonesia yang sedang bangkit menghayati reformasi kehidupan Islam yang sebenar dan sedang rancak berjuang menyedarkan masyarakatnya untuk bangkit menentang penjajah. Justeru tidak hairanlah pelajar yang masih muda di Tanah Melayu yang menuntut ilmu di India, Indonesia, Mesir dan Mekah turut terpengaruh dengan gerakan ini hingga digelar sebagai Kaum Muda oleh masyarakat. Daripada dapatan kajian, penulis turut mendapati aliran Kaum Muda ini tidak hanya terbatas kepada mereka yang menuntut di luar negara sahaja tetapi pelajar yang mendapat pendidikan Inggeris dan aliran tempatan turut terdedah dengan perkembangan reformis dan perjuangan kemerdekaan yang berlaku di luar negara.



Za'ba dan Ustaz Abu Bakar al-Baqir adalah antara contoh tokoh Kaum Muda yang hanya menuntut di Tanah Melayu tetapi terdedah dengan perkembangan perubahan yang dibawa oleh gerakan reformis atau islah di luar negara. Hal yang demikian ini berlaku kerana hasil daripada bahan bacaan yang dilanggan mereka sama ada dibeli dari London ataupun Timur Tengah. Selain itu mereka turut terdedah dengan aliran ini ekoran berguru atau berkawan dengan ulama Kaum Muda seperti Syeikh Tahir Jalaluddin dan Syeikh Abdullah Maghribi yang giat mengembangkan aliran ini di Tanah Melayu.

Perbezaan konsep perjuangan Kaum Muda dan Kaum Tua di Tanah Melayu pada awal abad ke-20 adalah berdasarkan perkembangan sejarah penglibatan ulama dalam memberi sokongan atau tentangan terhadap pemerintah. Penglibatan pemimpin agama atau ulama ini mencorakkan sambutan pihak agama sama ada bekerjasama atau menentang pemerintahan British. Pemimpin-pemimpin tersebut dapat dibahagikan kepada dua kumpulan yang berbeza, bergantung pada dukungan dan pemikiran mereka. Kumpulan pertama merupakan pemimpin agama dan ulama yang menyokong institusi Kesultanan Melayu dan menerima kehadiran British. Mereka tidak pernah menggunakan kedudukan sebagai ulama atau guru agama untuk mengkritik perlakuan raja-raja yang tidak menjaga kebajikan orang Melayu dan British yang mengeksploitasi sumber ekonomi negara. Sebaliknya golongan agamawan ini bergantung kepada raja-raja untuk memperoleh kedudukan dan jawatan masing-masing baik di istana atau pejabat agama negeri. Golongan ini mempertahankan pemikiran tradisional Islam. Oleh itu mereka dikenali sebagai “tradisionalis.” Ulama ini bekerja sama dengan golongan istana, pegawai-pegawai yang mentadbir institusi agama seperti masjid, sekolah agama,



Majlis Agama Negeri dan Mahkamah Syariah. Oleh itu mereka dilindungi oleh sistem pemerintahan beraja di negeri- negeri.⁵⁷

Kumpulan kedua pula terdiri daripada pemimpin-pemimpin agama dan ulama yang berdakwah untuk membetulkan masyarakat Melayu yang mengamalkan Islam tetapi bercampur-aduk dengan adat kebudayaan yang tiada dalam ajaran Islam sebenar dan mengkritik pemerintahan beraja yang tidak menjaga kedaulatan Islam serta kebajikan orang Melayu. Kebanyakan mereka tidak bergantung kepada institusi kesultanan Melayu dan jabatan agama untuk meraih jawatan sebagai penguasa agama. Golongan ini dikenali sebagai “modernis” kerana mempunyai aliran pemikiran yang moden dan bertentangan dengan kaum tradisional. Mereka penggerak kepada pemodenan Islam di Tanah Melayu. Istilah yang terkenal yang digunakan dalam kalangan orang Melayu ialah Kaum Muda bagi kumpulan modernis dan Kaum Tua bagi kumpulan tradisional atau konservatif. Sama ada mereka ortodoks atau tradisional, penetapan klasifikasi tersebut hanyalah berdasarkan perspektif politik dan agama mengikut pemikiran moden Barat.⁵⁸

Namun begitu setelah penulis membuat kajian, bukanlah semua golongan yang bekerja di istana dan jabatan agama itu merupakan golongan tradisional dan pendukung aliran Kaum Tua. Hal ini demikian kerana terdapat golongan Kaum Muda yang turut bekerja di istana, jabatan agama dan juga mahkamah negeri. Di Kelantan, Haji Wan Musa yang merupakan tokoh Kaum Muda terkenal di Pantai Timur pernah menjawat jawatan Mufti Kelantan dari 1908 hingga 1916 pada zaman pemerintahan Sultan

⁵⁷ Ibrahim Abu Bakar, *Islamic Modernism in Malaya: The Life and Thought of Sayid Syekh al-Hadi 1867-1934*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1994, hlm. 13-14.

⁵⁸ *Ibid.*, hlm. 13-14.





Muhammad ke IV.⁵⁹ Begitu juga dengan tokoh tersohor Kaum Muda di Alam Melayu, Syeikh Tahir Jalaluddin mempunyai hubungan baik dengan istana Perak sehingga beliau berjaya menjawat pelbagai jawatan penting seperti di negeri Perak pada zaman Sultan Idris Syah seperti menjadi Pemeriksa Kiblat dan Kadi Mahkamah Syariah Perak.⁶⁰

Dalam konteks perjuangan Kaum Muda, perjuangan islah mereka bermula sekembalinya mereka ke tanah air masing-masing. Mereka mendapati masyarakat setempat mengamalkan Islam secara tidak syumul atau tidak menyeluruh. Malahan, orang Melayu terikat kuat kepada adat istiadat yang kadangkala bercanggah dengan kehendak agama seperti terdapatnya unsur-unsur bidaah dan khurafat yang boleh membawa kemunduran kepada masyarakat. Kaum Muda cuba untuk mengubah pemikiran masyarakat setempat agar kembali kepada ajaran Islam yang lengkap, meliputi segala aspek kehidupan baik dalam bidang ekonomi, sosial dan juga politik. Namun pembaharuan yang ingin dibawa ini tidak mudah untuk diterima oleh masyarakat Melayu yang begitu tebal dan sebatu dengan amalan-amalan Islam yang berorientasikan adat-adat Melayu lama.⁶¹

⁵⁹ Lihat Kel.K. 303/ 1916, minute British Adviser 29 April 1916.

⁶⁰ SP 10/16, Surat dari Imam Paduka Raja kepada Syeikh Tahir berhubung jawatan Kadi Besar Perak 6/1/1919. Lihat juga surat pelantikan Syeikh Tahir sebagai Pemeriksa Kiblat oleh Sultan Idris Murshidil Azam Shah pada 3 Oktober 1900 dalam catatan latar belakang dan riwayat hidup Syeikh Tahir Jalaluddin.

⁶¹ Antara adat-adat Melayu lama yang telah sebatu dikaitkan dengan ajaran Islam adalah seperti bacaan talkin, tahlil dan bacaan al-Quran di kubur. Temu bual dengan Tn. Hj. Fauzi bin Abu Bakar di rumah beliau pada 5 Mei 2016 di Taman Pekeliling, Kangar, Perlis. Beliau merupakan anak ketiga Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari. Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari merupakan seorang ulama Kaum Muda yang terkenal di tanah air dan menurut Tn. Hj. Fauzi, bapanya merupakan ulama Kaum Muda yang begitu tegas membentaras adat-adat Melayu lama yang tiada dilakukan oleh Rasulullah S.A.W seperti talkin dan juga tahlil.





Walaupun Kaum Muda dan Kaum Tua ini berjaya mendirikan pondok dan madrasah masing-masing serta berjaya membangkitkan kesedaran kemerdekaan atau nasionalisme dalam kalangan masyarakat Melayu tetapi wujud konflik dan pertembungan antara mereka sesama ahli agama.⁶² Justeru tidak hairanlah timbulnya tohmahan, takrifan atau penglabelan yang negatif dilemparkan antara satu sama lain. Antara tohmahan yang negatif terhadap Kaum Muda adalah mereka ini dianggap oleh Kaum Tua sebagai golongan yang tidak begitu faham tentang agama. Hal ini digambarkan seperti berikut oleh Sayyid Alwi al-Haddad, seorang tokoh Kaum Tua yang juga merupakan Mufti Kerajaan Johor.⁶³

Kaum Muda pada pertuturan orang-orang zaman ini adalah suatu kumpulan orang yang tiada mengerti dan faham tentang Islam. Mereka bersungguh-sungguh hendak menghampirkan dan menyatukan agama Islam kepada agama lain.⁶⁴



Sayyid Alwi menambah lagi dengan memberi beberapa tanda bagi mengenal pasti golongan Kaum Muda ini iaitu:

Setengah dari alamat mereka itu mereka marah-marahkan imam mazhab empat, membangkang ijma', menyebarkan masalah khilaf antara umat Islam supaya menambah porak poranda umat Islam dan bersungguh-sungguh mengamati serta mengambil susah dalam perkara yang kecil-kecil seperti talqin, tahlil dan lain-lain.⁶⁵

⁶² CO 537/1582/136697 Secret HQ Malaya Command, Weekly Intelligence Review, No. 36. Malay Nationalist Party, 4.

⁶³ Nama lengkapnya Dato' Sayyid Alwi bin Tahir al-Haddad lahir di Bandar Qaydin, Hadrmawt, Yaman pada 7 Ogos 1884. Pernah dilantik menjadi Mufti Kerajaan Johor dari tahun 1934-1941. Meninggal dunia pada 14 November 1962. Lihat Ismail Mat, "Dato Sayyid Alwi Tahir al-Haddad" dalam, *Ulama' Silam Dalam Kenangan*. Selangor: Malindo Printers Sdn. Bhd, 1993, hlm. 109.

⁶⁴ Sayyid Alwi bin Tahir al-Haddad, *Fatwa Mufti Kerajaan Johor*. (t.t.p), Bahagian Penerbitan, Jabatan Agama Johor, 1977, hlm. 397.

⁶⁵ *Ibid.*, hlm. 398-399.





Namun begitu Hamka yang merupakan ulama Kaum Muda tersohor Indonesia menepis dakwaan Mufti Johor tersebut secara berhemah tetapi tegas. Beliau menerbitkan satu tulisan yang bertajuk *Teguran Suci dan Jujur Terhadap Mufti Johor* untuk membersihkan fahaman negatif Kaum Tua terhadap Kaum Muda. Dalam usaha menepis dakwaan tersebut, Hamka menyifatkan Kaum Muda itu sebagai:

Hendak kembali kepada hulu agama iaitu kitab Allah dan sunah Rasulullah dan Kaum Tua hendak bertahan kepada taqlid kepada ulama-ulama yang datang di belakang. Kaum Muda memegang mazhab as-Syafie yang asli iaitu, “*iiza sah al hadis fahua mazhabi*” (apabila sahih hadisnya itulah mazhabku) sedang yang dikatakan Kaum Tua setia memegang *al-tuhfah* dan *al-nihayah* dan *minhaj* yang dikarang orang beratus tahun di belakang Syafie sendiri.⁶⁶

Namun begitu menurut Abdul Halim El-Muhammady pula, Kaum Muda itu adalah satu golongan yang ingin kebebasan sedikit sebanyak daripada kongkongan aliran taqlid dan hendak mengikut al-Quran dan al-Sunnah sahaja tanpa terikat dengan mana-mana mazhab. Menurut beliau, aliran *al-Madhhabiyyah* yang tidak terikat kepada mazhab yang dibawa oleh aliran Kaum Muda di Tanah Melayu ini jika dibiarkan berleluasa, dari segi keburukannya lebih banyak daripada kebaikan. Hal ini disebabkan mereka ini belum alim benar mengenai al-Quran, al-Sunnah, fiqah dan ilmu-ilmu Islam yang lain untuk muncul sebagai *mujtahid* atau orang yang boleh berijtihad. Oleh itu di Tanah Melayu, ulama tradisional memilih Mazhab Syafie sebagai mazhab rasmi adalah munasabah dan wajar untuk mengelak kekecohan dalam fikiran kaum muslimin dan melicinkan pentadbiran.⁶⁷

⁶⁶ Hamka, *Teguran Suci dan Jujur Terhadap Mufti Johor*, hlm. 97.

⁶⁷ Abdul Halim el-Muhammady, *Pengaruh Madhhab Shafii dan Masalah Kaum Muda di Malaysia*, 1982, hlm. vi.





Dari segi bilangan pendukung Kaum Muda di Tanah Melayu ini menurut Virginia Thompson tidaklah ramai. Kaum Muda ini hanyalah sekitar 100 orang sahaja pada awal selepas Perang Dunia Kedua. Hal ini dinyatakan oleh beliau seperti berikut:

*a party of about a hundred young Malays from the nascent middle class who attempted to progress along the Western lines against the blind prejudices of their elders. The conservative group, Kaum Tua, simply wanted to return to the old ways, and denounced the reformists as worse than idolaters and Christians.*⁶⁸

Namun begitu, penulis mendapati andaian di atas sukar dipertahankan kerana setiap tokoh Kaum Muda di Tanah Melayu seperti Syeikh Tahir Jalaluddin, Syed Syeikh al-Hadi dan Maulana Abdullah Noh turut mempunyai pengikut yang ramai walaupun diakui bilangan pengikut aliran ini adalah kecil berbanding bilangan pendukung aliran Kaum Tua. Hal ini memandangkan tokoh-tokoh Kaum Muda ini merupakan guru agama yang mengajar di surau-surau dan juga masjid serta mempunyai madrasah yang mempunyai pengikut yang ramai. Mereka juga turut menulis buku dan akhbar yang laris di pasaran. Sudah pastilah bilangan penyokong dan pengikutnya ramai.⁶⁹ Justeru adalah sukar diterima jika bilangan Kaum Muda di Tanah Melayu ini hanyalah sekitar 100 orang sahaja dan apakah kaedah atau indikator yang digunakan oleh Virginia Thompson untuk mengandaikan bilangan Kaum Muda di Tanah Melayu sedemikian jumlahnya sedangkan pengaruh Kaum Muda berkembang pesat di Perak, Perlis, Selangor Kelantan, Negeri Sembilan dan juga Pulau Pinang pada ketika itu.

⁶⁸ Virginia Thompson, *Postmortem on Malaya*, New York: The Macmillan Company, 1943, hlm. 304.

⁶⁹ Lihat I. Proudfoot, 1985 "Pre-War Periodicals: Notes To Roff's Bibliography Drawn From Governments Gazettes" dlm. *Kekal Abadi*, Kuala Lumpur, Vol 4. No. 4, Disember 1985, hlm. 5.





Terdapat pula pandangan yang mengatakan bahawa polemik Kaum Muda dan Kaum Tua ini sebenarnya adalah merupakan isu sensasi yang sengaja diada-adakan oleh British pada tahun-tahun sebelum Perang Dunia Kedua. Tujuan diwujudkan dua aliran fahaman ini adalah untuk menunjukkan perbezaan fahaman antara mereka yang berkisar dalam masyarakat dan bertujuan memecahkan penyatuan orang Melayu. Penggunaan istilah atau konsep yang sewenang-wenangnya ini akhirnya diterima oleh masyarakat setelah media akhbar mensensasikannya. Kaum Muda dan Kaum Tua ini saling berhujah dan bersandarkan kepada al-Quran dan hadis. Cuma Kaum Muda penafsirannya tidak terikat kepada sesuatu mazhab. Kesannya Kaum Muda dituduh memandai-mandai menafsir dan memudah-mudahkan kesucian al-Quran dan hadis serta dianggap golongan yang mentah.⁷⁰



Pendapat Nabir ini turut dipersetujui oleh ahli akademik seperti M. Radzi Othman dan O.K. Rahmat yang turut berpendapat pertentangan antara Kaum Muda dengan Kaum Tua pada masa penjajahan dahulu digalakkan oleh British yang sentiasa menganut dasar pecah dan perintah. Apatah lagi, kepentingan penjajah berada di tangan Kaum Tua yang tidak menentang mereka. Manakala Kaum Muda pula bersikap progresif serta anti penjajah.⁷¹ Kaum Muda ingin agar orang Melayu menghayati Islam agar ajaran Islam yang dinamik itu dapat membangkitkan kembali maruah mereka yang ditindas oleh pemerintah dan penjajah.

Justeru, penjajah tidak menyenangi Kaum Muda dan umat Islam itu kembali kepada al-Quran dan al-sunnah kerana kembali kepada ajaran Islam bermakna akan

⁷⁰ Nabir bin Haji Abdullah, *Maahad Il Ihya Assyariff Gunung Semanggol 1934-1959*, 1976, hlm. 13.

⁷¹ Mohd Radzi Othman, O.K.Rahmat. *Gerakan Pembaharuan Islam. Satu kajian di negeri Perlis dan Hubungkaitnya dengan Malaysia*. Edisi Baharu, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2008, hlm. 81.



menerbitkan perjuangan menentang penjajah yang beragama Kristian tersebut dan menyahkan mereka daripada menjarah hasil bumi umat Islam. Justeru, penjajah perlu memecahbelahkan orang Melayu dengan menakut-nakutkan Kaum Tua terhadap kebangkitan Kaum Muda. Bahkan kepada golongan raja, penjajah menonjolkan Kaum Muda itu bergerak hendak menghancurkan kekuasaan raja-raja yang sedia ada seperti mengambil alih peranan institusi jabatan agama di bawah penguasaan sultan di negeri masing-masing. Pandangan tersebut ada kebenarannya kerana British turut melakukan perkara yang sama di India untuk terus berkuasa dengan cuba melaga-lagakan rakyat India yang beragama Hindu dan Islam. Apabila polemik agama berlaku maka rakyat akan sibuk mempertahankan hujah dan pendirian tegas masing-masing dan melupai tindakan British yang menjarah bumi mereka.

Dari segi pendekatan, Kaum Muda menolak amalan bertaklid⁷² dan mereka berpandu kepada ijmak-ijmak daripada golongan ulama mujtahid⁷³ ataupun kepada ‘*consensus of the community*’. Berdasarkan kepada dua aliran yang berbeza ini berlaku polemik yang hangat dalam tempoh 30 tahun pertama pada awal abad ke-20. Perkara yang menjadi perbincangan antaranya adalah berkaitan soal talkin, lafaz niat, qunut,

⁷² Taklid bermaksud peniruan atau menerima pendapat orang lain berkenaan dengan sesuatu hukum tanpa mengetahui sebab dan dalilnya. Lihat Mohd Radzi Othman, O.K. Rahmat, *Ibid.*, hlm. 44. Menurut Asywadie, taklid melaksanakan pendapat orang tanpa mengetahui dalil yang memaksakan dia menerima pendapat itu seperti orang awam mengambil pendapat orang awam yang lain atau seseorang mujtahid mengambil pendapat mujtahid yang lain. Lihat Asywadie Syukur, Lc, H. M. *Perbandingan Mazhab*, Surabaya: P.T. Bina Ilmu, 1982.

⁷³ Mujtahid bermaksud orang yang berijtihad. Terdiri daripada dua kelompok iaitu Mujtahid Mutlak dan Mujtahid Mukayad. Mujtahid Mutlak merupakan ulama yang berkemampuan tinggi, mencakupi syarat yang cukup seperti menguasai bahasa Arab dengan baik dan berpengetahuan tinggi dalam ilmu al-Quran dan al-Sunnah serta mengetahui kaedah untuk menentukan hukum hakam yang ditetapkan oleh syarak. Mereka adalah seperti Imam Syafie, Imam Ahmad ibn Hambal, Abu Hanifah dan Imam Malik. Manakala Mujtahid Mukayad pula merupakan ulama yang berusaha memperoleh hukum dalam kes tertentu sahaja, tidak keseluruhan. Mereka tidak mendirikan mazhab malah mungkin mengikuti cara berfikir berdasarkan berbagai-bagai aliran mazhab tersebut. Yang diperlukan hanyalah pengetahuan dalam bidang keahliannya sahaja dan tidak memerlukan ilmu seluas Mujtahid Mutlak. Lihat Mohd Radzi Othman, O.K.Rahmat, *Ibid.*, hlm. 43.



fidyah sembahyang, adat istiadat perkahwinan yang membazir dan membaca al-Quran di kuburan setelah pengebumian.

Bagi Kaum Muda, perbuatan yang tiada dalam ajaran al-Quran dan hadis serta tidak dilakukan oleh para sahabat Rasulullah S.A.W adalah bidaah. Apabila Kaum Muda menegur Kaum Tua tentang hal yang dianggap sudah sebatil dalam masyarakat, Kaum Tua berasa tercabar. Seolah-olahnya golongan muda yang baru menamatkan pengajian di universiti ini cuba untuk membetulkan golongan tua yang terlebih dahulu mendapat pendidikan agama dan merupakan golongan yang sangat dihormati dalam masyarakat Melayu. Teguran tersebut menimbulkan reaksi yang panas dalam masyarakat kerana Kaum Tua merasakan kewibawaan mereka tergugat malah menganggap polemik ini boleh mengelirukan dan menimbulkan perpecahan dalam



kalangan umat Islam.

Dalam hal ini untuk membetulkan masyarakat, Kaum Muda tiada pilihan melainkan terpaksa menghalang kekeliruan, kekolotan yang boleh menghalang kemajuan umat Islam. Pada hakikatnya, Kaum Muda lebih suka mempersoalkan perkara-perkara yang lebih besar seperti isu membabitkan soal pendidikan, ekonomi, sosial dan politik yang harus diutamakan.⁷⁴ Namun begitu, Kaum Muda dituduh sehebat-hebatnya dengan dilabel sebagai kafir atau puak yang telah murtad. Sikap ortodok Kaum Tua ini berlaku kerana:

educated incumbents in the bureaucracy feel increasingly threatened by a younger, better, educated generations, is more subtle, but equally significant.

⁷⁴ Radin Soenarno, "Malay Nationalism 1900-1945," *Journal of South East Asian History*, Vol.1. No.1, March, 1960, hlm. 8.





*Even though their own elite status has been rationalized in terms of their education, they display, paradoxically, a form of anti intellectualism.*⁷⁵

Daripada pernyataan tersebut jelas menunjukkan Kaum Tua berasa terganggu dengan kehadiran Kaum Muda ini yang boleh menjatuhkan kredibiliti mereka sebagai golongan ulama yang sangat dihormati dalam masyarakat. Kebimbangan mereka menjadi lebih nyata apabila Kaum Muda ini cuba mengugat dan mencabar peranan institusi agama seperti pejabat agama, jabatan mufti dan termasuk pihak istana yang diberi mandat untuk menjaga hal ehwal agama Islam. Kaum Muda turut menentang Kaum Tua kerana sikap mereka yang menjadi penyokong kuat pihak aristokrat yang tidak menjalankan pemerintahan mengikut lunas Islam dan gagal membantu pembangunan umat Islam di Tanah Melayu. Mereka tidak berusaha untuk membantu kemajuan kepada orang Melayu yang ketika itu berada dalam kedaifan.⁷⁶



Perjuangan Kaum Muda ini ditentang hebat oleh Kaum Tua yang mengganggu Kaum Muda sengaja mencetuskan polemik yang remeh temeh dan turut melabelkan Kaum Muda ini sebagai sesat dan pro-Komunis.⁷⁷ Kaum Tua pula selesa dengan status quo dengan membawa ajaran Islam yang bermazhab Syafie dengan memberi tumpuan kepada ibadah khusus dan mempertahankan ajaran-ajaran yang telah bertapak lama dalam masyarakat. Kedua-dua golongan ini mempunyai hujah yang tersendiri terhadap sesuatu isu yang diperdebatkan. Perjuangan Kaum Tua mendapat restu pihak istana dan masyarakat setempat yang sudah sehati dengan ajaran yang sedemikian rupa.

⁷⁵ J.S.Coleman (ed.), *Education and Political Development*, New Jersey: Princeton University Press, 1965, hlm. 13.

⁷⁶ Kritikan ini dapat dilihat dalam majalah *al-Imam*, terbitan 14 April 1907.

⁷⁷ Lihat fail laporan polis "*Religious conflict in Mukim Paya Report*" oleh Ketua Kadi, Perlis. A.P. No 425/1349 pada 8/8/1349H bersamaan 26/4/1931M, Arkib Negara Malaysia.





Penulis berpendapat perjuangan Kaum Muda ini tidak tertumpu untuk membawa pembaharuan dalam isu-isu *furu'* yang bersangkutan dengan amalan-amalan ibadat khusus semata-mata. Malah Kaum Muda cuba mengerakkan kesedaran masyarakat untuk bangkit membangunkan kedudukan politik, ekonomi dan sosial masyarakat Melayu yang mundur dalam serba bidang. Kaum Muda melihat orang Melayu rata-ratanya kurang berpelajaran, miskin dan kurang berdaya saing dengan golongan imigran yang bersungguh-sungguh mengambil peluang membangunkan kedudukan mereka baik dari segi ekonomi, sosial dan politik.

Selain itu, Kaum Muda juga turut memberi kesedaran kebangsaan kepada masyarakat Melayu untuk menentang penjajah demi mencapai kemerdekaan melalui saluran berpolitik. Perjuangan ini sudah pasti tidak disenangi oleh British yang kluatir dengan gerakan kemerdekaan ini. Perjuangan Kaum Muda ini turut mendapat tentangan daripada golongan Melayu yang pro-British. Justeru tesis ini cuba menyingkap perjuangan Kaum Muda yang cuba menyedarkan masyarakat Melayu untuk menuntut kemerdekaan di Tanah Melayu ini sejak tahun 1906 lagi bermula dengan penerbitan majalah *al-Imam* hinggalah kepada tarikh kemerdekaan 1957.

Namun begitu usaha Kaum Muda untuk menanam semangat perjuangan ini terpaksa dibayar dengan harga yang mahal apabila sebahagian daripada mereka dipulau dan dihalau oleh masyarakat kerana pembaharuan yang ingin dibawa baik dalam kegiatan agama atau gerakan menuntut kemerdekaan tidak mendapat sokongan menyeluruh daripada orang Melayu. Malah sebahagian pemimpin Melayu turut





bersekongkol dengan British menentang perjuangan Kaum Muda yang ingin membuat perubahan dalam masyarakat dan menuntut kemerdekaan hingga akhirnya tokoh-tokoh Kaum Muda ini terpenjara.⁷⁸

Berdasarkan konsep dan takrifan tentang Kaum Muda, dapatlah disimpulkan bahawa mereka merupakan satu golongan yang mempunyai kesedaran agama untuk mengubah pemikiran dan amalan orang-orang Melayu agar selari dengan kehendak Islam yang sebenar sepertimana yang disaran dalam al-Quran, hadis, ijma' ulama dan bukannya mengikut amalan taqlid agama masyarakat yang terdedah kepada amalan bidaah dan khurafat. Mereka berusaha bekerja untuk mengubah cara dan corak berfikir umat Islam agar berfikiran terbuka dan mampu memajukan umat dalam bidang sosial dan ekonomi seperti membenarkan anak-anak perempuan menuntut ilmu, bersatu dan bekerja. Malah dalam bidang politik, Kaum Muda ini merupakan golongan yang terawal meniupkan kesedaran masyarakat Melayu agar bangkit menuntut kemerdekaan di Tanah Melayu.

1.10 Pembahagian Bab

Secara keseluruhan organisasi kajian yang bertajuk Kaum Muda penggerak kesedaran Kemerdekaan Tanah Melayu dari 1906 hingga 1957 ini mempunyai enam bab. Dalam bab pertama terkandung pengenalan, persoalan kajian, permasalahan kajian, objektif

⁷⁸ Raja Chulan dan Abdul Majid Zainuddin merupakan antara individu yang begitu rapat dengan pentadbiran British dan sentiasa memberi tekanan kepada Za'ba yang anti-British dan ingin memerdekakan minda orang Melayu daripada penjajahan Barat dan pihak istana. Begitu juga dengan Dato' Onn Jaafar, seorang bangsawan Melayu yang menentang perjuangan Kaum Muda ini melalui UMNO dan menentang Ustaz Abu Bakar al-Baqir yang menubuhkan Parti Hizbul Muslimin. Perbincangan lanjut dalam bab tiga kajian ini.





kajian, metodologi kajian, organisasi kajian, kepentingan kajian dan kajian lepas yang menunjangi penyelidikan ini. Dalam bab ini juga akan dapat mengenalpasti apakah permasalahan, kepentingan dan objektif kajian ini dilakukan. Selain itu daripada penelitian kajian lepas, dapat juga diketahui aspek manakah yang belum disentuh oleh pengkaji lampau berkaitan tajuk Kaum Muda. Setelah penelitan dilakukan, didapati terdapat lompang yang perlu diisi berkaitan dengan sumbangan Kaum Muda pada era kemerdekaan tanah air yang belum dikaji secara mendalam.

Bab kedua pula didahului dengan membincangkan sejarah awal perjuangan Kaum Muda di Tanah Melayu yang bermula pengaruhnya dari Timur Tengah, India dan juga Indonesia. Pengkajian diteruskan dengan melihat perkembangan pengaruh Kaum Muda di Tanah Melayu yang bermula di Singapura hingga ke negeri-negeri lain di Tanah Melayu. Penelitian juga akan dilakukan terhadap faktor-faktor luaran dan dalaman kepada kemunculan dan perkembangan Kaum Muda Tanah Melayu pada awal abad ke-20 tersebut.

Bab ketiga pula dimulai dengan mengkaji tokoh-tokoh pejuang Kaum Muda di Tanah Melayu. Kajian akan menelusuri tokoh-tokoh Kaum Muda yang mendapat pengaruh daripada pelbagai aliran seperti dari Timur Tengah, India, British ataupun aliran tempatan. Antara tokoh Kaum Muda yang dikaji ialah Syed Syeikh al-Hadi, Syeikh Tahir Jalaluddin, Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari, Dr. Burhanuddin al-Helmy, Maulana Abdullah Noh, Za'ba dan Ustaz Abu Bakar al-Baqir.

Bab empat pula memaparkan perbincangan berkaitan pendekatan perjuangan Kaum Muda di Tanah Melayu. Kajian akan meneliti kegiatan penerbitan mereka dengan





memberi tumpuan kepada penerbitan majalah *al-Imam* dan juga majalah *Saudara*. Bab ini juga turut mengkaji kegiatan Kaum Muda dalam membangunkan madrasah dengan memberi tumpuan terhadap madrasah Kaum Muda yang paling berpengaruh dalam kegiatan politik di tanah air iaitu Maahad al-Ehya Asshariff. Selain itu turut disentuh juga peranan parti politik seperti Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), Hizbul Muslimin (HM) dan juga Parti Islam se-Malaya (PAS) yang digerakkan oleh tokoh Kaum Muda dan menjadi wadah kepada perjuangan rakyat untuk bangkit menuntut kemerdekaan menentang penjajahan British.

Bab kelima pula akan mengupas persoalan reaksi masyarakat terhadap perjuangan Kaum Muda di Tanah Melayu sama ada menerima atau menentang perjuangan tersebut. Kupasan turut melihat kepada kekuatan dan kelemahan perjuangan Kaum Muda dan diakhiri dengan mengkaji tribulasi atau cabaran yang dihadapi mereka dalam perjuangan untuk mengislahkan masyarakat dan memberi kesedaran menuntut kemerdekaan negara.

Bab keenam merupakan rumusan atau penutup kepada perbincangan Kaum Muda sebagai penggerak kesedaran kemerdekaan di Tanah Melayu. Bahagian ini memuatkan kesimpulan berkaitan segala perbincangan yang dimuatkan dalam bab-bab yang lepas disamping juga akan menjawab persoalan dan objektif kajian. Selain itu perbincangan mengenai pelbagai penemuan dan dapatan baru yang terhasil turut dikupas dalam kajian tesis ini.





1.11 Kesimpulan

Sejarah kewujudan Kaum Muda di Tanah Melayu wujud sekitar awal 1900-an lagi apabila segelintar pelajar Melayu ini mendapat pendedahan menuntut ilmu di Mekah, Mesir dan juga India. Mereka mendapat sentuhan idea islah dan tajdid daripada ulama-ulama hebat di negara berkenaan. Apabila mereka pulang ke tanah air, para pelajar ini cuba untuk menerapkan pemikiran islah dan tajdid kepada masyarakat tempatan. Namun begitu, idea ini tidak disenangi oleh masyarakat yang telah sehati dengan ajaran ulama tradisional di kampung-kampung.

Apabila berlaku perbezaan pendapat dalam urusan menunaikan ibadah ini, kedua-dua golongan ulama di sering berkonflik dan berdebat untuk mencari jalan penyelesaian. Kesan daripada situasi tersebut, masyarakat telah menggelarkan kedua-dua kelompok ulama ini sebagai golongan Kaum Muda dan Kaum Tua. Pada peringkat awal sekitar 30-an, British tidak mengendahkan kegiatan Kaum Muda ini kerana perjuangannya tidak berorientasikan politik. Namun begitu, British mula memberi perhatian kepada aktivis Kaum Muda apabila mereka mula terlibat dengan penubuhan parti-parti politik di Tanah Melayu.

Kajian tentang Kaum Muda dan Kaum Tua ini banyak dikaji oleh para sarjana. Sarjana bidang kesusasteraan mengkaji peranan yang dimainkan oleh Kaum Muda dalam bidang penerbitan novel, hikayat dan juga majalah. Sarjana pengajian Islam pula mengkaji berkaitan isu-isu keagamaan yang diperdebatkan oleh Kaum Muda dan Kaum Tua disamping sumbangan mereka dalam bidang pendidikan Islam. Sejarawan turut mengkaji tentang perjuangan Kaum Muda ini tetapi kebanyakannya hanya





memberi tumpuan kepada biografi tokoh Kaum Muda ataupun sumbangan mereka dalam penerbitan buku, majalah ataupun mendirikan madrasah.

Sebaliknya kajian tentang perjuangan Kaum Muda tersebut dalam menggerakkan kesedaran kemerdekaan di Tanah Melayu ini masih belum dibuat kajian secara tuntas. Sebaliknya masih berkisar kepada sumbangan tokoh-tokoh Kaum Muda baik dalam bidang kesusasteraan, pendidikan dan juga politik. Berdasarkan kajian literatur, sumbangan penyelidik lalu banyak menyumbang maklumat yang penting untuk mengisi dunia penyelidikan sejarah di negara ini terutama berkaitan sejarah kemerdekaan tanah air. Diharapkan penulisan tesis yang bertajuk Kaum Muda Penggerak Kesedaran Kemerdekaan di Tanah Melayu 1906 hingga 1957 ini saling dapat melengkapi kajian tentang peranan Kaum Muda dalam masyarakat Melayu.





BAB 2

SEJARAH AWAL PERJUANGAN KAUM MUDA DI TANAH MELAYU



2.1 Pengenalan

Sejarah perjuangan kemerdekaan yang dipelopori Kaum Muda di Tanah Melayu bermula dengan gerakan islah dan tajdid. Gerakan Islah merupakan satu gerakan dakwah yang bertujuan untuk memperbaiki masyarakat agar mereka kembali kepada ajaran Islam sebenar sebagai satu sistem kehidupan. Perkataan ‘islah’ merupakan istilah bahasa Arab yang membawa maksud memperbaiki.¹ Islah juga merupakan satu keupayaan memperbaiki atau membersihkan Islam dari pemalsuan dan penyelewengan.²

¹Berasal daripada kata kerja *Aslaha, Yuslihu, Islahan* yang membawa maksud “membaiki kerosakan, menghilangkan permusuhan dan perpecahan dalam kalangan manusia atau memperindah sesuatu”. Lihat al-Khalil al-Nahwiyy, “Al-Mu’jam al-Arabiy al-Muyassar”, Tunis: Larus, 1991, hlm. 292, dalam Norahida Mohamed, *Muhammad Rasyid Rida: Pemikir dan Reformis Islam*, 2015, hlm. 4.

² Lihat Hassan Said Karmi, *Al-Manar and English-Arabic Dictionary*, Beirut: Longman Librairie Du Liban, 1970, hlm. 567.





Dalam Kamus Dewan, islah bermaksud penyelesaian perbalahan dengan jalan baik atau dengan jalan damai.³ Justeru, gerakan islah merupakan satu gerakan dakwah kepada masyarakat agar kembali ke arah membaiki kehidupan menurut ajaran Islam sebenar dan tidak terjerumus kepada kesesatan yang dicipta manusia sendiri seperti amalan syirik, bidaah dan khurafat.

Manakala istilah 'tajdid' bermaksud pembaharuan atau menyegarkan kembali kefahaman dan komitmen terhadap ajaran-ajaran agama sesuai dengan tuntutan zaman.⁴ Menurut Kamus Dewan, tajdid bermaksud pembaharuan iaitu menghidupkan kembali ajaran Rasulullah S.A.W yang semakin ditinggalkan akibat amalan bidaah.⁵ Gerakan pembaharuan ini merupakan gerakan yang tidak hanya berkisar kepada soal keagamaan bahkan meliputi soal politik, ekonomi dan sosial masyarakat. Dalam pengertian yang lebih luas, gerakan islah dan tajdid ini merupakan satu gerakan reformasi untuk membawa kebaikan dan perubahan dalam masyarakat untuk menghayati ajaran Islam. Pengaruh gerakan dakwah islah dan tajdid ini melanda umat Islam di Timur Tengah terutamanya di Arab Saudi dan Mesir yang akhirnya merebak di negeri-negeri umat Islam lain termasuk di Nusantara.

³ *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002, hlm. 501.

⁴ Abdul Ghani Hj.Shamsuddin, *Tajdid dalam pendidikan dan Masyarakat*, Kuala Lumpur: Persatuan Ulama Malaysia, 1989, hlm. 11. Tajdid berasal daripada kata kerja *Jaddada*, *Yujaddidu* *Tajdid* yang bermaksud memperbaharui sesuatu. Dalam bahasa Inggeris dikenali sebagai *renewal*, *renovation*, *reform*, *modernization*, *reorganization* dan *regeneration*. Lihat Abdul Rauh Yaacob, "Gerakan Islah dan Tajdid di Dunia Islam" dalam *Modul Sejarah dan Tamadun Islam PY1262*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006, hlm. 296.

⁵ *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002, hlm. 13 dan 47.





2.2 Perkembangan Kegiatan Kaum Muda di Tanah Melayu

Perjuangan islah dan tajdid telah bermula seawal kurun ke-13 lagi di negara umat Islam yang lain. Ibnu Taimiyah (1263-1328M) telah menggerakkan perjuangan islah dan tajdid ini di Damsyik, Mesir dan Hijaz. Perjuangannya disambung oleh anak muridnya Ibnu Qayyim al-Jauziyah (1292-1350M). Ibnu Taimiyah yang berasal dari Syria ini telah berhijrah ke serata negara Islam seperti di Mesir dan Hijaz untuk mengislahkan masyarakat Islam yang banyak terdedah kepada perbuatan khurafat dan dan bidaah.⁶

Di Arab Saudi, gerakan islah dan tajdid ini diteruskan oleh Muhammad bin Abdul al-Wahab (1703M) yang gerakannya dikenali sebagai al-Wahhabiyyah atau Wahabi. Ketika dalam pengajiannya, Muhammad bin Abdul Wahab sering mengkaji kitab-kitab Ibnu Taimiyah dan Ibnu Qayyim al-Jauziah dan tidak hairanlah beliau terdedah dengan pemikiran islah yang dibawa oleh ulama besar islah tersebut. Tujuan gerakan yang dicetuskan oleh Muhammad bin Abdul Wahab pada awal abad ke-12H/18M ini adalah juga untuk memerangi bidaah dan khurafat di samping menyeru kaum muslimin supaya kembali menghayati Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah.⁷ Pendokong gerakan tersebut lebih suka dikenali sebagai *al-Muwahhidun* yang

⁶ Ketika menunaikan haji, beliau menulis sebuah risalah berjudul *Manasik al-Hajj* yang menerangkan beberapa bidaah yang dilakukan umat Islam dalam ibadat haji. Beliau juga telah dipenjarakan di Mesir ekoran dakwahnya yang kontroversi dalam usahanya untuk mengislahkan masyarakat. Lihat Mohammad Kamal Abdul Majid, "Ibn Taymiyyah dan Sumbangannya kepada Islam" dalam *Tokoh-Tokoh Pemikir Gerakan Dakwah*. Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam. 1990, hlm.1 dan hlm. 8.

⁷ Nama sebenarnya Muhammad bin Abd al-Wahhab bin Sulayman bin Ali bin Muhammad bin Ahmad bin Rasyid at-Tamimi. Beliau lahir pada 1115H bersamaan 1703M di daerah 'Uyainah di Najd, Arab Saudi. Pemikiran beliau menghasilkan gerakan Wahabiyyah di Semenanjung Arab. Lihat Zakaria @ Mahmod Daud/ Ahmad Zaki Ibrahim, "Pemikiran Muhammad Abd al-Wahab dan Pengaruhnya Kepada Dunia Islam dalam Bidang Akidah dan Politik" dalam Mohammad Kamal Abdul Majid. *Tokoh-Tokoh Pemikir Gerakan Dakwah*. Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam. 1990, hlm. 21.





bermaksud gerakan penyatuan. Melalui pengaruh politik dan sokongan daripada Amir ‘Abd al-Aziz ibn Sa’ud yang menguasai politik di Arab Saudi ketika itu, pengaruh Wahhabi ini melebar luas dalam masyarakat.⁸

Gerakan ini mendapat perhatian apabila berjaya menguasai Madinah (1804) dan Mekah (1806) tetapi gagal mempertahankan dua kota suci ini dari gerakan tentera Muhammad Ali Pasha, Gabenor Uthmaniyah di Mesir. Sehingga 1818, gerakan *al-Wahhabiyah* atau *al-Muwahhidun* ini bertahan dan bangkit semula pada abad ke-19 dan berjaya menguasai Mekah dan Madinah. Namun apabila tamatnya Perang Dunia Pertama, Daulah Uthmaniyah runtuh dan Raja Husain menjadi pemimpin baharu di Hijaz.⁹



yang merosakkan akhlak dan akidah. Kegiatan pembunuhan, kezaliman, kepercayaan khurafat, bidaah dan syirik. Pemujaan terhadap kubur-kubur sahabat dan wali begitu berleluasa. Misalnya mereka bertawasul atau meminta berkat doa di kubur Zaid bin al-Khattab. Manakala kerajaannya pula tidak memerintah menurut hukum Islam malah melakukan kezaliman. Justeru, antara gagasan pemikiran Muhammad bin Abdul al-Wahhab adalah untuk mengembalikan masyarakat kepada Islam yang sebenar dengan mengajak umat supaya kembali kepada Islam sebagaimana yang dipegangi oleh generasi permulaan iaitu para sahabat dan tabi’ dan tabi’in. Selain itu beliau turut menyeru masyarakat untuk membersihkan akidah tauhid daripada sebarang bentuk

⁸Ahmad Zaki Abdul Latif, *Transformasi Gerakan Islah dan Dakwah di Timur Tengah dan di Malaysia*, Pusat Penerbitan Universiti (UPENA): Universiti Teknologi Mara, 2006, hlm. 13.

⁹ Abdul Rauh Yacob, “Hubungan Pemikiran Islam Timur Tengah dan Alam Melayu” dalam Farid Mat Zain, *Islam di Tanah Melayu Abad ke-19*, Shah Alam: Karisma Publication, 2007, hlm. 36.



syirik selain menegah mereka daripada bertawasul dengan perkara yang ditegah oleh syarak seperti bertawasul dengan wali-wali dan orang-orang soleh yang telah mati. Hal ini adalah berkaitan usaha beliau untuk menolak sebarang bentuk bid'ah dan khurafat dalam agama.¹⁰

Di samping itu Muhammad bin Abdul al-Wahab juga mengagaskan konsep ijtihad.¹¹ Baginya pintu ijtihad masih terbuka dan setiap Muslim yang berkeupayaan perlu berijtihad untuk merungkai kemaslahatan agama dalam masyarakat. Selain itu umat Islam perlu berjihad untuk membebaskan tanah air daripada cengkaman penjajah dan mewujudkan kesatuan politik Islam. Pengaruh gerakan islah ini terus melebar apabila umat Islam dari seluruh pelusuk dunia berkumpul di Mekah untuk menunaikan haji. Apabila jamaah haji ini pulang ke tanah air masing-masing, mereka turut membawa maklumat islah berkenaan dan menyebarkan fahaman tersebut kepada masyarakat termasuk di Tanah Melayu. Kesannya mempengaruhi ulama dan masyarakat Melayu untuk membaiki amalan dan kepercayaan mereka yang banyak diwarisi kepercayaan dan kebudayaan tradisional yang tentunya masih tebal dengan khurafat dan tahyul.

Kejayaan pemikiran Wahhabiyah-Ibn Taymiyah membentaras kepercayaan karut di Arab Saudi membawa inspirasi kepada golongan pembaharuan yang didukung

¹⁰ Mohamad Kamil Abdul Majid (ed), *Tokoh-Tokoh Pemikir Dakwah*. Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam, 1990, hlm. 24.

¹¹ Ijtihad bermaksud kajian atau penyelidikan untuk mengetahui sesuatu dengan sedalam-dalamnya (terutama hal agama). Lihat *Kamus Dewan Edisi ketiga*, 2002, hlm. 478. Dalam Fiqah dan Usul al-Fiqh, Ijtihad bermaksud menghabiskan kesungguhan dan keupayaan untuk sampai kepada hukum syarak dengan menggunakan dalil yang dapat diterima syarak. Lihat Mohd Radzi Othman dan O.K.Rahmat, 2008, hlm. 37. Konsep Ijtihad bukanlah boleh dilakukan oleh semua orang tetapi hanya kepada yang ahli dan cukup syarat ijtihad dari segi ilmu asas. Ilmu-ilmu ini semuanya perlu sebelum berijtihad dan mereka hanya berijtihad kepada hukum-hukum cabang yang berbeza sahaja. Lihat Abdul Halim El-Muhammady, 1982, hlm. 46.



oleh Kaum Muda di Tanah Melayu untuk membenteras amalan karut dan khurafat . Di Indonesia pula, kesan daripada kegiatan ulama Wahhabiyah ini mencetuskan Perang Paderi antara 1830-1838 yang melibatkan tentangan golongan adat yang dibantu oleh Belanda hingga membawa kepada kegagalan golongan Wahhabiyah.¹²

Gerakan islah dan tajdid ini turut melanda Mesir. Di Mesir, firkah gerakan islah yang dibawa oleh Syeikh Syed Jamaluddin al-Afghani (1839-1897) sekitar 1869 mencetuskan satu pemikiran baharu untuk melawan gerakan penjajahan Barat ke atas dunia umat Islam. Syeikh Syed Jamaluddin al-Afghani yang berkelana dari Afghanistan pergi ke Mesir untuk mengagaskan idea *Pan Islamisme* supaya umat Islam bangkit dari kemunduran dan bangun menentang penjajahan Barat, baik dari segi pemikiran ataupun fizikal. Beliau cuba menyebarkan idea berkenaan melalui penerbitan akhbarnya yang masyhur iaitu *al-Urwah Wuthqa* yang dijalankan bersama-sama dengan Syeikh Muhammad Abduh.¹³

Ketika berumur 18 tahun, Syeikh Syed Jamaluddin al-Afghani tinggal di India selama setahun dan di sini beliau mempelajari beberapa pendekatan dakwah termasuk mendalami ilmu sains dan bahasa Inggeris. Di India beliau melihat bagaimana rakyat India bangkit menentang British dan memikirkan nasib umat Islam yang tertindas di bumi sendiri. British cuba meniupkan perpecahan rakyat India dengan mencetuskan konflik keagamaan antara Hindu dan Islam untuk mengelak rakyat India bersatu menentang mereka. Penjajahan dan kaedah sebegitu bukan sahaja berlaku di India tetapi

¹² Abdul Rauh Yaccob, "Hubungan Pemikiran Islam Timur Tengah dan Alam Melayu" dalam Farid Mat Zain, *Islam di Tanah Melayu Abad ke-19*, Karisma Publication: Shah Alam, 2007, hlm. 31.

¹³ Afif Azhari dan Mimien Maimunah Z, *Muhammad Abduh dan Pengaruhnya di Indonesia*, Surabaya: Al-Ikhlash, 1996, hlm. 20-21.





turut berlaku di negaranya sendiri, Afghanistan dan negara umat Islam lain di dunia ini.¹⁴

Ini menimbulkan kesedaran kepada beliau untuk menyatukan umat Islam seluruh dunia bagi menentang penjajahan Barat melalui perubahan sikap iaitu kembali kepada ajaran Islam yang sebenar. Untuk itu beliau berkelana dan menyebarkan pembaharuan pemikiran agar umat Islam di dunia bersatu padu mewujudkan persaudaraan Islam supaya umat Islam tidak bersengketa sesama sendiri. Idea ini merupakan satu pembaharuan berfikir dalam kalangan umat Islam yang amat mengusarkan Barat. Pada 1867 Syeikh Syed Jamaluddin al-Afghani menunaikan haji di Mekah dan kembali ke Afghanistan apabila diamanahkan jawatan sebagai Penasihat Amir Afghanistan. Pada 1869, beliau kembali ke India tetapi diarah keluar dari negara berkenaan kerana ceramah dan idea politiknya membimbangkan kerajaan India yang ketika itu dijajah oleh British.¹⁵

Ekoran itu, Syeikh Syed Jamaluddin al-Afghani berkelana ke Mesir. Idea dan pemikiran beliau menarik minat Sultan Abdul Hamid dan baginda menjemputnya ke Turki pada 1870 untuk berucap di Universiti Turkish. Setelah itu, beliau dilantik sebagai anggota Majlis Tertinggi Kementerian Pendidikan. Melalui jawatan tersebut, beliau ditugaskan memberi idea untuk memperbaiki sistem pendidikan Turki. Walau

¹⁴ Hashim Ismail, *Hermeneutik: Reaksi Reformasi Kaum Muda*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka 2010, hlm.58.

¹⁵ Syeikh al-Islam Husayn Afandi mengadu kepada Sultan Abdul Aziz tentang keraguannya terhadap pegangan aqidah Syed Jamaluddin al-Afghan yang dalam satu ceramahnya menyamakan antara *al-nubuwwah* (kenabian) dan *al-hikmah* (kebijaksanaan) kenabian yang boleh menimbulkan kekeliruan masyarakat Islam ketika itu. Akhirnya beliau diminta meninggalkan Istanbul untuk mengelakkan fitnah. Lihat Mahmud Abu Rayyah, "Jamal al-Din al-Afghani Ba'ith Nahdah al-Syarq", Dar al-Ma'arif, 1961, hlm. 17 dalam Mustaffa Abdullah, *Rasyid Rida Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2009, hlm. 17.





bagaimanapun pemikiran beliau tidak disukai oleh ulama-ulama Turki dan akhirnya beliau diarah keluar dari Turki.¹⁶

Walaupun beliau dihalau dari India dan Turki tetapi kerajaan Mesir menyambutnya sebagai ulama muktabar. Pada 1871 Syeikh Syed Jamaluddin al-Afghani dilantik oleh kerajaan Mesir sebagai ulama dan mendapat tempat dalam masyarakat terutamanya warga al-Azhar.¹⁷ Di Mesir, beliau menjadi guru kepada sekumpulan anak muda yang menuntut di universiti al-Azhar. Bagi beliau, ulama adalah pewaris nabi dan penunjuk umat ke jalan yang benar. Ulama tidak perlu takut kepada penguasa atau raja kerana raja hanyalah pemerintah lahiriah tetapi ulama adalah pemerintah batin sesuatu kerajaan. Sebagai ulama muda yang ketika itu berumur 31 tahun, sudah pastilah idea pemikirannya lebih segar dan terkehadapan berbanding ulama tua yang ada ketika itu di Mesir yang tidak memberatkan pemikiran moden untuk menaikkan martabat negara umat Islam. Di Mesir beliau mendidik masyarakat terutamanya pelajar al-Azhar tentang kebenaran ilmu Islam baik dalam bidang teologi, falsafah, undang-undang dan juga ilmu politik. Beliau turut menyedarkan masyarakat tentang bahayanya imperialisme yang boleh merosakkan negara bangsa terutamanya apabila Eropah mula berminat untuk menjajah negara umat Islam.¹⁸

Justeru, Syeikh Syed Jamaluddin al-Afghani menggalakkan anak muridnya menerbitkan majalah dan akhbar untuk dijadikan medium perubahan pemikiran

¹⁶ *Ibid.*

¹⁷ Charles C. Adams, *Islam and Modernism in Egypt*, New York: Russell & Russell, edisi baharu, 1968, hlm. 4-7.

¹⁸ Albert Hourani, *Arabic Thought in the Liberal Age 1798-1939*, Cambridge: Cambridge University Press, (Cetakan semula), 1983, hlm. 109 dan hlm. 132-133.





masyarakat agar menginsafi nasib umat Islam ketika itu. Dari gerakan tersebut lahir anak muridnya yang terkenal iaitu Syeikh Muhammad Abduh. Syeikh Syed Jamaluddin al-Afghani turut menyedarkan rakyat untuk mengubah pemerintah Mesir ketika itu iaitu Khedive Ismail Pasha. Beliau gagal mengurus negara dengan baik sehingga hutang negara begitu tinggi dan campur tangan Eropah pengawalan kewangan dan politik dalam pemerintahannya. Untuk mengimbangi beban hutangnya yang tinggi itu, Khedive Ismail Pasha mengenakan cukai yang tinggi sehingga menyebabkan munculnya gerakan rakyat untuk menggulingkannya.¹⁹

Namun begitu, tidak semua idea Syeikh Syed Jamaluddin al-Afghani dapat diterima oleh masyarakat Mesir. Malah ulama-ulama tradisional turut menentang idea pembaharuan beliau terutama dalam bidang falsafah. Bagi ulama sedemikian, pemikiran Syeikh Syed Jamaluddin al-Afghani adalah bahaya dan bertentangan dengan Islam. Sebenarnya tentangan ini berlaku kerana membahayakan pemerintah dan dasar British di Mesir. Gerakan islah melalui falsafah pemikiran berkenaan boleh menjatuhkan penguasaan Khedive Tawfik Pasha sebagai pemerintah baharu di Mesir sebagai pengganti bapanya. Beliau pada mulanya menggalu-alukan kedatangan Syeikh Syed Jamaluddin al-Afghani tetapi akhirnya turut menghalau ulama berkenaan dari Mesir pada 1879.²⁰

Pemikiran Syeikh Syed Jamaluddin al-Afghani turut tersebar ke Perancis, Iran, Russia dan Turki. Beliau mempunyai hubungan yang baik dengan setiap pemerintah di negara berkenaan sementelahan negara-negara tersebut menghadapi tekanan kuasa

¹⁹ *Ibid.*

²⁰ *Ibid.*





British. Ideologi *Pan-Islamisme* ini mendapat sokongan daripada rakyat dan pemerintah yang turut anti-penjajah kerana hasil peribumi mereka turut dibawa ke Eropah. Namun perjuangannya tidak berpanjangan kerana pada subuh 9 Mac 1897, Syeikh Syed Jamaluddin al-Afghani meninggal dunia di Istanbul, Turki kerana mengidap barah dagu.²¹ Pada 1945 pula jenazahnya dipindahkan ke Afghanistan.²²

Walau bagaimanapun idea islah ini terus diperjuangkan oleh anak-anak muridnya seperti Syeikh Muhammad Abduh (1849-1950) di Mesir.²³ Syeikh Muhammad Abduh menghafal al-Quran sejak berumur 12 tahun lagi dan pada 1866 beliau ke Cairo untuk belajar di al-Azhar selama empat tahun hingga menamatkan pengajiannya pada 1294H/1877M dengan mendapat ijazah *Alimiyyah* atau Sarjana.²⁴ Di al-Azhar beliau mendapat bimbingan Syeikh Syed Jamaluddin al-Afghani dalam bidang falsafah, sosial dan politik. Setelah itu beliau menjadi pensyarah di Dar al-Ulum pada 1876M di samping pengajar di al-Azhar. Namun begitu pada 1879 beliau dipecat dari tugasnya ekoran pemikiran reformisnya yang sering mengkritik kerajaan. Pemecatan beliau ini adalah pada tahun yang sama Syeikh Syed Jamaluddin al-Afghani dihalau dari Mesir.²⁵

²¹ Nikki R. Keddie, *Sayyid Jamal ad-Din al-Afghani-A Political Biography*. Los Angeles: University of California Press, 1972, hlm. 32-33. Namun terdapat juga pandangan yang mengatakan terdapat pakatan untuk membunuh beliau sehingga menyebabkan tokoh ulama Islah itu diracun di Istanbul. Lihat Mahmud Abu Rayyah, "Jamal al-Din al-Afghani Ba'ith Nahdah al-Syarq", Dar al-Ma'arif, 1961, hlm. 15-19 dalam Mustaffa Abdullah, *Rasyid Rida Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2009, hlm. 18.

²² Imam Munawwir, *Mengenal Pribadi 3 Pendekar dan Pemikir Islam dari Semasa ke Semasa*, Cetakan Pertama Surabaya: PT Bina Ilmu, 1985. hlm. 496.

²³ Nama sebenarnya Muhammad bin Abduh bin Hassan Khayrallah. Beliau dilahirkan pada tahun 1849/1265 di Kampung Mahallat Nasr yang terletak di daerah al-Buhayrah, Mesir. Ayahnya bernama Abduh bin Hassab Khayr Allah. Ibunya bernama Junainah binti Uthman. Lihat Syeikh Muhammad Abduh, *Risalah Tauhid*, terjemahan K. H. Firdaus A. N, (cetakan ketujuh) Jakarta: Penerbit Bulan Bintang, 1979, hlm. 17.

²⁴ Kusmin Busyairi, "Pembahasan Risalah Tauhid, Karya Muhammad Abduh", *al-Jami'ah*, No 29, Yogyakarta: Institut Agama Islam Negeri Sunan Kalijaga, tanpa tahun, hlm. 41.

²⁵ *Ibid.*, hlm. 42.





Pada 1880, Muhammad Abduh menjadi Pengarang Redaksi akhbar rasmi Mesir, *al-Waqai' al-Masriyyah* dan tempoh perkhidmatannya hanya selama sebelas bulan kerana pada 1882M, beliau turut dihalau dari Mesir kerana dituduh terlibat dengan pemberontakan Urabiyyah (1881-1882). Gerakan ini merupakan gerakan nasionalisme Mesir yang diketuai oleh Urabi Pasya bagi menentang Khedive Taufiq yang membuat pakatan bekerjasama dengan British. Setelah dipecat, beliau mengembara ke Beirut selama setahun dan akhirnya pada 1884M beliau ke Perancis kerana diundang oleh Syeikh Syed Jamaluddin al-Afghani.²⁶

Di Paris, Syeikh Muhammad Abduh menjadi pembantu editor majalah *al-Urwah Wuthqa*. Beliau menggunakan medium majalah *al-Urwah Wuthqa*, lidah rasmi yang dibina dahulu bersama-sama Syeikh Syed Jamaluddin al-Afghani.²⁷ Pada 1885 beliau dibenarkan kembali ke Mesir setelah mendapat pengampunan daripada Raja Mesir, Khazimi Taufiq Fasya dan dilantik memegang pelbagai jawatan seperti Hakim dan Mufti Mesir pada tahun berkenaan.²⁸ Setelah itu Muhammad Abduh menerbitkan majalah *al-Manar* dengan dibantu Rasyid Rida²⁹ pada 22 Syawal 1310 bersamaan 17

²⁶ Lihat Mohd Yaakub/Zulkifli Haji Yusoff, "Riwayat Hidup Muhammad Abduh dan Sumbangannya", dalam Mohamad Kamil Abdul Majid, *Tokoh-Tokoh Pemikir Dakwah*, Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam, 1990, hlm. 78.

²⁷ Majalah ini diterbitkan semasa Jamal al-Din al-Afghani dan Muhammad Abduh dalam buangan di Perancis pada tahun 1301H. Majalah ini hanya sempat diterbitkan selama lapan bulan dengan 18 bilangan kerana diharamkan oleh Perancis pada 1884M. British melarang pengedaran majalah ini di negara-negara Arab termasuk juga di India. Lihat Kusmin Busyairi, "Pembahasan Risalah Tauhid, Karya Muhammad Abduh", dalam *al-Jami'ah*, No 29, Yogyakarta: Institut Agama Islam Negeri Sunan Kalijaga, tanpa tahun hlm. 42.

²⁸ Amat Juhari Moain, "Reformasi Islam Yang Revolusioner-Muhammad Abduh", *Dewan Masyarakat*, Jilid VIII, Bil. 8, Kuala-Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1970, hlm. 34.

²⁹ Rasyid Rida nama penuhnya ialah Sayyid Muhammad Rasyid bin al-Sayyid Ali Rida. Beliau dilahirkan pada 27 Jamadilawal 1282H/23 September 1865M di Qalamun, Syria. Lihat Muhammad bin Abdullah al-Salman. 'Rasyid Rida wa Da'wah al-Sheikh Muhammad bin Abd al-Wahhab', Kuwait: Maktabah al-Ma'ala, 1988, hlm. 147, dalam Norahida Mohamed, *Muhammad Rashid Rida, Pemikir dan Reformis Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015, hlm. 15.





Mac 1898 untuk memberi kefahaman yang lebih meluas kepada masyarakat di Mesir.³⁰ Beliau yang terdedah dengan politik Islam ingin meluaskan fahaman berkenaan kepada umat Islam demi menghadapi penjajahan. Pengaruh idea islah Muhammad Abduh sebagai ulama Mesir yang hebat menjadi dorongan kepada mahasiswa Melayu di Mesir untuk membawa idea reformis tersebut balik ke tanah air. Ketika inilah idea reformis beliau dikutip oleh para pelajar dari Nusantara terutama dari Indonesia dan Tanah Melayu untuk mengembangkan idea tersebut di negara masing-masing. Jasa Syeikh Muhammad Abduh sungguh besar dalam gerakan Islam di dunia khususnya di Tanah Melayu kerana tokoh ini berjaya menggabungkan kebaikan ketamadunan Barat dan Timur untuk disesuaikan dengan perkembangan umat Islam yang masih kolot dan tidak terbuka menerima perubahan yang baik di luar dunia umat Islam.



berfikiran jumud seperti tidak menerima kemajuan sains dan teknologi yang dibawa oleh Barat, mempercayai khurafat, bidaah, taksub bermazhab serta menganggap pintu ijtihad telah tertutup. Walau bagaimanapun, gerakan *Pan-Islamisme* yang dicetuskan oleh Syeikh Syed Jamaluddin al-Afghani dan Sultan Abdul Hamid II gagal menyatukan negara umat Islam di bawah satu kesatuan yang mantap. Walaupun gerakan *Pan-Islamisme* ini berjaya menular ke Alam Melayu tetapi semangat penyatuan itu tidak begitu mendalam meresapi ke dalam masyarakat Melayu.³¹

³⁰ Al-Manar merupakan akhbar yang diterbitkan di Mesir oleh Rasyid Reda, murid Muhammad Abduh (1315H /1898M). Al-Manar merupakan penyambung dari majalah *al-urwah al-wuthqa* dalam cita-cita untuk kebangkitan Islam. Selain membangkitkan semangat, majalah ini juga memberi pandangan baharu tentang Islam. Di dalamnya juga dimuatkan tafsir al-Quran menurut sistem Muhammad Abduh. Majalah ini diterbitkan selama 40 tahun dan tersebar ke seluruh dunia serta dipandang sebagai pandangan Kaum Muda. Lihat Muhammad Imarah, *Mencari format peradaban Islam*, terjemahan oleh Muhammad Yasar dan Muhammad Hikam, Jakarta: PT Raja Grafindo Persada, 2005, hlm. 7.

³¹ Abdol Rauh Yaccob, "Hubungan Pemikiran Islam Timur Tengah dan Alam Melayu", dalam Farid Mat Zain, *Islam di Tanah Melayu Abad ke-19*, 2007. hlm. 36-37.





Dari Mesir, pengaruh gerakan islah dan tajdid ini turut berkembang ke negara umat Islam yang lain seperti di India, Libya, Sudan, Tanah Melayu dan juga di Indonesia. Di Indonesia, tokoh yang bertanggungjawab memperkenalkan perjuangan islah ini ialah Haji Muhammad Arif, Haji Abdul Rahman dan Haji Miskin Pandai Sikat. Mereka merupakan ulama muda dari Minangkabau yang pulang dari menunaikan haji di Mekah pada 1803M. Ketika menunaikan haji mereka menyaksikan gerakan Wahabi berjaya menghancurkan amalan-amalan musyrik dan apabila mereka pulang ke tanah air, didapati kehidupan masyarakat di Hijaz ketika itu turut rosak dengan amalan khurafat dan bidaah. Doa tidak lagi ditujukan kepada Allah tetapi disampaikan melalui tempat-tempat yang dianggap keramat. Perbuatan berjudi, merompak menjadi kegiatan kebiasaan di Sumatera Barat ketika itu. Akhirnya mereka cuba membuat pembaharuan agama dengan mengadakan pemurnian dalam bidang akidah dan moral secara menyeluruh.³²

Haji Muhammad Arif, Haji Abdulrahman dan Haji Miskin Pandai berdepan dengan penentangan golongan adat yang walaupun beragama Islam tetapi seringkali melakukan perbuatan yang bertentangan dengan agama. Kesukaran golongan islah ini berdepan dengan golongan adat adalah disebabkan mereka ini merupakan pemerintah dalam negeri masing-masing.³³ Walaupun mendapat tentangan daripada golongan adat tetapi idea pembaharuan mereka mendapat sokongan daripada ulama setempat dan masyarakat bawahan. Misalnya Haji Miskin mendapat sokongan daripada Tuanku Mensiangan dan Tunku Nan Renceh, Angku Mudo yang dikenali sebagai Imam Bonjol

³² Murodi, *Melacak Asal-Usul Gerkan Paderi di Sumatera Barat*, Jakarta: Logos, 1999, hlm. 85-86.

³³ Sutrisno Kuntoyo, *Tuanku Imam Bonjol*, Bandung: Angkasa, t.t, hlm. 8-10.





dan Datuk Bandaharo di Padang Lawas. Mereka bergabung bersama-sama dan dikenali sebagai “Harimau Nan Salapan” (Harimau yang berlapan).³⁴ Akhirnya perjuangan pembaharuan mereka dikenali sebagai golongan paderi.³⁵

Namun begitu, tidak semua golongan adat menentang golongan paderi ini. Buktinya Haji Miskin mendapat sokongan Datuk Batuah di Kampung Pandai Sikat, kampung kelahirannya untuk berdakwah dan membentaras kegiatan menyabung ayam. Hasil kerjasama mereka berdua, gelanggang menyabung ayam dibakar di Pasar Pandai Sikat. Ini menunjukkan golongan agamawan dalam golongan adat tetap tidak merestui perbuatan yang bergangah dengan agama walaupun kebanyakan golongan adat cenderung melakukan perbuatan yang bercanggah dengan agama.³⁶



dipelopori oleh Syed Syeikh al-Hadi, Syeikh Tahir Jalaluddin dan Haji Abbas Taha.³⁷ Di Nusantara, perjuangan gerakan islah dan tajdid ini rata-ratanya merupakan anak muda yang baru menamatkan pelajaran di luar negara, maka masyarakat telah melabelkan mereka sebagai Kaum Muda. Manakala kumpulan tradisional yang telah bertapak kukuh dalam masyarakat yang rata-ratanya lebih tua dilabel oleh masyarakat

³⁴ Steenbrink, *Beberapa Aspek Tentang Islam di Indonesia*, Jakarta: Bulan Bintang, 1984, hlm. 33. Lihat juga Muhammad Radjab, *Perang Paderi*, Jakarta: Nalai Pustaka, 1964, hlm. 16 yang mengatakan mereka terdiri daripada Tuanku Nan Renceh dari Kamang, Tuanku Lubuk Aur dari Candung, Tuanku Berapi dari Bukit (Candung), Tuanku Ladang Laweh dari Banuhampu, Tuanku Padang Luar, Tuanku Galung dari Suangi Puar, Tuanku Biaro dan Tuanku Kapau.

³⁵ Perkataan paderi berasal dari kata ‘Pidari’ iaitu kaum Ulama yang dahulu belajar Islam di Pedir, Aceh dan ada yang berpendapat berasal daripada perkataan “father” yang bererti “bapak” yang biasa diucap kepada kaum agama. Lihat Hamka, *Ayahku*, Jakarta: Uminda. 1982, hlm. 17.

³⁶ Kasmuri Selamat, “*Gerakan Pembaharuan Dalam Islam di Sumatera Barat: Suatu Kajian Perbandingan antara Gerakan Paderi, Kaum Muda dan Organisasi Persyarikatan Muhammadiyah*”, Tesis Ph.D, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006, hlm. 106.

³⁷ *Ibid.* hlm. 83-69. Lihat juga Zakaria dan Ahmad Zaki, “Pemikiran Muhammad ‘Abd al-Wahhab dan Pengaruhnya”, dalam Mohamad Kamil Abdul Majid, *Tokoh-Tokoh Pemikir Dakwah*, Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam, 1990, hlm. 111-142.





sebagai Kaum Tua. Istilah Kaum Muda dan Tua ini hanya popular di Nusantara terutama di Indonesia dan Tanah Melayu. Misi dan visi Kaum Muda ini adalah sama seperti gerakan islah dan tajdid di negara lain, cuma golongan pejuang gerakan islah dan tajdid di tempat berkenaan tidak dilabelkan sebagai Kaum Muda dan Kaum Tua.

Sebelum abad ke-20 lagi, masyarakat Melayu telah sehati dengan aliran tradisional yang bermazhab Syafie sejak Islam mula bertapak di Tanah Melayu. Pada awal abad ke-20, aliran tradisional ini dicabar secara terbuka oleh aliran moden atau *Salafiyah* dengan munculnya gerakan tajdid dan islah dari Timur Tengah. Kemunculan gerakan ini bertitik tolak daripada pengaruh pendidikan anak Melayu yang menuntut di luar negara dan pengaruh majalah, buku-buku yang dilanggan dari Timur Tengah dan Barat. Media penerbitan dari luar negara ini turut dibawa masuk ke Tanah Melayu oleh para pelajar yang menuntut di Timur Tengah, aliran Inggeris ataupun tempatan di Tanah Melayu.³⁸

Gerakan Kaum Muda di Tanah Melayu boleh dibahagikan kepada beberapa gelombang kesedaran. Gelombang pertama yang dirintis oleh Syed Syeikh al-Hadi.³⁹ Beliau menerbitkan *al-Imam*, lidah rasmi Kaum Muda.⁴⁰ Namun ada sarjana lain yang berpandangan, gerakan islah yang dibawa oleh Kaum Muda ini dipelopori oleh Syeikh

³⁸ Za'ba sering melanggan *Islamic Review* dari London. Lihat surat Za'ba kepada *The Manager Islamic Review*, *The Mosque Surrey*, England, 30 November 1918. Majalah bulanan ini menjadi suara rasmi The Muslim Mission of Woking Surrey, England, satu badan dakwah yang aktif menyebarkan fahaman reformis Islam pada peringkat antarabangsa. Manakala Ustaz Mahyuddin merupakan abang Ustaz Abu Bakar al-Baqir selalu mengirim surat dan majalah dari Mekah untuk membolehkan adiknya itu mengedarkan maklumat kepada pelajar Pondok al-Rahmaniah dan Maahad al-Ehya Assyariff tentang perkembangan kegiatan reformasi Islam yang dilakukan oleh Ibn Saud. Lihat Nabir, 1976, hlm. 32.

³⁹ Lihat SP 24/1, Syed Alwi dalam *Riwayat Hidup* yang mencatatkan Syed Syeikh al-Hadi dilahirkan di Melaka pada 1862. Ibunya berbangsa Melayu dan bapanya berketurunan Arab-Melayu berketurunan Hadhramaut.

⁴⁰ Radin Soenarno, "Malay Nationalisme 1896-1941", *Journey of Southeast Asean History*, vol 1, March 1960, hlm. 7.





Muhammad Tahir Jalaluddin (1869-1957) di Singapura.⁴¹ Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin tidak bergerak sendirian tetapi dibantu oleh rakan-rakannya yang berjaya menerbitkan *al-Imam*.⁴² Antara tokoh yang membantu beliau ialah Syeikh Muhammad Salim al-Khalili, Syed Sheikh al-Hadi, Syed Muhammad Aqil dan Hj Abbas Mohd Taha.⁴³

Sekembalinya dari Mesir, pelajar-pelajar yang mendapat inspirasi islah mula menjalankan amanah dan tanggungjawab untuk memberi kesedaran kepada orang Melayu agar kembali kepada ajaran Islam yang bersifat syumul. Kaum Muda berpendapat bahawa amalan yang tidak memiliki dalil atau nas adalah bidaah dan mesti dihapuskan seperti amalan khurafat dan semua ajaran yang tidak disaran oleh Rasulullah S.A.W sepanjang kehidupannya. Kaum Muda selalu menyeru kepada ijtihad dan pembaharuan pemikiran Islam. Ini didasari oleh banyaknya permasalahan ummah yang timbul hari ini tidak dijelaskan secara terperinci dalam nas. Untuk menjawab permasalahan atau soalan baharu ini memerlukan ijtihad.

Gelombang kedua pula diteruskan dengan perjuangan Kaum Muda untuk membangkitkan kesedaran nasionalisme Melayu untuk menuntut kemerdekaan. Perjuangan ini bermula sekitar 1920-an dan pada masa ini perhatian Kaum Muda bukan

⁴¹ Bachtiar Djamily, *Riwayat Hidup dan Perjuangan Syeikh Tahir Jalaluddin al-Falaki*, Jakarta: PT Kreasi Jaya Utama, 1994. Lihat juga Mohd Sarim Hj Mustajab, 'Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Falaki: Pelopor Gerakan Islah Islamiyyah di Tanah Melayu', *Malaysia in History*, vol XX, no. 11, December, 1977.

⁴² Beliau dilahirkan di Bukit Tinggi, Sumatera Barat pada 9 Disember 1869 (4 Ramadhan 1288H). Beliau belajar di Makkah selama 12 tahun dan telah tinggal di Mesir selama 4 tahun ketika menuntut di Universiti al-Azhar. Lihat Fadhlullah Jamil, "Pengaruh Pemikiran Syed Jamaluddin al-Afghani dan Syeikh Muhammad Abduh terhadap Syeikh Tahir Jalaluddin", dalam Suhaimi Abdul Aziz (ed.), *Syeikh Tahir Jalaluddin*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2003, hlm. 34-35.

⁴³ Abu Bakar Hamzah, *Al-Imam: Its Role in Malay Society 1906-1908*, Kuala Lumpur: Media Cendiakawan, 1990, hlm. 120-142.





hanya ditujukan kepada isu-isu keagamaan, bahkan semakin meluas kepada bidang-bidang yang lain seperti ekonomi dan politik. Majalah *al-Ikhwan* (1926) dan majalah *Saudara* (1928) yang dipimpin oleh Syed Syeikh al-Hadi turut memuatkan persoalan yang melibatkan politik, ekonomi dan sosial. Pada ketika inilah lahir keazaman Kaum Muda untuk menyedarkan masyarakat Melayu agar bangkit menentang penjajahan British. Tempias penentangan daripada gelombang ini turut dirasai oleh Kaum Tua dan juga pihak elit Melayu di istana yang tidak menentang kegiatan British menjarah bumi Melayu.

Untuk mendapat sokongan daripada golongan elit Melayu, British memberikan mereka kedudukan jawatan dalam kerajaan dan imbuhan bulanan setelah British mengambil alih pentadbiran di negeri-negeri Melayu. Para elitis yang tinggal di istana ini terleka dengan sedikit kedudukan dan kemewahan yang dihamburkan oleh British dengan janji-janji manis untuk menjadikan mereka sebagai pemerintah selepas ketiadaan British nanti. British tidak menjaga kebajikan orang Melayu di kampung. Hal ini tidaklah menghairankan kerana kehadiran British ini hanyalah untuk menjarah sumber ekonomi Tanah Melayu semata-mata dan bukan untuk menjaga kebajikan rakyat tempatan.

Pada ketika ini lahirlah tokoh-tokoh Kaum Muda aliran pendidikan Mesir, India, Inggeris dan tempatan di Tanah Melayu yang berjuang untuk memberi kesedaran kepada orang Melayu agar bangkit daripada kelapaan termasuk menuntut kemerdekaan. Nama-nama pejuang Kaum Muda seperti Ustaz Abu Bakar al-Baqir, Dr. Burhanuddin al-Helmi dan Maulana Abdullah Noh adalah antara nama yang berjuang menentang British sehingga terpenjara. Manakala Za'ba pula diugut buang negeri, disekat kenaikan





gaji dan jawatan ekoran beliau cuba menyedarkan orang Melayu dengan semangat kemerdekaan. Za'ba mengkritik British dan golongan istana yang alpa dengan kemewahan sehingga melupai negara dijajah British.

Perjuangan Kaum Muda di Tanah Melayu ini menggunakan pelbagai pendekatan untuk menyedarkan masyarakat Melayu. Pendekatan pertama yang digunakan adalah melalui pena. Syed Syeikh al-Hadi, Syeikh Tahir Jalaludin, Zaba, Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari menggunakan medium akhbar, majalah dan juga buku untuk menggerakkan masyarakat Melayu. Mereka cuba menyedarkan orang Melayu melalui pemikiran yang digarapkan di dalam akhbar, majalah dan buku-buku yang diterbitkan. Pendekatan kedua pula melalui pendidikan iaitu mendirikan madrasah. Syed Syeikh al-Hadi, Syeikh Tahir Jalaluddin, Ustaz Abu Bakar Baqir menggunakan



medium ini sebagai lanjutan daripada medium penerbitan.

Tokoh-tokoh seperti Maulana Abdullah Noh, Ustaz Abu Bakar Asy'ari, Ustaz Abu Bakar Baqir, Syed Syeikh al-Hadi turut membina madrasah-madrasah di tanah air untuk mengembangkan kesedaran Islam kepada masyarakat Melayu agar menghayati Islam seterusnya berjuang menentang penindasan penjajah. Medium yang terakhir tetapi berisiko tinggi adalah dengan melibatkan diri dalam kancah politik. Dr Burhanuddin al-Helmy, Ustaz Abu Bakar Baqir terjun ke dunia politik dengan menceburi PKMM, Hizbul Muslimin, PAS dan Zaba pula terlibat dengan penubuhan awal UMNO.

Perkembangan pengaruh Kaum Muda bermula dari Singapura apabila Syeikh Syed al-Hadi menerbitkan *al-Imam* pada 1906 bersama-sama dengan Syeikh Tahir





Jalaluddin, Syeikh Muhammad Salim al-Kalali, Syed Muhammad Aqil dan Haji Abbas Mohd Taha.⁴⁴ Selepas terhentinya penerbitan *al-Imam* pada 1908, Haji Abbas Mohd Taha turut menerbitkan majalah *Neraca* (1911) dan juga *Tunas Melayu* (1913) untuk menggerakkan kesedaran orang Melayu meneruskan kesinambungan perjuangan Kaum Muda.⁴⁵ Ini menunjukkan perjuangan Kaum Muda melalui medium akhbar dan majalah tidak terhenti begitu sahaja. Selain itu Kaum Muda di Singapura turut menubuhkan Madrasah al-Iqbal al-Islamiyyah pada 21 November 1907 di bawah naungan Raja Haji Ali dengan Mudir pertamanya Uthman Raf'at Affandi. Namun begitu disebabkan masalah kewangan ekoran kurangnya sambutan terhadap madrasah berkenaan akhirnya institusi tersebut dipindahkan ke Riau dan diberi nama Madrasah al-Ahmadiyah.⁴⁶

Perjuangan Kaum Muda berkembang di Melaka setelah Syed Syeikh al-Hadi menubuhkan Madrasah al-Hadi pada 1916 bersama-sama dengan Haji Bachik atau Haji Abu Bakar Ahmad. Pengaruh Kaum Muda berpusat di tiga daerah yang utama iaitu Banda Kaba (Melaka Tengah), Alor Gajah dan juga Jasin. Di Bandar Kaba, Haji Bachik yang merupakan lulusan al-Azhar mendirikan sekolah Arab. Beliau turut membawa guru-guru dari Mesir dan Sumatera untuk mengajar di sekolah tersebut. Pada 1936 beliau turut mendirikan Sekolah Puteri yang bukan sahaja mengajar pendidikan bercorak agama tetapi juga mengajar mata pelajaran bahasa Inggeris. Selepas kematian Haji Bachik, perjuangan Kaum Muda di Melaka diteruskan oleh anaknya, Haji Hashim dan Haji Sharif bin Sukkar.⁴⁷

⁴⁴ *Ibid.*, hlm. 120-142.

⁴⁵ Mohd. Sarim Hj. Mustajam, 'Satu nota tentang Haji Abbas Mohd Taha', *Malaysia in History*, vol.21, no.1, June 1978.

⁴⁶ Lihat *al-Imam*, bil 4, jilid 2, 8 Oktober 1907, hlm. 122 dan *al-Imam*, bil. 5, Jilid. 2, 7 November 1907, hlm. 154-158.

⁴⁷ Abdul Aziz Mat Ton, 'Kaum Muda di Melaka', *Jernal Sejarah*, Jld. XII 1973/74, hlm. 36-38.





Di Alor Gajah, kedatangan Syeikh Tahir Jalaluddin ke sana sekitar 1926 hingga 1927 di daerah berkenaan merencanakan lagi perkembangan pengaruh Kaum Muda ini. Kedatangan beliau menziarahi kaum kerabatnya di sana membuka lembaran baharu untuk membolehkannya mengislahkan masyarakat melalui kuliah di masjid dan surau sekitar Alor Gajah. Ekoran pengaruhnya yang semakin meluas, pengajarannya yang pada mulanya dijalankan dari rumah ke rumah akhirnya dipindahkan ke Masjid Jelatang di Kampung Baharu. Bimbang dengan perkembangan pengaruh Kaum Muda yang semakin meluas, berlakulah konflik antara Kaum Muda dengan Kaum Tua yang menyaksikan akhirnya berlakunya campur tangan Pegawai Daerah dan juga Residen British untuk meleraikan konflik pandangan antara Kaum Muda dan Kaum Tua tersebut.⁴⁸



Di daerah Jasin pula, kawasan-kawasan seperti Jasin Hilir, Sempang Kerayung dan Terentang menjadi pusat perkembangan kegiatan Kaum Muda. Haji Ahmad Amin (1905-1971) yang berasal dari Kampung Terentang menubuhkan Madrasah al-Tarbiyah al-Diniyah pada 1940 sebaik sahaja pulang dari menuntut ilmu di Mekah pada 1939. Namun, selepas Perang Dunia Kedua meletus, madrasah tersebut terpaksa ditutup. Hanya pada 1950 madrasah tersebut didirikan semula dengan nama Madrasah Ansar al-Sunnah dan juga Masjid Ansar al-Sunnah turut didirikan di kampung tersebut. Haji Ahmad Amin juga berhasrat menubuhkan Persatuan Ansar al-Sunnah Malaya tetapi pendaftarannya ditolak kerajaan. Malah pada 1953, buku Haji Ahmad Amin yang

⁴⁸ *Ibid.*





bertajuk *Tuntutan Ilahi* diharamkan oleh Jabatan Ugama dan Adat Istiadat Negeri Sembilan.⁴⁹

Di Pulau Pinang, perkembangan pengaruh Kaum Muda bertapak apabila Syed Syeikh al-Hadi berhijrah ke Pulau Pinang pada 1917. Pengaruh beliau terserlah apabila berjaya membangunkan Madrasah al-Mashoor menjadi sebuah madrasah yang moden yang menggarapkan subjek-subjek seperti bahasa Inggeris dan matematik berbanding pendidikan di Pondok yang hanya berorientasikan kitab-kitab lama. Asas penubuhan Madrasah al-Mashoor bermula daripada penubuhan Madrasatul al-Quran yang dibina di Lebuh Acheh pada 1916 oleh Syed Abdul Rahman Syeikh al-Habshee. Syed Syeikh al-Hadi menjadi pengetua Madrasah al-Mashoor al-Islamiyah pada 1917 hingga 1919.⁵⁰ Beliau dibantu oleh Syeikh Tahir Jalaluddin, Syeikh Abu Bakar Rafi' dan Syeikh Abdullah Maghribi sebagai tenaga pengajar di situ. Madrasah ini melaksanakan sistem pendidikan moden dengan mengintegrasikan pendidikan agama dan Inggeris.⁵¹

Seorang lagi tokoh Kaum Muda yang bernama Syeikh Abdullah Maghribi turut membuka Madrasah al-Huda al-Diniah pada 1935 berasaskan Mazhab Maliki. Pulau Pinang merupakan negeri yang subur dengan perkembangan perjuangan Kaum Muda kerana negeri ini tidak terikat kepada undang-undang percetakan sebagaimana negeri-

⁴⁹ Abdullah Hassan, "Haji Ahmad Amin 1905-1971: Tokoh Kaum Muda Jasin", Cheah Boon Kheng (ed.) *Tokoh-Tokoh Tempatan dan Dokumen-Dokumen dalam Sejarah Malaysia*, kertas berkala Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, no. 2, Universiti Sains Malaysia, 1982. Lihat juga Zainap Ibrahim, *Perkembangan Kaum Tua dan Kaum Muda di Jasin: Satu Kajian di Kampung Terentang*, Latihan Ilmiah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1983, hlm. 74-78.

⁵⁰ Shohana Hussin, "Tokoh dan Institusi Pendidikan Islam di Pulau Pinang", dalam Muhammad Salleh & Mahani Musa (ed.), *Masyarakat Melayu Pulau Pinang Dalam Arus Sejarah*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2016, hlm. 65.

⁵¹ Muhammad bin Daud, "Madrasah al-Masyhur al-Islamiyah, Pulau Pinang 1916-1969". Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1980. Lihat Rahim Osman, "Madrasah al-Masyhur al-Islamiyyah, Pulau Pinang", dalam Khoo Kay Kim et al. (ed.), *Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1979, hlm. 75-85, Lihat juga Ibrahim Abu Bakar, *Islamic Modernism in Malaya-The Life and Thought of Sayid Syekh al-Hadi 1867-1934*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1994, hlm. 119-131.





negeri dibawah penguasaan sultan. Di negeri-negeri di bawah penguasaan sultan, misalnya di Perak wujudnya kekangan yang berlaku seperti adanya undang-undang *Mohammadan Laws Enactment 1904, Section 9* yang melarang mengajar tanpa tauliah, mencetak risalah-risalah agama tanpa kebenaran. *Amending Enactment 1925* turut menegaskan sesiapa yang mencetak dan menerbitkan risalah agama tanpa mendapat kebenaran sultan boleh dipenjara atau didenda \$200.⁵² Memandangkan Negeri-Negeri Selat memberi kebebasan kepada dunia percetakan, aktivis Kaum Muda seperti Syed Syeikh al-Hadi menerbitkan pelbagai akhbar, majalah dan juga buku seperti *al-Tarikh al-Islami* (1912), *al-Ikhwan* (1926), *Saudara* (1928), *Hikayat Faridah Hanom* (1926) yang akhirnya beliau turut berjaya menerbitkan syarikat percetakannya sendiri iaitu *The Jelutong Press* pada 1927.⁵³



Di Pulau Pinang dalam perkembangan dunia politik, Kaum Muda dan Kaum Tua turut terlibat dalam kancah politik. Dalam perkembangan Parti Islam se-Malaya (PAS) di Pulau Pinang, berlaku pertembungan antara Kaum Muda dan Kaum Tua dalam parti berkenaan. Syeikh Abdullah Fahim yang merupakan Ketua Dewan Ulama PAS yang pertama, mewakili Kaum Tua berselisih pendapat dengan Syeikh Ibrahim Aqibi, Ketua PAS cawangan bandar Pulau Pinang yang mewakili Kaum Muda dalam beberapa isu khilafiah.⁵⁴

⁵² Mohd Khalil Hussein, *The Department of Religious Affairs, Perak*, Latihan ilmiah Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1958, hlm. 8.

⁵³ SP 24/1.Alwi, "Riwayat Hidup."

⁵⁴ Nama asalnya Haji Wantih bin Muhammad Aqib. Lahir pada 1899 di kampung Makam, Pulau Pinang. Beliau melanjutkan pelajaran di Mekah pada 1928. Lihat Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*. Penerbitan bersama Pusat Pendidikan Jarak Jauh USM dan Dewan Bahasa dan Pustaka. 1998, hlm. 271.





Hasil inisiatif Haji Ahmad Fuad Hassan selaku Yang Dipertua PAS pertama ketika itu yang juga pendukung aliran Kaum Tua, beliau menganjurkan satu Majlis Muzakarah Ulama Semalaya di Madrasah Daeratul Maarif al-Wathaniyah di Kepala Batas, Seberang Perai pada 1953. Syeikh Abdullah Fahim yang juga Mufti Pulau Pinang telah menyebarkan satu risalah tentang 16 isu khilafiah yang menimbulkan polemik antara Kaum Muda dan Kaum Tua. Antara isu-isu khilafiah tersebut adalah seperti bilangan rakaat terawih, talkin, lafaz niat solat, cara bayaran zakat dan bilangan jemaah solat Jumaat. Rentetan itu Haji Ibrahim Aqibi mencabar agar diadakan satu perdebatan dengan Ketua Dewan Ulama PAS tersebut untuk menyelesaikan konflik antara Kaum Muda dan Kaum Tua tetapi ditolak oleh Majlis Penasihat Islam Pulau Pinang.⁵⁵

Muzakarah Ulamak Se-Malaya yang berlangsung pada 4 Januari 1953 ini gagal mencapai objektif apabila ramai ulamak Kaum Muda tidak menghadirinya. Sebaliknya Kaum Muda menganjurkan satu muzakarah yang lain di Chung Ling School, Pulau Pinang pada 2-3 Mei 1953.⁵⁶ Untuk menangkis hujah Kaum Tua tersebut, Kaum Muda menerbitkan buku "*Risalah Penebas Bid'ah di Kepala Batas*" tulisan Sheikh Tahir Jalaluddin.⁵⁷ Selepas krisis tersebut, ramai Kaum Muda mula meminggirkan diri daripada PAS. Keadaan ini amat menguntungkan British dan UMNO apabila parti ini berpecah dan secara tidak langsung akan gagal mengugat kedudukan pengaruh mereka dalam masyarakat.

⁵⁵ Ibid., hlm. 271.

⁵⁶ Hashim A. Ghani, *Kata Berbalas Sesat dan Haram Bermazhab*. Kuala Pilah: KTF Institut, 1988, hlm. 60.

⁵⁷ Sheikh Tahir Jalaluddin, *Risalah Penebas Bid'ah di Kepala Batas*, Persama Press: Pulau Pinang, 1953.





Perkembangan Kaum Muda di Perak juga tidak kurang hebatnya apabila pengaruh Kaum Muda turut berkembang di negeri berkenaan walaupun mendapat tentangan daripada Kaum Tua yang mendapat tempat di istana dan jabatan agama negeri. Hal yang demikian terjadi apabila Sultan Perak menjemput Syeikh Tahir Jalaluddin menjawat pelbagai jawatan seperti menjadi Kadi, Hakim, Pemeriksa Kiblat.⁵⁸

Kehadiran Syeikh Abdullah Maghribi pada 1928 sebagai Mudir Madrasah Idrisiah turut mengembangkan lagi aliran Kaum Muda ini tetapi pengaruh Kaum Tua di dalam istana berjaya memecat beliau dan seterusnya diusir dari negeri Perak. Selain itu pengaruh penubuhan Madrasah al-Diniah di Padang Rengas dan Maahad al-Ehya Asshariff di Gunung Semanggol berjaya merekrut sebilangan besar para pelajar untuk meneruskan legasi perjuangan Kaum Muda. Dari Maahad al-Ehya Asshariff inilah tertubuhnya Hizbul Muslimin pada 1948 iaitu parti politik Islam yang pertama di Tanah Melayu.

Selain itu perkembangan perjuangan Kaum Muda di Selangor turut berlaku di Kampung Jenderam. Kaum Muda menjadikan Madrasah al-Ubudiyyah yang diasaskan oleh Haji Jalaluddin bin Ismail pada 1922 sebagai pusat kegiatan dakwah mereka. Beliau yang berasal dari Minangkabau merupakan ulama Kaum Muda yang bergerak dalam masyarakat menyebarkan kefahaman Islam. Selain itu perjuangan mereka ini

⁵⁸Lihat SP10-Catatan latar belakang dan riwayat hidup Syeikh Tahir Jalaluddin berkaitan karier beliau di Tanah Melayu. Dalam SP10/16 terdapat surat tawaran Imam Paduka Raja kepada Syeikh Tahir berhubung jawatan Kadi Besar Perak. Pada mulanya Sultan Iskandar Shah mahu jawatan tersebut diisi oleh anak Perak. Namun begitu, apabila Imam Paduka Tuan mengusulkan nama Syeikh Tahir Jalaluddin kepada baginda sultan, baginda begitu berbesar hati kerana mengetahui kewibawaan Syeikh Tahir Jalaluddin untuk menjawat jawatan berkenaan walaupun bukan diisi oleh anak Perak. Di dalam SP/10 ini juga direkodkan tentang surat pelantikan Syeikh Tahir sebagai Pemeriksa Kiblat oleh Sultan Idris Murshidil Aazam Shah pada 3 Oktober 1900.





adalah untuk menentang penjajah yang menjarah bumi umat Islam di Nusantara. Perjuangan mereka ini dapat digambarkan seperti berikut:

Sebenarnya di sini ada kumpulan agama yang berasal dari Minangkabau. Mereka menentang penjajah baik Belanda ataupun British. Semangat ini dipupuk sebaik mungkin kerana ada guru agama yang mengajar di situ datangnya dari Indonesia. Mereka ini sudah cukup masak dengan perjuangan. Selain itu gaya ajaran yang agak reformisme ini menjadikan sesetengah tuan guru di Selangor tidak senang hati. Mereka dianggap sebagai pengikut-pengikut ajaran sesat.⁵⁹

Gerakan Kaum Muda di Negeri Sembilan juga berkembang pesat di daerah Kuala Pilah. Kaum Muda di Kuala Pilah dipimpin Maulana Muhammad Maadah bin Layang (1895-1943).⁶⁰ Setelah menuntut di India, beliau menyebarkan firkah islahnya di Alor Gajah, Melaka pada 1933 dan kembali ke Kuala Pilah pada 1939. Beliau mengasas Madrasah Aliyyah Islamiyyah yang dikenali sebagai *High Islamic School* (HIS) di Kampung Pelanggai. Madrasah ini mempunyai dua cawangan iaitu Madrasah Islamiyyah di Sungai Dua dan Madrasah Jemaah Islamiyyah di Kampung Tengkek. Pada 1942, beliau menubuhkan kumpulan *Ittiba'us Sunnah*. Namun begitu, usia Maulana Muhammad Maadah ini tidak panjang apabila beliau telah meninggal dunia pada usia 48 tahun. Walau bagaimanapun fahaman Kaum Muda ini terus diperjuangkan oleh anak muridnya yang lain seperti Abdul Jalil Haji Salim, Abdul Malik Hussain, Abdul Aziz Mohd Yunus dan Hashim Abdul Ghani.⁶¹

⁵⁹Abdul Aziz Ishak, 'Jenderam, Nasionalisme dan Pelampau Agama', *Pembina Generasi*, Oktober/November, 1985, hlm. 24-25.

⁶⁰Beliau dilahirkan di kampung Tengkek dan mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Alor Keladi. Setelah itu beliau melanjutkan pelajaran di Universiti Aligarh (1920-1933). Lihat Kamaruddin Ibrahim, 'Al-Maulul Fadhal Lebai Mohammad Maadah bin Layang', *Jurnal Persatuan Muzium (Purba)*, bil.3, 1984.

⁶¹ Wan Nawang Wan Sulung, *Kumpulan Ittiba'us Sunnah di Kuala Pilah, Negeri Sembilan*, Latihan ilmiah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1983, hlm. 56-58.





Di Johor pula, Kaum Muda cuba meluaskan pengaruh pemikiran mereka namun ditentang hebat oleh ulama Kaum Tua yang ditunjangi oleh Dato Syed Alwi bin Tahir al-Haddad. Pengaruh aliran Kaum Muda mula berkembang pada 1907 apabila Syeikh Tahir Jalaluddin dijemput ke Johor untuk mengajar hukum hakam kepada hakim-hakim Johor. Sekitar 1918 hingga 1920, beliau sekali lagi dijemput menjadi guru di Sekolah Arab Parit Jamil, Muar.⁶² Walaupun Syeikh Tahir Jalaluddin cuba mengislahkan masyarakat dengan idealisme Kaum Muda tetapi tidak mendapat sambutan kerana ditentang hebat oleh ulama Kaum Tua yang telah sehati dengan ajaran Kaum Tua. Apabila Syeikh Alwi bin Tahir al-Haddad dilantik menjadi Mufti Johor pada 1934 konflik Kaum Muda dan Kaum Tua terus membara apabila Mufti Johor tersebut mengharamkan Kitab *Ibadah Rasullulah* karya Syeikh Abu Bakar Asy'ari, tokoh Kaum Muda dari Perlis yang dianggapnya sebagai mengelirukan orang ramai.⁶³ Rentetan daripada itu ulama Kaum Muda dari Indonesia, Syeikh Abdul Malik Karim Amrullah (Hamka) membalas tegurannya itu dengan menerbitkan risalah yang bertajuk "Tegurannya Suci dan Jujur Terhadap Mufti Johor" untuk menangkis pandangan tokoh Kaum Tua tersebut terhadap Kaum Muda.⁶⁴

Pengaruh gerakan Kaum Muda ini tidak terbatas berkembang di pantai Barat Tanah Melayu semata-mata tetapi turut berkembang di pantai Timur iaitu di Kelantan. Di Kelantan aliran ini berkembang ekoran pengaruh Mufti Kelantan ketika itu, Haji Wan Musa bin Abdul Samad dan anaknya Nik Abdullah bin Haji Wan Musa meluaskan

⁶² Lihat SP-"Diari 1909" tentang kerjaya Syeikh Tahir Jalaluddin sebagai guru dan pembimbing hakim di Johor.

⁶³ Majalah Semenanjung, 26 Zulhijjah 1377.

⁶⁴ Hamka, *Tegurannya Suci dan Jujur Terhadap Mufti Johor*, Singapura: Persatuan Muhammadiyah Singapura, Cetakan Pertama, 1958.





fahaman tersebut kepada masyarakat. Haji Wan Musa bin Abdul Samad yang pernah menuntut di Mekah amat terkesan dengan idea reformis Islah di Mesir yang dicetus oleh Syeikh Syed Jamaluddin al-Afghan, Syeikh Muhammad Abduh dan Syeikh Rasyid Redha. Malah beliau bersahabat baik dengan Syeikh Rasyid Redha dan mereka sering berutus surat untuk membincangkan isu-isu keagamaan. Manakala anaknya, Hj Nik Abdullah pula mendapat ajaran islah ini daripada Syeikh Ubaidullah al-Sindi yang mengembangkan ajaran Shah Waliullah al-Dehlawi, seorang ulama islah yang terkenal dari India. Walau bagaimanapun tentangan Kaum Tua begitu hebat di Kelantan hingga memaksa Hj Wan Musa meletak jawatan sebagai mufti. Kemuncak konflik antara Kaum Muda dan Kaum Tua berlaku apabila pihak istana turut terheret sama untuk menyelesaikan pertikaian antara mereka. Sultan Kelantan ketika itu, Sultan Ismail Ibnu Muhammad IV terpaksa mengadakan satu perdebatan di Istana Sri Cemerlang untuk menyelesaikan masalah tersebut.⁶⁵



Walaupun bagaimanapun, polemik tersebut tidak berjaya ditamatkan pada hari tersebut dan konflik Kaum Muda dan Kaum Tua terus berpanjangan dalam masyarakat. Selain itu aliran Kaum Muda ini turut dikembangkan oleh Maulana Abdullah Noh (1905-1947) di Pasir Puteh Kelantan. Beliau yang mendapat pendidikan dari India turut menubuhkan madrasah islah yang dikenali sebagai Madrasah al-Balaghul Mubin pada 1939. Pengaruhnya begitu luas dalam kalangan masyarakat dan beliau merupakan ulama yang sama-sama mengangkat senjata menentang British di bumi Kelantan pada zaman penjajahan Jepun tersebut.

⁶⁵ Nik Abdul Aziz bin Hj. Nik Hassan, *Perbincangan Tentang Jilatan Anjing: Suatu Perhatian dalam Islam di Kelantan*, Persatuan Sejarah Malaysia: Kuala Lumpur, 18983, hlm. 60-61. Keterangan lanjut perdebatan ini akan dihuraikan pada halaman 400-403.





Di Tanah Melayu pengaruh terkuat aliran Kaum Muda ini didapati berkembang di negeri Perlis. Aliran ini mendapat tempat dalam kalangan masyarakat kerana dinaungi oleh pihak istana, ahli politik yang mentadbir negeri dan ulama yang menguasai masjid. Tiga tokoh tonggak utama aliran Kaum Muda di Perlis dikenali sebagai “Tiga Mat” terdiri daripada Haji Ahmad bin Haji Muhammad⁶⁶, Wan Ahmad bin Wan Daud⁶⁷, dan Syeikh Ahmad bin Mohd. Hashim.⁶⁸ Manakala ulama Kaum Muda yang tersohor di Perlis dan negara ini ialah Syeikh Abu Bakar al-Asy’ari yang merupakan Imam Besar Masjid Alwi, Kangar.⁶⁹ Kejayaan gerakan Kaum Muda di Perlis ini terhasil apabila mereka berjaya mewujudkan “Kanun Ahli Sunnah Wal-Jamaah” dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis pada 26 Mac 1959. Pada 1963 dibuat satu peruntukan khas bahawa sebarang fatwa hendaklah berdasarkan kepada al-Quran dan al-sunnah dan bukannya kepada pegangan mazhab. Kemuncaknya ajaran “Ahli Sunnah wal-Jamaah” ini diperkukuh sebagai ideologi rasmi negeri Perlis pada 1964.⁷⁰

2.3 Faktor-Faktor Luaran Kemunculan dan Perkembangan Kaum Muda di Tanah Melayu

⁶⁶ Dikenali sebagai Haji Ahmad Hakim (1885-1964). Beliau dilahirkan di Mekah dan berkhidmat sebagai Hakim Besar Perlis dan pernah dilantik sebagai Yang Dipertua Majlis Agama Islam Perlis yang pertama.

⁶⁷ Beliau merupakan Speaker pertama Dewan Undangan Negeri Perlis dan Senator yang mewakili Negeri Perlis.

⁶⁸ Beliau merupakan Menteri Besar Perlis pertama dari 1959 hingga 1971.

⁶⁹ Syeikh Abu Bakar al-Asy’ari (1903-1970) dilahirkan di Bayan Lepas, Pulau Pinang. Mendapat pendidikan agama di Madrasah al-Mashoor dan melanjutkan pelajaran di Universiti al-Azhar selama 12 tahun. Temubual dengan Tn. Hj. Fauzi bin Abu Bakar di rumah beliau pada 5 Mei 2016 di Taman Pekeliling, Kangar, Perlis. Beliau merupakan anak ketiga Syeikh Abu Bakar al-Asy’ari. Untuk keterangan lanjut tentang Syeikh Abu Bakar al-As’ari lihat bab tiga tesis ini pada hlm. 168.

⁷⁰ Abdul Rahman Haji Abdullah, ‘Gerakan Islah di Perlis’: *Sejarah dan Pemikiran*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pena. 1989, hlm. 36-38.



Terdapat beberapa faktor luaran kemunculan dan perkembangan Kaum Muda di Tanah Melayu. Antaranya ialah pengaruh dakwah ulama Timur Tengah, India dan Indonesia. Selain itu pengaruh gerakan kemerdekaan di luar negeri turut menuntut golongan islah dan tajdid ini melancarkan jihad untuk menggerakkan kemerdekaan. Di samping itu kemunculan gerakan Islam seperti *Ikhwanul Muslimin* turut membawa pengaruh yang besar kepada perkembangan Kaum Muda di Tanah Melayu.

2.3.1 Pengaruh Ulama Timur Tengah

Mekah menjadi tumpuan utama para pelajar Melayu meneruskan pengajian dalam bidang agama.⁷¹ Ramai pelajar Melayu khususnya golongan muda datang ke Mekah untuk mengerjakan haji dan kesempatan ini digunakan oleh mereka untuk mendalami ilmu agama.⁷² Keadaan ini mendorong mereka tinggal di Mekah selama beberapa tahun dan ada yang mencapai puluhan tahun tinggal di sana bagi mencapai tujuan mendalami ilmu pengetahuan untuk menjadi ulama yang dikagumi. Setelah itu mereka kembali ke tanah air menyebarkan ilmu kepada masyarakat setempat.⁷³ Sejarah pengajian orang Melayu di Mekah bermula pada abad ke-17, apabila Syeikh Abdul Malik Abdullah dari Terengganu (1650-1736) datang belajar ke Mekah. Beliau tinggal di sana selama 12

⁷¹ Lihat Ismail Hamid, *Peradaban Melayu dan Islam*, Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1985, hlm. 47-48, Lihat juga Mohammad Redzuan Othman 1998, "The Role of Makka-Educated Malays in the Development of Early Islamic Scholarship and Education in Malaya", *Journal of Islamic Studies*, vol. 9, no.2, July 1998, hlm. 147.

⁷² Lihat Mohammad Redzuan Othman.1998, hlm. 146. Lihat juga Shafie Abu Bakar (1978), 'Ke arah Pembaikan dan Pengembangan Sistem Pendidikan Pondok di Malaysia', *Pendidikan Islam*, Bil 2, October 1978, hlm. 494.

⁷³ Lihat Md. Sidin Ahmad Ishak et.al, *The Malays in the Middle East*, Kuala Lumpur: Universiti of Malaya Press, 2000, hlm. 26. Lihat juga Ismail Hamid, *Peradaban Melayu dan Islam*, 1985, hlm. 47- 48.



tahun setelah menamatkan pengajian awalnya di Aceh dan merupakan murid kepada Abdul Rauf Singkel.⁷⁴

Sekitar akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20 peningkatan bilangan pelajar untuk mendalami ilmu agama begitu tinggi. Sepanjang tempoh itu juga, Hijaz atau Mekah muncul sebagai pusat pengajian penting bagi orang Melayu dan melahirkan ramai tokoh ulama terkenal yang berjaya menghasilkan karya-karya ilmiah dalam bidang agama.⁷⁵ Setelah kembali ke tanah air, golongan ini menyebarkan ilmu pengetahuan dan pengalaman yang ditimba semasa di Mekah kepada masyarakat tempatan. Mereka memainkan peranan utama untuk meniupkan semangat kesedaran sosial khususnya dalam memajukan masyarakat dalam bidang ekonomi, sosial dan juga politik. Usaha dan perjuangan ini membuahkan hasil apabila masyarakat Melayu mula menghayati ajaran Islam dan sedar bahawa membebaskan tanah air daripada penjajahan adalah satu tuntutan agama.

Walau bagaimanapun pada awal abad ke-20, kebanjiran pelajar Melayu menuntut ilmu ke Mekah berubah setelah Mesir muncul sebagai destinasi baharu pusat pengajian Islam. Kemunculan Mesir sebagai destinasi ilmu disebabkan kemunculan Universiti al-Azhar sebagai *Manar al-Ilm* dan *Ka'bah al-Ilm* (Menara atau Kiblat Ilmu) bagi dunia Islam dan disifatkan sebagai institusi pengajian agama yang berprestij. Bertitik tolak dari itulah ramai anak-anak Melayu datang ke Mesir untuk melanjutkan pelajaran di sana. Di Universiti al-Azhar, ulama-ulamanya menyebarkan pengaruh islah

⁷⁴Lihat Mohammad Redzuan Othman, 1998, hlm. 147.

⁷⁵Antara ulama Melayu yang banyak menulis kitab-kitab agama ialah Abdul Malik Abdullah, Muhammad Arshad al-Banjari, Nawawi al-Bantani dan Daud al-Fatani. Maklumat lanjut lihat Md. Sidin Ahmad Ishak, et.al, *The Malays in the Middle East*, Kuala Lumpur: Universiti of Malaya Press, 2000.





atau pembaharuan agar para pelajarnya bangkit menentang penjajah. Gerakan kesedaran umat Islam di dunia bermula apabila Sayyid Jamaluddin al-Afghani (1839-1897M) menjadi pensyarah di Universiti al-Azhar. Beliau merupakan ulama yang berfikiran moderat turut melancarkan ideologi *Pan-Islaminisme* yang bertujuan menyatukan pemerintahan Islam dan membangunkan mereka untuk pengaruh dunia Barat.

Di samping Syeikh Syed Jamaluddin al-Afghani, Syeikh Muhammad Abduh (1849-1905) yang merupakan anak murid Syed Jamaluddin al-Afghani juga merupakan tokoh moden di Mesir dan profesor yang bertanggungjawab mengkaderkan pelajar di Universiti Al-Azhar. Mula-mula Syeikh Muhammad Abduh belajar di al-Azhar mengikut kaedah lama. Setelah Syeikh Syed Jamaluddin al-Afghani mengajar di al-Azhar, corak pengajaran yang diterimanya berubah. Sejak itulah beliau menerima aliran baru tentang pelajaran agama, ilmu pengetahuan dan politik. Ketika terjadinya pemberontakan Urabi di Mesir (1881-1882M), Syeikh Muhammad Abduh turut campur tangan dalam pemberontakan itu. Beliau ditangkap lalu dibuang ke Beirut dan akhirnya berkelana ke Paris. Di Paris, beliau belajar dengan Syeikh Jamaluddin al-Afghani yang terlebih dahulu dihalau dari Mesir. Selepas mendapat pengampunan daripada Raja Mesir, Syeikh Muhammad Abduh kembali ke Mesir. Ketika itu kaum Muslimin terbahagi kepada dua golongan yang saling bertentangan iaitu golongan kolot yang tinggal di lembah kebodohan dan mengikut tradisi lama turun temurun serta tidak mempedulikan ajaran Islam.⁷⁶

⁷⁶ Lihat Mohd Radzi Othman & O.K Rahmat, 2008, hlm. 16.





Golongan kedua pula adalah golongan terpelajar yang mendapat pendidikan dari Barat. Mereka tidak tahu tentang Islam bahkan mencela dan mengatakan bahawa Islamlah yang menghalang mencapai kemajuan. Ketika itulah Syeikh Muhammad Abduh membangun golongan baharu yang menjadi orang tengah kepada kedua-dua golongan itu. Beliau menghendaki agar ilmu pengetahuan Barat diterokai oleh umat Islam tetapi tetap berpegang teguh kepada prinsip-prinsip agama yang sejati. Kemudian, Muhammad Abduh dilantik oleh menjadi hakim, Mufti Mesir dan menjadi pensyarah di Universiti al-Azhar dalam kuliah ilmu tafsir.⁷⁷

Pendekatan dakwah Syeikh Muhammad Abduh adalah tidak berkonfrontasi dengan budaya dan peradaban Barat. Beliau membezakan unsur peradaban Barat yang membina dengan unsur yang merosakkan. Peradaban yang membina dan tidak bertentangan dengan Islam diambil. Manakala yang merosakkan dan berlawanan dengan Islam dibuang. Sebagai seorang reformis, pemikiran Syeikh Muhammad Abduh dapat dilihat dari beberapa segi iaitu dari segi aqidah, sosial, politik dan pendidikan. Dengan memerhatikan tulisan, ceramah dan kuliahnya, maka program pembaharuannya dapat disimpulkan adalah untuk membersihkan Islam daripada unsur-unsur yang salah dan bidaah. Syeikh Muhammad Abduh turut menyarankan pembaharuan pendidikan yang lebih tinggi dengan tidak perlu malu mengambil pengetahuan Barat asal saja tidak bertentangan dengan ajaran Islam yang hakiki untuk maslahat kaum muslimin. Selain itu, pemikiran beliau turut merumuskan ajaran Islam menurut pemikiran yang moden kerana Islam itu sesungguhnya adalah agama yang sesuai dengan segala zaman dan tempat. Selain memperjuangkan pembaharuan kepada ummah, beliau turut

⁷⁷ *Ibid.*





memperjuangkan pembelaan terhadap agama Islam daripada pengaruh Barat dan serangan daripada pihak Kristian.⁷⁸

Justeru daripada pembaharuan pemikiran Islam yang ingin dibawa oleh Syeikh Muhammad Abduh kepada masyarakat Islam tersebut, dapat dilihat bukan sahaja membabitkan unsur aqidah malah meliputi aspek kehidupan seharian termasuk mendepani cabaran budaya dan pendidikan Barat. Selain Syeikh Muhammad Abduh, pengaruh Syeikh Rasyid Rida juga turut menyemai idea pembaruan dalam kalangan pelajar yang menuntut di Mesir. Ketinggian intelektual yang ada pada ulama al-Azhar tersebut menjadi tarikan kepada umat Islam termasuk pelajar-pelajar Melayu memilih al-Azhar sebagai tempat pengajian. Gandingan keintelektualan ulama al-Azhar seperti Syeikh Muhammad Abduh dan ketokohan muridnya seperti Syeikh Rasyid Rida menjadi daya tarikan kepada pelajar-pelajarnya, khususnya di rantau Melayu untuk meneruskan pengajian di al-Azhar. Kepulangan lulusan al-Azhar dan Madrasah al-Da'wah wa al-Irsyad yang diasaskan oleh Syeikh Rasyid Rida sendiri menyebabkan pengaliran masuk aliran pembaharuan Islam ke alam Melayu khususnya di Tanah Melayu. Institusi pendidikan ini menyediakan model terbaik kepada reformis tempatan untuk berkhidmat menyebarkan idea pembaharuan Islam setelah kembali ke tanah air.⁷⁹

Melalui para siswa yang belajar di al-Azhar, kitab karangannya dan majalah *al-Manar* (Mercury Suara) yang diterbitkan oleh para pengikut fahaman Syeikh Muhammad Abduh itu tersiar di seluruh dunia Islam. Fahaman pembaharuan tersebut dilanjutkan oleh murid-murid dan para pengikutnya. Bagi para pelajar Tanah Melayu yang terdidik

⁷⁸ *Ibid.*, hlm. 17.

⁷⁹ Peter Riddell, *Islam and the Malay Indonesian World*, Singapore : Horizon Books, 2001, hlm. 88.





di Universiti al-Azhar, mereka terdedah kepada pembaharuan ini terutama pembelaan terhadap agama dan negara yang telah ditindas oleh penjajah. Syeikh Tahir Jalaluddin misalnya telah kembali ke tanah air dan menerbitkan majalah *al-Imam* serta terlibat dalam perkembangan kemajuan madrasah. Melalui surat khabar dan madrasah-madrasah inilah, pengaruh Syeikh Muhammad Abduh tersebar ke alam Melayu secara tidak langsung dan menjadi faktor kepada kesedaran umat Islam di Tanah Melayu untuk menuntut kemerdekaan daripada tangan penjajah.

Pengaruh ulama dari Timur Tengah semakin terserlah apabila mereka turut berhijrah ke Tanah Melayu untuk menyebarkan dakwah Islam berteraskan aliran pembaharuan ini. Syeikh Abdullah Maghribi adalah antara ulama Timur Tengah yang dijemput berdakwah menyampaikan risalah islah yang diperjuangkan oleh Kaum Muda di Tanah Melayu.⁸⁰ Beliau dilantik sebagai Mudir Madrasah al-Mashoor setelah Syed Syeikh al-Hadi meletak jawatan sebagai Mudir Madrasah al-Mashoor pada 1921. Pada 1923 pula, Syeikh Abu Bakar al-Rafi' berketurunan Arab menjadi mudir madrasah berkenaan dan dianggap paling cemerlang dalam sejarah perkembangan Madrasah al-Mashoor.⁸¹ Beliau bukan sahaja berjaya mendapatkan kuota tahunan pelajar madrasahnyanya daripada kerajaan Mesir memasuki Universiti al-Azhar malah berjaya

⁸⁰ Beliau dilahirkan pada 1894 di Tripoli, Libya dan mendapat pendidikan awal di Mekah sebelum datang ke Tanah Melayu pada 1918 atas jempunan Syed Syeikh al-Hadi. Pada 1919, Syeikh Abdullah Maghribi menjadi Mudir Madrasah al-Mashoor. Pada 1928, beliau turut dijemput berkhidmat sebagai Mudir di Madrasah Idrisiah hinggalah dipecat daripada jawatan tersebut kerana berfahaman Kaum Muda. Akhirnya beliau menubuhkan Madrasah al-Huda di Pulau Pinang dan menjadi anggota lembaga pengarah akhbar *Saudara*. Syeikh Abdullah Maghribi turut menjadi penggerak PASPAM. Beliau meninggal dunia di Mekah pada 1974. Lihat Mohd. Sarim Haji Mustajab, "Syed Syeikh Abdullah Maghribi: Pendidik dan Kaum Muda", *Jebat*, No.5/6, 1975/76, hlm. 1-6.

⁸¹ Rahim Osman, "Madrasah al-Masyhur al-Islamiyyah", hlm.78-79, dalam Khoo Kay Kim, et al., *Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980.





menerapkan pemikiran islah kepada para pelajar Madrasah al-Mashoor sehingga menjadi tokoh besar dalam gerakan islah di Tanah Melayu.⁸²

Selain itu, seorang Arab Mesir bernama Uthman Effendi Rafa'at turut dijemput menjadi mudir di Madrasah al-Iqbal al-Islamiah di Singapura pada 9 September 1907,⁸³ Syeikh Sulaiman Abu Masaud, Syeikh Hassan al-Yamani dari Mekah dan Syeikh Mustafa Ramadhan turut berkhidmat di Maahad al-Ehya Asshariff dari 1934 hingga 1941.⁸⁴ Justeru, jelaslah pengaruh ulama dari Timur Tengah amat ketara sebagai tulang belakang perkembangan dakwah Islamiah dan gerakan islah terutama dalam dunia pendidikan Islam di Tanah Melayu.

2.3.2 Pengaruh Ulama India



Syah Waliullah al-Dihlawi (1703-1762) yang lahir di Delhi merupakan ulama reformis yang terkenal di India. Beliau menuntut ilmu di Mekah dan seangkatan dengan tokoh reformis di Mekah iaitu Syeikh Muhammad Abdul Wahhab. Dalam perjuangannya, Syah Waliullah al-Dihlawi menekankan konsep ijtihad.⁸⁵ Beliau turut bersungguh-sungguh mengajak umat Islam mengkaji al-Quran dan hadis serta sangat membenci sikap bertaklid buta. Syah Waliullah al-Dihlawi tidak menolak peranan empat mazhab tetapi tidak menyenangi mereka yang berpegang hanya kepada satu-satunya mazhab

⁸² Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari dan Dr. Burhanuddin al-Helmy merupakan antara tokoh islah keluaran Madrasah al-Mashoor. Keterangan lanjut lihat halaman 174 dan halaman 196.

⁸³ Al-Imam, Jilid 2, No.3, 9 September 1907.

⁸⁴ Lihat Nabir, 1976, hlm. 266.

⁸⁵ Antara buku tentang ijtihad beliau ialah *Al-Insaf fi Bayan Sabab al-Ikhtilaf*, Beirut, Dar al-Nafa'is, 1978. Lihat Nik Abdul Aziz bin Nik Hasan, "Sepintas lalu tentang Tariq Syah Waliullah al-Dehlavi dan Pengalirannya ke Tanah Melayu", dalam *Pendidikan di Malaysia dahulu dan Sekarang*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980, hlm. 67-69.





sahaja kerana itu dianggap menolak kebenaran. Pengaruh pemikiran beliau tersebar hingga mempengaruhi ulama India yang mengajar di Darul Ulum, Deoband.

Ajaran Syeikh Waliullah al-Dahlavi juga didapati tersebar di Tanah Melayu apabila dibawa oleh para pelajar Tanah Melayu yang menuntut di Mekah dan India. Walaupun beliau telah meninggal dunia tetapi ajarannya terus berkembang melalui buku-buku peninggalan, ajaran dan juga anak murid yang mengembangkan idea islah Syeikh Waliullah al-Dahlavi. Antara yang terkesan dengan ajaran Waliullah al-Dahlavi ialah Haji Nik Abdullah, Haji Nik Mahmud bin Haji Wan Musa, Haji Nik Abdul Rahim bin Haji Nik Mahmud. Apabila mereka pulang ke Tanah Melayu, ajaran Syeikh Waliullah ini tersebar di Kelantan dan Terengganu.⁸⁶ Antara tokoh Kaum Muda yang menuntut di India dan turut memberi sumbangan kepada gerakan Kaum Muda di Tanah Melayu ialah Dr. Burhanuddin al-Helmy dan Maulana Abdullah Noh. Mereka merupakan penuntut Tanah Melayu di India dan terpengaruh dengan gerakan kemerdekaan yang dilancarkan oleh ulama-ulama dari Deoband dan gerakan kemerdekaan yang dipelopori oleh Mahatma Gandhi di India.

Selain itu, seorang ulama dari India bernama Maulana Ubaidullah al-Sindhi (1872-1945)⁸⁷ yang mengajar di Masjidil Haram turut menyebarkan firkah islah dan

⁸⁶*Ibid.*

⁸⁷ Maulana Ubaidullah al-Sindhi merupakan ulama yang meneruskan tradisi pengajaran Islam gaya Shah Waliullah al-Dehlavi pada abad ke-20. Beliau berkelana di Mekah kerana tidak dibenarkan balik ke India oleh penjajah British antara tahun 1920-1930-an. Beliau meneruskan ajaran Shah Waliullah al-Dehlavi yang menganjurkan ulama-ulama agar kembali kepada al-Quran dan hadis serta mengamalkan ijtihad. Ajaran tersebut juga menggalakkan penuntut untuk mentafsir sendiri al-Quran serta menentukan martabat hadis sama ada sahih atau sebaliknya. Walau bagaimanapun sebelum itu mereka perlulah menguasai cabang-cabang ilmu seperti ilmu linguistik Arab seperti nahu, saraf, balaghah dan ilmu seperti falsafah, mantiq, fiqah, tasawwuf, hadis dan tafsir al-Quran. Lihat Nik Abdul Aziz bin Nik Hassan, 'Lima Orang Tokoh Ulama di Negeri Kelantan 1860-1940' dalam *Islam di Kelantan*. Kuala Lumpur: United Selangor Press. Sdn. Bhd, 1983, hlm. 30.



tajdid kepada para pelajar Tanah Melayu yang menuntut di sana. Antara penuntut yang menjadi ulama Kaum Muda yang terkenal kealimannya ialah Hj Nik Abdullah bin Wan Musa. Pada 1930 beliau menuntut dengan ulama berkenaan yang turut membawa pemikiran Syah Waliullah al-Delawi. Selepas tiga tahun menuntut dengan Maulana Ubaidullah Al-Sindhi, beliau pergi ke Mesir dan berkesempatan berbincang dengan Syekh Rasyid Reda yang turut membawa pemikiran islah. Apabila pulang ke Kelantan, Haji Nik Abdullah mengembangkan aliran ini bersama-sama dengan bapanya Hj Wan Musa, Mufti Negeri Kelantan.⁸⁸

Pengaruh ulama pendidikan India yang mengembangkan pengaruh islah dan tajdid ini semakin ketara apabila Tok Khurasan mengembangkannya ke Kelantan. Tok Khurasan atau nama sebenarnya Abu Abdullah Syed Hassan bin Nor Hassan berasal dari Afghanistan tetapi mendapat pendidikan di Darul Ulum, Deoband membawa pemikiran islah gurunya iaitu Mahmadul Hassan.⁸⁹ Di Kelantan, Tok Khurasan berkahwin dengan wanita tempatan dan secara tidak langsung memudahkan lagi perkembangan dakwah islah kepada masyarakat. Ketika itu masih tiada lagi pengajian ilmu hadis di Kelantan dan beliau merupakan ulama yang bertanggungjawab membawa ajaran tafsir hadis kepada masyarakat di Kelantan bermula 1917.⁹⁰

Selain itu beliau turut mengajar ilmu tafsir al-Quran, ilmu falsafah, mantiq, fiqh Hanafiyyah dan balaghah. Sebelum kedatangan Tok Khurasan, masyarakat di Kelantan hanya belajar ilmu Fiqh Syafiiyah, Tasawwuf, Usuluddin dan Bahasa Arab sahaja. Hasil

⁸⁸Ibid., hlm.30.

⁸⁹Mahmadul Hassan seorang ulama yang mengikut ajaran Syah Waliullah al-Dehlavi dan merupakan guru kepada Maulana Ubaidullah al-Sindhi. Ibid., hlm. 35.

⁹⁰ Nik Abdul Aziz bin Nik Hassan, 1983, hlm. 15-16.



daripada pengajaran Tok Khurasan melahirkan tokoh-tokoh ulama tempatan yang mahir ilmu tafsir hadis, falsafah dan mantiq seperti tokoh Kaum Muda Kelantan, Hj Nik Abdullah bin Haji Wan Musa (1900-1935) dan Hj Yaakob bin Hj Wan Musa (1893-1956).⁹¹ Melalui ajaran Tok Khurasan ini memberi pendedahan kepada masyarakat Melayu tentang fiqh dalam Islam adalah luas berdasarkan pelbagai aliran bersumberkan hadis-hadis Rasulullah S.A.W. Masyarakat Islam tidak semestinya berpegang kepada satu-satu mazhab sahaja. Hal ini menjadikan pengikut Kaum Muda semakin berpengaruh kerana mereka turut menganjurkan kepada masyarakat agar tidak terlalu terikat kepada mazhab Syafie dalam beribadat.

Di samping itu pengaruh ulama dari India yang mengembangkan pengaruh Islam dan tajdid ini semakin berkembang subur di Kelantan apabila Maulana Abdullah Noh yang mendapat pendidikan di Deoband, India kembali ke tanah air pada 1939. Beliau membuka Madrasah al Balaghul Mubin di Pasir Putih, Kelantan. Sistem pendidikan dan gelombang perjuangan kemerdekaan di India memberi kesedaran kepada penuntut penuntut Melayu seperti Maulana Abdullah Noh dan Dr. Burhanuddin al-Helmy untuk meneruskan perjuangan yang sama di Tanah Melayu. Apatah lagi mereka dapat merasai bagaimana semangat perjuangan rakyat India menentang British di negara tersebut. Apabila mereka pulang ke tanah air, mereka turut menentang British yang turut menjarah di Tanah Melayu. Akhirnya kesedaran menentang British tersebut mereka kembangkan kepada masyarakat Melayu untuk menuntut kemerdekaan.

⁹¹ *Ibid.*, hlm. 37.





2.3.3 Pengaruh Ulama Nusantara

Gerakan Kaum Muda di Tanah Melayu mendapat dukungan daripada ulama Nusantara terutamanya dari Sumatera Barat. Benih gerakan islah ini dikesan seawal abad ke-19 apabila Haji Miskin, Haji Muhammad Arif dan Haji Abdul Rahman pulang dari Mekah dan mengembangkan pengaruhnya di Minangkabau. Mereka membawa idea gerakan islah atau pembaharuan dalam masyarakat. Pengaruh gerakan islah dari Timur Tengah semakin berkembang dengan terbentuknya perkampungan Arab yang dinamakan Jamiat Khair di Jawa. Kelahiran gerakan Kaum Muda atau gerakan islah ini berlaku kerana faktor kemerosotan pegangan Islam sebagai agama yang dianuti dan kemunduran umat Islam dalam pelbagai lapangan.



Justeru, ulama Kaum Muda cuba mereformasikan sistem pendidikan daripada tradisional kepada satu sistem pendidikan yang moden untuk memberikan pendidikan keagamaan yang lebih sistematik dengan menubuhkan Sumatera Thawalib. Gerakan Kaum Muda di Sumatera Barat berkembang dengan lebih cepat dan membawa hasil yang lebih mantap daripada daerah lain kerana faktor gerakan ini dicetuskan oleh ulama tempatan yang mendapat pendidikan di kawasan setempat dan Timur Tengah. Mereka memiliki kelebihan kerana mengetahui suasana persekitaran dan lebih mudah untuk mendapat sokongan masyarakat setempat.

Faktor kedua pula kerana penubuhan pusat-pusat pendidikan yang menggunakan sistem yang lebih moden serta menyediakan sukatan pelajaran yang diperbaharui. Pelajar keluaran Sumatera Thawalib mampu menghadapi suasana luar yang banyak diresapi unsur-unsur penyelewengan fahaman agama dan penjajahan





Barat. Kekuatan dan keistimewaan gerakan Kaum Muda di Indonesia dapat dinilai menerusi gerakan yang amat tersusun dan menggunakan tiga medium utama iaitu penerbitan majalah, penubuhan madrasah dan penubuhan beberapa pertubuhan agama yang didukung oleh semangat aspirasi pembaharuan untuk menggerakkan masyarakat ke arah yang lebih progresif seperti menyediakan keperluan pendidikan dan bantuan kemasyarakatan.⁹²

Syeikh Tahir Jalaluddin, Syeikh Joned Thola, Syeikh Jamil Jambek, Abdul Karim Amrullah dan Kiyai Ahmad Hassan merupakan antara ulama Kaum Muda yang menggerakkan kesedaran kepada masyarakat di Indonesia terhadap gerakan islah ini. Apabila sebahagian daripada ulama ini berhijrah atau berdakwah ke Tanah Melayu, mereka menggunakan beberapa medium dakwah seperti menerbitkan akhbar, majalah dan juga mendirikan parti politik. Antara mereka tersebut yang memainkan peranan terpenting ialah Syeikh Tahir Jalaluddin. Beliau merupakan ulama pelopor Kaum Muda di Tanah Melayu yang turut mempunyai hubungan yang rapat dengan Syeikh Rasyid Reda. Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin sering berutus surat dengan Syeikh Rasyid Reda sama ada untuk mendapatkan buku-buku yang diterbitkan oleh pencetakan *al-Manar* atau meminta pendapat beliau berhubung beberapa masalah agama.⁹³

Sekembalinya dari Mesir, Syeikh Tahir Jalaluddin menjalankan kegiatannya di Singapura yang menjadi pusat perhubungan antara Indonesia dan Malaysia. Beliau bersama-sama rakannya seperti Sayid Syeikh al-Hadi menerbitkan majalah *al-Imam* untuk menyebarkan idea-idea pembaharuan Islam seperti yang tersebar di Mesir. Sayid

⁹² *Ibid.*, hlm, 50.

⁹³ Lihat surat persendirian beliau di Arkib Negara, senarai SP Sheikh Tahir SP10/E-6.





Syeikh al-Hadi dilantik sebagai pengarang *al-Imam* dan mereka menerbitkan majalah islah dan mendirikan madrasah di Singapura untuk mendidik orang-orang Melayu mendapat ilmu pengetahuan dan pelajaran. Proses transmisi ini berlaku secara drastik memandangkan majalah *al-Imam* yang diterbitkan di Singapura itu mempunyai wakil penjualnya di merata tempat di Alam Melayu.⁹⁴

Kewibawaan ilmu yang ada padanya memberi kepercayaan kepada Sultan Perak, Sultan Idris Syah untuk melantik beliau dengan pelbagai jawatan. Pelantikan tersebut menyebabkan pemikiran Kaum Muda itu dapat tersebar dengan lebih luas melalui ceramah atau fatwa yang diwartakan oleh beliau. Walau bagaimanapun, Kaum Tua yang berdamping dengan aristokrat istana telah memberi tekanan kepada beliau sehingga menyebabkan Syeikh Tahir Jalaluddin meletakkan jawatan dan memberikan tumpuan menjadi tenaga pengajar di Madrasah Idrisiah di samping membantu menubuhkan Madrasah ad-Diniah di Padang Rengas di bawah kelolaan Syeikh Joned Thola yang juga merupakan ulama Kaum Muda dari Indonesia.⁹⁵

Kepesatan pembinaan madrasah di Tanah Melayu mengundang mudir-mudir madrasah menjemput ulama-ulama Indonesia yang berfahaman Kaum Muda mengajar di madrasah-madrasah mereka. Di Melaka misalnya, Haji Bachik telah mendirikan sekolah Arab di Bandar Kaba dan menjemput guru-guru dari Minangkabau untuk menjadi tenaga pengajar seperti Sutan Minan dan Abbas Yatim.⁹⁶ Di Maahad al-Ehya

⁹⁴ Keterangan lanjut mengenai Sayid Syeikh al-Hadi, sila lihat Talib Samad 1992, hlm. 1-9.

⁹⁵ Mohammad Redzuan Othman, "Syeikh Junid Tola (1886-1948): Ulama Progresif Penggerak Kesedaran Politik dan Kemajuan Sosio-Ekonomi Masyarakat", dalam Arba'yah Mohd Noor, Mohammad Redzuan Othman, Suffian Mansor & Salina Zainol (ed), *Persada Jauhari, Kumpulan Esei Sempena Persaraan Prof. Emeritus Datuk Wira Dr. Mohd Yusoff bin Hj Hasyim*, Jabatan Sejarah Universiti Malaya: Kuala Lumpur, 2012, hlm. 233.

⁹⁶ Abdul Aziz Mat Ton, 'Kaum Muda di Melaka', *Jurnal Sejarah*, Jld XII 1973/74, hlm. 36-38.





Asshariff pula, Ustaz Abu Bakar Bakir turut menjemput ulama-ulama dari Sumatera untuk menjadi pendakwah di madrasahnyanya. Tokoh-tokoh seperti Ustaz Ahmad Subki turut membantu perkembangan dakwah islah yang diperjuangkan oleh Kaum Muda di Tanah Melayu.⁹⁷ Pada 1937 ramai guru didatangkan dari institusi pendidikan di Indonesia seperti *Islamic College* Bukit Tinggi, Sumatera, al Arsyadiyah Surabaya dan Sekolah Tawalib di Sumatera Barat.⁹⁸

Pengaruh Hassan Bandung yang menetap di Indonesia turut berjaya mengembangkan aliran Kaum Muda ini di Tanah Melayu.⁹⁹ Kedatangan ulama-ulama dari tanah seberang ke Tanah Melayu turut mengembangkan semangat menentang penjajah bagi menuntut kemerdekaan. Antara tokoh yang memainkan peranan meniupkan semangat anti British ialah Tuan Haji Latif Zaki¹⁰⁰ dan Ustaz Abrar Tarmimi¹⁰¹ yang banyak membantu pergerakan berpusat di Maahad al-Ehya Asshariff.

Begitu juga ulama Syeikh Junid Thola yang merupakan pelarian politik yang berhijrah

⁹⁷ Ustaz Ahmad Subki berasal dari Sumatera dan mengajar ilmu Fiqh di Maahad al-Ihya As-Shariff pada 1934 hingga 1941. Lihat Nabir, 1976, hlm. 265.

⁹⁸ Ibid., hlm. 290. Antara guru yang didatangkan khas dari Indonesia ialah Ustaz Abu Bakar Awang yang merupakan lulusan Universiti al-Syariah, Baghdad, Iraq. Begitu juga Sutan Shariffudin pula berasal dari Indonesia dan merupakan keluaran Pendidikan Nasional (Shafie Kayu Tanam dan Keluaran Akademik Jawa). Mereka mengajar dari tahun 1952-1959. Ibid., hlm. 290.

⁹⁹ Ibu bapanya berkahwin di Surabaya dan berhijrah ke Singapura. Di sinilah Hassan Bandung dilahirkan pada 1887. Ayahnya bernama Ahmad, pengarang dan wartawan terkemuka di Singapura. Pada 1921, Hassan Bandung berpindah ke Surabaya dan bersahabat baik dengan tokoh Sarekat Islam ketika itu iaitu Haji Omar Said Cokroaminato dan Haji Agus Salim. Pada 1925, beliau berhijrah ke Bandung dan mengajar di Pusat Persatuan Islam (PERSIS). Beliau menyusun tafsir al-Furqan, menubuhkan pencetakan sendiri, menerbitkan majalah *Pembela Islam*, menjadi guru di PERSIS, mendirikan pesanteren PERSIS dan berdakwah kepada masyarakat. Hassan Bandung mendapat pengaruh aliran islah ini daripada bapanya sendiri dan pengaruh kehidupannya di Singapura kerana sering membaca majalah *al-Imam* di Singapura dan pengaruh perkembangan Kaum Muda di sana. Lihat Deliar Noer, *Gerakan Modern Islam di Indonesia 1900-1942*. Jakarta: LP3ES, 1980, hlm. 99-100. Lihat juga Mohd Radzi Othman dan O.K.Rahmat. *Gerakan Pembaharuan Islam: Satu Kajian di Perlis dan hubungkaitnya dengan Malaysia*. Edisi Baharu. 2008, hlm. 31.

¹⁰⁰ Tuan Haji Latif Zaki merupakan seorang ulama dari Maktab Muhammadiyah, Sumatera. Beliau berkahwin dengan orang Sungai Nipah, Teluk Anson dan terus menetap di Teluk Anson. Keterangan lanjut lihat Nabir Haji Abdullah 1976, hlm. 148.

¹⁰¹ Ibid., hlm. 289. Ustaz Abrar Tamimi berasal dari Minado, Indonesia. Berkelulusan al-Arsadiyah, Surabaya. Pernah mengajar di Al-Ahmadiyah, Kota Bharu dan Maahad II Ihya As-Syarif. Beliau juga merupakan aktivis Hizbul Muslimin di maahad berkenaan.





ke Padang Rengas, Perak. Beliau dilahirkan pada 1886 dan berasal dari Kampung Tartola, Tapanuli Selatan, Indonesia merupakan ulama Kaum Muda yang tidak asing lagi menyebarkan fahaman Kaum Muda dalam kalangan masyarakat Melayu ketika itu. Syeikh Juned mendirikan Madrasah Diniah dan berjaya mengubah pemikiran dan tindakan orang Melayu di Padang Rengas untuk menghayati nilai agama sebenar dan membangunkan ekonomi seperti menggalakkan mereka berniaga di pekan Padang Rengas.¹⁰²

Syeikh Junid Toha turut menjadi penggerak utama dalam penubuhan beberapa syarikat seperti Syarikat Kedai Runcit dan Syarikat Kilang Padi. Syarikat Kilang Padi ini merupakan syarikat kilang padi Melayu yang pertama di negeri Perak. Kesedaran ini melahirkan banyak lagi kedai Melayu di Padang Rengas dan sebuah syarikat pengangkutan bernama Silver Lining turut diwujudkan.¹⁰³ Sekitar tahun 30-an orang-orang Melayu memonopoli perniagaan di Padang Rengas apabila terdapat kira-kira 30 buah kedai yang terdiri daripada kedai getah, kedai dobi, kedai kopi, kedai gunting rambut, kedai runcit dimiliki warga tempatan.¹⁰⁴ Kesan pengaruh dakwah islah Syeikh Junid Toha berjaya menggerakkan ekonomi orang Melayu agar tidak terlalu bergantung kepada orang bukan Islam. Madrasah islah beliau turut dijadikan pusat gerakan

¹⁰²Mohammad Redzuan Othman, "Syeikh Junid Tola (1886-1948): Ulama Progresif Penggerak Kesedaran Politik dan Kemajuan Sosio-Ekonomi Masyarakat", dalam Arba'yah Mohd Noor, Mohammad Redzuan Othman, Suffian Mansor & Salina Zainol (ed.), *Persada Jauhari, Kumpulan Esei Sempena Persaraan Prof. Emeritus Datuk Wira Dr. Mohd Yusoff bin Hj Hasyim*, Jabatan Sejarah Universiti Malaya: Kuala Lumpur, 2012, hlm. 226 dan hlm. 235.

¹⁰³ Ismail Sudin, "Beberapa Aspek Sejarah Sosial Kuala Kangsar", *Jurnal Sejarah*, Vol. 10, 1971/1972, hlm. 45.

¹⁰⁴ Mohd Sarim Hj. Mustajab, "Gerakan Islah Islamiyah di Tanah Melayu 1906 hingga 1948", dalam *Malaysia: Sejarah dan Proses Pembangunan*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1982, hlm. 165.





menentang British dan beliau bekerjasama dengan pergerakan anti-British seperti PKMM, API dan AWAS.¹⁰⁵

Ketokohan ulama-ulama dari Sumatera seperti Syeikh Tahir Jalaluddin ini berjaya menjadi jambatan perhubungan antara ulama-ulama Melayu dengan ulama Timur Tengah serta ulama dunia Islam yang lain. Para ulama Melayu ini juga turut berminat dalam perkembangan semasa senario politik dunia Islam yang sedang bertuip kencang dalam kebangkitan menentang kezaliman penjajahan Barat.¹⁰⁶ Ulama-ulama ini terdedah dalam perjuangan kemerdekaan ketika menentang Belanda di negara mereka. Apabila mereka berhijrah ke Tanah Melayu, mereka turut berjuang menyedarkan masyarakat tempatan di Tanah Melayu untuk menentang penjajahan British.



Selain itu pada tahun 1948, Kyai Haji Mashoor Azahari atau Kiyai Ahmad Asjari seorang ulama lulusan al-Azhar yang pernah menjadi Menteri agama Indonesia pada 5 Julai 1947 turut membawa pengaruh yang besar terhadap perjuangan Kaum Muda di Tanah Melayu. Beliau berhijrah ke Singapura akibat tekanan pihak Belanda yang bimbang penglibatan aktif beliau dalam bidang politik. Kedatangan beliau ke Singapura bertujuan untuk menubuhkan sebuah parti Islam di Tanah Melayu kerana di Indonesia beliau merupakan ahli pergerakan Masyumi.¹⁰⁷ Dalam temu bual dengan

¹⁰⁵ *Utusan Malaysia* 4 September 2006, hlm. 18-19

¹⁰⁶ Ishak Saat, "Golongan agama Pencetus Awal Perjuangan Kemerdekaan Tanah Melayu", dalam *Isu-isu Terpilih dalam Sejarah Pemikiran*, 2009, hlm. 116.

¹⁰⁷ Majlis Syuro Muslimin Indonesia (Masyumi) merupakan sebuah parti politik bercorak Islam yang ditubuhkan di Indonesia. Parti tersebut ditubuhkan pada tahun 1943. Selepas kemerdekaan Indonesia, pembaharuan telah dilakukan oleh pemimpin Muhammadiyah yang telah menguasai Masyumi. Namun begitu, pimpinan utama Masyumi, Muhammad Natsir ditahan kerana menyokong pemberontakan Pemerintah Revolusioner Republik Indonesia (PRRI) dan Sukarno mengharamkan parti tersebut pada tahun 1960, Lihat Zachary Abuza, *Political Islam and Violence in Indonesia*, Oxon, United Kingdom: Routledge, 2007, hlm. 15-17.





Utusan Melayu pada 30 hb Januari 1948, beliau menyatakan sudah tiba masanya sebuah parti Islam ditubuhkan di Tanah Melayu.¹⁰⁸

Kyai Haji Mashoor Azahari juga berpandangan ulama di Tanah Melayu digambarkan sebagai ketinggalan zaman dan berfikiran sempit disebabkan mereka menjadi hamba golongan kapitalis dan imperialis. Menurut beliau lagi, terdapat dua kaedah untuk meningkatkan kedudukan umat Islam. Pertama, melalui organisasi politik yang berasaskan Islam dan yang kedua melalui reformasi dalam pendidikan agama. Pengaruh Masyumi amat diyakini di Tanah Melayu kerana mereka merupakan parti pemerintah pada zaman Dr. Hatta menjadi Presiden Indonesia. Justeru tidak hairanlah ulama Kaum Muda di Tanah Melayu mendapat inspirasi perjuangan ulama dari Indonesia hasil hubungan yang rapat dengan pimpinan Masyumi.¹⁰⁹



Selain itu pengaruh ulama dan guru-guru di Sumatera Barat amat mempengaruhi perkembangan anak-anak muda dari Tanah Melayu yang menuntut di sana. Hal ini memandangkan pelajar-pelajar ini mendapat pengaruh perkembangan Kaum Muda dan perjuangan kemerdekaan di Sumatera Barat. Justeru tidak hairanlah apabila mereka pulang ke Tanah Melayu, para pelajar tersebut terus mendampingi Maahad al-Ehya Assariff untuk memberikan didikan di samping meneruskan perjuangan Kaum Muda melebarkan pengaruhnya kepada pelajar dan masyarakat setempat. Antara para pelajar Tanah Melayu yang melanjutkan pelajaran ke Indonesia dan mengajar di Maahad al-Ehya Assariff dapat ditunjukkan seperti dalam Jadual 2.1 berikut. Berdasarkan jadual

¹⁰⁸ Lihat *Malayan Security Service Political Intelligence Journal*, No. 3/1948, 15 February 1948, Part II, *Malay And Indonesian Organitations, Personalities* No 2: Kiyai Hj Mashoor Azahari dalam CO 537/3751, hlm. 71.

¹⁰⁹Ibid.,. hlm. 71- 72.





tersebut menunjukkan guru-guru dari Tanah Melayu di Maahad al-Ehya Assyariff sekitar 1946-1959 yang berkelulusan dari Indonesia.

Jadual 2.1

*Guru Maahad al-Ehya Assyariff Lulusan Indonesia 1946-1959*¹¹⁰

Nama Pelajar	Asal	Kelulusan
Khidir Khatib	Kelantan	Tawalib School, Sumatera Barat
Ustaz Budiman Radhi	Kedah	Sekolah Menengah Tinggi (Indonesia)
Ustaz Muhd Daud Haji Hassan	Perak	Tawalib School, Padang Panjang

Selain itu guru-guru dari Sumatera Barat juga dibawa khas dari beberapa institusi pendidikan yang merupakan pusat perkaderan pemikiran Kaum Muda yang terkenal. Sekolah-sekolah Tawalib yang diusahakan oleh ulama Kaum Muda seperti Syeikh Ahmad Khatib al-Mingakabawi, Syeikh Abdul Karim Amrullah dan Syeikh Jamil Jambek di Sumatera Barat berjaya menjana pemikiran baharu kepada masyarakat untuk kembali kepada Islam yang sebenar dan pada masa yang sama berjaya meniup semangat kesedaran untuk menentang penjajahan Belanda. Apabila mereka berpeluang mengajar di Maahad al-Ehya Asshariff sudah pastilah semangat kesedaran tersebut ditanam kepada para pelajar maahad berkenaan. Antara tenaga pengajar dari tanah seberang yang mengajar di Maahad al-Ehya Asshariff sekitar 1934-1959 dapat ditunjukkan dalam Jadual 2.2 berikut.

¹¹⁰ Jadual dipetik dan disesuaikan daripada Nabir Abdullah, 1976: Lampiran X, hlm 289-291



*Jadual 2.2**Guru Maahad al-Ehya Assyariff dari Indonesia antara 1934-1959¹¹¹*

Nama Guru	Asal	Kelulusan
Ustazah Hapni Zaharah	Acheh	Sek Men Islam (Indonesia)
Ustazah Nurmah Tajab	Sumatera Barat	Islamic College Sumatera Barat
Ustazah Salmiah	Sumatera Barat	Islamic College Sumatera Barat
Nasaruddin	Sumatera Barat	Tawalib School, Sumatera Barat
Abrab Tamimi	Menado	al-Arshadiah, Surabaya
Ustaz Abu Bakar Awang	Indonesia	Universiti al-Syariah, Baghdad, Iraq
Dzulkernain	Indonesia	Universiti Gajah Mada
Sutan Shariffudin	Indonesia	Keluaran Pendidikan Nasional dan Akademik Jawa
Jamaluddin Idris	Indonesia	al-Arshadiah, Surabaya

Berdasarkan kedua-dua jadual di atas, tidak hairanlah Maahad al-Ehya Assyariff menjadi pusat perkembangan kesedaran menentang penjajah British kerana di institusi ini berkumpulnya guru-guru yang terdedah kepada perjuangan kemerdekaan di Indonesia. Hal ini memungkinkan Maahad al-Ehya Assyariff menjadi markas untuk mengkaderkan guru-guru agama yang akan menyebarkan semangat kemerdekaan kepada masyarakat apabila mereka keluar daripada institusi berkenaan.

¹¹¹ Jadual dipetik dan disesuaikan daripada Nabir Abdullah, 1976: Lampiran I, hlm. 265 dan lampiran X, hlm. 289-291.



2.3.4 Pengaruh Penghijrahan Orang Nusantara dan Tanah Melayu

Penghijrahan orang Nusantara ke Tanah Melayu memungkinkan pengaruh kesadaran menuntut kemerdekaan semakin menyemarak. Semangat kebangsaan dan keagamaan yang subur berkembang di sana menjadikan pengaruh tersebut tersebar ke Tanah Melayu. Penghijrahan orang Nusantara ke Tanah Melayu juga berkait rapat dengan perkembangan Kaum Muda di Tanah Melayu.¹¹² Pada akhir 1920-an, dianggarkan sejuta orang Nusantara terutamanya dari Sumatera Barat berhijrah ke Tanah Melayu. Jumlah mereka ini mewakili kira-kira 50% daripada penduduk Melayu. Malah, sekiranya pihak Belanda tidak menyekat penghijrahan mereka ini, jumlahnya sudah tentulah melebihi penduduk tempatan. Kenyataan ini digambarkan seperti berikut:



At any rate in the Federated Malay States as well as in Johore, it will be found these "foreign" Malays preponderate over the "original" Malay; and these is reason to believe that if the Dutch had not imposed certain restrictions against emigration the number of "foreign" Malays would have been far greater than it is.¹¹³



Namun begitu, “ *the foreign Malay whether he be orang Bugis, or orang Aceh, orang Boyan prefer always to be called an orang Melayu* ”.¹¹⁴ Mereka mampu bersatu dan berasimilasi dengan penduduk Melayu tempatan atas dasar rupa paras, budaya, bahasa yang hampir sama tetapi faktor terkuat yang menyebabkan mereka bersatu dan bersaudara di Tanah Melayu adalah disebabkan faktor agama Islam. Sebahagian besar

¹¹² Lihat *Pahang Confidential*. Fail Kaum Muda: Memo Residen British Selangor kepada Setiausaha Residen Perak, Negeri Sembilan dan Pahang daripada salinan Fail *Federal State Confidential*, 9 November 1937, 245/37 tentang laporan kegiatan Kaum Muda ditunjangi oleh imigran Melayu (Indonesia). Sumber Arkib Negara Malaysia.

¹¹³ Abdul Majid. *The Malays in Malaya, by One of Them*, Singapore: Malaya Publishing House Ltd, 1928, hlm. 64.

¹¹⁴ *Ibid.*, hlm. 67.





mereka ini merupakan ulama, pelarian politik dan rakyat biasa yang inginkan kehidupan yang lebih baik di Tanah Melayu.

Rakyat Nusantara yang berada di Tanah Melayu turut menubuhkan Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS) pada 1945 untuk mencapai kemerdekaan Semenanjung Tanah Melayu bersama Indonesia. Walaupun tujuan utama pesatuan tersebut untuk menggerakkan kesedaran kemerdekaan kepada rakyat Indonesia di Tanah Melayu untuk menyokong gerakan kemerdekaan di Tanah Melayu tetapi semangat kebangsaan tersebut tetap meresapi rakyat Tanah Melayu yang mendapat semangat daripada perjuangan memerdekakan Indonesia.

Selain itu rakyat Indonesia yang berhijrah di Tanah Melayu turut menubuhkan Persatuan Indonesia Merdeka (PIM) dan ahli persatuan tersebut terdiri daripada penduduk Indonesia yang menetap di Tanah Melayu dan juga di Indonesia. Pada Kongres ke-3 PIM yang telah diadakan pada 14 Mac 1948 di Sekolah Arab, Segambut, Kuala Lumpur, terdapat hampir 70 orang delegasi yang hadir dari seluruh Tanah Melayu, termasuklah dari Aceh dan Riau. Beberapa orang kenamaan turut menghadiri kongres tersebut seperti Hamzah bin Abdullah (Menteri Besar Selangor), Tan Cheng Lock, Dr. Burhanuddin al-Helmy dan Rajagopal (wakil Bahagian India dalam Liga Pemuda Demokrasi Baru dari Tanjong Malim, Perak). Terdapat beberapa resolusi yang telah dicapai dalam kongres tersebut iaitu ibu pejabat PIM di bahagian utara dan selatan Perak akan digabungkan menjadi satu, kesemua pertubuhan Indonesia perlu bergabung,





peruntukan perlu dikumpulkan bagi menubuhkan sekolah PIM, dan Buletin Berita PIM perlu dicetak dalam tulisan jawi.¹¹⁵

Di Indonesia, berlaku dua kali deklarasi kemerdekaan diadakan iaitu pada tahun 1945 yang dilakukan oleh Sukarno dan kemudian pada 27 Disember 1949 apabila Belanda menyerahkan kedaulatan secara rasmi kepada rakyat Indonesia secara tidak langsung membangkitkan semangat menuntut kemerdekaan rakyat Tanah Melayu daripada British. Kesan kejayaan itu, rakyat Indonesia di Tanah Melayu meraikan kemenangan tersebut. Di Kuala Kangsar satu sambutan secara besar-besaran akan diadakan dan ini amat mengusarkan British yang bimbang rakyat di Tanah Melayu akan turut bersemangat menuntut kemerdekaan juga. Ekoran itu tiga hari sebelum sambutan diadakan, British menangkap Presiden Persatuan Indonesia Merdeka (PIM), Abdul Hadi Noor dan beliau dipenjarakan di Pulau Jerjak. Penangkapan ini bertujuan untuk menyekat kemaraan semangat rakyat di Tanah Melayu dalam usaha menuntut kemerdekaan daripada British.¹¹⁶

Jika diperhatikan sebahagian besar tokoh nasionalisme Melayu mempunyai jurai keturunan dari tanah seberang. Nama-nama seperti Ibrahim Yaakob, Ahmad Boestaman, Khadijah Sidek, Shamsiah Fakeh, Rasyid Maidin, Ishak bin Muhammad adalah antara pejuang nasionalis tanah air walaupun mereka dilahirkan di Tanah Melayu tetapi jurai berketurunan mereka berasal sama ada dari Sumatera ataupun Tanah Jawa. Begitu juga tokoh-tokoh Kaum Muda di Tanah Melayu seperti Syekh Tahir Jalaluddin,

¹¹⁵ CO 537/3752, Malayan Security Service Political Intelligence Journal, No. 6/1948, 31 Mac 1948, hlm. 175-176.

¹¹⁶ Bachtiar Djamily, *Riwayat Hidup dan Perjuangan Syekh Tahir Jalaluddin Al-Falaki Al-Azhari*. Kuala Lumpur: Asmah Publisher, 1994, hlm. 108-109.





Za'ba, Dr. Burhanuddin al-Helmy dan Ustaz Abu Bakar al-Baqir yang ibu-bapa mereka turut berasal berasal sama ada dari Sumatera ataupun Tanah Jawa. Keluarga mereka datang ke Tanah Melayu untuk berdakwah, mencari kehidupan yang lebih baik di samping sebahagiannya merupakan pelarian politik yang berhijrah kerana ingin menyelamatkan keluarga daripada ancaman Belanda.

Selain penghijrahan rakyat Indonesia ke Tanah Melayu, penghijrahan rakyat Tanah Melayu ke Mekah juga membawa kesan kepada perkembangan pengaruh islah di Tanah Melayu. Penghijrahan ini berlaku ekoran musim haji.¹¹⁷ Perkembangan di Hijaz turut mempengaruhi perkembangan kefahaman pemikiran rakyat di Tanah Melayu yang ramai berhijrah ke Mekah sama ada untuk menuntut ilmu, menunaikan haji atau sebagai pemastautin tetap. Kedatangan jamaah haji dari Tanah Melayu ke Mekah mendedahkan mereka kepada perubahan-perubahan yang diperkenalkan oleh pemerintah yang beraliran Wahabi. Perubahan yang dilakukan kepada sistem pendidikan agama di Masjid al-Haram banyak sekali mempengaruhi mentaliti agama penuntut-penuntut Melayu yang menuntut ilmu atau berhijrah dalam kalangan orang Melayu ke Mekah. Apabila pulang ke tanah air, mereka turut menyebarkan fikrah menolak amalan bidaah dan khurafat dalam masyarakat Melayu kerana sewaktu di Mekah mereka telah terdedah dengan amalan tidak bertaqlid kepada satu satu mazhab. Pada 1925 berlaku perang tentera Wahabi yang dipimpin Ibn Saud dengan dengan Syarif Husin, pemerintah Mekah. Penaklukan bandar Mekah oleh tentera Wahabi

¹¹⁷ Ramai umat Islam dari Tanah Melayu berhijrah ke Mekah boleh dilihat dari laporan sulit yang dikirim oleh Syed Mohamad bin Agil, wakil kerajaan British di Singapura yang melaporkan bahawa pada tahun 1916 saja terdapat seramai 500 umat Islam dari Tanah Melayu yang menetap serta berumah tangga di Mekah. Kel. M. 37/1918. Copy Memo. Syed Mohamed bin Aqil to Sec. High Com. Singapore, n.d. dan British Adviser to Setia Usaha Majlis, 13 May 1916.





membawa perkembangan penting di Mekah. Beberapa perubahan dalam sistem pentadbiran Hijaz telah dilakukan.¹¹⁸

Antara peraturan baru dikeluarkan adalah tentang kaedah pengajaran agama di Masjid al-Haram. Peraturan baru ini menetapkan jika mengajar ilmu agama, mestilah mengajar fiqah keempat-empat mazhab Shafie, Maliki, Hanafi dan Hambali. *Al-Ikhwan* melaporkan bahawa guru tersebut hendaklah menerangkan dalam pengajaran mereka semua bentuk iktiqad mazhab. Kenyataan tersebut digambarkan oleh *al-Ikhwan* seperti berikut:

“di atas sekalian orang-orang yang mengajar itu menerangkan kepada orang-orang pada masa mengajar itu akan segala jenis bida’ah yang mencomotkan keelokan agama yang bersih dan segala jenis karut-karut yang dimasukkan orang ke dalam agama yang memberi mudharat sekalian muslimin serta menjatuhkan mereka itu kepada sehabis-habis perhinggian bawah.”¹¹⁹

Justeru, tidak hairanlah jika jamaah haji yang baru datang ke Mekah, mereka akan terdedah dengan perkembangan islah yang berlaku di Mekah. Apabila jemaah haji ini pulang ke tanah air, mereka boleh menerima dan menyampaikan ajaran islah yang dibawa oleh Kaum Muda di Tanah Melayu seperti menolak perkara bidaah dan khurafat yang berlaku dalam masyarakat.

¹¹⁸ Kel.K. 1458/29. Sec.High Com. To Principal Sec. of State for Foreign Affairs, 20 July,1929, Encl. Establishment of Wahabi Influence in Mecca.

¹¹⁹ *Al-Ikhwan*, 1925, hlm.4.





2.3.5 Pengaruh Gerakan Kemerdekaan di Luar Negara

Pengaruh semangat perjuangan kemerdekaan di luar negara turut merancarkan semangat yang sama terhadap penduduk di Tanah Melayu. Di Indonesia, kemerdekaan turut digerakkan oleh para alim ulama. Sarekat Islam yang diasas oleh Omar Said Cokroaminato pada 1912 telah mengadakan kongresnya yang pertama pada 26 Januari 1913 yang turut dihadiri oleh puluhan ribu penyokongnya. Belanda mendapat mesej bahawa gerakan ini akan mencabar kelangsungan kuasanya di Indonesia. Kemunculan Sarekat Islam telah memadamkan semangat parochial (kedaerahan) yang dengan sengaja cuba disuburkan oleh Belanda. Akhirnya Sarekat Islam melancarkan tindakan kekerasan menentang Belanda.¹²⁰



membawa kesan positif kepada umat Islam di daerah tersebut. Mereka tidak lagi terlalu terikat dengan adat Minangkabau yang menyalahi hulum syarak seperti pengagihan harta pusaka. Antara tokoh yang membawa pembaharuan yang besar tersebut ialah Syeikh Muhammad Djamil Djambek (1947) yang mendapat pendidikan di Mekah dan merupakan penggerak kepada gerakan Muhammadiyah dan Thawalib di Sumatera. Begitu juga dengan Haji Abdul Karim Amrullah yang bergiat cergas dalam gerakan islah termasuk mengkritik pendukung adat tradisi Minangkabau. Gerakan pembaharuan Islam yang dilakukan dengan gigihnya di Sumatera dipanggil Thawalib. Pada mulanya gerakan ini hanya tertumpu pada bidang pendidikan tetapi akhirnya melahirkan sebuah parti politik Islam yang bernama Persatuan Muslimin Indonesia. Selain itu muncul

¹²⁰ Riduan Mohammad Nor dan Mohd Fadli Ghani., *Ulama dalam Sorotan Perjuangan Kemerdekaan*, 2007, hlm. 15.



gerakan-gerakan lain seperti Muhammadiyah, Pertubuhan al-Islah, Pertubuhan al-Irsyad dan Persatuan Islam (PERSIS) yang turut memperjuangkan aliran pembaharuan Islam yang amat berpengaruh di Indonesia.¹²¹

Selain itu, kebangkitan perjuangan kebangsaan Indonesia turut digerakkan oleh nasionalis seperti Sukarno dan Drs Mohammad Hatta yang datang ke Taiping pada 1945 turut memberikan impak yang besar kepada perjuangan rakyat di Tanah Melayu. Kehadiran tokoh-tokoh nasionalisme dari luar ini mendapat liputan akhbar tempatan secara meluas dan sedikit sebanyak membakar semangat anak-anak muda Melayu agar turut sama dalam gelombang kebangkitan nasionalisme Melayu. Pada zaman Jepun dan juga selepas kedatangan mereka, kebangkitan semangat nasionalisme Melayu semakin menggalakkan ekoran tiupan slogan “Asia untuk Asia” yang dicanang oleh pemerintah Jepun untuk membentuk gelombang kebangkitan nasionalisme di seluruh benua Asia. Hal ini amat mempengaruhi corak perjuangan gerakan radikal di Tanah Melayu.¹²²

Selain itu perkembangan menuntut kemerdekaan di India turut mempengaruhi lepasan pelajar yang menuntut di sana memperjuangkan kemerdekaan di Tanah Melayu. Antara tokoh yang paling menonjol dalam gerakan kemerdekaan di Tanah Melayu ialah dua orang tokoh Kaum Muda yang terkenal iaitu Dr. Burhanuddin al-Helmy dan Maulana Abdullah Awang Noh.¹²³ Mereka yang terdidik di India mendapat semangat perjuangan rakyat India menuntut kemerdekaan. Dr. Burhanuddin al-Helmy

¹²¹ Mustaffa Abdullah, *Rasyid Rida: Pengaruhnya di Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2009, hlm. 178.

¹²² Ishak Saat, *Politik Suara Rakyat*: Pulau Pinang, Universiti Sains Malaysia, 2013, hlm. 59-60.

¹²³ Pengasas Madrasah al-Balaghul Mubin dan beliau merupakan ulama Kaum Muda di Kelantan yang mendapat pendidikan di Deoband, India. Keterangan lanjut tentang tokoh ini akan dibincangkan dalam bab 3 kajian ini.



amat terpengaruh dengan gerakan kemerdekaan yang di bawa oleh Subhash Chanda Bose melalui Liga Kemerdekaan India. Beliau juga terdedah dengan gerakan politik sederhana Mahatma Gandhi serta dapat menghayati gerakan rakyat menuntut kerajaan sendiri yang anti-British. Dr. Burhanuddin al-Helmy sering menghadiri rapat umum dan ceramah Mahatma Gandhi serta mengikuti perkembangannya ketika menuntut kebebasan politik bagi India. Justeru, tidak hairanlah dalam kalangan pegawai-pegawai perisik British menamakan beliau sebagai ‘Ghandi of Malaya’ iaitu seorang aktivis politik yang menuntut keadilan dan layanan yang baik serta menuntut kemerdekaan dengan cara perundangan.¹²⁴ Manakala Maulana Abdullah Noh pula yang menuntut selama enam tahun di Deoband dan Lahore turut mendapat sentuhan langsung daripada ulama-ulama di sana. Darul Ulum, Deoband yang merupakan pusat kebangkitan ulamak-ulamak menentang British termasuk Maulana Mahmudul Hassan (1851-1920) yang terkenal sebagai Sheikhul Hind iaitu guru kepada Maulana Ubaidullah Sindi.¹²⁵



Perkembangan perjuangan gerakan rakyat di Palestin turut mempengaruhi perjuangan Burhanuddin al-Helmy. Pengalaman beliau berkelana di sana turut mempengaruhi perjuangannya. Beliau melawat dan menyaksikan sendiri tindakan politik dan ketenteraan British mewujudkan sebuah negara Israel dengan menafikan hak politik bangsa dan negara Palestin. Dr. Burhanuddin al-Helmy dapat menyaksikan sendiri usaha pemusnahan sebuah negara Islam yang tentunya sangat berkesan kepada dirinya sebagai penganut agama Islam yang berjiwa politik. Pengalaman turut serta dalam satu perarakan menentang Perjanjian Balfour yang membentuk negara Israel. Pada tahun 1936, beliau ditahan beberapa hari oleh British. Ini tentulah menjadi faktor

¹²⁴ Ramlah Adam, *Burhanuddin al-Helmy: Suatu Kemelut Politik*, 2003, hlm. 102.

¹²⁵ Untuk perbincangan lanjut tentang gerakan kemerdekaan di Deoband, lihat Farhat Tabssum, *Deoband Ulama's Movement For The Freedom of India*, New Delhi: Manak Publication, 2006.





penting kepada sikap politiknya yang anti terhadap penjajahan British di Tanah Melayu.¹²⁶ Pengaruh gerakan kemerdekaan di negara luar amat mempengaruhi kebangkitan rakyat di Tanah Melayu. Pengaruh tersebut dapat digambarkan seperti berikut:

Amali dan fikirlah kejadian-kejadian yang berlaku di Mesir, India, Greese dan Indonesia, hari ini semuanya itu boleh menjadi penerangan untuk menganalisis kita tentang corak siasah penjajah British yang diamalkan itu. Kemudian perhatikan pula kejadian di tanah air kita ini. Malayan Union satu daripada kelicinan siasah British dan contoh kejayaannya. Percubaannya di tempat lain... sehinggakan kehalusan siasah British itu tiada tolok bandingnya ia telah masuk ke Tanah Melayu ini dengan hanya menjadi penasihat dan penaung dalam masa orang Melayu ini dengan hanya menjadi penasihat dan penaung dalam masa orang Melayu belum mengerti takrif naungan pada sisi undang-undang dunia.¹²⁷

Demikianlah kesan pengaruh gerakan kemerdekaan di luar negara yang

mempengaruhi rakyat di Tanah Melayu untuk turut serta menuntut kemerdekaan daripada British. British yang gusar dengan perkembangan tersebut cuba menyekat perjuangan rakyat dengan mengenakan pelbagai tekanan termasuk mengisytiharkan darurat pada 12 Jun 1948.

2.3.6 Kemunculan Gerakan Islam Sedunia

Kebangkitan dunia umat Islam secara menyeluruh berlaku apabila gerakan islah di negara umat Islam tersebut dipimpin oleh tokoh-tokoh dakwah dan politik yang ingin mendaulatkan Islam di negara masing-masing. Gerakan kebangkitan yang berasaskan

¹²⁶ Ibid., hlm. 11.

¹²⁷ *Suara Malaya*, 1 Jun 1946, hlm.14.





ajaran Islam ini melaungkan semangat jihad untuk membangunkan umat Islam agar kembali kepada ajaran Islam dan menentang penjajahan kafir yang menjajah negara umat Islam. Antara gerakan umat Islam yang paling berpengaruh ialah al-Ikhwan al-Muslimin yang dipimpin oleh Hassan al-Banna (1906-1949).¹²⁸

Tujuan gerakan ini adalah untuk menyedarkan masyarakat supaya kembali menghayati ajaran agama hingga terbina individu, masyarakat, negara dan kerajaan khilafah Islam. Gerakan ini merupakan gerakan salafiyah moden yang menggunakan pendekatan tarbiyah secara berperingkat-peringkat iaitu dari peringkat ta'arif (pengenalan dan pengajaran), takwin (pembentukan dan penyusunan) dan tanfiz (pelaksanaan ke arah matlamat) dengan menggunakan pendekatan dakwah yang lebih berkesan seperti mengadakan usrah dan menjalin hubungan secara terus dengan masyarakat dengan kegiatan sosial.¹²⁹

Pendekatan gerakan ini berjaya menawan masyarakat menyertainya dengan kekuatan tarbiah ahlinya yang dididik dengan akhlak mulia, mengambil pendekatan sederhana, progresif dan peduli kepada masyarakat. Gerakan Ikhwanul Muslimin ini berjaya membentuk kader-kader yang ingin berjuang membela agama di Mesir. Gerakan ini turut berjaya melebarkan pengaruhnya ke serata dunia umat Islam seperti di Afrika, Yaman, India, Pakistan, Somalia, Palestin, Iraq dan termasuk di negara umat

¹²⁸ Hassan al-Banna dilahirkan di Mahmudiyyah pada 1324H/1906M. Ketika berumur 14 tahun beliau telah menghafaz al-Quran. Dari 1923 hingga 1927, beliau melanjutkan pelajaran di Dar al-U'lum, Kaherah hingga memperoleh Diploma pada usia 21 tahun. Pada 20 September 1927 beliau bertugas di sekolah al-Isma'iliyah al-Ibtida'iyah al-Amriyah dan ketika itulah beliau mengasas *al-Ikhwan al-Muslimun* di Isma'iliyah pada 1928. Pada 1949, beliau dibunuh oleh ejen Raja Faruq kerana bimbang dengan gerakan Ikhwanul Muslimin pimpinan Hassan al-Banna yang boleh mengugat kedudukannya sebagai pemerintah. Lihat Anwar al-Jundi, *Hassan al-Banna ad-Da'iyah al-Imam wa al-Mujaddid Asy-Syahid, Biografi Hassan al-Banna: Imam Para Da'i dan Mujaddih yang menemui syahid*, Terj. Khalifurrahman Fath, Solo: Media Insani Press, 2003, hlm. 10-16.

¹²⁹ *Ibid.*





Islam di Asia Tenggara. Gerakan Ikhwanul Muslimin di bawah kepemimpinan para ulama reformis seperti Hassan al-Banna dan al-Syahid Syed Qutub telah dapat menanam dan meledakkan semangat gerakan Islam untuk menentang penjajah Barat di bumi Mesir pada awal abad ke-20.¹³⁰

Hassan al-Banna juga pernah menyeru seluruh umat Islam di seluruh dunia agar kembali kepada perjuangan Islam dan meletakkan Islam sebagai panduan hidup.¹³¹ Antara inti pati ucapan beliau adalah seperti berikut:

“Aku berhasil melampaui satu tahap dari hidupku di dalam naungan al-Quran dengan keyakinan yang kuat dan teguh bahawa tidak ada kedamaian di bumi tidak ada ketenangan dalam hidup dan tidak ada ketenteraman atas jiwa manusia, dan tidak ada ketinggian dan keberkatan serta kesucian bagi umur, dan tidak ada integrasi antara hukum alam dengan fitrah manusia yang hidup kecuali hanya dengan kembali kepada Allah”¹³²

Lantaran itu beliau menjadi penggerak Ikhwanul Muslimin untuk memberikan kesedaran terhadap seluruh umat Islam di dunia. Usaha gerakan ini berjaya menambat hati para pemuda serata dunia termasuklah anak-anak Melayu yang menuntut di Mesir ketika itu. Ikhwanul Muslimin berjaya menanamkan semangat jihad Islam untuk menentang penjajahan British. Gerakan Ikhwanul Muslimin berjaya menjadi wahana yang menghubungkan semangat orang Melayu dengan dunia Islam yang lain apabila rakyat di Tanah Melayu turut berdepan dengan penjajahan British. Secara tidak

¹³⁰ Fadhlullah Jamil, *Islam di Asia Barat, Sejarah Penjajahan dan Pergolakan*, Batu Cave: Thinkers Library, 2000, hlm. 231-234.

¹³¹ Sayid Quthub. *Fizhilalil Quran, Di bawah Naungan Al-Quran*. Terj. H. Bey Ariffin dan Jamaludin Kafie. Surabaya: Pt. Bina Ilmu, 1982, hlm. 22.

¹³² *Ibid.*, hlm. 26.



langsung hubungan ini memainkan peranan penting dalam mendidik dan membentuk minda masyarakat Melayu dalam usaha mereka menentang British.¹³³

Para pelajar yang menamatkan pelajar di Mesir akhirnya pulang dan cuba mencontohi perjalanan gerakan Ikhwanul Muslimin yang sebelum ini semangat perjuangan tersebut telah diperjuangkan oleh Syeikh Tahir Jalaluddin, Syed Syeikh al-Hadi dan Haji Abbas Muhammad Taha sebagai generasi pertama Kaum Muda.¹³⁴ Aliran pemikiran golongan ini kemudiannya diperjuangkan oleh generasi gelombang kedua seperti Ustaz Abu Bakar Al-Baqir melalui penubuhan Maahad al-Ehya Asshariff dan menubuhkan Hizbul Muslimin yang cuba mengajak orang Melayu agar bersatu dan kembali kepada perkembangan pemikiran Melayu Islam dalam mengharungi arus kebangkitan Islam sebenar. Akhirnya timbullah kesedaran kepada masyarakat Melayu untuk bangkit daripada dijajah sebagaimana gerakan Ikhwanul Muslimin menentang penjajah British.

Selain itu, kemunculan gerakan Muhammadiyah di Indonesia turut mempengaruhi gerakan Kaum Muda di Tanah Melayu. Muhammadiyah ditubuhkan dengan tujuan untuk memurnikan pegangan agama masyarakat dan membentuk kembali kesatuan. Muhammadiyah didirikan pada 18 November 1912 oleh Kyai Haji Ahmad Dahlan di Jogjakarta. Setelah itu diikuti penubuhan “al-Islah” (1914), al-Irsyad (1923) dan juga Persatuan Islam (Persis). Kiyai Haji Ahmad Dahlan, seorang ulama lulusan Mekah. Beliau banyak dipengaruhi oleh ajaran salaf menerusi buku-buku Ibn Taymiyah dan Muhammad Abduh. Pemikiran beliau dipengaruhi oleh majalah *al-*

¹³³ Ishak Saat, *Radikalisme Melayu Perak, 1945-1970*, 2011, hlm. 27-28

¹³⁴ Abdul Rahman Haji Abdullah, *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*. 1998, hlm. 267-268.



Urwatul Wusqa dan *Tafsir al-Manar*. Justeru, tidak hairanlah pemikiran beliau banyak dipengaruhi daripada adunan gerakan islah di Mekah dan Mesir. Dalam soal akidah dan ibadah banyak kecenderungannya pada gerakan islah di Mekah. Manakala dalam hal pendidikan dan modenisasi beliau banyak terpengaruh dengan idea gerakan islah di Mesir.¹³⁵

Pengaruh gerakan Muhammadiyah di Indonesia ini begitu ketara apabila gerakan islah di Tanah Melayu turut terpenggil untuk menubuhkan Pertubuhan Muhammadiyah di Singapura dan Pulau Pinang. Di Singapura, Persatuan Muhammadiyah telah ditubuhkan pada 25 Disember 1957. Presiden pertamanya ialah Abdul Rahman Harun. Pada 1962, terdapat cubaan untuk menubuhkan Persatuan Muhammadiyah Se-Malaya tetapi gagal kerana tidak dibenarkan oleh British.¹³⁶ Namun begitu di Pulau Pinang, Persatuan Muhammadiyah berjaya ditubuhkan pada 1967 yang diterajui oleh Zainal Abidin Zamzam Martapura.¹³⁷

Selain gerakan Muhammadiyah, terdapat beberapa gerakan lain. Antara yang utama ialah Jam'iyah al-Islah wa al-Irsyad yang dipelopori oleh al-Sawrkati. Perjuangan gerakan ini adalah untuk menentang taklid kepada individu tertentu dan menentang bidaah. Pada 1930 pula lahir Al-Jam'iyatul Washliyah di Medan pada 1930 yang diasas oleh Yusuf Ahmad Lubis, allamah Haji Mohamad Arsjad Thalib Lubis, allamah Haji Ismail Banda dan allamah Haji Abdulrahman Syihab. Kesepaduan ketiga-tiga medium yang meliputi kegiatan penerbitan, penubuhan madrasah dan pertubuhan agama

¹³⁵ Keterangan lanjut tentang Muhammadiyah, lihat A. Jainuri, *Muhammadiyah Gerakan Reformasi Islam di Jawa pada Awal Abad Kedua Puluh*, Surabaya: PT Bina Ilmu, 1981.

¹³⁶ Lihat al-Islah, Jilid 2, no.5, 15 April 1970.

¹³⁷ Abdul Rahman Abdullah, *Sejarah Ikhtilaf Mazhab di Malaysia*, Karisma Publication, Sdn. Bhd, Shah Alam, 2010, hlm. 79.





memungkinkan gerakan Kaum Muda di Indonesia berkembang pesat berbanding di tempat lain di Nusantara.¹³⁸

Masjumi yang ditubuhkan di Yogyakarta pada 8 November 1945 turut mempengaruhi gerakan kemerdekaan di Tanah Melayu. Pengaruh dan resapan Masyumi di Tanah Melayu terbukti apabila pada persidangan Majlis Agama Tertinggi Tanah Melayu (MATA) pada 14 MAC 1948 di Maahad al-Ehya Asshariff, Gunung Semanggol turut dihadiri oleh wakil Masjumi. Malah dalam persidangan tersebut, lagu Masyumi iaitu 'Selamat Masyumi' dinyanyikan pada persembakan majlis tersebut. Masjumi turut membiayai pertubuhan Hizbul Muslimin. Dalam rekod British, Masyumi turut dilaporkan membiayai penubuhan Hizbul Muslimin¹³⁹



Sa'id Nursi.¹⁴⁰ Gerakan Nursiyyah ini menekankan perubahan daripada bawah kepada yang lebih tinggi dan perubahan daripada sikap individu kepada sikap kemanusiaan. Gerakan ini memberi tiga tumpuan iaitu mengubati penyakit kelemahan iman dan meningkatkan kesedaran individu terhadap Islam. Kedua, mewujudkan gerak kerja Islam yang semestinya dilakukan melalui pendekatan jemaah. Ketiganya penyatuan antara sesama individu Islam, sesama negara Islam dan sesama penganut agama untuk menghadapi musuh yang menentang mereka.¹⁴¹

¹³⁸ *Ibid.*

¹³⁹ CO 537/3754/1948/55400/5/ *Pan-Malayan Review of Political and Security Intelligence*, No. 1/1948, Part I, Political Intelligence Review, 1 September 1948, hlm. 2.

¹⁴⁰ Nama sebenarnya Sa'id bin Mirza. Beliau dilahirkan pada 1290H/1873M di sebuah kampung bernama Nurs. Ketokohan dan kewibawaannya menjadikan gerakan dakwah berkembang luas di Turki hingga mengerunkan pemerintah sekular di Turki. Akibatnya beliau dipenjara dan pernah dibuang daerah selama 25 tahun. Lihat S.Kurter, O.Birge, "Bediuzzaman's Model for Islamic Renaissance, *Al-Ittihad*, hlm. 35.

¹⁴¹ *Ibid.*, hlm 35-44.





Kemunculan gerakan Islam ini dari pelbagai negara ini membuka mata reformis Melayu seperti Dr. Burhanuddin al-Helmy dan Ustaz Abu Bakar al-Baqir untuk menggerakkan parti politik yang berteraskan agama. Justeru Ustaz Abu Bakar berusaha menubuhkan Hizbul Muslimin pada 1948 dan Dr. Burhanuddin turut menggerakkan perjuangan kebangsaan Melayu Islam dalam politik dengan penglibatannya bersama PKMM dan PAS.

2.4 Faktor -Faktor Dalam Kemunculan dan Perkembangan Kaum Muda

Kemunculan dan perkembangan Kaum Muda di Tanah Melayu turut digerakkan oleh perkembangan dalaman yang berlaku di Tanah Melayu. Perkembangan dalaman ini adalah bertitik tolak daripada perkembangan yang berlaku di luar negara terutamanya gerakan islah yang melanda umat Islam di serata dunia. Antara faktor dalaman yang menggerakkan perkembangan Kaum Muda di Tanah Melayu adalah kepesatan peranan madrasah sebagai sistem pendidikan moden, kepesatan media penerbitan, kesedaran semangat keislaman dan peranan golongan cendekiawan serta korporat muslim yang membiayai kelangsungan perjuangan Kaum Muda. Mereka bertindak dengan saling bantu membantu untuk menerbitkan akhbar dan mendirikan madrasah di serata negeri di Tanah Melayu. Faktor-faktor dalaman inilah yang menjadi tunjang utama kepada kejayaan perjuangan Kaum Muda yang mendapat sokongan masyarakat terutamanya daripada golongan pelajar madrasah yang menjadi egen kepada perubahan masyarakat tersebut sebagai pendakwah atau tokoh masyarakat setempat.





2.4.1 Peranan Institusi Madrasah

Peranan ulama dalam institusi madrasah berjaya melahirkan ramai intelektual Melayu Islam di rantau Nusantara. Sistem pendidikan madrasah amat popular sepertimana institusi pondok dalam kalangan masyarakat Melayu tradisional. Melalui institusi ini banyak generasi baharu dilahirkan. Generasi baharu yang lebih berilmu dan luas pemikiran serta pandangan terhadap alam kehidupan yang lebih islamik. Malah institusi madrasah ini lebih berjaya melahirkan aliran-aliran pemikiran Islam di Tanah Melayu yang lebih bersikap terbuka dan rasional sehingga melahirkan kesatuan pemikiran dan perpaduan dalam kalangan umat Melayu Islam di Alam Melayu.

Penubuhan madrasah terawal dikesan di Tanah Melayu dibangunkan oleh seorang lulusan Universiti al-Azhar iaitu Syeikh Salleh Masri apabila beliau menubuhkan Madrasah al-Masriyah di Tanah Liat, Bukit Mertajam pada 1906.¹⁴² Pada peringkat awal, madrasah ini tidak begitu menonjol. Walau bagaimanapun pada 1951 madrasah ini menjadi terkenal kerana mudirnya, Tuan Guru Haji Ahmad Fuad¹⁴³ yang juga menantu Sheikh Salleh Masri mengasas Persatuan Ulama Se-Malaya yang kemudiannya dikenali sebagai Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Di Singapura pula pada 1908, Syed Sheikh al-Hadi membuka Madrasah al-Iqbal. Madrasah yang awal ditubuhkan di Tanah Melayu seperti Madrasah Masriyah di Pulau Pinang dan Madrasah

¹⁴² Othman Bakar, 'Haji Salleh Masri pengasas al-Masriyyah', dalam *Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980, hlm. 66.

¹⁴³ Beliau berasal dari Sitiawan, Perak. Beliau merupakan Yang DiPertua PAS Pusat yang pertama dan merupakan Ketua Biro Agama Umno Tanah Melayu. Lihat Rodiah Sulung, *Tuan Hj Ahmad Fuad Hassan: Biografi Seorang Pejuang Politik Islam*, Latihan ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 1987.





al-Iqbal Islamiyah dipengaruhi oleh bentuk pendidikan yang terdapat di Universiti al-Azhar.¹⁴⁴

Kemudian Syed Syeikh al-Hadi menubuhkan Madrasah al-Hadi di Melaka pada 1917 dan Madrasah al-Mashoor al-Islamiyah di Pulau Pinang pada 1919. Di Perak, beberapa pusat pendidikan Kaum Muda telah dibuka seperti Madrasah Idrisiah, Kuala Kangsar yang diasaskan oleh Sultan Iskandar Syah pada 1922. Madrasah ad-Diniah, Kg Lalang dibuka Sheikh Junid Thola pada 1932, Maahad El-Ihya As-Syariff, Gunung Semanggol diasas oleh Ustaz Abu Bakar al-Baqir pada 1934 dan Madrasah Al-Ulum as-Syar'iyah, Bagan Datok diasas oleh Tuan Guru Mohd Arshad Salleh pada 1937. Perkara-perkara yang diajarkan di sekolah ini ialah agama Islam, bahasa Arab, bahasa Inggeris, Melayu, Matematik, Geografi, Sejarah, Khutbah dan Karang-Mengarang.¹⁴⁵



Di Kelantan pula, pendidikan yang lebih formal berlaku di Kelantan sekitar 1917 iaitu setelah dua tahun Majlis Ugama dan Adat Melayu Kelantan ditubuhkan. Pada 5 Ogos 1917, sistem pendidikan kelas diperkenalkan oleh kerajaan melalui Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) apabila Madrasah Muhammadiyah ditubuhkan. Sistem pengajian Mekah turut diperkenalkan di Masjid Besar Kota Bharu sebagai Pusat Pengajian Tinggi Islam dan dianggap sebagai universiti pertama di Tanah Melayu.¹⁴⁶

¹⁴⁴ Mohammad Redzuan Othman, "Masjid al-Haram sebagai sebuah Institusi Pengajian: Peranannya dalam Perkembangan Awal Pendidikan dan Intelektualisme Melayu" dalam Farid Mat Zain (penyunting), *Islam di Tanah Melayu Abad ke-19*, 2007, hlm. 54.

¹⁴⁵ Riduan Mohammad Nor dan Mohd Fadli Ghani, *Ulama dalam sorotan Perjuangan Kemerdekaan*, 2007, hlm. 130.

¹⁴⁶ Yusoff Zaky Yaacob, "Tok Kenali (1868-1933)", dalam Ismail Che Daud, *Tokoh-tokoh Ulama Semenanjung Melayu 1*. Kota Bharu: MAIK, 1988, hlm. 96.





Menjelang Perang Dunia Kedua, hampir semua jajahan di Kelantan telah ditubuhkan sekolah agama sistem kelas ini. Di Kedah, Maktab Mahmud telah diasaskan pada 1936 dan madrasah Alawiyah diasaskan di Arau, Perlis pada 1926. Syeikh Abdullah Fahim turut menubuhkan Madrasah ad-Daeratul Maarif al-Wathaniyah di Seberang Perai pada. Di negeri-negeri lain, sistem madrasah ini turut berkembang. Selepas Perang Dunia Kedua, sekolah-sekolah agama ini mengambil alih peranan pondok dalam sistem pendidikan Islam di negara ini. Pada awal abad ke-20 juga banyak madrasah didirikan di negeri-negeri lain terutama di utara Tanah mekayu. Akhbar Neracha terbitan Ogos 1913 melaporkan berpuluh-puluh madrasah telah ditubuhkan di Perak dan sedang menghasilkan bakal-bakal guru dan pegawai agama.¹⁴⁷

Antara madrasah-madrasah ini ada yang menggantikan sistem pondok yang sudah ketinggalan zaman misalnya Madrasah al-Wataniah, Tanjung Piandang yang menggantikan Syamsul Maarif, madrasah Diniah Padang Lalang yang namanya ialah Yahyawiyah yang ditukar nama pada 1947 menggantikan sistem pondok “alwie” dan Al ihya As-Syariff yang menggantikan sistem pondok al-Rahmaniah. Madrasah yang menggantikan sistem pondok ini menjadi sebagai madrasah islah ataupun reformis.¹⁴⁸ Pada permulaannya, sekolah-sekolah agama ini mendapat sambutan yang baik. Dua faktor utamanya adalah kerana sekolah Melayu dan British belum meluas lagi. Keduanya kerana semangat keagamaan rakyat yang kuat dan mahu menentang Barat. Sekolah agama rakyat merupakan satu institusi pendidikan yang tradisional. Oleh itu apabila pembaharuan dilakukan pada sekolah agama selepas 1900, pembaharuannya menggalakkan lagi penghantaran anak-anak ke madrasah.

¹⁴⁷ William R. Roff, 1967, hlm. 77.

¹⁴⁸ Nabir Abdullah, *Maahad al-ihya Assyariff Gunung Semanggol 1934-1959*. Bangi: Jabatan Sejarah UKM, 1976, hlm. 23.





Sistem pendidikan Islam di Tanah Melayu yang kebanyakannya setakat Sanawi dan memerlukan para pelajar menyambung pengajian ke luar negeri. Kaum Muda mendesak diwujudkan institusi pengajian tinggi Islam di Tanah Melayu. Maahad al-Ehya Assyariff menjadi institusi pendidikan Islam paling terkenal selepas 1945 apabila memperkenalkan kelas *Kismu al-Ali* dan *Takhasus* pada 1939 yang setaraf dengan kolej. Bahkan maahad tersebut juga telah merancang untuk menubuhkan kelas kuliah yang setaraf dengan universiti pada 1941.¹⁴⁹ Pada 24 Mac 1948, Majlis Tertinggi Agama (MATA) ditubuhkan dalam satu persidangan di Gunung Semanggol yang antara lain bertujuan untuk menggerakkan umat Islam dalam bidang pendidikan melalui jawatankuasa Badan Kebajikan Pelajaran MATA.

Tokoh-tokoh pengasas madrasah ini seperti Ustaz Abu Bakir, pengasas Maahad al-Ihya al-Syarif, Syeikh Junid Tola, pengasas Madrasah Diniyah dan Syed Syeikh al-Hadi merupakan golongan Kaum Muda yang berjaya menyemai benih-benih reformis Islam kepada pelajar-pelajar di madrasah masing-masing. Perkembangan madrasah-madrasah yang begitu pesat antara 1906 hingga 1948 ini telah melahirkan tokoh-tokoh hebat hasil tarbiah di madrasah seperti Dr. Burhanuddin al-Helmy lepasan madrasah al-Mashoor dan Prof Zulkifli Muhammad lepasan Madrasah Maahad al Ehya al-Assyariff. Mereka bukan sahaja berjaya menjadi tokoh agama yang hebat tetapi juga sebagai penggerak kesedaran kemerdekaan di Tanah Melayu. Inilah faktor-faktor dalaman yang menggerakkan kekuatan perkembangan Kaum Muda melebarkan pengaruhnya daripada membetulkan masyarakat walaupun bilangan mereka tidaklah begitu ramai. Walaupun kebangkitan awal perjuangan kemerdekaan berlaku secara tidak tersusun

¹⁴⁹ *Ibid.*, hlm. 60-61.





dalam bentuk organisasi yang teratur tetapi kebangkitan ini menggerunkan penjajah. Hal ini disebabkan kebangkitan ini mengkaderkan tenaga-tenaga jihad di tempat mereka mengajar.¹⁵⁰

2.4.2 Kapesatan Media Penerbitan

Tidak diragukan bahawa idea pembaharuan yang dipelopori oleh Syed Jamaluddin Al-Afghani (1838-1887M) bersama muridnya Muhammad Abduh (1849-1905M) sangat besar pengaruhnya terhadap dunia Islam. Sebagai tokoh besar, mereka menyebarkan idea pemikiran melalui kuliah, ceramah dan juga melalui penerbitan. Mereka menyeru kepada umat Islam supaya kembali kepada ajaran Islam dan bangun menentang penjajah. Syeikh Muhammad Abduh juga berpandangan bahawa umat Islam akan dapat bersatu hanya dengan cara mengikuti prinsip-prinsip Islam yang benar dan meninggalkan bid'ah serta khurafat yang umumnya telah dianggap sebahagian dari ajaran agama. Beliau juga berpendapat cara yang paling berkesan untuk menjawab tentangan Barat adalah dengan memanfaatkan ilmu dan teknologi untuk kemajuan masyarakat Islam sambil memegang teguh sumber-sumber ajaran Islam yang asli. Beliau menyeru umat Islam menggabungkan kebaikan dari Barat dan membuat beberapa pengubahsuaian selaras dengan kehendak Islam.¹⁵¹

¹⁵⁰ Nikki R. Keddie, *An Islamic Response to Imperialism, Political and Religious Writing of Sayyid Jamal El-Din- al- Afghani*, Universiti of California Press, Berkeley, 1968, hlm. 24.

¹⁵¹ Mohd Yaakub/ Zulkifli Haji Yusoff, "Riwayat Hidup Muhammad Abduh dan Sumbangannya" dalam *Tokoh-Tokoh Pemikir Dakwah: Petaling Jaya, Selangor*, 1990, hlm.90.



Justeru untuk mengembangkan pemikiran mereka, majalah *al-Urwah al Wuthqa* atau *al Manar* diterbitkan untuk menyedarkan masyarakat Islam tentang perlunya perubahan dalam kehidupan. Dalam majalah ini terdapat artikel-artikel yang merangsang untuk berfikir, membasmi kejumudan dalam masyarakat. Majalah-majalah ini berjaya mempengaruhi umat Islam di Mesir termasuk para pelajar Tanah Melayu yang menuntut di sana. Sekembalinya ke Tanah Melayu mereka turut menggunakan media yang sama untuk menyedarkan masyarakat Melayu. Di Tanah Melayu pula, Syeikh Syed al-Hadi telah memansakan bibit-bibit perjuangan Kaum Muda melalui majalah *al-Imam* yang muncul pada bulan Julai 1906 di Singapura. Tujuan *al-Imam* ialah untuk menyedarkan orang Melayu dengan “mengingatnkan mana yang lalai dan menjagakan mana yang tidur, menunjukkan mana yang sesat, menyampaikan suara yang menyeru dengan kebajikan kepada mereka itu.”¹⁵²

Al-Imam menyeru orang Melayu supaya bersatu untuk kepentingan bersama. Majalah ini juga telah membangkitkan perkara kemunduran orang Melayu dan penguasaan kehidupan mereka oleh kaum-kaum lain. Dalam aspek sosial, *al-Imam* memberi perhatian yang serius dengan mengkritik, mencadangkan dan menganjurkan pelbagai gagasan untuk menempa kemajuan bangsa Melayu. *Al-Imam* memang menitikberatkan masalah sosial, ekonomi dan politik. Pendapat Kaum Muda juga disiarkan melalui akhbar dan majalah yang lain seperti *Neracha* (Singapura, 1911-15), *al-Ikhwani* (Pulau Pinang, 1926-31), *Saudara* (Pulau Pinang, 1928-41) dan *Idaran Zaman* (Pulau Pinang, 1925-30).

¹⁵² *Al-Imam*, Jilid 1, No. 9, 5 Mei 1906, hlm. 8.



Selain penerbitan akhbar, Syeikh Syed al-Hadi turut menerbitkan buku-buku dan majalah seperti *Tarikh al-Islam*, *al-Ikhwan*, *Saudara* dan *Hikayat Faridah Hanum*. Dalam bidang penterjemahan pula, karya-karya ulama islah dari Timur Tengah turut menyumbang ke arah kesedaran umat Melayu ke arah pembaharuan Islam yang meliputi segala aspek kehidupan. Contohnya Syeikh Syed al-Hadi menerbitkan terjemahan karya-karya Muhammad Abduh seperti *Tafsir al-Fatihah*, *Tafsir Jus Amma*, *Agama Islam dan Akal*. Abdullah Basmeh dan Jaafar Albar turut menterjemah sebuah tulisan Rasyid Rida yang bertajuk *Wakil Rakyat dalam Islam*.¹⁵³

Usaha-Usaha penerbitan akhbar, majalah, buku-buku dan penterjemahan yang dilakukan oleh tokoh-tokoh Kaum Muda seperti ini menyebabkan aliran pembaharuan yang dibawa mereka tersebar pantas ke dalam masyarakat Melayu dan memberi kesedaran kepada orang Melayu untuk bangun dari tidur. Atas kesedaran inilah akhirnya lahir bibit-bibit untuk memerdekakan Tanah Melayu dari cengkaman penjajahan British.

2.4.3 Islam Penggerak Kesedaran Ummah

Penjajahan Barat ke atas umat Islam di dunia seperti di negara rantau Afrika, India, Filipina, Indonesia dan Tanah Melayu menyebabkan umat Islam di negara berkenaan ditindas. Selain menjarah ekonomi umat Islam, penjajah turut melaksanakan dasar pengembangan agama Kristian di negara-negara jajahannya. Bertolak daripada itu,

¹⁵³ Muhammad Rasyid Rida, *Wakil Rakyat Dalam Islam*, Abdullah Basmeh et al. (terj) Singapore: Qalam, 1953.





muncul kesedaran beragama dalam kalangan ulama-ulama dan penuntut-penuntut di Universiti Al-Azhar untuk menggerakkan umat Islam di seluruh dunia untuk menentang penjajah Barat ini. Hal ini amat bertepatan dengan tuntutan Islam yang menyeru umatnya bersatu sebagaimana terkandung dalam al-Quran “Dan berpeganglah kamu semuanya kepada agama Allah dan janganlah kamu bercerai-berai”¹⁵⁴

Justeru antara mekanisme penting untuk penyebaran idea menyedarkan umat Islam agar bersatu menentang penjajahan Barat adalah melalui ibadah haji yang merupakan muktamar tahunan umat Islam yang menghimpunkan ratusan ribu umat Islam. Pertemuan umat Islam seluruh dunia ini dimanfaatkan untuk berbincang tentang terjahan budaya kafir. Di Tanah Arab, pemikiran Muhammad Abdul Wahab cukup berpengaruh apatah lagi dengan ideologi besar seperti Syeikh Syed Jamaluddin al-Afghani yang mencetuskan revolusi pemikiran dalam menangani kemelut ummah.¹⁵⁵



Di Tanah Melayu, Kaum Muda menuntut masyarakat Islam agar kembali kepada ajaran Islam sebenar berdasarkan al Quran dan hadis. Islam sebagai faktor dalaman menjadi pemangkin kepada gerakan kesedaran tersebut. Kaum Muda menggerakkan orang Melayu atas tuntutan al-Quran untuk menggalakkan orang Melayu berubah sesuai dengan tuntutan ayat al-Quran dalam surah *Ar-Raad* ayat 11 yang bermaksud “Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah nasib sesuatu kaum hinggalah kaum itu mengubah nasibnya sendiri.” Aktivis Kaum Muda seperti Za’ba sering menekankan faktor Islam sebagai penggerak kesedaran untuk bangsa Melayu menjadi maju. Beliau mendakwa kemunduran orang Melayu dalam bidang ekonomi

¹⁵⁴ Surah *Ali Imran* ayat 103.

¹⁵⁵ Riduan Mohammad Nor dan Mohd Fadli Ghani, *Ulama dalam sorotan Perjuangan Kemerdekaan*, 2007, hlm. 10.





dan sosial adalah antara lainnya adalah kerana mereka tidak faham tentang ajaran Islam yang sebenar yang menggalakkan umatnya bekerja keras dan bukannya menerima takdir kesusahan semata-mata.¹⁵⁶ Beliau juga berpendapat orang Melayu gagal menjadi umat yang maju kerana mencampuradukkan agama Islam dengan adat resam dan kepercayaan lama sehingga bercanggah dengan ajaran Islam.¹⁵⁷

Justeru aktivis Kaum Muda sering menggesa orang Melayu kembali kepada ajaran Islam sebenar dan membebaskan bangsa dan negara dari belenggu penjajahan. Kaum Muda sedar bahawa terdapat beberapa faktor yang membantutkan pemikiran dan kemajuan bangsa Melayu. Antaranya adalah kurangnya pemahaman tentang ajaran Islam yang sebenar sebagaimana yang dituntut oleh al-Quran dan hadis, peranan guru agama dan imam yang tidak menyampaikan ajaran dan menunjukkan kepimpinan yang sewajarnya, Gejala adat-istiadat Melayu yang masih terikat dengan amalan-amalan berunsur Hindu, peranan penjajah British dengan kerjasama kaum imigran yang memeras sektor ekonomi negara dan sikap bangsa Melayu yang berpuas hati dengan kehidupan sekadarnya.¹⁵⁸

Atas dasar Islam sebagai penggerak kesedaran tersebutlah Kaum Muda bertindak melakukan perubahan kesedaran dalam kalangan masyarakat Melayu. Islam menggalakkan umatnya berjihad menentang penindasan penjajah sebagaimana yang termaktub dalam al-Quran yang bermaksud:

¹⁵⁶ *Utusan Melayu* 19 Februari 1920.

¹⁵⁷ Lihat Syair 'Za'ba bertajuk "Kejatuhan Darjat Islam" *Utusan Melayu* 20 Ogos 1919.

¹⁵⁸ Ishak Saat, "Golongan agama Pencetus awal perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu dalam "Isu-isu terpilih dalam Sejarah Pemikiran", 2009, hlm. 120.





“ Dan berperanglah di jalan Allah ke atas orang yang memerangi kamu, (tetapi) janganlah kamu melampaui batas kerana sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang melampaui batas.¹⁵⁹

Justeru, untuk menerbitkan kesedaran tersebut, Kaum Muda menerbitkan kesedaran dengan membuka madrasah dan akhbar. Disebabkan Kaum Muda dinafikan peluang menyebarkan pemikiran mereka melalui institusi agama yang rasmi, aktivis gerakan ini menyebarkan pemikiran dengan membuka madrasah dan menerbitkan akhbar.¹⁶⁰ Islam menjadi pemangkin kepada semangat kesedaran orang Melayu untuk mengikuti syariat dan berubah ke arah kemajuan. Pusat penyebaran Islam bercambah merata negeri seperti di Kelantan yang terkenal dengan jolokan Serambi Mekah. Di negeri Perak ajaran agama Islam turut berkembang khususnya di kawasan utara di daerah Kerian, Gunung Semanggol, Padang Rengas dan Kuala Kangsar. Manakala di kawasan

perisiran barat pula ialah Bagan Datok dan Teluk Anson.¹⁶¹ Lantaran itu tahap kesedaran Islam sangat tinggi dalam masyarakat Melayu khususnya di kawasan berkenaan.

Perkembangan pendidikan Islam ini juga turut meningkatkan pengaruh Kaum Muda yang sedang melanda Tanah Melayu pada awal abad ke 20. Justeru agama Islam merupakan faktor yang amat penting dalam mencorakkan aliran pemikiran orang Melayu untuk memperjuangkan nasib sendiri agar tidak ditindas dan dipandang hina.¹⁶²

Secara tidak langsung menimbulkan semangat kepada Kaum Muda yang telah mendapat kesedaran Islam ini untuk menggerakkan orang Melayu membebaskan tanah air daripada ditindas oleh penjajah British.

¹⁵⁹ Al-Baqarah ayat 190.

¹⁶⁰ Mohammad Redzuan Othman, *Islam dan Masyarakat Melayu*, hlm.114-115.

¹⁶¹ Nabir Haji Abdullah, 1976, hlm. 22.

¹⁶² Mahayuddin Haji Yahaya, *Islam di Alam Melayu*, 2001, hlm. 197-199.





2.4.4 Peranan Cendekiawan dan Hartawan Muslim

Peranan cendekiawan Muslim di Tanah Melayu turut merancakkan perkembangan aliran Kaum Muda di Tanah Melayu. Tokoh-tokoh yang pernah mendapat pendidikan di Timur Tengah seperti Tuan Haji Wan Musa bin Abdul Samad, Haji Nik Abdullah bin Wan Musa, Haji Abbas Mohd Taha, Rahim Kajai, Syeikh Tahir Jalaluddin, dan Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari telah mengembangkan aliran Kaum Muda ini. Begitu juga dengan pelajar Melayu yang mendapat pendidikan di India seperti Dr. Burhanuddin al-Helmy dan Maulana Noh turut menggerakkan masyarakat agar kembali kepada ajaran Islam sebenar dan bangun menentang British. Peranan cendekiawan Melayu tidak hanya terbatas dalam aliran agama seamata-mata tetapi peranan tersebut turut dikembangkan oleh pelajar yang mendapat aliran Inggeris seperti Za'ba dan tokoh aliran pendidikan tempatan seperti Ustaz Abu Bakar al-Baqir. Mereka inilah penggerak kepada perkembangan pengaruh Kaum Muda ini melalui wadah dakwah, penerbitan, penubuhan madrasah dan parti politik di Tanah Melayu.

Selain itu, perkembangan pengaruh Kaum Muda ini turut dibantu oleh golongan suntikan dana daripada hartawan Muslim. Mereka terlibat secara langsung membantu gerakan Kaum Muda ini dengan menerbitkan majalah, akhbar dan mendirikan madrasah. Inisiatif menerbitkan majalah islah dan madrasah banyak dibantu oleh golongan hartawan muslim terutamanya hartawan Arab. Kebanyakan orang Arab di Tanah Melayu merupakan golongan hartawan. Mereka terlibat dalam pelbagai urusan perdagangan sejak zaman berzaman seperti menjual pakaian dan juga kitab-kitab. Syeikh Awad al-Sa'aidan dan Sayyid Muhammad bin Aqil bin Yahya adalah antara tokoh yang berjaya dalam bidang perniagaan. Penerbitan *al-Imam* dibiayai oleh mereka





dengan menubuhkan *al-Imam Printing Company* pada Mac 1908. Ketika penubuhannya itu, syarikat ini memiliki modal sebanyak \$20,000.¹⁶³

Selain penubuhan madrasah Kaum Muda juga banyak dibiayai oleh golongan bangsawan yang hartawan. Antaranya ialah Raja Haji Ali Kelana yang menubuhkan *Madrasah al-Iqbal al-Islamiyah* di Singapura di bawah naungan Raja Ali Kelana Riau.¹⁶⁴ Pengurusan madrasah melantik Raja Haji Ali Kelana sebagai penaung kerana beliau telah membiayai madrasah berkenaan.¹⁶⁵ Syed Syeikh al-Hadi turut melantik Uthman Effendi Rafaat dari Mesir sebagai mudirnya yang pertama pada 9 September 1907.¹⁶⁶ Beliau turut membantu mendapatkan dana madrasah berkenaan daripada sumbangan peniaga-peniaga India Muslim dan Arab Peranakan di Singapura. Selain mendapatkan bantuan kewangan, sumbangan terbesar beliau adalah berjaya memodenkan sistem pendidikan agama dengan mengintegrasikannya dengan pendidikan moden seperti matematik dan bahasa Inggeris. Akhirnya madrasah-madrasah di Tanah Melayu turut mengikuti silibus sedemikian rupa.¹⁶⁷

Justeru peranan cendekiawan dan hartawan Muslim sangat berperanan membantu perkembangan pendidikan Islam di Tanah Melayu dan perkembangan ini dirintis oleh Kaum Muda yang menjadi tunjang sistem pendidikan tersebut di madrasah.

¹⁶³ *Al-Imam*, Jilid 2, No.9, 5 Mei 1908, hlm. 292-293. Lihat juga Syed Alwi al-Hadi. "The Life of My Father" dalam A.Gordon (ed). *The Real Cry of Syed Syakh al-Hady*. Kuala Lumpur: Malaysia Sociological Research Institute. 1999, hlm 77.

¹⁶⁴ *Ibid.*, hlm. 121.

¹⁶⁵ Ibrahim Abu Bakar, *Islamic Modernism in Malaya*, 1994, hlm. 61.

¹⁶⁶ *al-Imam*, Jilid 2, No.3, 9 September 1907, Lihat juga Abdullah Alwi Haji Hassan, "The Development of Islamic Education in Kelantan", dalam *Tamadun Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980, hlm.196

¹⁶⁷ Abdullah Alwii Haji Hassan, "The Development of Islamic Education in Kelantan", dalam *Tamadun Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980, hlm. 196.





Secara tidak langsung mengembangkan pengaruh Kaum Muda dalam masyarakat Melayu terutamanya dalam kalangan pelajar madrasah.

2.5 Kesimpulan

Sejarah perjuangan Kaum Muda di Tanah Melayu bermula dengan gerakan tajdid dan islah yang berlaku ekoran kesedaran anak muda yang menuntut ilmu di luar dan juga di dalam negara. Gerakan ini menular ekoran pengaruh gerakan tajdid dan islah yang turut berlaku di negara umat Islam yang dijajah oleh Barat. Gerakan ini berlaku ekoran kesedaran mereka terhadap kehidupan umat Islam yang mundur dalam pelbagai bidang termasuk tidak mengamalkan ajaran Islam yang sebenar di samping berlakunya penjajahan Barat terhadap dunia umat Islam. Golongan islah dan tajdid di seluruh dunia ini melibatkan golongan agamawan yang bergerak secara individu dan pertubuhan Islam. Perjuangan Kaum Muda bukan sahaja untuk memperbaiki masyarakat agar kembali kepada ajaran sebenar dan menjauhi amalan khurafat dan bidaah tetapi turut meniup semangat kesedaran kepada masyarakat agar bangun menentang penjajahan British. Gelombang perjuangan Kaum Muda ini berlaku hebat ekoran beberapa faktor luaran dan dalaman yang berlaku di sekeliling masyarakat sehingga berjaya mengubah pemikiran dan tindakan orang Melayu terhadap amalan beragama mereka dan akhirnya berjaya menimbulkan semangat kesedaran kemerdekaan di Tanah Melayu.



BAB 3

TOKOH-TOKOH PEJUANG KAUM MUDA DI TANAH MELAYU

Terdapat beberapa aliran pemikiran yang mempengaruhi kewujudan Kaum Muda di Tanah Melayu. Pengaruh aliran-aliran pemikiran tersebut berpusat dari luar negara dan juga di dalam negara. Aliran yang paling besar dan kuat mempengaruhi pemikiran pelajar Melayu yang menuntut di luar negara adalah dari Timur Tengah. Mereka ini merupakan pelajar yang menuntut di Mekah dan juga di Universiti al-Azhar, Mesir. Selain pengaruh pemikiran dari Timur Tengah, terdapat juga tokoh Kaum Muda di Tanah Melayu yang mendapat pengaruh aliran pemikiran dari India terutama kepada mereka yang menuntut di Universiti Deoband ataupun Darul Ulum.

Terdapat juga tokoh Kaum Muda pengaruh aliran pemikiran tempatan yang menuntut di madrasah dalam negara seperti di Madrasah al-Mashoor, Maahad al-Ehya



Asshariff dan Madrasah ad-Diniah. Madrasah-madrasah ini turut mengembangkan aliran pemikiran Kaum Muda ini dalam kalangan para pelajarnya. Bagi aliran pendidikan Inggeris di Tanah Melayu, sebahagian mereka menjadi pendukung aliran Kaum Muda ini ekoran terpengaruh bahan bacaan seperti majalah dan akhbar islah dalam bahasa Inggeris dari luar negara seperti majalah *London Review* yang diterbitkan di London. Aliran pemikiran Kaum Muda ini sama ada berpusat dari luar negara atau dalam negara berjaya menggerakkan kesedaran reformis kepada pekajar-pelajar Melayu. Akhirnya para pelajar ini menerima idea reformis dan mengembangkan aliran pemikiran tersebut kepada masyarakat di Tanah Melayu.

3.2 Aliran Pemikiran Timur Tengah



Tokoh-tokoh yang menuntut di Timur Tengah merupakan pencetus utama kepada aliran Kaum Muda di Tanah Melayu. Mereka terdiri daripada anak-anak Melayu yang berpeluang mendapat pendidikan di Mekah dan juga Mesir. Sewaktu melanjutkan pelajaran ke Mekah, para pelajar ini terdedah kepada aliran Salafiah yang dibawa oleh Ibn Taimiyah dan Muhammad bin Abdul al-Wahab yang membawa idea islah dan tajdid di Arab Saudi. Manakala bagi para pelajar yang melanjutkan pelajaran ke Mesir pula mereka ini terdedah kepada aliran pemikiran Syeikh Jamaluddin al-Afghan, Syeikh Muhammad Abduh dan Syeikh Rasyid Reda Walaupun para pelajar ini tidak berkesempatan berguru dengan kesemua tokoh-tokoh berkenaan tetapi aliran pemikiran reformis ini berkembang subur kerana kitab-kitab mereka tersebar dalam masyarakat yang dibawa oleh para pengikut aliran itu melalui pengajaran di madrasah dan juga di





masjid. Mereka mengembangkannya di masjid, madrasah dan dalam halaqah ilmu dari rumah ke rumah. Antara tokoh Kaum Muda di Tanah Melayu yang mendapat sentuhan idea mereka ketika berada di Timur Tengah ini ialah Syed Syeikh al-Hadi, Syeikh Tahir Jalaluddin dan Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari.

3.2.1 Syed Syeikh al-Hadi (1864-1934)

Syed Syeikh al-Hadi merupakan reformis Kaum Muda, usahawan, tokoh agama dan penulis prolific yang cuba menyedarkan orang di Tanah Melayu agar kembali kepada Islam sebenar dan seterusnya bangkit daripada cengkaman penjajahan British. Syed Syeikh al-Hadi atau nama penuhnya Syed Syeikh bin Ahmad bin Hasan bin Saggaf al-

Hadi dilahirkan di Kampung Hulu, Melaka pada petang 25 Rejab 1281 Hijrah

bersamaan Khamis 25 Disember 1864M.¹ Nama bapanya ialah Syed Ahmad bin Hassan bin Sagaf al-Hadi berasal dari Hadhramaut. Syed Syeikh al-Hadi merupakan anak keempat daripada tujuh orang adik-beradik. Ibunya berketurunan Melayu Melaka.²

Syed Syeikh al-Hadi bersekolah agama di Melaka dan turut berpeluang belajar di Sekolah Melayu Settlements, Melaka. Manakala pelajaran Arab asasnya diperoleh daripada bapanya sendiri yang berketurunan Arab Yaman. Ketika beliau berumur lebih kurang tujuh tahun, Syed Syeikh al-Hadi memulakan hidupnya sebagai perantau dengan

¹ SP24/3, Syed Alwi, *Bapa Nobel Melayu*, hlm. 128. Jika dibuat pengiraan tahun 1281 Hijrah bersamaan 1864M. Sesetengah sejarawan meletakkan tarikh 1862M sebagai tarikh kelahiran beliau. William R. Roff berpendapat Syed Sheikh al-Hadi lahir pada 1862. Lihat William R. Roff, *Nasionalisme Melayu*, terjemahan Ahmad Bustamam, 1975, hlm. 67. Begitu juga Mohd Sarim Mustajab dalam tesis M.A beliau yang bertajuk *Islam dan Perkembangannya dalam Masyarakat Melayu di Semenanjung Tanah Melayu 1900-1940-an*, UKM, 1975, hlm 40 turut mengatakan tarikh kelahiran Syed Syeikh al-Hadi pada 1862M.

² SP.24/1, Syed Alwi, *Riwayat Hidup*, hlm. 1.





mengikuti ayah dan bapa saudaranya ke Pulau Penyengat.³ Namun agak berbeza dengan catatan Syed Syeikh al-Hadi sendiri yang menjelaskan:

Kita orang yang menanggung budi dan limpah kurnia Raja Riau daripada umur kita 15 tahun makan kita di dalam Riau tidak berubah daripada seperti seorang ahlinya yang kepercayaan yang mengetahui kebanyakan hal-ehwal rahsia perjalanan kerajaannya dan perikata hubungan kaum kerabat tiap-tiap seorang.⁴

Justeru, tulisan Syed Syeikh al-Hadi ini lebih diyakini lebih tepat kerana beliau sendiri yang menulis catatan tersebut di dalam majalah *al-Ikhwān* pada keluaran 16 Julai 1928. Bapa Syed Syeikh al-Hadi ialah Syed Ahmad dan adik bapanya, Syed Muhammad berhijrah ke Riau kerana isteri Syed Muhammad, Syarifah Hasyimah Bt Othman al-Sagoff mempunyai hubungan dengan keluarga bangsawan Bugis.⁵ Syed Syeikh al-Hadi berkahwin dengan, sepupunya Syarifah Syeikhun bt Syed Muhammad di Pulau Penyengat pada 1891. Anak-anak mereka adalah Syed Alwi (1892-1970), Syed Ahmad (1896), Aisyah (1897-1933) dan Umhani (1898-1925) yang semuanya dilahirkan di Pulau Penyengat. Beliau juga mempunyai anak yang bernama Mariam (1903-1954) dari isteri keduanya di Singapura. Syed Syeikh al-Hadi mengamalkan poligami ketika isteri yang pertama dan anak-anaknya masih tinggal di Pulau Penyengat.⁶ Menurut catatan Syed Alwi, pada 1907 bapanya telah berkahwin dengan wanita Pulau Pinang ketika beliau sering berulang-alik antara Singapura dan juga Pulau

³ SP24/3, Syed Alwi, *Bapa Nobel Melayu*, hlm. 128. Namun begitu terdapat sejarawan menyatakan umurnya ketika itu adalah 14 tahun. Lihat William R.Roff, *The Origins of Malaya Nationalism*, 1967, hlm. 67.

⁴ *Al-Ikhwān*, 16 Julai 1928, hlm. 349.

⁵ Isterinya mempunyai hubungan kekeluargaan dengan keluarga Daeng Chelak yang anaknya juga berkahwin dengan Arab dari Ba'alwi. Rujuk SP 24/1, Syed Alwi, *Riwayat Hidup*, dan SP24/3, Syed Alwi bin Syed Sheikh al-Hadi, *Bapa Nobel Melayu*.

⁶ SP24/1, Syed Alwi bin Syed Syeikh al-Hadi, hlm. 4.





Pinang. Di sini menunjukkan beliau mengahwini tiga wanita dari tiga buah pulau yang berbeza iaitu Pulau Penyengat, Singapura dan juga Pulau Pinang.⁷

Keluarga al-Sagoff di sebelah ibu Syed Syeikh al-Hadi mempunyai hubungan yang rapat dengan keluarga di-Raja Riau. Hubungan rapat tersebut dapat dibuktikan apabila Syed Syeikh al-Hadi diambil menjadi anak angkat Raja Haji Ali Kelana⁸ yang merupakan Yang Dipertuan Besar Riau-Lingga yang ke-10 dan terakhir dalam sejarah Kesultanan Riau iaitu dari 1858-1899.⁹ Syed Syeikh al-Hadi membesar bersama-sama dengan anak-anak dan sanak saudara bapa angkatnya. Mereka menggelarnya dengan nama Engku Anum atau Wan Anum.¹⁰ Mereka tidak memanggilnya dengan gelaran tengku atau raja kerana gelaran tersebut adalah eksklusif yang dikhususkan untuk keluarga di-Raja berdasarkan budaya tradisional Melayu.¹¹



Di Pulau Penyengat, Syed Syeikh al-Hadi menjadi biasa dengan masalah politik di Riau kerana bersama-sama merasai denyut getir yang melibatkan orang Melayu dan Bugis menentang penjajah Belanda. Apatah lagi bapa angkatnya juga merupakan darah bangsawan dan aktivis politik yang terkenal di Riau ketika itu. Keupayaan Syed Syeikh

⁷ SP60/E/6, Sayid Alwi, *Petikan-petikan tulisan Sheikh al-Hadi dari al-Imam dan al-Ikhwan*.

⁸ Raja Ali Kelana bin Sultan Muhammad Yusuf al-Ahmadi (Yamtuan Muda ke-10, 1858 Masihi - 1899 Masihi) bin Raja Ali (Yamtuan Muda ke-8, 1844 Masihi - 1857 Masihi) bin Raja Jaafar (Yamtuan Muda Ke-6, 1808 Masihi - 1832 Masihi) bin Raja Haji Asy-Syahidu fi Sabilillah (Yamtuan Muda ke-4, 1777 Masihi - 1784 Masihi) bin Upu Daeng Celak (Yamtuan Muda ke-2, 1729 Masihi-1746 Masihi). Raja Haji Ali juga dikenali dengan nama lain seperti Raja Haji Ali Kelana, Raja Ali Bukit dan Raja Ali Riau. Gelaran Kelana yang diperolehnya bermaksud beliau adalah pengganti raja. Raja Haji Ali meninggal dunia di Johor pada 1927. Keterangan lanjut tentang karya Raja Haji Ali Kelana boleh di dapati dalam Andaya, "From Rum to Tokyo: The Search for Anti-Colonial Allies by the Rulers of Riau, 1899-1914" dalam *Indonesia*, no 23, Oktober 1977.

⁹ SP 24/3, Syed Alwi bin Syed Sheikh al-Hadi, *Bapa Nobel Melayu*, hlm. 4-5.

¹⁰ SP 24/1, Syed Alwi, *Riwayat Hidup*, dan SP 24/3, *Bapa Nobel Melayu*.

¹¹ Winstedt R. O, "Malay Titles", *JMBRAS* 18:2(194):146-48. Lihat juga A.Samad Ahmad (ed.), *Kerajaan Johor-Riau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1985, hlm. 81 yang menyatakan budaya tradisional Bugis di Riau, gelaran "Raja", "Engku" dan "Encik Engku" adalah mengikut peraturan Raja-Raja Bugis.





al-Hadi sebagai pejuang reformis Islam, penulis dan juga usahawan bertitik tolak daripada pengaruh persekitaran yang melingkari kehidupannya di Riau. Susuk tubuh yang banyak membentuk peribadi Syed Syeikh al-Hadi ialah bapa angkatnya sendiri, iaitu Raja Haji Ali Kelana. Kehidupan Syed Syeikh al-Hadi banyak dilatari dengan kehidupan bangsawan di istana, bercampur gaul dengan para alim ulama dan tokoh politik Riau. Pendidikan yang diperoleh Raja Haji Ali Kelana dalam bidang Islam, bahasa Melayu, bahasa Arab, adat istiadat kebangsawanan Melayu dan undang-undang pemerintahan di Riau dimanfaatkan sepenuhnya oleh beliau untuk mendidik Syed Syeikh al-Hadi.

Pengaruh Raja Haji Ali Kelana terhadap perkembangan kehidupan Syed Syeikh al-Hadi begitu ketara dalam bidang agama, bahasa dan keusahawanan. Sejak kecil lagi Syed Syeikh al-Hadi mendapat pendedahan pendidikan agama di Pulau Penyengat. Sebelum itu, bapa kandungnya juga pernah menghantar beliau ke Kuala Terengganu bagi mempelajari pelajaran agama dan bahasa Arab di pondok. Memandangkan bapa angkatnya daripada keturunan bangsawan Riau, Syed Syeikh al-Hadi dibenarkan bergaul dengan anak-anak kerabat diraja Terengganu. Mereka menjadi rakan baiknya dan beliau menghabiskan masa dengan banyak bersama-sama anak bangsawan. Hal ini secara tak langsung memberi peluang yang baik kepada Syed Syeikh al-Hadi membina ketrampilan diri hasil pergaulan dengan golongan istana.¹²

Walau bagaimanapun Syed Syeikh al-Hadi tidak berminat dan tidak memberi sepenuh perhatian terhadap pelajarannya di pondok Kuala Terengganu tersebut.

¹² SP.24/1, Syed Alwi bin Syed Syeikh al-Hadi, hlm. 6.





Akhirnya, beliau dipanggil pulang ke Riau oleh bapa angkatnya setelah tidak mahu lagi belajar di Terengganu. Di Riau, Syed Syeikh al-Hadi berguru secara langsung dengan bapa angkatnya itu yang mengajar bahasa Melayu dan agama Islam. Beliau sangat mementingkan kedua-dua ilmu berkenaan dan ini amat mempengaruhi kehidupan Syed Syeikh al-Hadi sebagai seorang penulis dan agamawan. Di sinilah beliau mendapat pelajaran dan didikan asas pengetahuan dalam bidang agama daripada bapa angkatnya. Ketika Raja Haji Ali Kelana berangkat menunaikan ibadah haji di Mekah, beliau turut membawa Syed Syeikh al-Hadi bersama-sama. Di sana juga Syed Syeikh al-Hadi turut mendalami ilmu agamanya sebelum kembali ke Pulau Penyengat.¹³

Syed Syeikh al-Hadi diberi kepercayaan oleh istana Riau untuk mengiringi anak-anak raja melanjutkan pelajaran ke Mesir dan Arab Saudi. Beliau tinggal berbulan-bulan bersama-sama dengan anak-anak raja yang diiringinya ke Mesir, Mekah atau Madinah. Syed Syeikh al-Hadi juga menggunakan peluang ke Mekah kerana mengiringi keluarga diraja Riau dan bangsawan yang pergi haji atau belajar di sana. Syed Syeikh al-Hadi menemani mereka sehinggalah anak-anak raja itu sudah boleh berdikari. Dalam hal ini, Syed Syeikh al-Hadi diterima dengan mudah oleh anak-anak keluarga diraja Riau sebagai sahabat karib. Malah mereka menganggapnya sebagai penasihat dan ketua dalam kalangan mereka. Semasa mengunjungi Timur Tengah, Syed Syeikh al-Hadi merasakan pendidikan agama yang diterimanya masih tidak mencukupi.¹⁴ Justeru, Syed Syeikh al-Hadi ingin mendalami ilmunya di Mesir dan

¹³ *Ibid.*

¹⁴ SP 60/6, Arkib Negara Malaysia. Namun begitu, Roff tidak yakin dengan bukti yang menunjukkan Syed Syeikh al-Hadi menerima pendidikan formal di Mekah dan Mesir semasa melawat kedua-dua ulama berkenaan. Persoalan samaada beliau belajar di bawah Syeikh Muhammad Abduh tidak dapat dipastikan. Menurut beliau lagi, tiada sejarawan yang menyatakan Syed Syeikh al-Hadi belajar di Mekah atau Mesir. Malah tiada pembuktian beliau mempunyai diploma atau ijazah. William, R. Roff, *The Origin of Malayan Nationalism*, 1967, hlm. 62-63.





beliau merupakan antara kumpulan anak Melayu yang awal mendapat peluang melanjutkan pelajaran ke Timur Tengah. Syed Syeikh al-Hadi menggunakan kesempatan ini untuk melanjutkan pengetahuannya dalam bahasa Arab dan agama Islam.¹⁵

Walaupun Syed Syeikh al-Hadi pernah berkunjung ke Mesir tetapi tidak ada bukti yang jelas beliau belajar di Universiti al-Azhar. Namun begitu pemikiran islah yang diperjuangkan oleh Syed Syeikh Muhammad Abduh dan Syeikh Rasyid Rida amat mempengaruhi pemikiran beliau terhadap tokoh islah tersohor pada waktu itu.¹⁶ Peristiwa ini berlaku pada 1895 ketika dia berumur 28 tahun dan Syeikh Muhammad Abduh berusia 46 tahun. Pada saat inilah Syed Syeikh al-Hadi terdedah dengan pemikiran dan ajaran Syeikh Muhammad Abduh yang terkenal dengan fikiran-fikirannya yang maju, revolusioner dan berjaya membawa pembaharuan-pembaharuan dalam cara berfikir dan pembangunan masyarakat di Timur Tengah lebih-lebih lagi di Mesir.¹⁷

Sungguhpun Syed Syeikh al-Hadi tidak mendapat pendidikan formal di Universiti al-Azhar namun beliau tertarik dengan fikiran-fikiran revolusioner daripada Syeikh Muhammad Abduh dan lain-lain tokoh agama yang progresif.¹⁸ Antaranya ialah Syeikh Rasyid Reda di Mesir dan Syeikh Abdullah Zawawi di Mekah.¹⁹ Membaca

¹⁵ Talib Samad, Syed Syeikh al-Hadi. *Sasterawan Progresif Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 12.

¹⁶ Zainon Ahmad, "The Life, Times and Thought of Sayyid Shaykh Ahmad al-Hadi", M.A. Thesis, University of Malaya, 1979, hlm. 8

¹⁷ A.Nasir Haji Mahfudz, "Syed Syeikh al-Hadi: Sasterawan dan Ulama Progresif" dlm. *Dian*, bil 64, hlm.78.

¹⁸ Yahya Ismail, "Syed Sheikh Ahmad al-Hadi Zaman Baru dalam Bidang Novel di Bumi Pulau Pinang" dalam *Dewan Bahasa*, November 1974, hlm. 551.

¹⁹ SP 24/1.Alwi, "Riwayat Hidup".



tulisan Syed Syeikh al-Hadi dalam *al-Imam* dan *al-Ikhwān* secara jelas dapat dilihat pengaruh pemikiran Syeikh Muhammad Abduh. Hal ini demikian kerana semasa Syed Syeikh al-Hadi melawat Mekah dan Mesir, beliau berjumpa dan belajar Islam secara langsung dengan Syeikh Muhammad Abduh dan Syeikh Rasyid Reda.²⁰

Peluang yang diberikan oleh istana Riau dan Raja Haji Ali Kelana kepada Syed Syeikh al-Hadi untuk pergi ke Timur Tengah merupakan peluang yang cukup berguna sehingga membolehkannya menerima idea reformis Islam daripada tokoh-tokoh hebat pada masa itu di Mesir. Tanpa peluang yang diberikan mungkin idea-idea Syed Syeikh al-Hadi tidak begitu menyerlah baik dalam penulisan mahupun pendirian perjuangannya dalam mengislahkan masyarakat Melayu di Tanah Melayu. Bermula dari situ perjuangannya digambarkan oleh masyarakat sebagai mewakili Kaum Muda melalui penulisan yang progresif berkaitan dengan perubahan pemikiran yang perlu dilakukan dalam masyarakat.²¹

Kegiatan agama pelajar-pelajar di Riau dirancarkan lagi dengan penubuhan kelab Persekutuan Rusydiyah di Mesir pada awal 1890-an. Melalui kelab ini Syed Syeikh al-Hadi turut memperoleh ilmu pengetahuan Melayu dan Islam. Beliau merupakan ahli kelab berkenaan yang turut disertai oleh golongan agama, dan

²⁰ SP 24/1, Alwi, "*Riwayat Hidup*"; SP 24/3 "*Bapa Nobel Melayu*", SP 24/3.

²¹ Syed Syeikh al-Hadi membesar dan menerima pengajaran agama Islam dan bahasa Melayu di Riau. Mengikut catatan Syed Alwi, seorang daripada guru agama bapanya itu ialah almarhum Tuan Hj Hussain yang terkenal di Pulau Penyengat. Selain daripada menuntut ilmu dengan gurunya, Syed Sheikh al-Hadi lebih gemar meluaskan pengetahuannya dengan banyak membaca kitab-kitab, majalah-majalah dan surat khabar Melayu dan Arab walaupun semasa itu ia belum lagi cukup dalam pengetahuannya dalam bahasa Arab. Walaupun Syed Syeikh al-Hadi tidak mendapat pendidikan formal tetapi pergaulan dan pengembaraan yang dilaluinya menjadikan beliau seorang yang berpengetahuan luas. Kemampuannya berpidato, berdiskusi dan mengarang dengan baik membolehkan Syed Syeikh al-Hadi meluaskan jaringan pergaulannya, terutama dengan mereka yang mendapat pendidikan yang lebih baik daripada beliau. SP 24/1, Syed Alwi, *Riwayat Hidup*.



bangsawan Riau. Kelab yang ditubuhkan di Mekah ini dipanjangkan penubuhannya di Riau. Sekembalinya anak-anak istana Riau yang menuntut di sana, mereka turut menubuhkan *Kelab Persekutuan Rusydiah* ini di Pulau Penyengat. Mereka balik dengan pemikiran baharu baru dengan perspektif yang lebih terbuka. Kelab ini menjadi platform kepada Syed Syeikh al-Hadi untuk berbincang tentang idea islah yang ingin diperjuangkannya.²²

Syed Syeikh al-Hadi mendapat banyak pengalaman di kelab ini. Beliau belajar tentang pengaruh Barat dalam menguasai pemerintahan keluarga Di-Raja Riau. Malahan isu-isu keislaman turut dibincangkan di sini. Ahli-ahli keluarga Di-Raja Riau sering berulang alik ke Singapura dan Timur Tengah. Pembukaan terusan Suez pada 1869 menyebabkan perjalanan dari Singapura hanya mengambil masa dua minggu untuk ke Mesir. Hubungan ini menyemarakkan pemikiran pembaharuan pergerakan Islam yang berkembang pesat pada waktu itu di Mekah. Kebangkitan umat Islam sedunia menggerakkan semangat persaudaraan ummah, setelah kejatuhan beberapa negara Islam ke tangan penjajah. Sultan Abdul Hamid (1876-1909) merupakan Sultan Turki yang menyokong gerakan pembaharuan umat Islam sedunia. Hubungan kerajaannya dengan kerajaan Nusantara sangat baik. Baginda mengarahkan beberapa wakilnya supaya memperjuangkan semangat perpaduan Islam di daerah-daerah Asia, termasuk Riau. Malah kerajaan Riau pernah memohon bantuannya dalam menyelesaikan persengketaan dengan penjajah Belanda.²³

²² Tan, "*The Life and times of Sayyid Sheikh al-Hadi*", Latihan ilmiah, Universiti Malaya, 1961, hlm. 4.

²³ Alijah Gordon, *The Real Cry of Syed Shaykh al-Hady*: Kuala Lumpur: 1999, hlm, 6-9.





Selain Kelab Rusydiyah, Rumah Wakaf di Pulau Penyangat juga menjadi tempat Syed Syeikh al-Hadi belajar. Rumah Wakaf adalah rumah kebajikan kepada musafir yang berehat dan tidur sebelum mereka meneruskan perjalanan ke destinasi seterusnya. Syed Syeikh al-Hadi ditugaskan menguruskan rumah berkenaan. Kedatangan ramai musafir, agamawan membolehkan beliau berjumpa dan berbincang isu keagamaan dengan pengunjung rumah berkenaan.²⁴ Misalnya Syed Syeikh al-Hadi pernah berjumpa dengan Haji Husin dari Palembang dan Hj Salleh dari Minangkabau yang akhirnya menjadi guru agamanya.²⁵ Demikianlah latar belakang yang mempengaruhi perkembangan dan kegiatan keagamaan yang mewarnai kehidupan Syed Syeikh al-Hadi hingga membolehkan beliau mendapat pelbagai sumber untuk menggerakkan perjuangannya menyedarkan masyarakat di Tanah Melayu.



Tanah Melayu ini akhirnya meninggal dunia di Pulau Pinang pada 20 Februari 1934 di rumahnya di Jelutong Road dan dikebumikan di tanah perkuburan Masjid Mukim Jelutong, Pulau Pinang.²⁶ Berita kematiannya disiarkan dalam akhbar *Saudara*, akhbar miliknya pada 24 Februari 1934. Menurut rakan seperjuangannya, Za'ba:

*With his death we have lost a fearless champion who indefatigably concentrated his efforts and dedicated all his life to the defence of Islam. With his death too, we have lost a veteran journalist and prolific writer.*²⁷

²⁴ Tan, *The Life...*, hlm. 5; Lihat juga William R. Roff, *The Origin of Malaya Nationalism*, 1967, hlm. 62.

²⁵ *Ibid.*, hlm. 5.

²⁶ Syed Alwi al-Hadi, *The Life of My Father*, hlm. 77.

²⁷ Za'ba, "A Tribute to Syed Syeikh al-Hady", *Saudara*, 24 Feb 1934, hlm. 11.





3.2.1.1 Perjuangan Syed Syeikh al-Hadi dalam Kaum Muda

Dalam kalangan tokoh Kaum Muda ini, Syed Syeikh al-Hadi dianggap sebagai tokoh yang paling terkehadapan membawa idea kemajuan dalam masyarakat Melayu. Penglibatan beliau dalam usaha menyebarkan idea ini dilakukan menggunakan medium surat khabar, menubuhkan madrasah dan menerbitkan novel.²⁸ Penglibatan awal Syed Syeikh al-Hadi dalam gerakan Kaum Muda bermula di Singapura apabila beliau menerbitkan majalah *al-Imam*. Akhbar ini diterbitkan pada 23 Julai 1906 bersamaan 1 Jamadilakhir, 1324H. Akhbar bertulisan Jawi ini berjaya diterbitkan sebanyak 31 keluaran sebelum diberhentikan pada Disember 1908 ekoran masalah kewangan.²⁹ Syeikh Tahir Jalaluddin merupakan penggerak utama penerbitannya tetapi Syed Syeikh al-Hadi turut menjadi penyumbang yang penting dalam penerbitannya. Akhbar ini turut dibantu oleh Haji Abbas Mohd Taha dan dibiayai oleh seorang hartawan berketurunan Arab Hadharamaut, iaitu Syeikh Awad al-Sa'aidan.³⁰

Pada awal bulan Mac 1908, Syed Syeikh al-Hadi, Syed Hassan bin Shahab dan Syed Muhammad bin Aqil bin Yahya bergabung membiayai penerbitan *al-Imam*. Sebuah syarikat yang dinamakan *al-Imam Printing Company* ditubuhkan dengan memiliki modal sebanyak \$20,000 untuk memastikan penerbitannya berjalan dengan lancar.³¹ Syarikat pencetakan ini merupakan manifestasi kejayaan Kaum Muda di Tanah Melayu yang berganding bahu dengan tokoh korporat ketika itu. Mereka berhasrat

²⁸ Mohammad Redzuan Othman, "Idea Kemajuan Dalam Pemikiran dan Perjuangan Sayyid Shaykh al-Hadi", dalam *Sejarah Pembinaan Negara Bangsa*, 2006, hlm. 125.

²⁹ *Al-Imam*, Jilid 2, No.9, 5 Mei 1908, hlm. 292-293.

³⁰ Syed Alwi al-Hadi, "*The Life of My Father*", hlm. 77.

³¹ *Ibid.*, hlm. 77; *al-Imam*, 1908, hlm. 292-293.





untuk menyedarkan orang Melayu yang masih mundur, miskin dan tidak menghayati Islam agar dapat melaksanakan syariat Islam dalam konteks yang lebih syumul. Dalam usaha penerbitan akhbar ini, hampir semua tenaga kerjanya terdedah dengan idea reformasi yang berlaku di Timur Tengah yang dibawa oleh Syeikh Muhammad Abduh, Syeikh Rashid Rida. Pemikiran Islah yang digerakkan oleh mereka ini sedang berkembang pesat di Mesir dan mempengaruhi pemikiran para penggerak *al-Imam* ini. Mereka merasakan betapa perlunya memainkan peranan yang sama bagi merubah masyarakat Melayu.³² Justeru, *al-Imam* menjadikan matlamat akhbar ini sebagai “mengingatkan mana yang lalai dan menjagakan mereka yang tidur dan menunjukkan mana yang sesat.”³³

Penerbitan *al-Imam* dianggap sebagai bermulanya usaha menyebarkan idea kemajuan dalam masyarakat Melayu. Akhbar islah Melayu yang pertama ini memaparkan pemikiran pembaharuan yang menyeru orang Melayu membuat perubahan sosial dengan menerapkan unsur-unsur politik dalam tulisan yang diterbitkan.³⁴ Rencana-rencana berkaitan pergolakan di Timur Tengah sering dimuatkan untuk mendedahkan pembacanya kepada pergolakan politik yang berlaku di Mesir yang mempunyai kaitan dengan masalah umat Islam.³⁵ Di sini jelas menunjukkan fikrah gerakan Kaum Muda yang cuba dibawa oleh majalah *al-Imam* ini dengan cuba menyedarkan orang Melayu daripada kealpaannya dan berusaha untuk maju dalam pelbagai aspek kehidupan termasuk dalam berpolitik.

³² Abdullah Haji Jaafar, “Al-Imam,” dalam Khoo Kay Kim (sunt.), *Sejarah Masyarakat Melayu Moden Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia*, 1984, hlm. 85.

³³ *Al-Imam*, Jilid 1, No. 9, 5 Mei 1906, hlm. 8.

³⁴ Radin Soenarno, “Malay Nationalism, 1896-1941”, *Journal of Southeast Asian History*, Vol. 1, No 1, March 1960, hlm. 6.

³⁵ Abu Bakar Hamzah, “Al-Imam and Politics”, dalam Lutpi Ibrahim, *Islamika II*, Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise, 1982, hlm. 131-143.





Walau bagaimanapun gerakan pembaharuan ini tidak dapat diterima oleh semua masyarakat ketika itu. Sebahagian daripada masyarakat menolak pembaharuan ini dan melabelkan mereka dengan pelbagai gelaran. Syed Syeikh al-Hadi sendiri pernah dilabelkan dengan gelaran “Khalifah Kaum al-Manar” disebabkan terdapatnya pengaruh *al-Manar* yang kuat dalam kumpulan itu.³⁶ Selain itu gelaran “Khalifah Kaum Muda” dan “Khalifah Kaum Wahhabi” juga diberikan kepada beliau.³⁷ Usaha Syed Syeikh al-Hadi dan penggerak *al-Imam* menyebarkan idea kemajuan dalam masyarakat Melayu melalui media akhbar bukanlah satu usaha yang sia-sia jika diukur dengan sambutan yang diberikan terhadap penerbitannya. *Al-Imam* merupakan sebuah akhbar yang tersebar luas dengan cetakan sebanyak 5,000 naskhah ketika berada pada kemuncaknya dan merupakan antara akhbar Melayu yang mempunyai jumlah edaran yang paling tinggi sebelum Perang Dunia Kedua.³⁸



Walau bagaimanapun *al-Imam* terpaksa memberhentikan operasinya pada akhir tahun 1908 kerana menghadapi masalah kewangan.³⁹ Selepas itu Syed Syeikh al-Hadi menerbitkan *al-Ikhwān* pada 1926 dan *Saudara* pada tahun 1928 di Pulau Pinang. Akhbar-akhbar yang diterbitkan oleh Syed Syeikh al-Hadi ini mempunyai banyak persamaan dan pengaruh yang kuat ini adalah daripada majalah *al-Imam* dan *al-Manar* yang matlamatnya untuk menyebarkan idea kemajuan dalam masyarakat Melayu.⁴⁰

³⁶ *Ibid.*, hlm. 77. Lihat juga Mohammad Aboulkhir Zaki, “*Modern Muslim Thought in Egypt and its impact on Islam in Malaya*,” Ph.D. Thesis, Universiti of London, 1965, hlm. 384 yang menyatakan gelaran ini diberikan kerana terdapat banyak artikel yang diterbitkan oleh majalah *al-Imam* diambil langsung daripada *al-Manar*.

³⁷ Abu Bakar Hamzah, “*Al-Imam and Politics*”, 1982, hlm. 77.

³⁸ I. Proudfoot, “*Pre-War Malay Periodicals. Notes to Roff’s Bibliography Drawn From Government Gazettes*”, *Kekal Abadi*, No.4. Disember 1985, hlm. 5.

³⁹ Hamka, *Ajahku*, 1967, *Riwayat Hidup Dr. H. Abd. Karim Amrullah dan Perjuangan Kaum Agama di Sumatera*, Djakarta: Penerbit Djajamurni, Djakarta, 1967. hlm. 94.

⁴⁰ William W. R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1980, hlm. 94.





Usaha Syed Syeikh al-Hadi dan rakan-rakan seperjuangannya menggerakkan semangat kesedaran ini titik tolak daripada gerakan untuk memulihkan masyarakat Melayu yang tercicir dalam bidang sosial, ekonomi dan juga politik yang akhirnya timbul kesedaran untuk bangkit menentang penjajah British bagi menuntut kemerdekaan di Tanah Melayu.

Dalam pengembaraan ke Mekah dan Mesir bersama-sama dengan Raja Haji Ali Kelana, Syed Syeikh al-Hadi dapat melihat perkembangan penubuhan madrasah di Mesir. Kesempatan itu menyebabkan Syed Syeikh al-Hadi mendapat idea menubuhkan madrasah di Tanah Melayu. Akhirnya pada 1907, beliau menubuhkan Madrasah al-Iqbal al-Islamiyah di Singapura di bawah naungan Raja Ali Kelana Riau.⁴¹ Syed Syeikh al-Hadi melantik Uthman Effendi Rafaat dari Mesir sebagai mudirnya yang pertama pada 9 September 1907.⁴² Tujuan pelantikan tersebut untuk memastikan madrasah yang dibina ini akan mengikut sistem pendidikan yang progresif dengan mengabungkan sistem pendidikan moden seperti subjek geografi, matematik, bahasa Melayu, bahasa Inggeris di samping pendidikan agama dan bahasa Arab. Madrasah ini akhirnya menjadi ikutan madrasah-madrasah lain di seluruh Tanah Melayu.⁴³

Namun, madrasah ini hanya bertahan dalam tempoh dua tahun kerana tidak mendapat pelajar yang berkelayakan dan beberapa masalah lain seperti yang melibatkan masalah keluarga diraja Riau, masalah keluarga pelajar dan juga masalah promosi.

⁴¹ *Ibid.*, hlm. 121.

⁴² *Al-Imam*, Jilid 2, No.3, 9 September 1907, Lihat Abdullah Alwi Haji Hassan, "The development of Islamic Education in Kelantan", dalam *Tamadun Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980, hlm. 196.

⁴³ Abdullah Alwi Haji Hassan, "The Development of Islamic Education in Kelantan", dalam *Tamadun Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980, hlm. 196.





Akhirnya madrasah tersebut dipindahkan ke Pulau Penyengat dan dinamakan Madrasah al-Ahmadiyah (1908).⁴⁴ Justeru, kejayaan Syed Syeikh al-Hadi menggerakkan perubahan di Tanah Melayu bertitik tolak daripada pengaruh Raja Haji Ali Kelana di Riau yang telah melengkapkan pakej ketrampilan Syed Syeikh al-Hadi yang berkebolehan dalam pelbagai bidang ilmu. Oleh yang demikian, tidak hairanlah pengaruh kesusasteraan Riau turut mempengaruhi daya kepengarangan Syed Syeikh al-Hadi kerana beliau membesar dalam persekitaran kebudayaan dan kesusasteraan Melayu yang tinggi. Kemahiran berbahasa yang dimilikinya membolehkannya menjadi penulis yang sangat prolific.

Apabila Syed Syeikh al-Hadi berhijrah ke Melaka, beliau turut menubuhkan Madrasah al-Hadi di Bandar Kaba pada 1917. Namun begitu jangka hayat madrasah ini hanya dua tahun iaitu dari 1917-1918 sahaja kerana beliau terpaksa berpindah dari kampung halamannya sendiri ekoran sambutan yang tidak menggalakkan daripada penduduk tempatan dan tentangan daripada ulama-ulama konservatif di bandar tersebut.⁴⁵ Setelah itu beliau berhijrah ke Pulau Pinang dan menerajui *Madrasah al-Mashoor al-Islamiyah*. Madrasah ini ditubuhkan oleh beberapa orang dermawan keturunan Arab Hadramaut pada 1916 yang pada mulanya dikenali sebagai sekolah al-Quran. Melalui inisiatif Syed Syeikh al-Hadi, sebuah madrasah yang lebih sistematik telah diwujudkan pada 1919 yang dinamakan 'al-Mashoor' kerana mengambil nama seorang pemimpin masyarakat Islam yang terkenal di Pulau Pinang iaitu Syed Ahmad al-Mashoor.⁴⁶

⁴⁴ Ibrahim Abu Bakar, *Islamic Modernism in Malaya*, 1994, hlm. 61.

⁴⁵ Syed Alwi al-Hady, *The Life of My Father*, hlm.79.

⁴⁶ Rahim bin Osman, "Madrasah Masyhur al-Islamiyah", dalam Khoo Kay Kim, et al, *Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980, hlm. 75-85.





Di bawah kepimpinan Syed Syeikh al-Hadi, Madrasah al-Mashoor berjaya menjadi sebuah pusat pengajian Islam yang berkembang maju dan menjadi tapak semaian untuk melahirkan anak-anak Melayu yang ditanamkan dengan kesedaran untuk mencapai kemajuan. Penyebaran idea kemajuan oleh Syed Syeikh al-Hadi melalui pendidikan madrasah ternyata memberikan kesan yang penting kepada masyarakat Melayu. Lulusan madrasah yang ditanamkan dengan idea kemajuan menjadi pemangkin kepada perubahan dalam masyarakat. Salah seorang bekas pelajar yang menonjol dan berjaya melanjutkan pelajaran ke Mesir ialah Abu Bakar Asy'ari yang akhirnya menjadi tokoh Kaum Muda yang terkenal di Perlis dan menjadi penggerak kemajuan pemikiran masyarakat di utara Tanah Melayu.⁴⁷ Setelah menjadi penggerak kepada dunia penerbitan di Pulau Pinang, Syed Syeikh al-Hadi berjaya menyalurkan pemikirannya dalam penerbitan akhbar, buku dan majalah.



Apabila terlibat secara langsung dalam dunia penerbitan di Pulau Pinang, Syed Syeikh al-Hadi menjadi penulis yang sangat prolific pada eranya. Tulisan-tulisannya sangat menekankan kepada idea kemajuan umat Islam. Beliau turut aktif menulis novel Melayu moden. Novel pertamanya ialah *Hikayat Setia Asyik kepada Masyuknya atau Hikayat Faridah Hanum* (1925). Selain itu *Hikayat Taman Cinta Berahi* atau *Mahir Affandi dengan Iqbal Hanum* (1928), *Hikayat Cermin Kehidupan* (1929), *Hikayat Putri Nur ul-Ain* (1929), *Hikayat Anak Dara Ghassan atau Hindun dengan Hammad* (1928-29) turut mendapat tempat dalam masyarakat.⁴⁸

⁴⁷ Lihat *Ar-Rajaa*, Jilid 2, No.2, 1 August 1928, hlm. 14.

⁴⁸ Talib Samat, *Syed Syeikh al-Hadi, Sasterawan Progresif Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992, hlm. 111.





Semua usaha ini dilakukan melalui media penerbitan yang dilakukan secara halus untuk menyedarkan masyarakat Melayu supaya tidak terlalu mengongkong wanita dan perubahan sosial perlu dilakukan dengan memberi mereka peluang berjaya dalam kehidupan. Usaha berani Syed Syeikh al-Hadi ini ditulis dalam novel, cerpen dan akhbar hasil kesedaran beliau terhadap wanita yang juga perlu diberi peranan untuk membangunkan negara. Justeru, generasi kini perlu menghargai sumbangan Kaum Muda ini kerana berjaya membuka pemikiran ibu-bapa generasi dahulu dengan menggalakkan mereka memberi pendidikan termasuk kepada anak perempuan. Kesannya wanita di negara kita pada hari ini bukan sahaja mendominasi bidang akademik tetapi turut mencapai kedudukan sebagai pembuat dasar pembangunan negara.



Dalam bidang penerbitan buku, Syed Syeikh al-Hadi turut menghasilkan lima buah buku saduran, tujuh buah buku agama, tujuh buah buku cerita-cerita mata gelap (Rokambul) dan puluhan rencana agama, umum dan pengetahuan am yang disiarkan dalam *al-Imam*, *al-Ikhwan* dan *Saudara*. Dalam bidang kesusasteraan *Hikayat Faridah Hanum* merupakan saluran novel saduran Syed Syeikh al-Hadi yang cukup popular dan sekaligus mengangkat namanya dalam sejarah kesusasteraan Melayu moden. Karyanya secara tidak langsung memperkenalkan bentuk penulisan novel genre baru dalam kesusasteraan Melayu meskipun menggunakan nama hikayat dalam judulnya.

Selain itu, beliau juga sering memuji negara Turki yang dianggap negara contoh umat Islam yang maju ketika itu. Syed Syeikh al-Hadi melalui majalah *al-Ikhwan* terbitannya turut memberi sokongan yang kuat terhadap kejayaan Mustapa Kamal Atatürk yang berjaya membentuk negara Turki Moden. Dalam tulisannya beliau





menyarankan kejayaan Mustapa Kamal itu dijadikan contoh dan ikutan bagi setiap negara Islam supaya turut menjadi maju.⁴⁹ Idea dan gagasan inilah yang menyebabkan aliran Kaum Muda sering dimomokkan dengan sekularisme Mustapa Kamal oleh Kaum Tua. Pada peringkat awal akhbar terbitan Syed Syekh al-Hadi, ini *Saudara* sering memuji langkah-langkah liberalisasi Mustapa Kamal.⁵⁰ Malah tokoh Kaum Muda yang lain seperti Syekh Tahir Jalaluddin turut memuji langkah pemodenan yang dilakukan oleh tokoh Turki Moden itu seperti membenarkan kaum wanita bersekolah, belajar dan berpakaian moden.⁵¹

Walau bagaimanapun, sokongan sedemikian menimbulkan polemik kepada masyarakat di Tanah Melayu kerana pemodenan Mustapa Kamal itu adalah terlalu drastik dan keterlalu. Mustapa Kamal bertindak menutup sekolah agama, fakulti pengajian Islam, menukar cara sembahyang orang Islam, menggunakan loceng dan muzik sebagaimana orang Kristian dan tidak membenarkan azan dalam bahasa Arab.⁵² Hal ini menyebabkan Kaum Tua di Tanah Melayu memandang sinis dan curiga kepada Kaum Muda yang dilihat cenderung menyokong Mustapa Kamal menggulingkan kerajaan Khalifah Islam Othmaniah dan memuji-muji tindakan beliau mensekularkan Turki daripada sebuah kerajaan Islam.⁵³ Idea sekular ini turut ditentang oleh akhbar-

⁴⁹ Lihat *Ar-Rajaa*, Jilid 2, No.2, 1 August 1928, hlm. 16.

⁵⁰ *Saudara* yang mewakili suara Kaum Muda menganggap Mustapa Kamal ibarat Imam Mahdi yang telah dibangkitkan oleh Allah kerana berjaya memimpin gerakan pembaharuan Turki. Lihat *Saudara*, Jilid 1, No 15, 5 Januari 1929, hlm. 4.

⁵¹ Hamka, *Ajahku*, 1967, hlm. 124.

⁵² Lihat *al-Ikhwani*, Jilid 2, Bil. 4, 16 Disember 1928, hlm. 124 yang memaparkan pembatalan idea Mustapa Kamal yang ditentang hebat oleh rakyat. Akhbar ini melaporkan cadangan beliau untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa untuk mengkaji semula peraturan untuk menunaikan solat fardhu. Jawatankuasa tersebut ingin mengubah peraturan sembahyang fardhu dengan peraturan Eropah juga iaitu memakai bunyi bunyian dan sebagainya, tidak ada sujud, rukuk lagi bagaimana yang diwajibkan.

⁵³ Lihat *Pengasoh*, Jilid 8, No. 192, 28 Mac 1926, hlm. 7 yang sebuah majalah yang dianggap mewakili suara Kaum Tua di Tanah Melayu yang mengkritik hebat idea sekular Mustapa Kamal yang cuba untuk menukar sistem tulisan Arab kepada Rumi. Selain itu idea beliau untuk menyamakan hak penerimaan





akhbar dan majalah lain dari luar negara seperti *Seruan Azhar* dan *Pilehan Timoer* yang mewakili suara anak Melayu yang menuntut di Universiti al-Azhar.⁵⁴

Pembaharuan di Turki ini membimbangkan ulama-ulama Kaum Tua kerana mereka khuatir idea-idea pembaharuan itu akan tersasar dari landasan Islam yang sebenar sepertimana sikap Syed Syeikh al-Hadi yang menyokong gerakan mensekularkan Turki dalam *al-Ikhwān*.⁵⁵ Mereka bimbang pengaruh idea tersebut diterima oleh masyarakat Melayu. Namun begitu, jika diteliti idea-idea yang cuba digarapkan oleh Syed Syeikh al-Hadi ke dalam masyarakat Melayu tidaklah bersifat sekular sebagaimana tindakan Mustapa Kamal itu. Mungkin agak mendahului zaman hingga menyebabkan masyarakat ketika itu memandang sinis idea berkenaan seperti mengalakkan kaum wanita bekerja, menuntut ilmu, memilih jodoh dan berpakaian



Namun begitu mungkin terdapat kecenderungan Syed Syeikh al-Hadi yang cuba merealistikkan novel-novel percintaan beliau dengan adegan-adegan panas dan hangat

harta pusaka antara lelaki dan perempuan serta membenarkan wanita Islam berkahwin dengan pemuda bukan Islam tanpa menukar agama. Lihat juga *Pengasoh*, Jilid 8, No. 192, 28 Mac 1926, hlm. 11-12.

⁵⁴Lihat *Seruan Azhar*, Jilid 1, No.7, April 1926, hlm. 139-140 yang mengkritik Mustapa Kamal memerintahkan sebuah patung dan gambar didirikan sempena majlis keramaian yang disambut oleh rakyat Turki. Begitu juga dengan sebuah lagi majalah yang diterbitkan oleh pelajar Melayu di Timur Tengah, *Pilehan Timoer* yang turut mengecam keras tindakan kerajaan Turki menggugurkan Islam sebagai agama rasmi Turki yang sebelum ini menyatakan bahawa agama kerajaan Turki ialah Islam dan syariat Islam wajib dilindungi dan dilaksanakan oleh kerajaan Turki. Malajah ini juga turut menentang peraturan baru kerajaan Turki yang tidak lagi menggunakan "Demi Allah" dalam upacara sumpah yang ditukar kepada lafaz "Demi Kebangsaan dan Kemuliaan Turki". *Pilehan Timoer*, Jilid 1, Bil. 7, April 1928, hlm. 112.

⁵⁵*Al-Ikhwān*, Jilid 2, Bil. 3, 16 November 1927, hlm. 246 di bawah pimpinan Syed Syeikh al-Hadi menyokong perjuangan Mustapa Kamal apabila majalah tersebut menyiarkan berita kejayaan beliau dipilih semula secara sebulat suara sebagai Presiden Republik Turki pada bulan Oktober 1927.

⁵⁶Lihat *al-Ikhwān*, Jilid 1, Bil. 9, 16 Mei 1927, hlm. 182 yang menyokong kejayaan wanita Turki yang diemansipasikan oleh pemodenan Mustapa Kemal. Majalah tersebut menyiarkan berita kejayaan seorang wanita Turki bernama Hasrah Hanim yang berjaya menjadi peguam. Majalah itu turut memaparkan gambar Saimi Mahmud yang menuntut dalam bidang kedokteran di Constantinople dalam keadaan memakai pakaian moden dan penutup kepala ala Barat yang mula diperkenalkan sejak zaman kebebasan wanita Turki oleh Mustapa Kemal. Lihat *Al-Ikhwān*, Jilid 1, Bil. 10, 16 Jun 1927, hlm. 193.





seperti adegan berpelukan dan berciuman seperti dalam *Hikayat Faridah Hanum* hingga menimbulkan rasa tidak puas hati Kaum Tua terhadap Syed Syeikh al-Hadi. Walau bagaimanapun tidak bermakna usaha Syed Syeikh al-Hadi dalam berkarya tidak langsung membawa manfaat kepada masyarakat. Melalui penerbitan akhbar, novel, cerpen dan penubuhan madarasah inilah yang mencelikkan orang Melayu sehingga akhirnya berjaya melanjutkan pelajaran ke luar negara dan kembali menggerakkan kemajuan orang Melayu.

Masyarakat akhirnya sedar dan secara tidak langsung bermulalah bibit-bibit perjuangan untuk membebaskan negara daripada penjajahan dengan lahirnya pejuang-pejuang kemerdekaan dalam kalangan Kaum Muda seperti Dr. Burhanuddin al-Helmi dan Ustaz Abu Bakar Baqir. Syed Syeikh al-Hadi cuba menyedarkan orang Melayu bahawa Tanah Melayu yang ketika itu sedang dijajah oleh British agak sukar untuk ditentang dari segi ketenteraan. Justeru beliau menggunakan wadah penerbitan dan menubuhkan madrasah untuk membangunkan orang Melayu dengan ilmu pendidikan. Beliau sedar orang Melayu bukan sahaja sedang dijajah oleh kuasa Barat tersebut malah sumber ekonomi turut dikaut oleh imigran yang turut mendapat tempat di Tanah Melayu ketika itu. Kedudukan orang Melayu yang mundur dalam pelbagai aspek itu cuba ditonjolkan oleh Syed Syeikh al-Hadi dan rakan-rakannya agar mereka bangun dari kealpaan dan berjuang untuk kepentingan agama, bangsa dan negara mereka. Idea islah atau pembaharuan ini menyebabkan mereka dikenali dalam masyarakat Melayu sebagai Kaum Muda. Golongan pembaharuan ini agak terkehadapan dalam mengungkap isu-isu kemunduran umat Islam dan keperluan untuk maju dalam kehidupan sehingga tidak dapat diterima oleh masyarakat tradisional pada ketika itu.





3.2.1.2 Syed Syeikh al-Hadi Penggerak Kesedaran Kemerdekaan

Syed Syeikh al-Hadi merupakan penggerak kesedaran masyarakat Melayu agar bangkit dari kejahilan, rajin berusaha, menuruti ajaran agama sebenar dan pada masa yang sama turut menyeru kepada semangat kemerdekaan dalam kehidupan. Pada awal 1900an hingga 1930-an semangat kesedaran kemerdekaan tersebut bukanlah berorientasikan kepada politik kepartian. Sebaliknya semangat kesedaran kemerdekaan tersebut diperjuangkan dalam bentuk penulisan buku, akhbar dan juga majalah agar orang Melayu sedar tentang hasrat kemerdekaan tersebut. Walau bagaimanapun Syed Syeikh al-Hadi berpendapat, sebelum orang Melayu mahu menuntut kemerdekaan, mereka perlu dahulu mengubah kehidupan mereka yang masih dibelenggu kejahilan dan kemiskinan. Hal ini dinyatakan oleh beliau seperti berikut:



Sebab pertama-tamanya kita belum layak memerintah negeri. Yang kedua kita tiada boleh mendapat kekuatan bagi menegahkan seteru yang datang itu. Jika sekarang kita di bawah pemerintah kerajaan British yang bangsanya makan daging maka sekurang-kurangnya jika tiada dapat kita makan daging sama bolehlah juga kita menghisap tulangnyanya.⁵⁷

Tulisan Syed Syeikh al-Hadi ini bukanlah bermakna beliau menyeru bangsa Melayu agar meretui kehadiran penjajah British tetapi beliau ingin menyatakan bahawa bangsa Melayu masih belum bersedia untuk mencapai kemerdekaan dan memerintah. Terdapat banyak elemen yang perlu dikuasai terlebih dahulu untuk memerdekakan negara ini seperti membangunkan bangsa Melayu agar memajukan diri dalam pelajaran, keagamaan dan kemajuan kehidupan bernegara. Orang Melayu tidak mungkin boleh mencapai kemerdekaan jika mereka tidak mempunyai kelengkapan ilmu pengetahuan dan teknologi pertahanan kerana ketika itu mereka masih dibelenggu kejahilan dan

⁵⁷ *Al-Ikhwān*, 16 September 1926.





kemiskinan. Namun beliau optimis, masyarakat Melayu boleh mencapai kemerdekaan jika mereka bersatu dan mengubah daya fikir dan hidup yang positif. Bagi Syed Syeikh al-Hadi, kemerdekaan dan kemuliaan boleh tercapai kerana:

Buangkan perkataan mustahil itu, kerana lafaz mustahil itu telah musnah sama sekali daripada kamus perjalanan kemajuan kaum yang hendak hidup merdeka dan kehormatan di dalam watannya.”⁵⁸

Menurut Syed Syeikh al-Hadi, British bukanlah terlalu pandai tetapi disebabkan kebodohan bangsa Melayu sendiri yang tidak mementingkan pelajaran dengan tidak memberi galakan kepada generasi muda menuntut ilmu terutama golongan wanita. Menurut beliau:

Bukankah orang Inggeris sekarang ini masuk memerintah negeri kita ini kerana kebodohan kita dan kerana tidak mengerti kita memerintah negeri bukannya kerana orang Inggeris itu lebih sifatnya daripada kita... hanyalah sebab mereka itu lebih pelajaran dan lebih pengetahuan daripada kita... Tetapi hendaklah ianya memeriksa akan sebab-sebab yang menjadikan orang Inggeris itu terlebih pandai dan kuat daripada kita. Maka jikalau diperbuatnya demikian ertinya diperiksanya akan sebab-sebab kemajuan bangsa Inggeris dan sebab-sebab kejatuhan bangsa kita nescaya senanglah ia mengetahui bahawa sebab yang benar sekali ialah kerana sekalian bangsa Inggeris ini laki-laki dan perempuannya bersekutu pada menjadikan anak-anaknya besar dengan mempunyai perangai yang elok kasihkan kaum dan bangsanya. Adapun kita dengan kebodohan dan kesombongan sekalian laki-laki kita dikeluarkan oleh itu dua bahagian daripada perhimpunan kaumnya, iaitulah sebanyak sebanyak bilangan perempuannya tidak dibenarkan oleh mereka itu sekalian perempuannya masuk bercampur bagi berusaha sama pada mempunyai ikhtiar membantukan kemajuan kaumnya, hanyalah dipaksa oleh mereka itu tinggal selama-lamanya di dalam sifat kuda tunggangan menunggu dan dengan segala alatan yang menggemarkan menunggangnya sahaja.⁵⁹

⁵⁸ Saudara 8 Disember 1929 dan 4 Januari 1930.

⁵⁹ Syed Syeikh al-Hadi, *Hikayat Faridah Hanom*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, Cetakan semula, 1984, hlm. 116-117.





Malah kegusaran Syed Syeikh al-Hadi dititipnya dalam penulisannya untuk menyedarkan bangsa Melayu agar tidak ketinggalan dengan British yang menguasai negara ini.

Jika kiranya kita sedar dan jaga ada mempunyai akal yang sempurna betapakah boleh ridha kita bangsa yang lain daripada bangsa kita sendiri menjadi wasi kuasa atas kehidupan kita? Atau menjadi penjaga atas kita di dalam tanah air watan kita sehingga jika mereka tidak menyediakan makanan, pakaian, perkakas, tempat kediaman, dan menyediakan alatan perkakas yang boleh menyampaikan kita kepadanya nescaya matilah kita lapar dan bertelanjang. Pada hal mereka itu tidak sekali-kali menyediakan segala mata benda itu bagi kita melainkan kerana hendak menggemukkan kita sedikit supaya dapat mereka itu menggunakan kita bagaimana mereka itu menggunakan enjin dan kilang.⁶⁰

Beliau turut mengingatkan bangsa Melayu agar rajin berusaha dan mencontohi bangsa lain khasnya Inggeris dan Cina berdasarkan kenyataannya berikut:



Memadai. Memadailah. Bangunlah segera daripada tidur kamu wahai sekalian Ikhwan. Sedarlah daripada lalai kamu wahai sekalian saudara. Sanya telah kelamlah tipu daya kebodohan dan terbit cahaya pengetahuan. Tengok. Lihat. Dan perhatikan. Apakah yang telah diperbuat oleh kaum bangsa yang jaga itu? Meruntuhkan bukit yang besar-besar, membangunkan bangunan di padang yang rata, menjadikan lautan itu daratan dan daratan itu lautan.⁶¹

Sikap progresif Syed Syeikh al-Hadi untuk menyedarkan orang Melayu begitu ketara untuk memerdekakan mereka daripada kemalasan dan rajin berusaha. Beliau bukanlah *cauvinis* tetapi merupakan aktivis yang cuba menyedarkan kesan yang timbul jika anak watan tidak kuat bekerja sedangkan Islam amat menitikberatkan amalan bekerja dengan gigih. Menurut beliau lagi:

⁶⁰ *Al-Ikhwan*, 16 Oktober 1926.

⁶¹ *Ibid.*



Ambil iktibar. Cam, perhatikan wahai sekalian saudaraku. Bahawa kebanyakan bangsa Cina keluar mereka itu daripada negerinya datang kemari dengan segulung tika dan sehelai seluar sera berikat perutnya. Kemudian bekerjalah mereka itu dengan usaha dan pertolongan sekalian orang besar-besar dan orang kaya-kayanya hingga jadilah kebanyakan mereka itu tuan tanah, mempunyai rumah dan kebun, memiliki segala harta, mempunyai gedung dan kampung dan menjalankan kebanyakan tempat-tempat perniagaan dan bank. Maka adakah patut kita sekalian muslimin ini kurang daripada mereka itu usaha, cerdas, alim, amal, maruah, bertolong-tolongan dan berkasih-kasih setengah dengan setengahnya pada hal kita mengaku diri kita muslimin, percaya konon akan Quran yang menyuruh kepada tiap-tiap kelebihan. Bahawa sesungguhnya tiadalah memada sekalian Cina-Cina itu dengan perolehan yang telah dimilikinya di dalam negeri kita ini, maka berusaha pula sekalian orang besar-besar dan orang kaya-kayanya menjadikan beberapa perhimpunan dan persekutuan yang menjaga segala kegunaan dan faedah-faedah bangsanya serta membangunkan beberapa sekolah tempat pelajaran anak bangsanya yang miskin.⁶²

Menurut Syed Syeikh al-Hadi, selain perlu rajin berusaha untuk mencapai kemajuan, bangsa tersebut mestilah berilmu. Mana-mana kaum yang berilmu pasti akan dapat menguasai watan ataupun negara. Hal ini dinyatakan oleh beliau seperti berikut:

Pelajaran. Pelajaran. Pengetahuan. Leburkanlah diri kamu ke dalam kawah pengetahuan dan bantingkan tulang kamu ke atas landasan pekerjaan; kemudian peliharalah olehmu akan anak-anak kamu atas gemarkan keduanya daripada kecilnya.⁶³

Jiwa patriotik Syed Syeikh al-Hadi terserlah apabila beliau cuba menyedarkan orang Melayu agar jangan terpesona dengan pembangunan moden yang dibawa oleh British. Sebaliknya mereka perlu bangkit daripada kealpaan kerana semua kemudahan itu adalah untuk kepentingan British di Tanah Melayu dan tetapi dapat dimanfaatkan oleh bangsa-bangsa lain yang ada di Tanah Melayu atas kelekaan orang Melayu sendiri. Hal ini diperingatkan oleh beliau seperti berikut:

⁶² *Saudara*, 20 Oktober 1928.

⁶³ *Al-Ikhwan* 16 September 1926.



Janganlah tuan-tuan tertipu daya dengan melihatkan tanda-tanda yang menunjukkan alamat kekayaan dan kemakmuran di dalam negeri tuan-tuan, sebab kejadian yang sedemikian itu hanyalah semata-mata kerana keelokan pemerintahan kerajaan British yang menarik akan wang bangsa Eropah dan terbuka beberapa bank di sini bagi kegunaan yang am maka digunakan oleh sekalian bangsa-bangsa yang lain daripada bangsa tuan-tuan pada membeli pelana menaruh ke atas belakang bangsa dan saudara-saudara tuan-tuan dibawa oleh mereka itu bekerja membajak, menggali, mencangkul, mengorek; menggali akan tanah dan bumi hak punya tuan-tuan.⁶⁴

Syed Syeikh al-Hadi membangkitkan kesedaran kemerdekaan orang Melayu dalam konteks kemerdekaan yang lebih luas. Beliau ingin memerdekakan orang Melayu daripada ditindas oleh golongan aristokrat di istana dan para pembesar Melayu yang makan gaji dengan kerajaan. Untuk itu Syed Syeikh al-Hadi mengingatkan para pembesar Melayu yang bersekongkol dengan British dengan kata-kata berikut:

Janganlah tertipu daya kamu dengan angkatan dan pangkat kebesaran gelaran pembesar-pembesar kamu kerana mereka itulah asal segala bala yang telah menimpa ke atas kamu ini dan mereka itulah sehingga masa ini sebesar-besar penolong segala bangsa-bangsa yang telah menindih dan hendak menindih akan kamu.⁶⁵

Kata-kata ini amatlah pedas ditujukan kepada pembesar-pembesar Melayu yang hanya mementingkan kedudukan tanpa melihat kemunduran bangsa sendiri di kampung-kampung yang terpinggir daripada mendapat kemudahan asas. Tidak sebagaimana orang bandar terutamanya bangsa Cina yang mendapat faedah daripada pembangunan bandar yang dimajukan British untuk membangunkan industri bijih timah. Syed Syeikh al-Hadi, sebagai penggerak kesedaran kemerdekaan orang Melayu berusaha memerdekakan mereka daripada cengkaman penjajahan golongan aristokrat Melayu dengan kata-katanya yang amat menusuk perasaan:

⁶⁴ *Al-Ikhwān* 16 Oktober 1926.

⁶⁵ *Ibid.*, *Al-Ikhwān*, 16 Oktober, 1926.





Mereka itulah benih segala sebab musibah. Mereka itulah pengajaran segala kesusahan, mereka itulah ahli penipu dan segala bala. Mereka itulah sebab segala kebodohan dan asal segala penyakit. Bahkan mereka itulah yang menjadikan kita tinggal sekarang di dalam kehinaan di tanah air kita sendiri oleh tamak mereka itu akan pangkat kebesaran dan haloba akan harta dan kekayaan, tiada mengambil endah sekali-kali mereka itu akan ehwal kita melainkan waktu berkehendakkan wang ringgit yang boleh memenuhkan poket atau petinya atau waktu berhajat hendak menzahirkan dirinya di hadapan orang-orang yang dianya itu orang besar Islam.⁶⁶

Di samping itu Syed Syeikh al-Hadi juga menggerakkan kesedaran bangsanya dengan memerdekakan pemikiran dan sikap orang Melayu terhadap perhambaan kepada para pembesar di istana. Ironisnya, Syed Syeikh al-Hadi tidak menentang secara total British yang datang ke Tanah Melayu. Malah beliau menganggap kehadiran British turut merupakan 'rahmat' bagi orang Melayu kerana British telah memerdekakan orang Melayu daripada sistem perhambaan yang dilakukan oleh para pembesar istana.



Hanyalah yang patut bagi kamu pada masa ini mengucapkan terima kasih kepada kerajaan British yang maha besar sebab dengan kurnianyalah terlepas kamu daripada perhambaan sekalian pembesar-pembesar kamu serta mendapat kamu kebebasan di bawah undang-undang yang tidak sekali-kali menjadi sekatan atau larangan di antara kamu dengan perjalanan kemajuan... Hanya sanya yang wajib di atas kamu pada masa ini memperhambakan mata hati kamu kepada bangsa dan watan kamu serta berfikir apa-apa yang wajib dikerjakan.⁶⁷

Justeru tidak hairanlah Syed Syeikh al-Hadi agak berkrompomi dengan British kerana undang-undang yang ditentukan oleh British sama ada di Singapura mahupun di Pulau Pinang tidak menyekat kebebasan rakyat. Di negeri yang dikuasai oleh sultan, beberapa undang-undang menyekat kebebasan rakyat seperti akta penerbitan yang perlu mendapat kelulusan Majlis Agama Islam untuk penerbitan buku atau majalah berusur agama.

⁶⁶ *Saudara* 20 Oktober 1928.

⁶⁷ *Al-Ikhwān*, 16 September 1926.



Bagi Syed Syeikh al-Hadi, kesedaran kemerdekaan daripada belenggu kemiskinan dan penindasan aristokrat perlu diperjuangkan terlebih dahulu kepada orang Melayu sebelum mereka memperjuangkan kemerdekaan menentang penindasan British. Bagi Syed Syeikh al-Hadi, sebelum orang Melayu ditindas oleh British, mereka telah ditindas terlebih dahulu oleh sistem feodal yang menjumudkan pemikiran dan menindas mereka. Akhirnya bangsa Melayu menjadi bangsa yang layu dan lesu daripada arus kemajuan. Kekayaan hasil bumi dan kedudukan para pembesar yang kaya raya tidak sedikitpun membantu pembangunan kemajuan orang Melayu. Manakala orang Melayu daripada golongan kebanyakan pula menjadi alpa dan kurang berusaha untuk kemajuan bangsa. Sebaliknya Syed Syeikh al-Hadi memuji tindakan bangsa-bangsa lain seperti bangsa Eropah, Jepun dan orang Cina yang patut dicontohi oleh bangsa Melayu seperti rajin bekerja dan mengutamakan pelajaran anak-anak.

Adapun kita sekalian muslimin kiranya telah luput kita awal pertama daripada menurut suruhan agama kita yang mulia pada menaburkan ilmu dan pelajaran; kedua, tertinggal kita daripada meniru peratusan bangsa Eropah; ketiga, terlalai kita daripada menurut perjalanan bangsa Jepun. Maka adakah sampai masanya sekarang patut kita sekurang-kurangnya menurut perbuatan Cina ini pada memberi pelajaran dan pemeliharaan anak-anak bangsanya?⁶⁸

Sebenarnya Syed Syeikh al-Hadi melihat, dasar feodal di Tanah Melayu lebih mencengkam kemerdekaan orang Melayu. Beliau mengibaratkan kehadiran British ini sebagai ‘tentera tuhan’ *Rabbulalamin*. Kedatangan bangsa British ini turut menyediakan dasar pendidikan yang lebih baik kepada orang Melayu dan lebih menjaga keamanan dan menjaga peraturan berbanding dasar feodal Melayu yang sewenang-wenang menindas orang Melayu tanpa diberi kemudahan asas seperti pendidikan dan

⁶⁸ *Saudara* 20 Oktober 1928.



kebajikan hidup. Hal ini dapat dibuktikan dalam keluaran majalah *al-Ikhwān* bertarikh 16 September 1926.

Hanya sanya bangsa Inggeris ini tentera daripada tuhan Rabbulalamin disuruhnya kemari supaya mengeluarkan kita daripada gelap gelita penjara kebodohan, kezaliman, kejahatan dan kebengisan pemerintah-pemerintah bangsa kita yang asal. Kerana bangsa Inggeris ini kaum yang pandai dan mengerti peraturan pemerintahan dan peraturan keamanan dan memakmurkan dunia. Adapun berfikir apa lagi berkata atau bekerja berkehendakkan kerajaan Inggeris melepaskan tangannya daripada negeri kita masa ini iaitulah pada fikiran kita suatu dosa yang maha besar di atas watan dan perhimpunan kaum bangsa kita. Kerana semata-mata lepas naungan bangsa Inggeris daripada kini nescaya datanglah serta menyertai pada masa itu bangsa yang lain pula.⁶⁹

Di sini kita boleh melihat pegangan, Syed Syeikh al-Hadi yang dilihat seperti berkompromi dengan British. Namun jika difikir secara mendalam, pandangan tersebut ada kewajarannya kerana pada ketika itu orang Melayu masih belum mampu melawan penjajah asing. Sebaliknya memilih untuk berkompromi dengan British dalam rangka persiapan menyiapkan persediaan masyarakat ke arah kemerdekaan negara sebenar. Kebimbangan Syed Syeikh al-Hadi ada asasnya kerana di negara-negara jiran lain seperti Indonesia telah dikuasai oleh Belanda dan Vietnam pula dikuasai oleh Perancis yang pada bila-bila masa sahaja boleh menjajah Tanah Melayu pula. Malah bagi Syed Syeikh al-Hadi, jika British tiada di Tanah Melayu, mungkin sistem feudal akan kembali mencengkam kehidupan mereka.

Wahai sekalian ketua-ketua agama dan orang kaya-kaya dan orang besar-besar. Daripada apakah kejadian hati tuan-tuan sekalian? Apa daripada jolok apikah atau daripada besi khursanikah atau memang tuan-tuan sekalian tidak beriman dengan hari kiamat? Maka tiada perasaan dan tiada peringatan kepada agama dan bangsa dan kaum dan tanah air yang akan lebur sama sekali ini di dalam hati tuan? ...Bukankah tuan-tuan itu yang patut bersuara dan mengadakan ikhtiar bagi membaiki hal sekalian mereka itu yang bodoh dan lalai itu; kerana tuan-tuanlah konon orang besar-besar Islam... Apakah makna orang besar-besar itu? Apa

⁶⁹ *Al-Ikhwān*, 16 Oktober 1926.



untuk hendak mendada di dalam majlis sajakah? Atau hendak minta orang mencium tangan yang harum itu sajakah? Bahkan tuan-tuanlah yang dituntut pada ikhtiar dan berusaha mencari jalan pada menuntun akan mereka itu kepada jalan yang kesempurnaan supaya tertinggal daripada mereka itu malas dan segan, tiada berilmu dan amal, suka bergantung kepada angan-angan yang karut-karut, meninggalkan sebab-sebab yang sebenar umpama berkehendakkan sembuh daripada penyakit atau berkehendakkan harta bagi meminta ke kubur atau kepada segala dajal-dajal penjaja agama dan seumpamanya...⁷⁰

Justeru, Syed Syeikh al-Hadi lebih menyeru kepada orang Melayu agar mencapai kemerdekaan dari penjajahan aristokrat Melayu dahulu berbanding dengan penjajah British kerana sejak sekian lama minda dan fizikal orang Melayu dikongkong oleh sistem feodal yang tidak membantu meningkatkan taraf hidup mereka. Malahan, orang Melayu dijadikan hamba dan diarah untuk patuh dan taat kepada sistem feodal berkenaan walaupun mereka dizalimi oleh sistem tersebut.

Syed Syeikh al-Hadi dianggap sebagai tokoh yang paling terkehadapan dalam membawa idea kemajuan dalam masyarakat Islam di Tanah Melayu. Segala wadah perjuangannya banyak diwarnai dengan pengalaman kehidupannya di Riau yang memberi inspirasi kepadanya sebagai seorang reformis Islam di Tanah Melayu. Pengaruh kehidupannya di Riau merupakan asset yang sangat penting sehingga mempengaruhi karier dan perjuangannya di Tanah Melayu. Penglibatan beliau dalam usaha menyebarkan idea ini merangkumi perjuangan menggunakan akhbar, menubuhkan madrasah, menerbitkan novel dan sebagainya. Beliau menggunakan wadah penerbitan dan menubuhkan madrasah untuk membangunkan orang-orang Melayu dengan ilmu pendidikan.

⁷⁰ *Saudara*, 20 Oktober 1928.



Beliau sedar orang-orang Melayu bukan saja sedang dijajah oleh kuasa Barat malah sumber ekonomi pula dikaut oleh imigran yang turut mendapat tempat di Tanah Melayu ketika itu. Kedudukan orang Melayu yang mundur dalam pelbagai aspek itu cuba disedarkan oleh beliau. Idea-idea yang cuba digarapkan oleh Syed Sheikh al-Hadi ke dalam masyarakat Melayu melalui penerbitan akhbar, novel, cerpen dan penubuhan madrasah yang telah mencelikkan orang Melayu sehingga akhirnya berjaya melanjutkan pelajaran ke luar negara dan kembali menggerakkan kemajuan orang-orang Melayu. Terdapat sebahagian masyarakat Melayu telah sedar dan secara tidak langsung bermulanya bibit-bibit perjuangan untuk membebaskan negara dari penjajahan dengan lahirnya pejuang-pejuang kemerdekaan di Tanah Melayu.

3.2.2 Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin (1869-1956)



Tokoh ulama yang menjadi pelopor utama membawa masuk firkah islah Kaum Muda ke Tanah Melayu ialah Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin. Antara pejuang Kaum Muda di Tanah Melayu, beliau merupakan individu yang paling tinggi darjah keintelektualannya berdasarkan latar belakang pendidikan formalnya dalam bidang agama. Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin dilahirkan pada 4 Ramadhan 1286H bersamaan 7 Disember 1869 di Kota Tua, Ampek Angkek, Bukit Tinggi, Sumatera Barat. Pada tahun 1880 beliau pergi ke Mekah mengikuti abangnya mempelajari agama Islam.⁷¹ Beliau pulang seketika ke kampungnya dan kembali semula ke Mekah untuk membantu Syeikh Ahmad Khatib mengajar murid-muridnya.⁷²

⁷¹ Hamka, *Ayahku*. Shah Alam: Pustaka Dini. 2010, hlm. 372.

⁷² Syeikh Ahmad Khatib dilahirkan pada 1860 di Kota Gadang, Bukit Tinggi, Indonesia. Beliau merupakan sepupu Syeikh Tahir Jalaluddin. Pada usia 11 tahun dibawa oleh ayahnya Abdul Latif untuk





Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin tinggal di Mekah selama 12 tahun dan berkesempatan membuat lawatan pendek ke Sumatera dan Tanah Melayu sebanyak tiga kali.⁷³ Sebelum melanjutkan pelajarannya ke Universiti al-Azhar, beliau berkahwin dengan dua orang gadis Minangkabau. Namun begitu perkahwinan tersebut tidak kekal lama. Beliau melanjutkan pelajaran ke Mesir pada 1895 dan sempat belajar di Universiti al-Azhar selama tiga tahun. Setelah tamat pengajian di Mesir, Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin tidak terus tinggal di Sumatera Barat sebaliknya beliau mengembangkan ilmu agamanya ke Tanah Melayu pada 1899. Semasa di Universiti al-Azhar, beliau berkesempatan mempelajari ilmu falak dan kepakarannya dalam ilmu tersebut menyebabkan di hujung namanya disebut sebagai “Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Falaki”.⁷⁴



Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin berdakwah dan berkahwin di Kuala Kangsar, Perak pada 28 September 1899 dengan seorang gadis Melayu Perak yang bernama Aishah bt Hj Mustafa bin Datuk Menteri.⁷⁵ Sejak tarikh itu sehingga tahun 1905, beliau menghabiskan masanya dengan menjelajah Tanah Melayu, Riau, Lingga, Sumatera dan Timur Tengah sebagai guru agama dan ilmunan. Sejak menetap di Perak dari 1899 hingga 1911, Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin menjawat beberapa jawatan penting di Mahkamah Syariah Perak. Kehebatan ilmu falak Syeikh Tahir Jalaluddin juga menyebabkan beliau turut dilantik oleh Sultan Perak sebagai pemeriksa

menuntut ilmu di Mekah dan akhirnya menjadi ulama besar hingga mampu menjadi Imam Masjidil Haram. *Ibid.*, hlm. 368-370.

⁷³ Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin Beliau berpeluang melakukan lawatan pendek ini kerana menjadi Mutawif Jemaah Haji Indonesia dan Tanah Melayu. Lihat William R.Roff, *Nasionalisma Melayu*, terjemahan Ahmad Boestamam, Kuala Lumpur: penerbit Universiti Malaya, 1975, hlm. 76.

⁷⁴ Abu Bakar Hamzah, *Al-Imam-It's Role in Malay Society 1906-1908*, Thesis Ph.D. University of Kent, 1981, hlm. 175-176.

⁷⁵ S.P 10 “Catatan Riwayat Hidup”





kiblat masjid di negeri Perak pada 1900. Beliau diberi kuasa mengarah Penghulu, Kadi dan Naib Kadi untuk menurut arah Kiblat yang ditentukannya. Dalam surat pelantikan tersebut, Sultan Idris al-Mursyidul A'zam Syah mengatakan Syeikh Tahir Jalaluddin sebagai:

*Who is a learned religious man in every knowledge and Qiblah and we trust and empower him to go about and examine all mosque and other places of Islamic worship in Perak and correct the Qiblah wherever it is incorrect.*⁷⁶

Pada 1902 Syeikh Tahir Jalaluddin pernah mencuba nasib dalam perniagaan kain di Taiping, Perak bersama dua orang temannya iaitu Haji Abdul Jame dan Haji Yusof bin Syeikh Batu Mandi. Namun begitu kedai tersebut terpaksa ditutup kerana kerugian dan 'pecah kongsi' rakan perniagaannya. Syeikh Tahir Jalaluddin juga sering berulang alik ke Mekah dan Mesir sama ada untuk membawa jemaah haji dari Tanah Melayu atau atas urusan perniagaan di Mesir.⁷⁷ Selain itu beliau juga sibuk menguruskan perniagaan di Singapura, Kepulauan Riau dan Sumatera Timur.⁷⁸ Pada 1904 pula, beliau dilantik oleh Sultan Idris Murshidil Azam Shah sebagai Ahli Mesyuarat Orang Besar-Besar dan Ulama Perak.⁷⁹

Walau bagaimanapun segala jawatan tinggi yang dipegangnya itu tidak dapat memberi kepuasan kepada beliau. Hal ini demikian kerana jawatan itu menyebabkan beliau rasa terkongkong dan tidak bebas untuk melaksanakan idea islahnya. Pandangan-

⁷⁶ SP/10 Surat pelantikan Syeikh Tahir sebagai Pemeriksa Kiblat oleh Sultan Idris Murshidil Aazam Shah pada 3 Oktober 1900.

⁷⁷ Lihat *al-Imam*, Jilid. 2, Bil.9 (5 Mac 1908), hlm. 291-293. Syeikh Tahir dilaporkan ke Mesir atas urusan perniagaan.

⁷⁸ SP 10-Catatan latar belakang dan riwayat hidup.

⁷⁹ Lihat surat Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak kepada Syeikh Tahir Jalaluddin, bil.5 dalam *Sultan Perak 30/04, 10 Ogos 1904*. Syeikh Tahir turut mencatatkan persidangan Mesyuarat Orang Besar-Besar dan Ulama Perak itu berlangsung pada Sabtu 12 Ogos 1904 di Istana Iskandariah. Pada 1943, beliau sekali lagi dilantik oleh Sultan Abdul Aziz untuk menganggotai Jawatankuasa Majlis Orang Besar-Besar dan Alim Ulama Perak.



pandangan islahnya menimbulkan perselisihan dan rasa tidak senang hati dalam kalangan ulama setempat. Akhirnya atas desakan jiwanya yang ingin bebas merdeka, beliau memohon kepada sultan untuk meletakkan jawatan. Baginda sultan dengan berat hati menerima peletakan jawatan tersebut.⁸⁰

Pada tahun 1907 Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin dijemput ke Johor oleh Yang Mulia Engku Omar bin Ahmad, Hakim Besar Johor untuk mengajar beberapa orang hakim tentang perundangan Islam. Antara hakim yang mendapat tunjuk ajar beliau termasuklah Engku Omar Ahmad, Engku Che Ismail Ahmad, Engku Abdul Rahman dan beberapa orang hakim lagi di Johor. Beliau bertugas selama lima tahun sebagai pengajar hakim berkenaan sehingga tahun 1912.⁸¹ Ketika berada di Johor, Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin dijemput mengiringi Sultan Perak, Sultan Idris ke London sebagai Imam Diraja kerana menghadiri istiadat pertabalan King George V sebagai Raja England pada 22 Jun 1911.⁸² Ini merupakan satu penghormatan kepada beliau kerana mendapat kepercayaan sultan untuk bersama-sama dengan delegasi tersebut.

Pada tahun 1914 beliau mengajar dan menjadi Nazir sekolah-sekolah agama di daerah Muar dan Batu Pahat.⁸³ Pada 1919, ketika menjawat jawatan sebagai guru agama di sana, beliau sekali lagi mendapat jemputan daripada Imam Paduka Tuan untuk menjadi Ketua Kadi atau Kadi Besar di Perak. Kerajaan Negeri Perak menawarkan

⁸⁰ Mohamad Kamil Abdul Majid, "Pengaruh Pemikiran Muhammad 'Abduh dalam Gerakan Islam di Malaysia" dalam *Tokoh-Tokoh Pemikir Dakwah*. Selangor: Dewan Pustaka Islam, 1990, hlm. 106.

⁸¹ SP-"Diari 1909". Beliau mula bertugas sebagai pengajar hakim pada Ahad 11 Julai 1907 dengan gaji \$100 sebulan.

⁸² William R. Roff, *The Origin of Malaya Nationalism*, 1967, hlm. 78.

⁸³ SP/10-Catatan Latar Belakang dan Riwayat Hidup Syeikh Tahir Jalaluddin. SP-"Diari 1909" mengatakan beliau mula bertugas sebagai guru agama di Johor pada 25 Jun 1914.



sebuah rumah tanpa disewa, elaun \$25 sebulan, elaun makanan \$100 untuk jawatan berkenaan.⁸⁴ Namun begitu, Syeikh Tahir menolak tawaran tersebut dengan baik dan terus menumpukan perhatiannya untuk menjadi pengajar di madrasah.

Pada 1920 Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin berhijrah ke Pulau-Pinang dan bertemu dengan rakan baiknya, Syed Syeikh al-Hadi. Semasa di Pulau Pinang, Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin menjadi guru dan mudir di Madrasah al-Mashoor kepunyaan rakannya itu. Setelah dua tahun berada di Pulau Pinang, beliau kembali semula ke Johor untuk mengajar di Sekolah Arab Parit Jamil, Muar.⁸⁵ Namun begitu sewaktu pulang ke Sumatera Barat pada Julai 1928, beliau ditangkap oleh Belanda kerana disyaki terlibat dengan kegiatan menentang Belanda. Beliau dibebaskan semula setelah enam bulan berada dalam tahanan.⁸⁶ Selepas pembebasannya itu, beliau datang semula ke Johor dan ditawarkan jawatan guru ilmu Falak di Jabatan Agama Johor.⁸⁷

Syeikh Tahir Jalaluddin akhirnya bermastautin di Kuala Kangsar dan terlibat dalam dunia dakwah sehingga akhir hayatnya. Ulama islah ini akhirnya kembali kerahmatullah pada 26 Oktober 1956 di Kuala Kangsar, Perak dengan meninggalkan jasa yang amat besar dalam dunia umat Islam terutama di rantau Asia.

⁸⁴ SP10/16-Surat Imam Paduka Raja kepada Syeikh Tahir berhubung jawatan Kadi Besar Perak. Pada mulanya Sultan Iskandar Shah mahu jawatan tersebut diisi oleh anak Perak. Namun begitu, apabila Imam Paduka Tuan mengusulkan nama Syeikh Tahir Jalaluddin kepada baginda sultan, baginda begitu berbesar hati kerana mengetahui kewibawaan Syeikh Tahir Jalaluddin atas ketinggian ilmu agama beliau untuk menjawat jawatan berkenaan walaupun bukan diisi oleh anak Perak.

⁸⁵ Abu Bakar Hamzah, *Al-Imam-It's Role in Malay Society 1906-1908*, 1990, hlm. 183.

⁸⁶ S.P.10-“Catatan Riwayat Hidup”. Syeikh Tahir ditangkap di Fort de Koch, Sumatera. Penangkapannya dikatakan berdasarkan laporan yang menunjukkan ajaran agamanya berhaluan Parti Komunis Indonesia. Justeru, penangkapannya untuk menyiasat sama ada beliau benar-benar terlibat ataupun tidak dalam gerakan menyokong parti komunis tersebut. Lihat risalah bertajuk *Kiyai Sumatra* pada Sabtu 7 Julai 1928, No.152.

⁸⁷ S.P 10 “Catatan Riwayat Hidup”.





3.2.2.1 Perjuangan Syeikh Tahir Jalaluddin dalam Kaum Muda

Sewaktu berada di Mesir, beliau banyak dipengaruhi oleh pemikiran Syeikh Muhammad Abduh selain daripada pergaulannya yang erat dengan Sheikh Muhammad Rasyid Rida, murid Sheikh Muhammad Abduh yang setia. Apabila Sheikh Muhammad Rashid Rida menerbitkan majalah *al-Manar* pada tahun 1898, Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin turut menulis beberapa rencana di dalam majalah tersebut.⁸⁸ *Al-Manar* adalah penyambung lidah *al-'urwat' al-Wuthqa* dalam memperjuangkan cita-cita kebangkitan Islam, malah majalah ini lebih lengkap daripada *al-'urwat' al-Wuthqa* kerana selain daripada membangkitkan semangat umat, majalah ini dipenuhi dengan pandangan-pandangan Islam yang baharu berlandaskan penafsiran al-Quran.⁸⁹ Pemikiran majalah *al-Manar* telah mempengaruhi pemikiran Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin.⁹⁰

Setelah menamatkan pengajiannya, beliau kembali ke Sumatera Barat pada tahun 1899 beliau tetap menjadi ahli *al-Manar* dan merupakan pelanggan tetap majalah tersebut sehingga tamat penerbitannya pada tahun 1937 berikutan kematian Syeikh Muhammad Rashid Rida.⁹¹

Idea dan pembaharuan yang dibawa oleh Syeikh Jamaluddin al-Afghan, Syeikh Muhammad Abduh dan Syeikh Rasyid Redha melalui majalah *al-Manar* membuka jalan dan idea kepada Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin untuk menerbitkan *al-Imam* di Tanah Melayu. Bagi beliau, kelemahan umat Islam hari ini boleh diatasi dengan

⁸⁸ Mohamad Kamil Abdul Majid, *Pengaruh Pemikiran Muhammad 'Abduh dalam Gerakan Islam di Malaysia dalam Tokoh-Tokoh Pemikir Dakwah*. Selangor: Dewan Pustaka Islam, 1990, hlm. 104.

⁸⁹ Hamka, *Ajahku*, 1967, hlm. 91.

⁹⁰ William R. Roff, *The Origin of Malaya Nationalism*, 1967, hlm. 75.

⁹¹ HAMKA, *Pengaruh Muhammad Abduh di Indonesia*, Djakarta: Tintamas, 1961, hlm. 178.



melaksanakan idea islah dalam amalan agama yang kini telah menyeleweng daripada ajaran sebenar akibat kekeliruan masyarakat.⁹²

Pengaruh *al-Urwat al-Wuthqa* dan *al-Manar* jelas kelihatan berikutan dengan terbitnya majalah *al-Imam* setahun selepas kematian Syeikh Muhammad Abduh. Penerbitan majalah ini hasil usaha bersama Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin, Syed Syeikh al-Hadi dan Syeikh Muhammad bin Salim al-Kalali, seorang saudagar Aceh yang menjadi pengarah *al-Imam* dalam tempoh dua tahun yang pertama. Setelah itu beliau bergabung tenaga dengan Syed Syeikh al-Hadi dalam usaha menerbitkan majalah *Saudara* pada 1926 di Pulau Pinang. Pada tahun 1934, Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin menjadi ketua Pengarang Majalah *Saudara* setelah kematian Syed Syeikh al-Hadi. Beliau banyak menulis makalah dalam bahasa Melayu dan bahasa Arab di samping menerbitkan beberapa terjemahan daripada bahasa Arab. Di samping kegiatan penulisan dalam majalah *al-Imam*, beliau turut menulis dalam majalah *al-Ikhwana*, *Neraca*, *Semangat Islam* dan *Bumiputera* yang semuanya diterbitkan di Pulau Pinang.⁹³

Selain itu beliau turut menulis dalam majalah *Pengasuh*, majalah yang diterbitkan oleh Majlis Agama Islam Kelantan. Hubungannya yang baik dengan pengarang Majalah *Pengasuh* iaitu Haji Muhammad Said menyebabkan urusan penerbitan karya Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin berjalan dengan mudah dan Haji Muhammad Said juga kerap mendapatkan pandangan beliau tentang beberapa masalah agama.⁹⁴ Antara karya lain beliau ialah:

⁹² Syeikh Tahir Jalaluddin, "Surat Terbuka kepada Segala Ulama", *al-Imam*, Jil.1, Bil.1 (23 Julai 1906).

⁹³ Abu Bakar Hamzah, *Al-Imam-It's Role in Malay Society 1906-1908*, 1990, hlm. 186.

⁹⁴ Lihat SP Haji Muhammad Said kepada Syeikh Tahir Jalaluddin pada 2 Januari 1927. Beliau ada meminta pandangan Syeikh Tahir tentang tafsir al-Quran yang dikarang dalam bahasa British oleh



- a) *Perisai Orang Beriman Pengisi Madhhab* (1930)
- b) *Ini huraian yang Membakar "Taman persuratan"* (1932)
- c) *Pati Kiraan Pada Menentukan Waktu Yang Lima* (1938)
- d) *Natijat 'l-Ummi* (1951)
- e) *Tazkirat 'I-Muttabii 'I-Sunnah fi 'r-Raddi ala 'I-Qaili bi-Sunnati Rak'attaini Qabla 'I-Jumu'at* (1953)
- f) *Risalah Penebas Bid'ah-Bid'ah di Kepala Batas* (1953)⁹⁵

Walaupun pemikiran yang dibawa Syeikh Tahir Jalaluddin mendapat tentangan ulama-ulama tradisional di Tanah Melayu tetapi sambutanannya di Sumatera agak berbeza. Di Indonesia, Kaum Muda turut menyebarkan idea islah kepada masyarakat tempatan melalui dunia penerbitan. Beliau mendapat sokongan kawan-kawan dan murid-muridnya ketika beliau masih belajar di Mesir. Antara yang terkenal ialah Syeikh Muhammad Jamil Jambek, Syeikh Abdullah Ahmad dan Syeikh Abdul Karim Amrullah (HAMKA). Syeikh Abdul Karim Amrullah, merupakan salah seorang daripada murid Syeikh Tahir Jalaluddin. Hasil daripada tarbiah beliau, Syeikh Karim Amrullah mendapat idea-idea islah dan meneruskan usaha membentaras kegiatan khurafat serta bidaah di Sumatera Barat.⁹⁶ Akhbar-akhbar di luar negara yang diterbitkan di Cairo dan Beirut turut menyentuh perkembangan politik di Nusantara seperti *Seruan Azhar*, *Semangat Islam* dan *Pilihan Timur*. Akhbar-akhbar ini disunting oleh pelajar-pelajar Tanah Melayu dan Indonesia yang menuntut di Universiti al-Azhar.

Mohammad Ali. Pada 4 Januari 1927, Haji Muhammad Said juga pernah meminta Syeikh Tahir untuk menulis rencana untuk menentang pertubuhan Ahmadiyah di Betawi.

⁹⁵ Abu Bakar Hamzah, *Al-Imam-It's Role in Malay Society 1906-1908*, hlm. 185-186.

⁹⁶ SP10/16-Surat Persendirian Hamka kepada Syeikh Tahir Jalaluddin. Melalui surat ini kita dapat mengetahui peribadi Syeikh Tahir Jalaluddin yang tegas dengan prinsip islahnya sehingga Hamka memandang tinggi kewibawaannya sebagai ulama yang berani dan juga pernah menjadi guru kepada bapanya, Syeikh Abdul Karim Amrullah.





Oleh sebab diterbitkan di luar negara, mereka mendapat kebebasan pihak pemerintah dan bebas membincangkan isu-isu politik dan nasionalisme di Nusantara khususnya di Indonesia dan Tanah Melayu.⁹⁷

Pemikiran Syeikh Tahir Jalaluddin tidak hanya mempengaruhi pengikutnya di Tanah Melayu tetapi juga menyemarakkan juga gerakan reformasi di Nusantara. Banyak persatuan muncul hasil perjuangan Kaum Muda di sana. Antara persatuan yang besar dan berpengaruh ialah Pergerakan Muhammadiyah dan Sarikat Islam. Gerakan islah ini dibawa ke Indonesia secara langsung oleh guru-guru agama yang kembali dari Mekah dan Mesir. Mereka turut menyebarkan risalah dan akhbar untuk menjelaskan pemikiran pergerakan islah. Syeikh Tahir turut mendapat sokongan masyarakat Arab di Singapura dan mereka mempunyai hubungan yang rapat dengan teman-temannya di Jawa dan Sumatera. Pergerakan mereka berpandukan gerakan pembaharuan di Mesir sebagaimana dilakukan oleh Syeikh Muhammad Abduh dan Syeikh Rasyid Ridha.

Walaupun Syeikh Tahir Jalaluddin menetap di Tanah Melayu tetapi beliau masih berhubung dengan rakan taulan dan anak-anak muridnya di Indonesia. Syeikh Abdul Malik Karim Amrullah atau dikenali sebagai Hamka sering berutus surat dengan beliau untuk berbincang tentang perkembangan semasa dunia umat Islam terutama berkaitan dengan konflik Kaum Muda dan Kaum Tua. Hamka menggambarkan Kaum Tua ini sebagai sedikit sekali mereka ini yang betul-betul merujuk kepada al-Quran dan hadis. Hal ini dinyatakan oleh beliau seperti berikut:

⁹⁷ Raden Soenarno, "Malay Nationalisme 1896-1941". *Journal of Southeast Asean History*. Vol 1, March 1960, hlm. 7.





“...dan sedikit sekali ulama yang meluaskan pandangannya dan mereka menganggap sesungguhnya mereka bermazhab dengan Mazhab Syafie akan tetapi mereka tidak berpegang kepada hadis yang sebenar. Mereka tidak membaca kitab al-Um dan kitab-kitab mereka menolak Imam al-Ghazali dan Imam Nawawi dan sedikit daripada mereka berpegang hujung mazhab kepada kitab-kitab feqah dan mengangkat darjat al-Quran dan hadis semata-mata dan mereka membiarkan umat tenggelam dalam kejahilan dan mereka memperoleh habuan dan kemuliaan dengan dua niat dan mengelarkan diri dengan *title* dengan serban dan jubah.”⁹⁸

Demikianlah kegiatan Syeikh Tahir Jalaluddin yang dianggap sebagai ulama pelopor gerakan Kaum Muda di Tanah Melayu. Kewibawaan ilmu dan komitmen perjuangannya berdakwah membolehkan beliau menjawat jawatan-jawatan penting dalam institusi istana dan juga jabatan agama. Kemudahan yang beliau terima ini membolehkan pengaruh Kaum Muda secara tidak langsung meluas kepada masyarakat.



3.2.2.2 Syeikh Tahir Jalaluddin Penggerak Kesedaran Kemerdekaan

Di dalam diri Syeikh Tahir Jalaluddin mengalir darah pejuang menentang penjajahan. Datuk di sebelah ibunya, Tuanku Nan Rantijak merupakan ulama terkenal yang berjuang pada zaman gerakan Kaum Paderi di Sumatera menentang Belanda.⁹⁹ Jika dahulu datuknya menentang Belanda dengan senjata tetapi perjuangan Syeikh Tahir Jalaluddin adalah melalui pena sama ada dalam majalah, buku ataupun akhbar. Walaupun beliau tidak menonjol dalam bidang politik kerana sekitar 1900 hingga 1930 belum lagi berlaku momentum penubuhan parti-parti politik di Tanah Melayu tetapi peranannya memberi kesedaran kemerdekaan kepada masyarakat begitu ketara. Beliau

⁹⁸ SP10/16-Surat Persendirian Hamka kepada Syeikh Tahir Jalaluddin.

⁹⁹ Hamka, Ayahku. Shah Alam: Pustaka Dini.2010, hlm.371.





banyak memberi semangat dan dorongan kepada pejuang-pejuang Islam untuk berdepan dengan penjajah sama ada di Indonesia dan di Tanah Melayu.

Ekoran penglibatan beliau menyuntik semangat kemerdekaan ini, pihak Belanda menangkap beliau pada 1928 kerana dikatakan terlibat melancarkan jihad menentang Belanda. Beliau dituduh bersekongkol dengan Parti Komunis Indonesia (PKI) untuk menghasut rakyat menentang Belanda. Semangat menentang penjajah ini dapat dilihat dalam bait-bait syair Syeikh Tahir Jalaluddin seperti berikut:

Kuseru kaumku tidak berhenti
Maju ke hadapan semangat kukuati
Kuwakafkan diriku menjadi bakti
Redalah hingga nyawaku mati.¹⁰⁰



Semangat kebangsaan beliau diluahkan perasaan kesedarannya itu dalam syair ‘*Perasaan Pemerhatian*’ agar masyarakat Melayu bangkit daripada dihambai oleh penjajah.

Masuklah kaumnya ke jalan kemajuan
Masyurlah bangsanya hingga ke awan
Kita pun gentar memandangnya tuan
Seumpama budak tujuan sawan
Masuk mereka ke negeri kita

Dimiliki segala bumi dan harta
Diperhambanya kita seperti unta
Dihisapnya darah selera anggota¹⁰¹

¹⁰⁰ SP10/109. *Syair Renungan*

¹⁰¹ SP 10/109- *Syair Perasaan Pemerhatian*.





Setelah keluar daripada penjara dan kembali ke Tanah Melayu, Syeikh Tahir Jalaluddin sering dikunjungi oleh penggerak kesedaran kemerdekaan Tanah Melayu seperti Ustaz Abu Bakar al-Baqir dan Dr. Burhanuddin al-Helmi yang merupakan tokoh penggerak Hizbul Muslimin dan PAS untuk membebaskan negara daripada belenggu penjajahan British.¹⁰² Kedatangan mereka itu adalah untuk mendapatkan pandangan dan nasihat daripada seorang tokoh agama yang berjiwa islah dan anti penjajah. Keadaan sosial orang Melayu sekitar 1930-an orang Melayu masih terlalu miskin dan masih kurang berpendidikan. Ekoran kurangnya institusi pendidikan formal menyebabkan ramai buta huruf. Justeru menurut Syeikh Tahir Jalaluddin, kemerdekaan yang diperjuangkan itu memerlukan beberapa syarat untuk menjayakannya. Ini dapat dilihat dalam kenyataan beliau:



Kemerdekaan itu bikin beberapa syarat dan pada pandangan saya belum sampai waktunya bagi kita boleh memerintah dan bersendirinya. Sekiranya itu yang dikehendaki terwajiblah atas kita sekalian anak Bumiputera berpengetahuan yang sempurna pada segenap perkara, bukanlah segala pengetahuan agama sahaja bahkan segala pengetahuan dan kepandaian orang-orang Eropah, mestilah dapat dahulu dan sempurna kekayaan anak bumi. Apabila telah sempurna dan cukup syarat-syarat itu barulah boleh cita-cita yang tidak boleh dapat. Jikalau berjalan pun nescaya mendapat keselamatan dan kemerdekaan dan jikalau tidak nescaya hendak mendapat bahaya atas diri, maka yang demikian tiada dibenarkan oleh syarak.¹⁰³

Sejak tahun 1923 lagi perjuangan kesedaran kemerdekaan pada diri Syeikh Tahir Jalaluddin telah timbul walaupun beliau mengetahui masyarakat Melayu masih belum bersedia untuk menyambut kemerdekaan tersebut. Ini berdasarkan pandangan daripada pemerhatian beliau bahawa orang Melayu masih kurang ilmu, baik dalam

¹⁰² Fadhullah Jamil, "Pengaruh Pemikiran Syed Jamaluddin al-Afghani dan Syeikh Muhammad Abduh terhadap Syeikh Tahir Jalaluddin", dalam Sohaimi Abdul Aziz, ed. *Syeikh Tahir Jalaluddin Pemikir Islam*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2003, hlm. 34.

¹⁰³ SP 10-Diari 1923.





bidang agama mahupun bidang-bidang yang lain seperti politik, ekonomi dan sosial. Untuk mencapai cita-cita kemerdekaan tersebut, Syeikh Tahir Jalaluddin terlebih dahulu memberi kesedaran kemerdekaan kepada bangsa Melayu dengan mengutamakan pelajaran dunia dan akhirat. Justeru, tidak hairanlah beliau cuba untuk mengintegrasikan ilmu agama dengan ilmu-ilmu yang lain. Buktinya, semasa Syeikh Tahir Jalaluddin menjadi Mudir Madrasah al-Arabiah Haji Muhammad Taib di Parit Jamil, Muar di Johor, beliau telah membentuk pendidikan yang lebih bersepadu.¹⁰⁴

Di madrasah tersebut bukan sahaja diajar bidang agama bahkan bidang yang lain seperti bahasa Inggeris, matematik dan geografi. Syeikh Tahir Jalaluddin turut menyedari kepentingan bahasa Inggeris demi kemajuan masyarakat Melayu pada masa depan untuk menggali ilmu pengetahuan bangsa Eropah. Justeru, beliau mengupah seorang Inggeris di Johor untuk mengajar bahasa Inggeris di madrasah berkenaan.¹⁰⁵

Pada ketika itu mempelajari bahasa Inggeris merupakan satu yang asing dan dianggap tidak Islamik, bahasa penjajah dan mempelajarinya boleh menjadi kufur mengikut pandangan ulama Kaum Tua.¹⁰⁶

Pemikiran futuristik tentang kepentingan pelajaran yang holistik ini ditimbanya hasil pengalamannya menuntut ilmu di perantauan. Memang amat jarang seorang ulama ketika itu mahu mempelajari bahasa penjajah seperti Syeikh Tahir Jalaluddin. Namun pendedahan pergaulan pendidikannya di Mesir telah membuktikan

¹⁰⁴ Mohd Sarim Hj Mustajab, "Sheikh Tahir", *Malaysia in History*, 20 (2): 2, Kuala Lumpur. Disember 1977, hlm. 4.

¹⁰⁵ *Ibid.*

¹⁰⁶ Ismail Ibrahim, Ismail Abdul Rahman dan Mat Asin Dollah. "Syeikh Tahir Jalaluddin (1869-1956), Reformis Islam" dalam Ismail Mat, ed, *Ulama Silam dalam Kenangan*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1992, hlm. 24.



pemikiran reformisnya terhadap kepentingan ilmu yang bersepadu. Di Mesir, selain mempelajari bahasa Inggeris beliau turut mengikuti kelas bahasa Belanda. Ini merupakan persediaannya menghadapi pihak penjajah yang menguasai ilmu dalam bahasa berkenaan.¹⁰⁷ Selain daripada ilmu agama yang dipelajari di Mekah selama 12 tahun, beliau turut mempelajari ilmu hisab (matematik), handasah (kejuruteraan) dan falak (astronomi) selain bahasa Inggeris dan bahasa Belanda.¹⁰⁸

Menurut Syeikh Tahir Jalaluddin, untuk mencapai kemerdekaan, orang Melayu terlebih dahulu perlulah menguasai ilmu yang turut dikuasai oleh orang Eropah. Justeru, beliau menggunakan pengaruhnya dengan mengirim surat kepada Sultan Iskandar Shah di Perak agar dapat mendirikan sebuah universiti yang mencakupi pelbagai bidang ilmu untuk membangunkan bangsa Melayu. Coretan surat

beliau kepada Sultan Iskandar Syah adalah seperti berikut:

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun, adalah bagi patik sekalian cita-cita yang maha besar pada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku sangatlah berharap patik sekalian mudah-mudahan dengan ketinggian hemah Ke Bawah Duli mendapat yang dicita-cita itu iaitu satu (Jami'yah) tempat perhimpunan segala jenis pelajaran yang dinamakan dia (universiti) di dalam negeri ini khususnya seorang Islam umumnya diajarkan di dalamnya segala jenis ilmu daripada ilmu yang sudah lama terbitnya dan yang baharu dan satu cawangan daripadanya ilmu Islam dan bahasanya yang boleh menggayakan orang-orang sebelah Timur ini daripada berdagang ke negeri Mesir dan lainnya, maka jadilah ini pada masa itu kelebihan yang terutama bagi Ke Bawah Duli dan jasa yang berbilang di sisi sekalian orang-orang yang berakal.¹⁰⁹

¹⁰⁷ Bachtiar Djamily, *Riwayat Hidup dan Perjuangan Syeikh Tahir Jalaluddin al-Falaki al-Azhari*. Jakarta. 1994, hlm. 25.

¹⁰⁸ William R.Roff, *Nasionalisma Melayu*, terj. Ahmad Boestamam. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. 1975, hlm. 76.

¹⁰⁹ Lihat surat Syeikh Tahir Jalaluddin kepada Sultan Iskandar Syah tentang saranan beliau agar pihak istana menubuhkan universiti di Kuala Kangsar dalam Bachtiar Djamily, *Riwayat Hidup dan Perjuangan Syeikh Tahir Jalaluddin al-Falaki al-Azhari*, hlm, 71.

Demikianlah kesedaran Syeikh Tahir Jalaluddin tentang keperluan pendidikan kepada anak Melayu untuk persediaan mencapai kemajuan bangsa. Namun begitu amat malang sekali, idea reformisnya itu dipandang sepi oleh pihak istana. Jika dilihat daripada hasil karyanya pula, Syeikh Tahir Jalaluddin merupakan ulama yang sering menitip kesedaran kemerdekaan orang Melayu dengan menggalakkan mereka bersaing dengan bangsa lain untuk menuntut ilmu. Beliau turut mengajak bangsanya agar gigih menuntut ilmu. Hal ini dapat dihayati dalam syair-syair beliau. Antaranya ialah Syair “*Doa dan Harapan*”.

Tangan cita-cita telah mengibarkan
Panji-panji ilmu yang kepujian
Jadilah maju dengan kemuliaan
Tempat penuntut ilmu pengetahuan

Maralah kamu wahai kaumku
Mengejar ketinggian sungguhkan tuku
Dengan ilmu dapat berlaku
Segala cita-cita di hati terbuka

Dengan kejahilan lamalah sudah
Kita terbenam hina dan rendah
Kaum yang lain ilmunya indah
Kemuncak awan ditonggang mudah¹¹⁰

Berdasarkan syair di atas, sebagai reformis Islam Syeikh Tahir Jalaluddin melihat kemunduran umat Melayu adalah disebabkan tidak memahami ajaran Islam yang sebenar. Kemunduran ini disebabkan kejahilan mereka tentang ajaran Islam yang sebenar dan kegagalan menguasai ilmu pengetahuan yang lain. Kekurangan ilmu menyebabkan orang Melayu mudah diperkotak-katik oleh bangsa asing dan penjajah. Oleh itu melalui syairnya yang bertajuk “*Kegunaan Pelajaran*”, Syeikh Tahir

¹¹⁰ SP10/114-Syair *Doa dan Harapan*

Jalaluddin menyeru orang Melayu menuntut ilmu sebagaimana bangsa lain yang memiliki pelbagai ilmu.

Ayuhai sekalian ahli pelajaran
Gunakan ilmu serta fikiran
Angkat kaummu daripada keterlanjuran
Tunjukkan bangsa jalan kebenaran

Tidakkah tuan melihat kurang
Bangsa dan kaum bagaimana sekarang
Penyakit nampak di tengah terang
Umpama orang kekalahan perang

Tidakkah tuan memiliki merasa
Keadaan kaum ataupun bangsa
Di dalam kehinaan senantiasa
Bodoh dan jahil selamanya masa
Bangsa yang lain memandang kita
Dengan kehinaan sekalian rata
Serta dengan tutur dan kata
Bermacam-macam pula sifat yang lata.

Kesimpulannya, Syeikh Tahir Jalaluddin merupakan ulama Kaum Muda yang menggerakkan masyarakat agar kembali menguatkan Islam dengan memahami tuntutan agama dengan mencari kepelbagaian ilmu. Keupayaan beliau menyeimbangi ilmu dunia dan akhirat memungkinkannya menjadi ulama yang berwibawa hingga diterima bekerja di institusi-institusi seperti jabatan agama, mahkamah syariah dan istana sebagai penasihat agama. Kerjayanya sebagai mufti, guru agama kerajaan, hakim besar mahkamah, mudir madrasah dan pegawai falak negeri memudahkan pengaruh Kaum Muda itu tersebar melalui institusi agama dan istana seterusnya kepada masyarakat di kampung-kampung.

Peranannya sebagai ulama, mampu menyedarkan masyarakat melalui kuliah-kuliahnya di surau dan masjid. Manakala karyanya pula mendapat tempat di dada-dada

akhbar islah di tanah air. Melalui karyanya, semangat kebangsaan beliau terserlah terutama dalam bait-bait syairnya untuk menyedarkan bangsa agar bangun daripada kehinaan kemiskinan dan keketekan ilmu. Itulah kesedaran kemerdekaan yang dipupuk oleh beliau kepada masyarakat Melayu. Jika kemerdekaan dicapai tanpa ketinggian ilmu, maka ianya hanya akan lebih membahayakan negara yang baru mencapai kemerdekaan tersebut kerana kedangkalan ilmu untuk mentadbir negara berkenaan.

3.2.3 Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari (1904-1970)

Nama sebenar Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari ialah Abu Bakar bin Shaari. Beliau dilahirkan di Bayan Lepas, Pulau Pinang pada 1904M. Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari mendapat pendidikan awal di sekolah Melayu Chorasta, Pulau Pinang sehingga darjah lima. Kemudian beliau memasuki sekolah Inggeris Anglo-Chinese School, Pulau Pinang hinggalah bertukar ke aliran Arab dengan memasuki Madrasah al-Mashoor.¹¹¹ Di madrasah ini beliau berkesempatan berguru dengan tokoh-tokoh Kaum Muda seperti Syeikh Abdullah Maghribi, Syeikh Tahir Jalaluddin dan Syed Syeikh al-Hadi dan Syeikh Abu Bakar Rafi' yang ketika itu menjadi pendidik dan pentadbir madrasah berkenaan.

Pada 1921 Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari berpeluang melanjutkan pelajaran ke Madrasah al-Mashoor. Beliau berkesempatan berguru dengan Syeikh Abdullah

¹¹¹ Temubual dengan Tn Hj Fauzi bin Abu Bakar di rumah beliau pada 5 Mei 2016 di Taman Pekeliling, Kangar, Perlis. Beliau merupakan anak ketiga Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari dan sering menjadi pemandu peribadi bapanya untuk menyampaikan ceramah di serata tempat.



Maghribi, seorang ulama islah dari Libya tetapi menetap di Mekah. Syeikh Abdullah Maghribi dijemput oleh Syeikh Abu Bakar Rafi' untuk menjadi mudir di Madrasah al-Mashoor menggantikan Syed Syeikh al-Hadi yang menamatkan perkhidmatannya pada awal tahun 1920-an.¹¹² Pada 1923 apabila Syeikh Abu Bakar Rafi' menjadi mudir madrasah berkenaan, Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari turut terdedah dengan aliran Kaum Muda yang dipegang oleh Syeikh Abu Bakar Rafi'. Justeru, tidak hairanlah firkah Islah Kaum Mudanya sangat jelas kerana dicerna oleh ulama-ulama reformis yang tersohor ketika itu. Zaman ketika Syeikh Abu Bakar al-Rafi' menjadi mudir Madrasah al-Mashoor merupakan era yang paling cemerlang kerana ramai pelajar dapat dihantar ke Mesir termasuk dengan pembiayaan biasiswa hartawan Arab dan India Muslim di Pulau Pinang ketika itu.¹¹³



Setelah menamatkan pengajian di Madrasah al-Mashoor, beliau bertolak ke Mesir pada 1925 dengan memasuki Universiti al-Azhar di Kaherah, Mesir. Pemergian beliau adalah dengan biasiswa hasil inisiatif mudir madrasah al-Mashoor ketika itu, Syeikh Abu Bakar al-Rafi'.¹¹⁴ Ketika Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari sampai di Mesir telah wujud sebuah persatuan Melayu Mesir bernama *al-Jamaiya al-Qahirah al-Malayuwiyyah* yang ditubuhkan oleh pelajar Tanah Melayu dan Indonesia pada tahun 1923.¹¹⁵ Tujuan persatuan ini ditubuhkan adalah untuk “menyatukan umat Melayu

¹¹² Syed Syeikh al-Hadi bertugas sebagai mudir dari 1915 hingga 1921. Peletakan jawatan beliau sebagai mudir dikatakan berpunca dari perselisihan kecil dengan Syeikh Abdullah. Lihat HCO. 638/1935, Copy of Report Syeikh Abdullah by Detective Branch, Penang. Walau bagaimanapun terdapat sarjana yang mengatakan Syed Syeikh al-Hadi meletakkan jawatan kerana ingin melibatkan diri dalam dunia persuratan. Lihat Mohd Sarim Hj. Mustajab, “Syed Syeikh Abdullah Maghribi: Pendidik dan Kaum Muda”, Jebat, No. 5/6, 1975/76, hlm. 1.

¹¹³ Rahim bin Osman, “Madrasah al-Masyur al-Islamiyah”, dalam Khoo Kay Kim, et al., *Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980, hlm. 78-79.

¹¹⁴ Lihat *Ar-Rajaa*, Jilid 2, No.2, 1 August 1928, hlm.14.

¹¹⁵ Presiden pertama Al-Jama'ah al-Qahirah ini ialah Djanan Taib yang berasal dari Sarik, Bukit Tinggi Sumatera Barat. Pada tahun 1925, jawatan tersebut disandang oleh Raden Fathu-L-Rahman Kafrawi dari





dalam satu persahabatan demi kebaikan dan berusaha ke arah kebebasan dalam erti kata yang sebenar.”¹¹⁶

Pada tahun 1930, Syeikh Abu Bakar al-Asy’ari menjadi Presiden persatuan *al-Jamaiya al-Qahirah al-Malayuwiyyah*. Beliau bersama-sama dengan Abdul Kahar Muzakkir berpeluang mewakili persatuan tersebut ke muktamar Islam yang diadakan di Jerusalem, Palestin.¹¹⁷ Selama tujuh tahun beliau menuntut di Mesir, Syeikh Abu Bakar al-Asy’ari turut bergiat cergas dalam aktiviti pelajar Melayu dan Indonesia dan beliau menjadi Presiden Kesatuan tersebut sehingga 1932.¹¹⁸ Persatuan ini memainkan peranan yang penting dalam memberi sumbangan menjaga hal ehwal sosial dan kebajikan pelajar Tanah Melayu dan Indonesia di Mesir. Kesatuan ini turut mengeluarkan majalah rasmi yang dikenali sebagai *Seruan Azhar*. Menurut W.R. Roff:



*Seruan Azhar and the Jama’iyyah al-Khairiyyah had played an important politicking role in the lives of a large number of young Indonesian and Malay students in the mid 1920’s.*¹¹⁹

Majalah ini diasaskan pada Oktober 1925 secara bersama oleh pelajar Tanah Melayu dan Indonesia di Mesir. Namun pada 1927, sidang redaksinya berpecah kerana terdapat perbezaan pendekatan untuk membawa mesej majalah berkenaan. Golongan pertama di bawah Muchtar Lufti dan Ilias Ja’kub mahukan majalah tersebut lebih terbuka dalam kegiatan politik yang radikal. Manakala golongan kedua yang

Jawa yang akhirnya menjadi Menteri Agama Indonesia pada 1946. Lihat William R. Roff, ‘Indonesian and Malay Students in Cairo’, *Journal Indonesia*, hlm. 73-76.

¹¹⁶ Ucapan Presiden Al-Jama’ah al-Qahirah, Djanan Taib sewaktu penubuhan persatuan tersebut. Lihat CO 273/ 534/ 16, *The Malayan Bulletin of Political Intelligence*, No 38, April 1926.

¹¹⁷ Lihat William. R. Roff, “Indonesian and Malay Students in Cairo”, *Journal Indonesia*. Volume 9, April 1970 Cornell University’s Southeast Asia Program, hlm. 81.

¹¹⁸ Temu bual dengan Tn Hj Fauzi Abu Bakar pada 5 Mei 2016 di Taman Pekeliling, Kangar, Perlis.

¹¹⁹ William R.Roff, *Indonesian and Malay Students in Cairo*, hlm. 86.





majoritinya pelajar Tanah Melayu mahukan pendekatan yang lebih sederhana. Akhirnya majalah tersebut dikuasai golongan yang lebih sederhana. Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari, Ahmad Ataallah dan Abdul Qahar Muzakkir dilantik menjadi pembantu editor yang baharu kepada Muhamad Idris Marbawi.¹²⁰

Setelah tamat pengajiannya pada tahun 1932, beliau pulang ke Tanah Melayu dengan membawa segenggam ijazah dalam bidang *shahadah* dan dengan anugerah itulah beliau digelar “al-Syeikh”. Kepulangan beliau ke kampung halamannya di Balik Pulau tidak dapat diterima oleh penduduk kerana sebahagian pendapat dan pengajaran yang dikemukakannya bertentangan dengan amalan tradisi masyarakat yang disifatkan oleh beliau sebagai bidaah dan khurafat seperti majlis tahlil, gendang raya, keramat dan mandi safar. Justeru, beliau berhijrah dari Pulau Pinang ke negeri Kedah. Di Kedah beliau juga tidak diterima kerana institusi pondok yang kuat memegang aliran tradisional tidak dapat menerima aliran moden yang disebar oleh Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari. Akhirnya beliau berhijrah ke Perlis yang dapat menerima aliran berkenaan.¹²¹

Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari berumahtangga pada 1932 dengan anak Tuan Mohd Noh, seorang ulama terkenal dari Pulau Pinang. Namun begitu, jodoh mereka tidak berpanjangan tanpa dikurniakan anak. Setelah itu, Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari berkahwin dengan Aisyah bt. Zakaria dari Balik Pulau yang mempunyai tali

¹²⁰ Syeikh Muhamad Idris Marbawi Anak kelahiran Lubuk Merbau, Perak ini merupakan rakan baik Syeikh Abu Bakar al-Ash'ari. Beliau berkahwin dengan gadis Kaherah dan menetap di sana setelah menamatkan pengajian di Universiti al-Azhar. Syeikh Muhammad Idris Marbawi merupakan seorang penulis prolific yang berjaya menulis lebih 20 buah buku. Beliau mempunyai percetakannya sendiri iaitu Matba'ah Marbawiyah dan karyanya yang paling popular ialah Kamus al-Marbawi. Beliau pulang ke Malaysia pada 1980 dan meninggal pada 13 Oktober 1988. Lihat Mohammad Redzuan Othman, *Islam dan Masyarakat Melayu: Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*. 2005, hlm. 129.

¹²¹ Temubual dengan Tn Hj Fauzi bin Abu Bakar di rumah beliau pada 5 Mei 2016 di Taman Pekeliling, Kangar, Perlis.





persaudaraan dengan keluarga beliau. Menerusi perkahwinan ini mereka dikurniakan lima orang anak iaitu Husni, Rustum, Fauzi, Afifi dan Firdaus. Walaupun seorang ulama tetapi beliau sangat terbuka dan liberal terhadap ilmu. Kesemua anak-anaknya dihantar ke sekolah aliran Inggeris dan beliau mengambil tanggungjawab menjadi guru agama anak-anaknya di rumah.¹²²

Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari seorang tokoh Islam yang penting. Beliau menyalurkan pendapatnya melalui akhbar-akhbar sesuai dengan kerjanya sebagai Penolong Editor bagi surat khabar *Bahtra* dan akhbar *Saudara* milik Syed Syeikh al-Hadi di Pulau Pinang.¹²³ Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari dijemput ke Perlis oleh Syeikh Ahmad bin Muhammad Hashim (bekas Menteri Besar Perlis dan bekas Duta Besar Malaysia ke Arab Saudi) untuk memberi khidmatnya di Perlis demi menguatkan aliran *Ahli Sunnah*. Di Perlis, Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari menjadi guru agama di Sekolah Kanak-kanak Perempuan di Jalan Kampung Sena, Kangar dan seterusnya mengajar di Madrasah Alawiah Al-Dinniah, Arau, Perlis.

Selain itu pada 1952, beliau turut menjadi guru agama di Sekolah Derma iaitu satu sekolah Inggeris yang didirikan atas arahan istana dan kewujudan sekolah ini hasil derma pegawai-pegawai kerajaan dan usahawan Melayu di Perlis. Beliau turut ditawarkan jawatan Imam Besar Masjid Alwi, Kangar untuk memudahkan beliau mengembangkan aliran tersebut. Sebagai imam di masjid berkenaan, beliau mudah menyebarkan aliran pemikiran yang tidak terikat kepada mazhab melalau ceramah atau kuliahnya. Pada 1958, beliau dilantik sebagai ahli Majlis Agama dan Adat Istiadat

¹²² *Ibid.*

¹²³ Haron Din dalam *Ulama Silam Dalam Kenangan*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, suntingan Ismail Mat, 1993, hlm. 14.





Melayu Perlis dan pada masa yang sama turut menyandang jawatan Yang Dipertua Perikatan Imam Perlis dan pegawai masjid di Perlis.¹²⁴

Aliran islah ini mula bertapak di Perlis kesan daripada pengaruh beberapa orang ulama Indonesia yang pernah berdakwah ke Perlis seperti Haji Hassan Bandung¹²⁵ dan ulama tempatan seperti Haji Ibrahim Akibi¹²⁶ yang terlebih dulu menabur pengaruh mereka di Perlis. Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari yang memang berpegang kuat kepada aliran *Ahli al-Sunnah Wal Jemaah* berpeluang menyebarkan aliran yang tidak terikat kepada mana-mana mazhab. Beliau hanya mengambil hukum-hukum agama daripada al-Quran dan al-Sunnah sahaja.

Akhirnya konsep *Ahli Sunnah* tersebut diterima oleh rakyat termasuk pemerintah di peringkat negeri. Aliran ini dikanunkan dalam undang-undang Tubuh Kerajaan negeri Perlis dan dimasukkan ke dalam bahagian 2 di bawah tajuk agama rasmi 5(1) yang digubal pada 26 Mac 1959.¹²⁷ Kehebatan ilmu Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari juga diiktiraf oleh Tunku Abdul Rahman, Ketua Menteri Tanah Melayu pertama apabila almarhum meminta beliau mengetuai penterjemahan al-Quran di

¹²⁴ *Utusan Zaman*, 13 Julai 1958, hlm. 1.

¹²⁵ Nama sebenarnya Hassan Bin Ahmad. Beliau dilahirkan di Singapura pada 1887 dan berketurunan India. Ayahnya bernama Ahmad, berasal dari India. Ibunya pula bernama Muznah yang berasal dari Palekat, Madras tetapi dilahirkan di Surabaya. Hassan Ahmad mula dikenali sebagai Hassan Bandung apabila berhijrah ke Bandung, Indonesia dan mendirikan pesantren di sana. Beliau meninggal dunia pada 10 November 1958 di Surabaya. Lihat Syafiq A. Mughni, *Hassan Bandung: Pemikir Islam Radikal*, Surabaya: Bina Ilmu, 1994, hlm. 11.

¹²⁶ Beliau dilahirkan di Kampung Makam Pulau Pinang pada 1899. Mendapat pendidikan daripada ulama tempatan seperti dari Haji Mohamad Yunus, bekas Kadi Pulau Pinang dan Abdul Latif al-Malakawe. Seterusnya melanjutkan pelajaran ke Mekah pada 1928 dan bersahabat baik dengan Syeikh Tahir Jalaluddin.

¹²⁷ Nornajwa Ghazali, *Sumbangan Syeikh Abu Bakar Ash'ari dalam bidang tafsir: Kajian terhadap Intisari Tafsir Juzuk Amma*, Latihan Ilmiah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2008, hlm. 14.



bawah kelolaan Jabatan Perdana Menteri.¹²⁸ Tokoh islah yang banyak berjasa kepada masyarakat ini akhirnya kembali kerahmatullah pada Isnin 6 April 1970 bersamaan dengan 30 Muharam 1390 di rumah anak perempuannya, Firdaus di Port Dickson pada usia 65 tahun.¹²⁹

3.2.3.1 Perjuangan Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari dalam Kaum Muda

Firkah Kaum Muda mula terbentuk dalam diri Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari sejak beliau menuntut di Madrasah al-Mashoor Pulau Pinang lagi. Mudir madrasah ketika itu ialah Syed Syeikh al-Hadi, bapa reformis Tanah Melayu dan Syed Syed Tahir Jalaluddin, ulama Islah Kaum Muda turut mengajar di madrasah berkenaan. Kedua-dua mereka merupakan tokoh Kaum Muda yang terkenal di Tanah Melayu ketika itu. Selain itu Syeikh Abdullah Maghribi, ulama terkenal dari Timur Tengah juga merupakan tenaga pengajar dan menjadi mudir di madrasah berkenaan pada 1921. Beliau merupakan ulama yang membawa idea islah Syeikh Muhammad Abduh.

Antara tempoh 1920-1930-an Madrasah al-Mashoor merupakan satu-satunya saluran pelajar Melayu untuk melanjutkan pelajaran ke Universiti al-Azhar, Mesir. Kesempatan itu terbuka luas apabila Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari berjaya melanjutkan pelajaran ke Mesir dari 1925 sehingga 1932. Ketika berada di Mesir, beliau sempat

¹²⁸ Temu bual dengan Tn Haji Fauzi Abu Bakar 5 Mei 2016. Walau bagaimanapun apabila Syeikh Abu Bakar Ash'ari menganggotai PAS, beliau digugurkan daripada mengetuai projek terjemahan al-Quran tersebut.

¹²⁹ Tn Hj Fauzi membawa bapanya itu ke Port Dickson kerana memenuhi undangan berceramah dan bapanya meninggal dunia ketika berada di rumah Firdaus, anak bongsunya di Port Dickson. Temu bual dengan Tn Haji Fauzi Abu Bakar 5 Mei 2016. Lihat juga *Berita Minggu* 12 April 1970, hlm. 6 tentang berita kematian beliau.



berada pada zaman perkembangan islah di bawah pimpinan Syeikh Muhammad Rasyid Rida yang meninggal pada 1935. Di Mesir beliau turut terdedah kepada idea islah Syeikh Muhammad Abduh hingga beliau mendapat inspirasi untuk menjadi pengarang majalah *Seruan Azhar* yang diterbitkan oleh pelajar Melayu dan Indonesia pada tahun 1928.¹³⁰

Apabila pulang ke tanah air, Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari terus aktif menulis di akhbar dan buku. Karyanya seperti *Ibadat Rasulullah* dikritik hebat oleh ulama-ulama Kaum Tua termasuk mufti-mufti daripada negeri lain seperti dari Johor, Negeri Sembilan dan Perak. Beliau merupakan ulama yang berani dan tegas dengan pendapatnya tanpa menghiraukan penentangannya kerana buku *Ibadat Rasulullah* ini menurutnya merupakan hasil ijtihad yang berpandu kepada al-Quran dan al-Sunnah tanpa bertaklid kepada mana-mana pendapat ulama lain. Menurut mufti-mufti tersebut, beliau membawa idea yang bertentangan dengan hukum-hukum yang diamalkan oleh Mazhab Syafie malah terdapat pandangann Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari yang mengatakan banyak amalan yang dikerjakan oleh pengikut mazhab di negara ini sebagai bidaah.¹³¹

Dalam isu yang berkaitan dengan binatang yang boleh dimakan tetapi tidak jelas di dalam al-Quran seperti biawak, katak dan tupai, fatwanya menimbulkan kontroversi dalam kalangan ulama Mazhab Syafie apabila beliau mengatakan binatang-binatang tersebut adalah harus dimakan sedangkan dalam mazhab Syafie adalah haram. Syeikh

¹³⁰ Abu Zar bin Abu Hassan, "Pengaruh gerakan Islah di Negeri Perlis", Kertas Projek, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2005/2006, hlm. 53.

¹³¹ Temu bual dengan Tn Haji Fauzi Abu Bakar pada 5 Mei 2016.





Abu Bakar al-Asy'ari tetap dengan pandangannya malah meminta pihak yang tidak bersetuju dengannya membawa dalil sama ada dari nas al-Quran dan Hadis tentang pengharaman binatang tersebut.¹³² Majlis agama Islam Perak merupakan pihak yang pertama menyatakan pendirian mereka untuk menganjurkan debat dalam polemik berkenaan. Walau bagaimanapun Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari menolaknya dengan menyatakan tiada faedahnya berdebat atas perkara yang *ijtihadiyah*. Bagi Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari, para mufti dan ulama dari Jabatan Agama Negeri lebih sibuk melihat kepada hukum halal dan haramnya binatang tersebut berbanding implikasi yang lebih besar daripada fatwa-fatwa bidaah yang terkandung dalam ibadat orang Islam di Tanah Melayu.¹³³

Buku keluaran beliau ini turut ditentang Majlis Agama dan Adat Islam Melayu Negeri Sembilan hingga mereka mencabar untuk diadakan debat pada 1957. Sekiranya Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari tidak bersetuju, mereka akan membawa kepada Majlis Raja-Raja Melayu agar diambil tindakan mengharamkan buku *Ibadat Rasulullah* tersebut. Beliau menyahut seruan itu dengan mengatakan bakarliah al-Quran dahulu sekiranya hendak mengharamkan buku *Ibadat Rasulullah*. Sekiranya tindakan hendak diambil untuk membakar buku *Ibadat Rasulullah*, beliau menyifatkannya sebagai suatu tindakan yang bodoh.¹³⁴ Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari berani berkata sedemikian kerana beliau telah mengkaji secara mendalam al-Quran dan hadis serta yakin dengan kebenaran ilmunya.¹³⁵

¹³² *Berita Harian* Selasa 18 Februari 1958 yang bertajuk "Perkara Kitab: Pengarangnya Mencabar Menunjukkan Dalil.

¹³³ *Berita Harian*, 24 Oktober 1957.

¹³⁴ *Berita Harian*, Rabu 19 Februari 1958.

¹³⁵ Menurut Hj Fauzi, di rumah bapanya lengkap dengan kitab-kitab rujukan dari Timur Tengah yang bagaikan sebuah perpustakaan universiti. Bapanya sangat rajin menelaah kitab-kitab dan amat teliti ketika membuat rujukan. Oleh sebab itulah bapanya sering meminta dalil dan kitab rujukan daripada Kaum Tua sekiranya beliau mengetahui tiadanya dalil atau nas bagi sesuatu isu agama yang sedang diperdebatkan.





Selain itu beliau turut mengeluarkan fatwa yang berkaitan pengurusan jenazah seperti melarang membina maqam-maqam atau binaan yang tersergam indah yang diperbuat daripada batu, dipasang lampu dan lilin. Perbuatan menampar muka dengan meraung-raung dan mengoyak pakaiaan dengan menyebut-nyebut kebaikan si mati kerana ini merupakan adat jahiliah.¹³⁶ Selain itu, amalan syirik seperti pemujaan kepada kubur-kubur yang dianggap keramat juga begitu berleluasa di Perlis. Mereka meminta hajat, berniat nazar dan melakukan pemujaan. Antara kubur-kubur yang dianggap keramat oleh masyarakat ketika itu adalah seperti di kuburan Haji Muhammad Salleh di Kampung Padang Pauh, kuburan Tok Syeikh Muda, kuburan Tok Lebai Salim di Kampung Mata Air.¹³⁷



Walaupun fatwa Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari banyak menimbulkan kontroversi, namun pendapatnya kini diterima pakai hingga sekarang. Beliau merupakan ulama Malaysia yang pertama memberi fatwa bahawa adalah sah dan dibenarkan dalam Islam memindahkan mata daripada mayat orang Islam kepada seorang Islam yang lain.¹³⁸ Beliau juga berpendapat zakat fitrah boleh dibayar dengan nilai wang tidak sebagaimana ulama-ulama terdahulu yang mengeluarkan fatwa membayar zakat fitrah dengan beras. Begitu juga dengan pendapat beliau tentang wang loteri kebajikan masyarakat adalah haram digunakan untuk mendirikan masjid dan sebagainya.¹³⁹

¹³⁶ Abu Bakar As'Syaari, *Ibadat Rasullullah*, Persama Press, Pulau Pinang, 1957, hlm. 29.

¹³⁷ Zakaria @ Mahmood Daud, "Ahli Sunnah Perlis: Kelahiran Dan Perkembangannya", dalam *Jurnal Usuluddin*, 1996, Bil 5, hlm. 113.

¹³⁸ Berita harian 12 April 1970 "Mengenang Perjuangan al-Syekh Abu Bakar al-Ash'ari. Sebenarnya fatwa derma organ ini bukanlah baharu kerana pada 1950-an, Syeikh Hasanein Makhkuf, bekas Mufti Mesir pernah mengeluarkan keharusan pemindahan organ ini.

¹³⁹ Haron Din, hlm. 17-18.



Kesemua fatwa berkenaan telah diterima pakai oleh masyarakat sekarang, walaupun pada masa dahulu turut ditentang oleh masyarakat dan sebahagian ulama Kaum Tua terdahulu. Hal ini menunjukkan bahawa pemikiran beliau berbeza dengan tahap pemikiran sebahagian ulama yang lain dan boleh dianggap mendahului zamannya walaupun sebenarnya tidaklah dianggap baharu dalam dunia sejarah pemikiran Islam. Sesungguhnya Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari seorang ulama yang memperjuangkan kebebasan berfikir dan memberi ruang kepada seluruh umat Islam untuk berfikir demi kemajuan.¹⁴⁰

Sesuai dengan firkah Kaum Muda yang turut memperjuangkan hak dan tanggungjawab kaum wanita, Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari turut mengarang buku bertajuk *Pergerakan Kaum Wanita Dalam Islam* pada 1954. Buku ini turut dianggap sebagai satu pembaharuan dalam kerangka pemikiran umat Islam di Tanah Melayu yang ketika itu kurang memberi perhatian kepada hak dan tanggungjawab kepada golongan wanita. Mereka tidak diberi hak yang sewajarnya dalam lapangan pendidikan, kerjaya dan juga rumah tangga. Justeru, Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari ingin mengubah pemikiran masyarakat Melayu supaya melihat kaum wanita turut berperanan dalam pembangunan negara. Kaum wanita juga patut mendapat kebebasan sepertimana kaum lelaki untuk menuntut ilmu dan bekerjaya. Beliau membahagikan penulisan buku ini kepada empat bahagian. Pertamanya mengenai wanita-wanita dalam Islam, keduanya tentang pergerakan kaum wanita dalam Islam dan ketiganya menyatakan keadaan pergaulan masyarakat dengan kaum wanita dan hak-hak wanita. Manakala keempatnya tentang pedoman bersuami isteri.¹⁴¹

¹⁴⁰ *Ibid.*

¹⁴¹ Abu Bakar Al, Asyaari, *Pergerakan Kaum Wanita Di Alam Islami*, Pulau Pinang: Persama Press, hlm. 1955, hlm. 1-2.



Selain itu, terdapat banyak lagi karya Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari seperti *Punca Penerangan Akal (Pulau Pinang 1937)*, *Kitab Pedoman Ibadah Puasa (Perlis, 1937)*, *Al-Khutbah al'Asriyah (Pulau Pinang 1951)*, *Pedoman Ibadah Puasa (Pulau Pinang 1953)*, *Kemerdekaan Berfikir dalam Islam (Pulau Pinang 1954)*, *Jawahir Bokhari (1954)*, *Pergerakan Kaum wanita dalam Islam (1954)*, *Khutbah-Khutbah Moden (Pulau Pinang, 1957)*, *Ibadat Rasullullah (Singapura, 1957)*, *Intisari Tafsir Juzu'Amma (Pulau Pinang, 1962)*, *Sembahyang Rasullullah (Kuala Lumpur 1981)* dan juga karya-karya yang lain seperti *Soal Jawab Agama*, *Sejarah Anbia*, *Puasa Rasulallah dan Tugas Wanita Dalam Islam*. Kebanyakan karya-karya beliau dicetak oleh Percetakan Persama Press di Acheh Street, Pulau Pinang milik kawan karibnya Tuan Haji Yusuf Rawa yang menjadi Presiden PAS pada 1983.¹⁴²



Sesungguhnya perjuangan Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari sebagai da'i Kaum Muda tidaklah keseorangan kerana di Perlis ketika itu terdapat tiga orang lagi tonggak Kaum Muda yang terkenal dengan gelaran “Tiga Mat” kepada Syeikh Ahmad bin Muhammad Hashim (bekas Menteri Besar Perlis dan bekas duta besar Malaysia ke Arab Saudi), Tuan Hj. Ahmad Hj. Mahmud (Ahli Majlis Ugama dan pemeriksa kira-kira dalam Yang Dipertua Majlis Ugama dan Adat Istiadat Perlis). Manakala Wan Ahmad bin Wan Daud (Ahli Majlis Ugama dan pemeriksa Kira-Kira dalam Jawatankuasa Zakat dan Fitrah Negeri Perlis). Ketiga-tiga tokoh ini merupakan tulang belakang gerakan

¹⁴² Lihat Mohd Radzi Othman dan O.K. Rahmat, *Gerakan Pembaharuan Islam: Satu Kajian di Negeri Perlis dan Hubung Kaitnya dengan Malaysia*, 1996, hlm. 99. Manakala menurut Tuan Haji Fauzi Abu Bakar, rumah mereka dahulu adalah seperti perpustakaan universiti kerana terlalu banyaknya buku yang dibawa balik dari Mesir. Malah ramai pelajar pengajian Islam dari pelbagai univarsi datang ke rumah bapanya itu untuk membuat rujukan. Kini kesemua karya dan buku-buku bapanya itu telah diberikan kepada perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaya untuk rujukan para penyelidik.





Kaum Muda di Perlis dengan dikuatkan lagi oleh golongan ulama yang dipimpin oleh Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari.

Selain itu, Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari turut mempunyai hubungan baik dengan Dr. Burhanuddin al-Helmy, tokoh Kaum Muda yang progresif di Tanah Melayu. Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari juga sering berutus surat dengan ulama-ulama Kaum Muda dari Indonesia seperti Hassan Bandung dan juga Hamka. Kedua-dua tokoh ini akan turut bermalam di rumah Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari dalam siri ceramah mereka ke Perlis. Pada masa gerakan islah mencapai zaman kegemilangannya di Perlis, Hamka yang merupakan tokoh Kaum Muda dari Indonesia turut dijemput oleh Syeikh Ahmad untuk berceramah berhubung dengan kebudayaan Islam yang diadakan di Kelab Hokkien.¹⁴³ Hal ini secara tidak langsung menyemarakkan lagi pengaruh Kaum Muda di Tanah Melayu kerana masyarakat tempatan terdedah dengan idea-idea islah Kaum Muda melalui siri-siri ceramah yang diadakan oleh tokoh-tokoh Kaum Muda di negeri berkenaan. Justeru, tidak hairanlah perkembangan Kaum Muda di Perlis begitu pesat berbanding di tempat lain.

¹⁴³ Temubual dengan Tn Hj Fauzi bin Abu Bakar di rumah beliau pada 5 Mei 2016 di rumahnya di Taman Pekeliling, Kangar, Perlis. Beliau masih ingat ketika kedatangan Hamka, beliau berusia 13 tahun dan ketika itu rumah mereka di Jalan Pegawai, Perlis.





3.2.3.2 Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari Penggerak Kesedaran Kemerdekaan

Sebagai seorang da'i yang berjiwa islah, sudah pasti Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari mempunyai kecenderungan terhadap dunia politik. Pada peringkat awal penglibatannya, Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari menyokong PKMM kerana pada ketika itu UMNO lebih cenderung mengekalkan *status-quo* bersekongkol dengan British. Beliau menyokong gerakan PKMM kerana penentangannya terhadap British bertitik tolak daripada penentangannya terhadap Malayan Union dan sifat anti kepada penjajah dan mahukan perjalanan demokrasi yang tinggi di Tanah Melayu.¹⁴⁴

Pada tahun 1947, Dr Burhanuddin mewakili pimpinan PKMM mengetuai perwakilan Malaya ke *Inter-Asian Relation Conference* di New Delhi. Setelah selesai persidangan tersebut, beliau dijemput oleh PKMM cawangan Perlis untuk memberi penjelasan tentang persidangan tersebut.¹⁴⁵ Perjumpaan itu diadakan di Kampung Wan Abdullah dan program tersebut telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada penduduk setempat. Dalam ucapannya, Dr. Burhanuddin al-Helmy menekankan betapa mustahaknya mencapai kemerdekaan. Pada masa lawatan tersebut, Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari bersama-sama dengan Mahmud Mohd. Noor dan seorang pegawai Syarikat Kerjasama Wan Ahmad yang dikenali Che Mat Syarikat pergi ke pejabat PKMM untuk bertukar-tukar fikiran dengan Dr. Burhanuddin al-Helmy. Perbincangan mereka berlarutan hingga tengah malam dan Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari amat tertarik dengan idea-idea kemerdekaan Dr Burhanuddin al-Helmy dan

¹⁴⁴ PKMM melihat Malayan Union sebagai satu cara British mengekalkan penjajahan dan kemungkinan berlakunya pemilihan oleh rakyat adalah amat tipis. Lihat Zainal Abidin b. Abdul Wahid, *Sejarah Malaysia Sepintas Lalu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 108.

¹⁴⁵ Cawangan PKMM Perlis ditubuhkan pada Februari 1946 bertempat di panggung Empire, Kangar. Pengerusinya Anwar Kama, Ustaz Mahmud Mohd.





menyokong perjuangan kemerdekaan ini.¹⁴⁶ Malah Dr Burhanuddin turut bermalam di rumah Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari dalam tempoh lawatannya ke Perlis itu. Ini menunjukkan betapa eratnya hubungan mereka berdua sebagai pemimpin kemerdekaan ketika itu.¹⁴⁷

Selain itu, Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari turut menyokong pergerakan MATA. Perjuangan MATA yang ditubuhkan di Maahad al Ehya al-Syariff bermatlamat untuk mengambil alih peranan jabatan agama yang dipegang oleh Kaum Tua dan Raja-Raja Melayu. Demi mencapai cita-cita tersebut, MATA ingin meluaskan penerangannya ke seluruh negeri untuk mendapat sokongan rakyat dari segi dasar, matlamat dan arah perjuangan MATA. Justeru, satu rombongan MATA yang diketuai oleh Tuan Syeikh Ali BalDRAM bergerak memberi penerangan ke Perak, Pulau Pinang, Kedah dan juga



termasuk Perlis.¹⁴⁸

Sebelum wakil Tuan Syeikh Ali BalDRAM tiba di Perlis, Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari selaku Imam Besar Masjid Alwi dihubungi ahli-ahli PKMM dan meminta kebenaran supaya wakil MATA diberi peluang memberi ucapan selepas solat Jumaat. Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari yang ketika itu menjadi Imam Solat Jumaat telah menjadi pengerusi majlis dan memberi laluan kepada Tuan Syeikh Ali BalDRAM untuk menyampaikan ucapan berkaitan visi dan misi MATA. Gagasan perjuangan MATA menarik perhatian Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari yang turut cenderung berjuang untuk kemerdekaan tanah air. Namun apabila British mengharamkan PKMM pada 1950,

¹⁴⁶ Nornajwa Ghazali, 2008 hlm. 113.

¹⁴⁷ Temubual dengan Tn Hj Fauzi bin Abu Bakar di rumah beliau pada 5 Mei 2016 di rumahnya di Taman Pekeliling, Kangar, Perlis.

¹⁴⁸ *Utusan Melayu*, 30hb Julai 1947.





sebahagian ahli-ahli parti PKMM beralih kepada parti baharu iaitu Parti Rakyat yang dipimpin oleh Ahmad Boestamam. Namun Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari telah beralih kepada UMNO kerana tertarik dengan parti tersebut yang telah mengubah dasar perjuangannya daripada slogan 'Hidup Melayu' kepada 'Merdeka.'¹⁴⁹

Melalui pemikiran beliau dalam politik, Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari telah menulis sebuah buku bertajuk *Kemerdekaan berfikir dalam Islam* atau *Pembasmi Taklid* yang diterbitkan pada 1954. Buku ini ditulis untuk menyedarkan umat Islam agar sentiasa meningkatkan daya berfikir dalam seluruh aspek kehidupan khususnya dalam alam politik yang selari dengan ajaran Islam. Beliau menyeru agar ditegakkan syiar Islam walaupun di mana jua berada. Dalam buku ini beliau meluahkan pemikirannya bahawa politik mestilah berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah. Jika dilihat daripada penglibatan Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari dalam kancah politik, beliau bukanlah terlibat begitu aktif sehingga menjadi pemimpin parti politik peringkat nasional. Sebaliknya beliau hanyalah ahli dan penyokong kepada gerakan politik terutamanya yang bercorak pro-kemerdekaan. Keterbatasan penglibatan beliau dalam politik ini mungkin disebabkan tugasnya sebagai Imam Masjid Negeri Perlis yang tidak mengizinkannya terlibat secara terbuka untuk memimpin parti politik ditanah air.

Walau bagaimanapun tidak memimpin parti politik tetapi bukanlah bermakna beliau tidak memberi kesedaran politik kepada masyarakat untuk menuntut kemerdekaan. Karya-karya beliau seperti *Kemerdekaan berfikir dalam Islam* dan karya khutbahnya turut memberi kesedaran kemerdekaan kepada orang Melayu agar dapat

¹⁴⁹ Temubual dengan Tn Hj Fauzi bin Abu Bakar di rumah beliau pada 5 Mei 2016 di rumahnya di Taman Pekeliling, Kangar, Perlis.





memajukan bangsa dengan mengubah cara berfikir khasnya pemikiran politik demi mengikuti lunas-lunas agama dengan memerdekakan diri, keluarga, bangsa dan negara daripada cengkaman penjajah. Apabila telah mencapai kemerdekaan adalah satu kewajipan bagi muslimin untuk menegakkan hukum Allah dan menegakkan syiar Islam di mana juga mereka berada.¹⁵⁰

Semasa dalam UMNO, beliau terlibat secara langsung dengan berceramah politik kepada masyarakat walaupun tidak memegang jawatan yang penting. Walau bagaimanapun, penglibatannya dalam UMNO tidak lama setelah beliau menyedari perjuangan UMNO dalam Perikatan merugikan orang Melayu sendiri kerana bersekongkol dengan bangsa-bangsa lain dan melaksanakan dasar yang tidak Islamik seperti Tunku Abdul Rahman menghalalkan loteri kebajikan pada ketika itu. Semenjak isu tersebut, Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari bersama-sama dengan Ustaz Mahmud Mohd Noor mula mengalihkan perjuangannya kepada PAS yang lebih Islamik dasar perjuangannya.¹⁵¹ Beliau mengambil keputusan untuk menganggotai PAS pada 1956.¹⁵² Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari yakin dengan perjuangan Dr. Burhanuddin al-Helmy yang Islamik sepertimana perjuangannya dalam PKMM dahulu.¹⁵³

¹⁵⁰ Syeikh Abu Bakar al-Ash'ari, *Pengorbanan dan hikmatnya kemerdekaan dan falsafahnya*, *Khutbah Jumaat*, jilid 16, tanpa halaman dan tarikh.

¹⁵¹ PAS mula bertapak di Perlis apabila tertubuhnya PAS cawangan Perlis pada 4 Mei 1952 bersamaan Khamis 14 Syaaban 1371H dalam satu mesyuarat yang diadakan di Sekolah Melayu Kangar. Lihat Nornajwa Ghazali, 2008, hlm. 116.

¹⁵² Lihat Abdul Rahman Abdullah, *Gerakan Islah Di Perlis Sejarah dan Pemikiran*, Kuala Lumpur: Penerbit Pena Sdn. Bhd, 1989, hlm. 35. Walau bagaimanapun terdapat perbezaan maklumat dalam Berita Harian, 12hb April 1970 yang menyebut, Syeikh Abu Bakar al-As'aari menyertai PAS pada 1963.

¹⁵³ Dr. Burhanuddin masih mengekalkan prinsip perjuangannya iaitu kemerdekaan, kebangsaa Melayu dan Islam. Ini menyebabkan Syeikh Abu Bakar menganggotai PAS. Temubual dengan Tn Hj Fauzi bin Abu Bakar di rumah beliau pada 5 Mei 2016.





Dalam mesyuarat Badan Perhubungan PAS yang kelima pada 28hb April 1967, Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari dilantik sebagai Ketua Dewan Ulama Pas kawasan Kangar.¹⁵⁴ Pada 1968 pula beliau diamanahkan jawatan sebagai Yang Dipertua Dewan Ulama PAS Perlis. Apabila menerima amanah tersebut, beliau dengan tegas ingin menerapkan kefahaman Islam dengan lebih progresif dalam PAS. Menurut beliau:

Selaku Yang Dipertua Dewan Ulama PAS, insyallah saya boleh memainkan peranan untuk menyebarkan kepercayaan agama yang radikal dan progresif kepada PAS Perlis.¹⁵⁵

Selaku Yang Dipertua Dewan Ulama Perlis, beliau menyalurkan pemikiran islahnya melalui tulisannya dalam majalah *Suara Dewan Ulama* yang dikeluarkan oleh PAS Perlis di samping memberi kuliah-kuliah di Pejabat PAS. Namun bukan suatu yang mudah bagi beliau kerana dalam PAS juga terdapat ramai yang beraliran Kaum Tua yang mendominasi parti ini. Ini merupakan satu cabaran kepada beliau untuk mengetuai kepimpinan ulama PAS Perlis kerana bukan semua pandangannya diterima oleh ahli PAS yang masih beraliran tradisional. Penglibatan beliau dalam PAS menyebabkan hubungannya dengan rakan karibnya yang juga Menteri Besar Perlis pertama ketika itu, Syeikh Ahmad Mohd Hashim menjadi renggang. Beliau juga tidak lagi dibenarkan mengarang sendiri khutbah Jumaat oleh Jabatan Agama Islam Perlis. Ekoran tindakannya terlibat aktif dalam PAS juga, beliau dipecat daripada jawatan imam Masjid Alwi.¹⁵⁶

¹⁵⁴ Lihat Peringatan 25 tahun (Jubli Perak) PAS Negeri Perlis pada 28 dan 29hb Disember 1976 di Kangar, hlm. 24-25.

¹⁵⁵ *Berita Harian*, 12hb April 1970.

¹⁵⁶ Temubual dengan Tn Hj Fauzi bin Abu Bakar di rumah beliau pada 5 Mei 2016 di rumahnya di Taman Pekeliling, Kangar, Perlis. Menurut beliau, pemecatan bapanya adalah daripada arahan bekas Menteri Besar Pertama itu. Kesan daripada pemecatan tersebut, bapanya tidak menerima pencen hingga akhir hayatnya.





Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari merupakan ulama Kaum Muda yang progresif dan tegas menyampaikan risalah agama kepada masyarakat walaupun menerima pelbagai tohmahan dan tentangan. Penglibatan beliau sebagai tokoh ulama Kaum Muda begitu terserlah khususnya membersihkan amalan masyarakat daripada perbuatan yang dianggap bidaah dan khurafat. Sebagai aktivis Kaum Muda, beliau bukan sahaja berperanan sebagai ulama yang menggunakan mimbar masjid dan surau untuk menyampikan seruan Islam tetapi turut berkecimpung memberi kesedaran kepada masyarakat untuk memperjuangkan kemerdekaan kepada tanah air. Sebagai seorang imam Masjid Negeri, beliau menggunakan pentas mimbarnya untuk memberi penjelasan kepada masyarakat keperluan perjuangan menuntut dan mengisi kemerdekaan yang hakiki. Menurutnya lagi, kemerdekaan negara bukanlah tujuan terakhir bagi kejayaan sesebuah negara. Negara yang merdeka adalah alat yang perlu digunakan sebaik-baiknya untuk melaksanakan hukum-hukum Allah sepenuhnya.¹⁵⁷

Kemampuannya menyediakan teks sendiri bersesuaian dengan isu semasa menjadikan khutbahnya sentiasa relevan dengan perkembangan semasa terutamanya berkaitan dengan perjuangan menuntut kemerdekaan. Keupayaannya berkhotbah tanpa membaca teks pula menjadikan penyampaiannya sangat berkesan. Dalam khutbahnya, Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari menjelaskan tentang hakikat kemerdekaan sebenar bagi sesebuah negara. Baginya, perjuangan mengisi kemerdekaan perlulah dipenuhi dengan menjalankan hukum-hukum Allah agar menghasilkan nilai kemanusiaan keseluruhannya.¹⁵⁸

¹⁵⁷ Syeikh Abu Bakar al-Ash'ari, *Pengorbanan dan hikmatnya kemerdekaan dan falsafahnya*, *Khutbah Jumaat*, jilid 16, tanpa halaman dan tarikh.

¹⁵⁸ *Ibid.*





3.3 Aliran Pemikiran India

Selain pengaruh pemikiran dari Timur Tengah, aliran islah yang dibawa Kaum Muda di Tanah Melayu turut berkembang hasil daripada pengaruh pemikiran yang diperoleh oleh anak Melayu yang menuntut di India. Di India, aliran islah ini dibawa oleh Shah Waliyul'lah al-Dihlawi.¹⁵⁹ Para pelajar Tanah Melayu yang menuntut di India juga turut terkesan dengan gerakan kemerdekaan yang dituntut oleh rakyat India menentang British di samping pengaruh ulama-ulama yang mengajar di madrasah dan universiti menyebarkan semangat kesedaran kemerdekaan itu sehingga menyerap masuk ke dalam jiwa para pelajar ini. Para pelajar Melayu ini terpengaruh dengan gerakan kemerdekaan yang diperjuangkan oleh Liga India Muslim dan perjuangan rakyat yang dipimpin oleh Mahatma Ghandi.



Apabila pulang ke tanah air, semangat tersebut terus menebal apabila mereka melihat Tanah Melayu turut menghadapi situasi yang sama apabila berdepan dengan penjajahan British. Antara institusi yang menjadi medan anak-anak Melayu ini melanjutkan pelajaran ialah di Universiti Deoband dan Darul Ulum. Institusi ini berjaya meresapi semangat para pelajar berkenaan untuk menggerakkan kemerdekaan di Tanah Melayu. Antara tokoh Kaum Muda yang menggerakkan kesedaran kemerdekaan yang menuntut di India ialah Dr. Burhanuddin al-Helmy dan Maulana Abdullah Noh. Mereka

¹⁵⁹ Nama penuh Shah Waliyul'lah Dihlawi ialah Qutb al-Din, Ahmad Waliyullah, Abu Abdul al-Aziz ibn Shah Abdul al-Rahim. Beliau dilahirkan di Delhi, India pada 1702 dan merupakan ulama islah yang cuba membentaras amalan karut, bidaah dan khurafat masyarakat di India. Lihat Hayei bin Abdul Sukor, *Biografi Dan Pemikiran Tajdid Shah Waliyullah al-Dihlawi dalam Tokoh-Tokoh Pemikir Dakwah*. Penerbit Dewan Pustaka Islam, Petaling Jaya.1990.





terlibat menyedarkan masyarakat Melayu untuk menuntut kemerdekaan dengan jalan dakwah dan politik. Apabila pulang ke Tanah Melayu mereka terlibat aktif dalam kancas politik dan turut mendirikan madrasah untuk menyebarkan fahaman dan kesedaran kepada para pelajar.

3.3.1 Dr. Burhanuddin al-Helmy (1911-1969)

Nama sebenarnya Dr. Burhanuddin al-Helmy ialah Burhanuddin bin Hj. Muhammad Nor. Beliau dilahirkan di Kampung Changkat Tualang, Kota Baharu, Perak pada 29 Ogos 1911.¹⁶⁰ Bapanya, Haji Mohamad Noor adalah seorang alim yang merantau dari Batu Sangkar, daerah Tanah Datar, Minangkabau, Sumatera. Haji Mohamad Noor datang ke Tanah Melayu pada 1908 dalam perjalanan pulang dari Mekah setelah tinggal beberapa tahun di sana untuk mempelajari al-Quran dan hukum-hukum Islam disamping menunaikan haji. Ibu Dr. Burhanuddin al-Helmy pula Sharifah Zahrah binti Habib Osman pula berketurunan Arab yang berhijrah ke Perak dari Melaka.¹⁶¹

Dr. Burhanuddin al-Helmy mendapat pendidikan Melayu di beberapa buah sekolah bermula di Behrang Ulu dan kemudiannya di Bakap sehingga darjah tiga. Selepas itu beliau bersekolah di Kota Baharu, Perak hingga darjah lima kerana mengikuti bapanya yang bekerja sebagai guru agama dan mereka sering berpindah randah. Di sini bermulalah bakat penulisan Dr. Burhanuddin al-Helmy apabila beliau

¹⁶⁰ SP/28/A/36-Surat Peribadi Dr. Burhanuddin kepada Hassan Adli, 14 Disember 1956.

¹⁶¹ Saliha Hj. Hassan, "Dr Burhanuddin al-Helmy- The Ideal of Malay Nasionalist", *Malaysia in History*, vol xvii, No.1, June, 1974, hlm. 4.





mula menghantar tulisannya ke Berita Minggu yang menyiarkan berita-berita berkaitan kampungnya. Pada tahun 1926 Dr. Burhanuddin al-Helmy bersama-sama ayah dan adiknya yang bernama Halim balik ke Sumatera. Di sini beliau belajar di Sekolah Agama Sungai Jambu, Tanah Datar, Sumatera pada 1926 bersama-sama gurunya, Syeikh Mohamad Khatib Minangkabau yang juga merupakan rakan baik ayahnya. Namun begitu Dr. Burhanuddin al-Helmy hanya belajar selama enam bulan sahaja kerana beliau tidak berminat dengan sistem mengaji cara lama iaitu sistem menadah kitab dan menghafal.¹⁶²

Setelah pulang ke Tanah Melayu, Dr. Burhanuddin al-Helmy melanjutkan pelajarannya di Sekolah Pondok Pulau Pisang, Jitra, Kedah. Pondok tersebut merupakan milik Tuan Guru Haji Salleh Ismail iaitu sahabat kepada bapa Dr. Burhanuddin al-Helmy. Namun sebagai sekolah pondok, sistem persekolahannya adalah tradisional dan sekali lagi beliau meninggalkan pondok berkenaan walaupun baru sebulan belajar di sana. Dr. Burhanuddin al-Helmy sekali lagi tidak betah dengan sistem pengajian ala tradisional di pondok tersebut.¹⁶³

Pada 1927, Dr. Burhanuddin al-Helmy memasuki Madrasah al-Mashoor, madrasah yang sedang menempa nama di Pulau Pinang ketika itu. Madrasah yang didirikan oleh golongan Kaum Muda itu telah menyediakan satu sistem pendidikan

¹⁶² Melalui sistem kaedah tradisional, pelajar perlu mengabdikan diri kepada gurunya. Kadang kala beliau perlu membantu gurunya mencari kayu api, membersihkan halaman rumah dan mengangkat air. Dr. Burhanuddin al-Helmy telah menulis surat kepada bapanya untuk pulang ke Semenanjung Tanah Melayu kerana beliau mahukan sistem pembelajaran yang bersifat perbincangan dan soal jawab antara guru dan murid dan tidak hanya menghafal semata-mata. Banyak persoalan yang tidak terungkai dan perasaan ingin tahu beliau tidak dapat dijawab melalui gaya sistem pendidikan berkenaan. Lihat Ramlah Adam, *Burhanuddin al-Helmy: Suatu Kemelut Politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003, hlm. 6.

¹⁶³ Ismail Said, *Dr. Burhanuddin al-Helmi: Pejuang Melayu Sejati*, Shah Alam: Karisma Publications, 2007, hlm. 11.





yang lebih bersepadu dengan menggabungkan sistem pendidikan agama dan juga bukan agama seperti bahasa Inggeris dan juga matematik. Madrasah ini menekankan sistem pendidikan Islam yang lebih syumul. Dengan sistem yang ada, Dr. Burhanuddin al-Helmy dapat menguasai bahasa Arab dalam masa yang singkat dan bersepadu dengan bahasa Inggeris kerana sistem di Madrasah al-Mashoor menggunakan bahasa Arab dan Inggeris sebagai medium pengajaran dan pembelajaran. Pada 1928 beliau ke India untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang Homeopathy di Ismaeliah Medical College, New Delhi.¹⁶⁴

Setelah menamatkan ijazahnya dalam bidang Homeopathy, Dr. Burhanuddin al-Helmy meneruskan pengajian dalam bidang Falsafah dan Metafizik di Universiti Islam Aligarh, New Delhi hingga tamat pada 1930.¹⁶⁵ Setelah menamatkan pengajian, beliau pulang ke kampung halamannya di Changkat Tualang. Namun aliran Kaum Muda yang dibawa hasil pengaruh pendidikan di India menyebabkan beliau tidak diterima oleh sesetengah masyarakat kampung. Akhirnya pada 1935, beliau merantau ke Singapura dan bekerja sebagai guru bahasa Arab di Sekolah Arab al-Joned hingga 1937. Beliau turut aktif dalam gerakan Islam dan menulis buku *Perjuangan kita, Falsafah Kebangsaan Melayu, Mutu Kerajinan, Asuhan Kesihatan, Mencari Allah*, penyunting majalah *Kehidupan Dunia Akhirat* dan menerbitkan majalah yang bernama *Taman Bahagia* pada 1937.¹⁶⁶

¹⁶⁴ Kamaruddin Jaafar. *Dr Burhanuddin al-Helmy-Politik Melayu dan Islam*, hlm. 4

¹⁶⁵ Kamaruddin Jaafar. *Burhanuddin al-Helmy: Pemikiran dan Perjuangan*, Kuala Lumpur: Ikdas Sdn.Bhd,2000, hlm. 4-5

¹⁶⁶ Abdul Rahman Haji Abdullah, *Gerakan Anti Penjajahan di Malaysia 1511-1950: Pengaruh Agama dan Tariqat*, Kuala Lumpur: Publication Kintan Sdn Bhd, 1994, hlm. 125.





Majalah keluaran pertama ini dianggap sangat bahaya oleh British hingga menyebabkan Dr Burhanuddin al-Helmy ditahan selama enam bulan. Setelah keluar penjara, beliau membuka klinik Homeopathy di Singapura dan di Johor Bahru dengan bantuan seorang doktor India yang bernama Dr. Rajah.¹⁶⁷ Dr. Burhanuddin al-Helmy turut menulis buku kesihatan yang berkaitan dengan homeopati. Antaranya ialah buku *Falsafah Perubatan Homeopathy* yang mengungkap ilmu asas perubatan homeopathy¹⁶⁸ dan *Homeopath Satu Sistem Rawatan Alternatif*.¹⁶⁹ Pada 1940, Dr. Burhanuddin al-Helmy menamatkan zaman bujangnya dengan mengahwini Aminah Mohd Said, anak pemandu Gabenor Singapura tetapi perkahwinan tersebut tidak kekal lama. Dr. Burhanuddin al-Helmy kemudiannya berkahwin dengan Zainab Abdul Wahab. Manakala perkahwinannya yang terakhir adalah bersama Suri Yahya pada 1958 dan hubungan mereka kekal hingga akhir hayatnya.¹⁷⁰ Dr. Burhanuddin al-Helmy meninggal dunia pada 25 Oktober 1969 pada pukul 6.50 pagi pada usia 58 tahun. Beliau menghembuskan nafasnya yang terakhir di rumahnya di Taiping.¹⁷¹ Laporan kematian menunjukkan, Dr. Burhanuddin al-Helmy menghadapi serangan jantung.¹⁷²

¹⁶⁷ Kamaruddin Jaafar. *Dr Burhanuddin al-Helmy-Politik Melayu dan Islam*, hlm. 4. Beliau berminat dengan ilmu homeopathy setelah sering lelah dan sering sesak nafas. Lihat Rasyidah Ismail, Dr Burhanuddin al-Helmy, "Anak Melayu Pertama Mempelajari Homeopathy", Dewan Masyarakat, Disember, 1969.

¹⁶⁸ SP/90/1-Falsafah Perubatan Homeopathy oleh Prof. Dr. Burhanuddin al-Helmy, M.D.(H).

¹⁶⁹ SP/90/18- Homeopath Satu Sistem Rawatan Alternatif oleh Prof. Dr. Burhanuddin al-Helmy.

¹⁷⁰ SP/84-Surat Persendirian Manan Chik.

¹⁷¹ Berita Harian 26 Oktober 1969.

¹⁷² Koleksi Surat Persendirian Keluarga Dr. Burhanuddin (KSPKDB): Surat perakuan kematian Dr. Burhanuddin bin Mohd Noor, Balai Polis Larut Matang, No Daftar A 302835, 25 Oktober 1969. Namun dalam surat perakuan kematian tersebut masa kematian beliau adalah pada pukul 6.30 pagi yang berpunca daripada serangan jantung.





3.3.1.1 Perjuangan Dr. Burhanuddin al-Helmy dalam Kaum Muda

Penglibatan Dr. Burhanuddin al-Helmy sebagai aktivis Kaum Muda bertitik tolak daripada pendidikan yang diterimanya sewaktu menuntut di di Sekolah Agama Sungai Jambu, Tanah Datar, Sumatera. Di sekolah ini beliau berguru dengan Syeikh Mohamad Khatib Minangkabau yang merupakan seorang reformis islah di Sumatera. Perkembangan Kaum Muda di Sumatera yang merupakan wilayah paling subur dengan aliran berkenaan dengan sejarah perjuangan kemerdekaan menentang Belanda menjadikan beliau mendapat semangat perjuangan Kaum Muda tersebut secara tidak langsung. Ketika Dr. Burhanuddin al-Helmy berada di Sumatera, reformis islah tempatan ketika itu sedaya upaya mengajak masyarakat agar kembali kepada ajaran Islam dengan meninggalkan amalan khurafat dan bidaah dalam masyarakat Minangkabau yang terkenal kuat memegang adat tradisi.¹⁷³ Akhirnya beliau terdedah dengan aliran Kaum Muda yang dibawa oleh guru-guru yang mengajar di sekolah berkenaan apatah lagi antara tulang belakang penubuhan sekolah tersebut ialah Syeikh Mohamad Khatib, seorang tokoh Kaum Muda tersohor di Sumatera Barat.¹⁷⁴ Walaupun Dr. Burhanuddin al-Helmy hanya belajar selama enam bulan sahaja di sekolah berkenaan tetapi asas aliran Kaum Muda tersebut telah bertapak dalam diri beliau.

Pemikiran Kaum Muda Dr. Burhanuddin al-Helmy bertambah subur apabila menyambung pendidikannya di Madrasah al-Mashoor pada 1927. Di madrasah itu pemikiran islahnya telah diasah oleh beberapa tokoh Kaum Muda yang terkenal seperti Syed Syeikh al-Hadi dan Syeikh Abdullah Maghribi. Perjuangan tenaga pengajar yang

¹⁷³ Lihat Ramlah Adam, *Burhanuddin al-Helmy: Suatu Kemelut Politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003, hlm. 5.

¹⁷⁴ *Ibid.*, hlm. 4.





menggunakan pentas madrasah ini untuk menggerakkan kesedaran para pelajar dan masyarakat untuk begitu besar kesannya. Justeru, tidak hairanlah sejarawan seperti Roff turut menganggap Kaum Muda ini merupakan golongan pertama yang menggerakkan kesedaran kebangsaan dalam kalangan orang Melayu di tanah air ini.¹⁷⁵

Apabila menuntut di India yang terkenal dengan mazhab Hanafi dan aliran al-Dehlawi, pemikiran Dr. Burhanuddin al-Helmy terbuka dengan aliran pelbagai mazhab. Apabila pulang ke kampung halamannya setelah menamatkan pelajarannya di India, beliau cuba untuk mengubah pemikiran orang kampungnya dengan aliran islah tetapi beliau mendapat tentangan daripada orang kampungnya yang telah sebatikan dengan amalan aliran Kaum Tua. Dr. Burhanuddin al-Helmy mendapati orang kampungnya mengamalkan agama dengan cara ikut-ikutan dan bukannya dengan pemahaman sebenar berdasarkan al-Quran dan hadis.¹⁷⁶

Dr. Burhanuddin al-Helmy cuba membetulkan keadaan tersebut tetapi timbul konflik yang tegang hingga Mufti Perak ketika itu, Hj. Mohd Zain memanggil beliau ke Kuala Kangsar dan menasihatinya keluar dari kampungnya agar konflik antara Kaum Muda dan Kaum Tua tersebut berakhir. Hal ini demikian kerana Sultan Perak ketika itu, Sultan Iskandar Syah telah mengetahui akan hal ini dan baginda turut tidak bersetuju dengan pandangan aliran Kaum Muda ini. Akibatnya, Dr. Burhanuddin al-Helmy berhijrah ke Singapura untuk meneruskan kerjayanya sebagai guru agama.¹⁷⁷

¹⁷⁵ W.R. Roff, 1966, *The Origin of Malay Nationalism*. Kuala Lumpur: University Malaya Press.

¹⁷⁶ Lihat Ramlah Adam, *Burhanuddin al-Helmy: Suatu Kemelut Politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003, hlm. 13.

¹⁷⁷ *Ibid.*,





Pada 1937 ketika di Singapura, Dr. Burhanuddin al-Helmy dan Hj Abbas Mohd Taha mendapat jemputan daripada putera Raja Kelantan, Tengku Ibrahim ibni Sultan Muhammad IV bagi menghadiri perdebatan dengan Kaum Tua di Istana Seri Gemilang, Kelantan. Jemputan perdebatan melalui bekas Mufti Kelantan, Hj. Wan Samad tersebut adalah berkaitan permasalahan jilatan anjing yang dianggap tidak bernajis oleh Hj. Nik Abdullah, anak Hj Wan Samad yang ditentang oleh Kaum Tua ketika itu. Pegangan Dr. Burhanuddin al-Helmy yang jelas sebagai Kaum Muda menyebabkan beliau diberi kepercayaan untuk turut berdebat untuk mencari kebenaran. Bagi Hj. Wan Musa beliau ingin sokongan Dr. Burhanuddin al-Helmy dan Hj. Abbas Mohd Taha untuk mempertahankan pendapat anaknya itu. Beliau juga ingin menunjukkan kepada masyarakat bahawa beliau tidak bersendirian dalam mempertahankan hukum feqah berkenaan. Hj. Wan Musa juga ingin membuktikan bahawa sokongannya itu bukanlah semata-mata disebabkan pandangan tersebut merupakan pandangan anaknya tetapi adalah disebabkan faktor kebenaran mengikut pandangan sebenar Islam.¹⁷⁸

Menjelang hari perdebatan, orang ramai berpusu-pusu membanjiri perkarangan istana. Kerabat diraja termasuk pembesar-pembesar turut ternanti-nanti perdebatan tersebut. Ketika perbahasan, timbul kecam mengecam antara Kaum Muda dan Kaum Tua. Selepas selesai perdebatan, Sultan Kelantan sebagai hakim tidak dapat menentukan pendapat yang manakah harus diikuti oleh masyarakat umum. Baginda hanya menyerah kepada orang ramai untuk memilih antara pendapat Kaum Muda ataupun Kaum Tua.¹⁷⁹

¹⁷⁸ Nik Abdul Aziz bin Hj. Nik Hassan, "Perbahasan Tentang Jilatan Anjing: Suatu Perhatian". Makalah ini dipetik daripada jurnal *Jebat*, Bil.9, 1979/80.

¹⁷⁹ *Ibid.*,



Selain itu, firkah Kaum Muda Dr. Burhanuddin al-Helmy juga terserlah apabila beliau melibatkan diri dengan PAS pada 1954, Dr. Burhanuddin al-Helmy berjaya merobohkan dominasi Kaum Tua dalam PAS yang sebelum ini didominasi oleh aliran Kaum Tua. Parti PAS pada peringkat awalnya didominasi ulama aliran tradisonal yang mengajar di pondok-pondok. Malah di bawah Yang di-Pertua PAS pertama, Hj Ahmad Fuad Hassan beliau pernah menganjurkan Majlis Muzakarah Se-Malaya pada 4 Januari 1953 di Madrasah Da'irah al-Ma'arif, Kepala Batas untuk membincangkan tentang 15 masalah Khilafiah yang menjadi polemik antara Kaum Muda dan Kaum Tua.¹⁸⁰

Ketika menjadi peneraju PAS, beliau yang beraliran Kaum Tua hanya berjaya menarik sebilangan besar penyokong aliran Kaum Tua bersama-sama dengan PAS. Namun apabila Dr. Burhanuddin al-Helmy berjuang dalam PAS, bilangan keahlian PAS semakin bertambah termasuk dengan kemasukkan ulama Kaum Muda ke dalam parti ini.¹⁸¹ Antara tokoh ulama Kaum Muda yang tersohor dan akhirnya menjadi ulama PAS yang terkenal ialah Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari.

3.3.1.2 Dr. Burhanuddin al-Helmy Penggerak Kesedaran Kemerdekaan

Prinsip perjuangan Dr. Burhanuddin al-Helmy untuk menuntut kemerdekaan jelas tergambar berdasarkan sajak “Nur Kemerdekaan” yang jelas membayangkan harapan beliau yang optimis bahawa kemerdekaan Tanah Melayu akan dapat dicapai walaupun

¹⁸⁰ *Risalah Ketetapan Majlis Muzakarah 15 Masalah*, Pulau Pinang: Penerbit Jaafar Siddiq Rawa, 1953.

¹⁸¹ SP/28.A/9 Surat Hassan Adli kepada Dr. Burhanuddin al-Helmy bertarikh 22 November 1956.



perjalanannya jauh dengan pelbagai cabaran. Sajak yang dinukil oleh beliau adalah seperti berikut:

Berdiri tegak dikaki gunung
Pandang duga jauh kemuncak
Dalam diri fikiran merenong
Keindahan atau gemilang rancak

Dipangkal jalan tegak berdiri
Dihadapan benua lebar dan luas
Jauh perjalanan tidak terperi
Sampaikan ujung baharulah puas

Sekarang musim turun menanam
Padi ditanam padilah tumbuh
Masa menikam nasib terbenam
Mercu kemerdekaan sempurna sembuh¹⁸²

Semangat perjuangan kemerdekaan Dr. Burhanuddin al-Helmy berputik seawal

usianya 15 tahun lagi ketika beliau melanjutkan pelajaran ke Indonesia. Pada 1926, beliau melanjutkan pelajaran di Sekolah Agama Sungai Jambu, Batu Sangkar, Tanah Datar, Sumatera. Wilayah Sumatera ini sememangnya terkenal dengan kegiatan penentangan penjajahan Belanda. Di sekolah ini aktiviti ceramah politik giat diadakan untuk memberi kesedaran kepada pelajar dan masyarakat menentang Belanda. Pendedahan ini memberi kesan yang sangat bermakna kepada Dr. Burhanuddin al-Helmy untuk mengenal erti perjuangan kemerdekaan. Di Sumatera, beliau terdedah dengan gerakan rakyat yang menentang kezaliman dan penindasan Belanda yang mengeksploitasi sumber ekonomi Indonesia.¹⁸³

¹⁸² Burhanuddin al-Helmy "Nur Kemerdekaan", *Suluh Malaya*, 4 Mei 1946.

¹⁸³ Ramlah Adam, *Burhanuddin al-Helmy: Suatu Kemelut Politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003, hlm. 3-5.





Semangat perjuangan kemerdekaannya semakin kental apabila beliau berjaya melanjutkan pelajarannya di India sekitar 1934. Di India beliau terdedah dengan pemimpin gerakan perjuangan rakyat menentang British seperti Mahatma Ghandi, Muhammad Ali Jinnah dan Pandit Nehru. Dr. Burhanuddin al-Helmy sangat terkesan dengan semangat orang India menuntut berkerajaan sendiri dan beliau mendapat pendidikan politik secara tidak langsung daripada pengamatannya terhadap perjuangan Mahatma Ghandi yang berdiplomasi dengan rakyat pelbagai kaum dan agama tetapi tegas terhadap penjajah. Hal ini menjadi gaya ikutan kepada corak kepimpinan Dr. Burhanuddin al-Helmy apabila beliau pulang ke Tanah Melayu mengetuai parti politik yang sangat berdiplomasi dengan pelbagai kaum termasuk dengan pimpinan Jepun dan komunis untuk menghalau British daripada Tanah Melayu.¹⁸⁴



Selain itu semangat perjuangan kemerdekaan Dr. Burhanuddin al-Helmy turut dipengaruhi oleh situasi politik yang berlaku di Palestin. Ketika melawat negara tersebut, beliau dapat menyaksikan bagaimana British bersekongkol dengan Israel untuk membentuk negara haram Israel. Di Palestin beliau bersama dengan rakyat yang ditindas mengadakan demonstrasi menentang perjanjian Balfour untuk membentuk negara Israel. Ekoran itu pada 1936, beliau ditangkap British beberapa hari kerana penglibatan tersebut. Dari sinilah sikap anti penjajah semakin membara dalam diri Dr. Burhanuddin al-Helmy hingga timbul kesedaran kepada beliau untuk memupuk perasaan yang sama kepada masyarakat di Tanah Melayu untuk menuntut kemerdekaan demi negara tercinta.¹⁸⁵

¹⁸⁴ *Ibid*, hlm. 10.

¹⁸⁵ *Ibid*, hlm. 11.





Apabila pulang ke Tanah Melayu pada 1936, Dr. Burhanuddin al-Helmy hanya duduk di kampungnya beberapa bulan sahaja. Setelah itu beliau berhijrah ke Singapura dan menjadi guru agama di Madrasah al-Junid. Sepanjang berada di Singapura, beliau terdedah kepada perkembangan dunia yang lebih luas apabila beliau mula berkawan rapat dengan penerbit akhbar, wartawan, golongan India Muslim dan Arab Yaman yang mempunyai kesedaran untuk membebaskan tanah air daripada penjajahan. Hasil pengalaman tersebut, beliau menerbitkan sebuah majalah yang bertajuk *Taman Bahagia* pada 1937 untuk memberi kesedaran kepada masyarakat terhadap perkembangan dunia umat Islam khususnya isu di Palestin.

Akibat perjuangan kesedaran tersebut, beliau ditahan oleh British setelah satu jam edaran penerbitan majalah tersebut diedarkan kepada masyarakat. British bimbang dengan tulisan Dr. Burhanuddin al-Helmy yang dianggap boleh menaikkan semangat orang Melayu menentang British ekoran isu di Palestin tersebut.¹⁸⁶ Dr. Burhanuddin al-Helmy ditahan tetapi dijamin sebanyak \$1000.00 oleh keluarga al-Sagoff setelah ditahan semalaman di lokap. Walau bagaimanapun setelah dibicarakan di Mahkamah Singapura, beliau didapati bersalah kerana menghasut rakyat untuk membenci British melalui tulisannya. Akhirnya beliau dipenjara selama enam bulan sebagai harga bagi sebuah perjuangan untuk memberi kesedaran kebangsaan kepada masyarakat ketika itu terhadap tindakan rakus imperialisme British.¹⁸⁷

¹⁸⁶ Abdullah Hussein, "Burhanuddin al-Helmy, Pelopor Kebangkitan Semangat Kebangsaan Melayu", *Dewan Masyarakat*, November 1969.

¹⁸⁷ Ramlah Adam, *Burhanuddin al-Helmy: Suatu Kemelut Politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003, hlm. 15.





Kecenderungan Dr. Burhanuddin al-Helmy dalam dunia politik bermula apabila beliau menganggotai Kesatuan Melayu Muda (KMM) pada 1939 di Singapura setelah beliau berkenalan dengan Mustapha Hussain, Naib Presiden Kesatuan Melayu Muda (KMM). Pengaruh cita-cita perjuangan KMM amat mendalam dalam diri beliau untuk menegakkan kedaulatan Melayu Raya atau Indonesia Raya.¹⁸⁸ Hal ini bersamaan dengan inspirasi Dr. Burhanuddin al-Helmy untuk menggabungkan Tanah Melayu dan Indonesia di bawah satu pentadbiran negara. Keterlibatan Dr. Burhanuddin al-Helmy dalam KMM membolehkan beliau turut mengenali Ibrahim Yaakub selaku pemimpin nombor satu KMM. Hasil perkenalan tersebut, Dr. Burhanuddin al-Helmy mendapat tempat dalam KMM sebagai pemimpin kedua tertinggi.

Sewaktu penjajahan Jepun, Dr. Burhanuddin al-Helmy mengambil sikap yang agak berbeza dengan penjajah tersebut. Namun ini bukan bermakna perjuangan beliau adalah selektif sebagaimana yang dinyatakan oleh Rahman Adam.¹⁸⁹ Sebaliknya Dr. Burhanuddin al-Helmy mengambil pendekatan yang lebih berdiplomasi dengan Jepun ibarat menarik rambut dalam tepung. Tepung tidak berselerak, rambut tidak terputus. Malah beliau menganggap langkah KMM yang berkompromi dengan Jepun adalah seperti situasi Nabi Musa di dalam istana Firaun.¹⁹⁰ Hal ini memandangkan pendekatan Jepun yang zalim berbanding British dan hal ini tidak mengizinkan beliau untuk perjuangan secara terbuka menentang Jepun. Sebaliknya beliau memilih berkompromi dengan Jepun untuk kepentingan orang Melayu yang dijangka lebih menguntungkan

¹⁸⁸ *Ibid.*, hlm. 17.

¹⁸⁹ *Ibid.*, hlm. 24.

¹⁹⁰ Burhanuddin al-Helmy, 1946. "Perjuangan Kita", dalam Kamaruddin Jaafar, *Islam dan Kebangsaan*, Petaling Jaya: Penerbit Yayasan Anda, 1980, hlm. 42.





daripada berkonfrontasi dengan mereka. Ini dapat dibuktikan apabila beliau dilantik Penasihat Hal Ehwal Agama Islam yang berpusat di Taiping.¹⁹¹

Pelantikan beliau ini dapat melindungi orang Melayu daripada dizalimi Jepun dan atas kedudukannya sebagai penasihat agama itulah perjalanan Maahad al-Ehya Asshariff dapat beroperasi dengan lancar tanpa gangguan dan penutupan oleh pihak Jepun. Pendirian Dr. Burhanuddin al-Helmy ini amat menguntungkan orang Melayu ketika itu dan hal ini dapat menangkis dakwaan Ramlah Adam yang mengangap pelantikan beliau sebagai penasihat agama tersebut tidak jelas kesannya.¹⁹²

Selepas Jepun tewas ekoran pengeboman Nagasaki dan Hiroshima pada 1945, perjuangan Dr. Burhanuddin al-Helmy untuk menuntut kemerdekaan terus berlaku apabila British sekali lagi datang ke Tanah Melayu. Setelah KMM dibubarkan, beliau bergerak dalam PKMM dan idealisme parti ini adalah sama seperti KMM iaitu untuk memerdekakan tanah air dan membentuk gagasan Indonesia Raya atau Melayu Raya. Namun begitu, British bertindak agresif dan dengan segera mengisytiharkan darurat pada 1948 apabila kedudukan mereka terganggu dengan gerakan penentangan rakyat untuk menuntut kemerdekaan.¹⁹³

Menurut Dr. Burhanuddin al-Helmy, bangsa Melayu telah melalui kebudayaan Hindu, kebudayaan Buddha dan seterusnya kebudayaan Islam. Kehadiran pedagang

¹⁹¹ SP/84, Alias Hj. Zaidi, "Dr. Burhanuddin al-Helmi Pelopor Kebangkitan Semangat" dalam *Mestika*, Disember 1979.

¹⁹² Ramlah Adam, *Burhanuddin al-Helmy: Suatu Kemelut Politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003, hlm. 25.

¹⁹³ CO 537/4742/522243/4, Political Report No 3, For January 1949, "Malay Nationalist Party". Pengistiharan darurat lihat fail kerajaan British, Memorandum of The Situation in Malaya dalam C.O. 717/210.52849/3, Law and Order.





daripada pelbagai bangsa ini telah menjadikan Alam Melayu sebagai pusat perdagangan penting yang membawa kemakmuran. Namun, kedatangan orang Eropah bukan sahaja membolot kegiatan perdagangan malah merebut kemerdekaan bangsa dan tanah air.¹⁹⁴ Penjajah membentuk negeri-negeri Melayu kepada Negeri-Negeri Selat (NNS), Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB) dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Kebanjiran buruh asing melalui dasar British menjadikan orang Melayu terpinggir sedangkan orang dagang bebas menguasai ekonomi.¹⁹⁵

Memandangkan latar belakang keturunan Dr. Burhanuddin al-Helmy dari Indonesia dan semangat untuk mengembalikan kekuatan Kepulauan Melayu, beliau telah menyeru orang Melayu baik di Tanah Melayu dan Indonesia agar bersatu untuk mengukuhkan kembali kerajaan Melayu. Hal ini dinyatakan oleh beliau dalam akhbar



Pelita Malaya seperti berikut:

Bersatu itu ialah satu kekuatan kita. Dan apabila ada kekuatan kita akan berupaya membuat atau menghasilkan apa juga yang kita cita-citakan menyeberang Selat Melaka, mengibarkan bendera Merah Putih, merdeka, bahkan mendirikan semula empayar Melayu yang maha besar itu pun boleh dan tentu akan berhasil.¹⁹⁶

Seruan kesedaran kebangsaan turut dilaungkan oleh beliau untuk menggerakkan orang Melayu agar bangkit menentang penjajah berteraskan hak ketuanan Melayu berdasarkan perjuangan untuk membela hak dan keadilan demi mencapai kemerdekaan. Hal ini dinyatakan oleh beliau seperti berikut:

¹⁹⁴ Dr Burhanuddin al-Helmy, *Perjuangan kita, Singapura: Parti Kebangsaan Melayu Malaya, 1946*, hlm. 2-3.

¹⁹⁵ *Ibid.*, hlm. 6-8.

¹⁹⁶ *Pelita Malaya*, 5 April 1946.





Membawa tujuan besar dan suci iaitu menimbulkan kembali nasib bangsa Melayu yang telah tenggelam dan terkandas selama beratus-ratus tahun sudah dengan cogan katanya ‘Membela hak dan Keadilan Putera Melayu’ dan berserta itu terus menuju cita-cita mulia dan suci iaitu mencapai kemerdekaan bangsa dan tanah air.¹⁹⁷

Bersandarkan konsep ketuanan Melayu itulah Dr. Burhanuddin al-Helmy telah menggariskan konsep kebangsaan Melayu yang sangat luas definisinya dan diperluaskan juga kepada kaum imigran yang sanggup menumpahkan taat setia kepada kebangsaan Melayu. Ini telah dinukilkan oleh beliau dalam kenyataan berikut:

Kebangsaan Melayu bukan dibina kerana semata-mata seorang itu bangsa Melayu atau bapanya Melayu, datuknya Melayu, neneknya Melayu, keturunannya Melayu, bakanya Melayu iaitu kebangsaan yang mengikut tabiat semula jadi kedudukan bumi keturunan pusaka, kebudayaan baka dan penduduk hak mutlak bumi pertiwi ini, yang bersatu hasrat dan azamnya. Bersatu padu dalam ideologi kebangsaannya... sebagai asas kebangsaan yang lebih luas... kerana orang yang telah satu faham dan ideologinya dalam kebangsaan tiadalah kepada lain negeri lagi ia menumpahkan taat setianya kerana itu di Malaya ini kebangsaan Melayu itulah sahaja asas ideologi kebangsaan yang sihat dan tulen. Maka di atas asas kebangsaan inilah siapa sahaja yang telah memutuskan taat setianya daripada negeri-negeri yang lain, ia berkait dengan kelayakan dan bukti kesetiaan dan menumpahkan taat setianya kepada ideologi kebangsaan Melayu. Maka samalah ia daripada suatu bahagian anggota untuk semua dan semua untuk hak ramai bagi hak bersama dan sama berhak.¹⁹⁸

Justeru, tidak hairanlah Dr. Burhanuddin al-Helmy turut menyokong Malayan Union yang telah diperkenalkan oleh British pada 1946 atas dasar menyatukan kesatuan Melayu. Namun penyatuan tersebut bukanlah daripada acuan British tetapi menurut penyatuan Melayu. Hal ini digambarkan oleh kenyataan beliau seperti berikut:

Tuntutan Parti Kebangsaan Melayu Malaya dahulu, mahu menerima Malayan Union, tetapi Malayan Union menurut corak dan bentuk Melayu, iaitu mengikut semangat permulaan tetry antara Raja-raja Melayu dengan British, menurut erti

¹⁹⁷ *Ibid.*

¹⁹⁸ Dr. Burhanuddin al-Helmy, *Falsafah Kebangsaan Melayu*, Bukit Mertajam: Pustaka Semenanjung, 1954, hlm. 75.





Melayu terjemahan Malayan itu adalah suatu tuntutan menurut hasrat sejati bangsa Melayu bukan Malayan Union buatan England.¹⁹⁹

Selepas Perang Dunia Kedua iaitu pada 1946 Dr. Burhanuddin al-Helmy mengambil alih pimpinan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dengan menggantikan Mukhtaruddin Lasso sebagai Yang Dipertua Agung.²⁰⁰ Sebelum menjadi Yang Dipertua Agung PKMM, beliau menjadi Timbalan Presiden PKMM sewaktu parti itu ditubuhkan pada 17 Oktober 1945. Di bawah pimpinan beliau, PKMM turut sama dengan pertubuhan-pertubuhan lain menganjurkan penubuhan UMNO pada 11 Mei 1946 untuk sama-sama menubuhkan Malayan Union yang wajah sebenarnya untuk menghapuskan hak ketuanan Melayu.²⁰¹

Kita bersatu dengan PKMBR (Persatuan Kebangsaan Melayu Bersatu) kerana ingin melaksanakan sebenar-benar hasrat bangsa Melayu. Bersama-sama dengannya kita menubuhkan Malayan Union.²⁰²

Namun pada Julai 1946, PKMM telah keluar daripada UMNO kerana tidak setuju dengan sikap tolak ansur pertubuhan tersebut terhadap British. Dr. Burhanuddin al-Helmy melihat pengkalan PKMM dalam UMNO akan menyebabkan mereka terus menjadi alat penjajah untuk mencapai visi dan misi mereka.²⁰³ Dr. Burhanuddin al-Helmy memainkan peranan yang sangat penting sebagai pengkritik dasar kerajaan British yang secara jelas cuba menghapuskan hak ketuanan Melayu. Pada Jun 1946,

¹⁹⁹ Dr. Burhanuddin al-Helmy, *Asas Falsafah Kebangsaan Melayu* dalam Kamaruddin Jaafar, hlm. 108.

²⁰⁰ Mokhtaruddin Lasso merupakan Ketua Rejimen 10 PKM yang berasal dari Indonesia dan merupakan pelarian politik Parti Komunis Indonesia yang berhijrah ke Tanah Melayu untuk mengelak tribulasi Belanda. Beliau dipercayai pulang serta merta ke Indonesia kerana berjuang kembali menentang Belanda yang tidak mengiktiraf kemerdekaan Indonesia setelah berakhir pendudukan Jepun di Indonesia. Lihat Ramlah Adam, op.cit hlm. 32 dan 37.

²⁰¹ Kamaruddin Jaafar, *Burhanuddin Al-Helmy: Pemikiran dan Perjuangan*, Kuala Lumpur: Ikdas Sdn.Bhd, 2000, hlm. 6.

²⁰² Dr. Burhanuddin al-Helmy, *Pidato di Kongres Partai Rakyat, Singapura: Partai Rakyat, 1955*, hlm. 5-6.

²⁰³ *Ibid.*, hlm. 6.





beliau telah mencabar pelantikan Theodore Adams sebagai Penasihat Raja-Raja Melayu dalam Jawatankuasa Kerja untuk mendraf perlembagaan baru menggantikan Malayan Union. Bagi beliau, Theodore Adams merupakan orang yang bertanggungjawab menjatuhkan Raja Muda Selangor ketika itu, Tengku Musaaddin pada 1936. Beliau juga percaya pelantikan pegawai British itu akan menyebabkan Raja-raja Melayu dan UMNO dipermain-mainkan oleh British.²⁰⁴

Akhirnya PKMM bergabung dengan gerakan politik Melayu radikal dalam Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA). Pada 2 Disember 1947, ketika PKMM diketuai oleh Ishak Haji Muhammad dan Dr. Burhanuddin al-Helmy sebagai Penasihat Agungnya. PUTERA telah bergabung dengan *ALL-Malaya Council of Joint Action (AMCJA)* iaitu gabungan gerakan politik bukan Melayu radikal.²⁰⁵ Gabungan ini merupakan tindakan membantah British yang hanya mahu berunding dengan UMNO dan Raja-raja Melayu sahaja. British menutup rundingan dengan lain-lain parti politik dan hal ini tidak disenangi oleh Dr. Burhanuddin al-Helmy.²⁰⁶

Selain itu Dr. Burhanuddin al-Helmy juga terlibat dalam penubuhan Pusat Perekonomian Melayu Se-Malaya (PEPERMAS) dan Majlis Islam Tertinggi Se-Malaya (MATA) yang kemudiannya membuka jalan kepada pembentukan Parti Islam yang pertama iaitu Hizbul Muslimin(HM) pada 14 Mac 1948 di Gunung Semanggol, Perak. Bagaimanapun jangka hayat parti ini tidak lama kerana Undang-undang Darurat pada Jun 1948 telah menangkap tokoh-tokoh utama Hizbul Muslimin walaupun Dr.

²⁰⁴ *Sunday Mail*, 23 Februari 1947.

²⁰⁵ Abdul Rahman Haji Abdullah, *Gerakan Anti Penjajahan di Malaysia 1511-1950: Pengaruh Agama dan Tariqat*, Kuala Lumpur: Publication Kintan Sdn. Bhd, 1994, hlm. 126.

²⁰⁶ *Malay Tribune*, 19 Oktober 1946.



Burhanuddin al-Helmy terlepas dalam senarai tangkapan British. Akhirnya beliau berpindah ke Singapura untuk meneruskan perjuangannya menuntut kemerdekaan di sana.²⁰⁷

Namun begitu dua tahun kemudian iaitu pada 18 Disember 1950, Dr. Burhanuddin al-Helmy ditangkap di rumahnya di Geylang Road di Singapura dalam isu kes Natrah. Beliau dan tiga tokoh PKMM iaitu Mohd Mustaza, Taha Kalu dan Derus Sarip turut ditangkap bersama-sama dengan dua pimpinan masyarakat di Singapura iaitu Abdul Mohamad bin Abdul Karim Ghani dan Syed Ali al-Attas. Kesemuanya ditahan di bawah Undang-undang Darurat Singapura. Penahanan pimpinan utama PKMM ini melemahkan pergerakan PKMM di Tanah Melayu dan Singapura. Dr. Burhanuddin al-Helmy akhirnya ditahan selama tiga tahun sehinggalah pada 1953

beliau dibebaskan.²⁰⁸

Setelah keluar penjara, beliau meneruskan perjuangan politiknya. Pada 8 April 1955, Dr. Burhanuddin al-Helmy terlibat dengan Kongres Pemuda Melayu (KPM) yang menjadi satu medan penting dalam meneruskan perjuangan kebangsaan Melayu pegangan golongan radikal.²⁰⁹ Peluang sebagai Pengerusi Kongres telah digunakan untuk menyerapkan pengaruh Indonesia dalam kongres tersebut.²¹⁰ Daripada kongres tersebut melahirkan sebuah persatuan politik yang dikenali Barisan Kebangsaan

²⁰⁷ Abdul Rahman Haji Abdullah, *Gerakan Anti Penjajahan di Malaysia 1511-1950: Pengaruh Agama dan Tariqat*, 1994, hlm. 127.

²⁰⁸ *Utusan Melayu*, 19/12/1950.

²⁰⁹ *Straits Times*, 9 April 1955.

²¹⁰ *Straits Times*, 11 April 1955.

Melayu (BKM) yang ditubuhkan pada 10 April 1955. Beliau telah menjadikan Sumpah Pemuda 1928 dan Kongres Bahasa Indonesia sebagai rujukan perjuangan KPM.²¹¹

Kongres Pemuda Melayu 1955 menggunakan ikrar satu bangsa, satu negara dan satu agama untuk menyatukan seluruh tenaga pemuda Melayu bagi membentuk kebangsaan Melayu.²¹² Kongres juga telah membuat keputusan menghantar Dr. Burhanuddin al-Helmy menghadiri Persidangan Afro-Asia di Bandung, Indonesia bagi membincangkan kemerdekaan Semenanjung Tanah Melayu dan hal-hal politik bagi negara-negara yang sedang membangun.²¹³ Dalam kongres tersebut, beliau telah mendesak agar Persidangan Afro-Asia membuat keputusan menuntut kerajaan British menubuhkan dengan segera satu lembaga untuk kemerdekaan negeri-negeri yang dijajahnya.²¹⁴

Perjuangan Dr. Burhanuddin al-Helmy bukan sahaja berteraskan prinsip ketuanan Melayu tetapi juga disalurkan dengan prinsip-prinsip Islam. Sebagai pemimpin Melayu yang berjiwa Islam, beliau dilantik sebagai Penasihat Adat Istiadat dan Kebudayaan Melayu pada zaman Jepun. Peluang ini digunakan oleh beliau untuk membangunkan Maahad al-Ehya Assyarif di Gunung Semanggol.²¹⁵ Beliau juga berjaya menganjurkan satu persidangan Islam antara Semenanjung dan Sumatera pada tahun 1943 namun persidangan kedua yang dirangka telah disekat kerana Jepun bimbang persidangan tersebut akan menjadi landasan kebangkitan umat Islam.²¹⁶

²¹¹ *Utusan Melayu*, 11/4/1955.

²¹² Ramlah Adam, *Sumbanganmu Dikenang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999, hlm. 137-138.

²¹³ *Ibid.*, hlm. 138.

²¹⁴ *Utusan Melayu*, 29 Jun 1955.

²¹⁵ Kamaruddin Jaafar, *Burhanuddin Al-Helmy: Pemikiran dan Perjuangan*, Kuala Lumpur: Ikdas Sdn.Bhd, 2000, hlm. 5.

²¹⁶ Ramlah Adam, *Sumbanganmu Dikenang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999, hlm. 127.



Sebagai pemimpin yang berjiwa Islam, beliau dilamar oleh Hassan Adli pada 1954 untuk menjadi ahli PAS. Hassan Adli pada ketika itu merupakan Ketua Pemuda PAS. Beliau menulis surat kepada Haji Ariffin yang ketika itu merupakan Yang Dipertua PAS cawangan Johor Baharu agar berjumpa dengan Dr. Burhanuddin al-Helmy untuk tujuan tersebut. Haji Ariffin telah mengadakan mesyuarat PAS cawangan Johor Baharu dan jawatankuasanya telah bersetuju dengan saranan Hassan Adli tersebut. Haji Ariffin telah menulis surat bertarikh 30 September 1954 kepada Dr. Burhanuddin al-Helmy untuk melantiknya menjadi Anggota Yang Kehormat. Tujuan lantikan tersebut untuk merapatkan hubungan dengan PAS, memberi bantuan moral kepada PAS dan jika tidak keberatan untuk menjadi ahli PAS nanti.²¹⁷ Surat tersebut disambut Dr. Burhanuddin al-Helmy dengan tangan terbuka dan pada 15 Mei 1954, beliau menerima tawaran tersebut dan berharap mereka dapat berpegang teguh kepada tali Allah (Islam) dan tidak akan berpecah belah.²¹⁸

Setelah Dr Burhanuddin bersetuju untuk menjadi Anggota Yang Kehormat, Hassan Adli mengorak langkah dengan lebih agresif lagi untuk melamar Dr. Burhanuddin al-Helmy menjadi ahli. Tujuannya adalah untuk membolehkan Dr. Burhanuddin al-Helmy menjadi calon pemilihan Yang Dipertua PAS dalam Mesyuarat Agung PAS pada 23 hingga 25 Disember 1956 di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur.²¹⁹ Setelah Dr. Burhanuddin al-Helmy menjadi ahli PAS, Hassan Adli telah

²¹⁷ S.P 90/20. Surat daripada PAS cawangan Johor Bharu kepada Dr. Burhanuddin al-Helmy bertarikh 30/4/1954 untuk melantiknya sebagai Anggota Yang Kehormat PAS kawasan berkenaan.

²¹⁸ S.P 90/21 Surat jawapan penerimaan tawaran Dr Burhanuddin al-Helmy untuk menjadi ahli PAS bertarikh 15 Mei 1954.

²¹⁹ S.P PAS 55-58-Peringatan-Peringatan Mesyuarat PAS dan Mesyuarat-Mesyuarat Daripada Pejabat Agung PASM 10 Januari 1956 – 20 Jan 1956.



menulis surat bertarikh 18 Disember 1956 kepada Setiausaha Agung PAS di Kuala Lumpur tentang kemasukan Dr. Burhanuddin al-Helmy ke dalam PAS dan surat keahlian perlu dikeluarkan segera untuk membolehkan beliau menjadi calon Yang Dipertua PAS. Akhirnya Dr. Burhanuddin al-Helmy berjaya dilantik menjadi Yang Dipertua PAS pada 25 Disember 1956.²²⁰ Beliau menggantikan Dr. Abbas.²²¹ Penyertaannya ke dalam PAS adalah untuk meneruskan perjuangan kemerdekaan dan menegur pimpinan UMNO. Hal ini dijelaskan oleh beliau sebagai:

Rakyat yang berdiri di belakang PAS adalah mempunyai cita-cita yang sama dengan rakyat yang berdiri di belakang UMNO, bahawa tiap-tiap mereka, tiap-tiap rakyat PAS dan rakyat yang berdiri di belakang Umno, menghendaki satu negara yang bebas, merdeka, dan berdaulat. Kalau kita melihat pemimpin UMNO tidak betul, maka adalah tanggungjawab kita sebagai nasionalis untuk mengkritik, untuk menegur pimpinan UMNO itu.²²²

Di bawah pimpinan beliau, PAS telah mencapai kejayaan yang gilang gemilang.

PAS menguasai Kelantan dan Terengganu dalam Pilihan Raya Persekutuan pada tahun 1959. Dr. Burhanuddin al-Helmy turut berjaya menjadi ahli Parlimen setelah memenangi Pilihanraya Umum kedua itu bagi Parlimen Besut di Terengganu.²²³ Kemenangan beliau itu diringi dengan kemenangan 12 orang wakil Parlimen lain dan 42 kerusi negeri daripada PAS. Kehadiran Dr. Burhanuddin al-Helmy menerajui PAS turut melonjak pengaruh parti tersebut apabila keahlian parti ini turut bertambah ramai menjadi sebanyak 12 ribu orang.²²⁴ Dr. Burhanuddin al-Helmy seorang pemimpin PAS yang sangat terbuka dalam perjuangannya. Ini dapat dibuktikan apabila turut bersetuju

²²⁰ Kamaruddin Jaafar, *Burhanuddin Al-Helmy: Pemikiran dan Perjuangan*, Kuala Lumpur: Ikdas Sdn.Bhd, 2000, hlm. 213.

²²¹ Ahmed Boestamam, *Merintis Jalan ke Puncak*, Kuala Lumpur: Pustaka Kejora, 1972, hlm. 63.

²²² Burhanuddin al-Helmy, *al-Islam dan Sosialisme*, Kuala Lumpur: Ikraq, 1988, hlm. 3.

²²³ Report on the Parlimentary and State Election 1959, Government Press, Kuala Lumpur, 1960, hlm. 51-57.

²²⁴ SP/28.A/9-Surat Hassan Adli kepada Dr. Burhanuddin bertarikh 22 November 1956.



dengan cadangan Dato' Onn untuk menjadikan identiti kebangsaan rakyat Persekutuan Tanah Melayu dengan nama Melayu kerana memikirkan cadangan tersebut adalah sama dengan aspirasi yang diperjuangkan oleh PUTERA pada tahun 1947.²²⁵

Apabila kerajaan mengemukakan cadangan menubuhkan Malaysia yang merangkumi Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Brunei, Sabah, dan Sarawak di Dewan Rakyat pada 18 Oktober 1961, Dr. Burhanuddin al-Helmy terus mengambil kesempatan menyuarakan gagasan Melayu Raya. Beliau mencadangkan agar Malaysia bukan sahaja melibatkan wilayah yang telah disenaraikan, malah merangkumi Indonesia dan Filipina.²²⁶

Cadangan tersebut jelas memperlihatkan bahawa perjuangan terhadap penyatuan Alam Melayu masih lagi tertanam di jiwa beliau walaupun berada dalam PAS. Beliau sentiasa mengaitkan kebangsaan dengan prinsip Islam agar selaras dan tidak bercanggah dengan syarak. Dr. Burhanuddin al-Helmy melihat kebangsaan itu merupakan alat untuk menyatukan umat Islam bagi mencapai tujuan yang lebih besar dan abadi. Beliau menganggap semangat kebangsaan perlulah sederhana tetapi menyeluruh konsepnya sesuai dengan hasrat untuk mencapai kejayaan dunia dan akhirat. Hal ini dinyatakan oleh beliau seperti berikut:

Islam memandang kebangsaan itu sebagai suatu alat bukan tujuan. Kebangsaan hendaklah mengambil tempat yang sederhana dan bulat sebagai suatu lambang

²²⁵ Ramlah Adam, *Sumbanganmu Dikenang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999, hlm. 139.

²²⁶ Dewan Rakyat (Parliamentary Debates), Official Report, Col. 111, No. 18, Col 1638. Perjuangan membentuk satu rumpun Melayu ini pernah disuarakan oleh Jose Rizal, seorang nasionalis Melayu dari Filipina ketika menentang penjajahan Sepanyol ke atas Filipina hingga beliau ditembak mati pada 1896. Jose Rizal merupakan seorang Muslim yang terlibat dalam Revolusi Filipina dan dihukum tembak oleh penjajah Sepanyol ketika beliau berumur 35 tahun. Sila lihat Zeus A. Salazar, "*Indio, Filipino, Malay: Rizal as a Malay Nationalism*", Persidangan Antarabangsa Tamadun Melayu (2nd), 15-20 Ogos 1989, Kuala Lumpur.





yang boleh menarik dan menyatukan suatu bahagian tenaga untuk mencapai cita-cita mulia yang besar dan abadi, sebagaimana Islam memandang dunia bukan tujuan tetapi satu alat atau tunggangan yang menyampaikan ke akhirat.²²⁷

Apabila Dr. Burhanuddin al-Helmy menjadi Yang Dipertua PAS, perjuangan PAS semakin mantap dengan cita-cita murninya untuk menegakkan negara Islam. Dalam Mesyuarat Agung PAS 1964, beliau mengatakan:

PAS muncul dengan cita-cita kenegaraan Islam, cita-cita ini wujud dan diperjuangkan berdasarkan keyakinan hidup beragama dalam kalangan pendukung PAS. Dinyatakan oleh sinar sejarah nabi dan sahabatnya yang telah berjaya membentuk negara dan pemerintahan yang bercorak dan berhukum Islam dalam pentadbirannya.²²⁸



Selain menyokong kepada gerakan negara Islam, Dr. Burhanuddin al-Helmy turut konsisten dengan konsep Melayu Raya. Justeru tidak hairanlah beliau telah dituduh berkomplot untuk menjatuhkan Malaysia. Kegiatan beliau dipantau dan dituduh telah menubuhkan syarikat di Sumatera untuk membiayai kegiatan beliau dan membuka cawangan PAS di Sumatera.²²⁹ Pada 28 Januari 1965, Dr. Burhanuddin al-Helmy telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan dipenjarakan di Batu Gajah kerana dituduh terlibat dalam komplot menentang kerajaan Malaysia.²³⁰

Dalam pertuduhan Kertas Putih Kerajaan yang bertajuk 'A Plot is Exposed', beliau bersama beberapa anggota pembangkang seperti Dato' Raja Abu Hanifah (PAS),

²²⁷ Dr. Burhanuddin al-Helmy, *Falsafah Kebangsaan Melayu*, Bukit Mertajam: Pustaka Semenanjung, 1954, hlm. 24.

²²⁸ Dr. Burhanuddin al-Helmy, 1964, 'Ucapan Di Mesyuarat Agung PAS ke-12', dlm. Kamaruddin Jaafar, *Burhanuddin Al-Helmy: Pemikiran dan Perjuangan*, Kuala Lumpur: Ikdas Sdn.Bhd, 2000, hlm. 213.

²²⁹ *Berita Harian* 23 April 1964.

²³⁰ Kamaruddin Jaafar, 2000, hlm. 8.





Aziz Ishak, Ishak Haji Muhammad (Parti Buruh) dan Nazar Nong (Parti Rakyat Malaysia) dikatakan terlibat dalam usaha menubuhkan *National Front* bagi membantu Indonesia dan membentuk kerajaan buangan di Indonesia.²³¹ Sepanjang beliau ditahan, Dr. Burhanuddin al-Helmy sering dibawa ke hospital kerana sakit dan sepanjang tempoh tersebut PAS Pusat banyak membantu beliau dan keluarganya dari segi kewangan.²³² Penderitaannya di dalam penjara berakhir pada Mac 1966 apabila Dr. Burhanuddin al-Helmy dibebaskan daripada ISA. Namun pembebasannya itu sudah tidak bermakna lagi kerana beliau sudah terlalu uzur ekoran penderitaannya di dalam penjara tersebut hingga membawa kematiannya pada 25 Oktober 1969.

Perjuangan Dr. Burhanuddin al-Helmy sebagai aktivis Kaum Muda yang menjadi penggerak kesedaran kemerdekaan di Tanah Melayu menempuh ranjau berduri yang paling hebat berbanding dengan tokoh Kaum Muda yang lain. Hal ini terjadi kerana beliau menggerakkan kesedaran berpolitik masyarakat Melayu untuk menentang British. Beliau adalah pencetus gerakan kemerdekaan Tanah Melayu yang menggunakan saluran politik kerana ketika itu tokoh nasionalis Melayu yang lain masih menuntut ilmu di England atau bekerjasama dengan penjajah British. Walaupun kemerdekaan Tanah Melayu digapai oleh nasionalis Melayu yang pro-British tetapi Dr. Burhanuddin al-Helmy tidak patah semangat untuk menubuhkan gagasan Melayu Raya.

²³¹ Ramlah Adam, *Sumbanganmu Dikenang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999, hlm. 148.

²³² SP/28/A/47-Surat Setiausaha Agong Persatuan Islam Sa-Tanah Melayu Pejabat Agong Kepada Setiausaha PAS Chawangan 23 Oktober 1965 menyatakan Dr. Burhanuddin al-Helmy menerima rawatan di Hospital Batu Gajah dan SP/28/A/47-Surat Daripada Timbalan Pesuruhjaya PAS Perak kepada Setiausaha Agong PAS, Kuala Lumpur, Rawatan Perubatan Untok Pak Dr. Burhanuddin bertarikh 14 April 1966. Liht juga SP/28/A1/48-Surat Harith bin Abu Bakar kepada Setia Usaha Agong PAS, Shor Permohonan Bantuan Kewangan Untok Pak Dr bertarikh 12 April 1966.





Sungguhpun gagasan itu tidak menjadi realiti untuk menyatukan bangsa Melayu di Nusantara tetapi sumbangan beliau untuk menggerakkan kesedaran berpolitik orang Melayu tidak boleh dipertikaikan dan beliau dianggap tokoh yang paling terkehadapan menjadi suara orang Melayu menentang British ketika itu melalui saluran politik. Namun begitu, beliau terpaksa membayar harga yang mahal apabila dipenjarakan berkali-kali oleh British hingga menjejaskan kesihatannya. Perjuangan Dr. Burhanuddin al-Helmy berakhir apabila maut menjemputnya terlebih dahulu sebelum kemerdekaan hakiki yang diidam-idamkannya tercapai.

3.3.2 Maulana Abdullah bin Awang Noh (1905-1947)



Maulana Abdullah Noh merupakan salah seorang ulama reformis di Tanah Melayu. Beliau terlibat dalam kegiatan politik dan turut berjuang menentang penjajah British di bumi Kelantan. Walau bagaimanapun namanya tidak terpahat dalam lipatan sejarah sebagai ulama, ahli politik dan pejuang kemerdekaan yang sebaris dengan nama-nama besar pejuang yang lain. Hal ini kerana penglibatannya dalam perjuangan tersebut tidak mendapat liputan meluas dalam catatan akhbar, majalah mahupun buku akademik selain daripada usianya yang tidak panjang sebagai tokoh ulama dan pejuang kemerdekaan. Namun begitu, peranannya sebagai ulama dan pejuang kemerdekaan yang membangkitkan kesedaran kemerdekaan mempunyai kesan besar terhadap masyarakat terutama kepada anak-anak murid di madrasahnyanya.





Nama sebenar Maulana Abdullah bin Awang Noh ialah Haji Abdullah bin Haji Awang Noh bin Haji Senik. Beliau dilahirkan pada 1905 di Kampung Wakaf Bunut, Pasir Puteh, Kelantan.²³³ Bapa beliau, Haji Awang Noh merupakan tokoh agama yang dihormati dalam masyarakat setempat dan ibunya bernama Che Zainab. Datuknya pula Haji Senik yang terkenal dengan gelaran Tok Merbol kerana tinggal di Merbol dan merupakan ulama terkenal di Kelantan. Sesetengah penduduk memanggil Haji Abdullah Noh ini dengan gelaran Maulana, Abdullah Muslim, Haji Abdullah India dan Haji Abdullah Noh Pasir Puteh untuk mudah mengenali beliau kerana ramainya individu yang bernama Abdullah pada ketika itu. Gelaran-gelaran itu diberikan kepadanya kerana beliau pernah belajar di India dan alim dalam ilmu agama sehingga dikenali sebagai Maulana, satu panggilan keagamaan yang tinggi dalam sistem pendidikan agama di India.²³⁴ Malah dalam kitab *Semangat Perajurit-Perajurit Muslim* karya Maulana Abdullah Noh, beliau meletakkan nama pengenalan dirinya sebagai Maulana Abdullah India.²³⁵

Pendidikan asas Maulana Abdullah Noh adalah daripada keluarganya sendiri.

Bapanya, Haji Awang Noh merupakan guru yang membimbing beliau asas fardhu ain

²³³ Terdapat perbezaan dapatan tentang tarikh lahir dan umur kematian Maulana Abdullah dalam artikel Ismail Awang dan Ismail Che Daud. Artikel Ismail Awang yang bertajuk 'Maulana Abdullah Noh (1905-1947)' dalam *Majalah Pengasuh*, bil 408, 1975, hlm. 24 yang diterbitkan pada 1975 mengatakan umur kematiannya adalah 38 tahun. Jika diteliti dalam artikel yang sama hlm. 25, terdapat surat kebenaran Maulana Abdullah untuk melanjutkan pelajarannya ke India bertarikh 4 September 1932 yang mencatatkan umurnya ketika itu adalah 29 tahun. Ini bermakna tarikh kelahiran beliau sepatutnya 1903 dan bukannya 1905. Manakala Ismail Che Daud dalam bukunya yang bertajuk *Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (1)*, 2012, hlm. 423 mengatakan tarikh kelahiran Maulana Abdullah adalah pada 1909. Akhirnya, penulis mendapat kepastian setelah menemui Tuan Haji Ghazi Ahmad Bin Abdullah, anak Maulana Abdullah Noh di Masjid Rahimah, Greenwood, Batu Caves pada 26hb Mac 2016. Beliau mengatakan tarikh lahir ayahandanya adalah pada 1905 dan ketika kematiannya pula berumur 42 tahun.

²³⁴ Lihat Ismail Awang, *Majalah Pengasuh*, 1975, hlm. 24.

²³⁵ Kitab ini mempunyai empat perkara di bawah 140 pecahan yang mula ditulis pada Rabu 5 November 1946 bersamaan 10 Zulhijjah 1365 dan tamat pada Selasa 25 November 1946 bersamaan 2 Muharam 1366. Kitab setebal 149 muka surat ini berjaya disiapkan oleh Maulana Abdullah Noh hanya dalam tempoh 20 hari sahaja mengikut kalendar Masihi dan diterbitkan oleh Pustaka Maktabah Ismailiyah, 2723, Jalan Tok Hakim, Kota Baharu Kelantan.





manakala datuknya pula, Haji Senik merupakan guru al-Quran beliau yang pertama. Dalam tempoh setahun pengajiannya, Maulana Abdullah Noh berjaya mengkhataamkan al-Quran. Seterusnya beliau belajar dengan Tuan Guru Haji Ismail bin Haji Ishak yang menetap di Merbol, Pasir Puteh, Kelantan. Di sinilah beliau mempelajari kitab-kitab Jawi dan kitab-kitab dasar bahasa Arab.²³⁶

Setelah melihat kecenderungan anaknya mempelajari ilmu agama, Haji Awang Noh menghantar anaknya itu menuntut dengan Haji Wan Muhammad bin Wan Puteh atau lebih dikenali sebagai Tuan Guru Haji Mat Alim Perak yang berasal dari Perak tetapi menetap di Pasir Puteh pada tahun 1920. Maulana Abdullah Noh berhijrah ke Kota Bharu pada 1923 apabila beliau berguru dengan Haji Abdul Samad bin Haji Ahmad (Tuan Tabal) dan anaknya, Haji Wan Musa bin Haji Abdul Samad. Haji Wan Musa ialah Mufti Kelantan ketika itu dan merupakan pelopor pemikiran Kaum Muda di Kelantan. Pengajian Maulana Abdullah Noh dengan tokoh-tokoh aliran Kaum Muda ini memungkinkan beliau terdedah dengan pemikiran yang serupa apatah lagi Haji Wan Musa merupakan orang yang menggalakkan Maulana Abdullah Noh melanjutkan pelajaran ke India yang terkenal dengan aliran pemikiran Shah Waliyullah al-Dihlawi yang membawa gerakan islah di India.²³⁷ Di Kota Baharu, Maulana Abdullah turut mendalami ilmu di Pondok Tok Khurasan di Kampung Sireh. Tok Khurasan merupakan pelopor pengajaran tafsir hadis di Kelantan. Di sini beliau mula mengenali Haji Nik

²³⁶ Ismail Awang, *Majalah Pengasuh*, 1975, hlm. 25. Manakala menurut Ismail Che Daud, *Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (1)*, hlm. 425, personaliti sebenar ulama berkenaan ialah Haji Ismail bin Abdul Wahhab dari Kampung Nering, Mukim Merbol dan bukannya Haji Ismail bin Haji Ishak.

²³⁷ Nama penuhnya Qutb al-Din, Ahmad Waliyullah, Abu Abdul al-Aziz ibn Shah Abdul al-Rahim. Beliau dilahirkan di Delhi, India pada 1702 dan merupakan ulama islah yang cuba membentaras amalan karut, bidaah dan khurafat masyarakat di India. Lihat Hayei bin Abdul Sukor, *Biografi Dan Pemikiran Tajdid Shah Waliyullah Al-Dihlawi* dalam *Tokoh-Tokoh Pemikir Dakwah*, 1990.





Abdullah, anak mufti Haji Wan Musa yang akhirnya menjadi ulama besar negeri Kelantan.²³⁸

Maulana Abdullah Noh juga pernah belajar di Kuala Pilah pada 1927 selama empat tahun.²³⁹ Sekembalinya dari Kuala Pilah, beliau berkahwin dengan Cik Maryam di Kampung Semerak, Pasir Puteh. Walau bagaimanapun setelah beberapa bulan berkahwin mereka terpaksa berpisah apabila Maulana Abdullah Noh belayar ke India melanjutkan pelajaran. Beliau bertolak ke India melalui Mekah pada penghujung tahun 1930 dan tiba di sana pada awal 1931 yang kebetulan pada musim haji. Maulana Abdullah Noh terpaksa menunggu di Mekah selama lima bulan untuk mendapatkan kebenaran British masuk ke India. Dalam tempoh tersebut, beliau sempat belajar bersama-sama Haji Nik Abdullah bin Wan Musa di Madrasah Shaulatiah al-Hindiyah.

Di madrasah ini mereka sempat belajar dengan Maulana Ubaidullah as-Shindi, seorang ulama India yang dibuang ke Mekah oleh British. Kesempatan itu turut diambil Maulana Abdullah Noh untuk menadah kitab di Masjidil Haram dengan beliau. Seterusnya pada 4 September 1932, Maulana Abdullah Noh bertolak ke India setelah

²³⁸ Di Negeri Sembilan, beliau dipercayai berguru dengan Sheikh Ahmad Sheikh Ibrahim, seorang ulama lulusan Padang di Sumatera yang turut menuntut ilmu di Mekah dan India. Beliau membuka pondok di Kuala Kelawang, Jelevu, Negeri Sembilan. Ada kemungkinan beliau ke Negeri Sembilan atas dorongan Tuan Tabal untuk berguru dengan Sheikh Said Linggi, rakan seperguruannya yang juga merupakan pemimpin Tarekat Ahmadiyah di Negeri Sembilan. Lihat Fadli Ghani dan Raja Ahmad Iskandar dalam kertas kerja *Madrasah Al-Balaghul Mubin, 1938-1947: Kesan dan Pengaruhnya Terhadap Perkembangan Kesedaran Politik Islam di Kelantan Selepas Perang Dunia Kedua*. Kertas kerja ini telah dibentangkan dalam Simposium Gerakan Islah Sebelum Kemerdekaan Tanah Melayu dan Isu-Isu Semasa pada 8 Disember 2011 di Universiti Teknologi Petronas.

²³⁹ *Ibid.* Di Negeri Sembilan, beliau dipercayai berguru dengan Sheikh Ahmad Sheikh Ibrahim, seorang ulama lulusan Padang di Sumatera yang turut menuntut ilmu di Mekah dan India. Beliau membuka pondok di Kuala Kelawang, Jelevu, Negeri Sembilan. Ada kemungkinan beliau ke Negeri Sembilan atas dorongan Tuan Tabal untuk berguru dengan Sheikh Said Linggi, rakan seperguruannya yang juga merupakan pemimpin Tarekat Ahmadiyah di Negeri Sembilan.





menerima sepucuk surat tawaran dari Universiti Deoband dalam bidang al-Quran, hadis dan perundangan Islam ketika berumur 29 tahun.²⁴⁰

Selain itu, Maulana Abdullah Noh juga berkesempatan belajar di Kashmir Gate di Madrasah Aminiah dan juga di Bahil yang terletak berhampiran dengan Gujerat. Beliau menghadiri kelas-kelas tafaqquh yang diadakan di madrasah berkenaan malah sempat berguru dengan Mufti Kifayatullah Gangohi (1875-1953) dan Maulana Hussein Ahmad Medani, Ketua Mufti Darul Ifta di Deoband yang juga merupakan seorang ulama terkenal di negara berkenaan. Persekitaran beliau di India mendedahkannya kepada kemahiran berbahasa Urdu dan membolehkan beliau mentelaah kitab-kitab dalam bahasa berkenaan. Di India Maulana Abdullah Noh sempat menghabiskan kitab hadis Sunan Sittah dan pendapat-pendapatnya pula banyak dipengaruhi pendapat Shah Waliyul'ah al-Dihlawi.²⁴¹ Di India, Maulana Abdullah Noh turut terdedah dengan gerakan anti British apabila pemimpin-pemimpin Liga Muslim India telah menanam semangat berkenaan kepada rakyat terutamanya para pelajar di madrasah dan universiti.

Apabila beliau pulang ke Kelantan, beliau yang mendapat pendedahan perjuangan kemerdekaan di India melibatkan diri dalam Kesatuan Melayu Muda (KMM) pada 1939 selain beliau turut cergas dalam persatuan Angkatan Pemuda Insaf (API). Maulana Abdullah Noh mengambil kesempatan apabila Jepun menyerang Tanah Melayu untuk menghalau British. Beliau turut terlibat sebagai tentera sukarela sehingga dihantar ke Singapura di bawah batalion *Giyu-Gun*. Apabila Jepun menyerahkan kuasa pentadbiran Tanah Melayu kepada British ekoran pengeboman Nagasaki dan

²⁴⁰ Ismail Awang, *Majalah Pengasuh*, 1975, hlm. 25. Walau bagaimanapun berdasarkan temubual dengan Haji Ghazi Ahmad bin Abdullah, umur ayahnya ketika ke India adalah 27 tahun.

²⁴¹ *Ibid.*, hlm. 25.





Hiroshima, Maulana Abdullah Noh ditangkap oleh British lalu dipenjarakan selama enam bulan. Akhirnya pada Jun 1946, beliau dibebaskan tetapi hasrat untuk menentang penjajah tidak pernah padam. Beliau menganggotai pula Partai Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dan sering berurusan dengan Dr. Burhanuddin al-Helmy dalam merencanakan kegiatan PKMM di Kelantan.

Setelah berjuang dalam bidang dakwah sebagai ulama Kaum Muda dan pejuang yang menuntut kemerdekaan, Maulana Abdullah Noh akhirnya menghembuskan nafasnya yang terakhir pada 15 September 1947 jam 10.20 pagi ketika berumur 42 tahun. Kematian beliau disebabkan oleh beberapa penyakit yang dihidapinya seperti penyakit Diabetis dan Tibi.²⁴² Jenazah beliau dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Dalam Kemunting, Pasir Puteh, Kelantan. Maulana Abdullah Noh meninggalkan dua orang anak iaitu Hajjah Rukiah bt Abdullah dan Tuan Haji Ghazi Ahmad bin Abdullah. Kini, Hj Ghazi Ahmad Abdullah merupakan satu-satunya anaknya yang masih hidup dan mewarisi kitab-kitab ayahandanya itu.²⁴³

3.3.2.1 Perjuangan Maulana Abdullah Noh dalam Kaum Muda

Sekembalinya beliau dari India pada 1939, Maulana Abdullah Noh yang mahir ilmu hadis, tafsir Al-Quran dan ilmu empat mazhab berdakwah di surau dan juga masjid-

²⁴² Temubual dengan Tuan Haji Ghazi Ahmad Bin Abdullah, anak Maulana Abdullah Noh di Masjid Rahimah, Greenwood, Batu Caves pada 26hb Mac 2016.

²⁴³ Maulana Abdullah Noh menamakan putera tunggalnya itu dengan nama Ghazi yang dalam bahasa Arab bermaksud perajurit. Di sini jelas menunjukkan jiwa pejuang yang ada pada Maulana Abdullah yang begitu bersemangat menuntut kemerdekaan sehinggakan nama kitab dan anak kandungnya dinamakan sebagai perajurit.





masjid di sekitar Pasir Puteh. Latar belakang beliau yang menuntut ilmu hadis dan pelbagai aliran mazhab di India memungkinkan beliau tidak terikat kepada pegangan mazhab Syafie. Ini menjadikan aliran dakwah yang dibawa oleh beliau mirip beraliran Kaum Muda. Maulana Abdullah Noh diakui oleh anak muridnya sebagai golongan Kaum Muda kerana ajarannya mirip kepada aliran berkenaan. Beliau amat tegas dan melarang amalan tradisional yang tidak mempunyai sandaran nas yang sahih seperti bacaan tahlil, talkin dan menunggu kubur.²⁴⁴

Beliau turut berdakwah dan berpidato ke seluruh Kelantan untuk menyedarkan masyarakat agar mengutamakan pelajaran dan menjadikan ajaran Islam sebagai asas dalam mewujudkan pemerintahan negara Islam. Penekanan kepada konsep kembali kepada ajaran Islam sebenar dan konsep perjuangan kemerdekaan yang dibawa oleh Maulana Abdullah Noh adalah selari dengan perjuangan Kaum Muda di Tanah Melayu.

Dalam siri dakwah beliau, Maulana Abdullah Noh menekankan konsep negara Islam, satu konsep yang tidak disentuh oleh ulama Kaum Tua ketika itu. Dua kitabnya yang terkenal yang menjadi rujukan masyarakat ialah kitab tafsir *Khulasah Al-Quran*²⁴⁵ dan

²⁴⁴ Temu bual dengan Tuan Haji Daud bin Said atau lebih dikenali sebagai Pak Muda Daud di rumah beliau di Kampung Dalam Kemunting pada 18 Mac 2016. Hal ini turut diakui oleh adik iparnya, Tuan Haji Che Abdul Hamid bin Che Yusuff. Beliau mengatakan bahawa Maulana Abdullah Noh beraliran Kaum Muda. Buktinya dalam ajaran dakwah Maulana Abdullah, beliau sering menyeru kepada ajaran Islam sebenar dan tidak terikut-ikut dengan budaya Melayu yang diada-adakan seperti mengadakan kenduri tujuh hari dan empat puluh hari setelah kematian sanak saudara.

²⁴⁵ Kitab ini merupakan kitab tafsir 30 juz (2 jilid) yang dihasilkan oleh Maulana Abdullah Noh dalam tulisan tangan. Beliau menamakan kitab ini sebagai *Khulasah al-Quran* dengan menghimpunkan ayat-ayat al-Quran di bawah satu tajuk yang khusus untuk memudahkan masyarakat memahami kandungan al-Quran. Kitab ini hanya mengambil ayat-ayat al-Quran berkaitan untuk ditafsirkan berdasarkan sesuatu tajuk. Melalui usaha penyusunnya, Ustaz Wan Ismail bin Wan Nawang dan atas galakan daripada Dato Muhammad Nasir, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri ketika itu, mereka telah menyusun semula kitab berkenaan yang merupakan catatan kuliah tafsir yang pernah mereka pelajari dengan Maulana Abdullah Noh. Kitab ini diterbitkan semula ke dalam tulisan rumi oleh Pencetakan Dian Darulnaim, Sdn. Bhd di Kota Baharu, Kelantan hasil usaha sama dengan Jabatan Perdana Menteri pada 1982.





Kitab *Semangat Perajurit-Perajurit Muslim*.²⁴⁶ Bagi Maulana Abdullah, mewujudkan sebuah negara Islam dengan melaksanakan undang-undangnya adalah satu kewajipan kepada setiap pemerintah untuk membela golongan yang lemah dan tertindas. Menurut beliau:

Keterangan bagi ketinggian dan kekerasan dan ketugasan membela tenaga islam akhwam alam dunia dengan tangan, lidah dan hati supaya terdiri kanun adil, undang-undang yang betul, buat menghapuskan kanun zalim di alam dunia ini. Dan kerana tidak ada kejayaan tuntutan Islam hak kemanusiaan selama kebinatangan itu bermaharajalela di atas muka bumi tuhan. Lebih-lebih lagi bagi memelihara musttadoqfin, orang-orang yang dhoif dan telah menerangi akan keterangan-keterangan di atas ini.²⁴⁷

Maulana Abdullah aktif berdakwah dan menjadi popular dalam kalangan masyarakat. Apabila mempunyai murid yang ramai, Maulana Abdullah Noh menubuhkan sekolah Arab iaitu Madrasah al-Balaghul Mubin.²⁴⁸ Madrasah ini didirikan di atas tanah milik keluarganya di Wakaf Bunut dengan kerjasama Penghulu Muhammad Tahir Musa, Haji Nik Ismail, Haji Awang dan penduduk kampung berhampiran. Madrasah yang dibangunkan secara gotong royong itu kemudiannya berpindah ke Kampung Dalam Kemunting kerana kawasan berkenaan lebih sesuai untuk menampung keperluan pelajar yang semakin ramai. Ada antara para pelajarnya datang dari Terengganu, Perak, dan Kedah. Majoriti pelajarnya adalah penduduk tempatan yang pada satu-satu ketika mencapai 300 orang pelajar. Antara muridnya yang

²⁴⁶ Banyak lagi kitab-kitab karangan Maulana Abdullah yang telah dihantar untuk diterbitkan ke Pustaka Dian tetapi tidak sempat diterbitkan apabila pemilik pustaka tersebut, Ustaz Yusuf Zaky meninggal dunia. Hanya Kitab *Khulasah al-Quran* yang sempat diterbitkan oleh Pustaka Dian sebelum kematian beliau. Temu bual dengan Tuan Haji Che Abdul Hamid bin Che Yusuf pada 30 Mei 2016 di Lot Manal 1, Tanah Merah, Kelantan. Beliau kini berusia 87 tahun dan merupakan adik ipar Maulana Abdullah Noh. Kakaknya, Che Aminah Yussuf berkahwin dengan ulama tersebut dan mendapat seorang putera bernama, Ghazi Ahmad bin Abdullah.

²⁴⁷ Abdullah Noh, *Semangat Perajurit-Perajurit Muslim*, Pustaka Maktabah Ismailiyah: Kota Baharu Kelantan, 1946, hlm. 87.

²⁴⁸ Madrasah ini masih wujud di Kampung Dalam Kemunting tetapi kini hanya menjadi surau kepada penduduk kampung berkenaan.





mendapat tempat dalam masyarakat ialah bekas Menteri Besar Kelantan yang pernah juga menjawat jawatan sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Dato Haji Muhammad bin Nasir. Beliau berguru dengan Maulana Abdullah Nuh pada 1940 di Pasir Mas setelah gurunya itu berkahwin dengan Hajjah Wan Aminah dari Pasir Mas.²⁴⁹

Sepanjang Maulana Abdullah menjadi guru di madrasah berkenaan, beliau merupakan seorang ulama yang berdisiplin. Penampilannya sangat kemas, bergaya dan amat menitikberatkan sifat-sifat berkenaan kepada para pelajarnya. Pendekatan dakwah Maulana Abdullah tidak terbatas di masjid dan madrasah sahaja kerana beliau mengetahui jika dakwah hanya disampaikan di tempat-tempat berkenaan semata-mata, kesan dakwahnya tidak akan sampai kepada masyarakat. Malahan, kebiasaannya yang mendengar kuliah di masjid dan surau ini telah mempunyai kesedaran keagamaan.

Justeru, Maulana Abdullah turut berdakwah kepada masyarakat di kedai-kedai kopi dan juga bertemu dengan masyarakat di jalanan. Beliau berdakwah di kedai kopi untuk berjumpa dengan pelbagai lapisan masyarakat. Kesempatan tersebut digunakannya untuk menyampaikan seruan Islam dan kadang-kadang beliau berceramah dan berdialog dengan masyarakat di kedai kopi sehingga dua jam lamanya.²⁵⁰ Kuliahnya juga sangat menarik hingga dapat menyedarkan masyarakat untuk kembali kepada agama. Ini dapat dibuktikan apabila di kampung tersebut terdapat seorang kaki pukul yang dikenali sebagai Pak Mat Pulut yang berubah menjadi taat kepada ajaran Islam hingga akhir hayatnya setelah mengikuti kuliah Maulana Abdullah

²⁴⁹ Ismail Awang, *Majalah Pengasuh*, 1975, hlm. 26.

²⁵⁰ Temu bual dengan Tuan Haji Che Abdul Hamid bin Yusuff pada 30 Mei 2016 di Lot Manal 1, Tanah Merah, Kelantan.



Noh.²⁵¹ Antara ajaran yang digarapkan dalam kitabnya berkaitan tanggungjawab yang wajib ke atas orang Mukmin laki-laki dan perempuan adalah:

- 1) Takut akan Allah, akan sebenar-benar takut, ertinya memelihara hatinya daripada diduduki oleh beberapa iktiqad yang sah. Dan oleh perkara-perkara yang tuhan tidak redha dan tidak kasih.
- 2) Takut akan Allah, barang sekuasa kamu, ertinya memelihara ikhtiar dan usaha zahir batin kamu dalam beberapa pekerjaan kamu pada tiap-tiap kehidupan.
- 3) Menuntut pangkat yang tinggi buat mengadap tuhan di akhirat kelak dengan cara yang disuruh dan dituntut iaitulah dengan bahawa kamu taat akan ajaran Allah, akan perintah Allah, akan undang-undang Allah. Ertinya dengan menurut undang-undang yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W sebagaimana di dalam al-Quran dan hadis dan di dalam beberapa amalan yang diredhai tuhan.²⁵²

Kuliah Maulana Abdullah terbukti berkesan kerana boleh menyebabkan pendengarnya menangis, bersedih dan bersemangat untuk menentang penjajah. Maulana Abdullah turut menitikberatkan pendidikan kanak-kanak dan juga perempuan sebagaimana yang diperjuangkan oleh ulama Kaum Muda di Tanah Melayu. Justeru,

²⁵¹ Gelaran tersebut diberikan oleh penduduk kampung kepadanya kerana beliau dikatakan sanggup memukul sesiapa sahaja walaupun sekadar diberi upah makan pulut. Dia dikatakan memukul lebih daripada 100 orang penduduk kampung. Temu bual dengan Tuan Haji Daud bin Said atau lebih dikenali sebagai Pak Muda Daud di Kampung Dalam Kemunting pada 18 Mac 2016 dan hal ini turut diperkatakan oleh Tuan Haji Che Abdul Hamid bin Yusuff ketika penulis menemubual beliau di rumahnya pada 30 Mei 2016 di Lot Manal 1, Tanah Merah, Kelantan.

²⁵² Abdullah Noh, *Semangat Perajurit-Perajurit Muslim*, 1946, hlm. 93.



tidak hairanlah madrasah beliau turut menyediakan pendidikan untuk pelajar kanak-kanak dan juga kaum perempuan. Bagi beliau, keperluan pendidikan asas kepada kanak-kanak dan golongan wanita adalah sangat penting. Golongan yang tertinggal dalam pendidikan akan tertindas dan merempat hidupnya. Hal ini dinyatakan oleh beliau dalam kitabnya seperti berikut:

Memuliakan dan membesarkan kaum-kaum perempuan dan kanak-kanak dengan menyediakan bagi mereka itu beberapa jabatan yang mengandungi segala gala pelajaran ilmu pengetahuan dan kepandaian agama dan negeri atau dikatakan pelajaran ilmu pengetahuan dan kepandaian dunia yang menolong pekerjaan-pekerjaan yang menolong sekalian pekerjaan agama kerana mereka itu barisan belakang dalam segala gala barisan hidup. Siapa-siapa bangsa yang membiarkan mereka itu tidak berpelajaran tinggi maka selama itulah di dalam kejatuhan. Dipijak ke atas mereka itu oleh kaum-kaum yang tertinggi di dalam setiap bangsa.²⁵³



Walaupun di madrasah beliau terdapat pelajar lelaki dan perempuan tetapi ketegasannya menyebabkan para pelajarnya tidak berani bergaul bebas. Maulana Abdullah Noh menyediakan tirai atau hijab untuk mengasingkan penuntut lelaki dan perempuan ketika kuliah.²⁵⁴ Madrasah ini mempunyai empat kelas mengikut tahap keupayaan pelajar. Mereka diajar subjek nahu, feqah, tauhid dan bahasa Arab sebagai asas pembelajaran. Seperkara yang menarik, kuliah yang disampaikan oleh beliau adalah percuma dan operasi madrasah ini berjalan dengan gotong royong dengan sumbangan derma daripada orang ramai. Untuk menampung keperluan pelajarnya yang semakin ramai, penduduk kampung bergotong royong mendirikan asrama di belakang madrasah berkenaan. Walau bagaimanapun usaha mendirikan asrama untuk penginapan pelajar tersebut terhenti apabila Jepun menjajah Kelantan pada 1942.

²⁵³ *Ibid.*, hlm. 125-126.

²⁵⁴ Temu bual dengan Tuan Haji Daud bin Said atau lebih dikenali sebagai Pak Muda Daud di rumah beliau di Kampung Dalam Kemunting pada 18 Mac 2016.





Namun, kegiatan dan pembelajaran madrasah berkenaan terus berjalan seperti biasa. Jepun tidak mengenakan tekanan kepada Maulana Abdullah Noh untuk menutup madrasah berkenaan kerana beliau terlibat dengan Kesatuan Melayu Muda yang menyokong kegiatan Jepun dan turut terlibat menjadi tentera Melayu dalam Regimen *Giyu Gun* di bawah pentadbiran Jepun. Kegiatan dakwah Maulana Abdullah di Madrasah al-Balaghul Mubin hanya terhenti apabila beliau ditugaskan ke Singapura untuk menganggotai regimen berkenaan.²⁵⁵ Berbeza dengan mana-mana tokoh Kaum Muda yang lain, Maulana Abdullah Noh menyarung pakaian ketenteraan untuk menentang penjajahan British. Beliau merupakan satu-satunya aktivis Kaum Muda yang mengangkat senjata menentang penjajahan tersebut.



3.3.2.2 Maulana Abdullah Noh Penggerak Kesedaran Kemerdekaan

Rentetan perjalanan kehidupan Maulana Abdullah Noh yang melibatkan diri dalam kegiatan perjuangan kemerdekaan adalah bertitik tolak daripada pengalamannya ketika tinggal di India. Ketika itu beliau dapat menyaksikan sendiri bagaimana rakyat India berusaha menuntut kemerdekaan daripada tangan penjajah British. Maulana Abdullah juga terdedah dengan pemikiran Shah Waliyullah al-Dihlawi yang cuba mengislahkan pemikiran rakyat untuk menghayati ajaran Islam dan bangun menentang penjajah.

²⁵⁵ Temu bual penulis dengan Tuan Haji Abdul Halim Husni bin Haji Salleh di rumahnya di Kampung Dalam Kemunting pada 18 Mac 2016. Beliau berumur 82 tahun dan sempat bersekolah selama tiga tahun di Madrasah al-Balagh al Mubin sekitar 1940-an.





Beliau turut terdedah dengan gerakan Liga India Muslim dan gerakan rakyat pimpinan Mahatma Ghandi yang bersama-sama rakyat menentang British.

Di India, Maulana Abdullah Noh telah mengumpulkan para pelajar Melayu di India untuk menubuhkan persatuan pelajar. Beliau mengasaskan Persatuan Pelajar Indonesia Malaya (PARPIM) pada 1934 dan dilantik sebagai Yang Dipertua PARPIM. Tujuan PARPIM adalah untuk menyatukan seluruh pelajar Melayu dan mengambil berat tentang hal ehwal negara masing-masing.²⁵⁶ Melalui PARPIM, Maulana Abdullah Noh membina hubungan dengan Dr. Burhanuddin al-Helmy yang ketika itu turut serta sebagai pelajar perubatan Homeopathy di Ismaeliah Medical College di New Delhi. Hubungan mereka berterusan sehingga pulang ke Tanah Melayu. Pada 1936, Maulana Abdullah Noh berhijrah ke Lahore kerana mengikuti gurunya, Maulana Ahmad Ali Lahori dalam mendalami ilmu tafsir al-Quran. Di sini beliau terlibat dengan persatuan Islam, Anjuman-E-Khudammuddin. Persatuan ini merupakan pertubuhan Islam yang aktif bergerak memerangi gerakan ajaran sesat, Qadyani yang ditaja British.²⁵⁷

Apabila pulang ke Tanah Melayu pada tahun 1939, Maulana Abdullah giat berdakwah di kampung halamannya di Kelantan. Dalam pengajarannya, Maulana Abdullah juga merupakan seorang guru yang bersemangat dalam menyampaikan kuliahnya dan sering memberikan kata-kata perangsang kepada para pelajarnya untuk berperang berjuang menentang penjajah British.²⁵⁸ Dalam kitab *Semangat Perajurit-*

²⁵⁶ Ismail Awang, *Majalah Pengasuh*, 1975, hlm. 26.

²⁵⁷ Fadli Ghani dan Raja Ahmad Iskandar, "Madrasah Al-Balaghul Mubin 1938-1947: Kesan dan Pengaruhnya terhadap Perkembangan Politik Islam di Kelantan Selepas Perang Dunia Kedua." Kertas kerja *Simposium Gerakan Islah Sebelum Kemerdekaan Tanah Melayu dan Isu Isu Semasa* di Universiti Teknologi Petronas, 8 Disember 2011, hlm. 7.

²⁵⁸ Temu bual dengan Tuan Haji Daud bin Said atau lebih dikenali sebagai Pak Muda Daud di rumah beliau di Kampung Dalam Kemunting pada 18 Mac 2016. Kini beliau berumur 86 tahun dan





Perajurit Muslim tersebut ada mengatakan “bertujuan di dalam dua macam perang itu semata-mata menunaikan tuntutan Allah dan rasulnya. Itu dikatakan tuntutan Islam. Itu dikatakan tuntutan kemanusiaan.”²⁵⁹

Apabila beliau pulang ke Kelantan, Kesatuan Melayu Muda (KMM) baru sahaja setahun ditubuhkan iaitu pada 1938 di Kuala Lumpur sebagai parti politik Melayu yang berhaluan kiri. Penubuhan parti ini menyemarakkan lagi semangat perjuangan kemerdekaan Maulana Abdullah Noh apabila beliau dilantik sebagai Ketua KMM Ranting Pasir Puteh pada 1939. Penglibatan Maulana Abdulah Noh dalam KMM menyebabkan beliau turut menyokong Jepun untuk menentang British. Penglibatan Maulana Abdulah Noh dalam KMM ini merapatkan lagi hubungan beliau dengan Ibrahim Yaakub, selaku pemimpin utama KMM. Beliau turut menjalin hubungan politik dengan pemimpin PKMM seperti Ishak, Hj. Muhammad, Mustapha Hussein malah rakan baiknya sewaktu menuntut di India, Dr Burhanuddin al-Helmy turut terlibat dalam gerakan ini untuk menuntut kemerdekaan.²⁶⁰

Kegiatan Maulana Abdulah Noh menceburi bidang politik dianggap asing kerana pada ketika itu, ulama tidak menceburi bidang politik. Apatah lagi KMM merupakan gerakan berhaluan kiri yang menentang British. Ketika itu ramai rakyat termasuk guru-guru agama menyokong British kerana kluatir keselamatan mereka terjejas. Ketegasan dan keberanian Maulana Abdullah Noh menentang British diakui

berkesempatan berguru dengan Maulana Abdullah Noh selama dua tahun di Madrasah al-Balaghul Mubin bermula pada tahun 1940.

²⁵⁹ Abdullah Noh, *Semangat Perajurit-Perajurit Muslim*, 1946, hlm. 94.

²⁶⁰ Temu bual dengan Haji Wan Muhammad bin Wan Abdullah atau dikenali sebagai Tok Wan Mat pada 18 Mac 2016. Beliau berumur 80 tahun dan merupakan penduduk kampung Berangan Bukit Abal yang sempat mengenali Maulana Abdullah Noh sebagai ulama yang berjuang menentang penjajah British di Kelantan





penduduk kampung. Malah beliau diakui sebagai ‘orang politik’ di kampungnya kerana bergiat cergas dalam persatuan Angkatan Pemuda Insaf (API). Walaupun bertubuh kecil tetapi semangat perjuangannya menentang British begitu tinggi.²⁶¹ Bagi Maulana Abdullah, kemerdekaan perlu dituntut kerana menurutnya:

Lihatlah kita akan firman tuhan kita dan lain-lainnya moga bahkan yakin bertuahlah kita mati dengan sebab merebut kemerdekaan yang dituntut oleh Quran dan hadis. Dan beberapa perkataan ulama yang mewakafkan dengan kedua-duanya. Dan tidak ada apa-apa kluatir lagi di dalam hati pada merebut kemerdekaan yang tersebut. Ini kerana kaum-kaum perempuan dan lelaki pada zaman Rasulullah S.A.W dan sahabat-sahabatnya dan pada masa ulama telah merebut kemerdekaan yang tersebut dengan darah mereka itu dan dengan jiwa mereka itu.²⁶²

Justeru, apabila Jepun membawa slogan ‘Asia untuk Asia’ untuk menyerang kedudukan British di Tanah Melayu, sebahagian penduduk Melayu termasuk Maulana Abdullah Noh menggunakan peluang yang ada ini memberi sokongan kepada Jepun untuk mengalahkan British. Pada awal pagi lapan Disember 1941, Tentera Jepun mendarat di Sanggora dan Kelantan dalam misi menawan Tanah Melayu. Pada 15 Februari 1941 atau dalam masa 70 hari sahaja mereka berjaya menguasai seluruh Tanah Melayu termasuk Borneo.²⁶³ Apabila Jepun menguasai Tanah Melayu mereka telah memerintah negara ini mengikut sistem ketenteraan Jepun. Kegiatan Maulana Abdullah Noh dalam tentera Jepun bermula apabila Jepun membentuk tentera sukarela Giyu-Gun di Tanah Melayu. Bertitik tolak daripada situlah, beliau menyertai tentera sukarela berkenaan ketika zaman pendudukan Jepun sekitar 1942 hingga 1945. Maulana Abdullah Noh mendaftarkan diri secara sukarela sebagai askar Melayu di bawah panji-

²⁶¹ *Ibid.*

²⁶² Abdullah Noh, *Semangat Perajurit-Perajurit Muslim*, 1946, hlm. 108-109.

²⁶³ Mohd Radzi Abdul Hamid, *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu dan Borneo*, 2009, hlm. 201.





panji tentera Jepun dan beliau telah mengkader pemuda-pemuda Melayu dengan pendidikan Islam dalam batalion berkenaan.

Maulana Abdullah Noh dianggap sebagai ulama yang mempelopori perjuangan perajurit Islam ketika itu sehinggakan kitab beliau turut dinamakan *Semangat Perajurit-Perajurit Muslim*. Kitab tersebut menjadi panduan kepada orang Melayu untuk menjadi benteng pertahanan yang memiliki jiwa agama dan sanggup mati demi mempertahankan tanah air. Beliau bersama-sama pemuda Melayu Kelantan terlibat menganggotai tentera Jepun untuk menentang British. Beliau terlibat dalam tentera Jepun kerana ingin berdakwah kepada pemuda Melayu yang menjadi tentera Jepun. Maulana Abdullah Noh mendapati, mereka tidak patuh kepada ajaran Islam seperti tidak berpuasa dan bersolat. Dalam batalion *Giyu-Gun*, Maulana Abdullah Noh dihormati kerana merupakan guru agama yang sering membimbing tentera-tenteranya agar patuh kepada ajaran agama seperti menunaikan solat, berpuasa dan meninggalkan perkara yang dilarang seperti minum arak, berjudi yang sering terjadi dalam kem tentera berkenaan. Beliau mengerahkan askar-askar Melayu agar berpuasa di bulan Ramadhan. Jika tidak mampu berpuasa sehari penuh, mereka dibenarkan berbuka puasa pada pertengahan hari. Beliau juga mewajibkan askar-askar Melayu untuk bersolat Maghrib dan Isya secara berjamaah.²⁶⁴

Sepanjang tempoh tiga tahun lapan bulan beliau menganggotai tentera Jepun, Maulana Abdullah Noh melakukan banyak perubahan kepada akhlak pemuda-pemuda agar patuh kepada agama dan menunjukkan tingkah laku yang baik dengan masyarakat

²⁶⁴ Nur Salwa Ibrahim, *Sumbangan Maulana Abdullah Noh Dalam Pengajian Tafsir: Kajian Terhadap Kitab Khulasah Al-Qur'an*. Tesis Sarjana Usuluddin, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2007, hlm. 85.



tempat. Bagi beliau, berjuang bersama-sama dengan tentera Jepun adalah satu-satunya cara yang paling berkesan pada ketika itu untuk menghalau British dari bumi Tanah Melayu dan pada masa yang sama boleh berdakwah kepada pemuda Melayu yang terlibat menganggotai tentera *Giyu-Gun*.²⁶⁵ Justeru, perjuangan menentang British merupakan tuntutan Islam untuk mempertahankan agama dan mati mempertahankannya adalah syahid dan merupakan satu kemuliaan. Menurut Maulana Abdullah Noh, untuk menjadi perajurit yang sejati seseorang itu perlulah:

1) Menghambakan dirinya kepada tuhan dengan menolong agama dan negeri itulah kerananya dizahir manusia ke alam lain. Sesiapa tidak mahu menghambakan dirinya dan bekerja kerana tuhannya maka bukanlah mereka itu menjadi hamba kepada tuhan dan bukanlah Allah itu menjadi tuan kepadanya dan tiadalah rahmat dan pertolongan Allah itu menurunkan ke atasnya.

2) Merebutkan kemenangan akhir itulah negeri yang akan diduduki oleh orang Muslim “negeri akhirat dan syurga”

3) Mengenal diri hamba dan tuhan. Dari kerana ada pengenalan pada hamba itu maka memilih ia akan langkah yang mulia. Walaupun habis jiwa iaitu dinamakan mati syahid kerana mengangkat agama suci. Mati syahid itu ada empat macam iaitu mati kerana mengawalkan hartanya seperti tanah air, mengawalkan ahlinya seperti kaum bangsa, memelihara kehormatan dan kerana

²⁶⁵ Temu bual dengan Tuan Haji Ghazi Ahmad Bin Abdullah, anak Maulana Abdullah Noh di Masjid Rahimah, Greenwood, Batu Caves pada 26hb Mac 2016.



mengangkat kalimah yang suci iaitu kalimah *Lailahaillah Muhammad Rasullullah*.²⁶⁶

Jika ditinjau tindakan Maulana Abdullah Noh yang menyokong tentera Jepun ini, adalah sama juga dengan tindakan dan pemikiran tokoh radikal yang lain seperti Ibrahim Haji Yaakub dan Dr Burhanuddin yang melihat kedatangan Jepun ini sebagai peluang terbaik yang ada untuk meghalau British. KMM telah menggunakan peluang ini untuk melaksanakan cita-cita mereka untuk memerdekakan Tanah Melayu di bawah Indonesia Raya.²⁶⁷ KMM merupakan persatuan tunggal yang bebas bergerak pada zaman Jepun kerana sokongan mereka meghalau British. Namun pada bulan Ogos 1942, Jepun telah bertindak mengharamkan KMM setelah Mustapha Hussein mendesak Jepun menunaikan janjinya untuk memerdekakan Tanah Melayu. Jepun merasakan perjuangan kesatuan itu lebih mementingkan semangat Melayu berbanding sebagai alat propaganda Jepun.²⁶⁸

Akhirnya Jepun membentuk pasukan separa tentera, Pembela Tanah Air (PETA) yang diketuai Ibrahim Haji Yaakub yang berpangkat Kolonel. Beberapa sayap ditubuhkan seperti *Giyu-Gun*, *Giyu-Tai* dan *Hei-O*. Di Kelantan, ahli-ahli KMM berpecah dua. Satu kumpulan menyertai PETA termasuk Maulana Abdullah Noh. Manakala satu lagi kumpulan terdiri daripada ahli-ahli KMM yang menubuhkan persatuan bawah tanah iaitu Barisan Pemuda Sukarela Kelantan (BPSK) yang anti

²⁶⁶ Abdullah Noh, *Semangat Perajurit-Perajurit Muslim*, 1946, hlm. 116-117.

²⁶⁷ Cheah Boon Kheng, "The Japanese Occupation in Malaya, Ibrahim Yaakub and the Struggle for Indonesia Raya", JSEAH, dalam *Indonesia*, No28, hlm. 110-118.

²⁶⁸ Abdul Rahman Md Yusuf, *Ahmad Boestaman, Ahli Politik, Wartawan dan Sasterawan*, 1977, hlm. 50.





Jepun.²⁶⁹ Manakala di tempat-tempat lain, ahli KMM turut mengangkat senjata menjadi anggota bawah tanah dan bekerjasama dengan *Malayan People Anti-Japanese Army* (MPAJA), Pasukan Wataniah di Pahang dan Pasukan 136 untuk menentang Jepun.²⁷⁰

Pada 1944 Maulana Abdullah Noh telah diberi penghormatan untuk bertugas di Singapura dalam pasukan *Giyu-Gun* iaitu tentera pembela tanah air bahagian darat di Singapura. Pasukan *Giyu-Gun* ini merupakan kedudukan yang tinggi dalam pasukan tentera Jepun. Beliau juga mudah dinaikkan pangkat kerana boleh berkomunikasi dengan tentera India dan Sikh yang menggunakan bahasa Urdu. Ketika inilah Maulana Abdullah Noh juga mula menjalin persahabatan dengan Ibrahim Yaakub di Singapura. Ibrahim Yaakub merupakan Penasihat Hal Ehwal Melayu kepada Gabenor Jepun di Singapura dan kemudian menjadi Kolonel bagi pasukan *Giyu-Gun*.²⁷¹



Sepanjang berada di sana, Maulana Abdullah Noh juga membina hubungan yang rapat dengan golongan India Muslim di Singapura yang turut anti-British. Di Singapura, beliau menjalankan peranannya sebagai pendakwah kepada tentera Melayu dan India Muslim. Beliau turut mempunyai hubungan yang rapat dengan Abdul Karim Ghani, pemimpin Liga Muslim Singapura Persatuan ini dianggotai golongan India Muslim di Singapura. Maulana Abdullah Noh mendapat tempat untuk menyampaikan dakwah dan taujihah untuk memberi semangat kepada golongan Muslim di Singapura untuk menentang British.

²⁶⁹ Fadli Ghani dan Raja Ahmad Iskandar, "Madrasah Al-Balaghul Mubin 1938-1947: Kesan dan Pengaruhnya terhadap Perkembangan Politik Islam di Kelantan Selepas Perang Dunia Kedua." Kertas kerja *Simposium Gerakan Islah Sebelum Kemerdekaan Tanah Melayu dan Isu Isu Semasa* di Universiti Teknologi Petronas, 8 Disember 2011, hlm. 9.

²⁷⁰ Pasukan ini dikenali *Force 136* iaitu gabungan askar Melayu dan pegawai-pegawai kerajaan Melayu yang bekerjasama dengan British dan MPAJA menentang Jepun secara gerila di dalam hutan.

²⁷¹ Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya*, 1983, hlm. 107.





Walau bagaimanapun, penglibatan ketenteraan Maulana Abdullah Noh dalam ketenteraan di Singapura berakhir apabila kekalahan Jepun ekoran pengeboman di Nagasaki dan Hiroshima. Kekalahan Jepun tersebut menyebabkan *Malayan People's Anti-Japanese Army* (MPAJA) satu pertubuhan Parti Komunis Malaya (PKM) menguasai Tanah Melayu selama dua minggu. Ketika itu Tanah Melayu dikuasai oleh MPAJA yang turut dikenali sebagai Bintang Tiga membunuh ramai orang Melayu yang menyokong Jepun.²⁷² Konflik ini bersifat nasional dan berlaku di negeri-negeri lain juga seperti yang berlaku di Temerloh Pahang, Telok Anson, Sungai Manik, Bagan Datok di Perak, Jelebu di Negeri Sembilan dan Pangkalan Kempas di Melaka. Di Pasir Puteh, Madrasah al-Balaghul Mubin menjadi pusat perlindungan penduduk setempat. Mohd Asri Haji Muda turut membentuk pasukan pertahanan di Kelantan sepertimana Tentera



Selendang Merah di Johor.

British kembali semula ke Tanah Melayu setelah kekalahan Jepun pada Ogos 1945. Mereka membentuk *British Military Administration* (BMA). Ekoran itu pemimpin yang bersekongkol dengan Jepun di tahan British dan mereka turut menangkap penduduk yang bekerjasama dengan Jepun menentang British. Maulana

²⁷² MPAJA telah menghukum tali barut yang dianggap telah menyokong tentera Jepun termasuk penghulu, mata-mata gelap Jepun, pegawai Jepun. Hukuman ini merupakan satu usaha balas dendam orang Cina terhadap orang Melayu yang menginaya mereka semasa pemerintahan Jepun. Mereka akan menyiksa dengan teruk sebelum menembak mati tali barut Jepun berkenaan. Peristiwa ini mencetuskan konflik perkauman yang amat hebat secara terbuka antara orang Cina dan Melayu. Bintang Tiga / MPAJA telah menyerang kampung Melayu dan serangan orang Melayu terhadap orang Cina berlaku secara timbal balik. Lihat Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya*, 1983, hlm. 179-184.

²⁷³ Di Batu Pahat, Johor, perkelahian antara orang Melayu dengan Cina terlalu sengit kerana Rejimen Kelima dan Keenam MPAJA yang berpangkalan di Segamat dan Yong Peng dapat menawan Batu Pahat dan membunuh Pegawai Daerah dan lapan orang Melayu. Bagi Pihak Melayu pula seorang ulama bernama Kiyai Salleh Karim telah membentuk Gerakan Tentera Selendang Merah bersama orang-orang Melayu untuk menghadapi serangan tersebut. Lihat Hairi Abdullah "Kebangkitan dan Gerakan Tentera Selendang Merah" dalam *Sejarah Daerah Muar dan Batu Pahat*, JEBAT, 1973, No. 3/4.





Abdullah Noh turut ditahan selama empat bulan di penjara Kota Bharu. Beliau ditangkap dan diheret dengan kasar oleh tentera British ketika beliau sedang mandi di rumahnya. Beliau dimasukkan ke dalam penjara di Balai Polis, Kota Bharu. Setelah itu beliau dipindahkan ke lokap Padang Jail di Kota Bharu bersama-sama dengan tawanan yang lain. Beliau merenguk di dalam penjara selama empat bulan. Setelah keluar penjara pada Jun 1946, beliau mengemaskini kitab *Semangat Perajurit-Perajurit Muslim* yang mengandungi empat perkara dengan 140 bahagian. Buku tersebut menjelaskan sifat-sifat yang perlu ada sebagai perajurit muslim.²⁷⁴

Akhirnya, pada Jun 1946, beliau dibebaskan dan setelah keluar dari penjara, Maulana Abdullah Noh menganggotai Partai Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) pimpinan Dr Burhanuddin al-Helmy. Beliau juga merupakan ulama yang turut bersama-sama berkempen untuk menghalau penjajah British melalui kempen-kempen dari rumah ke rumah dan dari masjid ke masjid. Malah beliau turut membawa Dr Burhanuddin al-Helmy, Ahmad Boestaman, Rasyid Maidin berceramah di Madrasah al-Balaghul Mubin dan akhirnya menubuhkan PKMM cawangan Pasir Puteh. Maulana Abdullah Noh dilantik sebagai Ketua PKMM Pasir Puteh. Ketika ini Dr Burhanuddin paling kerap mengunjungi Maulana Abdullah Noh kerana hubungan mereka terbina sejak di India lagi.²⁷⁵

²⁷⁴ Temu bual dengan Tuan Haji Che Abdul Hamid bin Che Yusuff pada 30 Mei 2016 di Lot Manal 1, Tanah Merah, Kelantan. Beliau sering mengunjungi abang iparnya itu sewaktu dalam tahanan British di Kota Bharu untuk membawa makanan dan minuman sepanjang tempoh empat bulan tahanan tersebut. Selain daripada Maulana Abdullah, Ustaz Mustafa Labik dari Sumatera, guru yang turut mengajar di Madrasah al-Balaghul Mubin turut ditahan dalam operasi tersebut. Beliau dipenjara dan akhirnya dihantar balik ke Indonesia.

²⁷⁵ *Ibid.*





Pada 1946, Maulana Abdullah Noh turut menubuhkan Ikatan Suara Pemuda (ISP) yang bergiat dalam kebudayaan dan kebajikan tetapi membawa mesej politik. ISP dipimpin Mohamed Idris dan bergiat cergas di Pasir Puteh. Pada persidangan ulama di Gunung Semanggol pada 22 hingga 24 Mac 1947, Majlis Agama Tertinggi seMalaya (MATA) dan Pusat Perekonomian Melayu SeMalaya (PEPERMAS) telah ditubuhkan. Maulana Abdullah Noh telah hadir pada persidangan tersebut. Hasil persidangan tersebut, satu perjumpaan di Madrasah Muhammadiyah al'Alimiah, Pasir Mas pada 11 Mei 1947 untuk menubuhkan MATA dan PEPERMAS cawangan Kelantan. Maulana Abdullah Noh turut menghantar guru besar Madrasah al Balaghul Mubin, Ustaz Abdul Rabb Tamimi dan Mohd Asri Haji Muda untuk bertemu dengan Ustaz Abu Bakar al-Baqir di Singapura pada Ogos 1947 untuk menggerakkan pembangunan sekolah agama rakyat. Dalam persidangan MATA di Maktab Mahmud, Kedah pada 1 hingga 2 September 1947, mereka berjaya menubuhkan Lembaga Pendidikan Rakyat (Lepir) yang diketuai Ustaz Abdul Rabb Tamimi. Daripada rangkaian MATA, PEPERMAS dan LEPIR inilah akhirnya Ustaz Abu Bakar menubuhkan Hizbul Muslimin pada 14 Mac 1948.²⁷⁶

Maulana Abdullah Noh meneruskan perjuangannya untuk membebaskan Tanah Melayu daripada cengkaman penjajahan dengan aktif berkempen di seluruh Kelantan, Terengganu, Kedah untuk membangkitkan kesedaran menuntut kemerdekaan. Beliau bersemangat besar kerana perjuangan untuk membebaskan tanah air baginya merupakan jihad kepada agama. Namun usianya tidak panjang kerana pada 1947 beliau telah meninggal dunia pada usia 42 tahun. Sebagai mengenang jasa gurunya itu, Dato

²⁷⁶ Fadli Ghani dan Raja Ahmad Iskandar, *Madrasah al-Balaghul Mubin 1938-1947: Kesan dan Pengaruhnya terhadap Perkembangan Politik Islam di Kelantan Selepas Perang Dunia Kedua*, 2011, hlm. 10.





Haji Muhammad bin Nasir yang ketika itu menjadi Timbalan Menteri Besar Kelantan telah menubuhkan satu jawatankuasa penaja untuk menubuhkan satu institusi pengajian tinggi Islam di Kelantan pada Selasa 3 Disember 1963. Institusi pengajian itu dinamakan sebagai Kolej al-Balagh al-Mubin sempena nama Madrasah al-Balagh al-Mubin yang didirikan oleh Haji Abdullah Noh.²⁷⁷

Dalam perancangan awal, kolej seluas 300 ekar itu ingin didirikan di Semerak, Pasir Puteh. Setelah melalui beberapa mesyuarat, berlakulah perubahan tempat. Akhirnya kolej di bawah Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan itu ditubuhkan di Nilam Puri pada 1 Oktober 1965. Walaupun tidak berjaya didirikan di Pasir Puteh dan dinamakan sebagai al-Balagh al-Mubin tetapi usaha Maulana Abdullah Noh tetap dikenang sebagai pencetus penubuhan madrasah yang menggerakkan kesedaran kemerdekaan dan mendaulatkan negara Islam di Tanah Melayu.²⁷⁸

Kesimpulannya, ketokohan Maulana Abdullah Noh sebagai ulama dan pejuang kemerdekaan terserlah dalam masyarakat walaupun usia perjuangan beliau tidak panjang. Sesungguhnya golongan ulama merupakan ikon yang sangat berpengaruh untuk menggerakkan semangat kesedaran kemerdekaan melalui kesedaran agama. Ulama reformis seperti Maulana Abdullah ini tidak hanya berkuliah di masjid-masjid, madrasah semata-mata tetapi turut turun ke lapangan masyarakat, berjuang dalam medan politik dan mengangkat senjata menentang penjajah. Tokoh Kaum Muda ini terpaksa membayar perjuangan kemerdekaannya dengan harga yang mahal ekoran terpenjara demi menyedarkan masyarakat erti perjuangan menuntut kemerdekaan tanah

²⁷⁷ Ismail Awang, *Majalah Pengasuh*, 1975, hlm. 45.

²⁷⁸ *Ibid.*



air. Semoga semangat pengorbanan ulama-ulama terdahului seperti Maulana Abdullah ini dihayati dan dihargai oleh generasi muda. Semoga jasa pengorbanan mereka turut dinukilkan sebagai pejuang kemerdekaan yang sebaris dengan golongan nasionalis lain yang sering didendangkan perjuangan mereka setiap kali sambutan hari kemerdekaan.

3.4 Aliran Pemikiran Inggeris

Aktivis Kaum Muda di Tanah Melayu tidak hanya melibatkan golongan intelektual dalam aliran agama semata-mata tetapi turut disumbangkan oleh golongan yang mendapat pendidikan Inggeris. Walaupun antara tujuan asal British memberikan pendidikan kepada orang Melayu hanya sekadar untuk membolehkan mereka mempunyai pekerjaan yang lebih baik sahaja daripada ibu-bapa mereka yang bekerja kampung sahaja tetapi peluang pendidikan yang ditawarkan oleh British tersebut sedikit sebanyak membuka ruang kepada bangsa Melayu untuk celik dalam dunia pendidikan.

Antara individu yang mendapat manfaat daripada sistem pendidikan Inggeris ketika itu ialah Zainal Abidin Ahmad atau dikenali sebagai Za'ba. Beliau merupakan tokoh aliran Kaum Muda aliran Inggeris yang paling menonjol menentang dasar kerajaan British dan golongan aristokrat di Tanah Melayu. Walaupun beliau mendapat pendidikan Inggeris dan turut bekerja dengan mereka tetapi semangat kesedaran kebangsaannya tidak pernah larut bersama-sama dasar penjajah tersebut. Malah Za'ba merupakan tokoh Kaum Muda yang paling lantang mengkritik dasar-dasar British di Tanah Melayu. Beliau menggerakkan kesedaran orang Melayu agar mencapai



kemajuan dengan menuntut ilmu, meningkatkan taraf ekonomi, menghayati nilai agama dan seterusnya bangun untuk menuntut kemerdekaan.

3.4.1 Zainal Abidin Ahmad (1895-1973)

Zainal Abidin bin Ahmad atau lebih dikenali sebagai Za'ba merupakan seorang lagi aktivis Kaum Muda yang bukan sahaja prolifik dalam bidang bahasa Melayu tetapi turut menjadi penggerak kesedaran kemerdekaan kepada orang Melayu. Kewibawaan Za'ba sebagai pelopor perkembangan bahasa Melayu moden dan juga sebagai aktivis Kaum Muda digambarkan oleh Hamka seperti berikut:



Di Malaysia beruntunglah perkembangan bahasa Melayu moden dengan timbulnya Pendeta Za'ba (1895-1973). Pendidikan agamanya yang mendalam sejak waktu kecilnya, bimbingan pengetahuan Islam dan bahasa Arab dari guru-guru yang ahkli, di antaranya (sic) Syaikh Mohammad Thaber (sic) Jalaluddin, ditambah lagi dengan pelajarannya yang tinggi dalam bahasa British menyebabkan sebagai seorang Muslim sejati, dia dapat menghadapi kehidupan moden yang telah diselubungi oleh penjajahan Barat. Dia telah banyak berjasa menjaga bahasa Melayu agar jangan terlepas kaitannya dengan roh dan jiwa Islam dan dia pun seorang Islam yang berhaluan Kaum Muda dan berfahaman menurut ajaran Jamaluddin al-Afghani dan Mohammad Abduh.²⁷⁹

Demikianlah kenyataan yang diungkap oleh tokoh Kaum Muda Indonesia, Hamka tentang diri Zainal Abidin Ahmad atau lebih Za'ba. Hamka mengiktiraf Za'ba sebagai pendeta bahasa Melayu, aktivis Kaum Muda dan pemikir Melayu dan Islam di Tanah Melayu. Mereka hidup sezaman dan merupakan rakan baik yang sering berutus

²⁷⁹ Abdul Malik Karim Amrullah (Hamka), "Pengaruh Islam dalam Sastera Melayu", Kertas Kerja Seminar Kebudayaan Islam dan Kebudayaan Melayu, 25-28 Julai 1976), Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia, 1977, hlm. 178.



surat antara satu sama lain. Za'ba dilahirkan pada Isnin 16 September 1895 bersamaan 26 Rabiul Awal 1313 Hijrah di Kampung Bukit Kerdas, Jempol Negeri Sembilan.²⁸⁰

Za'ba berketurunan Bugis di Linggi yang datuknya merupakan keturunan terhormat dalam masyarakat. Bapa Za'ba bernama Ahmad (1864-1927) dan ibunya pula Intan binti Awaluddin (1877-1907) yang berasal dari Kampung Bukit Kerdas, Jempol. Mereka berkahwin pada 1889 dan hasil perkahwinan tersebut lahirlah Za'ba (1895-1973), Muhammad Yusof (1900-1980) dan Siti Hawa (1902-1974). Semasa melahirkan anak yang keempat, Intan binti Awaluddin meninggal dunia bersama-sama dengan anak kelahirannya itu pada 1907. Za'ba menjadi anak yatim ketika berumur 12 tahun. Namun, beliau mempunyai ibu tiri yang bernama Fatimah (Wok) binti Md. Saad yang dikahwini Ahmad kira-kira dua tahun sebelum ibunya meninggal dunia.²⁸¹

Za'ba memperoleh pendidikan universiti pertamanya daripada bapanya sendiri, Ahmad bin Ibrahim. Beliau sangat mementingkan agama dan merupakan individu yang berjaya membentuk bakat dan kebolehan Za'ba dalam bidang penulisan. Kebolehan Ahmad dalam mengarang syair, kitab-kitab Melayu dan mengarang akhbar-akhbar di Tanah Melayu diwarisi oleh Za'ba.²⁸² Za'ba mendapat asas mengaji al-Quran daripada bapanya. Sejak berumur lima tahun (1900) beliau mula belajar al-Quran dan berzanji di samping mengerjakan ibadah solat dan puasa. Kecerdasan Za'ba terbukti apabila dalam masa dua tahun sahaja, beliau berjaya khatam empat kali dan sudah menghafal ayat-ayat al-Quran untuk dibaca di dalam solat. Kebolehan Za'ba dalam pembacaan al-Quran

²⁸⁰Lihat surat Za'ba, SITC Tanjung Malim kepada *The Registrar of Birth and Death* Negeri Sembilan, Seremban, 30 September 1933 dan Transkrip Za'ba, Arkib Negara Malaysia, I, 1970, hlm. 1.

²⁸¹*Ibid.*

²⁸² Lihat *Majalah Guru*, bil.7, tahun ke-4,1 Julai 1927, Seremban, hlm. 138.



dan kelunakkan suaranya itu menyebabkan bapanya sering membawa Za'ba memperdengarkan bacaan ayat suci al-Quran kepada jemaah yang hadir di surau dan ini menjadikan beliau terkenal di kampung.²⁸³

Selain itu, Za'ba juga mendapat pendidikan awal daripada bapanya dalam mengenal huruf jawi. Za'ba diajar membaca, menulis dan mengira. Beliau dapat menguasainya dengan pantas kerana bapanya begitu komited menyediakan kemudahan bahan bacaan seperti membeli buku *Pohon Pelajaran* dan *Jalan Kepandaian* untuk memahirkan beliau dalam tulisan jawi. Apabila mahir membaca, Za'ba menjadi ghairah mentelaah kitab-kitab Melayu di rumahnya seperti *Hikayat Siti Zubaidah*, *Hikayat Bustamam*, *Hikayat Abdullah* dan *Sejarah Melayu*. Selain itu Za'ba turut membaca kitab agama bapanya berkaitan kisah kenabian, hadis-hadis dan juga doa-doa.²⁸⁴



Za'ba mula mempelajari tulisan rumi apabila dua pupu bapanya, Muhammad bin Datuk Muda Linggi (1881-1950) memulakan tugasnya sebagai guru di Sekolah Kuala Jempol. Beliau menziarahi Za'ba pada hujung minggu dan semasa cuti sekolah. Kesempatan itu digunakan oleh beliau untuk mengajar Za'ba membaca tulisan rumi. Akhirnya pada 30 Jun 1907 ketika berumur 12 tahun, Za'ba mula bersekolah dan beliau merupakan kumpulan pertama daripada 83 pelajar yang memasuki sekolah tersebut. Setelah bersekolah selama dua tahun di sekolah kampungnya, Za'ba berpindah ke Sekolah di Linggi di kampung bapanya. Di Linggi, Za'ba mendapat didikan agama daripada ulama-ulama tempatan seperti Hj Abas Zakaria, Hj Mustafa Hj Ahmad dan Hj Mohammad Said Hj Jamaluddin. Daripada ulama-ulama tersebut Za'ba dapat

²⁸³ Lihat Transkrip Za'ba I, 1970, hlm. 3 dan surat Za'ba kepada Bahanan bin Yusuf, 12 September 1939.

²⁸⁴ Lihat Transkrip Za'ba I, 1970, hlm. 6-7 dan ringkasan Riwayat Hidupnya-I, hlm. 5-7.





menggarap ilmu bahasa Arab selain ilmu Tasauf dan Tarekat daripada Hj Mohammad Said.²⁸⁵

Selain bidang agama, Za'ba turut berjaya sebagai pelajar terbaik Peperiksaan Darjah Lima pada 1909 untuk memasuki sekolah British atau menjadi guru pelatih sekolah Melayu. Dari 265 pelajar yang menduduki peperiksaan tersebut, Za'ba muncul pelajar terbaik keseluruhan dari Negeri Sembilan dalam '*Malay Competition Examination*' sewaktu darjah lima dan melayakkannya memasuki *St. Paul's Institution* di Seremban pada 1910.²⁸⁶ Akhirnya Za'ba memilih untuk melanjutkan pelajaran di sekolah berkenaan. Za'ba bersekolah di situ bermula dari *Standard one* hingga lulus peperiksaan *Senior Cambridge* (1910-1915). Dalam tempoh pengajiannya di situ, beliau berjaya mendapatkan *Sijil Preliminary Cambridge* (1913), *Standard Seven examination*, *Junior Cambridge* (1914) dan *Senior Cambridge* (1915).²⁸⁷



Setelah itu Za'ba menjadi guru sementara di sekolahnya di *St Paul's Institution* selama empat bulan iaitu dari Januari hingga April 1916 dan akhirnya beliau ditawarkan jawatan guru oleh Kerajaan Johor pada 1 Jun 1916.²⁸⁸ Ruang masa sebagai pendidik membolehkan Za'ba mengasah bakatnya dalam penulisan. Ketika itulah Za'ba menggunakan nama penanya, Za'ba bermula pada 1917. Apabila beliau menerima

²⁸⁵ Lihat Adnan Hj Nawang, *Za'ba dan Melayu*, Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.2009, hlm. 5.

²⁸⁶ Lihat Sijil Darjah Lima Za'ba 1909 dan Transkrip Za'ba I, 1970, hlm. 13.

²⁸⁷ Lihat transkrip Za'ba I, hlm. 20-25 dan "*memorandum From the Director*", *St.Paul's Institution* Seremban, 12 Mei 1916. Dalam Standard Seven Examination, Zaba muncul sebagai pelajar "The First in order of merit throughout FMS &SS".Lihat surat Za'ba kepada Brother Patrick, 24 Januari 1915. Lihat juga Sijil Government Standard Seven Certificate, (1914) milik Za'ba.

²⁸⁸ Di Johor, Za'ba mula berkhidmat di *Government English School* Bukit Zaharah dan selepas sebulan beliau ditugaskan mengajar di *The Johor Government English College* (kini Maktab Abu Bakar) yang ditubuhkan pada 1916. Beliau menerima gaji bulanan sebanyak \$116.00. Lihat surat Za'ba kepada Muhammad bin Datuk Muda Linggi, 9 Jun 1916 dan Transkrip Za'ba 1, 1970, hlm. 10-11 & 13.





gelaran “Pendeta” pada 1956, gelaran tersebut kekal digandingkan dengan nama Pendeta Za’ba hingga akhir hayatnya walaupun memperoleh gelaran Tan Sri pada 1962.²⁸⁹ Sepanjang tahun 1918, tulisan Za’ba sering memenuhi ruangan *Surat Kiriman* akhbar *Utusan Melayu* dan *Lembaga Melayu*.²⁹⁰

Pada sekitar akhir 1917 hingga Mac 1918, tersiar rencana bersiri kedua bertajuk *Persaudaraan di antara ilmu, Bahasa, bangsa, Persatuan dan Kemajuan* dalam akhbar *Lembaga Melayu* dan disiarkan semula pada 1918 dalam *Utusan Melayu*. Selain itu terdapat rencana-rencana pendek yang tersiar dalam kedua-dua akhbar berkenaan termasuklah karya terjemahan *Kelebihan Bahasa Arab* dalam *Lembaga Melayu*.²⁹¹ Dalam siri-siri penulisan rencana Za’ba, beliau mengetengahkan kemunduran orang Melayu dari aspek politik, ekonomi dan sosial. Soal politik lebih kepada rasa tidak berpuas hati terhadap dasar-dasar British yang tidak menguntungkan orang Melayu seperti hak-hak ketuanan Melayu dalam pentadbiran negara. Soal ekonomi pula lebih kepada soal kemunduran orang Melayu akibat dasar British dalam bidang ekonomi yang tidak menguntungkan orang Melayu.

Pengalaman Za’ba bersekolah dengan pelajar-pelajar bukan Melayu di bandar membolehkan beliau membuat perbandingan secara relatif kemudahan dan kesenangan kehidupan di bandar berbanding di kampung halamannya yang serba mundur akibat dasar pecah dan perintah British. Beliau dapat melihat sekolah-sekolah Vernakular dan

²⁸⁹Lihat surat Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri kepada Za’ba 12 Mei 1962 dan surat penerimaan Za’ba 16 Mei 1962. Dalam kalangan bekas pelajarnya, beliau dikenali sebagai Pak Za’ba, lihat Adibah Amin, “Za’ba I knew”, *The Straits Times*, 25 Oktober 1973.

²⁹⁰ Akhbar ini diterbitkan pada Ogos 1914 hingga Disember 1931. Lihat W. R. Roff, *Sejarah Surat-Surat Khabar Melayu*, Pulau Pinang: Saudara Sinaran Berhad, 1967, hlm. 25-27.

²⁹¹ *Lembaga Melayu*, 19 Mei 1917 (Karya asal dalam bahasa British dan tersiar dalam majalah *Islamic Review*, vol. 1, 1913-1914, Germany: Kraus Reprint, 1971. Majalah ini terbitkan buat kali pertamanya pada 1913 di England.





mubaligh tumbuh bagai cendawan selepas hujan berbanding sekolah Melayu yang tidak mendapat perhatian British. Kedatangan mereka ke Tanah Melayu hanya sebagai penjajah untuk mengeksploitasi sumber kekayaan negara ini sahaja. Sekolah-sekolah Melayu ini hanya terbatas di peringkat rendah sahaja tanpa disusuli dengan sekolah menengah dan pusat pengajian tinggi sebagaimana aliran pendidikan British yang memungkinkan bangsa asing mendapat pendidikan yang lebih tinggi seperti melanjutkan pelajaran di *Penang Free School* ataupun *Raffles College*.

3.4.1.1 Perjuangan Za'ba dalam Kaum Muda

Za'ba merupakan reformis yang secara terang-terang mengaku menganut firkah Kaum Muda. Malah dalam sejarah gerakan Kaum Muda di Tanah Melayu, Za'ba merupakan tokoh yang paling lantang mengkritik pihak pemerintah terutamanya golongan istana berbanding dengan tokoh Kaum Muda lain yang mengelak untuk berkonfrantasi malah memberi kerjasama pula dengan pihak istana. Menurut Za'ba, Kaum Muda merupakan:

*The liberal or Kaum Muda party takes their stand on the hypothesis that we Moslems have departed from the original teaching of Islam as preached in its simplicity by the Prophet and his immediate followers, that innumerable accretions have been added to the pure Islam of the early day; that the Quran and genuine traditions of the prophet are innocent of all the accretion.*²⁹²

Za'ba menjadi serius mengikuti perjuangan gerakan reformis Kaum Muda ketika berada di Johor Bahru pada 1916. Ketika menjadi guru di Johor Bharu, Za'ba

²⁹² Za'ba. "The Malays and Religion", hlm. 110.





berpeluang mendapat bacaan dengan melanggan akhbar dan majalah dari luar negara seperti *Islamic Review* dari London kerana kepesatan industri pencetakan akhbar dan majalah begitu ketara di bumi Singapura pada ketika itu.²⁹³ Kesempatan berada di Johor juga membolehkan Za'ba mengutip ilmu daripada ulama Kaum Muda tersohor ketika itu iaitu Syeikh Tahir Jalaluddin. Za'ba mula membaca karya ulama berkenaan sebelum mereka berkenalan melalui majalah *al-Imam* pada 1906 yang diasas oleh Syeikh Tahir Jalaluddin bersama-sama rakan-rakan Kaum Mudanya. Ini menyebabkan Za'ba terdedah kepada idea reformis Syeikh Tahir Jalaluddin. Hasil hubungan baiknya dengan ulama berkenaan, beliau telah diperkenalkan dengan Syed Syeikh al-Hadi. Za'ba turut mempelajari tentang gerakan reformis Islam dunia luar yang didukung oleh Syeikh Jamaluddin al-Afghani, Syeikh Muhammad Abduh dan Syeikh Rasyid Ridha di Timur Tengah. Namun, pada 2 Oktober 1918, Za'ba meninggalkan Johor dan membawa bersama-sama keluarganya berpindah kerja ke Malay College Kuala Kangsar (MCKK).²⁹⁴

Sepanjang beliau berada di MCKK, sebanyak 34 kali rencana beliau tersiar menggunakan nama Patriot selama empat tahun dalam majalah *Pengasuh* di Kelantan.²⁹⁵ Beliau sering mengutarakan persoalan pelajaran orang Melayu dan hal ehwal berkaitan agama. Sepanjang 1919 hingga 1920, terdapat 40 rencana beliau yang membuat perbandingan antara fahaman Islam cara lama dan pemikiran Islam cara baharu. Selama setahun tajuk rencananya yang berjudul *Agama Islam Dahulu dan*

²⁹³ Lihat surat Za'ba kepada The Manager *Islamic Review*, The Mosque Surrey, England, 30 November 1918. Majalah bulanan ini menjadi suara rasmi The Muslim Mission of Woking Surrey, England, satu badan dakwah yang aktif menyebarkan fahaman reformis Islam pada peringkat antarabangsa.

²⁹⁴ Di MCKK, beliau dibayar gaji sebanyak \$158.00 sebulan, kenaikan gaji tahunan \$5.00 dengan maksimum gaji \$200. Lihat catatan Za'ba dalam Exercise Book, English College, Johor Bahru, 24 April 1918 (Jawi) dan Transkrip Za'ba II, halaman.4.

²⁹⁵ Majalah bulanan ini diterbitkan oleh Majlis Agama Islam Kelantan dan penerbitan sulungnya pada 11 Julai 1918.





Sekarang tersiar dalam Utusan Melayu.²⁹⁶ Za'ba turut aktif menulis rencana-rencana kesedaran supaya orang Melayu berubah ke arah kemajuan. Perubahan penjajahan daripada British kepada Jepun membawa kesan yang besar dalam kehidupan Za'ba. Beliau mula diresapi semangat nasionalisme untuk bergiat aktif dalam persatuan dan mengambil berat tentang hal politik orang Melayu sebaik sahaja perang berakhir.

Di Kuala Kangsar, Za'ba berkesempatan berguru dengan Syeikh Tahir selama tiga bulan pada 1919.²⁹⁷ Kebersamaan beliau dengan Syeikh Tahir Jalaluddin ini memungkinkan idea Kaum Muda yang terpancar pada diri Za'ba semakin terserlah. Beliau turut berhubung dengan rangkaian tokoh islah peringkat antarabangsa dan turut berhubung secara langsung dengan mereka. Penglibatan Za'ba dalam gerakan Kaum Muda dapat dilihat daripada hubungan peribadinya dengan beberapa tokoh gerakan reformis dunia umat Islam yang lain seperti dari India, Singapura dan London. Sejak dari Oktober hingga November 1918 Za'ba turut menghubungi tokoh-tokoh gerakan gerakan tersebut seperti Khwaja Kamaluddin (1870-1932) di England dan Syed Muhammad Rashid Ridha (1865-1935) di Mesir. Tujuan beliau menghubungi tokoh-tokoh gerakan tersebut adalah untuk melanggan secara tetap majalah *Islamic Review* dari England dan majalah *al-Mannar* dari Mesir. Hasil daripada persahabatannya dengan Khwaja Kamaluddin, Za'ba dapat menghantar penulisannya ke majalah *Islamic Review*.²⁹⁸

²⁹⁶ Lihat Utusan Melayu, 7 November 1919 hingga 23 November 1920.

²⁹⁷ Syeikh Tahir berada di Kuala Kangsar selama beberapa bulan sebelum berpindah ke Pulau Pinang. Lihat surat Za'ba kepada Bahanan bin Yusuf, 12 September 1939 dan W.R.Roff, *The Origins*, hlm. 62.

²⁹⁸ *Islamic Review*, "The Triumph of al-Quran", Vol.X, No.1, January 1922, hlm. 18-23.





Selain itu Za'ba juga melanggan majalah *The Light* dari India (1919) dan *al-Hilal* dari Mesir (1921).²⁹⁹ Za'ba turut melibatkan diri dengan *The Young Muslim Union* di Pulau Pinang bermula pada 1921. Beliau turut menyumbang rencana dalam bahasa British mengenai Islam ke dalam majalah *The Muslim* (Singapura) dan *Islamic Review* pada awal dekad 1920-an. Za'ba merupakan tokoh gerakan aliran British di Tanah Melayu yang bersama-sama bergandingan dengan tokoh aliran Timur Tengah.³⁰⁰ Pada pandangan Zaba, pengertian reformis itu adalah sebagai:

*Reform means forming back to original purity and adjusting to new conditions. If the early Imams could make independent investigation and exercise their own judgement based on the original sources and on the requirements of the time and circumstances, sure there is no reason why qualified people of today cannot do the same.*³⁰¹



Berdasarkan kenyataan di atas menunjukkan bahawa reformis itu menurut Za'ba merupakan kembali kepada asal ajaran Islam tetapi pada masa yang sama membuat penyesuaian berdasarkan situasi terkini. Zaba juga turut terlibat secara langsung dalam konflik Kaum Muda dan Kaum Tua di Tanah Melayu ketika itu. Ini dapat dilihat daripada tulisannya dalam majalah dan akhbar. Za'ba secara kritis membidas Kaum Tua yang dilihat terjebak dengan budaya melabel sesat dan kafir. Bagi Za'ba, pemikiran sebegini bukan sahaja tidak membawa kemajuan malah akan menjahanamkan ketinggian Islam itu sendiri. Za'ba berpendapat umat Islam gagal mengikuti ajaran

²⁹⁹ Majalah ini diterbitkan oleh cawangan The Muslim Mission, England di Lahore India. Za'ba memiliki majalah ini dari 1919 hingga 1932. Tersimpan dalam Surat Persendirian Za'ba di Arkib Negara Malaysia. Maklumat Majalah *al-Hilal*, rujuk surat Za'ba kepada *The Manager al-Hilal*, Tanggala, Cairo, 28 Februari 1921 dan 1 Mac 1921.

³⁰⁰ Selain Syeikh Tahir Jalaluddin dan al-Hadi yang dianggap tokoh "Barisan Pertama" Kaum Muda di Tanah Melayu, Za'ba dianggap sebagai tokoh "Barisan Kedua". Lihat Sidek Hj Fadzil."Ash-Shaykh Muhammad Abduh", hlm. 376-382.

³⁰¹ Lihat Za'ba: "*The Talk on Islam*", Broadcast 3 Januari 1961, 7.15 p.m skrip bertaip, hlm. 4. Tersimpan di Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.





Islam sebenar dan kelemahan itu disebabkan oleh sikap manusia itu yang tidak memahami kelebihan Islam itu sendiri dan bukannya kelemahan Islam.³⁰²

Kecenderungan Za'ba kepada gerakan Kaum Muda itu juga dapat dilihat daripada sanjungan beliau kepada tokoh-tokoh Kaum Muda dari luar negara seperti Syed Ahmad Khan (1817-1898), Syeikh Muhammad Abduh, Syeikh Syed Jamaluddin Afghani dan Khwaja Kamaluddin dengan mengatakan mereka sebagai:

*these masterminds among Muslim...these brave champions and defenders of Islam are bound to be successful and leave their impress on the dawning regeneration of the muslim world.*³⁰³

Menurut Za'ba, antara sebab kemunduran orang Islam di Tanah Melayu kerana

mereka mencampuradukkan Islam dengan khurafat sehingga menjadi “sejati ia dengan mereka itu dan agama Islam.” Hal ini dinukilkan oleh beliau dalam syair “*Kejatuhan Darjat Islam.*”

Islam kita weh kejatuhan
Sebab karut masuk tambahan
Quran dan hadis terbulang baling.³⁰⁴

Pemikiran Za'ba terhadap reformis tidak hanya terbatas kepada persoalan kemunduran orang Melayu dalam iktiqad dan kepercayaan serta amalan agama mereka semata-mata malah bidang politik, ekonomi dan sosial. Za'ba menyentuh tentang pemikiran orang Melayu yang memandang kehidupan dunia dan akhirat itu sebagai sesuatu yang terpisah sebagaimana mereka memandang ilmu dunia dan ilmu akhirat itu

³⁰² Lihat *Utusan Melayu*, 18 dan 19 Februari 1920, Za'ba dan Ajaran Reformis Islam Kaum Muda.

³⁰³ Zainal Abidin bin Ahmad, “Islam, the Most Comprehensive Religion”, *The Muslim*, Singapore, Vol.II, No.2, February 1923, hlm. 79-80.

³⁰⁴ *Utusan Melayu* 20 Ogos 1919.





tidak boleh disepadukan. Ini sesuai dengan kenyataan beliau bahawa terdapat garis pemisah antara pelajaran dunia dengan pelajaran akhirat. Mereka berpendapat tempat terbaik untuk menuntut ilmu hanyalah di Mekah, Madinah atau di Mesir sahaja.³⁰⁵

Ini menyebabkan karya ulama Kaum Tua hanya berkisar tentang persoalan tajwid, doa-doa dan selawat sahaja selain berkisar tentang kelebihan doa dan ibadat. Soal kemajuan dan kemunduran masyarakat di dunia ini terkeluar daripada cakupan pemikiran mereka.³⁰⁶ Menurut Za'ba, kesilapan orang Melayu adalah kerana mereka tidak memahami konsep sebenar ajaran Islam yang merupakan *addin* dalam kehidupan. Orang Melayu menjadi begitu kerana kecekakkan ilmu hingga menyebabkan seolah-olahnya mereka menolak kesenangan dunia itu sesuatu yang disukai Allah. Hal ini dikritik Za'ba seperti berikut:



Kesenangan di dunia ini sebenar-benar dalil bagi kejatuhan dan kebinasaan (masuk neraka). Kalau hina miskin dan sengsara di dunia tanda Allah Taala kasihkan kita dan akan dapat rahmat-Nya di akhirat dan dapat masuk syurga.³⁰⁷

Menurut beliau lagi, sekiranya semua orang Islam itu menolak segala keperluan dunia, maka “binasalah segala faedah mereka di dunia ini dan matilah perniagaan dan hilang kerajaan, kekuasaan sebagaimana yang sudah ada lebih tiga perempat orang muslim sekarang.”³⁰⁸ Za'ba turut memberi penekanan terhadap konsep qada dan qadar yang sering disalah tafsir oleh sebahagian besar orang Melayu. Beberapa rencana Za'ba berkaitan dengan qada dan qadar ini termuat dalam majalah al-Ikhwan pada akhir 1920-

³⁰⁵ *Utusan Melayu* 3 Mei 1920.

³⁰⁶ *Utusan Melayu* 2 Jun 1920.

³⁰⁷ *Utusan Melayu*, 19 Februari 1920.

³⁰⁸ *Utusan Melayu* 3 Mei 1920.



an.³⁰⁹ Pemahaman Zaba tentang masalah qada dan qadar ini adalah hasil pembacaannya yang luas di samping banyaknya terdedah kepada majalah dan buku dari luar negara seperti pemikiran reformis Syeikh Muhammad Abduh dan reformis lain yang lebih melihat Islam itu dari perspektif yang lebih global hasil perkembangan di Eropah dan Timur Tengah. Pemikiran reformis Za'ba takdir itu merupakan:

There is the beautiful doctrine of taqdir or pre-measurement which has been so much misconstrued as fatalis. There is its teaching about spirituality and life after death, about the vast potential, possibilities and capabilities latent in man and about individual accountability and responsibility of the human self.³¹⁰

Za'ba turut menambah lagi, konsep takdir itu bukan merujuk kepada nasib atau janji azali (janji semula jadi) seperti mana difahami oleh kebanyakan orang Islam hingga beranggapan segala kebaikan atau kejahatan yang berlaku ke atas manusia sudah ditetapkan dari azali.³¹¹ Ekoran daripada itu menyebabkan umat Islam terlalu bergantung kepada penerimaan nasib tanpa berusaha bersungguh-sungguh untuk mengubah nasib mereka. Ajaran yang sebegini menurut Za'ba akan menanamkan perasaan benci kepada kemajuan dan menjadi punca hingga menyebabkan kebanyakan orang Islam membenci kemajuan dunia.³¹² Untuk mengembalikan pemikiran umat Islam di Tanah Melayu, Za'ba menukulkan mereka perlu berubah daripada kepercayaan bodoh kepada pemikiran yang cerdik seterusnya menggalakkan kemajuan umat Islam dengan menghapuskan iktikad-iktikad yang membelenggu kemajuan.

³⁰⁹ Kumpulan rencana dalam *al-Ikhwan* (16 April 1928 hingga 16 Julai 1929) diterbitkan pada 1932. dengan tajuk Umbi Kemajuan atau Falsafah Takdir (Sukatan Azali) dalam agama Islam.

³¹⁰ Zainal Abidin bin Ahmad, 1932 "Islam the Most Comprehensive Religion", hlm. 77.

³¹¹ Utusan Melayu, 19 Ogos 1920.

³¹² *Ibid.*, 7 November 1919.

Daripada kepercayaan yang bodoh yang melemahkan akal dan ikhtiar kepada kepercayaan yang cerdas yang membebaskan fikiran, daripada ajaran yang mematikan hati kepada ajaran yang menghidupkan dan menyuburkan dia, daripada iktiqad-iktihad yang kering dan terpasung kepada iktihad yang subur dan merdeheka dan daripada fikiran yang menahankan dan menyekat kemajuan kepada fikiran yang membebaskan kemajuan dan menggalakkan kemaraan yang baik-baik dan mulia.³¹³

Beliau turut menyeru agar orang Melayu beramal dan berjuang untuk kembali kepada ajaran Islam sebenarnya. Dengan syarat hendaklah menyesuaikan dengan zaman kehidupan manusia.”³¹⁴ Za’ba turut memberi penekanan terhadap konsep berjihad dalam kehidupan untuk menyesuaikan dengan perubahan zaman. Sesuai dengan pemikiran Kaum Muda yang menolak taklid, Za’ba sering menyeru masyarakat untuk berjihad kerana ijihad merupakan satu tuntutan yang berfaedah bagi untuk keselamatan dan kemajuan manusia. Sebaliknya jika pintu ijihad ditutup, masyarakat Islam akan menutup pintu kemajuan.³¹⁵

Zaba mengajak masyarakat Melayu untuk berjihad sama ada secara zahir atau batin kerana setiap manusia dipercayainya mampu berjihad sekiranya mempunyai kemampuan akal dan ilmu. Beliau secara sinis mengkritik Kaum Tua dan mengesa umat Melayu mengelak daripada mengikut pandangan ulama yang memberi pengajaran tanpa sandaran yang sah daripada al-Quran, hadis dan waqi’ semasa. Bagi Za’ba, memberi pandangan agama tanpa menggunakan fikiran sendiri berdasarkan sumber-sumber asas dan keadaan semasa adalah lebih menyesatkan. Pemikiran Za’ba menolak konsep takliq ini bersesuaian dengan pemahaman gerakan reformis Islam sama ada yang berlaku di

³¹³ *Ibid.*, 9 April 1920.

³¹⁴ Za’ba, *Perangai Bergantung pada diri sendiri*, disuntik semula oleh Hamdan Hassan, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984, hlm. 97.

³¹⁵ *Utusan Melayu*, 19 Ogos 1920.

Timur Tengah, India ataupun Indonesia. Za'ba turut terpengaruh dengan pemikiran Muhammad Abdul Wahab dan Syeikh Jamaluddin al-Afghani dan Syeikh Muhammad Abduh. Ajaran tersebut akhirnya turut tersebar ke India dan serata dunia.³¹⁶

Menurut Za'ba, punca utama menyebabkan masyarakat Islam mengamalkan taklid adalah timbulnya mazhab-mazhab dan imam-imam dalam sejarah mereka.³¹⁷ Walaupun beliau tidak menolak sepenuhnya kepentingan bermazhab dan imam-imam yang menjadi rujukan umt Islam tetapi beliau pernah mengistiharkan dirinya sebagai yang membenci mazhab. Walau bagaimanapun, maksud Za'ba membenci mazhab ini adalah membenci perselisihan yang kecil-kecil hingga menjadi berpuak-puak, bermusuh-musuhan hingga hilang kesatuan Islam.³¹⁸ Menurut beliau Nabi Muhammad S.A.W pun tidak pernah membahagi-bahagikan ajaran Islam kepada mazhab-mazhab yang berlainan.³¹⁹

Jika dilihat daripada aspek pemikiran Za'ba ini, pendapatnya tentang amalan bermazhab ini boleh dinilai semula kerana bukan semua masyarakat awam terutama orang Melayu memahami isi kandungan al-Quran dan hadis yang mengandungi segala ajaran Islam yang meliputi segala aspek kehidupan termasuk dalam urusan ibadat, munakahat, jenayat dan sebagainya jika tidak dibimbing oleh imam-imam muktabar yang boleh berjihad. Imam mazhab inilah yang mengupas isi kandungan ajaran Islam itu dalam bentuk yang mudah difahami dengan kitab yang dikarang oleh mereka dalam pelbagai disiplin ilmu.

³¹⁶ Za'ba "The Malays and Religion", hlm. 108.

³¹⁷ Utusan Melayu, 14 Ogos 1920.

³¹⁸ Lembaga Melayu, Singapura, 15 Mei, 1922.

³¹⁹ Za'ba, *Perangai Bergantung pada diri sendiri*, hlm, 43.



Pandangan Za'ba tersebut hanyalah sesuai sekiranya seseorang itu mempunyai pendidikan agama yang tinggi sepertimana Syeikh Tahir Jalaluddin, Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari ataupun dirinya sendiri yang mampu memahami Islam secara syumul tanpa memerlukan bimbingan mazhab. Justeru tidak hairanlah pemikiran Zaba ini turut ditentang oleh Kaum Tua yang menganggap pemikiran seperti ini sebagai golongan yang sesat dan boleh menyesatkan masyarakat kerana pandangan mereka berkaitan mazhab, ijtihad, konsep taklid dan sebagainya boleh mencelaruhan pemikiran umat Melayu yang sudah terdedah dengan aliran tradisional yang dibawa oleh Kaum Tua.

3.4.1.2 Za'ba Penggerak Kesedaran Kemerdekaan

Za'ba merupakan tokoh Kaum Muda yang tajam mata penanya. Medan penyebaran firkah islahnya tertumpu kepada penulisan berbanding terlibat secara langsung dalam medan politik kepartian. Za'ba cuba menyedarkan bangsanya yang dijajah tentang erti perjuangan kemerdekaan dengan caranya sendiri iaitu dengan jalan penulisan dan penglibatan berpersatuan. Menurut Za'ba, orang Melayu perlu memiliki sifat 'sombong' dan tidak perlu bergantung kepada bantuan bangsa asing. Sombong yang positif ini akan menjadikan orang Melayu mampu menuntut kemerdekaan sendiri, tidak bergantung kepada bangsa lain dan mempunyai harga diri hingga mampu berdiri di atas kaki sendiri. Hal ini digambarkan oleh beliau seperti berikut:

Sombong kemerdekaan diri sendiri, sombong yang kita tiada bergantung kepada orang lain, sombong hati dan perasaan kita oleh kerana hidup kita tidak dengan pertolongan atau bantuan orang lain. Sebab kita ada daya, ada rupa boleh hidup dengan lelah jerih dan titik peluh kita sendiri.³²⁰

³²⁰ Zainal Abidin Ahmad, *Ilmu Mengarang Melayu*, Tanjung Malim: Pejabat Karang-Mengarang SITC, 1934, hlm.61.





Sebaliknya Zaba tidak memperjuangkan kemerdekaan dengan menyertai mana-mana parti politik. Walau bagaimanapun berdasarkan kenyataan di atas, tidaklah bermakna Za'ba tidak mengambil tahu senario politik tanah air. Malah Za'ba merupakan antara tokoh intelektual Melayu aliran British yang terawal menyedari hakikat ini. Kesedaran politik tersebut bukan sahaja dilantun dalam penulisannya malah juga dalam kegiatan berpersatuan sehinggakan Za'ba turut dianggap sebagai individu yang bertanggungjawab menubuhkan parti UMNO walaupun Za'ba menolak untuk memimpin UMNO apabila diminta oleh ahli-ahli UMNO. Pendirian ini dinyatakan oleh beliau "Saya bukan ahli politik, tidak memimpin persatuan dan tidak mengikut mana-mana pemimpin."³²¹

Namun begitu kesedaran politik tetap wujud di dalam diri Za'ba apabila beliau mula melihat British dan golongan istana tidak mengambil peduli kebijakan orang Melayu. Kesedaran terawal timbul apabila Za'ba terdedah kepada pendidikan British sewaktu beliau menuntut di St John Institution. Beliau mendapati orang bandar khususnya golongan yang bukan Melayu dan golongan bangsawan mendapat kemudahan asas yang baik dalam pendidikan berbanding pelajar kampung yang dianaktirikan kemudahan asas mereka sebagaimana yang dialami oleh penduduk kampungnya. Bagi British, matlamat mereka menyediakan pendidikan untuk orang Melayu bukanlah untuk mereka boleh mentadbir negara tetapi hanya sekadar boleh meneruskan kehidupan yang lebih baik daripada ibu-bapa mereka. Hal dapat dilihat daripada kenyataan berikut:

The aim of the government is not to turn out a few well educated youth, rather is to improve the bulk of the people and to make the sons of the fisherman or peasant a more intelligent fisherman or peasant than his father had whose

³²¹ Lihat Memorandum Za'ba, "Malay Attitudes Towards the Project of a University or University College", 22 April 1947.





*education will enable him to understand how his own lot in life fits in with the scheme of life around him.*³²²

Bukan sahaja British tidak menyediakan prasarana pendidikan yang lebih baik di kampung malah bilangan anak Melayu yang dapat melanjutkan pelajaran dan lulus *Senior Cambridge* di sekolah Inggeris juga tidak terbuka luas. Hal ini demikian kerana sistem sekolah Melayu ketika itu masih tidak mampu untuk membolehkan ramai anak Melayu berkecukupan memasuki sekolah berkenaan yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di sekolah berkenaan. Kesannya, anak Melayu ini hanya berpeluang melanjutkan pelajaran di peringkat sekolah rendah sahaja.

Apabila tamat persekolahan, mereka masih tidak boleh meneruskan pengajian yang lebih tinggi atau mendapat pekerjaan di sektor awam. Hanya segelintir anak Melayu golongan atasan sahaja yang berpeluang untuk melanjutkan pelajaran di sekolah Inggeris. Akibat anak Melayu tidak dapat melanjutkan pelajaran lebih tinggi ke sekolah Inggeris dan mendapat pekerjaan di sektor awam akhirnya mereka hanya meneruskan kerja-kerja kampung untuk membantu ibu-bapa di rumah. Hal ini menyebabkan mereka hanya terlibat dengan ekonomi sara diri dan sudah pasti membantutkan perkembangan kegiatan ekonomi orang Melayu yang tradisional sifatnya berbanding kaum-kaum lain. Kaum-Kaum lain seperti Cina dan India yang mendapat peluang melanjutkan pelajaran di sekolah Inggeris dapat meneruskan pengajian peringkat menengah yang lebih tinggi serta mampu menjawat jawatan yang memerlukan kemahiran berbahasa Inggeris sebagai medium pentadbiran kerajaan

³²² Lihat Chief Secretary's Report, F.M.S. 1920 (George Maxwell), dipetik daripada Philip Loh Fook Seng, *Seeds of Separatism*, hlm. 29.



British pada masa itu. Berdasarkan jadual di berikut dapat dilihat bilangan anak Melayu jauh ketinggalan berbanding dengan bangsa-bangsa lain dari segi peluang melanjutkan pelajaran di sekolah Inggeris.

Jadual 3.1

Kelulusan Peperiksaan Sekolah Inggeris Mengikut Kaum Pada 1933

Nama peperiksaan	Bilangan Calon	Bilangan lulus mengikut bangsa				
		Eropah Eurasian	Melayu	Cina	India	Lain-lain
Senior Cambridge						
Lelaki	361	17	78	149	106	11
Perempuan	56	13	2	26	14	1
Jumlah	417	30	80	175	120	12
Junior Cambridge						
Lelaki	566	33	130	269	113	21
Perempuan	70	18	2	35	15	-
Jumlah	636	51	132	304	128	21

Sumber: *Annual Report of Education in the Federated Malay States for the year 1933*, hlm.75.

Daripada carta di atas menunjukkan pada 1933, bilangan pelajar Melayu yang lulus peperiksaan *Senior Cambridge* adalah 80 daripada 417 orang atau sekadar 19 % daripada jumlah keseluruhan calon yang mengambil peperiksaan tersebut. Manakala Kaum Cina menunjukkan peratusan tertinggi iaitu 42% dan Kaum India pula 29%. Bagi kelulusan peperiksaan *Junior Cambridge* pula daripada jumlah keseluruhan calon sebanyak 636 orang, bilangan calon Melayu yang lulus hanya sekadar 132 orang atau 21% berbanding Kaum Cina yang menunjukkan kelulusan tertinggi iaitu sebanyak 48%.



Za'ba mengetahui British tidak mahu orang Melayu mendapat pendidikan tinggi kerana khuatir mereka akan cerdik dan menuntut kemerdekaan sebagaimana yang berlaku di India. Ini digambarkan oleh beliau sebagai:

Kerajaan tidak mahu orang Melayu celik mata, takut kita merdeheka atau sedar akan kehinaan kita...kerajaan perlu ambil ingat contoh India, beri pelajaran tinggi, tentang kerajaan.³²³

Seterusnya kesedaran kemerdekaan tersebut terus menebal apabila beliau mula bekerja dan dapat menyaksikan bagaimana British sewenang-wenangnya mengeksploitasikan sumber kekayaan negara. British memberi sedikit imbuhan kekayaan negara atas nama elaun untuk menutup mulut golongan bangsawan di istana daripada menentang British. Golongan elit ini juga dijanjikan kuasa pemerintahan setelah mampu mentadbir sendiri negara ini. Untuk itu British mendirikan Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) untuk memberi sedikit sinar harapan kepada golongan bangsawan ini sebagai persiapan untuk mentadbir negara ini nanti.

Bagi Za'ba, orang Melayu mesti dimerdekakan terlebih dahulu daripada belunggu kemiskinan. Za'ba terus mengkritik golongan istana apabila sembilan raja-raja Melayu menderma sebanyak 22,000,000 paun kepada kerajaan British untuk membeli kapal perang semasa Perang Dunia Pertama sedangkan orang-orang Melayu hidup melarat di kampung ketika itu tanpa kemudahan asas seperti sekolah dan kemudahan perubatan.³²⁴ Za'ba menganggap golongan istana ini tidak membela nasib orang Melayu. Za'ba dengan berani mengkritik golongan ini sebagai:

³²³ *Utusan Melayu*, 11 Oktober 1919.

³²⁴ Lihat Adnan Hj Nawang, *Za'ba: Patriot dan Pendeta Melayu*, Kuala Lumpur: Yayasan Penataran Ilmu, 1994, hlm. 7.





Orang patut-patut (kaya-kaya, besar-besar, bijak-bijak) kita duduk bersenang-senang diri masing-masing dalam bilik mahligainya dengan nikmat sentosa dan cukup puas hati pula, datang rasa hatinya dan sampai hatinya memandang anak-anak bangsa bergelumang dengan kehinaan dan kejatuhan kepada saf-saf yang jauh di belakang kaum penumpang negeri.³²⁵

Za'ba juga melihat bagaimana British mendiskriminasikan orang Melayu untuk mendapat peluang memajukan diri termasuk dirinya sendiri yang tidak diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran di England ataupun di Singapura. Beliau pernah memohon kepada Pengarah Pendidikan British Negeri Sembilan untuk melanjutkan pelajaran di United Kingdom dalam bidang sastera tetapi alasan tiada biasiswa amat mengecewakannya. Za'ba juga berhasrat melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan di Singapura tetapi Pejabat Residen British di Negeri Sembilan menolaknya dengan alasan yang sama.³²⁶ Bukan sahaja beliau tidak berjaya melanjutkan pelajaran

yang lebih tinggi tetapi turut gagal mendapat jawatan yang setaraf dengan kelayakannya untuk mengisi kekosongan jawatan sebagai *Settlement Officer, Sanitary Inspector* atau *Forest Ranger*. Sebaliknya beliau hanya ditawarkan satu jawatan yang tidak dipohonnya iaitu sebagai guru sementara di St John's Institution.³²⁷ Ekoran itu timbul kesedaran Za'ba untuk menyedarkan bangsa Melayu agar bangkit daripada kehinaan bangsa dan untuk menuju kebebasan bangsa daripada anasir penjajahan.

Dari segi semangat kesedaran kemerdekaan Za'ba, beliau mahukan negara ini bebas dari penjajahan British dan terlepas daripada cengkaman golongan istana yang tidak mempedulikan rakyat. Semangat anti British Za'ba terserlah apabila beliau secara

³²⁵ Lembaga Melayu, 28 Mei 1917.

³²⁶ Lihat surat Za'ba kepada The Principal, The Medical School, Singapore, 15 Januari 1915. Lihat juga surat Za'ba kepada Muhammad bin Datuk Muda, Chief Guru Malay Training College, Matang, 4 Jun 1916.

³²⁷ Lihat Transkrip Za'ba II, 1970, hlm. 7.



terbuka mengkritik pentadbiran British di Tanah Melayu. Semangat dan perasaan tidak puas hati terhadap British semakin meluap-luap apabila Za'ba meluahkan kekecewaan bangsanya dijajah itu di dada-dada akhbar. Menurut beliau "Kita diperhambakan oleh bangsa lain itu... kerana kelak menumbuhkan perasaan sakit hati sahaja kepada pihak yang memperhambakan itu."³²⁸

Namun begitu pemikiran Za'ba terhadap perjuangan kemerdekaan ini adalah senada dengan Syeikh Tahir Jalaluddin yang memberi prasayarat yang perlu dipenuhi untuk mencapai kemerdekaan iaitu dengan mempunyai ilmu pengetahuan dunia dan akhirat. Bagi Za'ba umat Islam di negara ini masih lemah kerana kejahilan mereka sendiri. Faktor utama mereka dijajah adalah kerana umat Islam di Tanah Melayu ketika itu tidak mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi dan tidak mempunyai kemajuan dan kekuatan dalam pelbagai bidang sebagaimana Barat yang datang menjajah Tanah Melayu.³²⁹

Untuk melancarkan lagi perjuangan kesedaran kemerdekaan tersebut, Za'ba merupakan tokoh Kaum Muda yang menggunakan pentas berpersatuan untuk menyedarkan orang Melayu menentang penjajah yang menindas bangsanya. Za'ba terlibat menubuhkan beberapa persatuan dan menganggotai persatuan untuk mencapai hasrat tersebut. Antara persatuan yang dianggotai oleh beliau ialah *The Young Muslim Union* di Pulau Pinang pada 1920. Melalui persatuan ini beliau turut berkenalan dengan tokoh aliran Kaum Muda seperti Syed Alwi al-Hadi. Hasil daripada bergelumang dengan kegiatan berpersatuan tersebut, Za'ba turut menubuhkan persatuan dalam

³²⁸ *Al-Ikhwān* 16 November 1926.

³²⁹ *Utusan Melayu*, 27 September 1919.



kalangan pelajar MCKK. Antara persatuan terawal yang ditubuh oleh Za'ba ialah *The Malay College Association* di MCKK pada 1920. Walaupun persatuan ini bersifat dalaman untuk membentuk persaudaraan para pelajar MCKK tetapi jauh disudut hati Za'ba adalah berhasrat untuk menanam semangat jati diri Melayu dalam jiwa pelajar tersebut. Za'ba bimbang para pelajar ini akan didoktrin untuk menjadi 'orang putih'. Ini dapat dilihat daripada kenyataan beliau dalam majalah *Semaian* yang diterbitkan di MCKK dengan tujuan untuk "menanamkan benih perasaan kasih akan bahasa sendiri dan jangan mereka memikirkan dirinya itu sudah menjadi Orang Putih dan menghinakan bahasa sendiri."³³⁰

Di MCKK, Za'ba turut menerbitkan majalah bulanan yang diberi nama "*Pedoman Belia*" untuk menyemai kemangat nasionalisme kepada para pelajarnya.

Pada 1923 majalah ini berubah nama kepada *Semaian*. Nama majalah ini telah menggambarkan secara jelas hasrat Za'ba untuk menyemai semangat kesedaran kepada para pelajar elit Melayu tentang semangat nasionalisme dan jati diri Melayu. Usaha Za'ba ini menimbulkan reaksi yang prejudis kepada pihak British yang mentadbir MCKK. Mereka mula memberi perhatian terhadap tindak tanduk Za'ba dan akhirnya mengambil tindakan terhadap kegiatan penubuhan dan penerbitan majalahnya itu sementelahan ugutan Raja Chulan terhadap kelantangan Za'ba yang mengkritik sistem feudal. Pada 1 Jun 1923 Za'ba ditukarkan ke Kuala Lumpur secara paksa oleh British.

Za'ba menggunakan idea yang sama apa untuk menubuhkan persatuan di Kuala Lumpur. Beliau menubuhkan *The Malay Literary Association* pada 1923. Nama persatuan yang hampir sama dengan persatuan di MCKK ini merupakan satu idea yang

³³⁰ *Semaian*, bil.1 Jld 1, Ogos 1923, Pulau Pinang Merchantile Press.





lebih besar di peringkat nasional untuk menanam semangat kesedaran kemerdekaan kepada anak Melayu walaupun di atas kertas, tujuan penubuhannya adalah untuk membaiki bahasa Melayu. Seterusnya Za'ba menjadi Yang Dipertua Persatuan Malaya Selangor (PMS) yang kedua pada September 1945.³³¹ Apabila isu Malayan Union muncul, PMS di bawah pimpinan Za'ba menghantar telegram kepada kerajaan British di London untuk membantah rancangan tersebut. Akhirnya PMS menganjurkan Kongres Melayu untuk menetapkan pendirian mereka apabila Malayan Union diwujudkan. Pemikiran Za'ba terhadap gagasan Malayan Union dapat dilihat daripada kenyataan beliau:

British hendak berbuat demikian ini yang sebenarnya ialah kerana nak menguatkan dan mengukuhkan kedudukannya memerintah Tanah Melayu dan membolot kekayaannya, bukan melonggarkan atau memberi peluang melayakkan orang-orang Melayu memerintah negerinya sendiri.³³²



Namun tidak semua tokoh Kaum Muda dan orang Melayu menentang Malayan Union. Dr. Burhanuddin al-Helmy sendiri bersetuju dengan Malayan Union ini kerana dengan gagasan ini pada perkiraannya, orang-orang Melayu akan lebih bersatu. Semua negeri-negeri Melayu akan diletakkan di bawah satu kesatuan. Menurut Za'ba, rancangan ini turut dipersetujui oleh orang Melayu kerana negeri Tanah Melayu itu akan dijadikan satu. Negeri ini juga akan dipunyai oleh orang Melayu dibawah naungan British sehinggalah mereka merasakan orang Melayu sudah bersedia untuk memerintah sendiri. Walaupun pentadbiran kerajaan itu nanti akan berkongsi dengan bangsa-bangsa

³³¹ Persatuan ini ditubuhkan pada 5 Jun 1938 dan Yang Dipertua pertamanya ialah Tengku Ismail bin Tengku Mohd Yasin. Lihat Muhammad Yunus bin Hamidi, *Sejarah Pergerakan Politik Melayu Semenanjung*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1961, hlm. 1-7.

³³² Lihat surat Za'ba kepada Abdul Aziz bin Din pada 22 Mei 1946 mengenai pendapatnya mengenai perasaan orang Melayu terhadap rancangan Malayan Union dalam Adnan Hj Nawang, *Za'ba dan Melayu*, Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.2009, hlm. 202.





lain tetapi keselamatan orang Melayu tersebut akan terjamin. Di samping itu anak-anak Melayu ini akan diberi latihan-latihan khas yang membolehkan mereka memerintah sendiri suatu masa nanti. Seterusnya cadangan ini disukai oleh orang Melayu kerana akhirnya hasrat untuk bersatu dengan Indonesia akan terlaksana apabila mereka berjaya mendapat kemerdekaan tersebut.³³³

Melalui PMS, mereka berjaya mengumpulkan \$18 ribu dan rumah Za'ba di Kampung Baru, Kuala Lumpur dijadikan markas. Kongres ini diadakan dari 1-4 Mac 1946 di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur. Zaba sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penaja dan Sambutan Kongres, merangkap Ketua Jawatankuasa Penaja dan Sambutan Kongres dan juga merangkap Ketua Perwakian PMS. Manakala Dato' Onn Ja'far (1895-1962) selaku Pengerusi Kongres berkenaan.³³⁴ Pada hari pertama kongres tersebut, Dato' Onn mencadangkan kepada Kongres agar sebuah persatuan ditubuhkan mewakili seluruh suara orang Melayu. Beliau mencadangkan penubuhan *United Malays Organisation* (UMO) tetapi Za'ba menambahbaik cadangan itu dengan menamakan *United Malays National Organisation* (UMNO) atau *Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu* (PEKEMBAR). Bagi Za'ba, Melayu itu bukan suatu ras tetapi suatu bangsa dan penyatuan itu wajiblih menegaskan hakikat tersebut.³³⁵

Akhirnya cadangan tersebut diterima kongres dengan sebulat suara.³³⁶ Za'ba diberi kepercayaan untuk menjadi jawatankuasa mengubal Rang Perlembagaan UMNO

³³³ Lihat SP18/73, surat Za'ba kepada Abdul Aziz bin Din pada 22 Mei 1946 mengenai pendapatnya mengenai perasaan orang Melayu terhadap rancangan Malayan Union.

³³⁴ Beliau merupakan anak bangsawan Johor yang mendapat pendidikan di England dan menjadi Yang Dipertua UMNO pertama. Keterangan lanjut rujuk Ramlah Adam, *Dato' Onn Jaafar, Pengasas Kemerdekaan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992.

³³⁵ Adnan Nawang, *Za'ba: Patriot dan Pendeta Melayu*, Kuala Lumpur: Yayasan Penataran 1994, hlm. 153-154.

³³⁶ Lihat catatan Za'ba, "Catatan Kongres 1946", Majlis, 4 Mac 1946.





dalam masa enam minggu bersama-sama dengan Haji Abdul Wahab, Hamzah bin Abdullah, Nik Kamil dan Dato' Onn Jaafar. Beliau ditugaskan berceramah dalam bahasa British di corong radio kepada penduduk Tanah Melayu pada 26 Mac 1946 dengan harapan penduduk Tanah Melayu yang ketika itu terdiri daripada pelbagai kaum termasuk British mempertimbangkan sewajarnya saranan-saranan resolusi kongres berkaitan dengan survival orang Melayu. Antara saranan tersebut adalah:

Bahawa perjanjian yang telah ditandatangani oleh Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis yang memberi kuasa penuh kepada Duli Yang Maha Mulia King ke atas beberapa buah negeri Melayu dan melucutkan kuasa sultan-sultan ke atas negeri mereka itu adalah tidak mengikut perlembagaan, hak pesaka, adat resam dan amalan tiap-tiap negeri Melayu dan oleh yang demikian adalah tidak sah dan batal dan tidak mengikat Duli-Duli Yang Maha Mulia itu dan rakyat mereka dengannya.³³⁷



Walau bagaimanapun penglibatan Zaba dengan kongres berkenaan berakhir apabila selesainya penggubalan Rang Perlembagaan UMNO. Beliau menarik diri untuk terlibat aktif dalam politik dan beliau turut menarik diri daripada menjadi Yang Dipertua PMS menjelang akhir 1946. Jika dilihat secara terperinci gagasan pemikiran kesedaran kemerdekaan Za'ba, beliau bukan sahaja mahu Tanah Melayu merdeka dari cengkaman British tetapi juga merdeka dari cengkaman kuasa pihak istana yang mencengkam kehidupan orang Melayu. Ini dapat dilihat dalam buku-buku karangan beliau walaupun buku yang berkaitan dengan ilmu bahasa Melayu. Za'ba mengkritik sistem feodal Melayu secara tidak langsung dengan memberi contoh-contoh ayat dalam

³³⁷ Lihat Za'ba " *The Recent Malay Congress and its significance* ", 26 Mac 1946. Lihat UMNO 10 tahun hlm. 25.





bab “Meringkaskan Karangan” dalam buku karangan bahasa Melayu. Hal ini dapat digambarkan seperti dalam ayat di dalam buku tersebut:

Semenjak beberapa ratus tahun orang-orang kita Melayu ini telah biasa terlatih jadi hamba rakyat yang sentiasa tersembah-sembah dan tertunduk-tunduk kepada rajanya barang ke mana pergi, sampai sekarang pun.³³⁸

Di sini dapat dilihat, Za’ba cuba menyedarkan bangsanya secara halus di dalam pengajarannya yang merentas silibus buku-buku dalam pengajaran bahasa Melayu di SITC. Sebagai Pengarang dan Penterjemah kanan yang turut mengajar bahasa Melayu di SITC, beliau bertanggungjawab menerbitkan bahan bacaan untuk tujuan pembelajaran dan pengajaran di SITC. Za’ba cuba menyedarkan guru-guru pelatih dengan semangat kemerdekaan untuk membebaskan diri daripada cengkaman kolonial dan sistem feodal yang tidak banyak membantu meningkatkan kedudukan orang Melayu.

Di SITC, Za’ba bukan sahaja berjaya mengajar anak bangsa ilmu bahasa Melayu tetapi turut menerapkan semangat kesedaran kemerdekaan kepada mereka dengan menyelitkan bibit-bibit kebencian kepada kedua-dua golongan atasan tersebut baik dari segi politik, ekonomi dan sosial. Justeru, tidak hairanlah SITC menjadi pusat kegiatan nasionalisme pada ketika itu sebagaimana Maahad El-Ihya memainkan peranan yang sama bagi para pelajar aliran agama di Gunung Semanggol. Akhirnya anak diri Za’ba lulusan SITC ini bukan sahaja menjadi guru yang akan mengajar di sekolah tetapi mereka turut aktif melibatkan diri dengan menjadi aktivis politik,

³³⁸ Zainal Abidin Ahmad, Ilmu Mengarang Melayu, Tanjung Malim: Pejabat Karang-Mengarang SITC, 1934, hlm.62.





wartawan sambilan, ketua badan persatuan. Antara pelajar yang aktif terlibat menjadi mata rantai perjuangan menuntut kemerdekaan lepasan SITC ialah Ibrahim bin Hj Yaakub.

Kesimpulannya, Za'ba merupakan aktivis Kaum Muda yang prolific dan sedaya upaya menyedarkan bangsanya untuk kemajuan diri sebelum menuntut kemerdekaan. Di samping menggunakan medium penulisannya, Za'ba turut giat bersatu untuk menyedarkan orang Melayu terhadap dasar-dasar British yang tidak menguntungkan penduduk peribumi. Semangat untuk membebaskan negara bangsa dari belenggu penjajahan terserlah apabila beliau turut menerima tekanan British dan pihak istana yang tergugat dengan kegiatan Za'ba. Perjuangan kesedaran kemerdekaan Za'ba tidak sahaja berpusat kepada dasar-dasar British yang tidak menguntungkan tetapi turut cuba menyedarkan anak bangsa daripada belenggu penjajahan sistem feudal yang tidak mempedulikan kebajikan dan kemajuan orang Melayu.

3.5 Aliran Pemikiran Tempatan

Perkembangan aliran Kaum Muda di Tanah Melayu bukan sahaja dipengaruhi oleh aliran pemikiran Timur Tengah, India, British tetapi juga dipengaruhi aliran pemikiran tempatan. Perkembangan ini berlaku kerana lepasan aliran pemikiran dari luar negara tersebut menyebarkan firkah Kaum Muda kepada pelajar-pelajar di madrasah yang ditubuhkan di tanah air. Bagi ulama-ulama Kaum Muda seperti Syeikh Tahir Jalaluddin, Syeikh Joned Thola, Ustaz Abdul Rahman yang mendapat pendidikan di Mekah dan





Mesir mereka menyampaikan pemikiran tersebut melalui kuliah-kuliah agama sama ada di surau, masjid dan juga madrasah-madrasah kepunyaan mereka.

Selain itu guru-guru beraliran islah seperti Syed Syeikh al-Hadi dan Syeikh Abdullah Maghribi yang pernah menjadi mudir di Madrasah Idrisiyah di Perak, Madrasah al-Huda dan Madrasah al-Mashoor di Pulau Pinang mengembangkan lagi aliran tersebut dalam kalangan pelajar aliran tempatan. Guru-guru yang bertugas di madrasah-madrasah ini berjaya menerapkan fahaman aliran Kaum Muda kepada para pelajar. Kedatangan guru-guru agama dari negara yang mempunyai latar belakang fahaman pembaharuan ini merencanakan lagi perkembangan tersebut. Antara pelajar yang mendapat sentuhan ulama-ulama aliran Kaum Muda ini ialah Ustaz Abu Bakar al-Baqir. Beliau merupakan tokoh aliran pendidikan tempatan yang hanya menuntut di madrasah dalam negara yang sangat menonjol dan menunjangi perjuangan Kaum Muda ketika menuntut kemerdekaan di Tanah Melayu.

3.5.1 Ustaz Abu Bakar al-Baqir (1909- 1974)

Abu Bakar al-Baqir atau nama sebenarnya Abu Bakar bin Mohd Said dilahirkan pada 1907 di Gunung Semanggol, Perak. Beliau berketurunan Jawa dari kawasan Kendal, Jogjakarta. Datuknya ialah Abdul Jabbar bin Abdul Rauf yang berhijrah ke Asam Jawa, Kelang dan seterusnya berpindah ke Kuala Kurau, Perak. Bapa Ustaz Abu Bakar al-Baqir, Lebai Said merupakan seorang alim dan pendakwah kepada masyarakat setempat. Beliau berpindah ke Gunung Semanggol dan menetap di sana hingga ke akhir hayatnya. Ustaz Abu Bakar al-Baqir menimba ilmu formal semenjak berusia enam





tahun di Sekolah Melayu Gunung Semanggol sehingga darjah lima. Pada ketika itu, darjah lima merupakan kelas tertinggi pada peringkat sekolah rendah dan Sekolah Melayu Gunung Semanggol merupakan sekolah kerajaan yang terawal pada ketika itu.³³⁹

Setelah itu Ustaz Abu Bakar al-Baqir melanjutkan pelajarannya ke Pondok al-Rahmaniah selama enam tahun iaitu dari 1919 hingga 1924 bagi peringkat pendidikan rendah.³⁴⁰ Ustaz Abu Bakar al-Baqir turut melanjutkan pendidikan menengahnya di Madrasah Dairatul Ma'arif Wataniah di Kepala Batas, Seberang Perai Utara. Beliau belajar selama enam tahun di bawah Syeikh Abdullah Fahim yang berkelulusan dari Masjidil Haram, Mekah.³⁴¹



Di madrasah ini, Ustaz Abu Bakar al-Baqir berdamping rapat dengan tokoh ulama terkenal tanah air iaitu Syeikh Abdullah Fahim yang juga merupakan penggerak utama Madrasah Dairatul Ma'arif Wataniah. Syeikh Abdullah Fahim merupakan ulama yang berpengetahuan luas dalam bidang ilmu Falak, bahasa Arab, Tafsir al-Quran dan Hadith. Kepintaran dan bakat Ustaz Abu Bakar al-Baqir menarik minat Syeikh Abdullah Fahim melantik beliau menjadi Ketua Muta'laah (Ketua Umum) bagi memimpin pelajar madrasah Dairatul Ma'arif Wataniah, Kepala Batas. Syeikh Abdullah Fahim turut memberi gelaran al-Baqir kepada beliau yang bermaksud 'Yang Pintar'.³⁴²

³³⁹ Temu bual dengan Puan Aniqah Rusda binti Abu Bakar pada 2 November 2013 jam 2.30 petang di rumahnya di Taman Panglima, Ipoh Perak. Beliau merupakan anak bongsu Ustaz Abu Bakar Baqir.

³⁴⁰ Pondok ini didirikan pada 1918 oleh Ustaz Abdul Rahman, bapa mertua Ustaz Abu Bakar Baqir. Beliau menuntut ilmu selama 15 tahun di Asia Barat hingga memiliki kelulusan dari Universiti al-Azhar dan Masjidil Haram Mekah. Lihat Nabir bin Haji Abdullah, *Maahad al Ihya Assyariff Gunung Semanggol 1934-1959*, 1976, hlm. 34.

³⁴¹ Nabir bin Haji Abdullah, *Maahad al Ihya Assyariff Gunung Semanggol 1934-1959*, 1976, hlm. 34.

³⁴² *Ibid.*, hlm. 35 hingga 36.





Ustaz Abu Bakar al-Baqir mula terlibat dengan dunia pendidikan apabila beliau mengikuti Syeikh Abdullah Fahim yang mengajar di Madrasah Idrisiyyah, Bukit Chandan, Kuala Kangsar pada 1930. Ketika itu, mudir madrasah ini dipimpin oleh Syeikh Abdullah al-Maghribi dari Mekah dan beliau turut membawa idea pemikiran islah ke madrasah ini. Hasilnya pemikiran Ustaz Abu Bakar al-Baqir terarah kepada corak pemikiran islah yang dibawa oleh Kaum Muda yang menekankan pembaharuan dalam masyarakat.³⁴³

Ustaz Abu Bakar al-Baqir berada di madrasah itu sehingga pada 1934 dan beliau meletak jawatan untuk kembali ke Gunung Semanggol bagi mendirikan madrasah yang baharu. Peletakan jawatan tersebut berpunca daripada pemikiran dan pegangan Ustaz Abu Bakar Baqir yang tidak selari dengan pentadbiran madrasah tersebut yang keputusannya banyak dipengaruhi ulama Kaum Tua yang mendampingi pihak istana. Akhirnya Maahad al-Ehya Asshariff didirikan pada 15 April 1934 bersamaan dengan 1 Muharam 1353 di Gunung Semanggol.³⁴⁴ Setelah perjalanan madrasah ini semakin stabil, Ustaz Abu Bakar Baqir menamatkan zaman bujangnya. Beliau dijodohkan dengan Fatimah Abdul Rahman, iaitu anak gurunya sendiri pada 1935. Hasil perkongsian hidupnya itu telah melahirkan empat orang anaknya iaitu Sahar Mursyid, Miskiah Fadilah, Naqibah Nu'ma dan Aniqah Rusda.³⁴⁵

³⁴³ Saari Sungib, *Tokoh-tokoh Besar Gerakan Islam Dalam Sejarah*. Rijal Media, 2010.

³⁴⁴ *Il Ihya Assyarif*, Buku Peringatan Suku Abad (sempena sambutan Jubilee Perak), November 1959, hlm. 17. Walau bagaimanapun menurut Nabir Abdullah, Ustaz Abu Bakar al-Baqir pulang ke Semanggol untuk mendirikan Maahad al-Ihya pada 1933 dan bukannya pada 1934. Lihat Nabir bin Haji Abdullah, 1976, *Maahad al Ihya Assyariff Gunung Semanggol 1934-1959*, hlm. 36.

³⁴⁵ Temu bual dengan Puan Aniqah 2 November 2013 jam 2.30 petang di rumahnya di Taman Panglima, Ipoh Perak.





Tokoh ulama dan pejuang kemerdekaan ini akhirnya menghembuskan nafas yang terakhir pada 13 November 1974 dengan meninggalkan legasi Maahad al-Ehya Assyariff yang masih kekal beroperasi hingga kini. Bagi mengenang jasa beliau, sempena hari keputeraan Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzudin Shah pada 5 November 2016, baginda berkenan menganugerahkan Darjah Dato' Paduka Mahkota Perak (D.P.M.P) yang membawa gelaran Dato' secara *anumerta* kepada Ustaz Abu Bakar al-Baqir. Anugerah tersebut diterima oleh anak beliau, Puan Aniq Rusya yang mewakili beliau.³⁴⁶

3.5.1.1 Perjuangan Ustaz Abu Bakar al-Baqir dalam Kaum Muda.

Ustaz Abu Bakar al-Baqir terdedah dengan aliran Kaum Muda setelah berguru dengan Ustaz Abdul Rahman di Pondok ar-Rahmaniah. Beliau merupakan individu yang banyak mempengaruhi pemikiran Ustaz Abu Bakar al-Baqir kerana latar belakang beliau yang terdedah kepada pemikiran islah di universiti al-Azhar dan pengajiannya di Mekah.³⁴⁷ Pemikiran Ustaz Abu Bakar al-Baqir lebih terdedah kepada aliran islah ini apabila berpeluang mengajar di Madrasah Idrisiyyah, Bukit Chandan, Kuala Kangsar pada 1930. Ketika itu madrasah ini dipimpin oleh Syeikh Abdullah al-Maghribi. Sebagai mudir madrasah, idea pemikiran pembaharuan atau islah tersebar luas di madrasah ini. Ustaz Abu Bakar Baqir mendapat pemikiran islah hasil pendedahan beliau bersama-sama dengan ulama besar kelahiran Maghribi ini. Hasilnya pemikiran

³⁴⁶ Utusan Malaysia, 6 hb November 2016.

³⁴⁷ Keterangan disampaikan oleh Nabir Abdullah dalam syarahan pada Sambutan 82 tahun Al Ehya Al Syariff pada 16hb April 2016.





Ustaz Abu Bakar al-Baqir terarah kepada corak pemikiran islah yang dipelopori oleh Kaum Muda di Tanah Melayu yang menekankan pembaharuan dalam masyarakat.³⁴⁸

Apabila Ustaz Abu Bakar al- Baqir menubuhkan Maahad al-Ehya Assyariff, fahaman Kaum Muda turut menjalar di maahad tersebut kerana tujuan penubuhan madrasah ini adalah untuk membuat pembaharuan dalam sistem pendidikan pondok. Ustaz Abu Bakar Baqir telah membuat reformasi dengan menubuhkan Kanzil Maarif yang memberi kebebasan untuk perbincangan dalam menggarap ilmu berbanding sistem pondok yang harus menerima segala pengajaran guru secara sehalu. Beliau mendapat sokongan daripada Syeikh Abdullah Fahim yang walaupun tidak menyebelahi mana-mana golongan, tetapi amat terbuka untuk menerima perbezaan pandangan antara Kaum Muda dan Tua. Syeikh Abdullah Fahim yang terdidik di Mesir dan Makkatul Mukaramah amat maklum dengan gerakan reformis yang berlaku di negara berkenaan.

Penduduk setempat juga tidak melatah dengan perbezaan pendapat ini setelah mereka menerima kefahaman pendidikan dari Ustaz Abdul Rahman di Pondok Ar-Rahmaniah. Mereka faham polemik yang berlaku dan berlapang dada untuk menerima perbezaan pendapat. Ketua-Ketua kampung setempat seperti Haji Abdul Manaf bin Amin'ul Din, Haji Jaafar Mohammad turut memahami gerakan reformasi ini melalui pembacaan akhbar dan majalah seperti *Pilihan Timur*, *Seruan Azhar*, *Sahabat*, *Singapura* dan *Siasat* yang mudah didapati di Pulau Pinang yang bersempadanan sahaja

³⁴⁸ Saari Sungib, *Tokoh-tokoh Besar Gerakan Islam Dalam Sejarah*. Rijal Media, 2010.





dengan Gunung Semanggol.³⁴⁹ Hal ini memungkinkan pengaruh Kaum Muda terus subur tanpa tentangan yang hebat daripada Kaum Tua di Gunung Semanggol.

Ketika Ustaz Abu Bakar al-Baqir menjadi mudir Maahad al-Ehya As-Syariff, beliau membawa ramai guru lulusan dari Sumatera Utara, Mesir, India dan Mekah yang terkenal dengan pusat perkembangan aliran Kaum Muda. Perkembangan ini menggalakkan aliran Kaum Muda ini menjadi pesat di Maahad al-Ehya Asshariff kerana guru-gurunya merupakan kelompok Kaum Muda yang kebanyakannya terdedah kepada aliran berkenaan sewaktu menuntut di universiti ataupun madrasah masing-masing. Ustaz Abu Bakar Baqir merupakan seorang ulama yang disegani masyarakat kerana bukan hanya membangunkan Maahad al-Ehya Assyariff tetapi juga merupakan seorang insan yang sangat mengambil berat hal ehwal masyarakat sekelilingnya terutama yang melibatkan pendidikan dan ekonomi. Beliau sering mengingatkan masyarakat tentang tanggungjawab yang harus dipikul oleh umat Islam dengan meneruskan kembali tradisi perjuangan nabi, para sahabat dan tidak lupa menunaikan kewajipan terhadap Islam yang sebenarnya. Dengan hanya hidup berlandaskan Islam sajalah, umat Islam akan mencapai kemajuan dan menjadi umat yang sangat disegani.³⁵⁰

Kaum Muda mendapati banyak kegiatan orang Melayu pada ketika itu boleh menghalang kemajuan dan bercanggah dengan ajaran Islam. Kegiatan yang bercampur aduk antara agama, adat dan khurafat itu boleh membantutkan kemajuan umat Islam di negara ini. Justeru, Kaum Muda cuba untuk membetulkan masyarakat melalui kemajuan pendidikan dengan mendirikan madrasah yang cuba mendidik masyarakat

³⁴⁹ Yahya Ismail, "Syed Sheikh al-Hadi," Dewan Sastera, Jilid 2, bil 1, 15hb Januari 1972, hal 3/49/53.

³⁵⁰ Khairul Nizam Zainal Badri, Ketokohan dan Pemikiran Abu Bakar al-Baqir, Karisma Publication, Shah Alam, 2008, hlm. 50.



agar kembali kepada Islam seperti mana yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W. Pada awal abad ke-20, perkembangan menuntut kemerdekaan begitu kuat melanda di mana-mana sepertimana yang berlaku di Mesir, India dan Indonesia. Guru-guru yang bersama-sama dengan gerakan kemerdekaan di negara masing-masing akhirnya menyebarkan semangat kemerdekaan tersebut kepada anak-anak murid di Maahad al-Ehya Asshariff. Jadual berikut menunjukkan senarai guru-guru di al-Ehya Assyarif dari tahun 1934 hingga 1958 yang mempunyai latar belakang aliran pendidikan Timur Tengah, India dan Sumatera Barat yang sangat terkenal dengan fahaman Kaum Muda dan mendorong perkembangan aliran tersebut berkembang di madrasah berkenaan hingga menjadi pusat pengkaderan pejuang-pejuang kemerdekaan.

Jadual 3.2

*Guru lepasan Timur Tengah, India dan Indonesia di Madrasah al-Ehya Assyarif dari 1934 hingga 1958*³⁵¹

Nama Guru	Kelulusan
Ustaz Abdul Rahman	
Haji Ismail Darus	
Syeikh Mustafa Ramadhan	Universiti al-Azhar, Mesir
Ustaz Haji Tah Ali	
Ustaz Ismail Ali	
Haji Hassan Melaka	
Al-Syeikh Hassan al-Yamani	
Al-Syeikh Sulaiman Abu Masaud	Mekahtul Mukaramah, Mekah
Haji Idris Ismail	
Ustaz Abdul Rahman	
Ustaz Hj Dakwan	

(bersambung)

³⁵¹ Dipetik dan disesuaikan daripada Nabir Abdullah 1976, hlm 265-266 dan hlm. 289.



(sambungan)

Nama Guru	Kelulusan
Ustaz Mokhtar Ismail	Jame al- Miliar, India
Ustaz Jamaluddin Idris	Al-Arshadiah, Surabaya
Ustazah Salmiah	Islamic College/ Academic Sumatera Barat
Ustaz Abrab Tamimi	Al-Arshadiah, Surabaya
Ustaz Nasaruddin	Tawalib School, Sumatera Barat
Ustaz Dzulkernain	Universiti Gajah Mada
Ustazah Hapni Zaharah	Sek. Men. Islam (Indonesia Tawalib School)

Bersesuaian dengan pemikiran Kaum Muda yang ingin memodenkan sistem madrasah di Tanah Melayu, Ustaz Abu Bakar al-Baqir membuat beberapa pembaharuan dengan mendirikan sistem madrasah yang lebih maju hasil penelitian daripada pengalaman mereka yang suatu masa dahulu pernah menuntut di pondok juga.

Memperkenalkan mata pelajaran moden di madrasah merupakan sesuatu yang di luar kebiasaan kerana ketika itu hanya di peringkat kolej atau universiti sahaja yang memperkenalkan mata pelajaran seperti itu. Selain itu, Maahad al-Ihya Assyariff juga menyediakan kokurikulum yang bersepadu seperti mewujudkan kelab drama, pidato dan nasyid. Ini membolehkan potensi pelajar itu digilap dan menjadikan mereka pelajar yang berketrampilan dalam pelbagai aspek kehidupan.³⁵² Setelah itu dengan sumber kewangan yang ada, mereka berjaya melanjutkan pelajaran ke Kaherah, Beirut, Mekah dan India. Di sana mereka bertemu dengan gerakan kebangsaan Arab hingga mempengaruhi pemikiran mereka.³⁵³ Akhirnya apabila pulang ke tanah air, mereka

³⁵² Temu bual dengan Dr. Sabri Salamon pada 27 Disember 2016 di Felda Kampung Awah, Temerloh, Pahang. Beliau merupakan bekas pelajar Maahad al-Ehya Ashariff dari tahun 1955 hingga 1959.

³⁵³ Silcock & Aziz, *Nationalism in Malaya*, 11th Conference Institute of Pacific Relations, Lucknow India, October 3-15, 1950, hlm. 13.





menjadi mata rantai perjuangan islah hingga digelar Kaum Muda oleh masyarakat Melayu ketika itu.

3.5.1.2 Ustaz Abu Bakar al-Baqir Penggerak Kesedaran Kemerdekaan.

Sumbangan Ustaz Abu Bakar al-Baqir yang paling bermakna adalah membina semangat kebangsaan para pelajarnya melalui sistem pendidikan madrasah yang diperkenalkannya. Di samping memberi pendidikan secara formal, para pelajar diasuh untuk terlibat dalam kegiatan kokurikulum. Kegiatan-kegiatan pelajar meliputi syarahan, bahas, menulis dan kegiatan bersama masyarakat kampung. Mereka turut mengadakan kempen-penerangan tentang Maahad al-Ehya Asshariff untuk menambahkan pengalaman berdamping dengan masyarakat sekeliling. Para pelajar yang terdedah dengan pergolakan yang berlaku dalam masyarakat dapat merasai denyut nadi kesusahan mereka dan secara tidak langsung timbul keinsafan dan kesedaran untuk membela tanah air.³⁵⁴

Di maahad tersebut, Ustaz Abu Bakar Baqir turut menggalakkan para pelajar berkecimpung dalam dunia penulisan dan penerbitan. Para pelajarnya berjaya menerbitkan majalah berkala untuk madrasah berkenaan. Ustaz Abu Bakar menggalakkan kesedaran kemerdekaan dengan menerbitkan Majalah *al-Ihya* pada Februari 1947 di bawah kelolaan Lembaga Pustaka al Ihya. Majalah berharga 50 sen

³⁵⁴ Temu bual dengan Dr. Sabri Salamon pada 27 Disember 2016 di Felda Kampung Awah, Temerloh, Pahang. Beliau merupakan bekas pelajar Maahad al-Ehya Asshariff dari tahun 1955 hingga 1959.





ini. Selain itu madrasah ini juga menerbitkan *Suara Am*. Dalam majalah *al Ihya* yang pertama terdapat artikel tentang “*Merdeka, Satu Pengertian.*” Apa yang lebih menarik, majalah ini secara terbuka mengkritik golongan istana. Moto majalah berkenaan adalah “Kerosakan Negara Disebabkan Raja, Kerosakan Raja Kerana Kerosakan Ahli”.³⁵⁵

Keberanian *al-Ehya* meletakkan moto sebegitu bertitik tolak hasil kesedaran dan pengamatan warganya terhadap kegagalan pemerintah dalam menjaga kedudukan agama, bangsa dan negara. Melalui majalah ini Ustaz Abu Bakar al-Baqir mula menyemai semangat kesedaran kemerdekaan kepada para pelajarnya agar Tanah Melayu bebas daripada belenggu feudalisme yang tidak membantu kebajikan orang Melayu. Apatahlagi apabila *al Ehya* bergerak cergas menyertai KMM, majalah ini banyak menegur dan mengkritik sultan, ulama dan pembesar negeri yang tidak mahu berusaha mendapatkan kebajikan orang Melayu dan negeri.

Majalah *al-Ihya* banyak menyuarakan suara sinis terhadap ulama-ulama tua yang berada di belakang sultan yang tidak banyak membantu kemajuan umat Islam. Hasil inspirasi majalah ini menjadikan Maahad al-Ehya Asshariff akhirnya menjadi markas politik yang hebat hingga tertubuhnya parti Hizbul Muslimin. Majalah yang diterbitkan dengan 1000 cetakan itu walau bagaimapun hanya bertahan tiga keluaran sahaja kerana mengalami kerugian kerana kegagalan promosi penjualan.³⁵⁶

Selain itu, Ustaz Abu Bakar Baqir selaku mudir maahad turut memberi kesedaran kemerdekaan dengan menggalakkan para pelajarnya menyertai persatuan

³⁵⁵ *Il Ihya*, Pulau Pinang: Lembaga Pustaka Il Ihya, Persama Press, 1947, Bil 1, tahun 1.

³⁵⁶ Nabir bin Haji Abdullah, *Maahad al Ihya Assyariff Gunung Semanggol* 1934-1959, 1976, hlm. 104.





pelajar. Apabila *Persaudaraan Sahabat Pena (Brotherhood of Penfriends Movement)* yang merupakan satu organisasi persatuan bahasa yang cenderung kepada reformasi Islam ditubuhkan maka ramailah para pelajarnya menyertai persatuan ini. Antara pelajar yang aktif ketika itu ialah Ahmad Fuad Hassan yang menjadi ketua cawangan badan ini. Hasil daripada semangat kemerdekaan itu mereka turut terlibat dengan persatuan-persatuan di luar yang membawa inspirasi perjuangan kemerdekaan. Apabila wujud Kesatuan Melayu di negeri-negeri, para pelajar Maahad al-Ehya Asshariff turut menyertainya.

Ustaz Abu Bakar sendiri kuat memberi kesedaran kebangsaan melalui kitab-kitab yang diajar sebagai silibus pendidikan di al-Ehya Asshariff seperti kitab *Sirah Nabi*. Pengajaran yang berdasarkan kitab-kitab ini mengupas kepentingan negara yang memerlukan perjuangan yang berorganisasi dan berkorban demi memajukan tanahair, agama dan bangsa.³⁵⁷ Buku *Sirah Nabi* ini mendapat perhatian pemerintah dan sering kali siasatan dilakukan ke atas buku ini. Namun ketika siasatan dilakukan, buku ini disembunyikan dan dikatakan hanya menggunakan buku sejarah biasa yang bernama *Judul Yakin (Kisah)* iaitu kronologi Nabi Muhammad S.A.W.³⁵⁸

Pada akhir 1930-an, Ustaz Abu Bakar al-Baqir berjaya menyedarkan para pelajarnya erti semangat kemerdekaan. Pengaruh beliau begitu ketara apabila ramai pelajar al-Ehya Assyariff dari kelas Kismul al-Ali dan Tagashus masuk ke dalam

³⁵⁷ Ustaz Abu Bakar menyedari kepentingan watan kerana beliau sendiri turut serta dalam beberapa badan seperti Kesatuan Melayu Selat (PP), Persatuan Melayu Perak, Persatuan Sun Light Taiping, Saadatul Islam. Lihat Abu Bakar al-Baqir, "Gerakan-gerakan Politik yang Berunsur atau Berkaitan dengan Ugama Islam di Malaysia" (kertas Kerja Seminar ME 405-Siri Tokoh-tokoh Malaysia), Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 19 September 1973, hlm. 2.

³⁵⁸ Nabir bin Haji Abdullah, *Maahad al Ihya Assyariff Gunung Semanggol 1934-1959*, 1976, hlm. 75.





Kesatuan Melayu Muda (KMM) untuk melawan penjajah bagi mendapatkan kemerdekaan penuh. Kegiatan Ustaz Abu Bakar yang aktif dalam kesatuan termasuk berdamping dengan tokoh-tokoh besar KMM seperti Presidennya, Ibrahim Haji Yaakub dan Mustafa Hussein selaku Penolong Presidennya menyebabkan para pelajarnya juga cenderung untuk terlibat secara langsung tanpa sekatan daripada pihak pentadbiran madrasah. Penglibatan mereka bukan sekadar sebagai ahli biasa tetapi juga sebagai pimpinan Kesatuan Melayu Muda cawangan Gunung Semanggol yang ditubuhkan pada Februari 1940. Antara para pelajar yang menjadi jawatankuasanya adalah seperti Ustaz Osman Hamzah yang menjadi Naib Yang Dipertua KMM cawangan Gunung Semanggol.³⁵⁹ Sabri bin Abdul Kadir sebagai Setiausaha, Manakala Ahmad Yusuf @ Ahmad Mahir, Yahya Nasir, Haji Abdullah, Abad Kaisar dan Kassim Muhammad menjadi ahli jawatankuasa KMM di cawangan berkenaan.³⁶⁰



Penubuhan KMM cawangan al-Ehya Assyariff ini mendapat galakan secara langsung daripada Ibrahim Yaakub yang sering melawat madrasah ini dan beberapa tempat sekitar Gunung Semanggol untuk melebarkan pengaruh KMM dalam kalangan masyarakat. Selama wujudnya badan ini di Maahad al-Ehya Asshariff, jawatankuasanya telah mengadakan tiga kali mesyuarat termasuklah mesyuarat penubuhannya. Dua mesyuarat yang lain itu lebih merupakan pakatan untuk memperluas pengetahuan masyarakat mengenai KMM dan satu lagi mesyuarat mengalu-alukan kedatangan Ibrahim Yaakub ke Maahad al-Ehya Asshariff. Peranan

³⁵⁹ Ustaz Osman bin Hamzah merupakan bekas pelajar dan akhirnya menjadi tenaga pengajar di al-Ehya Assyariff. Beliau menggalakkan para pelajar dan kakitangan madrasah tersebut terlibat dengan gerakan kemerdekaan yang diperjuangkan oleh Hizbul Muslimin. Apabila Hizbul Muslimin ditubuhkan, beliau menjadi Ketua Shabab Hizbul Muslimin. Beliau juga merupakan anggota KMM cawangan Perak yang aktif dan turut menjalin hubungan dengan pemimpin radikal Indonesia seperti Sutan Djenain. Lihat T.N Harper, *The End of Empire and The Making of Malaya*, Cambridge: Cambridge Universiti Press, 2001, hlm. 122.

³⁶⁰ Nabir bin Haji Abdullah, *Maahad al Ihya Assyariff Gunung Semanggol 1934-1959*, 1976, hlm. 77.



mereka di al-Ehya Asshariff adalah untuk berkempen secara sembunyi kepada para pelajar dan masyarakat sekeliling. Selain itu kempen mereka juga sering menggalakkan bangsa Melayu membantu bangsa mereka dalam perniagaan dan menggalakkan masyarakat memberikan pendidikan kepada anak-anak bangsa untuk kemajuan. Kegiatan para pelajar ini kurang menimbulkan kecurigaan kerana mereka bergerak dalam masyarakat atas nama mengutip derma kebajikan untuk kemajuan Maahad al-Ehya Asshariff. Walaupun pelajar ini terpaksa berbasikal ke tempat-tempat yang jauh tetapi kempen mereka ini amat menggalakkan kerana masyarakat banyak membantu memberi sumbangan dan pada masa yang sama risalah KMM dapat disampaikan kepada masyarakat. Kempen-kempen ini juga menggalakkan masyarakat menghantar anak-anak mereka ke Maahad al-Ehya Asshariff.³⁶¹

Penglibatan pelajar Maahad al-Ehya Asshariff dalam kegiatan politik kerana mereka merasakan penyertaan mereka bererti lagi kepada nusa dan bangsa. Kesedaran itu timbul apabila mereka sedar bahawa agama dan politik adalah satu kesatuan yang tidak dapat dipisah-pisahkan iaitu suatu konsep dalam Islam yang berakar umbi sejak zaman Nabi Muhammad S.A.W lagi.³⁶² Faktor lain yang menyebabkan mereka terlibat dalam kegiatan ini adalah kerana Kesatuan Melayu Muda ini tidak dikongkong oleh anasir '*establishment*' dan dapat menerima mereka walaupun usia mereka muda. Komposisi pelajar yang terdiri daripada pelbagai keturunan ini mempunyai semangat Indonesia-Raya sepertimana yang diperjuangkan oleh Kesatuan Melayu Muda. Para pelajar turut cenderung dengan kesatuan ini kerana mudir mereka, Ustaz Abu Bakar

³⁶¹ Temu bual dengan Dr. Sabri Salamon pada 27 Disember 2016 di Felda Kampung Awah, Temerloh, Pahang. Beliau merupakan bekas pelajar Maahad al-Ehya Asshariff dari tahun 1955 hingga 1959.

³⁶² Aboebakar.H.*Sejarah Masjid.*, Djakarta, N.V. Visser, 1955.

Baqir turut terlibat secara langsung berdamping dengan ketua-ketua Keasatuan Melayu Muda tempatan.

Penyertaan para pelajar dalam gerakan ini bukan sekadar menjadi ahli tetapi turut menjadi pemimpin apabila Kesatuan Melayu Muda cabang Gunung Semanggol atau seluruh Perak Utara ditubuhkan. Antara pelajar yang dilantik menjadi jawatankuasa cawangan yang ditubuhkan pada Februari 1940 ialah Ustaz Osman Hamzah sebagai Naib Yang Dipertua dan Sabri Abdul Kadir sebagai Setiausah Ahli-ahli biasa yang menjadikan cawangan Kesatuan Melayu Muda Gunung Semanggol agak penting adalah seramai kira-kira 40 orang. Namun begitu penyertaan mereka tidaklah hingga mengorbankan kepentingan pengajian mereka. Hanya seorang dua daripada mereka ini yang benar-benar berjuang seperti Osman Hamzah dan Sabri Abdul Kadir.³⁶³ Kedudukan Maahad al-Ehya Asshariff sebagai pusat kegiatan KMM yang utama di Perak diakui oleh Ibrahim Yaakub sendiri yang menegaskan bahawa di al Ehya Assyariff telah wujud cawangan KMM sebelum diikuti oleh Sitiawan dan tempat-tempat lain.³⁶⁴

Kemampuan Maahad al-Ehya Assyariff mentarbiah para pelajarnya dengan semangat pendidikan Islam dan anti penjajah memudahkan kesedaran politik itu timbul dalam kalangan pelajar dan seterusnya mereka membawa kesedaran itu kepada masyarakat. Ini menjadikan KMM mudah diterima dan pengaruh tersebut pantas menyusup dalam masyarakat. Kejayaan kempen kesedaran ini adalah bertitik tolak

³⁶³ Nabir, 1976, hlm. 76.

³⁶⁴Keterangan di sampaikan Ibrahim Yaakub sewaktu soal jawab kertas kerja Ishak Hj Muhammad, "Politik Tanah Melayu hingga pendudukan Jepun". –*Siri Sejarah Tokoh-Tokoh Malaysia*, Jabatan Sejarah, UKM 1973. 24 /7/1973.



daripada kekuatan kewangannya yang semakin teratur dengan adanya Persatuan al-Ehya yang menguruskan dana termasuk derma, hasil tanaman dan juga wakaf orang ramai. Pada 1 Januari 1940, Persatuan al-Ehya Asshariff (Berhad) dilahirkan bagi mengawal kedudukan kewangan madrasah tersebut. Ekoran pimpinan KMM yang selalu melawat Maahad al-Ehya Assyariff ini, polis rahsia sering membuat pengintipan. Beberapa kali Polis Rahsia datang membuat penyiasatan termasuk menggunakan khidmat Tok Tahir, Ketua Kampung Gunung Semanggol.³⁶⁵

Semasa Jepun menduduki Tanah Melayu, Dr. Burhanuddin al-Helmy sering datang ke Maahad al-Ehya Assyariff. Beliau merupakan Pegawai Tinggi Jepun dalam Hal Ehwal agama Islam di markas Taiping turut menanam semangat kesedaran kemerdekaan kepada para pelajar. Ini mendorong Ustaz Abu Bakar lebih bersemangat kerana dengan adanya Dr. Burhanuddin al-Helmy, madrasahnyanya dapat berjalan dengan lancar tanpa gangguan daripada Jepun. Penglibatan Ustaz Abu Bakar al-Baqir terserlah apabila beliau bersama-sama dengan Ibrahim Yaakub yang ketika itu merupakan Leftenan Kolonel Pasukan Pembela Tanah Air (PETA), Dr Burhanuddin, Pak cik Ahmad, Hanif Sulaiman serta pegawai Jepun dari Singapura dan Tokyo turut berbincang di sebuah rumah pegawai Tinggi Jepun di Taiping pada 8 Ogos 1945 untuk penyerahan kemerdekaan bersama dengan kemerdekaan Indonesia.

Kedatangan British semula ke Tanah Melayu pada 12 September 1945 memansangkan lagi semangat perjuangan orang Melayu kerana kedatangan imperialisme kali kedua ini lebih agresif lagi dengan cuba untuk menghapuskan hak-hak Melayu

³⁶⁵ Nabil, 1976, hlm. 80.





seperti menyamaratakan hak kewarganegaraan dan menghilangkan kedudukan sultan melalui penubuhan Malayan Union. Tindakan British ini merupakan manifestasi kemarahan mereka kepada sebahagian besar orang Melayu yang memberi sokongan kepada Jepun ketika menentang British di Tanah Melayu. Orang Melayu menubuhkan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) pada 17 Oktober 1945 untuk menentang kembali penjajahan British tersebut. Parti ini ditubuhkan di Ipoh dan Mokhtaruddin Laso merupakan Presiden pertama parti berkenaan.³⁶⁶ Manakala Timbalan Presiden PKMM ialah Dr Burhanuddin yang ketika itu berada di Singapura. Dr Burhanuddin memimpin sepenuhnya PKMM apabila Mokhtaruddin Laso menghilangkan diri dari Tanah Melayu.³⁶⁷

Semasa Dr. Burhanuddin al-Helmy memimpin PKMM, Ustaz Abu Bakar yang mempunyai hubungan yang baik dengan beliau sering menjemputnya datang ke Maahad al-Ehya Asshariff.³⁶⁸ Ustaz Abu Bakar menggunakan kesempatan ini untuk bekerjasama demi kepentingan Islam. Beliau mendapati kerajaan melalui jabatan agama Islam, sultan dan UMNO kurang memberi perhatian serius terhadap kemajuan umat Islam. Maahad al-Ehya Assyariff mula terlibat dengan politik secara langsung pada 1947 setelah benih-benih politik berkembang subur di madrasah berkenaan. Guru-guru

³⁶⁶ Anak kelahiran Indonesia ini pernah ke Moscow ketika berumur 18 tahun mewakili Kongres Komunis bagi mewakili Indonesia. Beliau ke Singapura sebagai pemberita bagi akhbar Indonesia. Terlibat sebagai *Malayan Communist Party* (MCP) dan menjadi ketua '*Anti-Japanese Union*'. PKMM dianggap parti yang radikal untuk menentang British. Lihat G.P. Meand, *Malayan Political*, University of London Press Ltd, London, 1970, hlm. 53.

³⁶⁷ Ramai kawan-kawannya dalam PKMM mengatakan beliau balik ke Indonesia kerana berjuang menentang tentera Belanda yang tidak mengiktiraf kemerdekaan Indonesia pada akhir pendudukan Jepun di negara itu. Kedatangannya ke Tanah Melayu juga adalah kerana diburu Belanda akibat kegiatannya dalam Parti Komunis Indonesia. Lihat Ramlah Adam, *Burhanuddin al-Hemly, Suatu Kemelut Politik*. 2003 (cetakan ketiga), hlm. 37.

³⁶⁸ Temubual Ramlah Adam dengan Yahya Nasim, bekas Presiden PKMM Selangor pada 1/1/91 di Hulu Langat, Selangor. Yahya Nasim merupakan bekas pelajar al-Ehya. Menurutnya, minat politik yang disemai di madrasah berkenaan menyebabkan para pelajar memberi sokongan kepada PKMM dan API secara meluas terutamanya setelah mendengar ucapan Dr Burhanuddin. Lihat Ramlah Adam, *Burhanuddin al-Hemly, Suatu Kemelut Politik*, hlm. 66.





yang terdedah dengan gerakan reformis dan Kaum Muda menyemai semangat berkenaan kepada para pelajar melalui pendidikan yang disampaikan di dalam kelas, aktiviti-aktiviti kokurikulum dan kegiatan masyarakat di luar madrasah. Melalui penerbitan majalah *al-Ehya*, semangat kesedaran kemerdekaan disalurkan kepada para pelajar dan masyarakat setempat yang berada di sekitar Gunung Semangol. Ekoran itu pada 22 Mac 1947, di Madrasah al-Ehya Asshariff telah diadakan satu persidangan ulama dan terdapat tiga resolusi yang penting iaitu menubuhkan PERPEMAS (Pusat Perekonomian Melayu Se-Malaya), LEPIR (Lembaga Pendidikan Rakyat) dan MATA (Majlis Agama Tertinggi Malaya).

Dato Onn bimbang dengan pengaruh MATA dan PEMERMAS yang boleh menggantikan peranan yang didominasi oleh UMNO terhadap masyarakat Melayu di samping kegusaran beliau terhadap pengaruh PKMM terhadap Maahad al-Ehya Asshariff. Kegusaran Dato Onn bertambah nyata apabila MATA melihat perlunya ditubuhkan satu parti Islam untuk mengembalikan kedaulatan agama di Tanah Melayu.³⁶⁹ MATA melihat majlis agama Islam Negeri gagal berperanan kerana wujud beberapa sekatan yang menghalang kebangkitan dan kesedaran bangsa. Wujud sekatan itu adalah disebabkan unsur-unsur campur tangan pihak istana.³⁷⁰

Untuk itu MATA berhasrat untuk membentuk parti Islam sebagaimana Masjumi di Indonesia. Pada 23 Februari 1948, terbentuklah satu panitia untuk mengadakan kongres parti Islam kali ke-2 pada 13 dan 14 Mac 1948. Pada hari pertama persidangan

³⁶⁹ *Utusan Melayu* 24 Feb 1948, artikel bertajuk "Perjuangan MATA dalam *Federation* soal parti Islam diperhatikan".

³⁷⁰ *Utusan Melayu*, 28 Januari dan 18 Februari 1948 memuatkan berita tentang MATA tidak berpuas hati tentang Majlis Agama Negeri yang terikat dengan sekatan golongan feodal.





tersebut diadakan upacara Maulud Nabi, dibacakan ucapan-ucapan tahniah dan doa selamat termasuk daripada Menteri-menteri Besar seperti Perak, Johor, Kelantan, Terengganu dan Selangor. Pada hari kedua dibuka dengan nyanyian lagu Masjumi untuk menaikkan semangat ahli kongres dan ucapan pidato.³⁷¹

Persidangan yang dihadiri kira-kira 4500 orang itu dengan 50 wakil-wakil badan pergerakan akhirnya bersetuju menubuhkan Parti Orang-Orang Islam Semalaya atau dikenali sebagai Hizbul Muslimin yang diambil daripada ayat al-Quran, surah *al-Mudjaadilah* yang terkandung perkataan Hizbullah yang bermaksud golongan Allah. Daripada perkataan Hizbullah itulah wujudnya idea menamakan parti Islam tersebut sebagai Hizbul Muslimin. Nama ini dicadangkan oleh Ustaz Abu Bakar sendiri dengan disokong oleh Ustaz Abrab Tamimi dan Dr. Burhanuddin. Nama Hizbul Muslimin ini juga adalah hampir sama dengan satu lagi gerakan Islam di Mesir iaitu Ikhwanul Muslimin yang dipimpin oleh Hassan al-Banna pada 1928. Dasar Hizbul Muslimin ini adalah mencapai kemerdekaan bangsa Melayu yang berdaulat dengan mewujudkan Tanah Melayu Darul Islam. Pada 30 April 1948, British turut mengeluarkan satu laporan tentang Hizbul Muslimin ini. Menurut pekeliling tersebut Hizbul Muslimin mahu menjadikan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, mewujudkan *Pan-Islamisme* dan seterusnya menjadikan Tanah Melayu sebagai Darul Islam.³⁷²

Ketokohan Ustaz Abu Bakar sebagai tokoh Kaum Muda yang menggerakkan kesedaran kemerdekaan di Tanah Melayu begitu menonjol dengan penubuhan Maahad al-Ehya Asshariff. Melalui madrasah ini beliau berjaya menggerakkan kesedaran

³⁷¹ *Ibid.*

³⁷² CO 537/3751, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 8/1948, 30 April 1948, hlm. 258-259.





tersebut kepada para pelajar dan masyarakat sekelilingnya hingga menimbulkan kecurigaan British dan UMNO. Mereka berusaha melumpuhkan perkembangan madrasah tersebut dengan menangkap tokoh-tokoh penting yang menggerakkan madrasah berkenaan. Walaupun tokoh penting seperti Ustaz Abu Bakar ditangkap tetapi obor kesedaran rakyat untuk menuntut kemerdekaan tidak padam malah menyemarakkan kegiatan politik orang Melayu yang dijana oleh Ustaz Abu Bakar di Gunung Semanggol.

3.6 Kesimpulan

Tunjang kekuatan Kaum Muda di Tanah Melayu adalah digerakkan oleh tokoh-tokoh pelajar yang menuntut di Timur Tengah, India, Indonesia ataupun yang menuntut di Tanah Melayu sama ada beraliran Inggeris ataupun agama. Apabila menamatkan pengajian masing-masing, mereka berdakwah dan menyampaikan mesej yang sama sepertimana pejuang-pejuang reformis di negara-negara berkenaan cuba membawa pembaharuan di negara umat Islam untuk membawa masyarakat kembali kepada Islam yang sebenar dan menentang penjajahan. Perjuangan yang moderat ini menyebabkan masyarakat Melayu menggelar tokoh-tokoh pembaharuan di tanah air ini sebagai Kaum Muda. Penglibatan mereka bukan sekadar untuk membangunkan masyarakat Melayu untuk menghayati Islam sebenar tetapi turut menggerakkan kesedaran kemerdekaan di Tanah Melayu.



BAB 4

KAEDAH PERJUANGAN KAUM MUDA DI TANAH MELAYU

4.1 Pengenalan

Perjuangan Kaum Muda menggerakkan kesedaran kemerdekaan di Tanah Melayu melalui pelbagai kaedah. Kepelbagaian kaedah dilaksanakan untuk memastikan seruan kesedaran kemerdekaan ini mendapat sokongan rakyat dan mengikut lunas-lunas perundangan. Antara kaedah terawal Kaum Muda untuk menimbulkan kesedaran tersebut adalah melalui medan dakwah. Dakwah yang disampaikan melalui kuliah-kuliah bertujuan menyebarkan kesedaran kepada masyarakat sama ada di surau, masjid dan di rumah secara tidak formal. Selain itu, Kaum Muda juga cuba menimbulkan kesedaran dalam kalangan masyarakat Melayu melalui penerbitan majalah, akhbar dan

juga buku. Kesedaran menyebarkan pemikiran melalui penulisan amat penting sebagai kaedah awal untuk menyedarkan masyarakat Melayu agar bangkit daripada kealpaan dan seterusnya menuntut kemerdekaan segera.

Kaedah perjuangan Kaum Muda turut melibatkan penubuhan madrasah, persatuan dan parti politik. Kepelbagaian pendekatan atau kaedah Kaum Muda ini berjaya menarik perhatian masyarakat tempatan untuk terlibat secara langsung atau tidak secara langsung dalam memupuk kesedaran sama ada dalam bidang ekonomi, sosial ataupun politik dalam usaha memberi kesedaran kemerdekaan kepada masyarakat. Dalam usaha menggerakkan kesedaran kemerdekaan ini terdapat beberapa tahap aliran perjuangan Kaum Muda di Tanah Melayu yang bergerak seiring iaitu tahap aliran kesedaran sosial, ekonomi dan juga politik demi menuntut kemerdekaan.

4.2 Tahap Aliran Perjuangan Kaum Muda

Aliran perjuangan Kaum Muda memperlihatkan proses yang berterusan dalam perjuangan untuk menyedarkan masyarakat Melayu. Menurut Raden Soenarno, perjuangan kesedaran masyarakat Melayu mempunyai tiga tahap iaitu tahap kesedaran agama (1906-1925), kesedaran sosio ekonomi (1926-1936) dan tahap terakhir adalah tahap kesedaran politik (1937-1941).¹ Perjuangan menggerakkan kesedaran orang Melayu bermula dengan memberi kesedaran agama terlebih dahulu berbanding kesedaran sosio-ekonomi dan politik. Namun begitu, memisahkan kesedaran tersebut

¹ Raden Soenarno, "Malay Nationalism 1900-1945", *Journal South East Asian History*, Mac 1960.

secara berfasa-fasa sepertimana yang dinyatakan oleh Raden Soenarno boleh dinilai semula. Hai ini memandangkan perjuangan kesedaran agama, sosio-ekonomi dan politik tersebut bergerak secara selari dalam tempoh masa yang sama iaitu bermula dari 1906 setelah terbitnya *al-Imam* sehinggalah Tanah Melayu itu mencapai kemerdekaan pada 1957. Persoalan keagamaan, politik dan isu sosio-ekonomi orang Melayu seperti pendidikan, kemiskinan, peluang pekerjaan, emansipasi wanita turut mendapat perhatian yang seimbang dari 1906 hingga 1957 dan bukanlah secara berfasa-fasa.² Cuma penekanan kepada persoalan agama itu lebih ditekankan pada peringkat awal penerbitannya berbanding persoalan ekonomi dan politik.

Raden Soenarno turut berpandangan tahap kesedaran politik orang Melayu hanya terbatas sehingga 1941 juga mungkin boleh dipertimbang semula kerana kemuncak perjuangan politik orang Melayu menuntut kemerdekaan melangkaui tahun 1941 terutamanya apabila timbul kesedaran orang Melayu semasa Tanah Melayu dijajah Jepun. Parti-parti politik tumbuh bagaikan cendawan selepas hujan seperti Parti Kebangsaan Melayu Melaya (1945), UMNO (1946), Hizbul Muslimin (1948) dan juga PAS (1951) ekoran kesedaran tersebut.

Jika diteliti dari sudut pandangan yang berbeza, terdapat dua gelombang tahap aliran perjuangan Kaum Muda di Tanah Melayu sebelum merdeka. Gelombang pertama

² Lihat *al-Imam* (1906-1908) dan *Saudara* (1928-1941) yang sejak dari awal tidak membataskan persoalan agama, sosio-ekonomi dan politik berdasarkan tempoh masa tertentu. Sebaliknya persoalan-persoalan tersebut dibangkitkan secara serentak dari awal penerbitan *al-Imam* lagi. Lihat *al-Imam*, "Perkabaran: Jepun dan Amerika", Jilid 1, vii, Februari 1907, hlm 253-259 yang membangkitkan kesedaran politik kepada orang Melayu bahawa Jepun sebagai kuasa Asia mampu menandingi kuasa Barat. Manakala Syed Syeikh al-Hadi turut menulis satu rencana yang bertajuk "Seruan Anak Bumi kepada Orang Besar-Besar dan Ketua Agama Islam" dalam *Saudara* 27 Oktober 1928 yang menyeru agar pemerintah menjaga kebajikan umat Islam dalam urusan agama. Begitu juga Za'ba, tokoh Kaum Muda yang sering menulis persoalan pendidikan orang Melayu contohnya dalam rencana "*The Salvation of the Malays*" dalam *The Malay Mail* pada 22 Disember 1922.



dipelopori oleh aktivis Kaum Muda dengan memberi kesedaran agama, sosio-ekonomi dan politik yang dibawa oleh Syed Syeikh al-Hadi dan Syeikh Tahir Jalaluddin. Perjuangan ini berasaskan dua tujuan iaitu yang pertamanya adalah untuk mengembalikan masyarakat kepada ajaran Islam sebenar dengan menggunakan akal yang rasional dengan menghindari amalan bida'ah dan menjauhi masyarakat daripada amalan khurafat. Justeru, *al-Imam* amat menentang Kaum Tua yang menyampaikan ajaran agama dengan disulami unsur-unsur bidaah tanpa dalil daripada ajaran Islam sebenar. Hal ini nyatakan seperti berikut:

Daripada mereka yang bermodalkan serbannya yang melakukan di atas kamu akan dagangannya dan menjadikan *rabatah* itu *trade mark* perniagaannya yang tiada baginya dalil sekali-kali hanyalah semata-mata mendustakan di atas Allah Taala dan agama-Nya. Maka didatangkan oleh mereka itu akan kamu dengan beberapa bidaah dan karut-marut.³



Manakala tujuan keduanya perjuangan Kaum Muda gelombang pertama adalah untuk membebaskan masyarakat daripada amalan *taqlid* satu mazhab di samping menggalakkan *talfiq* (campur aduk) dalam mengamalkan pendekatan pelbagai mazhab sebagai pilihan. Namun begitu, gelombang pertama perjuangan Kaum Muda ini tidak mengasaskan parti politik kerana kesedaran berasaskan parti politik orang Melayu hanya berkembang subur selepas tahun 20-an iaitu apabila Kesatuan Melayu Singapura (KMS) ditubuhkan pada 1926, Kesatuan Melayu Muda (KMM) pada 1937 dan Persaudaraan Sahabat Pena Malaya (PASPAM) pada 1934,⁴ Syarikat Bekerjasama Am Saiburi (SABERKAS) pada 1944 dan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) pada

³ Lihat "Permulaan Tahun yang Ketiga bagi *al-Imam*", *al-Imam*, Jilid 3, i, Julai 1908, hlm. 5.

⁴ Lihat *Straits Settlements Police Special Branch Report for the Year 1935, dalam CO 273/616/8, Annual Police Reports, 1934 and 1935, Confidential Appendices and Reports of Special Branch*. Walaupun tidak didaftarkan atas nama politik tetapi PASPAM tetap dipantau oleh British melalui Polis Cawangan Khasnya seperti Abdul Majid Zainuddin, Kapten C.M Hashim dan Pateh Akhir bin Mohd Shah. Lihat juga W.R.Roff, *The Origin of Malay Nationalis*, hlm. 218.



1945.⁵ Walaupun tidak semua menggunakan nama parti politik tetapi persatuan-persatuan tersebut bermotifkan politik untuk memberi kesedaran kepada masyarakat.

Justeru, tidak hairanlah tokoh seperti Syed Syeikh al-Hadi dan Syeikh Tahir Jalaluddin hanya memberi tumpuan kesedaran politik melalui penulisan dalam buku, akhbar dan majalah milik Kaum Muda.⁶ Kesedaran kemerdekaan yang ditunjangi oleh Kaum Muda hanya terserlah apabila Dr Burhanuddin al-Helmy menjadi Presiden Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) menggantikan Moktaruddin Lasso pada 1946.

Generasi gelombang pertama Kaum Muda seperti Syed Syeikh al-Hadi dan Syeikh Tahir Jalaluddin memberi kesedaran politik dalam akhbar dan majalah bagi menyediakan orang Melayu agar mengerti tentang kemerdekaan sebenar.⁷ Kesedaran

menuntut kemerdekaan hanya timbul apabila orang Melayu mula menyedari kepentingan berpolitik, hasil daripada kesedaran agama yang dipupuk oleh generasi pertama Kaum Muda bahawa menuntut kemerdekaan itu merupakan satu tuntutan agama. Hal ini ditegaskan dalam *al-Imam* seperti berikut:

Kembalilah atas umat itu kemerdahaannya dan kemuliaannya dan makailah watan itu pakaian kehidupan dan aflat [sejahtera]. Dan terkadang menjadikan keuzuran setengah daripada kita pada takdir [lalai] mekhidmatkan [sic] akan tanah air yang mulia bahawa ia itu daif lagi fakir pada hal adalah tuhan Jalla Jalallah menjadikan ia akan segala rasul dan segala anbia dan kebanyakan

⁵ KMM, PAMPAM dan KMS adalah pertubuhan politik namun pertubuhan ini berselindung daripada menggunakan nama politik. Misalnya KMM ditubuhkan atas satu badan sosial kerana jika ditubuhkan atas nama politik, mungkin KMM tidak boleh didaftarkan langsung. Malah maksud sebenar KMM adalah Kesatuan Malaya Merdeka. Lihat Insun Sony Mustapha, *Memoir Mustapha Hussain*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999, hlm. 198.

⁶ Keterangan lanjut lihat sumbangan kegiatan penerbitan Kaum Muda dalam bab empat dari hlm 270-302.

⁷ *Saudara* 8 Disember 1929 menerbitkan tulisan Syed Syeikh al-Hadi yang mengatakan bukanlah mustahil untuk Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Lihat juga SP10-Diari 1923-Syeikh Tahir Jalaluddin. Beliau menggariskan beberapa syarat untuk menuju kemerdekaan seperti orang Melayu mestilah mempunyai pengetahuan dalam pelbagai bidang dan bebas daripada belenggu kemiskinan.

orang termasyhur.... supaya membangkitkan ia pada sekalian manusia akan nyawa angan-angan pada segala pekerjaan yang besar-besar serta mengerjakannya.⁸

Pendekatan perjuangan Kaum Muda bermula daripada menggunakan medium penerbitan dan dakwah untuk menyedarkan masyarakat agar kembali kepada ajaran agama sebenar hinggalah kepada usaha menubuhkan parti politik. Metodologi permulaan mereka adalah dengan berdakwah di masjid dan surau dengan memberi kuliah kepada masyarakat. Ulama Kaum Muda seperti Syeikh Tahir Jalaluddin sangat dihormati dan mendapat tempat dalam masyarakat di Tanah Melayu sehingga kerajaan mengangkatnya sebagai pakar rujuk dalam pelbagai bidang seperti undang-undang syariah, pakar arah kiblat, pakar falak dan guru agama.⁹ Kewibawaannya sebagai tokoh pendakwah diiktiraf hingga mendapat kepercayaan pihak istana. Justeru, beliau menggunakan ruang yang ada untuk berdakwah kepada masyarakat tentang kefahaman agama sebenar sepertimana yang diperjuangkan oleh Kaum Muda untuk membangunkan masyarakat kepada nilai kehidupan agama yang sebenar.¹⁰

Begitu juga dengan Syed Syeikh al-Hadi yang walaupun beliau bukan seorang ulama tetapi kemampuannya dalam bidang agama amat menyerlah melalui pendidikan asasnya di Terengganu dan Pulau Penyengat, Riau di samping pendedahan agama yang diterimanya sewaktu berada di Mesir. Kewibawaannya sebagai tokoh agamawan

⁸ Lihat *al-Imam*, Jilid 1, V, 1906, hlm.140.

⁹ Lihat SP “Diari 1914” tentang pelantikan sebagai guru agama, ahli Majlis Agama Perak dan pakar arah kiblat.

¹⁰ SP10/ “Catatan Riwayat Hidup” menyatakan Syeikh Tahir Jalaluddin sering berdakwah di masjid dan surau seperti di Melaka, Johor, Perak dan Pulau Pinang sebagai guru agama.



membolehkannya menjawat jawatan sebagai peguam syariah di Johor di samping menjadi mudir Madrasah al-Hadi dan Madrasah al-Mashoor.¹¹

Manakala Maulana Abdullah Noh di Kelantan juga menyebarkan dakwah aliran islahnya di Pantai Timur terutama di Kelantan dan Terengganu. Beliau sering diundang berceramah dan ekoran bilangan penuntutnya yang semakin bertambah menyebabkan akhirnya Maulana Abdullah Noh mendirikan Madrasah al-Balaghul Mudin di Pasir Puteh, Kelantan.¹² Ketokohan Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari pula sebagai pendakwah islah tidak boleh dipertikaikan kerana berdakwahlah menyebabkan beliau dihalau daripada kampung halamannya.¹³ Manakala Ustaz Abu Bakar al-Baqir sering memberi kuliah dan ceramah-ceramahnya sekitar Gunung Semanggol untuk memberi penerangan agama kepada masyarakat dan seterusnya membangkitkan kesedaran untuk



kemajuan kehidupan.¹⁴

Selain menggunakan pendekatan dakwah dan penerangan, Kaum Muda juga menerbitkan majalah dan akhbar. Pada ketika ini wujud pertembungan pendapat antara Kaum Muda dan Kaum Tua dalam isu-isu agama hingga mengheret masyarakat Melayu terjebak dalam polemik berkenaan. Akhbar-akhbar yang mewakili fahaman Kaum

¹¹ Lihat Talib Samat, "Syed Syeikh al-Hadi: Kehidupan dan Pandangan Hidupnya yang Terpancar dalam Karya Sastera" dalam Sohaimi Abdul Aziz (editor), *Syed Syeikh al-Hadi: Cendekia dan Sasterawan Ulung*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2003, hlm, 77.

¹² Temu bual dengan Tuan Haji Daud bin Said atau lebih dikenali sebagai Pak Muda Daud di rumah beliau di Kampung Dalam Kemunting pada 18 Mac 2016.

¹³ Manakala Tn Hj Fauzi bin Abu Bakar turut mengatakan bapanya, Syeikh Abu Bakar al-Ash'ari juga sering berceramah di seluruh tanah air seperti di sekitar Perlis, Pulau-Pinang dan Negeri Sembilan untuk menyampaikan seruan Islam. Sebagai Imam masjid, beliau menggunakan mimbar khutbah untuk membangkitkan kesedaran umat Islam terhadap ajaran Islam dan turut memberi kesedaran tentang perjuangan kemerdekaan. Beliau sering menjadi pemandu peribadi ketika membawa bapanya menyampaikan ceramah di serata tempat. Kematian Syeikh Abu Bakar al-Ash'ari juga adalah di rumah anak bongsunya selepas beliau menyampaikan ceramah di Port Dickson, Negeri Sembilan. Temu bual dengan Tn Hj Fauzi bin Abu Bakar di rumah beliau pada 5 Mei 2016 di Taman Pekeliling, Kangar, Perlis.

¹⁴ Temu bual dengan Dr. Sabri Salamon pada 27 Disember 2016 di Felda Kampung Awah, Temerloh, Pahang. Beliau merupakan bekas pelajar Maahad al-Ehya As-Syariff dari tahun 1955 hingga 1959.





Muda dan Kaum Tua menggunakan ruang media masing-masing untuk menyebarkan fahaman dan secara tidak langsung, polemik yang berlaku ini dapat melariskan jualan akhbar dan majalah mereka. Sekitar 1906 hingga 1940-an, merupakan tempoh konflik antara Kaum Muda dan Kaum Tua begitu kritikal dalam masyarakat Melayu. Akhbar dan majalah pula ghairah memperbesar polemik-polemik yang berlaku antara kedua-dua aliran fikrah tersebut.¹⁵

Kemunculan majalah dan akhbar Kaum Muda seperti *al-Imam*, *Saudara* dan *al-Ikhwān* membawa beberapa implikasi kepada masyarakat Melayu. Melalui media tersebut masyarakat Melayu terdedah dengan perkembangan dalaman di Tanah Melayu dan perkembangan dari luar negara yang berlaku di negara Timur Tengah seperti di Mesir, Arab Saudi dan juga di negara yang lain seperti di Jepun dan juga Rusia.

Penerbitan akhbar-akhbar ini merupakan satu pendekatan yang penting dalam gerakan islah yang dibawa oleh Kaum Muda di Tanah Melayu untuk memberi kesedaran kepada bangsa Melayu agar mencontohi negara lain yang berjaya menentang penjajahan dan memodenkan negara mereka.¹⁶ Namun begitu keberadaan majalah dan akhbar Kaum Muda turut disaingi oleh kemunculan akhbar Kaum Tua yang berhasrat menangkis hujah-hujah Kaum Muda. Akhbar *Lidah Benar* dan *Suara Benar* merupakan wadah penulisan yang digunakan oleh mereka untuk menyekat pengaruh Kaum Muda kepada masyarakat. Ekoran itu pengaruh Kaum Muda tidak dapat menular sepenuhnya di Tanah Melayu di samping orang Melayu turut berpecah ekoran polemik yang berlaku ini.

¹⁵ Lihat Majalah *Jasa* 8 Disember 1929, hlm. 24-26 yang memerihalkan pertelingkahan akhbar Kaum Muda dan Kaum Tua akibat perbezaan pendapat dalam isu keagamaan.

¹⁶ Lihat *al-Imam*, "Perkabaran: Jepun dan Amerika", Jilid 1, vii, Februari 1907, hlm. 253-259.





Golongan Kaum Muda ini juga merupakan golongan terawal yang cuba merungkai kelemahan umat Islam di Tanah Melayu dalam pelbagai bidang terutamanya kelemahan memahami ajaran agama sebenar. Bagi sebahagian umat Islam fikiran mereka masih tertutup dengan perkembangan dunia luar Islam kerana kurang pendedahan. Malah mereka mengamalkan ajaran agama berdasarkan ikut-ikutan secara turun temurun. Mereka ini merupakan golongan yang mahu membangunkan masyarakat Melayu agar kembali kepada ajaran Islam sebenar disamping menolak ajaran bidaah, khurafat dan ikut-ikutan yang diada-adakan dalam agama seperti mandi safar, talkin dan tahlil.

Generasi gelombang kedua pula merupakan aliran perjuangan Kaum Muda menuntut kemerdekaan berasaskan kegiatan parti politik. Namun begitu, tidaklah bermakna tokoh-tokoh Kaum Muda ini membelakangi aspek kesedaran agama dan sosio ekonomi dalam masyarakat Melayu. Tokoh Kaum Muda seperti Dr Burhanuddin al-Helmy turut melestarikan kesedaran masyarakat Melayu dalam amalan beragama di samping membangunkan kedudukan ekonomi, sosial dan politik orang Melayu.¹⁷ Namun begitu tokoh-tokoh Kaum Muda generasi kedua ini lebih terserlah dan bergerak cergas menyedarkan orang Melayu menuntut kemerdekaan melalui kegiatan politik kepartian. Mereka merupakan individu yang paling menonjol dalam kalangan Kaum Muda untuk mencetuskan gerakan kesedaran menuntut kemerdekaan daripada penjajahan British. Bagi Dr. Burhanuddin, perjuangan kemerdekaan itu merupakan tanda kasih kepada watan ataupun negara. Hal ini dapat digambarkan oleh beliau seperti berikut:

¹⁷ Lihat Dr. Burhanuddin al-Helmy Nur "Kemerdekaan" dalam *Suluh Malaya* 4 Mei 1946 yang turut memperkatakan isu keagamaan, ekonomi, sosial dan politik orang Melayu.





Kasihkan watan itu sebahagian daripada iman. Iman ialah nyawa agama. Kita pandang di segi falsafah dan kita susunkan dengan pemandangan yang dekat begini: (i) iman (nyawa), (ii) tubuh (diri), (iii) bangsa, (iv) watan (tanah air). Empat serangkai dalam binaan watan. Iman berdiri di atas tubuh. Tubuh berdiri di atas bangsa dan bangsa berdiri di atas watan. Salah satu daripada yang empat ini tidak boleh bercerai tinggal dalam susunan binaanya tetapi watan jadi pokok. Ada watan ialah dengan kuat bangsa. Kuat bangsa keluar dari tubuh diri yang sihat kuat dan perkasa seperti pekerja, pahlawan, perajurit dan lain-lain. Maka dalam jiwa pekerja pahlawan perajurit itulah terletaknya iman.¹⁸

Pendekatan perjuangan Kaum Muda menggunakan medan politik kepartian pula bermula antara tempoh 1945-an hingga 1957. Pada ketika ini gerakan Kaum Muda dipimpin golongan radikal yang ingin membawa cita-cita yang lebih tinggi demi memerdekakan tanah air daripada cengkaman penjajahan. Melalui penubuhan PKMM, tertubuhlah API dan AWAS yang merupakan sayap Pemuda dan Wanita. Begitu juga dengan Hizbul Muslimin dan juga PAS. Kaum Muda yang dipimpin oleh Dr. Burhanuddin al Helmi, Ustaz Abu Bakar Baqir, Maulana Abdullah Noh, Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari malah Za'ba yang berada dalam UMNO turut melaungkan slogan kemerdekaan pada penghujung perjuangan parti tersebut dalam merebut kemerdekaan daripada British.

Pada ketika ini Kaum Muda berjuang di pentas kuliah, media penerbitan dan juga di medan politik. Mereka ini merupakan generasi kedua gerakan Kaum Muda di Tanah Melayu yang berjuang menghayati ajaran Islam sebenar dan membebaskan tanah air melalui gerakan kemerdekaan. Daripada penelitian yang dibuat berdasarkan sejarah perjuangan Kaum Muda dari 1906 hingga 1957, perjuangan mereka ini berasaskan kesepaduan beberapa metodologi seperti penerbitan, pendidikan dan juga melalui penubuhan persatuan ataupun parti politik.

¹⁸ Kamaruddin Jaafar, *Dr. Burhanuddin al-Helmy: Islam dan Kebangsaan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbitan Yayasan Anda. 1980, hlm. 40.





4.3 Kegiatan Penerbitan Kaum Muda

Dunia penerbitan media Melayu bermula seawal tahun 1894 lagi apabila penerbitan akhbar dipelopori oleh kaum peranakan India-Muslim atau Jawi Peranakan yang telah bertapak dalam masyarakat Melayu. Mereka menjalankan kegiatan penerbitan ini di Singapura dan Pulau Pinang.¹⁹ Perkembangan itu berlaku setelah orang Eropah menutup operasi dan menjual alat-alat percetakan pada tahun 1880 kepada beberapa buah syarikat percetakan milik persendirian orang Cina, India, Jawi Peranakan /Jawi Pekan dan juga pengusaha Melayu.²⁰

Peranan media cetak mula begitu ketara sekitar abad ke-20 di Tanah Melayu.

Bilangan permintaan yang tinggi terhadap media cetak seperti akhbar, majalah dan buku begitu mendadak kerana isu-isu yang diketengahkan begitu menarik dan hampir dengan masyarakat. Isu seperti hak dan ketuanan Melayu, polemik Kaum Muda dan Kaum Tua, isu penghayatan Islam malah termasuk isu yang melibatkan kepincangan masyarakat Melayu baik dari aspek politik, ekonomi dan juga sosial sering diketengahkan.

Tahun 1920-an hingga 1930-an memperlihatkan perubahan peningkatan yang tinggi dari segi penglibatan pengarang, penerbit di samping pembiaya kepada perusahaan penerbitan tersebut. Imigran keturunan Arab, India datang ke Tanah Melayu dan berkahwin dengan rakyat tempatan. Mereka merupakan golongan bandar dan

¹⁹ Siti Rodziah Nyan, *Akhbar Saudara: Pencetus Kesedaran Masyarakat Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009, hlm. 26.

²⁰ Jelani Harun & Azmi Iskandar Merican, "Pengarang Manuskrip dan Permulaan Percetakan di Pulau Pinang", dalam Sohaimi Abdul Aziz (ed.), *Cakerawala Penulisan*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2008, hlm. 15.





saudagar yang sangat berpengaruh dalam masyarakat Melayu.²¹ Perkembangan yang sihat ini juga menarik kehadiran penulis Kaum Muda datang ke Pulau Pinang seperti Syeikh Tahir Jalaluddin, Syed Syeikh al-Hadi dan Abdul Rahim Kajai. Golongan Arab juga turut terlibat dalam dunia penerbitan terutama sebagai pembiaya kepada syarikat-syarikat penerbitan tersebut.²²

Dunia penerbitan media Melayu turut didominasi oleh cendekiawan lulusan dari Asia Barat yang menjadi penerbit dan pengarangnya. Pada peringkat awal, para pelajar Melayu ini telah menerbitkan majalah *Seruan Azhar* dan *Pilehan Timur* di Mesir.²³ Bertolak dari situlah bermulanya pengaruh islah dari Timur Tengah yang dibawa oleh Kaum Muda kepada masyarakat Melayu tersebar. Perkembangan pesat dalam industri penerbitan berkembang di Tanah Melayu antara tahun 1920-an dan 1930-an berlaku apabila para cendekiawan Melayu dan keturunan Melayu-Arab ini pulang dari Asia Barat. Pada masa tersebut berlaku semangat kebangsaan hasil perkembangan di luar negara yang dibawa balik oleh pelajar-pelajar yang menuntut di Timur Tengah. Sekembalinya ke Tanah Melayu, para pelajar berkenaan turut menyalurkan semangat yang sama dengan menerbitkan akhbar, majalah dan juga buku.²⁴

²¹ *Ibid.*, hlm. 26.

²² Syed Alwi al-Hadi, “*The Life of My Father*”, hlm. 77 menyatakan penerbitan *al-Imam* dibiayai oleh Syeikh Awad al-Sa’aidan, seorang hartawan dari Hadharamaut, Yaman. Manakala Syarikat *The Jelutung Press* ditubuh oleh Syed Syeikh al-Hadi di Jelutung, Pulau Pinang pada 1927. Lihat Siti Rodziah Nyan, 2009, hlm. 35.

²³ Lihat Mohammad Redzuan Othman, *Islam dan Masyarakat Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005.

²⁴ Majalah *Pengasoh* diterbitkan oleh Haji Muhammad Yusof Ahmad (Tok Kenali) yang merupakan ulama lepasan Mesir pada 11 Julai 1918 di Kota Bharu, Kelantan. Lihat *Pengasoh*, Jil. 1, Bil. 1, 11 Julai 1918, hlm. 1. Tok Kenali walaupun beliau merupakan tokoh Kaum Tua tetapi ketika menerajui *Pengasoh*, beliau seorang yang terbuka dan turut menerima karya-karya Za’ba yang merupakan tokoh Kaum Muda. Untuk maklumat lanjut tentang latar belakang dan sumbangan Tok Kenali, lihat Abdul Rahman al-Ahmadi, *Tokoh dan Pokok Pemikiran Tok Kenali*, Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, 1983; Seorang lagi tokoh Melayu-Arab yang mendapat semangat menerbitkan akhbar hasil



Menjelang awal abad ke-20, institusi percetakan terus berkembang di Pulau Pinang dan menjadi pusat awal kemunculan pemikir-pemikir Kaum Muda yang progresif terhadap perjuangan islah di Tanah Melayu.²⁵ *Al-Imam* merupakan akhbar pertama dikeluarkan oleh Kaum Muda yang diterbitkan di Singapura pada 1906 hingga 1908. Kemudian diteruskan dengan akhbar-akhbar islah yang lain seperti *al-Ikhwan (1925-1931)* dan *Saudara (1928-1941)* yang turut diterbitkan di Pulau Pinang. Kemunculan pelbagai akhbar di Negeri-Negeri Selat terutamanya di Pulau Pinang membuktikan bahawa industri pencetakan berkembang pesat di negeri ini kerana Pulau Pinang tidak terikat kepada akta pencetakan yang ditetapkan oleh sultan-sultan Melayu.

Di negeri yang mempunyai sultan, Seksyen 19b, Enakmen Undang-undang Islam 1904, Pindaan Enakmen 1925 memperuntukkan bahawa sesiapa yang mencetak dan menerbitkan bahan bacaan berkaitan Islam tanpa kelulusan bertulis daripada sultan boleh dikenakan hukuman denda sebanyak \$200 atau dihukum penjara. Sekatan ini menyebabkan pendukung Kaum Muda terpaksa memindahkan sebahagian kegiatan penerbitan mereka ke Negeri-Negeri Selat yang lebih bebas untuk kegiatan penerbitan dan Pulau Pinang menjadi destinasi untuk kegiatan tersebut.²⁶

Ti adanya sekatan undang-undang penerbitan menjadikan industri penerbitan di Pulau Pinang berkembang pesat berbanding negeri-negeri Melayu yang diperintah oleh sultan. Undang-undang British di Negeri-Negeri Selat itu adalah lebih liberal daripada

perkembangan yang berlaku di Mesir ialah Syed Syeikh al-Hadi. Beliau menerbitkan Majalah *al-Ikhwan* pada 16 September 1926 di Pulau Pinang.

²⁵ Md. Salleh Md Gaus, *Politik Melayu Pulau Pinang 1945-1957*, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984, hlm. 7.

²⁶ Roff, "Kaum Muda-Kaum Tua; Innovation and Reaction Amongst the Malays, 1900-1941", dalam K. G. Tregonning (ed.), *Papers on Malayan History*, Singapore: *Journal of South-East Asian History*, 1962, hlm. 178-179.



sesetengah undang-undang yang diamalkan dalam negeri-negeri Melayu. Justeru, tidak hairanlah pemikiran Islam yang progresif hidup subur di Singapura dan Pulau Pinang”.²⁷ Mereka yang terlibat dengan akhbar ini bukan sahaja terdiri daripada pemuda-pemuda Melayu yang mendapat pendidikan di Timur Tengah, tetapi juga beberapa individu yang berhijrah dari Sumatera dan negara Arab. Mereka ini merupakan golongan reformis yang berperanan menyedarkan orang Melayu untuk memajukan bangsanya. Usaha mereka menerbitkan akhbar ini mendapat tentangan daripada pemerintah Melayu dan juga golongan konservatif sehingga menimbulkan polemik hangat antara Kaum Muda ataupun Kaum Tua.²⁸

Antara tahun 1930 hingga 1940 pula terdapat tidak kurang daripada 18 buah akhbar dan majalah yang diterbitkan di Tanah Melayu.²⁹ Antaranya ialah *Saudara*,³⁰ *Majlis*,³¹ dan *Majalah Guru*.³² *Majalah Guru* mementingkan pelajaran bahasa³³ dan juga turut menterjemahkan minit-minit mesyuarat Majlis Mesyuarat Persekutuan (MMP). Ucapan-ucapan wakil-wakil Melayu dalam MMP disiarkan sejak 1925 secara tidak langsung mendedahkan rakyat terhadap hal pentadbiran British di

²⁷ Yahya Ismail, *Masalah Melayu Pulau Pinang, Dinamika Kreatif*, 1978, hlm. 18.

²⁸ William, R, Roff, *Kaum Muda-Kaum Tua : Innivation and Reactions Among the Malays 1900-1941*, 1962, hlm. 164.

²⁹ William, R, Roff, *Sejarah Suratkhbar Melayu, Monograf Persatuan Bahasa Melayu*, Universiti Malaya, 1967.

³⁰ *Saudara* diterbitkan di Pulau Pinang pada 29 November 1928 di bawah kelolaan Sayid Alwi Sayid Syeikh al-Hadi. Keterangan lanjut lihat hlm. 290-302 dalam bab ini.

³¹ *Majlis* merupakan akhbar Melayu pertama yang diterbitkan pada 17 Disember 1931 di Kuala Lumpur. Akhbar ini dikelola oleh Mohammad Amin Haji Mohd. Yusoff iaitu pemilik Selangor Press. Pengarangnya yang pertama ialah Abdul Rahim Kajai yang kemudiannya digantikan oleh Osman Kalam pada Februari 1935, setelah Abdul Rahim Kajai berpindah ke Warta Malaya. Lihat Md Sharif Abu Hassan, “Akhbar Majlis (1931-1940)”, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1976, hlm. 33; Lihat juga Abdul Latif Abu Bakar, *Abdul Rahim Kajai: Wartawan dan Sasterawan Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984, hlm. 61.

³² *Majalah* ini dikeluarkan oleh Persatuan Guru Melayu Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka yang dikeluarkan sebulan sekali bermula 1924.

³³ Za’ba, salah seorang tokoh Kaum Muda turut menulis dalam ruangan bahasa dalam majalah ini. Ruangan khas untuk kanak-kanak juga disediakan untuk melatih mereka berkarya. Pada Julai 1932, ruangan khas untuk ekonomi turut diadakan.





Tanah Melayu. Manakala akhbar *Majlis* pula lebih memberi tumpuan kepada perkembangan politik tanah air sejajar dengan pengaruh semangat kebangsaan yang bertuip di Tanah Melayu. Tambahan pula ketua pengarangnya, Abdul Rahim Kajai merupakan salah seorang tokoh Kaum Muda yang bergiat aktif membela orang Melayu melalui kesedaran yang disampaikan melalui penanya.³⁴

Kesedaran Kaum Muda menggerakkan semangat kemerdekaan rakyat Tanah Melayu sangat berjaya dengan menerbitkan akhbar, majalah dan juga buku. Melalui penerbitan, Kaum Muda dapat memancarkan fikrah kesedaran agar orang Melayu bangkit daripada kealpaan. Orang Melayu digerakkan untuk menghayati nilai agama, meneruskan kelangsungan hidup, membangunkan kedudukan politik, ekonomi, sosial dan seterusnya memperjuangkan kemerdekaan untuk tanah air tercinta. Akhbar, majalah dan buku-buku ini dijadikan medium untuk pengarang-pengarang memberi kesedaran kepada bangsa Melayu untuk memperjuangkan hak mereka di tanah air. Kebanyakan mereka terkenal aktif dalam bidang kebajikan seperti membuka madrasah persendirian seperti Madrasah al-Mashoor al-Islamiah di Pulau Pinang dan Madrasah al-Hadi di Melaka. Walaupun mereka merupakan golongan kaya tetapi mereka tidak sanggup melihat orang Melayu mundur di negeri mereka sendiri. Golongan ini cuba membawa perubahan kepada orang Melayu melalui penerbitan akhbar. Justeru, timbul kesedaran untuk menerbitkan majalah *al-Imam*.

³⁴ Rahim Kajai sering menyedarkan orang Melayu tentang hak dan kepentingan orang Melayu. Misalnya beliau tidak bersetuju sekiranya orang Cina disama tarafkan dengan orang Melayu dari segi kerakyatan. Lihat Rencana pengarang, "Tahun Baru 1933, Takrif Bangsa Dagang", *Majlis*, Januari 1933, hlm.5; Menurut beliau takrif Melayu itu terdiri daripada penduduk asal di gugusan Pulau Melayu atau alam Melayu seperti di pulau-pulau Jawa, Bugis, Madura, Boyan. Lihat rencana pengarang, "Lagi Perihal Takrif Melayu", *Utusan Zaman*, 17 September 1940, hlm.12. Malah Rahim Kajai turut mentakrifkan orang Asli seperti Semang, Jakun, Pangan turut termasuk dalam takrif Melayu kerana mereka merupakan penduduk asal Semenanjung Tanah Melayu. Lihat *Utusan Zaman*, Julai 1940, hlm.14.





Majalah-majalah seperti *Suara Benar* sering berdebat dengan *Saudara*, *al-Ikhwān* dan *al-Imam* dalam ruangan masing-masing. Antara 1928 hingga 1930 timbul banyak perselisihan khilafiah antara Kaum Muda dan Kaum Tua yang melibatkan akhbar *Saudara* dan akhbar *Lidah Benar*. Akhbar ini mengkritik antara satu sama lain. Akhbar *Lidah Benar* ini diterbitkan di Kelang oleh Raja Bon bin Raja Yahya yang merupakan golongan bangsawan. Beliau turut terpalit dengan kritikan pedas Kaum Muda terhadap golongan istana. Kaum Muda sering mengkritik pihak istana yang tidak mempedulikan kebajikan rakyat malah turut bersekongkol dengan British untuk hanya menjaga kepentingan pihak istana sahaja. Justeru, *Lidah Benar* ini merupakan akhbar Kaum Tua yang merupakan penangkis serangan rencana-rencana akhbar Kaum Muda.³⁵

Perselisihan faham antara Kaum Muda dan Tua tidak berkesudahan apabila majalah *al-Ikhwān* (1925) dan akhbar *Saudara* (1928) diterbitkan untuk menyambung usaha *al-Imam* menyebarkan firkah islah mereka. Rencana-rencana seperti “*kadza dan Kadar*”, “*Pemeliharaan dan Pelajaran*”, “*Tarikh al-Islam*” diterbit semula dari majalah *al-Imam*. Rencana-rencana Syeikh Tahir Jalaluddin yang disiarkan dari 1906-1908 dalam majalah *al-Imam* seperti “*Membetulkan Perjalanan Agama atau Peraturan Perjalanan Kaum Islam*” turut diterbit semula untuk menyedarkan masyarakat agar memahami Islam sebenar.³⁶ Bagi Kaum Tua pula, mereka menerbitkan akhbar *Lidah Benar* untuk menangkis pandangan Kaum Muda yang pada pendapat mereka telah sesat dan menyeleweng daripada ajaran Islam.

³⁵ Mengenai perselisihan *Saudara* dan *Lidah Benar*, rujuk *Lidah Benar*, bil 5, tahun 1, 14 Okt 1930, hlm. 3 dan rujuk juga rencana Pengarang, *Saudara*, bil 85, tahun 2, 10 Mei 1930, hlm. 4.

³⁶ Syeikh Tahir Jalaluddin, “Membetulkan Perjalanan Agama dan Peraturan Perjalanan Kaum Islam”, *al-Ikhwān*, Peng. 3. Jil 1, 16 Nov 1926.





Walaupun isu yang diperdebatkan merupakan isu yang furu' tetapi polemik tersebut begitu ketara hingga melibatkan campur tangan pemerintah sama ada institusi jabatan agama mahupun istana. Misalnya di Kelantan, konflik berlaku apabila Mufti Hj. Wan Musa bin Abdul Samad dan Tengku Mahmud Zuhdi bin Abdul Rahman al-Fatani yang berbeza pendapat tentang lafaz niat solat sama ada perlu dilafazkan ataupun sebaliknya. Justeru, Haji Wan Musa menyusun sebuah karya bernama *Risalah* pada tahun 1909M untuk menjawab persoalan niat sembahyang dan hukum melafazkan *usalli* sebelum takbir. Manakala sebagai tindak balas terhadap pendapat Hj. Wan Musa tersebut, Tengku Mahmud Zuhdi bin Abdul Rahman al-Fatani pula menyusun sebuah karya yang berjudul *Tazkiyat al-Anzar Wa Tasfiyat al-Afkar* pada tahun 1920M. Konflik tersebut tidak selesai setakat itu sahaja kerana pada 1925 berlaku perselisihan faham dalam kalangan masyarakat di perkarangan Masjid Kampung Laut hingga menimbulkan pergaduhan kerana masalah lafaz niat solat yang pernah ditimbulkan oleh Haji Wan Musa bin Abdul Samad.³⁷

Begitu juga dengan hal yang berlaku di Melaka. Penggunaan naqus atau ketuk-ketuk menjadi polemik yang hangat antara Kaum Muda dan Kaum Tua apabila Syeikh Hassan al-Yamani, seorang Mufti Mekah beraliran Islah datang ke Melaka.³⁸ Beliau mengharamkan penggunaan naqus di masjid ataupun di surau kerana baginya menyamai loceng gereja Kristian. Akhirnya satu Muzakarah Ulama Melaka diadakan pada tahun 1932 untuk menyelesaikan masalah tersebut. Namun begitu, muzakarah tersebut tidak meredakan ketegangan yang timbul antara Kaum Muda dan Kaum Tua.³⁹

³⁷ Kel.M.115/21. Lihat minit Datuk Seri Paduka Raja, 10 Mac 1921. Lihat juga Kel. PM.191/19. Minit. Mufti. Hj Wan Muhammad kepada Datuk Bentara Jaya, 29 Julai, 1919.

³⁸ *Suara Benar*, Jil. 1, bil. 49, 21 Februari 1933, hlm. 6.

³⁹ *Suara Benar*, Jil. 1, bil. 4, 13 September 1932, hlm. 3.





Malah, polemik tersebut mengheret akhbar *Suara Benar* (1932), akhbar tunggal Kaum Tua yang diterbitkan di Melaka untuk menangkis hujah di samping melaporkan terdapat masjid-masjid kehilangan naqus akibat dicuri oleh Kaum Muda.⁴⁰

Hasil penerbitan Kaum Muda yang paling menonjol di Tanah Melayu ialah majalah *al-Imam* dan juga *Saudara*. Dalam kajian ini pengkaji hanya memberi penekanan kepada dua akhbar berkenaan sahaja di atas faktor *al-Imam* merupakan majalah terawal diterbitkan oleh Kaum Muda manakala *Saudara* pula merupakan akhbar Kaum Muda yang paling lama bertahan di Tanah Melayu iaitu selama 13 tahun. Genre-genre penerbitan Kaum Muda yang lain seperti buku, kitab dan hikayat turut banyak dihasilkan. Antaranya karya Kaum Muda dalam bentuk buku atau kitab adalah seperti *Perisai Orang Beriman Pengisi Madhbab* (1930) karya Syeikh Tahir Jalaluddin, *Hikayat Faridah Hanum* hasil nukilan Syed Syeikh al-Hadi, *Kitab Pedoman Ibadah Puasa* (1937) karya Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari.

Selain itu, Dr Burhanuddin juga banyak menulis buku antaranya adalah seperti *Falsafah Kebangsaan Melayu* (1954) dan Maulana Abdullah Noh menulis kitab *Semangat Perajurit-Perajurit Muslim* (1946). Begitu juga Za'ba selaku aktivis Kaum Muda yang paling prolifik menulis pelbagai buku seperti buku *Perangai Bergantung pada diri sendiri* yang sehingga kini dicetak berkali-kali oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan yang terkini adalah cetakan tahun 2016. Namun begitu, genre-genre penerbitan tersebut tidak dibincangkan secara khusus dalam kajian ini kerana

⁴⁰ *Suara Benar*, Jil. 1, bil 2, 2 September 1932.





kebanyakannya lebih bertemakan kepada buku-buku ketauhidan, feqah dan novel kemasyarakatan yang tidak dibincangkan dalam kajian ini.

4.3.1 Majalah *al-Imam*

Majalah *al-Imam* diterbitkan pada 23 Julai 1906 bersamaan 1 Jamadilakhir 1324H dalam tulisan Jawi dan berjaya diterbitkan sebanyak tiga puluh satu keluaran.⁴¹ Penerbitannya yang terakhir ialah pada bulan Disember 1908 setelah beroperasi lebih kurang dua tahun setengah. Walaupun pada muka hadapannya tertulis majalah *al-Imam* tetapi konsep penerbitannya merupakan akhbar mingguan. Majalah ini diterbitkan untuk “menyampaikan seru itu kepada segala saudara kita”.⁴² *Al-Imam* dibiayai oleh Syeikh Awad al-Sa’aidan, seorang hartawan dari Hadhramaut. Pengasasnya ialah Syeikh Tahir Jalaluddin dan pengarang utamanya ialah Syeikh Syed al-Hadi dengan dibantu oleh Haji Abbas Muhammad Taha. Pada Mac 1908 pula, Syed Hassan bin Shahab dan Syed Muhammad bin Aqil bin Yahya membiayai syarikat pencetakan *Al-Imam Printing Company* dengan modal \$20,000 bagi membolehkan penerbitan *al-Imam* berjalan dengan lancar.⁴³

Legasi majalah ini diteruskan oleh anak tempatan yang mendapat pendidikan di Mesir iaitu Haji Abbas Mohd Taha yang juga merupakan tokoh Kaum Muda yang

⁴¹ Moto majalah *al-Imam* pada muka hadapannya ialah “Majalah Perlajaran, Pengetahuan, Penghabaran”. Di bawah perkataan *al-Imam* ditulis perkataan dalam bahasa Inggeris: “A Monthly Publication, Singapore”. Dicitak oleh *al-Imam Printing Co. Ltd*, No 17 dan 18, Weld Road, Singapura. Harganya senashkah tiga puluh sen. Harga langganan \$3.00 setahun. Lihat *al-Imam* 23 Julai 1906, keluaran pertama, hlm. 1.

⁴² *Al-Imam*, Jilid 1, No 1, 23 Julai 1906, hlm. 5.

⁴³ *Al-Imam*, Jilid 2, No 9, 5 Mei 1908, hlm. 292-293.





berupaya menyedarkan orang Melayu agar bangkit daripada kemunduran dan memperjuangkan hak di bumi sendiri. Beliau merupakan reformis Kaum Muda tempatan yang mendapat pendidikan di Mekah sejak kecil lagi dan kembali ke Singapura pada tahun 1905. Beliau juga menjadi Penolong Pengarang untuk membantu tugas Syeikh Tahir Jalaluddin ketika ulama besar tersebut ke luar negara. Pada bulan Mac 1908, apabila pengurusan *Matbaah al-Imam* bertukar tangan, Haji Abbas Mohd Taha telah diberi kepercayaan menjadi pengarang *al-Imam*.⁴⁴ Melalui majalah ini, pengaruh pemikiran Sheikh Muhammad Abduh, Syeikh Rasyid Redha dan Sheikh Jamaluddin al-afghani dari Mesir disalurkan untuk membangkitkan kesedaran kepada orang Melayu. Haji Abas Mohd Taha turut terlibat dalam penulisan di majalah *Neraca* (1910) dan majalah *Tunas Melayu* (1913) yang telah mengangkatnya sebagai seorang ulama dan tokoh Islah yang berjaya membawa roh islah dalam bidang penerbitan akhbar.⁴⁵ Kewibawaan beliau menerbitkan artikel dalam majalah menyebabkan tulisan-tulisannya dalam *Neraca* mendapat sambutan masyarakat Melayu bukan sahaja di Singapura tetapi juga di negeri-negeri Melayu yang lain.

Majalah *al-Imam* ini mempunyai wakil di Jawa dan Sumatera. Pengaruh *al-Imam* ini telah disambut oleh beberapa tokoh ulama di Sumatera Barat seperti Muhammad Jamil Jambek, Muhammad Thaib, Haji Abdul Karim bin Syeikh Muhammad Amrulullah@ Tuan Rasul dan Haji Abdullah bin Haji Ahmad. Justeru, tidak hairanlah wakil-wakil penjualnya terdapat ramai di Indonesia kerana pengaruh ulama yang menyokongnya seperti di Idi, Aceh; Betawi (Jakarta), Pulau Jawa;

⁴⁴ *Al-Imam*, Jil. 1, bil 9, 16 Mei 1907, hlm. 292 dan bil 1, Jil 2, 12 Julai 1907, hlm. 2.

⁴⁵ Lihat Mohd. Sarim Mustajab. "Satu Nota Tentang Haji Abbas Bin Mohd. Taha" dlm. *Malaysia in History*, Jil. XXI, No. 1, Jun 1978, hlm. 1.





Bengkulen, Sumatera; Teluk Betung, Sumatera; Teluk Jemawi; Danau, Sumatera dan di Makasar, Sulawesi.⁴⁶

Di Tanah Melayu pula pengedarnya terdapat di Ipoh, Taiping, Papan, Kuala Kangsar, Teluk Anson, Perak; Terengganu, Sarawak, Pulau Pinang, Kuala Pilah, Negeri Sembilan, Klang, Selangor; Kuala Lumpur, Kelantan; Muar, Johor dan Melaka.⁴⁷ Daripada senarai wakil penjual yang mengandungi 37 tempat itu hanya terdapat 15 tempat sahaja yang terletak di Malaysia. Ini menunjukkan *al-Imam* lebih tersebar di Indonesia. Jumlah cetakan *al-Imam* yang besar juga menunjukkan popularitinya yang luar biasa berbanding dengan penerbitan akhbar lain pada masa itu. Sehingga Perang Dunia Kedua, tidak ada majalah atau akhbar yang diterbitkan melebihi 3000 naskhah melainkan *al-Imam*.⁴⁸ Menurut *Straits Settlements Government* bertarikh 26 Oktober



1906 halaman 2660, naskhah *al-Imam* yang dicetak pada ketika itu adalah sebanyak 5000 naskhah.⁴⁹

Al-Imam merupakan majalah atau akhbar yang mula-mula sekali meniupkan roh Islah di Nusantara yang mendapat sokongan dan dukungan daripada Syeikh Tahir Jalaluddin, Syed Syeikh al-Hadi, Haji Abbas Taha disamping bantuan kewangan daripada Raja Ali Ahmad dari Kesultanan Riau-Lingga dan juga Syeikh Salim al-Kalali, saudagar yang sering berulang alik dari Singapura ke Cheribon.⁵⁰ Para pendukung majalah *al-Imam* ini kebanyakannya berdarah Arab kecuali Haji Abbas Taha yang

⁴⁶ Abdul Aziz bin Mat Ton, *Politik Al-Imam*, hlm. 170.

⁴⁷ *Ibid.*, hlm. 170.

⁴⁸ Abdul Aziz bin Mat Ton, *Politik al-Imam*, hlm. 170-171.

⁴⁹ Lihat I. Proudfoot, 1985 "Pre-War Periodicals: Notes To Roff's Biblio-graphy Drawn From Governments Gazettes" dlm. *Kekal Abadi*, Kuala Lumpur, Vol 4. No. 4, Disember 1985, hlm. 5.

⁵⁰ *Al-Imam*, Jilid 2, bil 2, No 1, 12 Julai 1907, 2000, hlm. 2.





merupakan anak tempatan kelahiran Singapura. Walaupun berdarah Arab, mereka begitu sebati dengan penduduk tempatan malahan ada yang berkahwin dengan wanita tempatan Syed Syeikh al-Hadi dan Syeikh Syed Salim. Walaupun berasal dari tanah Arab tetapi mereka menganggap Tanah Melayu ini sebagai tanah air mereka sendiri.

Menurut Syeikh Mohd Salim:

Sudah minum kami akan air susunya dan telah tumbuh daripadanya daging darah kami dan telah terbit daripadanya nikmat perhiasan kesenangan kami. Tidakkah jadi terhutang kami kepada negerinya dan anak-anaknya? ⁵¹

Justeru, tidak hairanlah para penggerak *al-Imam* yang berdarah Arab ini berasa terpanggil untuk menyedarkan orang Melayu terutamanya para pembesar istana agar mereka bangkit daripada kelalaian yang menyebabkan kemunduran, kehinaan bangsa

dan juga tanah air.⁵² Menurut majalah *al-Imam*, sebenarnya faktor kemunduran orang Melayu adalah disebabkan kejahilan dalam memahami kehendak-kehendak agama yang sebenar dan sikap orang Melayu sendiri yang suka bergantung kepada usaha-usaha bangsa lain dalam kebanyakan hal terutamanya dalam urusan ekonomi.⁵³ Justeru, *al-Imam* menyeru agar orang Melayu berusaha bersungguh-sungguh terutama dalam “*membesarkan jalan perniagaan dan pertukangan*”⁵⁴ untuk kemajuan bangsa.

Dalam jilid pertama *al-Imam*, Syeikh Tahir Jalaluddin menyiarkan rencananya yang bertajuk *Surat Terbuka kepada segala Ulama* menyeru sekalian umat Islam beramal dengan amalan yang disuruh oleh Allah dan rasulnya dalam pekerjaan dunia dan akhirat. Ulama perlulah menerangkan ajaran sebenar tanpa ditokok tambah dengan

⁵¹ *Ibid.*, hlm. 7.

⁵² *Ibid.*, hlm. 8.

⁵³ *Al-Imam*, 17 September 1906, hlm. 75.

⁵⁴ *Ibid.*, hlm. 77.





unsur-unsur yang diada-adakan dalam agama yang akhirnya akan dianggap pula oleh masyarakat sebagai sebahagian daripada ajaran agama⁵⁵

Akhbar Kaum Muda ini begitu popular ekoran kesedaran mereka yang melihat kehidupan orang Melayu mundur dalam serba serbi kehidupan baik dalam bidang politik, ekonomi ataupun sosial. Kehidupan orang Melayu jauh ketinggalan berbanding orang bukan Melayu. Jurang kehidupan semakin hari semakin melebar. Pertumbuhan bandar yang begitu pesat ekoran kepesatan industri bijih timah dan getah memungkinkan kemudahan asas di bandar lebih baik daripada kampung. Orang bukan Melayu mendapat faedah yang banyak hasil pembangunan yang pesat di bandar-bandar ini.



Selain industri bijih timah, British memberi tumpuan kepada industri perladangan. Dengan adanya kemudahan tanah pertanian yang subur, kedudukan yang strategik, cukai yang murah, buruh yang murah, kemajuan kemudahan pengangkutan seperti jalan raya, keretapi dan kemajuan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu memungkinkan industri ini menguntungkan British.⁵⁶ Dalam masa 10 tahun iaitu dari 1875 sehingga tahun 1895, hasil negeri-negeri ini berjaya mencapai 20 kali ganda.⁵⁷ Pada 1905 terdapat seluas 46 ribu hektar ladang getah dan bertambah menjadi 97 ribu hektar pada 1906. Keluasan ladang-ladang yang dimonopoli oleh British ini terus meningkat melebihi 100 peratus.⁵⁸

⁵⁵ Syeikh Tahir Jalaluddin, "Surat terbuka kepada Segala Ulama", *al-Imam*, Jil 1, bil.1, 23 Julai 1906.

⁵⁶ Lihat Emily Sadka, *The Protected Malay States*. Kuala Lumpur, 1970, Bab X secara keseluruhan untuk mengetahui perkembangan ekonomi zaman penjajahan British sehingga 1895.

⁵⁷ Lihat Norman J. Parmer, *Colonial Labor Policy and Administration: A History of Labor in the Rubber Plantation in Malaya*. 1910-1941. New York, 1960, hlm. 5.

⁵⁸ Lihat Drabble, J.H., 'Investment in the Rubber Industry in Malaya c. 1900-1922' dlm. *Journal South East Asian (JSEAS)*, Jilid. III, No. 2, September, Lampiran A, 1972, hlm. 261.





British sebagai kapitalis menguasai ekonomi orang Melayu dengan meneroka industri bijih timah terutamanya di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Perusahaan ini sebahagian besarnya dikuasai oleh masyarakat Cina. Namun menjelang dekad pertama kurun ke-20 hingga Perang Dunia Kedua, British menanam modal yang besar dalam industri ini dan mula menguasai industri ini.⁵⁹ Manakala dalam bidang perladangan pula pada 1908 terdapat 95.9 ribu hektar pemilik ladang getah dimiliki oleh British berbanding 7.3 ribu hektar dimiliki bangsa Asia. Sebaliknya hanya 7.6 ribu hektar adalah milik orang tempatan dan itupun secara perkongsian dengan orang Eropah.⁶⁰ Ekoran sektor perladangan yang menguntungkan ini, British memerlukan tenaga buruh yang besar. Justeru, mereka menggalakkan kemasukan lebih ramai golongan bukan Melayu ke Tanah Melayu. Memandangkan bilangan tenaga buruh Melayu yang terhad dan upah mereka lebih mahal, British kurang berminat mengambil orang Melayu sebagai buruh di lombong bijih timah. Apatah lagi orang Melayu juga tidak begitu tertarik untuk bekerja di lombong dan ladang.⁶¹

Namun begitu, pandangan ini boleh disangkal kerana sebenarnya orang Melayu berminat dan telah lama terlibat dalam industri perlombongan pada abad ke-19 lagi. Cuma mereka tidak dapat bersaing kerana menggunakan teknologi tradisional di samping pekerjaan sebagai pelombong merupakan pekerjaan sambilan sahaja. Jika diteliti laporan Winstedt, beliau menerangkan bahawa orang Melayu sudah lama

⁵⁹ Li Dun Jen, *British Malaya: An Economic Analysis*. Kuala Lumpur, 1982, Rujuk bab IV berkaitan perkembangan industri bijih Timah di Tanah Melayu.

⁶⁰ Badriyah Hj Salleh, "Imperialisme Ekonomi: Kajian ke atas Imperialisme Industri Getah di Tanah Melayu", dalam Cheah Boon Kheng dan Abu Talib Ahmad, *Kolonialisme di Malaysia dan Negara-Negara lain*. Kuala Lumpur. 1990, hlm. 243.

⁶¹ Abdul Aziz Mat Ton, 2000, hlm. 114.



menghasilkan bijih timah di Melaka, Pahang, Johor, Klang, Perak dan Sungai Ujong sejak abad ke 15 lagi.⁶²

Walau bagaimanapun, kemasukan British dengan membawa imigran Cina berbondong-bondong ke Perak, Selangor dan Negeri Sembilan sejak tahun 1840 lagi dalam sektor perlombongan bijih timah mematickan persaingan orang Melayu dalam industri tersebut. Orang Melayu menggunakan cara tradisional berbanding imigran Cina yang menggunakan teknologi Eropah yang lebih maju.⁶³ Selain menggunakan teknologi tradisional antara faktor lain penguasaan orang Melayu dalam industri ini tidak kekal lama kerana orang Melayu tidak bekerja sepenuh masa dalam industri ini dan bijih timahnya pula tidak dipasarkan dengan baik. Gambaran orang Melayu yang terlibat dalam industri bijih timah ketika itu dapat digambarkan seperti berikut:

*Moreover, the Malays were only part-timer miners, and their method of mining and smelting was clumsy and uneconomical. They had neither the commercial shrewdness nor the attitude for hardwork so essential for the success of any business undertaking.*⁶⁴

Melalui industri bijih timah inilah orang Cina mencapai kekayaan dan kejayaan. Manakala orang Melayu terus ketinggalan dan di berada dalam kemiskinan. Justeru, *al-Imam* mengajak masyarakat Melayu bekerja bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan hidup di samping berusaha menuntut ilmu dan meninggalkan amalan yang karut dalam masyarakat. *Al-Imam* mengingatkan agar orang Melayu berusaha

⁶² Winstedt, *The Malays - A Cultural History Singapore*, Kelly & Walsh, 1947, hlm. 130.

⁶³ Abdullah Azmi Khalid, "Ekonomi Melayu Kurun ke-19: Sara Diri atau Komersil?" dalam Badriyah Haji Salleh & Tan liok Ee (pnyt.), *Alam Pensejarahan: Dari Pelbagai Perspektif*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996, hlm. 233.

⁶⁴ Wong Lin Ken, *The Malayan Tin Industry to 1914*, Tucson: University of Arizona Press, 1965, hlm. 21.



bersungguh-sungguh dan menghindari kemalasan dalam kehidupan. Hal yang demikian itu, *al-Imam* mengungkapkannya seperti berikut:

Tiada syak lagi daripada sebab malas [masyarakat tempatan] dan segan meninggalkan ilmu dan amal serta gemar kita akan tiap-tiap sesuatu itu kulitnya sahaja dan bergantung kita dengan segala angan-angan dan karut-karut dan meninggalkan masuk kepada suatu rumah itu daripada pintunya dan meninggalkan daripada menuntut akan tiap-tiap sesuatu itu dengan sebabnya.⁶⁵

Malah *al-Imam* memuji orang Cina yang walaupun datang dengan sehelai sepinggan tetapi mereka berusaha bersungguh-sungguh untuk mengubah kehidupan di samping bantu membantu membangunkan bangsa melalui mendirikan sekolah.⁶⁶ Hal ini digambarkan oleh *al-Imam* seperti berikut:



Lihatlah kebanyakan bangsa Cina keluar ia daripada negerinya datang ia ke negeri kita kebanyakan mereka itu sampai ke mari dengan segulung tikarnya dan sehelai seluarnya berikat perutnya. Datang mereka itu ke mari kerana hendak menghilangkan laparnya dengan usaha titik peluhnya maka telah jadi kebanyakan mereka itu tuan tanah atau tuan rumah empunya kebun dan harta empunya gudang dan kota menjalankan pekerjaan pada tiap-tiap gudang dan bank. Tiada menegahkan mereka itu daripada beroleh ketinggian keadaan mereka itu dagang. Adakah patut bahawa kita ini terlebih kurang daripada mereka itu usaha cerdas dan ilmu dan amal dan murah dan berkasih-kasih setengah dengan setengahnya padahal kita Muslimin percaya akan al-Quran yang menyuruh pada tiap-tiap kelebihan? Bahawa sesungguhnya tidak memada sekalian bangsa Cina itu dengan kelebihan yang telah diperolehnya di dalam negeri kita maka berusaha pula segala orang besar-besarnya membuat beberapa

⁶⁵ *Al-Imam*, "Menuntut Ketinggian Akan Anak-Anak Negeri", Jil. II, 12 Julai 1907, hlm. 25-31.

⁶⁶ *Al-Imam* yang diterbitkan di Pulau Pinang melihat sekolah Cina begitu pesat berkembang di Tanah Melayu sejak awal abad ke-19 lagi. Misalnya sekolah Cina yang terawal di Pulau Pinang ialah Sekolah Jit Sin yang ditubuhkan oleh Pertubuhan Fu De Zheng Shen pada 1818. Mereka membinanya hasil daripada dana komuniti dan buruh kolektif. Sekolah Vernakular Cina ini dibiayai dan diurus oleh masyarakat Cina tanpa campur tangan kolonial. Lihat Oii Keat Gin, "Mereka Datang untuk Berdagang dan Bermastautin: Perkembangan Pulau Pinang sebagai Bandar Raya Pelabuhan Kosmopolitan 1780-an -1880 dalam *Warisan Wilayah Utara Semenanjung Malaysia*, 2012, dalam 111. Lihat juga Za'ba: "Rajin orang Cina" dalam *al-Ikhwān*, 16 September 1926, hlm.72-76 yang mengatakan bahawa Tan Jiak Kim, ahli majlis Perundangan Negeri-Negeri Selat di Singapura yang berjaya mengumpul derma daripada syarikat Cina dan Eropah sebanyak \$100,000 pada 1904 untuk membina King Edward VII Medical College di Singapura yang siap dibina pada 1905. Lihat juga





perhimpunan dan membangunkan beberapa sekolah tempat belajar anak-anak mereka itu di dalam negeri kita.⁶⁷

Keinsafan Kaum Muda memupuk kesedaran kepada orang Melayu terhadap imperialis penjajah berlaku apabila mereka menyedari British tidak memberi perhatian kepada penduduk Melayu terutama yang berada di kampung-kampung. Akhirnya orang Melayu di kampung hidup dalam serba kekurangan dan mundur dalam segenap bidang berbanding orang bandar yang mendapat kemudahan asas yang disediakan oleh British bagi melancarkan kegiatan ekonomi dan sosial mereka. Antara punca utama keadaan ini berlaku kerana sikap orang Melayu itu sendiri di samping British tiada kepentingan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan berkenaan di kampung yang tidak membawa apa-apa keuntungan bagi mereka. Punca berikutnya pula adalah disebabkan

sikap pemerintah Melayu yang dikuasai golongan istana yang tidak memberi perhatian untuk membangunkan sosio-ekonomi penduduk kampung. Mereka selesa dengan kemewahan yang dikecapi tanpa memikirkan masalah rakyat yang menjunjung kedaulatan. Sebahagian daripada golongan ini bukan sahaja tidak mahu membantu pendidikan orang Melayu malah bimbang kepandaian orang Melayu akan mengugat kedudukan mereka. Gambaran tersebut dapat dilihat daripada kenyataan Raja Chulan berikut:

*We have to avoid the mistakes committed in other parts of the world. History has taught us that under-education is not so serious an evil to a country as over-education...The result of such education is encouraging false hopes in youth, giving them ideas beyond their station in life and creating dissatisfied aspirants to government positions.*⁶⁸

⁶⁷Ibid. *Al-Imam*, Jil. II, 12 Julai 1907, hlm. 25-31.

⁶⁸ Proceeding of the Federal Council F.M.S., 8 Oktober 1930, p.B.76. Dipetik daripada Philip Loh Fook Seng, *Seeds of Separatism*, hlm. 118.





Justeru, *al-Imam* yang didominasi oleh Kaum Muda cuba menyedarkan aristokrat Melayu dan orang Melayu itu sendiri agar bangkit memikirkan persoalan bangsa yang dijajah oleh kealpaan diri sendiri disamping dijajah oleh bangsa asing. Hal ini digambarkan oleh *al-Imam* seperti berikut:

Tiada sunyi daripada maharaja dijadikannya Orang Besar kita titian bagi menindas rakyat dan Orang-Orang Besar kita mengganda [kan] lagi daripada suruhnya [raja tadi] yang di atasnya hingga himpit-berhimpit dari atas ke bawah hingga sampai kepada rakyat maka rakyatlah yang menanggung segala tindas [an] itu [.] Maka meminta tolong [mereka] dengan berteriak-teriak tiada siapa yang hendak menolong akan dia.⁶⁹

Al-Imam sering mengkritik sikap orang Melayu di samping pihak British yang mengabaikan kebajikan orang Melayu. Hal ini diakui oleh Khoo Kay Kim bahawa nasionalisme Melayu bermula pada 1906 apabila lahirnya *al-Imam* yang merupakan suara Kaum Muda yang memberi perhatian kepada masalah kepincangan masyarakat Melayu. Kaum Muda bukan hanya mengkritik pihak kolonial tetapi juga kepada orang Melayu dan golongan bangsawan kerana mereka kurang mengambil berat tentang kemunduran masyarakat mereka sendiri.⁷⁰ Za'ba adalah antara tokoh Kaum Muda yang paling lantang mengkritik golongan bangsawan atau aristokrat ini. Beliau dengan berani mengatakan:

Kerajaan tidak mahu orang Melayu celik mata, takut kita merdeheka atau sedar akan kehinaan kita...kerajaan perlu ambil ingat contoh India, beri pelajaran tinggi, tentang kerajaan.⁷¹

⁶⁹ *Al-Imam*, Jil. II, III, "Pelajaran dan Berikatnya dengan Syariat yang Maha Suci".

⁷⁰ Khoo Kay Kim, "Nasionalism Melayu C.1919-1941: Suatu Tatapan Semula", *Jebat*, 28, 2001, hlm. 43-62.

⁷¹ Utusan Melayu 11 Oktober 1919.





Justeru, tidak hairanlah Za'ba sangat memuji Sultan Kelantan apabila pihak istana dan Majlis Agama Islam Kelantan mengambil inisiatif mendirikan Madrasah Muhammadiyah pada 1917 yang moden dengan menggunakan tiga bahasa iaitu bahasa Melayu, Arab dan Inggeris di samping mengajar subjek agama dan bukan agama.⁷²

Al-Imam ini juga terhasil ekoran kesedaran lepasan Timur Tengah untuk mengislahkan pemikiran orang Melayu agar menuntut kemerdekaan dan mendapat hak mereka daripada tangan penjajah. Tidak hairanlah akhbar ini merupakan yang pertama menyeru kepada agenda islah kerana hampir semua yang terlibat dalam penerbitan akhbar ini mempunyai latar belakang pengaruh idea islah di Mesir. *Al-Imam* turut memasukkan unsur-unsur politik di samping memaparkan kepada orang Melayu senario politik yang berlaku di Timur Tengah. Penyiaran ini menimbulkan semangat kesedaran kepada orang Melayu untuk bangkit menentang penjajahan sebagaimana orang Mesir bangkit menentang British. Justeru akhbar ini amat bermakna untuk dijadikan alat sebaran “bagi menyampaikan seru itu kepada segala saudara kita”⁷³

Al-Imam merupakan majalah yang menggerakkan kesedaran kemerdekaan kepada orang Melayu dengan artikel-artikelnya yang tajam menyindir pemerintah dan penjajah British. Kritikan-kritikan terhadap penjajah dapat digambarkan seperti berikut:

Maka inilah setengah siasah ajanib [orang asing], sejahat-jahat siasahlah yang dilakukan di muka bumi ini. Maka patutlah segala bangsa-bangsa umat Timur itu mengambil ibarat dan cemburu yang bersungguh-sungguh pada melepaskan dirinya dari perhambaan yang amat hina yang tiada satu umat pada masa ini mendapat kehinaan yang terlebih daripadanya.⁷⁴

⁷² Utusan Melayu 19 September 1917. Lihat juga Abdullah Alwi Hj. Hassan, “The Development of Islamic Education in Kelantan”, dalam Khoo Kay Kim & Mohd. Fadzil Othman (eds), *Tamadun Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980, hlm. 196-198.

⁷³ *Al-Imam*, Jilid 1, bil. 1, 23.Julai 1906, hlm. 5

⁷⁴ *Al-Imam*, Jilid 1, bil. vi, Januari 1907, hlm. 172.





Justeru, *al-Imam* menyeru umat Islam membebaskan diri daripada belunggu penjajah yang mencengkam kehidupan akibat diperhamba oleh penjajah. Secara halus, *al-Imam* menggambarkan penjajah ini sebagai ajanib atau orang asing supaya British tidak menyedari gerakan yang bangkit untuk menentang mereka. Dalam keluaran Januari 1907 pula, *al-Imam* turut menyeru kepada umat Melayu agar sedar tentang kehinaan bangsa mereka apabila dijajah oleh bangsa British. Seruan tersebut dirakamkan seperti mana petikan berikut:

Hai segala bangsa Timur [!] Tiadakah kita malu dan tiadakah kita terasa hancur luluh hati kita kerana bangsa kita telah diceburkan oleh bangsa ajanib [asing] dalam danau kehinaan?⁷⁵

Al-Imam cuba menyedarkan orang Melayu terhadap kerakusan bangsa penjajah

yang datang membolot kekayaan negeri dan menjadikan bangsa yang dijajah menjadi hina yang diumpamakan sebagai anjing. Di sinilah bermulanya bibit-bibit perjuangan kesedaran kemerdekaan yang dibawa oleh *al-Imam* sejak 1906 lagi untuk menyedarkan masyarakat Melayu agar bangkit daripada lamunan dan bangun menentang penjajah sebagaimana pandangan Syed Syeikh al-Hadi:

Kita serahkan pula kepada mereka itu kemuliaan kita dan hukuman [pemerintahan] kita, dan harta kita dan kemegahan. Maka memada [cukup] kita bahawa jadi kita bagi mereka itu kuli atau khadam seumpama anjing yang menjaga atau kuda yang menanggung.⁷⁶

Selain itu *al-Imam* turut mengingatkan orang Melayu tentang kesan penjajahan dan menyeru agar bersatu untuk mengumpulkan kekuatan bagi menghadapi penjajahan ini dengan menyatakan:

⁷⁵ *Al-Imam*, Jil 1, bil. vi, Januari 1907, hlm. 173.

⁷⁶ *Al-Imam*, Jil. II, I, Julai 1907, hlm. 25.



Maka telah buruklah keadaan dan berbahaya [anak negeri tanah jajahan ini, telah bersedialah serigala [penjajah] itu yang telah diajar untuk menghancurkan mangsanya serta mengawasi gerak-geri mangsa-mangsanya. Maka perlulah kita rakyat tanah jajahan berwaspada dan mengumpulkan kekuatan dan tenaga. Maka jika tidak kita bertolong-tolongan sedang umat [kita] golongan yang kecil maka binasalah kita dan rugi.⁷⁷

Al-Imam turut membangkitkan kesedaran kemerdekaan orang Melayu dengan menyorot sejarah bagaimana negara-negara umat Islam di Timur dijajah. Mereka dihina dengan harta dirampas dan disekat peluang pendidikan untuk kemajuan. Hal ini digambarkan oleh *al-Imam* seperti berikut:

Maka awal masuk bangsa ajanib itu dirampasnya kekuatan harta...jika dapat juga kaya nescaya dicarinya jalan supaya jadi miskin. Keduanya, dirampasnya kekuatan askar hingga tiadalah umat Timur ini berkuasa [mampu] kepada pekerjaan peperangan dan diruntuhnya sebagai runtuh yang amat sukar membangunkan semula... ditutupnya pintu ilmu...supaya orang jangan jadi bijak dan cerdik.⁷⁸

Walau bagaimanapun, *al-Imam* mengkritik penjajah British dengan bahasa yang halus dan sinis kerana pengurusan *al-Imam* sedar apabila mengkritik British secara terbuka, besar kemungkinan British akan mengambil tindakan yang drastik dengan mengharamkan penerbitan majalah berkenaan. Apatah lagi *al-Imam* ini diterbitkan di Singapura, iaitu pusat pentadbiran British di Tanah Melayu. Kecaman secara halus ini dapat dilihat seperti mengumpamakan British tersebut sebagai serigala. Ini dapat digambarkan sebagaimana kenyataan berikut:

Maka telah buruklah keadaan dan berbahaya anak negeri tanah jajahan ini, telah bersedialah serigala [penjajah] itu yang telah diajar untuk menghancurkan mangsanya serta mengawasi gerak-geri mangsa-mangsanya. Maka perlulah kita rakyat tanah jajahan berwaspada dan mengumpulkan kekuatan dan tenaga. Maka

⁷⁷ *Al-Imam*, Jil. I, viii, Mac 1907, hlm. 253.

⁷⁸ *Al-Imam*, Jil. I, vi, Januari 1907, hlm. 169-173.

jika tidak kita bertolong-tolongan sedang umat [kita] golongan yang kecil maka binasalah kita dan rugi.⁷⁹

Bagi British mereka mungkin tidak sedar kecaman tersebut kerana bahasa yang digunakan di dalam akhbar tersebut begitu halus seperti mengumpamakan British itu sebagai bangsa ajnabi (asing) dan menggunakan konotasi haiwan seperti serigala dan anjing. Peranan *al-Imam* dalam konteks memberi kesedaran kepada orang Melayu untuk menentang penjajah boleh dilihat sebagai satu cetusan semangat kesedaran awal untuk orang Melayu bersatu, meningkatkan ilmu pengetahuan, memajukan bidang ekonomi di samping memperkukuh pegangan agama sebelum menuntut kemerdekaan secara total daripada penjajah.

Al-Imam mengecam tindakan British dengan harapan orang Melayu mendapat kesedaran untuk bersatu agar tidak selama-lamanya di bawah telunjuk British. Dalam satu artikel bertajuk “Khitab Azim [Perbincangan Besar], seorang penulis bernama Tengku Othman memberi pandangan bahawa umat Islam tidak boleh berputus asa untuk menuntut kebebasan kerana umat-umat terdahulu beratus-ratus tahun hidup dalam penyeksaan tetapi akhirnya berjaya memperoleh kemerdekaan kerana bermuafakat dan mempunyai ilmu pengetahuan. Hal tersebut dapat digambarkan dalam petikan di bawah:

Adakah boleh putus asa padahal kita masih hidup sentiasa lalu kita di hadapan watan. Adakah boleh kita putus asa padahal kebanyakan tarikh menceritakan ia akan kelakuan segala umat yang hidup ia beratus-ratus tahun dalam seksa pemerintahan orang kemudian berhimpunlah kekuatannya dan menolakkah ia akan keseksaan itu dengan ilmu dan muafakat yang sempurna. Maka mendapatlah ia kemerdekaan dan kebebasan.⁸⁰

⁷⁹ *Al-Imam*, Jil.1, viii, Mac 1907, hlm.253.

⁸⁰ *Al-Imam*, Jil.1, v, November 1906, hlm. 141.



Al-Imam yang diterbit oleh Kaum Muda ini cuba menyedarkan orang Melayu bahawa perjuangan menentang British ini bukanlah sesuatu yang mustahil. British bukanlah bangsa yang tidak boleh ditewaskan. Buktinya *al-Imam* sering menjadikan Jepun sebagai model negara Timur yang berjaya menewaskan Barat. Hal ini yang demikian digambarkan dalam artikel “Sambungan Risalah daripada Makatab” sepertimana dalam petikan berikut:

Tiada syak tuan sekalian pada saya bahawa bangsa sebelah Timur akan bersuka-sukaan pada masa ini dan bersedia-sedia kerana kebangkitan yang besar lebih daripada tapis-tapis yang lalu bahawanya tiap-tiap seorang sebelah Timur akan berkata kepada dirinya dan bagi orang yang di sisinya. Apabila adalah Jepun itu telah naik darjahnya dan kemaraannya maka tidak dapat tiada kita sekalian bangsa sebelah Timur akan naik pula. Kerana barang siapa yang berjalan di atas jalan itu [seperti yang dilalui oleh Jepun] nescaya sampai.⁸¹



Al-Imam ingin memberi cetusan kesedaran kemerdekaan kepada orang Melayu bahawa perjuangan mereka untuk menuntut kemerdekaan itu tidaklah keseorangan. Perjuangan menuntut kemerdekaan itu turut diperjuangkan oleh rakyat India, China, Parsi dan juga di Mesir. Gambaran perjuangan kemerdekaan itu digambarkan oleh seorang pengarang bernama Anon dalam artikelnya yang bertajuk *Lintasan Fikiran di atas Lambungan Ombak dalam Pelayaran ke Jawa* beliau mengatakan:

Sebagai lagi setengah daripada perubahan masa iaitu telah ada gerak kebebasan [kemerdekaan] di India. Dan ada gerak goncang [revolusi] di China. Dan bangkit kehidupan di Parsi. Dan hampir berbuah perusahaan kehidupan di Mesir.⁸²

Kesimpulannya peranan *al-Imam* begitu besar untuk mengerakkan kesedaran bangsa Melayu baik dalam kemajuan kehidupan di dunia dan akhirat. Walaupun usia

⁸¹ *Al-Imam*, Jil. II, ii, 10 Ogos 1907, hlm. 43-44.

⁸² *Al-Imam*, Jil. II, ii, 10 Ogos 1907, hlm. 58-61.





penerbitannya hanya sekitar dua tahun tetapi majalah ini menjadi pencetus awal kesedaran umat Melayu untuk memajukan bangsa seterusnya menuntut kemerdekaan Tanah Melayu daripada penjajahan British. Peranan *al-Imam* dari 1906 hingga 1908 tidak terbatas memberi kesedaran agama dan sosio-ekonomi semata-mata malah turut menggerakkan kesedaran politik dengan melakukan anjakan paradigma masyarakat Melayu agar bangkit menuntut kemerdekaan.

4.3.2 Majalah *Saudara*

Penerbitan Kaum Muda yang paling lama beroperasi di Tanah Melayu adalah majalah *Saudara* (1928-1941) yang diterbitkan di Pulau Pinang selama 13 tahun.

Majalah ini diterbitkan oleh Syed Sheikh Ahmad al-Hadi dengan menggunakan tulisan Jawi. Penggunaan istilah *Saudara* lebih kepada merujuk kepada akhbar *al-Ikhwan* di Mesir yang mempunyai maksud yang sama iaitu *Saudara*. Majalah ini dicetak oleh *Jelutong Press*, Pulau Pinang. *Saudara* muncul di tengah-tengah kepesatan penerbitan akhbar dan majalah yang amat menggalakkan sejak abad ke-19 hingga awal abad ke-20. Kelonggaran undang-undang penerbitan di Negeri-Negeri Selat yang tidak dikawal oleh sultan dan perkembangan kemajuan alat cetak di negeri ini menyuburkan lagi industri penerbitan di Pulau Pinang. Akhirnya Pulau Pinang menjadi pusat kegiatan penerbitan akhbar dan majalah pada pertengahan tahun 1920-an.⁸³

Majalah *Saudara* yang dipelopori oleh Kaum Muda ini turut didukung oleh Abdul Rahim Kajai, Mohd Yunus bin Abdul Hamid, Abdul Wahab bin Abdullah,

⁸³ Siti Rodziah Nyan, *Akhbar Saudara: Pencetus Kesedaran Masyarakat Melayu*, 2009, hlm. 31.



Sheikh Mohd Tahir bin Jalaluddin, Mohd Amin bin Nayan, Abdul Majid Sabil dan Abdullah Hussain.⁸⁴ Antara matlamat majalah berkonsepkan akhbar mingguan ini adalah untuk mencari titik persefahaman antara sesama saudara Islam dan menegakkan syiar Islam dengan membincangkan hal ehwal agama mengikut pembaharuan Islam sebagaimana yang dinyatakan dalam majalah tersebut:

Sebagaimana daripada mula, demikian juga sampai hari ini *Saudara* menamai dirinya dengan *Saudara*. Tujuannya mencari persaudaraan atau “persedaran” di dalam pergaulan yang ramai, serupa haluan, serupa kepercayaan dan serupa kefardhuan atau perjalanan menuju kepada pedoman yang satu. Inilah *Saudara* berkata dan menyeru atas sesuatu yang dirasainya hak itu sama ada dengan jalan ber manis-manis ataupun pada pahit dan lembut atau keras.⁸⁵

Selain itu, dinyatakan juga tujuan penerbitan *Saudara* itu adalah untuk

menyempurnakan kewajipan manusia dalam tuntutan beragama, menjaga kebajikan kaum dan menyeru kepada persaudaran Islam.

Dikeluarkan *Saudara* itu bukanlah sekali-kali kerana menuntut kemegahan atau menzahirkan kepandaian tetapi telah diadakan dia daripada mula wujudnya hanyalah semata-mata kerana menyempurnakan kewajipan manusia yang diseru oleh agama Islam pada beringat-ingat bagi mencapai tiap-tiap kebajikan perhimpunan kaum dan menjaga kaum daripada apa-apa bahaya dan menyeru kepada persaudaraan Islam⁸⁶.

Keupayaan majalah *Saudara* bertahan selama 13 tahun adalah disebabkan majalah ini mempunyai tokoh-tokoh kewartawanan yang berprolifrik dan tidak hairanlah kelangsungan majalah ini bertahan lebih lama berbanding majalah atau akhbar lain yang

⁸⁴ Iskandar Haji Ahmad, *Persuratkhabaran Melayu (1876-1968)*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1973, hlm. 20.

⁸⁵ *Saudara*, 28 September 1929, hlm. 1.

⁸⁶ *Ibid.*,

mati dalam tempoh yang singkat. Hal ini dinyatakan dalam majalah berkenaan seperti berikut:

Semenjak dari keluaran ini alhamdulillah akhbar kita yang dikasihi ini mulai menapak langkahnya ke dalam kawasan usianya yang ketiga belas tahun mutu umur yang tiadalah suatu akhbar yang manapun yang masih hidup di Malaya pada hari ini yang dapat mendahuluinya.⁸⁷

Majalah atau akhbar yang diterbitkan pada 29 September 1928 ini berterusan penerbitannya sehingga tahun 1941. *Saudara* disifatkan sebagai sebuah akhbar yang dikendali oleh pengarang-pengarang yang mampu mencerap permasalahan masyarakat Melayu ketika itu yang dihipit masalah hak dan tanggungjawab perjuangan sebagai warga yang dijajah British. Sebenarnya Syed Syeikh al-Hadi berhasrat menerbitkan akhbar *Saudara* ini sejak di Singapura lagi. Ketika itu beliau bersama-sama Syeikh Tahir Jalaluddin mengendalikan majalah *al-Imam*. Walau bagaimanapun, rancangan menerbitkan *Saudara* terpaksa dibatalkan kerana beliau kekurangan modal dan ketiadaan pengarang yang berkaliber. Apabila rakan baiknya, Haji Abu Bakar telah membantu menubuhkan syarikat pencetakan *The Jelutong Press* pada 1927, hasrat Syed Syeikh al-Hadi untuk menerbitkan *Saudara* tercapai.⁸⁸

Saudara yang diterbitkan secara mingguan pada setiap hari Sabtu berjaya menambah jumlah halaman daripada empat halaman kepada lapan halaman mulai keluaran ke-84 pada 17 Mei 1930 untuk menampung lambakan berita dan surat-surat kiriman pembaca. Pada 1928 pencetakan *Saudara* hanya sekitar 1000 naskhah bagi setiap keluaran. Namun pada 1929 keluarannya bertambah kepada 1500 hingga 1700

⁸⁷ *Saudara*, 2 Oktober 1940, hlm. 10.

⁸⁸ Siti Rodziah Nyan, 2009, hlm. 35.



naskhah. Pada 1930, penerbitannya berkurangan sebanyak 1400 naskhah manakala pada 1931 bertambah kembali sebanyak 1500 naskhah. Permintaan yang turun naik ini bergantung kepada permintaan pembacaan dan komitmen wakil penjual untuk memasarkan majalah ini. Majalah ini turut tersebar ke negeri-negeri lain seperti Sabah, Sarawak, Siam, Indochina, Kalimantan, Thailand Selatan, Jawa, Labuan, Sumatera, Sulawesi, Mesir dan juga kota London.⁸⁹ Dengan tersebarnya *Saudara* ke serata tempat, menunjukkan majalah ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada pembaca-pembaca Melayu di tempat berkenaan. Surat-surat pembaca dan rangkaian berita yang banyak dari negara-negara berkenaan membuktikan majalah ini mendapat liputan yang meluas dari serata dunia Melayu sama ada yang dihantar dengan telegraf, kawat ataupun pemberita sambilan.



Di bawah Rahim Kajai, majalah ini lebih terkehadapan membincangkan masalah kemajuan orang Melayu baik dalam politik, ekonomi dan juga sosial. Walau bagaimanapun Rahim Kajai hanya berkhidmat selama setahun setengah dan berpindah ke Kuala Lumpur menjadi pengarang *Majlis*. Seterusnya Syed Alwi al-Hadi menjadi pengarang *Saudara* hingga 1933 dan diambil alih oleh bapanya, Syed Syeikh al-Hadi sebagai pengarang majalah *Saudara* sehinggalah beliau meninggal dunia pada Februari 1934.⁹⁰

Namun begitu kematiannya tidak menyebabkan *Saudara* juga turut berkubur. Malah *Saudara* terus menggorak langkah. Majalah ini semakin hebat apabila Syeikh Tahir Jalaluddin datang ke Pulau Pinang dan mengambil alih tugas sebagai pengarang

⁸⁹ *Saudara* 7 Jun 1930, hlm. 4.

⁹⁰ Siti Rodziah Nyan, 2009, hlm. 45-46.





Saudara pada Mac 1934 hingga September 1934. Setelah itu Syed Alwi kembali mengendalikan *Saudara* pada Oktober 1934. Beliau meletak jawatan sebagai pengarang *Warta Malaya* dan mengambilalih jawatan tersebut setelah Syeikh Tahir Jalaluddin ingin berehat. *Saudara* kembali utuh apabila Mohd Yunus Abdul Hamid kembali menjadi pengarang *Saudara*. Syed Alwi pula menyediakan lebih banyak ruang untuk pembaca berkarya seperti mewujudkan “Halaman Kanak-Kanak” pada 15 April 1934 dan telah menukarnya kepada “Halaman Sahabat Pena” apabila ruangan ini turut mendapat tempat daripada golongan muda mudi. Hal ini disiarkan dalam majalah *Saudara* seperti berikut:

Sekarang dengan kasihan belas Tuan Syed Alwi diluaskan lagi membuka “Halaman Kanak-Kanak” ini dan digantikan dengan nama “Halaman Sahabat Pena” supaya dapat dimasukkan segala karangan-karangan dari pemuda-pemuda dan buah fikiran yang berguna yang mana kita sedia menantikan itu.⁹¹



Pada 26 September 1934, sempena ulang tahunnya yang ke-enam, ruangan “Persaudaraan Sahabat Pena Malaya” diwujudkan untuk menggalakkan penulisan dan menimbulkan kesedaran kepada orang Melayu di samping untuk melariskan jualan akhbar berkenaan. *Straits Settlements British* juga memantau penubuhan “Persaudaraan Sahabat Pena Malaya”, iaitu sebuah persatuan yang ditubuhkan bertujuan merapatkan ikatan persaudaraan, serta menggalakkan minat membaca dalam kalangan orang Melayu, sekaligus dapat meningkatkan lagi penjualan majalah *Saudara*. Sokongan dan sambutan hangat yang diberikan oleh pembaca terhadap penubuhan Sahabat Pena telah menimbulkan perasaan curiga British. Lanjutan daripada itu, aktiviti mereka sentiasa dipantau oleh Polis Cawangan Khas.⁹²

⁹¹ *Saudara*, 3 Oktober 1934, hlm. 8.

⁹² *Straits Settlements Police Special Branch Report for the Year 1935, dalam CO 273/616/8, Annual Police Reports, 1934 and 1935, Confidential Appendices and Reports of Special Branch.*





Saudara banyak menyiarkan rencana yang menyokong pembaharuan Islam mengikut aliran Kaum Muda sama ada berkisar persoalan politik, ekonomi ataupun sosial orang Melayu. Antara penulis yang banyak menghantar karya berkaitan dengan kemajuan orang Melayu ialah Syed Syeikh al-Hadi, Syed Alwi, Rahim Kajai. Syed Syeikh al-Hadi misalnya menulis rencana tentang “Seruan Anak Bumi kepada Orang Besar-Besar dan Ketua Agama Islam” secara bersiri.⁹³ Begitu juga rencana tentang “Istiadat Kahwin Umat Melayu” dan “Adakah Istiadat Kahwin ini Patut Menerima Perubahan?”⁹⁴ Syed Alwi dengan rencananya yang berjudul “Racun Kehidupan”⁹⁵ dan “Pergerakan Bekerja Sama” yang disiarkan secara bersiri pada 3 November 1930. Rahim Kajai juga telah menulis rencana bertajuk “Pelajaran British di Sekolah Melayu” dalam keluaran 7 Mac 1931 dan rencana bertajuk “Rintisan Fikiran Atas Perjalanan Pelajaran Anak-Anak Melayu di Sekolah Melayu” dalam keluaran 21 Mac 1931. Tema perbincangan akhbar ini berkisar kepada persoalan keagamaan, pendidikan dan kebudayaan.

Sekitar tahun 1920-an hingga 1930-an, persoalan politik, ekonomi dan sosial yang berkaitan dengan orang Melayu turut dititikberatkan oleh pengarang akhbar ini. Akhbar ini turut melaporkan perkembangan gerakan Islah di Asia Barat dengan harapan minda masyarakat Melayu terbuka menerima pembaharuan Islam dalam kehidupan mereka seperti memberikan hak yang sewajarnya kepada kaum wanita dalam pelajaran, kerjaya, keadilan sosial dan menghindari amalan khurafat dan bidaah dalam masyarakat Melayu. Akhbar *Saudara* sangat serius membincangkan persoalan bidaah ataupun amalan khurafat dalam masyarakat Melayu. Persoalan-persoalan agama seperti talkin,

⁹³ *Saudara* 13hb, 20hb dan 27hb Oktober 1928.

⁹⁴ *Saudara* 22hb November 1930.

⁹⁵ *Saudara* 20hb Oktober; 27hb Oktober 1928.





tahlil, lafaz usalli, taklid buta terhadap sesuatu amalan tanpa bersandarkan kepada dalil yang sahih menjadi isu yang disiarkan dalam akhbar *Saudara*. Persoalan agama yang disiarkan oleh *Saudara* ditentang hebat oleh akhbar yang mewakili Kaum Tua iaitu *Lidah Benar*. Akhbar ini menyokong gagasan yang dibawa oleh Kaum Tua yang digelar oleh majalah *Saudara* sebagai lebai-lebai pondok.⁹⁶

Polemik antara *Saudara* dan *Lidah Benar* berkisar antara pandangan golongan Kaum Muda dan Tua. Para pembaca pula diberi ruangan *correspondence* dalam majalah *Saudara* untuk menyertai polemik itu di dalam akhbar berkenaan. Dalam rencana “*Lidah Benar Berang*” dalam majalah *Saudara* mengkritik akhbar *Lidah Benar* kerana sebahagian besar isi kandungan akhbar berkenaan sarat dengan makian dan kata-kata yang tercela yang ditujukan kepada pengarang *Saudara*.⁹⁷ *Majalah Jasa*⁹⁸ yang diterbitkan di Johor Baharu pada 29 November 1927 telah mengatakan “peperangan” antara kedua-dua akhbar ini berpanjangan dari bulan Oktober 1929 hingga November 1929 dan belum berhenti “masing-masing menggunakan peluru senapangnya dan sedia hendak memusingkan mesingannya.”⁹⁹

Polemik antara *Saudara* dengan *Lidah Benar* turut mengheret akhbar-akhbar lain untuk memihak kepada Kaum Muda dan Tua. *Suara Benar* dan *Panduan* menyokong kuat pergerakan Kaum Tua. Manakala *al-Ikhwan*, *Idaran Zaman* dan *Semangat Islam* menyokong Kaum Muda yang melopori akhbar *Saudara*. Jika diteliti peranan akhbar *Saudara* lebih membangkitkan kesedaran keagamaan dan sosio-

⁹⁶ *Saudara* 27 April 1929, hlm. 1.

⁹⁷ *Saudara*, 1 November 1930, hlm. 7.

⁹⁸ Majalah agama ini diterbitkan di Madrasah al-Atas di Johor Bahru oleh Syed Zain Hassan al-Atas.

⁹⁹ *Jasa* 8 Disember 1929, hlm. 24-26.





ekonomi orang Melayu berbanding membangkitkan kesedaran menuntut kemerdekaan daripada British. Ini tidaklah bermakna *Saudara* tidak mempedulikan nasib politik orang Melayu tetapi sebaliknya peranan akhbar *Saudara* ini dalam menggerak kesedaran kemerdekaan adalah lebih tertumpu untuk memerdekakan anak watan daripada belenggu kebanjiran ‘penjajahan’ baru dengan kehadiran imigran Cina yang mendominasi kegiatan ekonomi dan mereka menuntut hak yang sama rata daripada British.

Selain imigran Cina, imigran India turut menuntut hak bekerja dalam *Malayan Civil Service*, pemberian biasiswa, penambahan bilangan pelajar India di sekolah Inggeris dan pembatalan undang-undang buang negeri tanpa bicara.¹⁰⁰ Bagi akhbar *Saudara*, memerdekakan orang Melayu daripada belenggu kemiskinan, kekurangan pendidikan, ketinggalan dalam bidang ekonomi dan menentang tuntutan-tuntutan imigran asing adalah menjadi lebih prioriti berbanding perjuangan menuntut kemerdekaan daripada British yang ketika itu mempunyai sumber kedudukan yang lebih baik dalam pelbagai aspek terutamanya teknologi ketenteraan.

Akhbar *Saudara* melihat kedudukan orang Melayu akan tergugat ekoran imigran asing yang bertapak sejak awal abad ke-18 lagi dan kedatangan mereka semakin ramai dari tahun ke tahun. Di sesetengah tempat, imigran ini mengatasi bilangan penduduk Melayu. Mereka ini bukan sahaja berjaya menguasai kedudukan ekonomi yang produktif seperti dalam industri perlombongan dan perniagaan malah mereka berjaya meyakinkan British untuk terlibat sama dalam pentadbiran di Tanah

¹⁰⁰ *Saudara* bil. 132, 25 Disember 1931.





Melayu. Ini terbukti apabila mereka ini berjaya menguasai kerusi-kerusi perwakilan dalam Majlis Perundangan Negeri-Negeri Selat, Majlis Mesyuarat Negeri-Negeri Melayu Bersekutu dan Majlis Mesyuarat Persekutuan.

Setelah mendapat tempat dalam perwakilan berkenaan, golongan imigran ini berjaya menyuarkan hak dan kepentingan bangsa mereka dalam Majlis Perundangan Persekutuan dan Majlis Perundangan Negeri-Negeri Selat.¹⁰¹

Wakil-wakil Cina yang lantang menyatakan hasrat mereka dalam Majlis Perundangan Persekutuan adalah seperti Choo Kia Pheng, Cheah Cheng Lim, San Ah Wing dan Lai Tet Loke. Manakala dalam Majlis Perundangan Negeri-Negeri Selat pula adalah seperti Tan Cheng Lock dan Lim Cheng Yan merupakan antara wakil Cina yang aktif bersuara.¹⁰² Penghujung tahun 1920-an dan awal tahun 1930-an memperlihatkan kelantangan suara masyarakat Cina untuk menuntut hak yang sama dengan orang Melayu dalam pemerintahan dan pentadbiran negara.¹⁰³ Mereka mendakwa orang Cina banyak berjasa dan memberikan kemakmuran kepada Tanah Melayu.¹⁰⁴

Antara yang menjadi tuntutan imigran ini di Tanah Melayu adalah seperti mengisi jawatan-jawatan penting dalam pentadbiran negeri-negeri Melayu (*Malayan Civil Service*), peluang membuka dan mengerjakan tanah-tanah sawah dan diberi hak

¹⁰¹ Abdul Latif Abu Bakar, 'Akhbar Melayu dan Penubuhan Persatuan-Persatuan Negeri Melayu, 1926-1941', *Malaysia Dari Segi Sejarah*, no 9, 1980, hlm. 92.

¹⁰² Abdul Latiff Abu Bakar, 'Akhbar, Desentralisasi dan Persatuan Negeri Melayu', dlm. Khoo Kay Kim, *Sejarah Masyarakat Melayu Moden*, Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, 1985, hlm. 137.

¹⁰³ *Ibid.*, hlm. 264.

¹⁰⁴ Abdul Latif Abu Bakar, 'Peranan Penulisan Dalam Gerakan Kebangsaan' dlm. *Melaka dan Arus Gerakan Kebangsaan Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1996, hlm. 103.



yang sama seperti yang dinikmati oleh orang Melayu.¹⁰⁵ Kebanjiran imigran Cina ke Tanah Melayu turut meresahkan aktivis Kaum Muda. Di sesetengah negeri, bilangan mereka melebihi penduduk Melayu. Jadual berikut menunjukkan bilangan peratusan imigran Cina dan Melayu di Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu.

Jadual 4.1

*Peratusan Penduduk Cina di Tanah Melayu pada 1920*¹⁰⁶

Negeri	Jumlah Penduduk	Cina
Negeri-Negeri Selat	1,114,000	59%
Negeri-Negeri Melayu Bersekutu	1,707,000	41%
Negeri-Negeri Tidak Bersekutu	1,695,000	27%

Daripada jadual di atas, secara keseluruhan menunjukkan bilangan peratusan penduduk imigran Cina yang melebihi orang Melayu di Tanah Melayu kecuali di Negeri-Negeri Tidak Bersekutu. Di Negeri-Negeri Selat lebih ketara apabila orang Cina menjadi penduduk majoriti iaitu 59% daripada jumlah keseluruhan penduduk di negeri-negeri Selat yang ketika itu sebanyak 1,114,00 orang. Jumlah penduduk Cina seramai 657,260 orang tersebut sudah tentu menguasai pelbagai sektor ekonomi di Negeri-Negeri Selat. Manakala di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, orang Cina juga menguasai 41% daripada 1,707,000 orang iaitu seramai 699,870 orang daripada jumlah keseluruhan penduduk ketika itu. Hal ini sudah tentu mengusarkan aktivis Kaum Muda yang mempunyai kesedaran yang lebih utama iaitu untuk memerdekakan Tanah Melayu

¹⁰⁵ *Saudara*, bil.67, hlm 132, 11 Januari 1930.

¹⁰⁶ Sumber dipetik dan disesuaikan daripada Mayhew, A. 1938. *Education in the Colonial Empire*. London: Longmans and Co, hlm. 204.



daripada monopoli imigran asing berbanding memerdekakan tanah air daripada belunggu penjajahan British. Justeru, akhbar *Saudara* cuba menghangatkan isu kebanjiran imigran asing yang datang ke Tanah Melayu ini kerana mereka berjaya mendapat tempat dalam pelbagai bidang termasuk ekonomi, politik dan sosial dengan harapan orang Melayu akan sedar tentang kedudukan mereka yang semakin ketinggalan dalam pelbagai aspek kehidupan.

Untuk itu *Saudara* menyeru orang Melayu bersatu dahulu membela bangsa sebelum mampu menuntut kemerdekaan daripada British. Hal yang demikian dapat dilihat dalam perenggan di bawah ini:

Jika sekarang perkumpulan orang-orang Melayu itu telah mahu menjaga kefarduan (keperluan) pihaknya sendiri dan jika telah sampai masanya akan bermesyuarat dan berunding bersama-sama bagi kefarduan amnya, maka tiadalah lain yang lebih mustahak melainkan inilah suatu hal yang patut mereka memperdengarkan suara dan permintaan beramai-ramai akan menyokong jawapan kerajaan supaya jawatan pemerintahan negeri-negeri ini hanyalah yang berhak bagi orang-orang British dan orang-orang Melayu negerinya belaka.¹⁰⁷

Justeru, *Saudara* mencadangkan penubuhan kesatuan peringkat negeri dan akhirnya bergabung di bawah satu Kesatuan Melayu Semenanjung (KMS). *Saudara* mencadangkan agar KMS:

1. Menyatakan ketaatan kepada sekalian Raja-Raja Melayu, Kerajaan British dan raja British,
2. Mengemukakan fikiran dan perasaan bangsa Melayu berkenaan dengan negerinya supaya diterajui oleh kerajaan dan sekalian orang ramai yang mendiami Tanah Melayu,

¹⁰⁷ *Saudara*, bil. 67, 11 Januari 1930.





3. Memajukan perusahaan, perniagaan dan pekerjaan anak Melayu,
4. Memajukan pelajaran anak-anak Melayu.¹⁰⁸

Daripada cadangan saranan di atas, jelas menunjukkan *Saudara* sangat menitikberatkan persoalan berkaitan perjuangan hak dan kepentingan orang Melayu dalam hal yang melibatkan kedudukan mereka dalam politik, ekonomi dan sosial. Perjuangan *Saudara* memerdekakan hak dan kedudukan daripada dibolot oleh imigran asing menjadi keutamaan daripada memerdekakan Tanah Melayu daripada British kerana apalah ertinya kemerdekaan kepada bangsa Melayu jika hak dan kedudukan mereka terancam di bumi sendiri. *Saudara* dilihat juga tidak mahu secara jelas berkonfrontasi dengan British kerana persetujuan ini tidak akan menguntungkan orang Melayu. Akhirnya dibimbangi British tidak akan melayan tuntutan orang Melayu dalam bidang politik, ekonomi dan sosial. Berkonfrontasi dengan British hanya akan menguntungkan imigran asing yang berjaya menggunakan saluran diplomasi untuk mendapatkan kepentingan mereka.

Walaupun peranan *Saudara* tidak begitu lantang mengerakkan kesedaran menuntut kemerdekaan di Tanah Melayu tetapi secara tidak langsung akhbar ini berjaya menyuntik semangat kesedaran bangsa Melayu untuk menjaga kepentingan mereka sendiri terutama dalam hal ehwal pendidikan, ekonomi dan kesedaran dengan menubuhkan Kesatuan Melayu Semenanjung yang akhirnya berjaya menggerakkan kesedaran berpolitik menuntut kemerdekaan. Kesannya anak-anak muda Melayu yang berpendidikan dan berpersatuan ini akhirnya sedar tentang kepentingan

¹⁰⁸ *Saudara*, bil. 132, 25 April 1931.





memperjuangkan hak bangsa yang diabaikan oleh British. Golongan inilah akhirnya menggerakkan kesedaran kemerdekaan melalui penubuhan parti-parti politik yang menggugat kedudukan British di Tanah Melayu.

Namun begitu peranan akhbar *Saudara* ini akhirnya berkubur pada 1941 apabila Jepun menjajah Tanah Melayu. Walaupun berkubur tetapi sumbangan akhbar ini sangat besar untuk melestarikan firkah Kaum Muda demi menyedarkan orang Melayu agar bangun daripada kelalaian bagi menuju kemajuan. Pengaruh akhbar ini amat besar dalam masyarakat Melayu kerana akhbar ini didukung oleh pengarang-pengarang yang hebat dengan idea-idea reformis, sumber kewangan yang kukuh dan isu-isu yang diketengahkan bersifat nasional dan menyentuh masalah umat Islam dalam politik, ekonomi dan sosial. Hasilnya benih-benih kesedaran kemerdekaan tersebut tumbuh subur dengan wujudnya parti-parti politik yang dipimpin oleh tokoh-tokoh Kaum Muda menjelang kemerdekaan Tanah Melayu.

4.4 Kegiatan Pendidikan Kaum Muda

Satu lagi pendekatan Kaum Muda untuk mengislahkan masyarakat adalah dengan mereformasikan sistem pendidikan. Sistem madrasah ini diilhamkan oleh Kaum Muda yang turut mendapat inspirasi daripada Timur Tengah dengan mencontohi Jame' al Azhar, Mesir.¹⁰⁹ Melalui kesedaran dan usaha gigih golongan Kaum Muda ini, mereka

¹⁰⁹Abu Bakar al-Bakir, "Pendidikan dan Pelajaran agama Islam sebelum merdeka". Kertas Kerja Seminar ME 405, *Tokoh-Tokoh Malaysia*, Anjuran Jabatan Sejarah, UKM, 18 Sep 1973.





melangkah setapak lagi dengan menunjukkan iltizam menubuhkan sistem pendidikan madrasah untuk menambah baik peranan yang dimainkan oleh institusi pondok. Sistem madrasah yang dipelopori oleh reformis Kaum Muda ini merupakan satu anjakan paradigma yang dianggap oleh W.R. Roff sebagai:

*It is in fact in the field of the new education that the immediate impact of the reformist group clearly seen, booth in its encouragement of school of more ambitious and elaborate kind than had hitherto existed and in the formulation of a system of education which, ideally, would take account of the need not only for purified Islam but for modern secular knowledge as well.*¹¹⁰

Di Tanah Melayu, madrasah Kaum Muda yang pertama sekali didirikan ialah Madrasah al-Iqbal al-Islamiyyah yang ditubuhkan pada 21 November 1907 di bawah naungan Raja Haji Ali.¹¹¹ Di Melaka pula, Syed Syeikh al-Hadi menubuhkan Madrasah al-Hadi pada 1917 dan beliau turut bersama-sama membangunkan Madrasah al-Mashoor al-Islamiyyah di Pulau Pinang pada 1919. Di Perak juga gerakan Kaum Muda dalam bidang pendidikan terus berkembang. Ustaz Abu Bakar al-Baqir menubuhkan Maahad al-Ehya Asshariff di Gunung Semanggol pada 15 April 1934.

Sejak aliran Kaum Muda ini bertapak di Tanah Melayu, mereka mendominasi perjalanan pengurusan madrasah ini. Sebahagian besar guru-gurunya didatangkan dari Mesir, India dan juga lepasan Madrasah Muhammadiyah di Indonesia yang merupakan tempat yang subur dengan perkembangan islah dan kegiatan kesedaran kemerdekaan di negara-negara berkenaan. Misalnya di Maahad al-Ehya Asshariff yang diasas oleh Ustaz Abu Bakar al-Baqir mengumpulkan sebahagian besar tenaga pengajar dari

¹¹⁰ W.R.Roff, hlm. 66.

¹¹¹ Abdullah Alwi Haji Hassan, 'Islam di Singapura: Satu Pengenalan', dlm. *Islamika 1*, Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise, 1981), hlm. 164-165.



negara-negara berkenaan. Dari institusi inilah munculnya Hizbul Muslimin (HM), parti politik Islam yang pertama di Tanah Melayu.¹¹² Daripada rentetan inilah, Kaum Muda bergerak aktif menuntut kemerdekaan daripada tangan penjajah sehingga tertubuhnya Parti Islam Se-Malaysia (PAS) yang diasas oleh Ustaz Fuad Hassan, bekas pelajar Maahad al-Ehya Asshariff.

Kewujudan banyak madrasah di Tanah Melayu membawa kesan yang besar dalam mempengaruhi semangat kesedaran kemerdekaan para pelajar dan penduduk sekitarnya dengan tertubuhnya parti-parti politik yang mewarnai perjuangan kemerdekaan tanah air sebagaimana Parti Melayu Perak.¹¹³ Di Perak, madrasah yang turut didirikan oleh Kaum Muda adalah seperti di Madrasah ad-Diniah di Padang Rengas, Madrasah al Ulum al-Syariah di Bagan Datok dan Madrasah al-Akhlak al-Islamiah di Bagan Serai. Selain menjadi tempat pertemuan pimpinan parti politik, madrasah Kaum Muda juga menjadi pusat latihan untuk merekrut dan melatih anggota API dan AWAS menembak sebagaimana dilakukan di Madrasah ad-Diniah Padang Rengas. Pada peringkat awal, pendidikan madrasah di Tanah Melayu hanya bertujuan untuk memberi pendidikan agama yang seimbang dengan pendekatan yang lebih moden sebagaimana penubuhan Maahad al-Ehya Assariff. Perkembangan pendidikan madrasah yang terlibat dalam politik secara agresif ini hanya berlaku sekitar 30-an.

Walaupun kewujudan madrasah membangkitkan kesedaran semangat nasionalisme dalam masyarakat Melayu namun perbezaan pemikiran antara Kaum

¹¹² Lihat Nabir Haji Abdullah, *Maahad Il-Ihya Assyariff Gunung Semanggol 1934-1959*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1976, hlm. 34-35 dan hlm. 67-69.

¹¹³ Buyong Adil. *Perjuangan Orang Melayu Menentang Penjajahan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka 1983, hlm. 245.



Muda dan Kaum Tua menimbulkan konflik dalam masyarakat hingga berlaku pertembungan antara firkah dalam menyampaikan ajaran Islam itu.¹¹⁴ Kaum Tua menggunakan pondok untuk mengukuhkan pengaruh mereka. Manakala Kaum Muda menggunakan madrasah sebagai medan meluaskan pemikiran islah mereka dan menanam semangat keagamaan untuk menggerakkan kesedaran kemerdekaan. Sekitar awal abad ke-20, banyak madrasah muncul di serata Tanah Melayu. Buktinya dalam akhbar *Neracha* terbitan Ogos 1913 menyebut di Perak sahaja, berpuluh-puluh madrasah beroperasi dan sedang menghasilkan bakal-bakal guru dan pegawai agama.¹¹⁵

Madrasah yang paling menonjol menggerakkan kesedaran kemerdekaan di Tanah Melayu adalah Maahad al-Ehya Asshariff. Ketika Maahad al-Ehya Asshariff didirikan, bukanlah permulaan kepada penubuhan sekolah agama rakyat, sebaliknya telah bercambah sekolah-sekolah lain juga.¹¹⁶ Penubuhan Maahad al-Ehya Asshariff pada 1934 di Gunung Semanggol bermula apabila timbul kesedaran penduduk yang kuat berpegang kepada agama. Terdapat kelas-kelas tidak formal seperti al-Quran, hadis, tafsir, doa serta amal ibadat berasaskan sistem pondok al-Rahmaniah. Setelah Pondok al-Rahmaniah beroperasi lebih 10 tahun, kesedaran untuk membina madrasah yang lebih maju diusulkan oleh Ustaz Abu Bakar al-Bakir bin Said.

Masyarakat sekitar yang mendapat kesedaran yang baik daripada pondok tersebut mula menyokong penubuhan madrasah ini. Mereka turut mendapat ilmu hasil pendedahan melalui bacaan daripada akhbar dan majalah yang mudah diperoleh dari

¹¹⁴ CO 537/1582/136697 *Secret HQ Malaya Command, Weekly Intelligence Review* No.36.Malay Nationalist Party, 4. dan Review No. 39.Appendix D.

¹¹⁵ W.R.Roff, *The Origins of Malay Nationalism*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press. 1967.

¹¹⁶ Nabir Hj Abdullah, *Maahad Il Ihya As-Syariff Gunung Semanggol, 1934-1959*, Kuala Lumpur: Percetakan Khee Meng, 1976, hlm. 11.



Pulau Pinang. Antara akhbar yang terbit dan mendapat tempat dalam masyarakat ialah *Sahabat*, *Saudara* dan juga *Siasat*.¹¹⁷ Akhbar ini juga turut menyentuh polemik agama antara Kaum Tua dan Muda. Masyarakat sekitar mengikuti polemik ini dengan tekun dan minat. Mereka meneliti pergolakan ini dan sering mengemukakan persoalan kepada Ustaz Abdul Rahman selaku mudir pondok berkenaan. Oleh sebab mereka selalu melakukan perbincangan tentang kedua-dua aliran ini, masyarakat kampung dapat memahami kedua-dua pihak yang bertikaian dan dapat mengelak daripada terjerumus kepada pertikaian tersebut.

Penduduk Gunung Semanggol semakin menyedari keperluan untuk mendapat pendidikan yang lebih sempurna selain daripada keperluan agama dan urusan dunia mereka. Sekolah Melayu ketika itu tidak mampu memenuhi keperluan pendidikan kerana hanya beroperasi di peringkat rendah sahaja. Malah British sememangnya tidak bercita-cita untuk memberi pendidikan yang holistik kepada anak Melayu. Hal ini dapat dilihat daripada kenyataan berikut:

*The aim of the government is not to turn out a few well educated youths, rather is to improve the bulk of the people and to make the sons of the fisherman or peasant a more intelligent fisherman or peasant than his father had whose education will enable him to understand how his own lot in life fits in with the scheme of life around him.*¹¹⁸

Memandangkan British hanya ingin menjadikan anak Melayu itu hanya menjadi nelayan atau petani yang lebih baik daripada bapa mereka, makan sekolah yang didirikan oleh mereka untuk anak Melayu adalah sekadar ala kadar sahaja. Tiada

¹¹⁷*Ibid.*, hlm. 31.

¹¹⁸ Lihat *Chief Secretary's Report, F.M.S. 1920* (George Maxwell), dipetik daripada Philip Loh Fook Seng, *Seeds of Separatism*, hlm. 29.



kemudahan yang mencukupi seperti perpustakaan, peralatan mengajar, bilik kelas yang tidak diasingkan dengan guru yang tidak mencukupi dan tidak terlatih.¹¹⁹ Manakala sekolah Inggeris sangat berkurangan iaitu hanya terdapat di Bagan Serai dan Taiping sahaja. Ibu bapa juga tidak menggalakkan anak-anak mereka ke sekolah ini kerana masih risau kepada pengaruh agama Kristian. Justeru, untuk memenuhi keperluan tersebut, sebuah sekolah yang lebih sempurna haruslah dibina. Kejayaan Dairatul Maarit ul-Wataniah Kepala Batas, Madrasah al-Mashoor, Madrasah al-Huda, Madrasah ad-Diniah di Padang Lalang menimbulkan semangat kepada penduduk Gunung Semanggol untuk memiliki madrasah yang serupa bagi memenuhi tuntutan pendidikan peringkat sekolah rendah dan menengah.



Kesedaran ini memberi ilham kepada Ustaz Abu Bakar al-Baqir untuk menubuhkan Maahad al-Ehya Asshariff. Akhirnya lahirlah Maahad al-Ehya Asshariff pada 15 April 1934 bersamaan dengan 1hb Muharam 1353 yang di terletak di hadapan Masjid Bukit Putus, Gunung Semanggol. Nama al-Ehya Assyariff dipersetujui ramai atas syor yang disampaikan oleh Ustaz Abu Bakar al-Baqir kepada bapa mertuanya. Al-Ehya Assyariff membawa erti ‘menghidupkan kemuliaan’ terutamanya dalam soal agama. Maahad al-Ehya Asshariff merupakan pengajian madrasah untuk memajukan pengajian anak-anak tempatan. Apabila lahirnya madrasah ini maka sistem Pondok al-Rahmaniah tidak digunapakai lagi. Walau bagaimanapun atas permintaan ramai daripada pelajar-pelajar al-Ehya Assyariff yang pernah belajar dari pondok al-Rahmaniah, beberapa ilmu yang pernah diajar di pondok itu dimasukkan ke dalam sistem persekolahan Maahad al-Ehya Asshariff.¹²⁰

¹¹⁹ Lihat Utusan Melayu 12 Oktober 1917.

¹²⁰ Nabir Hj Abdullah, *Maahad Il Ihya As-Syariff Gunung Semanggol 1934-1959*. 1976, hlm. 37-38.





Selama ini melalui sistem pondok, penawaran mata pelajaran hanya berasaskan ilmu keagamaan semata-mata. Sistem pondok tiada had umur, tidak ada peperiksaan dan ketentuan kelas. Pendidikan pondok berdasarkan taklid dan hafalan. Pelajar-pelajar akan diberi kitab tertentu untuk dihafal. Sebelum pembaharuan ini, pelajaran yang disampaikan di sekolah pondok hanyalah berkisar kepada subjek Tauhid, Fiqh, Tasauf, Quran, Wirid, Nahu, Arab, Saraf, Sastera Arab, Usl Fiqh dan Tarikat Islam sahaja. Kesemua subjek ini memberi keteguhan agama kepada penuntutnya untuk membolehkan mereka menjadi ulama yang berwibawa. Kebolehan ini menyebabkan mereka layak menjadi bilal, kadi, ustaz, ketua kampung atau pun penghulu.¹²¹ Berbeza dengan madrasah yang agak terkehadapan walaupun madrasah juga merupakan “*extension of the pondok system is to fit man to lead a moral religious life*”.¹²²



Melalui reformasi pendidikan ini, Maahad al-Ehya Asshariff menawarkan pendidikan yang lebih bersepadu. Antara penawaran mata pelajarannya adalah seperti bahasa Inggeris, geografi, matematik, pertukangan kayu, kesenian dan pekerjaan tangan. Guru-gurunya pula bukan sahaja dalam kalangan ustaz dan ustazah tetapi meliputi juga dalam bidang-bidang lain daripada pelbagai institusi pendidikan. Jadual 4.2 berikut menunjukkan senarai guru yang mengajar di Maahad al-Ehya Asshariff yang mengajar subjek bukan aliran agama dari tahun 1952 hingga 1959.

¹²¹ Yeop A. Hamid, Semangat Nasionalisme Dari sekolah Rakyat”, *Mastika*, penerbitan Utusan Melayu, Kuala Lumpur. Bil 8 tahun ke-31, Ogos 1971. Hlm. 14

¹²² Abdullah Tain. “The Place of Islamic Religious Education in Malay Society”, Kertas Kerja yang dibentangkan dalam *Seminar Pusat Pengajian Sejarah Tenggara Asia di UKM* pada 2 Nov 1972.



*Jadual 4.2**Guru Maahad al-Ehya Assyariff Bukan Aliran Agama dari 1952-1959*¹²³

Nama Guru	Negeri/ Negara	Kelulusan
Mr. Muhd. Yusuf Shariff	Perak	Anglo-Chinese School, Parit Buntar
Mr. Muhd. Nur Yahaya	Perak	King Edward VII, Taiping
Mr Khalid Baki	Perak	Clifford School, Kuala Kangsar
Teh Zaleha	Perak	Clifford School, Kuala Kangsar
Mr Ahmad Said	Perak	Clifford School, Kuala Kangsar
Mr.Hasbullah Muhd. Nur	Perak	Ipoh Tutorial Institution
Mr Sahar Abu Bakar	Perak	Ipoh Tutorial Institution
Rafah Hj. Mahmud	Perak	Borneo Tailoring, Singapura
Sutan Syarifuddin	Indonesia	Keluaran Pendidikan Nasional (Shafie Kayu Tanam) dan Akademi Jawa



Daripada jadual di atas menunjukkan kepelbagaian latar belakang kelulusan guru yang mengajar di maahad berkenaan seperti bidang pertukangan, kesenian, kesusasteraan melayu, matematik dan bahasa Inggeris. Kepelbagaian subjek yang diajar di maahad ini menunjukkan satu reformasi pendidikan yang dibawa oleh sistem madrasah yang diperkenalkan oleh Kaum Muda. Ini berbeza dengan sistem pendidikan pondok yang hanya tertumpu kepada aliran agama semata-mata. Kepelbagaian subjek yang diajar di maahad tersebut menyediakan satu pakej pembelajaran yang seimbang dan mampu berdayang saing dengan sekolah aliran kebangsaan ataupun Inggeris

¹²³ Jadual dipetik dan diubahsuai daripada Nabir Abdullah, 1976: hlm. 290-291.





apabila subjek-subjek yang diajar di sekolah Inggeris turut diperkenalkan di maahad ini seperti pertukangan dan bahasa Inggeris. Antara guru yang mengajar subjek bahasa Inggeris pada masa tersebut ialah Encik Khalid Baki. Manakala Encik Sutan Syarifuddin dari Indonesia pula mengajar pertukangan di Maahad al-Ehya Asshariff.¹²⁴

Jawatan mudir Maahad al-Ehya Asshariff pada mulanya hendak diberi kepada abang Ustaz Abu Bakar al-Baqir, iaitu Ustaz Muhaiyuddin yang berkelulusan dari Mekah dan sedang menjadi guru di Dairatul Maarif Wataniah. Namun begitu, memandangkan beliau tidak dapat meninggalkan madrasah itu, maka Ustaz Abu Bakar al-Bakir dilantik sebagai mudir pertama.¹²⁵ Kaum Muda menggalakkan penubuhan

madrasah-madrasah yang lebih berdaya saing seperti mengintegrasikan pendidikan moden dan memberi peluang pendidikan kepada pelajar perempuan dan Ustaz Abu

Bakar al-Baqir merupakan kelompok Kaum Muda yang menyahut cabaran berkenaan.

Usaha beliau mendapat galakan daripada Syeikh Abdullah Fahim yang merupakan ulama yang memahami pengertian dan pendidikan sebenar kerana beliau turut merasai perjuangan reformasi Islam sewaktu menuntut di Universiti Al-Azhar dan Mekahtul Mukarramah. Sungguhpun beliau tidak dilihat sebagai kelompok Kaum Muda tetapi beliau amat menggalakkan penubuhan Maahad al-Ehya Asshariff yang menjadi tempat tumpuan guru-guru islah.

Pengaruh Kaum Muda di institusi madrasah kerana peranan tenaga pengajarnya.

Guru-gurunya yang pernah berkhidmat di Maahad al-Ehya Asshariff adalah mereka

¹²⁴ Temu bual dengan Dr. Sabri Salamon pada 27 Disember 2016 di Felda Kampung Awah, Temerloh, Pahang. Beliau merupakan bekas pelajar Maahad al-Ehya As-Syariff dari tahun 1955 hingga 1959.

¹²⁵ Yusuf Bakar, "Maahad Il Ihya Assyarif- Badan Dakwah Islam Malaysia," dalam *Qiblat*, bil 22, tahun 2, 1972, hlm. 27. Kuala Lumpur.





yang pernah terdedah kepada pemikiran reformis. Mereka berkelulusan dari Mesir, tempat bergolaknya gerakan reformasi Syeikh Jamaluddin al-Afghan dan Syeikh Muhammad Abduh yang mendedahkan pemikiran reformis kepada para pelajarnya. Begitu juga dengan guru dari Sumatera yang kuat dengan gerakan Muhammadiyah. Justeru, tidak hairanlah Maahad al-Ehya Asshariff menjadi pusat dan tempat pelancaran aliran Kaum Muda di Tanah Melayu ketika itu.

Selain itu kegiatan pelajar di Maahad al-Ehya Asshariff juga membolehkan kesedaran semangat kebangsaan timbul dalam kalangan pelajarnya. Kegiatan-kegiatan yang dilakukan oleh para pelajarnya juga sangat membantu dalam menentukan aliran islah di Maahad al-Ehya Asshariff. Majlis membaca al-Quran dan nasyid yang selalu diadakan pada setiap malam jumaat dan petang khamis mula digabungkan dengan majlis berlatih syarahan dan berbahas yang melibatkan keseluruhan pelajar Maahad al-Ehya Asshariff. Kegiatan seperti ini merupakan sesuatu yang biasa bagi pelajar madrasah-madrasah lain seperti mana situasi yang sama berlaku di Madrasah Dairat Maarit dan juga Madrasah al-Khairat al-Islamiah Pokok Sena.¹²⁶

Perbincangan yang sering diajukan pada peringkat pelajar kelas bawahan adalah berkaitan dengan soal-soal agama seperti perjuangan dan kebesaran agama, sejarah Nabi Muhammad S.A.W, penafsiran al-Quran, hadis dan fiqh. Manakala bagi pelajar atasan yang mengambil *Thanawi*, *Kismul* dan *Tagashus* mereka turut membincangkan perkara-perkara umum seperti kesedaran terhadap situasi yang berlaku di Tanah Melayu

¹²⁶ "Madrasah al-Khairat al-Islamiah", *Buku Peringatan Seperempat Abad*, Pokok Sena, Kepala Batas, Seberang Perai, 5 dan 6 April 1961, hlm. 20.





melalui pembacaan akhbar, kitab dan majalah. Pengertian dan kesedaran ini secara tidak langsung menimbulkan kesedaran politik kepada para pelajar.¹²⁷

Selain mengadakan majlis tersebut, para pelajar Maahad al-Ehya Asshariff turut mengeluarkan pandangan mereka melalui penerbitan akhbar sendiri. Mereka namakan akhbar tersebut sebagai *Suara Am* (1938-1940). Dari pengalaman menerbitkan *Suara Am*, para pelajar Maahad al-Ehya Asshariff maju setapak lagi dengan menerbitkan majalah *Seruan Il Ihya*. Majalah ini dalam bentuk cetakan tetapi hanya sempat sekali sahaja pengeluarannya kerana pihak sekolah tidak mampu menanggung kos yang agak besar. Edarannya tidak meluas kerana majalah ini hanya khas untuk pelajar Maahad al-Ehya Asshariff sahaja.¹²⁸



dalam kalangan para pelajarnya melalui pembelajaran di dalam dan di luar kelas. Di dalam kelas, guru-guru menyemai semangat patriotisme. Manakala di luar kelas, kegiatan-kegiatan pelajar seperti aktiviti syarahan, lakonan, menulis majalah, dan bermasyarakat menjadikan mereka lebih berketrampilan dan dapat menambahkan lagi hubungan sosial mereka dengan masyarakat hingga mengembangkan kesedaran mencintai tanah air. Keterlibatan pelajar dalam berpersatuan yang bercorak kebangsaan memberi pendedahan kepada para pelajar memahami kesedaran untuk meningkatkan maruah bangsa, agama dan juga tanah air. Ustaz Abu Bakar al-Baqir juga sering

¹²⁷ Temu bual dengan Dr. Sabri Salamon pada 27 Disember 2016 di Felda Kampung Awah, Temerloh, Pahang jam 2 petang.

¹²⁸ *Ibid.* Ustaz Abu Bakar sering menggalakkan pelajarnya menulis dalam akhbar harian. Ketika menuntut di Maahad al-Ehya Assarif, Ustaz Abu Bakar sering mengarahkan Dr Sabri Salamon yang ketika itu menjadi pelajar beliau, menulis ucapan atau ceramahnya baik di maahad tersebut ataupun ceramah-ceramah di sekitar Gunung Semanggol untuk dilaporkan kepada media akhbar. Pendedahan di dalam akhbar tersebut secara tidak langsung menarik perhatian ibu bapa dari luar Gunung Semanggol untuk menghantar anak-anak mereka menuntut di maahad tersebut.





menjemput tokoh politik seperti Dr Burhanuddin al-Helmy dan Ahmad Boestamam untuk memberi ceramah kepada para pelajar di Maahad al-Ehya Asshariff.¹²⁹ Justeru, tidak hairanlah semangat nasionalisme lepasan maahad ini begitu ketara hingga melahirkan pimpinan-pimpinan parti yang hebat dan menjadi penggerak kesedaran kemerdekaan. Tokoh-tokoh seperti pengasas PAS, Ustaz Fuad Hassan, Prof Zulkifli Muhammad yang merupakan bekas Timbalan Yang Dipertua PAS dan Datuk Asri, bekas Menteri Besar Kelantan era pemerintahan PAS merupakan bekas penuntut maahad ini dan menjadi penggerak parti Islam tersebut, hasil tarbiah politik ketika berada di Maahad al-Ehya Asshariff.

Warga Maahad al-Ehya Asshariff terlibat dalam politik atas kesedaran untuk menjaga kepentingan agama dan masyarakat. Melalui kegiatan pelajar, majalah-majalah yang diterbitkan telah timbul kesedaran pelajar untuk terjun bersama masyarakat dalam gerakan politik. Pada 1946 beberapa kali Ustaz Abu Bakar al-Baqir berbincang dengan Dr. Burhanuddin tentang kedudukan agama dan pendidikan di Tanah Melayu. Dr Burhanuddin menggunakan peluang yang ada ini untuk menggunakan Maahad al-Ehya Asshariff sebagai tapak untuk PKMM membuat persidangan untuk mengkaji kedudukan agama, ekonomi dan pendidikan umat Islam dalam suasana selepas Perang Dunia Kedua. Kesempatan ini amat kena dengan masanya kerana kedengaran di dada-dada akhbar tentang rungutan meminta mengkaji kembali kedudukan agama, pendidikan dan ekonomi negeri ini.¹³⁰

¹²⁹*Ibid.* Lihat juga Transkrip Pita Nombor 1, wawancara Sidek Jamil dari Arkib Negara Malaysia bersama Y.B Dato Haji Hassan Adli bin Mohamad Arshad pada 15 ogos, 1978, hlm. 5. Dato Haji Hassan menyatakan bahawa kesedarannya berpolitik berputik apabila beliau sering mendengar pemimpin-pemimpin politik seperti Dr. Burhanuddin dan Ishak Hj Muhammad datang memberikan ucapan dan juga syarahan di Gunung Semangol. Pada ketika itu sekitar 1945 hingga 1948, Dr. Burhanuddin memimpin Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM).

¹³⁰ Antara badan yang biasa bersuara menyatakan kebimbangan mereka dalam kedudukan agama ialah Pejabat Ugama Johor, Persatuan Perkasa dari Terengganu. Lihat *Utusan Melayu* 2 Julai 1947, hlm. 2.





Ada seruan kepada alim ulama agar menubuhkan badan-badan yang lebih sempurna dalam tiga pengurusan iaitu kesatuan Islam, kesatuan ulama dan Lembaga agama. Ketiga mereka ini harus dengan peranan tertentu masing-masing.¹³¹ Akhirnya lahirlah satu panitia untuk mengadakan himpunan secara besar-besaran yang diketuai oleh Ustaz Abu Bakar al-Bakir. Maahad al-Ehya Asshariff selaku tuan rumah telah menyediakan surat-surat jemputan termasuk melalui akhbar atas nama “Persidangan ekonomi-Agama se Malaya” yang lebih dikenali sebagai MATA. Fungsi penubuhannya adalah untuk “berusaha meluaskan penyiaran agama dan berusaha dalam rancangan susunan ekonomi untuk memajukan dan meninggikan ekonomi bangsa dan negara yang sudah hampir lenyap ke tangan imigran asing.”¹³²



Ekoran itu tertubuhlah MATA yang merupakan satu daripada resolusi kongres yang berlangsung di Maahad al-Ehya Asshariff pada Mac 1947 yang dianjurkan oleh gerakan Kaum Muda. Hal ini merupakan satu cabaran kepada golongan Kaum Tua yang bekerja di pejabat agama atau pertubuhan ulama negeri kerana MATA seolah-olah ingin mengambil alih tugas jawatan agama yang dilihat oleh Kaum Muda melaksanakan pembangunan agama dengan sempurna. Tampanan tersebut semakin ketara kerana kebanyakan yang mengusahakan MATA ini merupakan golongan Kaum Muda. Mereka yang hadir ke kongres itu juga merupakan mereka yang lantang mengkritik pihak Kaum Tua yang kebanyakannya terdiri daripada pegawai-pegawai di jabatan agama negeri. Justeru, tidak hairanlah golongan Kaum Tua ini tidak hadir ke kongres tersebut.¹³³

¹³¹ *Warta Negara* 28 Januari 1946, hlm. 2.

¹³² *Majlis* 7 Mac 1947, hlm. 4.

¹³³ *Utusan Melayu* 2 Julai 1947, hlm. 2.





Hasrat MATA adalah meminta agar hal urusan agama diserahkan kepada golongan yang mempunyai komitmen kepada pembangunan agama. Implikasi yang dapat dikesan daripada tuntutan ini adalah para sultan tidak seharusnya lagi memegang soal agama kerana selagi sultan memegang kuasa berkenaan, maka pergerakan agama tidak akan kemas malah menyalahi ajaran dan kehendak yang sewajarnya.¹³⁴ Ahli Jawatankuasa MATA juga cuba mendapatkan pengiktirafan badan tersebut dengan menghantar Syeikh Hussin Rafiq ke Kaherah, Mesir bagi mendapatkan pengiktirafan Liga Arab terhadap penubuhan MATA.¹³⁵

Pemergian Syeikh Husin Rafiq tersebut turut berjaya mempengaruhi kerajaan Mesir untuk menerima sepuluh pelajar Tanah Melayu setiap tahun bagi menyambung pengajian di Universiti al-Azhar dengan yuran separuh daripada kadar biasa. Walau bagaimanapun, pelajar yang berminat untuk memohon biasiswa tersebut perlu menghantar permohonan mereka kepada Presiden MATA.¹³⁶ Di sini jelas menunjukkan MATA ingin menjadi satu badan yang lebih berperanan dalam pembangunan pendidikan agama termasuk dalam mengurus hal ehwal pendidikan Islam di Tanah Melayu.

UMNO pula begitu curiga dengan pergerakan MATA ini dan pemimpin-pemimpin utamanya sedia berusaha mengelakkan diri daripada menyertai perhimpunan ini. Malah ahli-ahli UMNO pun tidak digalakkan untuk menghadirinya. Tiada ahli UMNO yang menyertai perhimpunan ini melainkan mereka yang sangat menyedari

¹³⁴ *Utusan Melayu*, 2hb Julai 1947, hlm. 2.

¹³⁵ Lihat CO 537/3751, *Malayan Security Service Political Intelligence Journal*, No. 2/1948, 31 Januari 1948, hlm. 47, *Malaya Political Intelligence Journals*.

¹³⁶ *Ibid.*



agar pentadbiran agama dan ekonomi diurus dengan baik bagi kepentingan umat Melayu. Syak wasangka UMNO semakin menebal apabila ramai pula orang utama cawangan PKMM Gunung Semanggol yang hadir dalam perhimpunan tersebut.¹³⁷ Kebenaran itu semakin nyata apabila perjumpaan dan kegiatan seterusnya di maahad ini mendapat sokongan pimpinan PKMM dan ulama-ulama yang lantang bersuara menentang UMNO.

UMNO juga tercabar apabila kongres yang berlangsung di maahad tersebut juga berjaya membentuk PEPERMAS iaitu satu badan iktisad yang sedang giat merangka perancangan ekonomi lima tahunnya yang pertama dan mahukan sokongan orang Melayu. Kaum Muda mendapati, UMNO gagal menggerakkan badan ekonomi mereka untuk membantu orang Melayu. Kegagalan ini turut dibangkitkan oleh akhbar Majlis

sepertimana petikan berikut:

Sekarang umat Melayu sudah mengetahui UMNO telah mengadakan cawangan iktisad tetapi kita belum dapat banyak mendengar akan langkah-langkah yang dijalankannya terhadap kepada perkara yang amat mustahak ini. Dalam pada itu marilah kita harapkan bahawa urusan dan pimpinan yang saksama akan kita dapati daripadanya.¹³⁸

Semua ini menjadi faktor yang menyebabkan lahirnya prasangka buruk terhadap Maahad al-Ehya Asshariff sehingga Yang Dipertuanya, Dato Onn Jaafar memberi amaran bertalu-talu sejak pertengahan tahun 1947 supaya mengawasi pergerakan yang baru muncul itu. Amaran ini semakin kencang apabila MATA semakin aktif bergerak. Istilah “bahaya dari gunung” sering berkumandang dalam ceramah-ceramah UMNO.

¹³⁷ Mereka ialah Abdul Hamid Abdul (Setiausaha PKMM), Ustaz Osman Hamzah dan Ustaz Sulaiman Najib.

¹³⁸ *Majlis*, 11 Mac 1947.



Pertelingkahan antara MATA dan UMNO semakin menjadi-jadi dalam meraih sokongan orang Melayu. Akhirnya, Maahad al-Ehya Asshariff menjadi pusat kegiatan politik orang Melayu. Pada persidangan MATA pada 14hb Mac 1947 tercetuslah ilham untuk menubuhkan parti Islam di Maahad al-Ehya Asshariff. Maka pada tarikh tersebut tertubuhlah parti Islam yang dikenali sebagai *Hizbul Muslimin*.

Sesudah persidangan MATA, para hadirin bersurai dan menunggu sidang hari berikutnya iaitu sidang PEPERMAS. Kebanyakan yang bersidang pada hari kedua kedua itu jugalah yang berada dalam majlis mesyuarat PEPERMAS. Sidang ini telah dipengerusikan oleh Ustaz Baharuddin Tahir dan Esa Sulaiman dilantik sebagai setiausahanya. Mesyuarat ini membicarakan persoalan ekonomi dan orang Melayu. Ustaz Abu Bakar al-Baqir, Ishak Haji Muhammad, Rasyid Maidin, Haji Ramli dan Haji Ariffin telah memberikan pidato dalam persidangan tersebut. Persoalan tentang penderitaan kaum tani dan buruh juga dibangkitkan kerana ketidakadilan British terhadap buruh buruh ini.¹³⁹

Antara rancangan yang ingin dilaksanakan oleh PEPERMAS adalah mengadakan rancangan mengadakan “Hari Menguntum” yang dikenal sebagai “Hari Siwayasi”. Maksudnya ialah hari yang akan mengutamakan barangan orang Melayu iaitu semua tananam, penghasilan dan pengeluaran dari nusantara ini akan menjadi bahan pembelian dan penggunaan utama seluruh umat Melayu. Tabiat membiasakan diri membeli barangan dari orang Melayu akan diajar melalui ‘Hari Siwayasi’ yang akan dilaksanakan semingggu setahun dan akan diamalkan terus untuk tahun setersnya.

¹³⁹ Utusan Melayu 17hb Mac 1948, hlm. 1.



Barang-barang pertukangan, perusahaanaan dan pertanian Melayu akan dipamerkan untuk pengetahuan ramai. Ini merupakan antara usaha yang diharapkan dapat menyedarkan umat Melayu betapa pengeluaran mereka sendiri sudah cukup untuk menampung keperluan mereka. Dengan cara ini akan dapat memajukan ekonomi bangsa dan tidak mengharapkan kepada pengeluaran produk bangsa asing.¹⁴⁰ Pada ketika ini pimpinan Kaum Muda yang diketuai oleh Ustaz Abu Bakar al-Baqir bukan sahaja berjaya memberi kesedaran politik tetapi turut menggerakkan kesedaran ekonomi dan juga sosial terutamanya dalam bidang pendidikan.

Pada hari terakhir dan diadakan sidang Lembaga Pendidikan Rakyat (LEPIR). Sidang LEPIR bermottokan “Kebangsaan dan Keislaman” sebagai dasar pergerakannya. Melalui LEPIR, mereka membincangkan bagaimana untuk menjaga kebajikan sekolah-sekolah rakyat dan mempunyai corak yang berbeza daripada pendidikan penjajahan serta sesuai dengan kehendak negara, Seharusnya orang Melayu mencontohi bangsa Indonesia dan Filipina yang berjaya menubuhkan universiti dan sekolah-sekolah rakyat di negeri mereka.¹⁴¹

Memandangkan LEPIR bergerak di tengah-tengah institusi Maahad al-Ehya Asshariff, maka Ustaz Abu Bakar al-Baqir dilantik menjadi Ketua LEPIR yang baharu. Keputusan LEPIR yang terbesar adalah untuk menubuhkan sebuah kolej atau universiti rakyat yang diberi nama Universiti Hang Tuah. Buat permulaannya sebuah jawatankuasa penaja universiti rakyat dibentuk dengan meletakkan Dr. Burhanuddin sebagai ketuanya. Jawatankuasa ini juga bertugas untuk merancang soal pelajaran

¹⁴⁰ *Utusan Melayu*, 24 Mac 1948, hlm. 3.

¹⁴¹ *Utusan Melayu* 19 mac 1948, hlm. 4.



sekolah-sekolah rakyat di Tanah Melayu. Melalui kegiatan LEPİR, mereka berjaya menggabungkan 70 buah sekolah rakyat untuk menuju hasrat yang dicita-citakan oleh Pusat Pentadbiran Sekolah-Sekolah Rakyat Malaya.¹⁴²

Pada 30 Mac 1948, satu perjumpaan antara LEPİR dengan persatuan Maahad al-Ehya Asshariff diadakan. Antara masalah yang dibincangkan adalah masalah kekurangan guru. LEPİR akhirnya berusaha menubuhkan sekolah latihan guru yang dikenali sebagai “Keliah al Mualimin. Pelatih-pelatih diambil dari mereka yang lulus darjah 5 atau 6 sekolah Melayu atau lulus sekolah Arab atau Inggeris. Pelajaran yang disediakan dalam kuliah ini ialah bahasa Arab, bahasa Inggeris, Melayu, agama Islam, ilmu rumah tangga, tanaman, pekerjaan tangan, ilmu alam, tawarikh dan beberapa subjek lain yang difikirkan sesuai dan selaras dengan keperluan. Sekiranya ada antara sekolah rakyat dewasa yang memerlukan tenaga pengajar, mereka bolehlah memohon kepada LEPİR di Maahad al-Ehya Asshariff yang sanggup menyediakan keperluan tersebut.¹⁴³ Usaha LEPİR ini merupakan persediaan untuk mengemaskan sistem persekolahan rakyat bagi mewujudkan Universiti Hang Tuah seperti yang dihasratkan dalam persidangan MATA yang lalu.

Dengan kewujudan LEPİR ini, Maahad al-Ehya Asshariff telah maju setapak lagi dalam dunia pendidikan. Lebih banyak lagi buku luar digunakan dalam sistem pembelajarannya seperti buku Ilmu Jiwa Dalam Islam, *Teach Nourself Psychology*, *The Malay School Series*, *The High School English Grammer* dan *Longman’s Practical Malayan Arithmetic* turut digunakan. Di samping mendapatkan buku-buku dari luar,

¹⁴² *Utusan Melayu* 24 Mac 1948 hlm. 3.

¹⁴³ *Utusan Melayu* 13 hb Mei 1948, hlm. 3.





LEPIR dan Maahad al-Ehya Asshariff turut mengeluarkan buku-buku dan risalah-risalahnya. Hampir dua pertiga dari 50 buah terbitan dari al-Ehya Assyariff itu adalah atas usaha Ustaz Mustaffa bin Haji Abdul Rahman, ipar kepada Ustaz Abu Bakar al-Baqir. Walau bagaimanapun usaha LEPIR ini berakhir apabila beberapa pemimpinan Maahad al-Ehya Asshariff termasuk Ustaz Abu Bakar al-Baqir selaku Ketua LEPIR ditangkap British. Penangkapan tersebut bermakna berkuburlah usaha untuk menubuhkan Universiti Hang Tuah tersebut.

Kesimpulannya Maahad al-Ehya Asshariff bukan sahaja berjaya menjadi pusat pendidikan Islam tetapi turut berperanan menggerakkan kesedaran sosial, ekonomi dan politik orang Melayu dengan mentarbiah para pelajar dan masyarakat sekelilingnya untuk menghayati ajaran agama dan menanam benih cinta kepada tanah air melalui kegiatan yang membawa kepada semangat kesedaran ke arah kemerdekaan.

4.5 Kegiatan Politik Kaum Muda

Kegiatan politik Kaum Muda dirintis oleh golongan agamawan yang mempunyai tahap kesedaran yang tinggi untuk membebaskan tanah air daripada penjajahan British. Mereka bergerak secara tersusun melalui pertubuhan persatuan dan juga parti politik. Perjuangan politik Kaum Muda ini adalah berlandaskan saluran undang-undang tanpa jalan yang radikal. Kegiatan politik Kaum Muda melibatkan beberapa tokoh reformis seperti Dr Burhanuddin al-Helmy, Ustaz Abu Bakar al-Baqir, Syeikh Asya'ari, Maulana Abdullah Noh dan juga Za'ba yang merupakan kumpulan kedua gelombang kebangkitan Kaum Muda yang ingin membuat perubahan kepada masyarakat Melayu.





Sebahagian daripada tokoh Kaum Muda ini bergiat cergas dalam parti-parti politik seperti PKMM, Hizbul Muslimin, UMNO dan juga PAS.

Daripada tokoh yang tersenarai sebagai politikus Kaum Muda yang paling menonjol dalam kegiatan politik tersebut ialah Dr Burhanuddin al-Helmy dan Ustaz Abu Bakar al-Baqir dan wadah politik yang dipimpin oleh aktivis Kaum Muda dalam menuntut kemerdekaannya pula ialah PKMM, Hizbul Muslimin dan juga PAS. Walaupun aktivis Kaum Muda seperti Dr. Burhanuddin, Za'ba, Maulana Abdullah Noh pernah terlibat dalam pertubuhan yang lebih awal seperti KMM dan KMS tetapi mereka bukanlah pimpinan utama yang boleh mencorakkan arah tuju organisasi berkenaan. Justeru, pengkajian hanya dilakukan kepada PKMM, Hizbul Muslimin dan PAS yang digerakkan oleh aktivis Kaum Muda sebagai pimpinan utama parti berkenaan.



Manakala aktivis Kaum Muda generasi pertama pula hanya memberi tunas kesedaran kemerdekaan melalui penulisan dan penubuhan madrasah awal dengan memberi kesedaran keagamaan bahawa menuntut kemerdekaan merupakan satu tuntutan agama. Golongan awal Kaum Muda ini tidak terlibat dalam politik kepartian kerana memberi kesedaran keagamaan lebih diberi keutamaan berbanding politik pada ketika itu. Memerdekakan bangsa daripada belenggu kemiskinan yang didominasi oleh bangsa asing lebih diutamakan berbanding kegiatan politik kepartian.





4.5.1 Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) 1945

Penonjolan tokoh Kaum Muda memperjuangkan kesedaran kemerdekaan membebaskan tanah air melalui organisasi politik bermula apabila Dr. Burhanuddin al-Helmy bergiat aktif dalam Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) yang ditubuhkan pada 17 Oktober 1945 di Ipoh.¹⁴⁴ Usaha beliau ini merupakan satu perjuangannya sebagai aktivis Kaum Muda untuk memerdekakan Tanah Melayu daripada cengkaman penjajah British. Beliau berusaha mewujudkan konsep Melayu Raya atau Indonesia Raya sebagai satu wadah perjuangan PKMM untuk merdeka dengan lebih awal selain melaksanakan kerjasama dengan Parti Komunis Malaya (PKM) bagi mencapai hasrat ini.



beliau dilantik sebagai Timbalan Presiden PKMM sewaktu parti tersebut ditubuhkan. Parti ini merupakan parti Melayu yang pertama selepas penjajahan Jepun berakhir di Semenanjung Tanah Melayu. Pada 1945, Dr. Burhanuddin al-Helmy berada di Singapura ketika pelantikannya sebagai Timbalan Presiden PKMM dibuat oleh ahli mesyuarat parti berkenaan. Ini menunjukkan dengan jelas ketokohan dan kewibawaannya ditagih untuk memimpin parti Melayu tersebut. Ketokohnya sebagai pejuang kebangsaan Melayu amat dihormati sehingga diundang menjadi Timbalan Presiden walaupun beliau bukanlah pengasas parti berkenaan.¹⁴⁵

¹⁴⁴ CO 537/4742/522243/4, *Political Report* No. 3, For January 1949, 'Malay Nationalist Party'.

¹⁴⁵ Ramlah Adam, *Burhanuddin al-Hemly: Suatu Kemelut Politik*. 2003, hlm. 31.





PKMM merupakan parti yang diasaskan secara bersama dengan bahagian Melayu, Parti Komunis Malaya (PKM). Mokhtaruddin Lasso merupakan Ketua Rejimen Ke-10 PKM yang berasal dari Indonesia dan pelarian politik yang berhijrah ke Tanah Melayu kerana mengelak tekanan Belanda. Beliau bersama-sama Sultan Djenain, seorang lagi tokoh Parti Komunis Indonesia yang menjadi tulang belakang kepada pertubuhan ini. Memandangkan Dr. Burhanuddin al-Helmy tidak terlibat dengan penubuhan PKMM ini, beliau tidak dapat menentukan corak politik dan dasar PKMM sejak di peringkat awal lagi. Dengan itu peranan dan penyerapan masuk anggota-anggota PKM ke dalam PKMM adalah di luar kawalannya.¹⁴⁶

Sikap Dr. Burhanuddin al-Helmy yang terbuka dan lembut, tidak menimbulkan sebarang ketegangan antara beliau dengan mereka yang berlainan fahaman politik dan kepercayaan.¹⁴⁷ Sebagai seorang yang berpendidikan agama, beliau tidak terpengaruh dengan idealisme komunis, apatahlah lagi beliau sering melaungkan seruan Islam dalam perjuangannya. Hal ini dapat dibuktikan dalam karya-karya perjuangan beliau seperti *Perjuangan Kita* yang sering menyulami perjuangannya dengan konsep seruan Islam dan kebangsaan Melayu.

“Kasihkan watan itu sebahagian daripada iman. Iman ialah nyawa agama. Kita pandang dari segi falsafah dan kita susunkan dengan pandangan yang dekat begini : (i) iman (nyawa), (ii) tubuh (diri), (iii) bangsa, (iv) watan (tanah air). Empat serangkai dalam binaan watan. Iman berdiri di atas tubuh. Tubuh berdiri di atas bangsa dan bangsa berdiri di atas watan. Salah satu daripada yang empat ini tidak boleh bercerai tinggal dalam susunan binaanya tetapi watan jadi pokok. Ada watan ialah dengan kuat bangsa. Kuat bangsa keluar dari tubuh yang sihat dan perkasa seperti pekerja, pahlawan, perajurit dan lain-lain. Maka dalam jiwa pekerja pahlawan perajurit itulah terletaknya iman.”¹⁴⁸

¹⁴⁶ *Ibid.*, hlm. 31.

¹⁴⁷ Kamaruddin Jaafar, *Dr. Burhanuddin al-Helmy: Politik Melayu dan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbitan Yayasan Anda, 1980, hlm. 48.

¹⁴⁸ *Ibid.*, hlm. 48.



Sesuai dengan kelulusan beliau dalam bidang falsafah, Dr. Burhanuddin al-Helmy menggarapkan unsur-unsur falsafah Islam dalam perjuangannya iaitu mencintai dan memerdekakan tanah air yang merupakan sebahagian daripada iman. Dalam buku *Falsafah Kebangsaan Melayu*, beliau secara jelas mengatakan pendirian politiknya dengan memilih jalan sederhana dan tidak pula pro-komunis.

Perjuangan kita memilih jalan yang sederhana dan di tengah-tengah yang saya sebutkan selalu dengan kebangsaan yang bulat. Kita menentang penjajahan tetapi tidak pula pro-komunis. Kita mahu balik hak keadilan tanah air kita dan kebangsaan kita dan kebangsaan kita yang berdaulat, sebagaimana kita belum dipengaruhi dan dijajah dahulu.¹⁴⁹

Malah Dr. Burhanuddin al-Helmy cuba untuk menghapuskan pengaruh komunis

sedikit demi sedikit dalam PKMM sekembalinya beliau dari India pada 1947. Hal ini dinyatakan seperti berikut:

*On his return, Dr Burhanuddin endeavoured to reduce the influence of the communist on party policy and to gain recruits from the Malay community by stressing his inspirations for greater Indonesia and Malaya for Malays.*¹⁵⁰

Walaupun bagaimanapun tidak mudah bagi beliau untuk menghapuskan pengaruh tersebut kerana kegiatan PKMM itu sering dibayangi oleh pengaruh politik dan kewangan PKM. Menurut laporan British, penubuhan PKMM ditaja oleh PKM dan mendapat bantuan kewangan daripada mereka. Dr. Burhanuddin al-Helmy juga menyedari hakikat bahawa bantuan PKM amat diperlukan untuk menentang UMNO. Dengan itu walaupun beliau cuba menolak pengaruh PKM dalam PKMM namun secara

¹⁴⁹ *Ibid.*, hlm. 131.

¹⁵⁰ R.J. Stockwell 1979. "British Policy and Malay Politics During Malayan Union Experiments 1942-1948," dlm. *MBRAS*, Kuala Lumpur, hlm. 141.



politikanya, beliau terpaksa bekerjasama dengan parti itu.¹⁵¹ Dr. Burhanuddin al-Helmy hanya dapat memimpin sepenuhnya parti berkenaan apabila Mokhtaruddin Lasso menghilangkan diri ke Indonesia. Dr. Burhanuddin al-Helmy dilantik mengetuai PKMM sehinggalah Tanah Melayu diisytiharkan darurat pada 18 Jun 1948.¹⁵²

Dalam kongres Melayu 1946, gagasan Melayu Raya ini ditonjolkan. Konsep Melayu Raya atau Indonesia Raya ini memang menjadi pegangan Dr. Burhanuddin al-Helmy. Beliau melihat gagasan ini akan dapat menyatupadukan orang Melayu di Nusantara setelah beratus-ratus tahun dijajah dan dipecah belahkan oleh penjajah Belanda dan British. Konsep Melayu Raya akan menjadikan empayar politik Melayu kembali besar dan kuat sebagaimana ketika keagungan kerajaan Majapahit, Sriwijaya dan juga Melaka suatu masa dahulu. Akhbar rasmi PKMM, *Pelita Malaya* menerbitkan

agenda Dr. Burhanuddin al-Helmy yang juga merupakan ketua pengarang akhbar berkenaan:

Bersatu itu ialah satu kekuatan kita. Dan apabila ada kekuatan kita akan berupaya membuat atau menghasilkan apa juga yang kita cita-citakan—menyeberang Selat Melaka, mengibarkan bendera Merah Putih, merdeka, bahkan hidup mendirikan semula empayar Melayu yang maha besar itu pun boleh dan tentu akan berhasil.¹⁵³

Untuk merealisasikan cita-citanya itu, Dr. Burhanuddin al-Helmy menjalin kerjasama dengan parti-parti politik yang ditubuhkan di Singapura dan di Tanah Melayu

¹⁵¹ BMA/ADM 9/16, 17 January 1946, From HQ Command to Sacsea Alfsea, mengatakan: “Sunday News published article by MCP member supporting MNP policy as against Dato’ Onn at recent Congress (1946). This has aroused much comment from the Malays. Unpopularity of MNP intensified” and “Thiat Hong addressed MNP Branch at Bukit Mertajam saying that MCP and MNP have identical aim. Offered full financial help”.

¹⁵² Lihat G.Z. Hanrahan, *Communist Struggle in Malaya*, New York: Institute of Pacific Relations, 1954 dan lihat juga Richard W. Stubbs, *Hearts and Minds in Guerrilla Warfare: the Malayan Emergency 1948-1960*, Singapore: Oxford University Press, 1989.

¹⁵³ *Pelita Malaya*, 5 April 1946.





oleh pelarian-pelarian politik Indonesia. Antara pertubuhan politik Melayu yang ditunjangi oleh orang Indonesia adalah seperti Pembantu Indonesia Merdeka, Parti Republik Indonesia, Parti Buruh Indonesia, Kepandan Rakyat Indonesia dan Kelab Buruh Indonesia. Kesemua pertubuhan ini ditubuhkan pada sekitar awal 1946 dan cuba mencari pengaruh atas nama kemerdekaan Indonesia. Mereka mencari sokongan tenaga untuk membantu pejuang-pejuang yang menganggotai pasukan bawah tanah rakyat Indonesia yang bergerak menentang Belanda di Sumatera dan Jawa. Pembantu Indonesia Merdeka (PIM) merupakan sebuah pertubuhan politik yang penting dan bergerak ke seluruh Tanah Melayu dan Singapura.¹⁵⁴

Cawangan-cawangan PIM ditubuhkan di Alor Setar, Kuala Lumpur, Ipoh, Melaka dan Singapura. Pertubuhan ini dibentuk bagi mendapat simpati dan memungut derma untuk membiayai perjuangan mereka di Indonesia. Pungutan itu dibuat dalam kalangan orang Melayu di kampung-kampung terutama yang mempunyai ramai penduduk berketurunan Indonesia seperti di bahagian timur negeri Johor. Parti ini sangat rapat dengan PKMM dan anggota radikal Melayu yang lain. Malah parti ini turut menghadiri Kongres Melayu 1946 sebagai pemerhati sewaktu orang Melayu bersidang di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur pada 1946 bagi menentang Malayan Union. Pertubuhan ini boleh dianggap sebagai parti yang tidak berunsur komunis jika dibandingkan dengan Parti Buruh Indonesia dan Kelab Buruh Indonesia yang bekerjasama rapat dengan *General Labour Union* (GLU) Tanah Melayu yang merupakan sekutu PKM.¹⁵⁵

¹⁵⁴ Pertubuhan ini dibentuk pada 12 November 1945 dan berikrar tidak akan mencampuri politik orang Melayu Semenanjung. Namun, dalam menjalankan kegiatannya, ternyata Pembantu Indonesia Merdeka (PIM) bekerjasama dan mengambil bahagian dalam politik tempatan. *Majlis*, 30 November 1945.

¹⁵⁵ BMA/ADM, *Intelligent Report Malaya Command and Formation Under Command* 9/16/17 Januari 1946.





Sokongan mereka kepada PKMM akan memudahkan gerakan politik anti penjajahan Barat yang menjadi pegangan mereka yang terlibat gerakan menuntut kemerdekaan rakyat Indonesia. Justeru, tidak hairanlah jika kebanyakan ahli parti-parti berkenaan terdiri daripada keturunan Indonesia. Sokongan daripada parti-parti ini membolehkan Dr. Burhanuddin al-Helmy dan PKMM menentang UMNO dengan lebih jitu lagi. Sementelahan UMNO yang dipimpin oleh Dato Onn Jaafar pada ketika itu berjaya menarik sokongan golongan raja-raja Melayu dan berjaya memaksa British untuk menimbang semula pelaksanaan *Malayan Union*. Persatuan-Persatuan negeri Melayu yang dipimpin oleh golongan pembesar-pembesar pula lebih selesa menyokong UMNO daripada PKMM. Justeru PKMM cuba untuk menyekat pengaruh UMNO tersebut dengan mendapat sokongan daripada orang-orang Indonesia di Tanah Melayu.¹⁵⁶



Dr. Burhanuddin al-Helmy mendapat sokongan politik daripada rakyat Indonesia yang berada di bumi Tanah Melayu. Beliau sering berbincang dan bertukar-tukar fikiran dengan parti-parti rakyat Indonesia untuk mendapatkan sokongan politik demi mengimbangi pengaruh UMNO yang menguasai orang-orang Melayu di kampung-kampung dan juga pembesar-pembesar Melayu. Apatah lagi idea untuk mewujudkan Indonesia Raya memerlukan dukungan rakyat Indonesia yang berada di perantauan untuk meluaskan kempen ke arah kemerdekaan Nusantara ini daripada penjajahan Barat. Walaupun pada peringkat awal PKMM diresapi pengaruh PKM, namun kepimpinan Dr. Burhanuddin al-Helmy yang mempunyai jati diri Islam yang kukuh dan sokongan daripada parti-parti politik yang lain untuk menjayakan cita-cita

¹⁵⁶ Ahmad Boestamam, *Merintis Jalan Ke Puncak*, Kuala Lumpur: Pustaka Kejora, 1972, hlm. 31-38.





Indonesia Raya telah dapat mengimbangi pengaruh komunis tersebut dan secara tidak langsung PKMM telah menjadi saingan nombor satu kepada UMNO.

Namun begitu, pengisytiharan darurat oleh British pada 1948 menyebabkan PKMM diharamkan beroperasi. PKMM yang ditubuhkan pada 1945 akhirnya diharamkan oleh British pada 1956.¹⁵⁷ Namun hal ini tidak mematahkan semangat pejuang-pejuang kemerdekaan yang digerakkan oleh Kaum Muda ini. Perjuangan Dr. Burhanuddin al-Helmy sebagai pelopor Kaum Muda dalam gerakan politik berjaya menggerakkan masyarakat untuk bangun menuntut kemerdekaan walaupun beliau terpaksa menggunakan pelbagai pendekatan termasuk bekerjasama dengan gerakan yang lebih radikal di Tanah Melayu.



Ramlah Adam berpandangan PKMM di bawah Dr. Burhanuddin al-Helmy sentiasa menyokong Malayan Union baik pada prinsip dan bentuknya.¹⁵⁸ Namun begitu, pandangan tersebut boleh dinilai semula kerana Dr. Burhanuddin al-Helmy tidak sentiasanya menyokong Malayan Union secara mutlak baik daripada segi prinsip atau bentuknya. Sebaliknya menurut Dr. Burhanuddin al-Helmy:

Perkataan Malayan dan perkembangannya adalah ibarat seperti menggunting dalam lipatan atau ibarat mendalu dan pokok ara kepada bangsa dan kebangsaan Melayu. Bentuk dan cara yang sudah dijalankan, semenjak setengah abad yang lalu semakin beransur-ansur menghanyutkan wujudnya bangsa dan kebangsaan Melayu. Kerana erti Malayan diertikan oleh *Colonial Office* dan dibentuk secara muslihat *Colonialnya*, manakala bangsa dan kebangsaan Melayu diertikan

¹⁵⁷ Mohd Sarim Mustajab, 'Akhbar dan Majalah Agama Sebelum Perang: Sumbangan dan Peranannya dalam Perkembangan Masyarakat', dalam *Akhbar dan Majalah di Malaysia: Sejarah dan perkembangan*, Jabatan Sejarah, UKM, Bangi, 1988, hlm. 37-38.

¹⁵⁸ Ramlah Adam, "Dr. Burhanuddin al-Helmy: Kajian Mengenai Kegiatannya Dalam PKMM 1946-1948", *Siri Kertas Kerja Akademik Pengajian Melayu*, bil 2. 1993, hlm. 10.



menurut erti sejatinya... sehingga sekarang telah terbentuk pula kononnya kebudayaan Malayan, sebagai menentang kebudayaan Melayu...¹⁵⁹

Malah jika diteliti, penerimaan PKMM terhadap Malayan Union adalah bersyarat dengan berlandaskan prinsip sejati bangsa Melayu dan bukannya menurut acuan British. Ramlah Adam mungkin terlepas pandang dengan gagasan Dr. Burhanuddin al-Helmy yang hanya bersetuju dengan Malayan Union sekiranya kesatuan ini bercorak dan berbentuk dengan acuan Melayu. Hal ini dapat dilihat dalam kenyataan Dr. Burhanuddin al-Helmy seperti berikut:

Tuntutan Parti Kebangsaan Melayu Malaya dahulu, mahu menerima Malayan Union tetapi *Malayan Union* menurut corak dan bentuk Melayu, iaitu semangat permulaan *treaty* diantara raja-raja Melayu dengan British, menurut erti Melayu terjemahan Malayan itu adalah suatu tuntutan menurut hasrat sejati bangsa Melayu bukan *Malayan Union* buatan England.¹⁶⁰

Justeru pandangan Ramlah Adam tersebut boleh dinilai semula memandangkan di dalam Malayan Union, British mahu mewujudkan taraf kerakyatan berdasarkan *Jus Soli* dan ini sudah pasti bertentangan dengan prinsip perjuangan PKMM dan Dr. Burhanuddin al-Helmy yang mahukan penyatuan negeri-negeri Melayu berasaskan prinsip mempertahankan hak bangsa Melayu. Penentangan beliau terhadap prinsip *Jus Soli* ini adalah konsisten sejak mulanya British memperkenalkan Malayan Union hinggalah ke arah bibit-bibit kemerdekaan apabila mereka cuba menukar wajah Malayan Union kepada Perlembagaan Persekutuan yang ditentang hebat oleh Dr. Burhanuddin al-Helmy melalui wadah politik dalam PUTERA dan juga PAS.

¹⁵⁹ Kamaruddin Jaafar, hlm. 106.

¹⁶⁰ Burhanuddin al-Helmy, *Perjuangan Kita*, dlm. Kamaruddin Jaafar, hlm. 31.

4.5.2 Hizbul Muslimin (1948)

Hizbul Muslimin ditubuhkan pada 14 Mac 1948 hasil satu resolusi pada hari kedua Kongres MATA.¹⁶¹ Kongres tersebut dihadiri ramai ulama dan pimpinan negara. Kongres tersebut berjaya menubuhkan sebuah parti politik Islam di bawah nama Hizbul Muslimin. Pada pembukaan persidangan MATA tersebut, lagu Masjumi ataupun “Selamat-Masjumi” dinyanyikan untuk menggambarkan penubuhan parti itu mendapat ilham daripada Masjumi. Justeru, tidak hairanlah British turut mengawasi penubuhan Hizbul Muslimin ini kerana ketika persidangan MATA pada 1947 itu berlangsung, Masjumi turut menghantar wakilnya dari Bukit Tinggi, Sumatera untuk menghadiri persidangan berkenaan sebagai penasihat dengan dibiayai oleh PKMM dan AMCJA.¹⁶²

Sebelum sidang dijalankan, pidato-pidato umum disampaikan oleh Abrab Tamimi, Syed Abu Bakar al-Attas, Dr. Burhanuddin dan Tengku Osman. Kandungan ucapan mereka berkisar kepada kehendak perjuangan Islam yang berpandukan kitab al-Quran dan Sunnah Rasulullah S.A.W. Tengku Osman mendalamkan pengertian perjuangan Islam dengan memberi penerangan tentang pentingnya ada “kebangsaan dan agama ideologi Islam” Umat Melayu hendaklah berjuang membela watan, bangsa dan agama dengan tidak tergelincir kepada fahaman lain dan haruslah melakukan perjuangan seperti yang dituntut oleh agama.¹⁶³

¹⁶¹ CO 537/3751, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 6/1948, 31 Mac 1948, hlm. 177. Penubuhan Hizbul Muslimin juga berkait rapat dengan pengaruh Dr. Burhanuddin al-Helmy dan PKMM yang menghulurkan pelbagai bantuan dalam penubuhan MATA seterusnya membawa kepada penubuhan Hizbul Muslimin. Lihat Ahmad Bostamam, “Barisan Tani Se-Malaya Diperhebat Perjalanannya,” *Berita Harian*, 15 Ogos 1971, hlm. 12.

¹⁶² R.J. Stockwell, *British Policy and Malay Politics During Malayan Union Experiment 1940-1946*, dlm. *JMBRAS*, 1979, hlm. 138.

¹⁶³ *Utusan Melayu* 17hb Mac 1948, hlm. 1.



Pada persidangan itu antara agenda pentingnya adalah menubuhkan parti Islam Malaya. Persidangan ini dihadiri lebih 50 orang wakil badan pergerakan dan turut dihadiri kira-kira 4500 orang yang mengikuti ucapan persidangan. Dalam persidangan itu dipersetujui penubuhan Parti Orang-Orang Islam Malaya atau dikenali dengan nama Hizbul Muslimin. Nama parti ini bersumberkan surah *al-Mudjaadilah* yang terdapat pada perkataan Hizbullah (Parti Allah). Hasil daripada perkataan Hizbullah, terbitlah Hizbul Muslimin iaitu parti orang Muslimin Malaya. Ustaz Abu Bakar al-Bakir mencadangkan nama ini dan dipersetujui oleh Ustaz Arbrab Tamimi dan Dr. Burhanuddin. Apabila diundi nama Hizbul Muslimin ini mendapat sokongan seratus peratus. Hizbul Muslimin adalah seolah-olah cawangan Masjumi di Indonesia. Di belakang Masjumi berdirinya pula Pertubuhan Muhammadiyah yang dianggotai ramai Kaum Muda di Indonesia.¹⁶⁴



Manakala Hizbul Muslimin pula ditaja oleh MATA yang dipelopori Kaum Muda di Tanah Melayu. Dasar parti ini adalah menegakkan negara Islam semata-mata bagi mencapai kemerdekaan bangsa Melayu yang berdaulat, mencipta masyarakat berdasarkan Islam dan mencapai Tanah Melayu Darul Islam. Hasrat menubuhkan negara Islam ini merupakan hasrat terakhir setelah segala hasrat tercapai. Ini memandangkan terdapat perkara lain yang perlu diberi keutamaan sebelum negara Islam tersebut ditubuhkan. Antara tujuan Hizbul Muslimin ditubuhkan adalah untuk mencapai cita-cita mencapai kemerdekaan, kedaulatan untuk bangsa dan negara Tanah Melayu, mewujudkan *Pan-Islamisme* serta menjadikan Tanah Melayu sebagai Darul Islam.¹⁶⁵ Antara tujuan penubuhan Hizbul Muslimin adalah untuk:

¹⁶⁴ Lihat Nabir Haji Abdullah, *Maahad II Ihya Assyarif Gunung Semanggol*, 1934-1959, 1976.

¹⁶⁵ CO 537/3751, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 8/1948, 30 April 1948, hlm. 258-259.





Menginsafkan umat Islam Malaya dalam kesedaran politik dan ikatan yang beragama Islam dalam satu ideologi, melaksanakan kebebasan mencipta, bersidang, berfikir dan mengeluarkan pendapat, membanyakkan sekolah rakyat, mengadakan pelajaran yang selaras dengan tuntutan zaman untuk membaiki akhlak bangsa Melayu berdasarkan Islam, menyusun kehidupan bangsa Melayu dan aturan-aturan Islam.¹⁶⁶

Lembaga Kesatuan Melayu Johor (LKMJ) turut menyebarkan risalah berkenaan Hizbul Muslimin kepada orang Melayu di Johor pada 1948. Salinan risalah tersebut juga dihantar kepada MATA untuk diedarkan. Kandungan risalah tersebut memperihalkan tujuan penubuhan Hizbul Muslimin iaitu untuk mewujudkan sebuah Tanah Melayu yang berdaulat dan merdeka, mewujudkan standard sosial yang lebih baik berdasarkan prinsip-prinsip Islam iaitu kesaksamaan dan persaudaraan serta menjadikan Tanah Melayu sebagai Darul Islam (Negara Islam) sebagaimana yang dicapai sejak 900 tahun lepas.¹⁶⁷

Pendirian Hizbul Muslimin adalah “bekerjasama dengan lain-lain persatuan yang sesuai dengan anggaran dasarnya.”¹⁶⁸ Justeru, tidak hairanlah Hizbul Muslimin turut bertahaluf atau bekerjasama dengan PKMM. Melalui tahaluf ini, Hizbul Muslimin pada peringkat awalnya dibenarkan memakai bendera PKMM sementara waktu sebelum mempunyai bendera dan draf undang-undangnya yang tersendiri.¹⁶⁹ Jawatankuasa penggubalnya terdiri daripada Ustaz Abu Bakar, Dr. Burhanuddin, Ustaz

¹⁶⁶ *Utusan Melayu* 17 hb Mac 1948, hlm. 1.

¹⁶⁷ Lihat CO 537/3751, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 7/1948, 15 April 1948, hlm. 216. Lembaga Kesatuan Melayu Johor (LKMJ) merupakan salah sebuah pertubuhan yang menyokong perjuangan UMNO pada peringkat awal. Namun begitu, LKMJ menentang Dato' Onn apabila beliau enggan memohon kemerdekaan penuh daripada British. Lihat Ramlah Adam, *Dato' Onn Jaafar: Pengasas Kemerdekaan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005, hlm. 111-112.

¹⁶⁸ *Utusan Melayu* 27hb Mac 1948, hlm. 2. *Utusan Melayu* 28 Mac 1948, hlm. 2.

¹⁶⁹ *Utusan Melayu* 27 hb Mac 1948, hlm. 2



Abrab Tamimi, Daud Jamil, Haji Ariffin, Osman Hamzah dan Mohd. Asri serta dua tiga orang lainnya.¹⁷⁰ Pimpinan Hizbul Muslimin terdiri daripada Ustaz Abu Bakar al-Baqir (Ketua Umum), Haji Ariffin bin Haji Alias (Ketua Satu) dan Daud bin Jamil (Ketua Dua).¹⁷¹ Untuk melengkapkan susunan organisasi badan baharu ini, beberapa badan juga dibentuk. Antara badan yang dirancang adalah badan agama, pendidikan, penerangan, politik, pemuda dan wanita. MATA akan menjadi badan atau jabatan agama kepada Hizbul Muslimin manakala LEPiR dan PEPERMAS berkemungkinan besar akan dijadikan satu badan di bawah Hizbul Muslimin juga.¹⁷²

Kebimbangan Dato Onn Jaafar dan British itu amat berasas kerana sejak ditubuhkan pada 14 Mac 1948, parti Hizbul Muslimin ini bergerak pantas ke negeri-negeri lain. British turut mengintip pergerakan ini kerana bimbang gerakan rakyat yang dicitus oleh golongan agama ini mampu mengugat kedudukan di Tanah Melayu. *Malayan Security Service* (MSS) yang merupakan badan perisik British di Tanah Melayu turut menghantar laporan kepada Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu untuk mengawasi pergerakan Hizbul Muslimin ini. Antaranya laporan tersebut menyebut:

The development of this movement should be very closely watched for its preaches nationalism as the religious duty of all the believers and Islam has always been a militant creed. There can be no doubt that its propaganda is made to appeal to young Malay intellectuals and progressives since its strives to give scriptural authority to their efforts to modernize their society and economy and to their undoubtedly aspirations towards national independence. In the present relatively lethargic state of UMNO, it may well draw away many of the younger and more progressive minds. Its promoters have had bad political record and it may well be that in the current crisis any extension of its activities will force

¹⁷⁰ Lihat Nabir Haji Abdullah, *Maahad II Ihya Assyarif Gunung Semanggol, 1934-1959*, 1976, hlm. 171

¹⁷¹ Appendix "A", dalam CO 537/3753, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No 15/1948, 15 Ogos 1948, hlm. 3.

¹⁷² *Utusan Melayu* 18hb Mac dan 19 Mac 1948, hlm. 4.



*government to consider the question of outlawing the party....Whether Hizbul Muslimin moves to the right or to the left in step with its true parent, the Masjoemi, it remains a menace to the British authority.*¹⁷³

Kegusaran British tersebut semakin nyata apabila melihat Hizbul Muslimin bergerak pantas menyebarkan pengaruhnya dengan menubuhkan cawangan ke seluruh semenanjung dalam masa tiga bulan sahaja. Walaupun ketika itu tiada kemudahan sistem telekomunikasi dan sistem pengangkutan sebaik hari ini tetapi pengaruh Hizbul Muslimin melangkaui beberapa buah negeri seperti Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Kelantan, Terengganu, Pulau Pinang, Kedah dan juga Perlis.¹⁷⁴

Di Johor, Ustaz Abu Bakar al-Baqir menemui Hajah Zainun Sulaiman atau Ibu Zain pada 23 Mac 1948 untuk menawarkan jawatan Ketua Bahagian Wanita Hizbul Muslimin tetapi beliau menolak tawaran tersebut. Namun begitu, Pada 10 Mei 1948, Hizbul Muslimin tertubuh di Kluang, Johor yang dipimpin oleh Ustaz Othman bin Rahimin selaku Presiden dan Timbalan Presidennya pula ialah Imam Mahmud bin Yussof. Wakil Hizbul Muslimin dari Gunung Semanggol, Ustaz Asri Abdullah Salleh telah memberi ucapan dalam mesyuarat tersebut bahawa Hizbul Muslimin akan terus menuntut kemerdekaan dan tidak gentar dengan ugutan UMNO.¹⁷⁵

Selain berkempen ke Johor, Ustaz Abu Bakar al-Baqir juga turut melawat Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor untuk mewujudkan cawangan di sana. Di

¹⁷³ *Malayan Security Service (MSS): Political Intelligence Journal, Januari 1948-August 1948, Public Record Office, London.*

¹⁷⁴ Abu Hanifah Haris, "Reaksi British terhadap kegiatan Hizbul Muslimin di Tanah Melayu, 1948-1949." *Prosiding Persidangan Intelektual Kebangsaan Malaysia 2013* pada 17-18 April 2013 di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

¹⁷⁵ CO 537/3752, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No.10/1948, 31 Mei 1948, hlm. 362.





Melaka, Haji Ahmad bin Harun menjadi Presiden cawangan Hizbul Muslimin apabila parti itu ditubuhkan pada 20 April 1948. Dalam siri kempennya di Melaka, Ustaz Abu Bakar menegaskan penubuhan Hizbul Muslimin ini adalah untuk menuntut kemerdekaan. Beliau berjaya menubuhkan cawangan Hizbul Muslimin di Melaka pada 20 April 1948. Hizbul Muslimin cawangan Melaka dipimpin oleh Haji Ahmad bin Harun selaku Presiden. Ketika menyampaikan ucapan di Melaka, Ustaz Abu Bakar al-Baqir menegaskan bahawa aliran terkini dalam aktiviti politik di seluruh dunia menunjukkan bahawa orang ramai mula menuntut kemerdekaan. Keadaan tersebut juga merupakan punca penubuhan Hizbul Muslimin kerana kemunculannya dapat meningkatkan tuntutan terhadap hak-hak mereka. Beliau juga menegaskan bahawa kehancuran Hizbul Muslimin juga menandakan kejatuhan agama Islam.¹⁷⁶



pada 20 April 1948 sambil melawat Madrasah Ittihadiyyah. Di samping itu, Ustaz Abu Bakar al-Baqir juga dilaporkan mengadakan perbincangan sulit dengan Haji Mohamed Yatim, salah seorang ahli jawatankuasa madrasah tersebut berkenaan hala tuju penubuhan Hizbul Muslimin. Isi kandungan perbincangan adalah:

1. Parti Komunikasi Malaya (PKM) akan bertindak tidak lama lagi bagi mewujudkan pergolakan dalam negara bertujuan untuk mengawal kerajaan.
2. Pergolakan tersebut akan menjadi lebih besar dan lebih hebat berbanding ketika pendudukan Jepun.
3. Disebabkan matlamat komunis (PKM) tidak hanya mempengaruhi kerajaan

¹⁷⁶ CO537/3751, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 8/1948, 30 April 1948, hlm. 296.





Tanah Melayu sebaliknya turut mempengaruhi orang Melayu, maka Hizbul Muslimin perlu ditubuhkan di seluruh Tanah Melayu.

4. Hizbul Muslimin telah menuntut semula Tanah Melayu sebaik sahaja Tanah Melayu jatuh ke tangan komunis (PKM) ataupun selepas British dihalau keluar.
5. Hizbul Muslimin mengadakan hubungan dengan Indonesia dan pertolongan akan datang dari Indonesia untuk menentang komunis (PKM).
6. Jika orang Melayu tidak bersatu, komunis (PKM) pasti akan dapat mencapai matlamat mereka seterusnya mendapat pertolongan daripada Rusia.¹⁷⁷

Daripada kenyataan diatas, jelas menunjukkan Hizbul Muslimin bukanlah proksi komunis kerana gerakan ini ditubuhkan untuk menarik sokongan orang Melayu daripada menyertai komunis. Hal ini bercanggah dengan laporan risikan British bahawa

pengaruh Komunis sukar dibendung kerana Ustaz Abu Bakar al-Baqir merupakan pengikut kepada seorang guru agama bernama Abu Zar Ghaffari yang percaya bahawa komunis wujud dalam Islam.¹⁷⁸ Pada 24 April 1948 pula, Ustaz Abu Bakar al-Baqir tiba di Lenggeng, Negeri Sembilan. Beliau hadir untuk merasmikan penubuhan Hizbul Muslimin di kawasan berkenaan. Mesyuarat tersebut turut dihadiri oleh ahli PKMM, PETA dan Persatuan Indonesia Merdeka (PIM).¹⁷⁹ Satu keputusan juga dicapai di akhir mesyuarat tersebut untuk menubuhkan cawangan Hizbul Muslimin di Lenggeng selain daripada cadangan menubuhkan cawangan Hizbul Muslimin di seluruh Negeri Sembilan.

¹⁷⁷ CO 537/3753, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No.14/1948, 31 Julai 1948, hlm. 544.

¹⁷⁸ Lihat Appendix "A", dalam CO 537/3753, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 15/1948, 15 Ogos 1948, hlm. 6.

¹⁷⁹ CO 537/3751, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 6/1948, 31 Mac 1948, hlm. 175.





Setelah menubuhkan cawangan Hizbul Muslimin di Negeri Sembilan, Ustaz Abu Bakar al-Baqir bergerak ke Selangor pula. Mesyuarat penubuhan cawangan dan pelantikan ahli jawatan kuasa tersebut dilakukan di Sekolah Arab, Kajang pada 24 April 1948. Antara yang hadir ialah Raja Idris selaku Penghulu Kajang. Tuan Haji Arshad, Kadi Lenggeng, Negeri Sembilan dan 35 orang perempuan AWAS. Keputusan mesyuarat sebulat suara melantik Ustaz Mohamed Sasi untuk memimpin Hizbul Muslimin cawangan Selangor. Dalam ucapan mesyuarat tersebut, Ustaz Abu Bakir menegaskan orang Melayu jauh ketinggalan dalam serba bidang manakala guru-guru agama kurang berperanan dalam memberi penerangan agama.¹⁸⁰

Pada 11 Mei 1948, cawangan Hizbul Muslimin di Tanjong Karang juga berjaya ditubuhkan dibawah pimpinan Haji Rahmad bin Haji Jailani selaku Presiden dan Omar bin Kiyai Marzuki selaku Timbalan Presiden. Dalam mesyuarat penubuhan cawangan tersebut kira-kira 115 orang hadir untuk menjayakan penubuhan parti berkenaan.¹⁸¹ Bilangan tersebut merupakan satu jumlah yang besar bagi sebuah parti yang baru ditubuhkan tanpa bantuan promosi daripada alat sebaran media. Setiausaha Hizbul Muslimin, Yunus bin Yatimi yang juga merupakan Ketua Propaganda API cawangan Selangor pernah memegang jawatan yang sama dalam PKMM. Beliau menyeru kepada golongan ulama dan pihak berwajib agar bangkit secara aktif dalam bidang politik.¹⁸²

¹⁸⁰ CO 537/3751, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No.9/1948, 15 Mei 1948, hlm. 296

¹⁸¹ CO 537/3752, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No.10/1948, 31 Mei 1948, hlm. 362.

¹⁸² *Utusan Melayu*, 15 Mei 1948, hlm. 3.





Pada 2 Mei 1948, Ustaz Abu Bakar pergi ke Kedah untuk menubuhkan cawangan Hizbul Muslimin di Kedah, namun beliau gagal mendapatkan sokongan Hj Hussin bin Che Dol, Presiden Persatuan Guru-Guru Agama.¹⁸³ Setelah itu Ustaz Abu Bakar pergi ke Terengganu dan pada 14 Mei 1948 beliau tiba di Kemaman, Terengganu. Ketika itu beliau disambut oleh Abu Bakar Mohamed Amin yang merupakan Presiden PKMM cawangan Terengganu. Ketika menyampaikan ucapan di sebuah masjid, Ustaz Abu Bakar al-Baqir menegaskan bahawa semua umat perlu bersatu. Beliau menegaskan meskipun segelintir beranggapan perjuangan politik Hizbul Muslimin di pihak kiri atau sebaliknya, namun tujuan utama penubuhan Hizbul Muslimin ialah untuk menyatukan UMNO dan PKMM. Pada 15 Mei 1948, Ustaz Abu Bakar tiba di Kuala Terengganu dan berucap di bangunan ibu pejabat PKMM. Beliau mengkritik UMNO kerana gagal membantu orang Melayu. Bagi beliau, penubuhan Persekutuan Tanah Melayu hanyalah perangkap dan usaha penyatuan orang Melayu hanya boleh dibuat melalui kerjasama dengan PKMM.¹⁸⁴

Pada 16 Mei 1948, Ustaz Abu Bakar al-Baqir tiba di Besut, Terengganu untuk menghadiri perhimpunan yang dihadiri 300 orang hadirin di kampung Raja. Dalam ucapannya, beliau menegaskan bahawa UMNO, PKMM dan Hizbul Muslimin sepatutnya bersatu bagi mencapai kebebasan. Kehadiran beliau ke Besut juga turut mendapat sokongan Abu Bakar Mohamed Amin, Presiden PKMM cawangan Terengganu. Dalam ucapannya, beliau mengatakan bahawa meskipun beliau pernah berkhidmat sebagai pegawai kerajaan dan menduduki jawatan penting, namun beliau memutuskan untuk melepaskan jawatan dalam kerajaan kerana beliau begitu marah

¹⁸³ CO 537/3751, *Malayan Security Political Intelligence Journal*, No.9/1948, 15 Mei 1948, hlm. 296

¹⁸⁴ CO 537/3752, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No.11/1948, 15 Jun 1948, hlm. 416.





terhadap tindakan penjajah yang telah menghapuskan pemikiran mengenai kebebasan.¹⁸⁵

Setelah selesai menjelajah ke Terengganu, Ustaz Abu Bakar al-Baqir melebar luaskan pengaruh Hizbul Muslimin ke Pahang. Rombongan Ustaz Abu Bakar al-Baqir menubuhkan cawangan di Raub iaitu kawasan yang menjadi pusat kegiatan golongan radikal menentang British. Majlis penubuhan tersebut dihadiri 120 orang dan dipengerusikan oleh Ustaz Umar al-Farouk, bekas pelajar al-Ehya Asshariff. Jawatankuasa Hizbul Muslimin cawangan ini dibentuk dengan mandat diamanahkan kepada Tuan Haji Mohd Araof sebagai Pengerusi manakala Setiausahanya ialah Ustaz Hashim dan bendaharinya ialah Cikgu Lia.¹⁸⁶



Ustaz Abu Bakar al-Baqir melebarkan sayap Hizbul Muslimin ke Kelantan. Beliau menyampaikan ucapan di Kota Bharu, Kelantan dan menegaskan bahawa Tanah Melayu merupakan sebuah negara yang kaya namun kekayaan tersebut tidak dapat dinikmati oleh penduduk Tanah Melayu. Sebaliknya dibolot oleh golongan penjajah. Selain itu beliau turut menegaskan bahawa kepercayaan tidak boleh diberikan kepada sekolah kerajaan, sekaligus memerlukan sekolah rakyat. Dalam program jelajah untuk memberi kesedaran kemerdekaan kepada orang Melayu, Ustaz Abu Bakar al-Baqir juga merasmikan penubuhan cawangan Hizbul Muslimin di Kampung Machang dan di Kota Bharu, Kelantan. Haji Ismail bin Hj Yusoff dilantik sebagai Presiden Hizbul Muslimin cawangan Kota Bharu, Kelantan. Pada 21 Mei 1948, Ustaz Abu Bakar telah meninggalkan Kota Bharu dan menuju ke Besut, Terengganu

¹⁸⁵ CO 537/3752, Malayan Security Political Intelligence Journal, No.11/1948, 15 Jun 1948, hlm. 415

¹⁸⁶ Utusan Melayu., 18 Mei 1948, hlm. 3.





sekali lagi untuk bermesyuarat di sana pada 23 Mei 1948. Pada 2 Jun 1948, *Utusan Melayu* melaporkan ucapan Ustaz Abu Bakar yang mengatakan masyarakat Melayu akan mencapai kemerdekaan dalam tempoh 10 tahun. Jika diteliti ramalan Ustaz Abu Bakar itu, ramalannya adalah tepat kerana Tanah Melayu akhirnya mencapai kemerdekaan pada 1957 iaitu kira-kira sembilan tahun daripada ucapan beliau.¹⁸⁷

Dalam satu mesyuarat yang diadakan di Pulau Pinang pada 4 Jun 1948, sempena Israk Mikraj, Ustaz Abu Bakar al-Baqir telah mencadangkan penubuhan cawangan Hizbul Muslimin di Balik Pulau, Pulau Pinang namun tidak mendapat sambutan. Di Perak sendiri, sudah pastilah Hizbul Muslimin paling berpengaruh kerana Maahad al-Elya al-Syariff merupakan pusat penubuhan Hizbul Muslimin. Malah di maahad ini, Bahagian Belia Hizbul Muslimin berjaya ditubuhkan di Sekolah Arab Gunung Semanggol iaitu Maahad al-Ehya al-Syarif pada 5 Jun 1948. Lebih daripada 200 perwakilan pelbagai pertubuhan belia di seluruh Tanah Melayu menghadiri perhimpunan tersebut. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Mohammed Asri yang merupakan bekas pelajar dan guru di maahad berkenaan dan dihadiri Presiden Hizbul Muslimin, Ustaz Abu Bakar al-Baqir.¹⁸⁸

Selain itu Hizbul Muslimin turut berjaya menubuhkan Bahagian Belia dan ibu pejabatnya terletak di Gunung Semanggol. Bahagian Belia Hizbul Muslimin ini dipimpin oleh Ustaz Osman bin Hamzah dan dibantu oleh beberapa orang belia daripada tenaga pengajar Maahad al-Ehya Asshariff. Matlamat utama penubuhan

¹⁸⁷ *Utusan Melayu*, 2 Jun 1948, hlm. 2.

¹⁸⁸ Mohamed Asri merupakan anak kelahiran Kelantan dan merupakan bekas Pegawai Propaganda API. Setelah API diharamkan, beliau menyertai PETA. Menurut laporan Malayan Security Service (MSS), beliau merupakan Pegawai Khas Hizbul Muslimin. Lihat CO 537/ 3753, Malayan Security Service, Political Intelligence Journal, No. 14/1948, 31 Julai 1948, hlm. 545.





Bahagian Belia Hizbul Muslimin juga mempunyai persamaan dengan Hizbul Muslimin sendiri. Prinsip Bahagian Belia Hizbul Muslimin adalah berteraskan Islam, Soleh, Kemanusiaan, Keadilan dan Demokrasi. Manakala matlamat penubuhan Belia Hizbul Muslimin adalah melindungi perjuangan Islam dan memperjuangkan kedaulatan dan kemerdekaan Tanah Melayu. Antara aktiviti yang dijalankan adalah menyatukan belia Islam di seluruh Tanah Melayu, menubuhkan jabatan-jabatan tertentu jika dianggap perlu dan memupuk kemajuan dalam bidang pendidikan, ekonomi dan kebudayaan.¹⁸⁹

Setiap ahli jawatankuasa pula bertanggungjawab untuk menentukan hala tuju politik Bahagian Belia Hizbul Muslimin dan memberikan arahan kepada ahli-ahli. Sebuah jawatankuasa dikenali sebagai “Jabatan Perhubungan” akan dibentuk bagi mengekalkan perhubungan di dalam dan di luar negara dalam bidang politik, perhubungan dan pergerakan. Lambang Bahagian Belia Hizbul Muslimin pula merupakan bunga Melati berserta daun. Keahlian pula dibuka kepada mereka yang berumur antara 15 hingga 35 tahun. Mereka juga disyaratkan menjadi ahli Hizbul Muslimin terlebih dahulu dengan membayar yuran langganan sebanyak 30 sen dan yuran langganan Bahagian Belia Hizbul Muslimin sebanyak 30 sen bagi setiap empat bulan. Setiap ahli yang memegang jawatan dalam Bahagian Belia Hizbul Muslimin dilarang menyertai parti politik lain, manakala setiap perhubungan dengan negara luar perlu mendapat kebenaran Hizbul Muslimin terlebih dahulu. Setiap ahli Bahagian Belia Hizbul Muslimin juga akan menjalani latihan seperti pengakap dan bentuk latihan yang lain.

¹⁸⁹ CO 537/3753, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 14/1948, 31 Julai 1948, hlm. 545.





Pada 12 Jun 1948, Bung Shariff Mujuo tiba di Pulau Pinang dan bertolak ke Gunung Semanggol. Beliau merupakan pegawai Barisan Tentera Masyumi di Sumatera dan dilaporkan ingin melawat ke seluruh Tanah Melayu bagi menyiasat aktiviti rakyat Indonesia yang tinggal di Tanah Melayu. Bung Shariff Mujuo akan menjadi salah seorang tenaga pengajar di Maahad al-Ehya Asshariff, Gunung Semanggol. Beliau juga dikenali sebagai Shukor Shariff dan mencadangkan penubuhan Syabab Hiz-al-Musllimin (Bahagian Belia Hizbul Muslimin).¹⁹⁰

Hizbul Muslimin juga disyaki mempunyai kaitan dengan Masyumi (Majlis Syuro Muslimin Indonesia) yang mempunyai ramai pengikut di Indonesia dan sedang merancang untuk menubuhkan cawangannya di seluruh Tanah Melayu.¹⁹¹ Laporan risikan British, perbelanjaan Hizbul Muslimin juga dibiayai oleh Parti Masyumi.¹⁹²

Penubuhan Hizbul Muslimin turut membimbangkan pemimpin Melayu, khususnya pemimpin UMNO. Dato' Onn Jaafar pernah memberi amaran kepada orang Melayu dengan mengatakan bahawa, "hubaya-hubaya musuh turun dari gunung." Gunung yang beliau maksudkan ialah Gunung Semanggol yang menjadi markas Hizbul Muslimin di bawah pimpinan Ustaz Abu Bakar al-Baqir.¹⁹³ Bagi mengembangkan perjuangan

¹⁹⁰ CO 537/3752, Malayan Security Service, Political Intelligence Journal, No.13/1948, 15 Julai 1948, hlm. 487

¹⁹¹Masyumi merupakan sebuah parti Islam yang ditubuhkan di Indonesia pada 1948. Selepas kemerdekaan Indonesia, pembaharuan dilakukan oleh pemimpin Muhammadiyah yang menguasai Masyumi. Walau bagaimanapun, Sukarno mengharamkan parti tersebut pada tahun 1960. Lihat Zachary Abuza, *Political Islam and Violence in Indonesia*, Oxon, United Kingdom: Routledge, 2007, hlm. 15-17.

¹⁹² Lihat *Pan-Malayan Review of Political and Security Intelligence*, No. 1/1948, Part I, *Political Intelligence Review*, 1 September 1948, hlm. 2, dalam CO 537/3754/1948/55400/5/ Part IV, *Malaya: Political Developments, Pan-Malayan Review of Political and Security Intelligence*.

¹⁹³Ahmad Boestamam, "Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA) Lahir: Badan-Badan Kiri Melayu Digabungkan", *Berita Harian*, 10 Oktober 1971, hlm. 2.





politiknnya, Ustaz Abu Bakar menggerakkan Hizbul Muslimin untuk bekerjasama dengan semua pertubuhan di Tanah Melayu secara bersemuka.¹⁹⁴

Untuk menegaskan Hizbul Muslimin bukan mengancam keselamatan negara maka pada 28 Julai 1948, Ustaz Abu Bakar al-Baqir menulis surat kepada Pesuruhjaya Jeneral British. Beliau menyatakan bahawa Hizbul Muslimin merupakan sebuah parti politik yang berasaskan agama Islam dan perjuangannya adalah melalui jalan keamanan mengikut saluran undang-undang negara. Ustaz Abu Bakar al-Baqir menegaskan bahawa tujuan utama penubuhan Hizbul Muslimin adalah bagi membangkitkan keadaan sosial orang Melayu yang beragama Islam, selain meluaskan pemahaman mereka terhadap agama.¹⁹⁵



oleh Komunis dari Indonesia dan parti ini turut mendapat dana dari Masyumi untuk meluaskan pengaruh mereka di Tanah Melayu. British bimbang, perjuangan politik bercorak agama yang diperjuangkan oleh Hizbul Muslimin mampu menarik sokongan orang Melayu dari pelbagai kelas termasuk daripada PKMM dan juga UMNO.¹⁹⁶

Memandangkan pengaruh Hizbul Muslimin begitu cepat berkembang di beberapa negeri di Tanah Melayu, pada 29 Julai 1948 British menangkap beberapa pemimpin tertinggi Hizbul Muslimin dan Bahagian Belia Hizbul Muslimin. Antara

¹⁹⁴ Hizbul Muslimin telah menetapkan bahawa mana-mana individu yang mahu menjadi ahli Hizbul Muslimin perlu membayar yuran kemasukan sebanyak 50 sen, selain yuran langganan sebanyak \$1 bagi tempoh empat bulan. Hizbul Muslimin juga bersedia menerima sumbangan derma dalam bentuk wang CO 537/3751, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 8/1948, 30 April 1948, hlm. 258-259.

¹⁹⁵ *Ibid.*, hlm. 586.

¹⁹⁶ CO 537/3754, *Pan-Malayan Review of Political and Security Intelligence*, No.1/1948, 1 September 1948, Part 1, *Political Intelligence Review*, hlm. 1-2.





yang ditangkap ialah Ustaz Abu Bakar al-Baqir, Ustaz Abdul Rab Tamimi bin Sulaiman (Ketua Propaganda Hizbul Muslimin) dan Ustaz Abdul Rauf bin Ahmad.¹⁹⁷ British menangkap mereka kerana dikatakan sebagai musuh kerajaan dan musuh raja-raja yang terkenal. Mereka dituduh terlibat dalam hampir semua organisasi politik berhaluan kiri.

Dalam kes Ustaz Abu Bakar al-Baqir, beliau dituduh terlibat dalam kegiatan kesusasteraan anjuran komunis ketika ditahan. Ustaz Abdul Rauf pula dituduh sebagai seorang yang kasar, anti kerajaan dan anti raja, malah disyaki bertugas sebagai pegawai peribadi Ustaz Abu Bakar al-Baqir. Beliau juga disyaki sebagai ahli PKM kerana pernah bersahabat dengan orang Cina di Kedah dan Taiping, Perak. Tangkapan juga dibuat terhadap Mohammad bin Abbas, Saidon bin Abdul Jalal, Che Lah bin Haji Mohamed, Mohamed Noor bin Haji Mokhtar dan Anwar bin Haji Taha. Ini menyebabkan Mohamed Asri Muda bertindak menghantar telegram kepada Pesuruhjaya Jeneral British bagi membantah penangkapan mereka. Dalam telegram tersebut, Mohamed Asri menegaskan bahawa Hizbul Muslimin dan Tanah Melayu sentiasa berada dalam keadaan aman dan mempunyai undang-undang yang tersendiri. Beliau juga menyeru agar para pemimpin Hizbul Muslimin dibebaskan atas nama Hizbul Muslimin dan seluruh umat Islam.¹⁹⁸

¹⁹⁷ CO 537/3753, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No.15/1948, 15 Ogos 1948, hlm. 584. Ketiga-tiga mereka ditahan lebih kurang lima tahun dan ditempatkan di beberapa pusat tahanan iaitu bermula di pusat tahanan Taiping (6 bulan), Pulau Jerejak, Pulau Pinang (6 bulan), Tanjung Beruas, Melaka dan Ipoh. Penahanan mereka kemungkinan ada kaitan dengan laporan polis yang dibuat oleh Penghulu Muda yang baru bertugas di Gunung Semanggol pada awal tahun 1948. Beliau merupakan saudara kepada Dato' Zainal Abidin Abas yang merupakan rakan kepada Dato' Onn Jaafar, pengasas UMNO. Kemungkinan bedar beliau dihantar bertugas di Gunung Semanggol atas kehendak UMNO bagi memantau pergerakan Hizbul Muslimin. Lihat Nabir Haji Abdullah, *Maahad II Ithya Assyarif Gunung Semanggol*, hlm. 200.

¹⁹⁸ CO 537/3752, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No.15/1948, 15 Ogos 1948, hlm. 585.





Selepas beberapa pimpinan Hizbul Muslimin ditangkap, Hizbul Muslimin diambang pembubaran. Pada September 1949 kesihatan Haji Ariffin bin Hj Alias yang merupakan Ketua Satu Hizbul Muslimin adalah tidak mengizinkan hingga menyebabkan beliau tidak mampu lagi meneruskan tugasnya. Beliau juga mempunyai hutang dengan pelbagai aktiviti yang dijalankan bersama Lembaga Kesatuan Melayu Johor (LKMJ). Yacob bin Hitam yang merupakan pembantu Setiausaha Hizbul Muslimin juga berhasrat untuk meletakkan jawatan, Pembubaran Hizbul Muslimin pada Oktober 1949 juga menyebabkan Maahad al-Ehya Assyarif mengalami masalah kewangan yang serius. Satu pekeling yang ditandatangani oleh Setiausaha Maahad al-Ehya al-Syarif juga telah diedarkan bagi memohon bantuan kewangan.¹⁹⁹

Pengistiharan darurat yang diisytiharkan pada 12 Jun 1948 di Tanah Melayu dan 24 Jun 1948 di Singapura menyebabkan ramai pemimpin parti politik berhaluan kiri ditangkap seperti Ahmad Boestaman, Ustaz Abu Bakar Baqir, Wahab Mohd Noor. Mereka ditahan kerana dikatakan bersubahat dengan komunis untuk menjatuhkan kerajaan.²⁰⁰ Walaupun Hizbul Muslimin telah dibubarkan dan para pemimpin utamanya ditangkap tetapi perjuangan orang Melayu untuk menuntut kemerdekaan tidak terhenti di situ. Setelah itu Parti Islam Se-Malaya (PAS) muncul pada 1951 menjadi parti yang meneruskan kelangsungan orang Melayu untuk menuntut kemerdekaan daripada penjajahan British.

¹⁹⁹FO 371/76000, *Pan-Malayan Review of Political and Security Intelligence*, No.20/1949, 28 September 1949, *Part 1, Political Intelligence Review*, hlm. 291-292. Sebaik sahaja Maahad al-Ihya' al-Syarif dibuka semula pada 13 Ogos 1948 iaitu sekitar dua minggu selepas penangkapan pemimpin kanan Hizbul Muslimin, jumlah pelajar sekolah tersebut menurun daripada 492 orang pelajar kepada sekitar 250 orang sahaja. Menjelang tahun 1951, jumlah pelajar sekolah tersebut berjumlah sekitar 70 orang sahaja. Lihat Nabir Haji Abdullah, *Maahad II Ihya Assyarif Gunung Semanggol*, hlm. 202-203.

²⁰⁰C.O. 537/2151-*Activities of the Organization known as API*, *The Straits Times*, 1 April 1947.





4.5.3 Parti Islam Se-Malaya (PAS) 1951

Pada 15 Ogos 1951, satu persidangan ulama Tanah Melayu diadakan di Kuala Lumpur. Tuan Haji Ahmad Fuad bin Hassan yang merupakan Pengerusi Bahagian Agama UMNO, berhasrat mewujudkan sebuah badan agama UMNO yang lebih luas dan besar peranannya. Bagi memenuhi hasrat tersebut maka ditubuhkan sebuah persatuan yang akhirnya dikenali sebagai Persatuan Alim Ulama Malaya. Melalui beberapa siri penganjuran seminar Persatuan Alim Ulama ini yang diadakan bermula di Muar pada 1951, diikuti persidangan di Kuala Lumpur, Kepala Batas dan akhirnya pada 24 November 1951 di Seberang Perai, nama persatuan itu ditukar kepada Persatuan Islam Se-tanah Melayu ataupun PAS. Daripada motif asalnya hanya untuk menubuhkan badan ulama UMNO sahaja, badan ini akhirnya menjadi sebuah parti politik Islam apabila undang-undang tubuh dan namanya dipinda. Tuan Haji Ahmad Fuad dilantik sebagai Yang Dipertua pertama persatuan tersebut dan Tuan Haji Ahmad Maliki memegang jawatan setiausahanya.²⁰¹

Penubuhan PAS mendapat sokongan orang Melayu dengan harapan dapat mempertahankan hak dan kemuliaan agama. PAS telah memperkenalkan dirinya sebagai parti alternatif kepada badan-badan politik yang sedia ada bagi memperjuangkan hak ketuanan Melayu dan Islam. Rakyat mula menyedari UMNO gagal memperjuangkan kemerdekaan tanah Melayu. Justeru telah mula kedengaran untuk menubuhkan parti politik Islam bagi mempertahankan hak bangsa Melayu dan Islam daripada ancaman bangsa asing. Majalah *Qalam* yang diterbitkan di Singapura

²⁰¹ Lihat Transkrip Pita Nombor 1, wawancara Sidek Jamil dari Arkib Negara Malaysia bersama Y.B Dato Haji Hassan Adli bin Mohamad Arshad pada 15 ogos, 1978, hlm. 7-8.





telah mengingatkan bahawa cita-cita perjuangan Melayu tidak akan berhasil menurut apa yang diinginkan, kalau hanya diperjuangkan oleh pemimpin kebangsaan sahaja bahkan memerlukan pimpinan ulama. Tegas majalah itu lagi, “telah tiba masanya untuk mencampakkan diri bagi menentukan nasib bangsa Melayu yang sedang berkehendak kepada pemimpin yang selamat sempurna dan tidak akan selamat selama-lamanya kiranya tenaga Islam dibelakangkan.”²⁰²

PAS juga membawa harapan untuk meneruskan perjuangan Hizbul Muslimin yang terhalang ekoran pengharamannya oleh British setelah darurat diisytiharkan 18 Jun 1948 diseluruh negeri. Pengharaman tersebut turut membawa padah juga kepada PKMM, Angkatan Wanita Insaf dan juga Pembela Tanah Air. Untuk meneruskan kelangsungan perjuangan menuntut kemerdekaan yang ditinggalkan oleh pejuang terdahulu maka Persatuan Islam se-Malaya (PAS) muncul pada 1951 bagi melanjutkan perjuangan Hizbul Muslimin. Pada persidangannya di Kepala Batas pada 4 Januari 1953, PAS menetapkan matlamat perjuangannya iaitu menegakkan sebuah negara yang merdeka yang bercorak Islam. Antara matlamatnya adalah seperti berikut:

1. Berusaha dengan kuat untuk memperkenalkan kepada rakyat jelata akan kemerdekaan yang tulen serta menanam ke dalam jiwa mereka semangat kemerdekaan itu sambil menunjukkan cara-cara mencapainya.
2. Berusaha dengan kuat memperkenalkan demokrasi yang sejati dan menyatakan faedah-faedahnya kepada negara dan umat Islam serta berusaha menanamkan semangat

²⁰² *Majalah Qalam*, Jun 1951.





demokrasi ke dalam jiwa masing-masing sambil menunjukkan cara-cara bagi mencapai demokrasi.

3. Mengatur dengan kemas cita-cita merdeka PAS dan menjalankan segala tanggungjawab yang berkaitan dengan agama Islam.
4. Berikhtihar memperkenalkan diri PAS (sebagai mewakili umat Islam Melayu) kepada alam Islamiah dan badan-badan kebajikan Islam di seluruh dunia serta membuat perhubungan dengannya, sama ada dalam perkara-perkara kebajikan bagi Malaya khususnya dan dunia amnya.
5. Berikhtiyar melaksanakan hukum-hukum Islam.²⁰³

Setelah Hj Ahmad Fuad meletak jawatan, Dr. Abbas Alias menjadi pemangku Yang Dipertua PAS bermula pada 1953 hingga 1956.²⁰⁴ PAS mula mengubah dasarnya untuk membebaskan Tanah Melayu daripada belunggu penjajahan British dan menegakkan sebuah pemerintah Islam berlandaskan al-Quran dan al-Hadis. Maka untuk mencapai matlamat itu, PAS bekerjasama dengan parti-parti lain untuk mendesak British memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu.

²⁰³ *Majalah Qalam*, Januari 1953.

²⁰⁴ Pada awal penubuhan PAS ini, terdapat dua perhimpunan di peringkat nasional iaitu *National Convention* ataupun Perhimpunan Kebangsaan yang ditaja oleh Tunku Abdul Rahman di bawah UMNO dan satu lagi perhimpunan dikenali sebagai *National Conference* atau Persidangan Kebangsaan yang ditaja oleh Datuk Onn bin Jaafar di bawah IMP. Tujuan *National Conference* adalah untuk mencantumkan badan-badan politik di bawah satu lambang. Selaku Yang Dipertua PAS, Tuan Haji Ahmad Fuad menyokong Datuk Onn bin Jaafar dan berhasrat membawa PAS di bawah payung *National Conference*. Manakala Hj Ahmad Badawi dan Hj Ahmad Maliki keluar daripada PAS dan menyokong gagasan Tunku Abdul Rahman di bawah *National Convention*. Pimpinan PAS berpecah dan ahli-ahlinya pula dalam dilemma. Justeru, untuk merungkai permasalahan tersebut satu satu Kongres Khas PAS diadakan pada 23 September 1953 di Bukit Mertajam yang dipengerusikan oleh Hj Hassan Adli, selaku Pengerusi Tetap kongres berkenaan. Satu keputusan bersama telah dibuat bersama-sama kongres dan akhirnya PAS mengambil keputusan untuk menyertai *National Convention* di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman. PAS mendapati gagasan *National Convention* didapati lebih tegas dalam menuntut kemerdekaan berbanding *National Conference* di bawah Datuk Onn Jaafar yang dilihat merelakan dirinya mematuhi syarat-syarat yang ditawarkan oleh British seperti perlu bertolak ansur dengan kaum-kaum lain. Ekoran itu, Hj Ahmad Fuad mengundurkan diri daripada jawatan Yang Dipertua Agung PAS dan mengistiharkan keluar terus daripada PAS. Lihat Transkrip Pita Nombor 1, wawancara Sidek Jamil dari Arkib Negara Malaysia bersama Y.B Dato Haji Hassan Adli bin Mohamad Arshad pada 15 Ogos, 1978, hlm. 9-10.





Untuk mengimbangi pengaruh UMNO yang semakin kuat maka pada 26 Disember 1956 dalam Kongres PAS yang Ke-5, satu keputusan dibuat dengan melantik Dr Burhanuddin sebagai Yang Dipertua Parti Islam Se-Malaya (PAS).²⁰⁵ Kemunculan PAS semakin menyerlah pada masa PAS berada di bawah pimpinan Dr. Burhanuddin al-Helmi (1956-1964).²⁰⁶ Pada pandangan beliau, PAS adalah parti Melayu yang mempunyai landasan perjuangan yang berteraskan Islam dan kebangsaan Melayu.

*Those who naively say that PAS is a party of Pak Lebai should look around them, should turn to the Middle East. As whether or not PAS is competent in its role in the struggle of national liberation, Middle East provides the example that a state, a nation cherish by every Muslim patriot will not be realized unless the national struggle has brought about genuine independence liberation has been genuinely fulfilled.*²⁰⁷



Pada awalnya, British menganggap PAS merupakan sebuah parti yang tidak penting dan tidak mempunyai pengaruh kerana pucuk pimpinannya hanya mengutamakan soal agama daripada hal ehwal politik. Namun penyertaan Dr. Burhanuddin dalam PAS ternyata membimbangkan British. Ini memandangkan beliau adalah seorang pemimpin yang anti-British dan bercita-cita untuk membentuk sebuah negara Islam. Semenjak itu PAS mendapat perhatian serius daripada risikan British.²⁰⁸

²⁰⁵ SP. 28/ A/ 36, Beberapa surat Dr Burhanuddin kepada Hassan Adli tentang pelawaan untuk menjadi Yang Dipertua PAS.

²⁰⁶ *Report on the Parliamentary and state Election 1959, Federation of Malaya, Government Press Kuala Lumpur, 1960, hlm. 12* menunjukkan dalam Pilihanraya Umum 1959, PAS memenangi 42 kerusi iaitu 20.7% daripada keseluruhan kerusi. Manakala kerusi Parlimen pula sebanyak 13 kerusi atau 21.3% daripada jumlah kerusi yang dipertandingkan. Ini merupakan pencapaian PAS terbaik sejak memasuki pilihanraya dan dalam Pilihan Raya ini PAS berjaya menguasai negeri Kelantan.

²⁰⁷ Ucapan Dr. Burhanuddin al-Helmi, YDP PAS pada 25 Disember 1956.

²⁰⁸ 'PAS Pentingkan Politik Daripada Agama', Risalah Jawatankuasa Penerangan Majlis Tertinggi UMNO dlm. *Utusan Malaysia*, 17 dan 18 Februari 1995.





Kemasukkan Dr. Burhanuddin al-Helmy sebagai Presiden PAS berlaku selepas pilihan raya 1955. Kemasukannya adalah sebagai pengkritik kepada usaha Perikatan yang begitu berlembut dengan Suruhanjaya Reid. Selain beliau, Dr Burhanuddin dan pemimpin Parti Negara (PN), People's Progressive Party (PPP), Malayan Social Front (MSF), Malayan Party turut mengkritik Perikatan. Dato Onn, Ahmad Boestaman, Tan Chee Koon, D.R. Seenivasagam, Khadijah Sidek, Zulkifli Mohamad turut mengkritik UMNO dan Perikatan. Kritikan utama mereka tertumpu kepada cadangan perlembagaan Suruhanjaya Reid yang menjadi pendraf perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

Suruhanjaya Reid ini dibentuk pada awal bulan Mei 1956 dengan dianggotai oleh lima orang wakiil dari England, Pakistan, India, Australia dan Kanada. Mereka dilantik oleh British dan Perikatan. Dr Burhanuddin sebagai pemimpin PAS telah mengkritik Perikatan. Isu-Isu yang dibangkitkan adalah hal yang berkaitan pelantikan suruhanjaya itu sendiri yang tidak melibatkan seorangpun rakyat Tanah Melayu, isu *Jus Soli*, penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, kedudukan istimewa orang Melayu, sistem pertahanan Tanah Melayu dan pendidikan kebangsaan.²⁰⁹

Rasa tidak puas hati PAS terhadap cadangan Suruhanjaya Reid iaitu menjadi bahan ucapan Dr. Burhanuddin dalam rapat umum PAS di serata Tanah Melayu. Misalnya dalam rapat umum di Padang Malaya Kuala Terengganu pada 17 Mac 1957, di hadapan 2000 pendengar, beliau melihat “syor-syor Suruhanjaya Reid itu merugikan umat Melayu, terbabas jauh dari keadilan.” Nama bangsa Melayu terhapus dan jaminan

²⁰⁹ Ramlah Adam. 1974. *Dato' Onn Ja'far: Pengasas Kemerdekaan*, hlm. 325-351.





kedaulatan bangsa Melayu dan agama Islam telah ditinggalkan. Memorandum PAS yang dihantar kepada Suruhanjaya Reid adalah inti pendapat Dr Burhanuddin sebagai pemimpin PAS yang disokong oleh pemimpin-pemimpin utama PAS yang lain seperti Zulkifli Mohamad, Haji Othman Abdullah, Mohd Asri Muda dan Haji Hassan Adli. Inilah juga pendirian PAS sebagai sebuah parti politik Melayu. Antara dasar memorandum tersebut yang menjadi dasar utama yang dipertahankan PAS adalah:

1. Bahawa negeri ini adalah negeri Melayu dan hak bangsa Melayu yang telah dibuktikan oleh sejarah dan diakui oleh undang-undang dari satu masa ke satu masa.
2. Adalah tugas Suruhanjaya itu menetapkan bahawa kedudukan bangsa Melayu di negeri ini ialah mereka mempunyai kedaulatan mutlak di dalamnya.



3. Bahawa persamaan hak dan kerakyatan Jus Soli yang dituntut oleh orang-orang dagang itu dengan alasan bahawa adalah hak asasi manusia tidaklah boleh dijadikan sandaran dalam hal ini dalam negeri ini sebab kebanyakan mereka bukanlah rakyat negeri ini.

4. Perlembagaan negeri ini hendaklah diasaskan dan dirangkakan menurut tuntutan keadaan politiknya, bentuk masyarakatnya dan ilmu alam tanahnya. Politik negeri ini menyatakan bahawa bangsa Melayu adalah bumiputera negeri ini dan kedaulatan politik adalah di tangan mereka dengan ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan-sultan Melayu sebagai kepala negeri dan orang-orang asing biar apa pun kedudukan mereka adalah menumpang dalam negeri ini dan taraf mereka adalah sebagai orang dagang sahaja.



5. Oleh kerana keadaan politik negeri ini seperti di atas, maka bentuk masyarakatnya dan kebudayaannya mestilah mengikut kedaulatan bangsa Melayu itu. Dalam Perlembagaan negeri ini hendaklah ditegaskan bahawa kebudayaan negeri ini hendaklah diasaskan atas kebudayaan Melayu dengan agama Islam sebagai agama rasminya, susunan masyarakat dan pelajaran negeri ini hendaklah dipancarkan dan menuju perkembangannya.²¹⁰

Berdasarkan memorandum dan dasar PAS di atas jelas menunjukkan prinsip Dr. Burhanuddin al-Helmy sebagai pengemudi PAS yang ingin membentuk kemerdekaan Tanah Melayu secara total agar menjadi hak milik orang Melayu. Justeru, tidak hairanlah prinsip *Jus Soli* yang digagaskan dalam Suruhanjaya Reid ditolak oleh Dr. Burhanuddin al-Helmy. Perjuangan beliau dan PAS adalah untuk memastikan kedaulatan Melayu dan Raja-raja Melayu sebagai ketua negeri-negeri Melayu tidak tergugat dan baginya prinsip *Jus soli* hanya layak kepada orang Melayu secara automatik. Begitu juga prinsip kebudayaan penduduk mestilah mengikut kedaulatan bangsa Melayu bertunjangan Islam sebagai agama rasmi dengan sistem pendidikan berpaksikan Islam dengan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Bagi mempertahankan lagi kedudukan politik orang Melayu, Dr Burhanuddin mengeluarkan satu kenyataan untuk membangkang taraf jus soli kepada orang-orang asing di negeri ini. Kenyataan itu menyebut:

Semua penduduk persekutuan Tanah Melayu ini tahu dengan terangnya bahawa orang Melayu adalah bumiputera yang asal dan berdaulat dalam negeri ini. Duli-duli Yang Maha Mulia Sultan-Sultan Melayu yang sekarang mengepalai negeri-negeri Melayu adalah lambang keagungan bangsa Melayu

²¹⁰ SP 28/A/18, Kongres PAS 1962-1964, "Memorandum Persatuan Se-Malaya (PAS) kepada Suruhanjaya Bebas.



di negeri ini. Ini bukan bermakna bahawa orang bukan Melayu tiada mendapat tempat dan hak di negeri ini. Sebaliknya orang Melayu telah menerima baik kedatangan mereka dan memberi peluang seluas-luasnya bukan sahaja untuk tinggal di negeri ini tetapi juga menikmati hidup...dipandang dari segi politik tiada satu negeri atau bangsa pun di dunia ini yang lebih pemurah kepada orang asing daripada Tanah Melayu dan orang Melayu... Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu (1948) dengan peraturan *State Nationality* telah memberi seluas-luasnya peluang kepada penduduk negeri ini yang mengakui negeri ini sebagai tanah airnya.²¹¹

Berdasarkan kenyataan Dr. Burhanuddin tersebut jelas menunjukkan bahawa orang bukan Melayu telahpun mendapat hak untuk tinggal di negara ini dan *Jus soli* tidak perlu lagi dilaksanakan. Beliau menolak dasar tersebut yang dianggapnya sebagai “senjata yang tajam untuk menghancurkan pemilikan dan hak mutlak bangsa Melayu.”²¹² Menurut beliau, pemilikan kepentingan orang Melayu akan tenggelam kerana jumlah bukan Melayu adalah lebih besar daripada mereka. Orang Melayu akan menjadi minoriti di negerinya sendiri.²¹³ Berdasarkan perangkaan kerajaan British, jumlah mereka yang diberi sijil kerakyatan di bawah dasar kelahiran dalam *State Nationality* mengikut laporan tahunan 1953 adalah seperti jadual berikut:

Jadual 4.3

Pemberian Sijil Kerakyatan *State Nationality* 1953²¹⁴

Melayu	Cina	India,Pakistan, Sri Langka	Lain-lain	Jumlah
4379	4407	1071	1932	11,789

²¹¹ SP 28/A/9-PAS 1955-1958, Persatuan Islam Se-Malaysia tentang isu *Jus soli*.

²¹² *Utusan Melayu*, 3/8/1959.

²¹³ SP 28/A/9- Surat Persendirian PAS tentang isu *Jus Soli*.

²¹⁴ Dipetik dan disesuaikan daripada *Federation of Malaya, Annual Report of 1953*. Kuala Lumpur: Government Printer, hlm. 19.



Berdasarkan jadual 4.3 di atas, jika *Jus Soli* diamalkan sudah tentu dominasi orang Melayu sebagai penduduk asal di negara ini akan tergugat sebagai kaum majoriti. Jika diperhatikan sebelum dikuatkuasakan *Jus Soli* lagi, seramai 4407 orang Cina dan 1071 orang orang India, Pakistan dan Sri Langka telah mendapat sijil kelahiran di bawah dasar *State Nationality*. Jika *Jus Soli* dikuatkuasakan, sudah pasti dengan lebih mudah bangsa asing mendapat kerakyatan Tanah Melayu. Dr. Burhanuddin tidak yakin dengan kesetiaan orang bukan Melayu yang baharu berhijrah kepada Persekutuan Tanah Melayu terutama kesetiaan mereka kepada raja-raja Melayu. Orang bukan Melayu yang tinggal di bandar dan terasing daripada kebudayaan Melayu yang bertunjangan ketuanan Raja Melayu sebagai paksi kebudayaan, tidak mungkin dapat menunjukkan pengabdian perasaan dan kesetiaannya kepada raja-raja Melayu. Kebimbangan Dr. Burhanuddin al-Helmy adalah berasaskan kepada kenyataannya

seperti berikut:

Jika tiap-tiap seorang diperanakkan di sini tanpa mengira bangsanya dari mana asalnya dan berapa lama ibu bapanya mereka berada di sini dan apa taraf politik mereka, diterima menjadi rakyat maka negeri ini adalah terbuka kepada pencerobohan dan pengkhianatan kepadanya pada masa akan datang. *Jus soli* akan membawa rakyat yang ketaatan mereka belum diketahui dan uji. Satu negeri baru bangun seperti Malaya ini tentulah tidak dapat subur jika rakyatnya tiada benar-benar taat kepadanya, apa lagi jika mereka mempunyai ketaatan dan perhubungan rohani dengan negeri asal mereka.²¹⁵

Namun begitu, bukanlah bermakna Dr. Burhanuddin menolak langsung kehadiran bangsa asing di Tanah Melayu tetapi beliau menentang *Jus Soli* kerana dasar itu dilihat dengan begitu longgar memberi kerakyatan kepada bangsa asing. Justeru, Dr. Burhanuddin al-Helmy dan PAS dalam memorandumnya mencadangkan satu sistem

²¹⁵ SP 28/A/9-PAS 1955-1958, Persatuan Islam Se-Malaya maklumat tentang *Jus Soli*.

kerakyatan yang patut dijalankan di Tanah Melayu. Menurutnya, asas kerakyatan Persekutuan 1948 hendaklah dipakai dengan perubahan tertentu iaitu:

- 1) Seseorang dagang yang memohon kerakyatan patutlah tinggal di sini selama 15 tahun dengan tiada putus-putusnya.
- 2) Sesiapa yang telah tinggal tetap di Tanah Melayu ini boleh memilih untuk menjadi orang dagang atau menjadi rakyat negeri ini.²¹⁶

Berdasarkan memorandum yang dibawa oleh Dr. Burhanuddin al-Helmy, kerakyatan *Jus Soli* hanya diberi kepada penduduk asal di negara ini dan orang bukan Melayu boleh memperoleh kerakyatan sekiranya telah tinggal di negara ini lebih 15 tahun. Mereka juga diberi pilihan sama ada mahu menjadi rakyat Tanah Melayu ataupun tidak. Sikap yang ditunjukkan oleh Dr. Burhanuddin al-Helmy ini lebih meyakinkan orang Melayu berbanding dengan keterbukaan pimpinan Tunku Abdul Rahman dan UMNO dalam menerima kerakyatan bukan Melayu berdasarkan prinsip *Jus Soli*.²¹⁷

Pada 24 Ogos 1957, sebagai Yang Dipertua PAS, Dr. Burhanuddin al-Helmy dalam ucapannya semasa Kongres PAS di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur beliau menegaskan tentang kepentingan bangsa Melayu dan Islam sebagai dasar kemerdekaan Tanah Melayu dengan menjadikan Islam sebagai teras dalam pemerintahan negara. Menurut beliau:

²¹⁶ SP 28/A/18-Kongres PAS 1962-1964.

²¹⁷ UMNO mencapai persetujuan dengan MCA dan MIC pada tahun 1955 dalam menghadapi pilihan raya 1955. Namun untuk menjaga kepentingan UMNO dalam pilihan raya 1955, persetujuan itu tidak dimasukkan. Sebaliknya soal-soal yang tidak sensitive dijadikan landasan Manifesto Perikatan. Untuk keterangan lanjut lihat akhbar UMNO yang memberi persetujuan itu, *Malaya Merdeka*, 19/5/1956, 26/4/1956, 7/6/1956; G.P. Means, *Malaysian Politics*, hlm. 164-165.



Cintakan cita-cita Islam berdiri di atas bumi pusaka ini dengan rupa bangsa dan kebangsaan Melayu itulah dasar suci perjuangan kita. PAS berjuang kerana kebebasan dan kemerdekaan dengan dasar demokrasi. Kemerdekaan bagi PAS adalah kemerdekaan bangsa dan negara dan setelah berjalan hukum-hukum Islam pada orang perseorangan, masyarakat dan negara.²¹⁸

Tuntasnya, perjuangan Dr. Burhanuddin al-Helmy dalam PAS amat jelas. Beliau ingin memperjuangkan kemerdekaan mengikut acuan Islam dengan rupa paras Melayu iaitu dengan menegakkan hukum Islam dalam pemerintahan dan memastikan kedudukan bangsa Melayu terus hidup di bumi Melayu. Sebagai reformis Kaum Muda, sudah pasti Dr. Burhanuddin al-Helmy amat mementingkan nilai-nilai pembaharuan dalam masyarakat dan negara demi memastikan orang Melayu dan Islam menghayati agama dalam kehidupan seharian hinggalah kepada peringkat pemerintahan bernegara. Untuk itu beliau menggariskan beberapa langkah dalam kongres berkenaan. Antaranya adalah memberi ilmu agama yang betul kepada ahli-ahli PAS supaya mereka mempunyai kefahaman yang betul terhadap Islam dan mampu meningkatkan penyebaran pengaruh Islam yang diperjuangkan oleh PAS. Disamping itu mencadangkan agar PAS juga menambahkan dan menguatkan lagi dakwah Islam dengan menubuhkan Dewan Ulama, Pemuda dan Muslimah. Justeru, dengan langkah-langkah berkenaan beliau mengharapkan PAS akan dapat memayungi masyarakat dengan ajaran Islam dan menyampaikan seruan tersebut melalui wadah politik Islam.

Demi memastikan kedaulatan Melayu terus dominan, Dr. Burhanuddin al-Helmy turut menuntut nama kebangsaan Tanah Melayu merdeka dengan nama “Melayu”.²¹⁹ Penggunaan nama tersebut telah lama beliau gagaskan sewaktu

²¹⁸ SP 28/A/30, Kongres PAS, Peringatan Mesyuarat Agung PAS yang keenam pada hari Sabtu dan Ahad 24-25 Ogos 1957, di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur, hlm. 7, 9 dan 10.

²¹⁹ Ibid., hlm. 8.





bekerjasama dengan bukan Melayu (AMCJA-PUTERA) untuk menentang UMNO. Penggunaan nama Melayu tersebut turut diterima oleh orang-orang Cina dalam AMCJA semasa beliau memimpin PUTERA ketika membentuk Perlembagaan Rakyat dengan AMCJA pada 1947 lagi.²²⁰ Keengganan Perikatan menggunakan kebangsaan Melayu menunjukkan mereka tiada kesedaran langsung untuk menjaga hak ketuanan Melayu. Lantaran itu, Dr. Burhanuddin al-Helmy telah menulis sepucuk surat kepada kerajaan Perikatan. Penolakan Tunku Abdul Rahman itu menunjukkan UMNO telah lemah dalam Perikatan kerana menidakkan hak kebangsaan Melayu sebagai kebangsaan yang berdaulat di negara ini.²²¹

Selain itu Dr. Burhanuddin al-Helmy turut menganggap UMNO gagal memperjuangkan kedaulatan Raja-Raja Melayu sebagai tonggak ketuanan Melayu.

Menurut beliau, UMNO menodai kedaulatan raja-raja Melayu. Hal ini dapat digambarkan dalam kenyataan berikut:

Perikatan telah mencerooboh hak kedaulatan raja-raja Melayu yang menjadi punca simbol kebangsaan Melayu di negeri ini sejak turun-temurun itu. Tiada bererti jika nama-nama sultan Melayu itu Melayu sedang Melayu tidak boleh dijadikan nama kebangsaan rakyatnya. Kerakyatan negeri-negeri Melayu yang dinamakan rakyat raja itu tentulah bersifat Melayu, dan ini pula terceroboh sekiranya Perikatan mengatakan tiada boleh dijadikan Melayu sebagai kebangsaannya.²²²

Walau bagaimanapun, kebimbangan UMNO adalah berasaskan sekiranya bangsa lain ini dinamakan dengan bangsa Melayu juga, seolah-olah bangsa lain juga akan terus menjadi bangsa Melayu. Mereka akan turut menikmati keistimewaan dalam

²²⁰ SP 28/A/9-PAS 1955-1958, Siaran Politik, 1/9/1958.

²²¹ *Ibid.*, hlm. 1.

²²² *Ibid.*, hlm. 1.





Perlembagaan 1957 yang memberi peruntukan istimewa kepada orang Melayu untuk mendapatkan biasiswa, lesen dan tanah bagi orang Melayu. Dengan menggunakan nama kebangsaan Melayu, hak itu akan dinikmati oleh semua keturunan.²²³ Namun begitu, bagi Dr. Burhanuddin al-Helmy pula, dakwaan UMNO itu boleh disangkal kerana penggunaan nama Melayu sebagai kebangsaan itu adalah roh kepada kedudukan politik orang Melayu sebagai peribumi dan orang bukan Melayu pula hanya memperoleh kerakyatan dan bukannya kebangsaan sejati sebagai hak mutlak. Penggunaan kebangsaan Melayu itu bererti Dr. Burhanuddin al-Helmy mahu mengembalikan hak ketuanan bangsa Melayu.

Malah jika ditinjau pada hari ini, jika gagasan ini dipraktikkan sejak dahulu lagi, rakyat Malaysia tidak perlu lagi bercakap atau berjuang atas dasar perkauman Melayu, Cina, India dan sebagainya kerana mereka telah diwarganegarkan dengan konsep kewarganegaraan Melayu. Perpaduan nasional akan menjadi lebih utuh dan perjuangan berlandaskan perkauman tidak kedengaran lagi setelah negara menikmati kemerdekaan. Konsep kewarganegaraan Melayu adalah nama kepada kewarganegaraan Melayu menjadikan setiap rakyat itu taat dan setia kepada negara. Setiap rakyat dilindung dan dibantu berasaskan keperluan mereka dan bukannya berasaskan perkauman. Setiap rakyat yang miskin akan dibantu tanpa mengenal warna kulit. Orang Melayu tidak akan tertindas di bumi sendiri dan sudah pasti mereka akan mendapat perhatian daripada kerajaan kerana bangsa Melayu tertinggal dalam serba serbi dalam aspek kehidupan. Konsep kewarganegaraan ini akan menyebabkan kerajaan mengamalkan konsep keadilan di atas keperluan rakyat dan bukannya di atas sentimen perkauman.

²²³ SP 28/A/9-PAS 1955-1958, Surat Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman kepada Setiausaha Agung PAS, 10/9/1958.





Dr. Burhanuddin al-Helmy turut memperjuangkan soal pertahanan Tanah Melayu. Mengikut perjanjian antara British dengan kerajaan Perikatan, Tanah Melayu akan dijaga oleh tentera luar iaitu pasukan British dan askar Komanwel yang lain selama 25 tahun selepas merdeka. Ini sesuai dengan Pakatan Keselamatan Asia Tenggara yang diketuai oleh British. Tujuannya bagi mengelakkan pengaruh komunis menguasai Asia Tenggara apabila negara-negara bekas jajahan British di rantau ini mencapai kemerdekaan.²²⁴ Namun begitu, penguasaan British terhadap pertahanan Tanah Melayu merdeka dibantah oleh Dr. Burhanuddin al-Helmy. Hal ini kerana pengawalan British terhadap pertahanan dan keselamatan Tanah Melayu itu menunjukkan Tanah Melayu tidak lagi merdeka dari segi pertahanannya. Tanah Melayu masih lagi dijaga keselamatannya dan campur tangan luar pasti berlaku terhadap kedaulatannya. Justeru, Dr. Burhanuddin al-Helmy mendesak pertahanan itu dipegang oleh anak negeri dengan menubuhkan tentera tempatan dan memperluaskan pasukan Askar Melayu.²²⁵



Tuntutan Dr. Burhanuddin al-Helmy dan PAS ini mewakili desakan orang Melayu yang sangat kuat mempertahankan kedudukan mereka dalam politik Tanah Melayu. Sebagai sebuah parti yang memang bergantung pada sokongan orang Melayu, desakan-desakan ini adalah sangat wajar sekali. Desakannya itu juga merupakan interpretasi kepada kekurangan usaha UMNO yang dilihat gagal melindungi kepentingan orang Melayu terutama dalam soal kuasa politik pada hari muka. PAS perlu harus dilihat berbeza daripada UMNO untuk mendapatkan sokongan orang Melayu yang tidak berpuashati dengan ideologi dan perjuangan UMNO.

²²⁴ Lihat Ramlah Adam, *Burhanuddin al-Helmy: Suatu Kemelut Politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003, hlm. 161.

²²⁵ *Ibid.*





UMNO dilihat seolah-olah menjadi lemah kerana tidak mempertahankan kepentingan orang Melayu terutama soal kerakyatan yang terlalu terbuka dan gagal mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. UMNO dilihat gagal menjadi parti yang diharapkan untuk membela bangsa Melayu. PAS di bawah kepimpinan Dr Burhanuddin al-Helmy mengambil kesempatan dalam lompang kekecewaan orang Melayu dengan cuba memperjuangkan hak ketuanan Melayu di ambang kemerdekaan ini. Justeru beliau bergabung dengan parti yang lain untuk mendapat sokongan yang lebih bersepadu bagi menekan Suruhanjaya Reid yang secara jelas tidak melindungi hak-hak orang Melayu terutamanya dalam hal *Jus Soli*.

PAS dan parti-parti Melayu yang lain seperti Parti Negara, Parti Rakyat Malaya, dan Persatuan Melayu Semenanjung telah mengadakan Kongres Kebangsaan Melayu ke-2 pada 4 hingga Mei 1957 di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru. Haji Yahya Syeikh Ahmad, bekas pemimpin UMNO Setapak menjadi Pengerusi Jawatankuasa Kongres 1957 tersebut. Dalam surat jemputannya kepada persatuan-persatuan Melayu, beliau telah memberikan sebab perlunya kongres itu patut diadakan. Baginya kongres ini sangat penting untuk membela nasib politik orang Melayu. Menurutnya:

Panitia Kongres Kebangsaan Melayu Kedua ini memandang berat kepada terpesongnya UMNO dari landasan seperti yang telah ditegaskan oleh Yang Dipertua Agungnya itu lebih-lebih lagi memandang berat kepada syor-syor yang telah dikemukakan oleh Majlis Tertinggi Perikatan UMNO-MCA-MIC dan kepada kebanyakan syor-syor yang telah diterima oleh suruhanjaya Reid adalah bertentangan dengan kepentingan-kepentingan orang Melayu.²²⁶

²²⁶ *Kritik*, 1/5/1957.





Kongres ini juga telah membuat cadangan-cadangan balas yang mengecam UMNO yang menerima prinsip *Jus Soli* dalam Suruhanjaya Reid. Kongres ini turut ditaja oleh ahli-ahli UMNO yang tidak berpuas hati dengan tolak ansur UMNO terhadap MCA dan MIC terutama dalam soal *Jus Soli*. Mereka membantah kerana prinsip *Jus Soli* ini tidak dibincangkan dalam agenda Mesyuarat Agung UMNO. Sebaliknya agenda sepeenting itu hanya diberi mandat kepada pucuk pimpinan tertinggi UMNO untuk membuat keputusan. Majlis Kerja Tertinggi UMNO, Dato Abdul Razak menyerahkan hal itu kepada kebijaksanaan pucuk pimpinan.²²⁷ Dato' Raja Abu Hanifa, yang mengetuai UMNO Negeri Sembilan menentang keputusan persidangan ini.²²⁸ Seramai 10 orang memprotes keluar daripada persidangan dan akhirnya mereka disingkirkan daripada UMNO. Selain daripada itu, mereka berpakat dengan beberapa pemimpin UMNO bahagian Kuala Lumpur dan Setapak yang juga tidak berpuas hati dengan tindakan UMNO Pusat merelakan gagasan *Jus Soli* itu. Adanya pakatan itu menunjukkan ramai ahli UMNO tidak berpuashati dengan tolak ansur para pemimpin UMNO berkenaan. Malah dalam akhbar UMNO sendiri pun telah keluar empat siri terbitan yang mengemukakan penentangan itu. Hal ini dinyatakan seperti berikut:

Menerima dasar *Jus Soli* bermakna memaksakan kerakyatan kepada mereka yang lahir di dalam negeri ini dengan tidak bersyarat. Taat setia seseorang itu belum diketahui dan boleh jadi ia tidak mengetahui langsung bahasa Melayu, adat resam dan tawarikhnya. Sebagaimana yang dituntut oleh undang-undang

²²⁷ Mesyuarat Agung UMNO Tergempar diadakan pada 28 Mac 1957 di Kuala Lumpur dan keputusan mesyuarat itu menyatakan bahawa “Perhimpunan Agung UMNO yang bersidang pada hari ini setelah mendengar keterangan-keterangan dan penjelasan-penjelasan daripada Yang Dipertua dan Ahli-ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO dengan sebulat suara bersetuju menyokong Kertas Putih Kerajaan yang mengandungi pindaan-pindaan atas Penyata Suruhanjaya Reid itu untuk menjadi asas Perlembagaan bagi Persekutuan Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957 ini”. Ibrahim Mahmood 1981. *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara, hlm. 572.

²²⁸ Beliau adalah seorang tokoh UMNO Negeri Sembilan yang dihormati yang kemudiannya menjadi ahli Parlimen PAS dari tahun 1959-1964. Beliau ditangkap kerana dikatakan bersubahat dengan Parti Komunis Indonesia untuk mengganyang Malaysia. Beliau juga dituduh oleh kerajaan Perikatan sebagai salah seorang pengasas kerajaan buangan dan perancang kepada usaha ketenteraan untuk menjatuhkan kerajaan. Beliau turut dituduh menerima bantuan kewangan daripada Parti Komunis Indonesia bagi pilihan raya 1964 bagi pihak PAS. Lihat, Malaysia, *A Plot is Exposed, Cmd. 12 Of 1965, Government Printer, 1965*.





kerakyatan negara-negara yang maju dalam dunia ini. Oleh kerana bangsa asing mempunyai taraf hidup yang tinggi daripada orang Melayu bilangan anak-anak mereka yang hidup pada tiap-tiap tahun adalah berlebih daripada anak-anak Melayu. Jadi pertambahan orang Melayu adalah lebih perlahan. Masanya akan tiba apakala rakyat Persekutuan dari bangsa asing akan melebihi rakyat bangsa Melayu. Sekiranya rakyat bukan Melayu menyamai orang Melayu, kuasa politik Melayu tidak akan terjamin kekal ditangan bangsa Melayu.²²⁹

Para pemimpin Melayu yang anti-UMNO seperti Dr. Burhanuddin dan Dato Onn Jaafar menggunakan kesempatan yang ada setelah terdapat ahli-ahli UMNO dan bekas-bekas ahli yang kecewa dengan pendirian UMNO. Mereka mempengaruhi orang ramai agar jangan menyokong UMNO yang secara terang-terang tidak membela orang Melayu. Dr. Burhanuddin al-Helmy sebagai pemimpin PAS menyokong Kongres Melayu ini. Malah beliau diberi kepercayaan menjadi Pengerusi Kongres berkenaan. Kongres yang diadakan pada 4 hingga 7 Mei 1957 di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur ini telah dihadiri kira-kira 500 orang.

Dr. Burhanuddin al-Helmy dan Dato Onn Jaafar dipilih untuk mengemukakan resolusi Kongres 1957 itu kepada rombongan kerajaan Perikatan ke London untuk berunding menuntut kemerdekaan.²³⁰ Tunku Abdul Rahman menolak mereka kerana Perikatan tidak melihat kongres itu sebagai wakil rakyat Tanah Melayu. Mereka tidak diberi mandat dalam pilihanraya 1955 untuk berunding mendapatkan kemerdekaan Tanah Melayu. Malah kongres itu dilihat sebagai satu manifestasi pembangkang untuk melambatkan kemerdekaan.²³¹ Akhirnya, Tanah Melayu mendapat kemerdekaan pada

²²⁹ *Malaya Merdeka*, 7/6/1950.

²³⁰ Tunku Abdul Rahman hanya menyenaraikan Dato Onn Jaafar dan tidak Dr. Burhanuddin al-Helmy sahaja dalam rundingan Kemerdekaan di London kerana beliau dianggap penentang kepada Suruhanjaya Bebas dalam Kongres Kebangsaan Melayu tersebut. C.O 1030/438, *Representations Made On New Constitution of Federation of Malaya, Federation of Malaya to SS/CO*, 13 May 1956.

²³¹ Ramlah Adam. Op.cit hlm. 171.





31 Ogos 1957 dengan UMNO meredhai prinsip *Jus Soli* yang akhirnya melemahkan kedudukan politik orang Melayu untuk jangka masa panjang. Dr. Burhanuddin al-Helmy selaku pemimpin PAS dalam kalangan Kaum Muda merupakan penggerak dan pendesak kemerdekaan yang lebih tulin mempertahankan kedudukan bangsa Melayu dan kedaulatan Islam. Sikap dan prinsipnya sebagai pemimpin Kaum Muda terserlah berbanding pemimpin UMNO yang lain yang hanya patuh dan tunduk kepada parti komponen Perikatan dan British. Walaupun tidak berjaya memperjuangkan isu *Jus Soli* dan konsep Indonesia Raya tetapi di mata orang Melayu, beliau merupakan pejuang bangsa Melayu yang tulin dan secara tidak langsung telah mengharumkan nama PAS yang disemat dengan ideologi Islam walaupun tidak digemari oleh British dan pemimpin Melayu pro-British. Hal ini digambarkan seperti kenyataan berikut:



*British could not afford to let leadership of the Malays fall out of the hands of the traditional and very anglicized moderate leaders of UMNO (who were basically pro British rule to continue) and into hands of more "alien" radical and extremist leaders of the Malay Nationalist Party (PKMM) who wanted immediate independence for Malaya and merger with Indonesia.*²³²

Namun begitu, perjuangan beliau sebagai ahli Parlimen dan Yang Dipertua PAS semakin menyerlah apabila gagasan perjuangan PAS mendapat sokongan daripada parti-parti yang lain seperti Parti Negara, *People Progressive Party* (PPP), *Malayan Social Front* dan *Malayan Party* dan semua parti ini terlibat dalam Kongres Kebangsaan Melayu pada 4-7 Mei 1957 tersebut. Dalam kongres tersebut, Dr. Burhanuddin al-Helmy menyatakan:

²³² Mohamed Nordin Sopiee, *From Malayan Union to Singapore Separation Political Unification in the Malaysia Region 1945-1965*. University Malaya Press, Kuala Lumpur, 1974.





Apakah akan terjadi perjuangan kebangsaan Melayu dengan Perikatan itu? Adakah benar lagi ada kejujuran dalam kepimpinan UMNO memperjuangkan cita-cita kebangsaan Melayu? Tidakkah nanti perjuangan UMNO di dalam Perikatan itu yang diharap-harap oleh rakyat akan hancur. UMNO memperjuangkan cita-cita bangsanya kelak jadi ibarat pepatah ‘kera di hutan disusukan, anak dirumah dilaporkan’ dan pertengkaran sesama Melayu ini, ibarat pepatah, ‘lesong berlaga sesama, ayam juga yang kenyang.’²³³

Menurut Dr. Burhanuddin al-Helmy lagi, kemerdekaan yang hakiki ialah kemerdekaan yang diisi dengan menunaikan tuntutan Islam seperti menjalankan undang-undang Islam dan memberikan pendidikan yang sempurna kepada anak watan.

segala tenaga menentang penjajahan hendaklah digunakan untuk mencapai kemerdekaan itu dengan tetap berpegang dengan tata tertib dan adab sopan bangsa Melayu dan agama Islam dengan tujuan menebus, merebut dan merampas kembali hak mutlak bangsa kita yang telah ditenggelamkan itu. Kita wajib menjalankan hudud dan hukum-hukum Islam. Kita wajib melepaskan diri kita dan bangsa kita daripada teraniaya dan terjejas. Kita wajib memberi pelajaran yang melepaskan kita dari belunggu pelajaran penjajahan kepada anak-anak kita. Kita wajib membersihkan pendidikan yang boleh menjadikan anak-anak kita sesat, keliru, murtad dan musrik. Tidakkah kita berdosa dengan tidak menjalankan kewajipan kita? Kita wajib bernegara daulat, kerana menegakkan dan menguatkan agama.²³⁴

4.6 Kesimpulan

Perjuangan Kaum Muda sebagai penggerak kesedaran kemerdekaan menggunakan pelbagai pendekatan dan mempunyai pelbagai tahap aliran perjuangan. Mereka menggunakan media penerbitan dengan menerbitkan akhbar, majalah dan juga buku buku untuk dijadikan alat sebagai egen perubahan masyarakat. Selain itu, Kaum

²³³ *Kritik*, 20 Mac 1956.

²³⁴ Burhanuddin al-Helmy, “Agama dan Politik” dalam *Panel Pengkaji Sejarah, PAS Dalam Arus Perjuangan Kemerdekaan: Esei dan Dokumen*, t.t., hlm. 48-49. *Perjuangan Kita*, 1946.





Muda turut mereformasikan sistem pendidikan pondok dengan menggantikan dengan sistem pendidikan madrasah yang mengintegrasikan pendidikan moden seperti sains, bahasa Inggeris dan juga matematik. Demi meneruskan kelangsungan untuk menyedarkan masyarakat menuntut kemerdekaan, Kaum Muda menubuhkan parti-parti yang radikal untuk menuntut kemerdekaan.

Namun begitu, perjuangan Kaum Muda untuk menuntut kemerdekaan berakhir apabila tokoh-tokoh utama mereka ditangkap British. UMNO serta PERIKATAN menjadi parti alternatif kepada orang Melayu untuk meneruskan perjuangan tersebut. Kejayaan mereka mendapatkan kemerdekaan tersebut menyebabkan UMNO dan PERIKATAN menjadi popular namun tidak pula mematikan PAS di bawah kepimpinan Dr. Burhanuddin al-Helmy yang kelihatan menjadi lebih popular pada Pilihan Raya kali kedua pada 1959. PAS telah mencapai kejayaan yang gilang gemilang apabila PAS berjaya menguasai Kelantan dan Terengganu pada pilihan raya tersebut setelah sokongan orang Melayu terhadap UMNO merosot.





BAB 5

REAKSI MASYARAKAT MELAYU TERHADAP PERJUANGAN KAUM MUDA



5.1 Pengenalan

Reaksi masyarakat Melayu terhadap perjuangan Kaum Muda ini adalah berbeza-beza mengikut negeri-negeri di Tanah Melayu. Hal ini demikian kerana tidak semua perjuangan islah Kaum Muda itu menonjol di negeri-negeri berkenaan. Tekanan yang berlaku terhadap perjuangan Kaum Muda juga adalah tidak sama bergantung kepada corak pembaharuan atau islah yang ingin dibawa oleh mereka. Perjuangan Kaum Muda lebih mudah dan menjadi kuat di negeri-negeri yang tiada sultan seperti Singapura,



Melaka dan Pulau Pinang kerana sultan tidak menjadi ketua agama di negeri-negeri berkenaan yang boleh mengubal undang-undang berkaitan penyebaran Islam di negeri-negeri masing-masing seperti undang-undang penerbitan akhbar, buku dan juga majalah.¹

Namun begitu, terdapat juga sultan atau raja di negeri-negeri Melayu turut menyokong perjuangan pembaharuan Kaum Muda ini seperti di Kelantan dan Perlis. Malah di negeri yang tiada sultan pula tidak semestinya di negeri ini tiada sekatan atau halangan kerana setiap negeri-negeri berkenaan juga mempunyai Majlis Agama Negeri yang bertindak untuk memantau kegiatan agama di negeri-negeri berkenaan. Perjuangan Kaum Muda di Tanah Melayu dari 1906 hingga 1957 mempunyai beberapa kekuatan dan kelemahan bergantung kepada corak perjuangan dan tekanan yang dihadapi bagi setiap negeri. Daripada tekanan tersebutlah dapat dilihat tribulasi dan cabaran kepada Kaum Muda dalam usaha mereka untuk membawa masyarakat ke arah kemajuan termsuklah memberi kesedaran menuntut kemerdekaan.

5.2 Reaksi Masyarakat terhadap Perkembangan Kaum Muda di Negeri-Negeri Melayu

Reaksi masyarakat terhadap perjuangan Kaum Muda di negeri-negeri Melayu adalah berbeza-beza. Pengaruh pemikiran Kaum Muda tidak terhad di negeri-negeri Pantai Barat tetapi turut tersebar ke negeri-negeri di Pantai Timur. Perkembangan Kaum Muda yang paling kuat di Pantai Timur adalah di Kelantan. Hj Wan Musa bin Abdul

¹ *Mohammadan Laws Enactment 1904, Section 9* di Perak melarang mengajar tanpa tauliah dan mencetak risalah-risalah agama. Manakala dalam *Amending Enactment 1925* menegaskan bahawa sesiapa mencetak dan menerbitkan tulisan tentang agama Islam tanpa mendapat kebenaran sultan boleh dihukum penjara atau didenda sebanyak \$200.



Samad² dan anaknya Haji Nik Abdullah³ merupakan ulama terkenal di Kelantan yang cuba menyebarkan firkah islah Kaum Muda kepada masyarakat tempatan mengikut aliran Tariq Syah Waliullah al-Dehlavi.⁴Haji Wan Musa yang mempunyai hubungan rapat dengan Rasyid Ridha di Mesir cuba mengembangkan pemikiran islahnya hasil pendidikannya di Universiti al-Azhar, Mesir. Manakala anaknya, Haji Nik Abdullah yang mendapat tarbiah pendidikan di Mekah turut membawa aliran yang sama apabila pulang berdakwah di Kelantan.

Reaksi masyarakat Kelantan terhadap aliran yang dibawa oleh Kaum Muda adalah berbelah bahagi antara menyokong dan menentang aliran berkenaan. Kaum Muda dan Kaum Tua mempunyai pengikutnya yang tersendiri dan tokoh-tokoh aliran tersebut begitu komited mempertahankan pandangan masing-masing kerana kedua-dua pihak turut mendapat pendidikan agama yang tinggi dari Timur Tengah. Polemik polemik kontroversi seperti perselisihan pendapat tentang penggunaan wang zakat fitrah untuk membina masjid, lafaz niat solat dan talkin sering menjadi perdebatan

² Hj Wan Musa (1873-1939) merupakan anak ketiga Tuan Tabal. Beliau melanjutkan pelajaran ke Mekah selama lima tahun dan menjadi Mufti Kelantan pada tahun 1916 ketika pemerintahan Sultan Muhammad IV. Hj Wan Musa sering berutus surat dengan Syeikh Rasyid Reda untuk mendapatkan penjelasan hukum seperti soal talkin selain beliau meminati majalah *al-Urwat-al-Wuthqa* dan *al-Manar*. Hj Wan Musa juga sering berutus surat dengan Maulana Ubaidullah al-Sindi, ulama dari India yang membawa aliran Syah Waliullah al-Dehlavi. Lihat Nik Abdul Aziz Hj Nik Hassan, "Lima Orang Tokoh Ulama di Negeri Kelantan (1860-1940)" dalam *Islam di Kelantan*, 1983, hlm. 29-30.

³ Beliau merupakan anak Hj Wan Musa yang lahir pada 1900 dan meninggal dunia seawal usianya 35 tahun. Hj Nik Abdullah menuntut ilmu di Mekah pada 1926 dan mendapat pengaruh aliran Syah Waliullah al-Dehlavi ketika berguru dengan Maulana Ubaidullah al-Sindhi. *Ibid.*, hlm. 37.

⁴ Nama penuh Syah Waliullaah al-Dehlavi ialah Qutb al-Din, Ahmad Waliyullah, Abu 'Abd al-Aziz ibn Shah 'Abd al-Rahim. Beliau lahir di Delhi pada hari Rabu 4 Syawal 1114H/1702M. Beliau digelar Shah Waliyullah kerana dilahirkan dari keluarga ahli sufi. Shah Waliyullah mendapat asas agama yang kukuh di India dan melanjutkan pelajaran di Mekah dan Madinah. Pemikiran al-Dehlawi cenderung kepada pandangan Ibn Taymiyyah. Al-Dehlawi merupakan ulama islah India yang ingin membetulkan aqidah umat Islam dengan membersihkan kepercayaan karut dan ingin membuat pembaharuan pemikiran seperti berjihad dan menghapuskan taqlid buta. Lihat Abdul Hayei bin Hj. Abdul Sukor, "Biografi Dan Pemikiran Tajdid Shah Waliyullah Al-Dihlawi" dalam *Tokoh-Tokoh Pemikir Dakwah*, 1990, hlm. 55.





umum sehinggalah kepada perdebatan yang paling sensasi sehingga melibatkan campur tangan pihak istana.

Isu bermula apabila putera Raja Kelantan, Tengku Ibrahim ibni Sultan Muhammad IV bertanya tentang hukum memelihara anjing kepada Hj. Nik Abdullah pada 1936. Baginda menyatakan hasratnya untuk memelihara anjing dan Haji Nik Abdullah mengatakan anjing boleh dibela jika ada keperluan seperti menjaga keselamatan rumah tangga ataupun ladang ternakan. Baginda sultan turut membangkitkan persoalan tentang hukum terkena air liur anjing kepada Haji Nik Abdullah. Bagi menjawab persoalan tersebut, Haji Nik Abdullah mengatakan jika mengikut Mazhab Shafie, anggota badan yang terkena air liur anjing perlu dibersihkan dengan tujuh kali air basuhan termasuk sekali basuhan air tanah tetapi jika mengikut Imam Malik tidak perlu berbuat demikian. Oleh kerana ada dua pandangan yang berbeza, maka orang ramai boleh memilih antara kedua-dua pandangan tersebut untuk diamalkan. Bagi Hj. Nik Abdullah, kaedah *talfiq* (campur aduk mazhab) adalah dibolehkan untuk memilih pandangan yang lebih ringan. Cuma apa yang perlu dijaga adalah amalan tersebut tidak terkeluar daripada lingkungan mazhab yang empat iaitu Syafie, Hanafi, Hambali dan Maliki.⁵

⁵ Hj Nik Abdullah terdedah kepada aliran Syah Waliullah al-Dehlavi yang berpandangan, orang awam boleh mengamalkan ajaran Islam secara talfiq, selagimana berada dalam lingkungan pandangan yang terdapat dalam mazhab yang empat. Sila lihat G.N.Jalbani, *Teaching of Syah Waliyullah*, Sy.Muhammad Asyraf, Kasymiri, Lahore (Pakistan) 1967, hlm. 44.



Pandangan Hj. Nik Abdullah tersebut ditentang oleh Kaum Tua yang dipelopori Mufti Kelantan ketika itu, Hj. Ibrahim bin Hj. Ismail,⁶ Hj. Ahmad Mahir bin Hj. Ismail⁷ dan Hj Abdullah Tahir bin Hj. Ahmad⁸ yang menentang secara terbuka pandangan tersebut. Perbezaan pendapat tersebut menjadi polemik dalam masyarakat khususnya di Kota Bharu antara pengikut Kaum Muda dan Kaum Tua. Bagi Kaum Muda mereka mempertahankan konsep *talfiq* di dalam *bertaklid*. Hj Wan Musa yang yakin dengan kebenaran hujah anaknya menyokong secara terbuka dalam kuliah-kuliahnya. Polemik demi polemik antara Kaum Muda dan Kaum Tua ini sampai ke kemuncaknya sehingga memaksa istana Kelantan menganjurkan perdebatan terbuka pada 1937 di Istana Cemerlang antara Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan dengan tokoh-tokoh Kaum Muda di Kota Bahru berkaitan “Masalah Jilatan Anjing.” Akhirnya perdebatan tersebut tiada kesudahannya apabila kedua-dua pihak saling mempertahankan hujah masing-masing. Justeru, pihak istana menyerahkan kepada rakyat untuk menilai dan membuat keputusan sendiri hasil perdebatan tersebut.

Manakala reaksi masyarakat Kelantan terhadap perjuangan Maulana Abdullah Noh dalam memberi kesedaran kemerdekaan kepada masyarakat adalah berbelah bahagi. Apabila beliau pulang ke Kelantan pada 1939, Maulana Abdullah Noh dilantik sebagai Ketua KMM Ranting Pasir Puteh. Penglibatan Maulana Abdulah Noh dalam KMM menyebabkan beliau turut menyokong Jepun untuk menentang British. Kegiatan Maulana Abdulah Noh menceburi bidang politik dianggap asing oleh masyarakat

⁶ Mufti Kelantan antara 1928 hingga 1941. Beliau dilahirkan pada 1872 dan meninggal dunia pada 1952. Menuntut di Mekah dengan Hj Wan Ahmad b.Muhd Zain sejak kecil lagi dan mahir ilmu fiqh dan tasawwuf.

⁷ Beliau mendapat pendidikan awal di Kota Bharu dan melanjutkan pelajaran di Mekah dan Universiti al-Azhar, al-Syarif Mesir.

⁸ Hj Abdullah Tahir dilahirkan pada 1897 meninggal dunia pada 1961. Beliau mendapat pendidikan di Kota Bharu seterusnya ke Mekah.



kerana ulama pada masa tersebut hanya mengajar kitab-kitab agama dan tidak terlibat dalam bidang politik. Apatah lagi KMM merupakan gerakan berhaluan kiri yang menentang British. Reaksi masyarakat Melayu ketika itu termasuk guru-guru agama adalah menyokong British kerana khuatir keselamatan mereka terjejas.

Namun begitu, apabila Jepun membawa slogan 'Asia untuk Asia' untuk menyerang kedudukan British di Tanah Melayu, sebahagian penduduk Melayu termasuk Maulana Abdullah Noh menggunakan peluang yang ada ini memberi sokongan kepada Jepun untuk mengalahkan British. Kegiatan Maulana Abdullah Noh dalam tentera Jepun bermula sebagai tentera sukarela *Giyu-Gun* di Tanah Melayu. Beliau menyertai tentera sukarela berkenaan ketika zaman pendudukan Jepun sekitar 1942 hingga 1945. Maulana Abdullah Noh mendaftarkan diri secara sukarela sebagai askar Melayu di bawah panji-panji tentera Jepun dan beliau telah mengkader pemuda-pemuda Melayu dengan pendidikan Islam dalam batalion berkenaan. Ramai belia Melayu Kelantan turut terlibat menganggotai tentera Jepun menentang British.

Pada bulan Ogos 1942, Jepun telah bertindak mengharamkan KMM setelah Mustapha Hussein mendesak Jepun menunaikan janjinya untuk memerdekakan Tanah Melayu. Jepun merasakan perjuangan kesatuan itu lebih mementingkan semangat Melayu berbanding sebagai alat propaganda Jepun.⁹ Akhirnya Jepun membentuk pasukan separa tentera, Pembela Tanah Air (PETA). Beberapa sayap ditubuhkan seperti *Giyu-Gun*, *Giyu-Tai* dan *Hei-O*. Reaksi masyarakat Melayu di Kelantan yang berjuang bersama-sama Maulana Abdullah Noh dalam KMM menentang British terpecah dua.

⁹ Abdul Rahman Md Yusuf, *Ahmad Boestamam, Ahli Politik, Wartawan dan Sasterawan*, 1977, hlm. 50.





Satu kumpulan menyertai PETA termasuk Maulana Abdullah Noh. Manakala satu lagi kumpulan terdiri daripada ahli-ahli KMM yang menubuhkan persatuan bawah tanah iaitu Barisan Pemuda Sukarela Kelantan (BPSK) yang anti Jepun.¹⁰

Setelah kekalahan Jepun pada Ogos 1945, British kembali semula ke Tanah Melayu. Maulana Abdullah Noh turut ditahan selama empat bulan di penjara Kota Bharu. Beliau merengkok di dalam penjara selama empat bulan. Setelah keluar penjara pada Jun 1946, Maulana Abdullah Noh menganggotai Partai Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Beliau merupakan ulama yang turut bersama-sama berkempen untuk menghalau penjajah British melalui kempen-kempen dari rumah ke rumah dan dari masjid ke masjid. Maulana Abdullah Noh dilantik sebagai Ketua PKMM Pasir Puteh. Pada 1946, Maulana Abdullah Noh turut menubuhkan Ikatan Suara Pemuda (ISP) yang bergiat dalam kebudayaan dan kebajikan tetapi membawa mesej politik. ISP dipimpin Mohamed Idris dan bergiat cergas di Pasir Puteh. Beliau turut meneruskan perjuangannya untuk membebaskan Tanah Melayu daripada cengkaman penjajahan dengan aktif berkempen di seluruh Kelantan,. Beliau bersemangat besar kerana perjuangan untuk membebaskan tanah air baginya merupakan jihad kepada agama.¹¹

Reaksi yang sama juga berlaku di utara tanah air iaitu di Perlis. Di Kangar pada 1931, terdapat satu laporan siasatan daripada Ketua Polis Kangar tentang konflik antara Kaum Muda dan Kaum Tua di Perlis. Daripada siasatan tersebut, polis mendapati

¹⁰ Fadli Ghani dan Raja Ahmad Iskandar, "Madrasah Al-Balaghul Mubin 1938-1947: Kesan dan Pengaruhnya terhadap Perkembangan Politik Islam di Kelantan Selepas Perang Dunia Kedua." Kertas kerja *Simposium Gerakan Islah Sebelum Kemerdekaan Tanah Melayu dan Isu Isu Semasa* di Universiti Teknologi Petronas, 8 Disember 2011, hlm. 9.

¹¹ Temu bual dengan Tuan Haji Che Abdul Hamid bin Che Yusuf, pada 30 Mei 2016 di Lot Manal 1, Tanah Merah, Kelantan. Beliau sering menghantar makanan kepada Maulana Abdullah Noh yang merupakan abang iparnya ketika di penjara oleh British.





konflik tersebut tidaklah sampai mencetuskan suasana yang tidak tenteram. Sebaliknya menurut laporan polis tersebut, Ketua Kadi telah menggunakan kuasanya untuk menghukum Kaum Muda ini yang dikatakan menyeleweng di bawah seksyen 18, Akta Syariah Negeri Perlis 1340H. Namun begitu, hasil daripada siasatan yang dibuat, pihak polis mendapati tiada ajaran yang dikatakan menyimpang ataupun terkeluar daripada Islam.¹² Hasil siasatan polis juga mendapati, sudah tiada lagi kedengaran ajaran Kaum Muda di Perlis. Walau bagaimanapun hasil maklum balas masyarakat, masih ramai pegawai tinggi kerajaan yang menyokong ajaran Kaum Muda di Perlis. Ajaran Kaum Muda ini terus hidup di Perlis kerana Majalah *Saudara* dan Majalah *al-Ikhwān* yang diterbitkan di Pulau Pinang masih diedarkan ke Perlis dan banyak dilanggni oleh masyarakat setempat.¹³



Seterusnya pada 1932 di Perlis berlaku cabaran yang hebat apabila Kaum Muda dituduh terlibat dengan kegiatan komunis. Ketua Kadi Perlis, yang mewakili Kaum Tua membuat laporan polis terhadap kegiatan Kaum Muda di Mukim Paya, Perlis.¹⁴ Setelah siasatan dibuat oleh Ketua Polis Kangar, beliau hanya mendapati konflik yang berlaku antara Kaum Muda dan Kaum Tua adalah berkisar isu agama dan tidak berkaitan dengan kegiatan komunis sebagaimana yang dilaporkan oleh Kaum Tua terhadap Kaum Muda. Daripada laporan siasatan di Mukim Paya, polis mendapati keterangan yang diberikan oleh Ketua Kadi gagal membuktikan siapakah tokoh Kaum Muda yang dikatakan terlibat dengan kegiatan komunis. Malah Ketua Kadi tersebut gagal mengesahkan lokasi tempat tinggal aktivis Kaum Muda yang terlibat dengan kegiatan

¹² Lihat laporan siasatan aduan Kadi terhadap kegiatan komunis di Kangar, 8/12/1349 bersamaan 26/4/1931 A.P 4251349.

¹³ *Ibid.*

¹⁴ Lihat fail laporan polis “*Religious conflict in Mukim Paya Report*” by Chief Kathi, Perlis, A.P. No 4251349 pada 8/8/1349H bersamaan 26/4/1931M.





subversif tersebut. Siasatan juga mendapati tiada kegiatan komunis yang melibatkan Kaum Muda sebagaimana didakwa oleh Ketua Kadi Perlis berkenaan.¹⁵

Laporan siasatan polis tersebut hanya menyebut pergolakan berlaku adalah disebabkan isu berkaitan keagamaan yang melibatkan Kaum Muda dan Kaum Tua. Polis mendapati, Kaum Muda yang mengajar cuba mempengaruhi penduduk kampung agar tidak mempercayai ajaran kitab-kitab lama yang dibawa oleh ulama Kaum Tua. Kaum Tua yang dipelopori oleh Ketua Kadi menentang ajaran Kaum Muda ini dengan menyatakan ajaran Kaum Muda ini adalah menyimpang daripada Islam. Dalam laporan tersebut, polis mendapati tiga orang pendatang luar yang mengajar di Perlis iaitu Lebai Ahmad dan Lebai Abdullah yang kedua-duanya dari Padang, Sumatera datang ke Perlis untuk menyebarkan fahaman Kaum Muda. Manakala Syeikh Ehsan dari Jawa yang tinggal di Mukim Paya turut menyebarkan ajaran yang sama. Ajaran mereka disifatkan oleh Ketua Kadi sebagai menyeleweng. Namun begitu, demi mengelak daripada disiasat dan dikenakan tindakan, ketiga-tiga tokoh ulama Kaum Muda tersebut meninggalkan Perlis. Syeikh Ehsan berhijrah ke Jalan Keramat, Pulau Pinang manakala Lebai Ahmad dan Lebai Abdullah meninggalkan Perlis sebelum siasatan sempat dilakukan terhadap mereka.¹⁶ Raja Perlis, Tuanku Syed Alwi Jamalullail atas nasihat kadi memberi amaran tidak membenarkan Kaum Muda mengajar di masjid dan surau. Malah, terdapat larangan kepada Syeikh Ehsan untuk datang ke Perlis.

Perkembangan kegiatan Kaum Muda di Perlis mengalami zaman suramnya ketika pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Jepun melantik Syed Hamzah menjadi

¹⁵ *Ibid.*

¹⁶ *Ibid.*





Pemangku Raja Perlis pada Disember 1941. Apabila Raja Syed Alwi mangkat pada 2hb Februari 1943, Jepun melantik Tuanku Syed Hamzah sebagai Raja Perlis.¹⁷ Sebagai Raja Perlis yang baharu, baginda menentang aliran Kaum Muda ini yang dianggapnya sebagai sesat. Baginda menyingkirkan tokoh-tokoh Kaum Muda yang berpengaruh di Perlis seperti Haji Ahmad Muhammad, Wan Ahmad Wan Daud dan Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari. Apabila British kembali semula ke Tanah Melayu, Syed Hamzah yang sudah dapat mengagak nasibnya, melarikan diri ke Setol dan kemudiannya ke Pulau Pinang. Baginda akhirnya mangkat di Alor Setar. British kemudiannya menjemput Tuanku Syed Putra Jamalullail, bakal raja untuk menaiki takhta di Perlis. Baginda yang tinggal bersama keluarga isterinya di Kelantan dibawa pulang ke Perlis dan ditabalkan sebagai Raja Perlis pada 4hb Disember 1945.¹⁸ Perjuangan Kaum Muda adalah paling berjaya di Negeri Perlis kerana mendapat sokongan daripada pemerintah sama ada pihak istana ataupun kerajaan negeri. Hal yang demikian berlaku ketika Raja Syed Jamalullail menaiki takhta sebagai pemerintah negeri dan baginda menyokong perjuangan Kaum Muda ini.

Selain itu, antara faktor yang memantapkan gerakan ini adalah kerana tokoh-tokoh utama Kaum Muda dipanggil kembali menjadi pentadbir negeri. Tuan Hj. Ahmad Hakim, Wan Ahmad Wan Daud dan Syeikh Ahmad Mohd. Hashim turut dilantik sebagai Ahli Majlis Negeri. Kumpulan 'Tiga Mat' tersebut berjaya merangka peraturan yang diperjuangkan oleh Kaum Muda selama ini dan mendominasi kepimpinan negeri. Misalnya dalam pentadbiran Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Perlis yang baru ditubuhkan, Tuan Hj. Ahmad Hakim menjadi Yang Dipertua pertama untuk

¹⁷ Cenderamata Jubli Perak Pemerintahan DYMM Tuanku Raja Perlis, 1971, tanpa halaman.

¹⁸ Abdul Rahman Abdullah, *Sejarah Ikhtilaf Mazhab Di Malaysia: Suatu Kajian Tentang Perkembangan Pemikiran Tajdid dan Islah*, 2010, hlm. 198.





menentukan hala tuju hal urusan agama di Perlis. Beliau turut melantik Wan Ahmad bin Wan Daud sebagai Ahli Majlis Ugama dan Pemeriksa Kira-Kira dalam Jawatankuasa Zakat dan Fitrah Negeri Perlis. Manakala Setiausaha Jawatankuasa tersebut ialah Syeikh Ahmad Mohd. Hasyim. Justeru, kedudukan Kaum Muda di Perlis semakin kukuh apabila mereka dengan mudah merangka peraturan berkaitan agama dengan menerapkan fahaman aliran Kaum Muda di Perlis.¹⁹ Tuan Haji Ahmad Hakim turut menjemput Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari pulang ke Perlis untuk memegang jawatan sebagai Imam Besar Masjid Alwiyyah. Beliau menjadi rujukan masyarakat setempat termasuk Majlis Agama Islam Perlis kerana kepakarannya dalam bidang agama.²⁰

Reaksi masyarakat di Selangor juga berlaku penentangan terutamanya daripada tokoh agama yang berjawatan dalam kerajaan. Seorang Kadi bernama Hj Abdul Majid mengadu pada 25 Nov 1931 kepada Residen British Selangor, S.W Jones tentang kegiatan Kaum Muda yang menurut aduan tersebut menyalahi ajaran Islam. Ekoran itu sejak setahun yang lalu, ramai ahli Kaum Muda yang dipecat oleh jawatankuasa masjid daripada pelbagai jawatan di masjid kerana menyebarkan ajaran berkenaan.²¹ Dalam laporan maklum balas J.W Jones pada 25 Oktober 1937, beliau mengatakan bahawa laporan Kadi Abdul Majid tersebut adalah samar, tidak berasas dan karut. Di Selangor ajaran Kaum Muda ini diperkenal dan didokong oleh penghijrah Melayu dari Indonesia. Berdasarkan penyiasatan Pegawai Perisikan Polis, didapati ajaran Kaum Muda adalah ajaran yang biasa iaitu ingin mengajak masyarakat kembali kepada al-

¹⁹ Cenderamata Jubli Perak Pemerintahan DYMM Tuanku Raja Perlis, 1971, tanpa halaman.

²⁰ Temubual dengan Tn Hj Fauzi bin Abu Bakar di rumah beliau pada 5 Mei 2016 di Taman Pekeliling, Kangar, Perlis.

²¹ Fail Pahang *Confidential*. Memo Residen British Selangor kepada Setiausaha Residen Perak, Negeri Sembilan dan Pahang daripada salinan *Fail Federal State Confidential* 245/37, Julai 1930.





Quran. Antara ajaran aliran Kaum Muda ini adalah seperti menghalang masyarakat daripada merokok, larangan lelaki memakai perhiasan emas dan sutera di samping menolak amalan talkin di kuburan. Dalam laporan perisikan tersebut, Kaum Muda ini berkongsi kepercayaan dengan golongan Wahabi dan cuba menghidupkan kembali ajaran agama sebagaimana yang berlaku di Arab Saudi di bawah pemerintahan Ibn Saud.²²

Di Perak, reaksi sebahagian masyarakat adalah berbelah bahagi sama ada menerima dan menentang aliran pengaruh Kaum Muda ini. Gerakan Kaum Muda di Perak lebih memberi tumpuan untuk membuat pembaharuan dalam pendidikan dan pembangunan pemikiran masyarakat setempat. Reaksi masyarakat terhadap pendidikan madrasah ini diterima baik oleh masyarakat tetapi dari segi pembangunan pemikiran keagamaan turut mendapat tentangan termasuk daripada pihak Kaum Muda yang bekerja di jabatan agama dan juga pihak istana. Di Perak berdasarkan laporan Geoffrey Edmund Cator, Residen British di Perak pada 15 November 1937, konflik antara Kaum Muda dan Kaum Tua di Tanah Melayu di Perak adalah hanya pergelutan untuk mendapatkan pengiktirafan daripada masyarakat bawahan dan bukan melibatkan kelas raja atau atasan. Pergeseran ini bukanlah gerakan politik yang bahaya tetapi adalah sekadar pergeseran kuasa ketua dan penguasa agama yang rendah kedudukannya.²³

Sebaliknya, Syeikh Tahir Jalaluddin merupakan tokoh intelektual aliran Kaum Muda yang mendapat tempat di hati Sultan Idris al-Mursyidul Azzam Syah (1887-1916) dan Sultan Iskandar Syah Ibni Almarhum Sultan Idris Murshidul Azzam Shah I (1876-1938) sebagai penasihat agama kepada sultan. Walaupun bagaimanapun pihak

²² *Ibid.*

²³ *Ibid.*





bangsawan yang berada di sekeliling sultan ini sentiasa berusaha melenyapkan pengaruh Syeikh Tahir Jalaluddin yang beraliran Kaum Muda. Begitu juga keadaan Syeikh Abdullah Maghribi yang menjadi mudir Madrasah Idrisiah yang dilihat oleh Kaum Tua cuba menyebarkan firkah Kaum Muda kepada para pelajarinya. Ekoran itu beliau dipecat daripada jawatan mudir Madrasah Idrisiah. Malahan Ustaz Abu Bakar al-Baqir yang menjadi tenaga pengajar di Madrasah Idrisiah juga tidak selesa mengajar di madrasah berkenaan kerana tidak bebas dan terikat kepada pengawasan golongan bangsawan yang menjadi pendukung dan lembaga pengelola Madrasah Idrisiah tersebut yang kuat di bawah pengaruh aliran Kaum Tua.²⁴

Hasil daripada reaksi sebahagian masyarakat Melayu terhadap ajaran Kaum Muda ini menunjukkan kebanyakan yang menentang Kaum Muda ini adalah tokoh-tokoh Kaum Tua yang menjawat jawatan penting di jabatan agama, masjid dan juga madrasah. Hasil daripada aduan Kaum Tua dan hasil laporan siasatan polis ini menunjukkan bahawa aduan Kaum Tua terhadap Kaum Muda yang terlibat dengan komunis dan menyampaikan ajaran yang menyeleweng daripada Islam adalah fitnah semata-mata. Sebenarnya tindakan pegawai agama Kaum Tua yang memecat dan menghalau Kaum Muda berdakwah di masjid dan suraulah yang memecah-belahkan masyarakat dan membantut dakwah Islamiah kepada masyarakat untuk memahami Islam sebenar. Malah, British pula memberi laporan yang positif terhadap kegiatan Kaum Muda ini dengan menyatakan ajaran Kaum Muda ini merupakan ajaran yang ingin membawa masyarakat kembali kepada Islam sebenar seperti menggalakkan masyarakat memahami al-Quran, larangan merokok dan sebagainya.

²⁴ Lihat Mohd. Sarim Hj. Mustajab, "Syed Syeikh Abdullah Maghribi: Pendidikan dan Kaum Muda", Jebat, bil. 5/6 (1975/76), hlm. 1-6.





5.3 Reaksi Masyarakat terhadap Kekuatan dan Kelemahan Gerakan Kaum Muda di Tanah Melayu

Antara faktor utama kekuatan gerakan Kaum Muda ini adalah perjuangannya didukung oleh kesedaran para pelajar setelah menuntut ilmu di luar negara seperti Mesir, Mekah, India dan Indonesia. Universiti al-Azhar di Mesir, Madrasah Muhammadiyah di Indonesia dan Universiti Deoband di India berjaya menyuntik semangat nasionalisme kepada anak Melayu yang menuntut di sana kerana di pusat pengajian berkenaan terdedah dengan tenaga pengajar yang berfikirah islah. Apabila pulang ke tanah air, para pelajar ini berusaha mengislahkan masyarakat Melayu kerana lepasan cerdik pandai Melayu ini terdedah kepada perkembangan dunia luar yang turut mengalami situasi yang sama akibat dijajah sama ada oleh British ataupun Belanda.



Penjajahan menyebabkan kehidupan masyarakat menjadi sukar dan terhina sama ada dari segi ekonomi, politik dan juga sosial. Perkembangan gerakan menentang penjajah dirasai ketika mana mereka menuntut di luar negara terutama apabila melihat pergolakan menuntut kemerdekaan berlaku seperti mana di Mesir, Indonesia dan juga India. Justeru, mereka menyebarkan dakwah melalui kuliah di madrasah, masjid dan dari rumah ke rumah untuk menyebarkan kesedaran kehidupan beragama di samping menyemai kesedaran semangat kemerdekaan kepada masyarakat Melayu.

Faktor percambahan madrasah moden aliran Kaum Muda juga merupakan faktor kekuatan yang turut merancakkan perkembangan firkah Kaum Muda membina pengaruh di Tanah Melayu. Madrasah-madrasah ini merupakan tempat bagi melahirkan kader-kader Kaum Muda kerana guru-guru di madrasah berkenaan sering terdedah





kepada idea islah yang dibawa oleh guru mereka. Para lepasan madrasah ini akhirnya terdidik atas kesedaran untuk menuntut kemerdekaan daripada British. Masyarakat tempatan turut memberi sokongan kepada madrasah ini kerana ketika itu sekolah-sekolah Melayu sangat kurang dibina oleh pemerintah. Manakala sekolah British tidak mendapat tempat dalam masyarakat Melayu kerana mereka khuatir berlaku Kristianisasi terhadap anak mereka.²⁵ Hasil inisiatif ulama-ulama Kaum Muda ini, madrasah beraliran moden ini bercambah di Tanah Melayu dari Singapura hinggalah ke Perlis.

Faktor berikutnya yang menjadikan gerakan kesedaran Kaum Muda ini bergerak lancar adalah disebabkan rangkaian penerbitan akhbar Kaum Muda seperti *al-Imam*, *Saudara* dan *al-Ikhwān* mendapat tempat dalam masyarakat termasuk di negara umat Islam yang lain seperti di Indonesia, Thailand, Singapura dan Mesir. Sambutan yang baik ini merupakan satu promosi terhadap gerakan mereka dan memudahkan masyarakat menerima idea Kaum Muda ini. Dengan wujudnya rangkaian majalah dan akhbar ini memudahkan gagasan dan pemikiran Kaum Muda itu berkembang ke seluruh negara, mempunyai pengikut dan penyokong yang mendasari perjuangan mereka. Melalui media massa tersebut, Kaum Muda turut mendapat inspirasi kejayaan gerakan-gerakan islah sama ada di Mesir, Mekah, Indonesia, Turki malah perkembangan umat Islam di seluruh dunia. Melalui penerbitan akhbar atau majalah ini juga membolehkan pembaca-pembaca bertukar-tukar fikiran dan memberi pendapat untuk mengukuhkan

²⁵ Misi gerakan mubaligh Kristian telah bermula awal sejak kedatangan British ke Tanah Melayu dengan penubuhan Anglo Chinese College di Melaka pada 1818. Lihat Brian Harrison 'Anglo-Chinese College at Malacca 1818-1843' dalam Cowan, C.D. dan Wolters, O.W., (peny.), 1976, *Southeast Asian History and Historiography*. Ithaca and London, hlm. 246-260.





ikatan perjuangan Kaum Muda sebagaimana kejayaan kolum *Sahabat Pena* dalam majalah *al-Imam* yang mempunyai ribuan pengikut.²⁶

Selain itu kekuatan gerakan Kaum Muda di Tanah Melayu ini adalah disebabkan oleh faktor media. Akhbar seperti *Pilehan Timur*, *al-Manar* dan *Seruan Azhar* menyebabkan masyarakat Islam baik di Timur Tengah mahupun di Nusantara terdedah dengan semangat nasionalisme yang berlaku di dunia umat Islam. Manakala bahan bacaan yang dilanggan dari dunia Barat seperti *Islamic Review* turut menyemai kesedaran aktivis Kaum Muda untuk memerdekakan tanah air. Hasil kesedaran inilah, cendekawan Melayu yang dikenali sebagai Kaum Muda ini berusaha menerbitkan akhbar dan majalah tempatan untuk membawa idea islah dari luar negara ini untuk disebar kepada masyarakat Melayu. Hasilnya terbitlah majalah dan akhbar Kaum Muda seperti *al-Imam*, *al-Ikhwani*, dan juga *Saudara*. Ketika Syed Sheikh al-Hadi di Singapura, seorang hartawan Arab Hadharamaut bernama Sheikh Awad al-Sa'aidan membiayai penerbitan majalah *al-Imam*.

Majalah Kaum Muda ini berjaya menyebarkan firkah islah kepada masyarakat Melayu dan penglibatan hartawan Arab membiayai perjalanan perjuangan Kaum Muda di Tanah Melayu ini merupakan sumber kekuatan mereka. Untuk melicinkan lagi penerbitan majalah ini, sekumpulan hartawan Arab yang didukung oleh Syed Syeikh al-Hadi, Syed Hassan bin Shabab dan Syed Muhammad bin Aqil bin Yahya menubuhkan sebuah syarikat pencetakan yang diberi nama *al-Imam Printing Company* dengan memiliki modal \$20,000 untuk memastikan penerbitannya berjalan lancar.

²⁶ Abdul Aziz bin Mat Ton, *Politik Al-Imam*, hlm. 170.





Justeru, perkembangan pesat media penerbitan inilah yang menjadi nadi kekuatan kepada perkembangan pengaruh Kaum Muda di Tanah Melayu.²⁷

Faktor ketiga yang menunjangi kekuatan gerakan ini adalah sokongan kewangan daripada golongan hartawan Islam yang bertapak di dunia Melayu sama ada di Indonesia, Singapura ataupun Tanah Melayu. Raja Haji Ali Kelana dari Kesultanan Melayu Riau yang juga merupakan bapa angkat Syed Syeikh al-Hadi banyak memberi sokongan moral dan kewangan kepadanya untuk menubuhkan Madrasah al-Iqbal al-Islamiyah di Singapura. Raja Haji Ali Kelana menjadi penaung kepada madrasah tersebut kerana beliau membiayai madrasah berkenaan. Pengalaman menubuhkan madrasah inilah yang membawa ilham kepada Syed Syeikh al-Hadi menubuhkan Madrasah al-Hadi di Melaka yang merupakan madrasah moden Kaum Muda untuk mengislahkan masyarakat. Hasil pengalaman bergelumang dalam mentadbir madrasah jugalah, Syed Syeikh al-Hadi diberi kepercayaan menjadi mudir Madrasah al-Mashoor di Pulau Pinang.

Penubuhan Madrasah al-Mashoor pada 1916 ini juga melibatkan sumber kewangan hartawan Arab yang tinggal di Tanah Melayu. Mereka turut menyokong gerakan Kaum Muda di Tanah Melayu dengan memberi sokongan kepada Syed Syeikh al-Hadi mentadbir madrasah ini. Hasil daripada madrasah inilah lahirnya ramai pelapis Kaum Muda di Tanah Melayu seperti Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari yang menjadi tokoh

²⁷ *Al-Imam*, Jilid 2, No 9, 5 Mei 1908, hlm. 292-293.





Kaum Muda di Perlis dan Dr Burhanuddin al-Helmy, tokoh Kaum Muda yang bergiat cergas dalam politik tanah air.

Selain itu faktor yang saling menguatkan perjuangan Kaum Muda ini adalah disebabkan oleh sokongan daripada pemerintah itu sendiri. Perlis merupakan negeri yang mendapat sokongan dan dukungan terbaik daripada pemerintah baik pihak istana ataupun kerajaan negeri. Natiujahnya perkembangan Kaum Muda di Perlis berkembang luas dan menjadi negeri terkuat beraliran islah. Di Perlis, faktor ‘Tiga Mat’ menjadi kekuatan utama kerana mereka merupakan pentadbiran utama Kerajaan Perlis yang menguasai Pejabat Menteri Besar, Pejabat Agama dan Institusi Zakat dan Institusi Kehakiman. Malah pihak istana turut merestui aliran ini berkembang di Perlis. Kenyataan Tuanku Syed Putra bahawa “Saya hanya sekadar menyambung sahaja apa yang sudah ada” dan “selagi tidak berlaku pertumpahan darah” menyebabkan aliran ini bertapak kukuh di Perlis.²⁸

Begitu juga dengan di Negeri-Negeri Selat yang tidak dikawal oleh kuasa sultan dan golongan bangsawan Melayu terutamanya di Pulau Pinang dan Singapura. Pengaruh Kaum Muda berkembang lancar di negeri-negeri berkenaan kerana British yang menguasai sepenuhnya pentadbiran negeri tidak mengenakan tekanan kepada Kaum Muda ini. Tiada sekatan untuk menerbitkan majalah atau surat khabar sebagaimana di Negeri-Negeri Melayu yang lain memerlukan keizinan sultan dengan penguatkuasaan akta pencetakan yang mampu menghalang perkembangan Kaum Muda di negeri-negeri berkenaan.

²⁸ Abdul Rahman Bin Abdullah. *Gerakan Alhi Sunnah Di Perlis: Suatu Kajian Tentang Kaum Muda (1927-1970)*, Latihan ilmiah Universiti Sains Malaysia, 1979/80, hlm. 36.





Walaupun gerakan kesedaran yang dicetuskan oleh Kaum Muda ini mempunyai beberapa kekuatan sepanjang tempoh lebih 50 tahun perjuangan mereka di Tanah Melayu tetapi perjuangan mereka ini turut mempunyai beberapa kelemahan. Antara kelemahan yang paling ketara pada peringkat awal gelombang pertama perjuangan mereka ini adalah perjuangan Kaum Muda ini tidak berorganisasi, berpersatuan, berjamaah ataupun berdaftar sebagai satu pertubuhan. Perjuangan kesedaran Kaum Muda ini bukanlah satu gerakan pertubuhan keagamaan, kepartian ataupun persatuan tetapi hanyalah label atau gelaran kepada anak muda yang bergerak dengan kekuatan individu yang tidak disokong dalam satu kesatuan yang kuat sebagaimana gerakan Muhammadiyah di Indonesia yang ditunjangi oleh aktivis Kaum Muda Indonesia.²⁹



Kegiatan penerbitan Kaum Muda di Indonesia adalah lebih sistematik kerana mereka bergerak secara berkumpulan di bawah pertubuhan keagamaan seperti Muhammadiyah dan Al-Jam'iyatul Washliyah. Pertubuhan ini mempunyai banyak pesantren, tokoh ulama dan penyokong kepada gerakan islah yang dibawa oleh Kaum Muda ini. Sebaliknya perjuangan Kaum Muda di Tanah Melayu ini tidak disokong oleh mana-mana pertubuhan agama malah PAS yang merupakan satu-satunya parti politik Islam ketika itu dipengaruhi oleh aliran Kaum Tua yang dipimpin oleh Tuan Guru Ahmad Fuad Hassan.³⁰

²⁹ Muhammadiyah ditubuhkan pada 18 November 1912 oleh Kyai Haji Ahmad Dahlan di Jogjakarta. Beliau pernah menuntut di Mekah dan pemikirannya berasaskan ajaran Salaf Ibn Taymiyah dan Muhammad Abduh. Beliau turut membawa aliran yang digagaskan oleh majalah *al-Urwatul Wusqa* dan Tafsir *al-Manar*. Sumber pemikiran islah beliau adalah hasil gabungan kedua-dua aliran islah di Mekah dan Mesir. Dalam soal akidah dan ibadah, beliau cenderung kepada aliran islah di Mekah. Manakala dalam urusan pendidikan dan modenisasi, beliau cenderung dipengaruhi aliran islah di Mesir. Lihat Pemikiran Islah Yusuf Ahmad Lubis Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya Press. 2011, hlm 51.

³⁰ Haji Ahmad Fuad Hassan yang merupakan Yang Dipertua PAS pertama ketika itu menganjurkan Majlis Muzakarah Se-Malaya pada 4 Januari 1953 di Madrasah Da'irah al-Ma'arif, Kepala Batas. Tujuan



Apabila penggerak perjuangan Kaum Muda tersebut menerima tekanan seperti dihalau dari daerah, masjid dan kampung, perjuangan Kaum Muda di tempat tersebut akan berakhir sepertimana berlaku kepada Dr Burhanuddin al-Helmy, Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari dan Syed Syeikh al-Hadi yang dihalau dari kampung halaman masing-masing ekoran dakwahnya tidak diterima oleh sebahagian masyarakat Melayu. Pada peringkat awal perjuangan Kaum Muda sekitar tahun 1906 hingga 1930-an, Syed Syeikh al-Hadi, Syeikh Tahir Jalaluddin, Mufti Kelantan, Hj Wan Musa, Hj Nik Abdullah bergerak secara bersendirian. Mereka bergerak secara individu menggunakan medium dakwah dari surau, masjid dan menggunakan pena untuk menyampaikan mesej islah mereka.

Gerakan seperti ini mudah dipatahkan kerana mereka tidak bersatu dalam satu kesatuan untuk meneruskan legasi perjuangan, idea islah mereka. Perjuangan mereka mudah dilemahkan apabila berdepan dengan aristokrat Melayu dan pembesar agama yang mendapat kepercayaan sultan dan institusi agama. Mereka yang bekerja di institusi agama seperti Kadi dan Mufti ini merupakan golongan yang lebih berpengaruh dan merasakan kepentingan dan pengaruh mereka tercabar apabila Ustaz Abu Bakar Bakir yang merupakan aktivis Kaum Muda ingin menubuhkan MATA ingin membuat perubahan dalam pentadbiran agama negeri dan seolah-olah mahu mengambialih peranan jabatan agama Islam negeri yang dilihat tidak berfungsi membawa seruan Islam kepada masyarakat Melayu.³¹

muzakarah tersebut adalah untuk membincangkan 15 masalah khilafiah. Walaupun Syeikh Tahir Jalaluddin dan Haji Ibrahim Aqibi dijemput tetapi mereka tidak menghadirinya kerana tidak yakin muzakarah yang dianjurkan oleh ulama Kaum Tua itu dapat berjalan dengan berkesan. Lihat Risalah Ketetapan Majlis Muzakarah 15 Masalah Sebaliknya Haji Ibrahim Aqibi menganjurkan Majlis Muzakarah lain pada 2-3 Mei 1953 di Chung Ling School, Pulau Pinang. Kedua-dua ulama kedua belah pihak menghadirinya termasuk A. Hassan Bandung dari Indonesia dan Muhammad Fadhlulah Suhaimi dari Singapura.

³¹ Lihat Nabir Haji Abdullah, *Maahad II Ihya Assyarif Gunung Semanggol, 1934-1959*, 1976, hlm. 133.



Namun begitu, gelombang kedua kelompok Kaum Muda pula cuba bergerak secara berpersatuan. Mereka mendapat lebih banyak sokongan walaupun tidak mendapat sokongan sepenuhnya daripada masyarakat Melayu. Gelombang kedua perjuangan Kaum Muda yang dipelopori oleh penulis-penulis moden seperti Za'ba, Abdul Rahim Kajai dan Syed Syeikh al-Hadi ini, perjuangannya lebih sistematik kerana mereka bergerak dalam persatuan penulisan. Syed Syeikh al-Hadi turut menggerakkan Persatuan Sahabat Pena dan Za'ba menggerakkan Persatuan *The Malay Literacy Association* untuk mendapatkan sokongan cendekiawan lulusan British di Tanah Melayu bagi menyokong perjuangannya menyedarkan orang Melayu. Melalui persatuan *Sahabat Pena*, mereka mendapat sambutan yang amat menggalakkan dan pada 1937, ahli persatuan ini berjumlah 9867 orang. Persatuan ini berjaya menganjurkan Persidangan Kebangsaan kali pertamanya di Taiping, Perak pada 11 November 1934. Ahlinya yang lebih 1000 orang itu datang dari seluruh Tanah Melayu.³²

Walau bagaimanapun British berjaya menghantar polis perisikan khas untuk menghidu pergerakan sebenar persatuan ini yang sebenarnya berhasrat untuk menerapkan perjuangan anti-British dalam kalangan masyarakat Melayu. Abdul Majid yang menjadi polis perisikan British menjadi tali barut untuk membatasi pergerakan Za'ba dan rakan-rakannya. Beliau cuba mematikan persatuan-persatuan berkenaan sehingga menyebabkan persatuan seperti *The Malay Literacy Association* (1923) mati dipertengahan perjuangannya. Abdul Majid berjaya mensabotaj Za'ba sehingga beliau

³² Roff merujuk Abdul Majid sebagai “beyond reasonable doubt” yang terlibat sebagai pegawai perisik bersama Kapten C.M Hashim dan Pateh Akhir bin Mohd Shah. Lihat Roff “The Origins, Nota kaki 17, hlm. 218.





menjadi pengerusi persatuan dan telah mematikan pergerakan persatuan berkenaan dengan tidak mengerakkan organisasi tersebut.³³

Pejuang-pejuang Kaum Muda yang berorientasikan politik seperti Ustaz Abu Bakar Baqir, Maulana Abdullah Noh, Dr Burhanuddin al-Helmy bergerak dalam pertubuhan yang lebih tersusun. Konsistensi perjuangan Kaum Muda maju setapak lagi apabila tokoh-tokoh Kaum Muda ini terlibat dalam parti politik aliran radikal seperti PKMM dan API. Setelah beberapa pimpinan gerakan tersebut ditangkap, golongan Kaum Muda ini seperti Ustaz Abu Bakar al-Baqir berjaya pula menubuhkan parti politik aliran Islam iaitu Hizbul Muslimin. Parti ini bergerak aktif di seluruh Semenanjung Tanah Melayu hingga menggerunkan British dan golongan elit Melayu yang mesra British.



Perjuangan politik Kaum Muda ini menggerunkan British dan politikus Melayu yang bersekongkol dengan British. Walau bagaimanapun kelemahan perjuangan mereka ini adalah tidak mendapat sokongan besar daripada akar umbi masyarakat Melayu yang takut dengan tindakan British. Tidak semua orang Melayu mempunyai kesedaran untuk membela nasib mereka yang terjajah di bumi sendiri. Mereka lebih selesa berkompromi dengan British dengan tidak menganggotai mana-mana parti politik berhaluan kiri atau menganggotai parti politik pro-British seperti UMNO yang tidak dikenakan sebarang tekanan oleh British. Perpecahan orang Melayu dalam menentukan pendirian politik mereka ini, memudahkan British mengenakan tekanan kepada parti haluan kiri yang tidak mendapat sokongan sepenuhnya orang Melayu. Apatah lagi, British mereka

³³ *Ibid.*



mendapat sokongan daripada para sultan dan aristokrat Melayu yang dijaga kedudukan mereka oleh British. Ekoran itu apabila pemimpin utama parti yang didukung oleh Kaum Muda seperti Ustaz Abu Bakar al-Bakir ditangkap, perjuangan politik Kaum Muda yang diasas oleh tokoh-tokoh Kaum Muda ini seolah-olahnya tiada pewaris yang boleh meneruskan kelangsungan perjuangan mereka.

Akhirnya sokongan masyarakat Melayu berubah arah kepada UMNO yang dilihat berjaya menggunakan cara diplomasi untuk mendapatkan kemerdekaan daripada British. British pula menggunakan kesempatan yang ada ini untuk memberikan kemerdekaan segera kepada Tanah Melayu melalui wadah UMNO agar dasar imperialisme mereka di Tanah Melayu dapat diteruskan walaupun kemerdekaan telah diberikan kepada rakyat tempatan. British terpaksa memberi kemerdekaan segera kerana tidak lagi dapat mempertahankan gerakan rakyat daripada pelbagai parti politik berhaluan kiri seperti PKM, API, AWAS, PKMM, PAS. Namun apabila kemerdekaan diberikan kepada Tanah Melayu, momentum perjuangan orang Melayu menuju kepada anti klimaks kerana rakyat merasakan tiada keperluan lagi untuk bersama dengan gerakan kemerdekaan yang dipimpin oleh golongan berhaluan kiri. Akhirnya rakyat merasai perjuangan tokoh-tokoh Kaum Muda seperti Dr. Burhanuddin al-Helmy dan Ustaz Abu Bakar al-Bakir ini tidak perlu lagi kerana Tanah Melayu telahpun merdeka.

UMNO pula semakin mendapat tempat dalam masyarakat Melayu ekoran peranan yang dimainkan sehingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Setelah parti Hizbul Muslimin diharamkan, ramai ulama menjadi ahli UMNO. Namun begitu, keberadaan mereka tidak lama kerana golongan ulama dalam UMNO merasakan gerakan nasionalisme yang dibawa oleh UMNO tidak mampu membawa suara Islam



yang menyakinkan malah UMNO terlibat dengan isu-isu yang tidak Islamik seperti loteri kebajikan dan perjudian untuk memperoleh dana demi kelangsungan parti berkenaan. Akhirnya, biro agama dalam UMNO mengistiharkan keluar daripada UMNO dan membentuk parti Islam se-Malaysia pada 1951 yang dipimpin oleh Ustaz Fuad Hassan.

Faktor seterusnya yang melemahkan perjuangan Kaum Muda adalah kerana penentangan daripada istana. Hal ini disebabkan golongan elit seperti sultan dan pembesar Melayu turut menentang gerakan Kaum Muda ini. Malah di Perak, tokoh Kaum Muda seperti Syeikh Abdullah Maghribi yang menjadi mudir Madrasah Idrisiah dipecat daripada jawatannya oleh pihak pengurusan madrasah yang ditadbir oleh pembesar istana dan dihalau keluar dari Perak kerana idea islahnya adalah bersamaan dengan pembawaan Kaum Muda di Tanah Melayu. Begitu juga dengan Za'ba yang telah diberi amaran oleh Raja Chulan pada 1921 kerana kritikan pedas tulisan beliau mengkritik pembesar dan sultan Melayu yang dianggap Za'ba tidak menjaga kepentingan dan hak orang Melayu berbanding hartawawan Cina yang bertungkus lumus membantu masyarakat mereka seperti membina sekolah dan hospital demi menjaga kebajikan kaum mereka. Za'ba dituduh sebagai penghasut agar membenci kerajaan Akhirnya Za'ba diarah meninggalkan jawatannya sebagai guru di Malay College Kuala Kangsar (MCKK) kerana begitu lantang mengkritik pihak istana. Undang-undang di setiap negeri digunakan untuk menghalang kegiatan Kaum Muda seperti perlu mendapat keizinan sultan untuk berdakwah dan menerbitkan akhbar ataupun majalah.





Dasar British di Tanah Melayu pula mempunyai muslihat untuk meleakakan sultan-sultan Melayu dengan memberi layanan yang baik kepada mereka hingga akhirnya institusi kesultanan ini menjadi boneka sahaja. Akhirnya dasar British tersebut berjaya menjumudkan pemikiran, melemahkan ekonomi, menghilangkan kuasa politik, mencacamarbakan sistem sosial dan pendidikan bangsa Melayu.³⁴ Manakala Mahayuddin Haji Yahaya dalam bukunya menegaskan sikap British terhadap sultan-sultan Melayu seperti berikut:

Semasa penjajahan British, raja-raja Melayu telah dijadikan alat dan perkakas Inggeris untuk dipergunakan oleh pihak penjajah bagi menguasai negara ini. Ini adalah satu penghinaan besar terhadap raja-raja Melayu dan rakyat yang beragama Islam. Sifat menghina raja memang biasa dilakukan oleh penjajah British. Misalnya dalam kes gerakan anti penjajahan, pihak British sering memaksa raja-raja menentang pejuang-pejuang tersebut. Kuasa agama yang dikatakan diserahkan kepada raja tetapi dari segi praktisnya segala keputusan yang dibuat tentang hal tersebut adalah di tangan Gabenor British dan berbagai-bagai lagi kes penghinaan British terhadap raja.³⁵

Jelasnya, British mempergunakan institusi kesultanan untuk menyekat semangat kesedaran orang Melayu menentang Inggeris.³⁶ Hal ini sudah tentu melemahkan gerakan Kaum Muda apabila pihak istana turut menyekat pengaruh Kaum Muda berkembang di Negeri-Negeri Melayu kecuali istana Perlis yang memberi sokongan padu kepada perjuangan Kaum Muda di negeri tersebut. Justeru, tidak

³⁴ Ishak Saat, *Politik Suara Rakyat*, Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2013, hlm, 20.

³⁵ Mahayuddin Haji Yahaya, *Islam di Alam Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001, hlm. 199.

³⁶ Mungkin sultan rela diperguna oleh British kerana bimbang kedudukan mereka tercabar ekoran bimbang sejarah silam pada 1875 berulang kembali. Perjuangan awal golongan istana menentang British mengalami tekanan hebat dan mereka yang terlibat dalam pembunuhan J.W.W Birch dijatuhi hukuman gantung dan ada yang dibuang ke Pulau Seychelles seperti Raja Abdullah, Ngah Ibrahim dan Datuk Laksamana Muhammad Amin. Manakala yang dihukum gantung pula seperti Dato' Maharajalela Pandak Lam, Dato' Sagor, Pandak Endut, Ngah Jabor, Panjang Bur dan Kulu Ali pula dipenjara seumur hidup. Sultan Ismail juga tidak dibenarkan pulang ke Perak dan akhirnya baginda tinggal di Johor. Lihat Abdullah Zakaria, *Pasir Salak Pusat Gerakan Menentang British di Perak*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya/ Yayasan Perak. 1997, hlm. 214.



hairanlah hingga kini Perlis merupakan satu-satunya negeri yang mempunyai pengaruh Kaum Muda yang kuat hingga mereka berjaya mewujudkan Kanun ‘Ahli Sunnah Wal-Jamaah’ di dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perlis pada 26 Mac 1959.

Selain itu golongan ulama Kaum Tua yang berada di belakang sultan-sultan Melayu turut sama merencatkan lagi gerakan islah ini kerana mereka turut memberi tentangan yang hebat kepada Kaum Muda dalam isu-isu agama yang diperdebatkan dalam majalah dan akhbar. Golongan ini yang merupakan pendukung aliran Kaum Tua turut mempengaruhi institusi agama seperti jabatan agama Islam negeri dan pihak istana untuk mengekang gerakan islah ini melalui pengharaman penerbitan buku dan majalah Kaum Muda. Kaum Muda turut diharamkan memberi kuliah dan mengajar agama di madrasah dengan alasan mereka membawa ideologi yang boleh menyesatkan masyarakat dan terlibat dengan kegiatan komunis. Golongan ulama Kaum Tua ini membuat propaganda negatif terhadap gerakan Kaum Muda dengan mengatakan mereka mempunyai hubungan dengan komunis dan akan merampas kuasa kerajaan.³⁷

Ulama Kaum Tua yang berdamping dengan pihak istana telah menasihati sultan untuk mengambil tindakan terhadap tokoh Kaum Muda yang aktif menyampaikan seruan islah. Di Perak misalnya, atas nasihat ulama Kaum Tua, buku terjemahan Za’ba yang bertajuk *Pendapatan Perbahasan Ulama pada Kejadian Perbuatan dan Perusahan* (1934) telah diharamkan oleh Sultan Perak, Sultan Iskandar Syah. Begitu juga dengan seorang lagi tokoh Kaum Muda di Perlis, Syeikh Abu Bakar al-Asy’ari yang buku beliau yang bertajuk *Ibadat Rasullullah* juga turut diharamkan oleh ulama-

³⁷Lihat fail laporan polis “Religious conflict in Mukim Paya Report” by Chief Kathi, Perlis, A.P. No 4251349 pada 8/8/1349H bersamaan 26/4/1931M.



ulama yang mempunyai kuasa di Majlis Agama Negeri seperti mana yang berlaku di Negeri Sembilan dan juga Perak.³⁸ Begitu juga peranan kadi-kadi yang bertugas untuk menjaga hal ehwal agama di daerah masing-masing yang berkuasa memantau gerakan Kaum Muda baik di masjid ataupun surau yang akhirnya pengaruh Kaum Muda di Tanah Melayu ini dapat dibatasi perkembangannya.

Gerakan Kaum Muda ini turut mengalami pasang surut kerana tekanan yang dikenakan oleh British terlalu hebat. British pada mulanya tidak mengambil kisah tentang kegiatan mereka apabila perjuangan Kaum Muda ini pada peringkat awalnya hanya berkisar kepada persoalan furu' dan khilaf dalam ibadat semata-mata. Namun apabila tokoh-tokoh Kaum Muda seperti Za'ba, Ustaz Abu Bakar al-Bakir dan Dr. Burhanuddin al-Helmy berjuang menuntut hak dan pembebasan orang Melayu melalui semangat anti British, pihak British mula memberikan perhatian terhadap kegiatan mereka. Akhirnya tokoh-tokoh Kaum Muda ini dikenakan tekanan seperti dipecat daripada jawatan, diarah keluar negeri dan ada yang merengkok di dalam penjara kerana cuba menyedarkan masyarakat Melayu untuk menentang British.³⁹

Selain itu kelemahan pendekatan Kaum Muda juga memungkinkan kegiatan mereka dihidu oleh British. Kegiatan Ustaz Abu Bakar al-Baqir yang terlalu drastik menggerakkan Hizbul Muslimin tanpa berselindung dengan menjadikan Maahad al-

³⁸ Temubual dengan Tn Hj Fauzi bin Abu Bakar di rumah beliau pada 5 Mei 2016 di Taman Pekeliling, Kangar, Perlis.

³⁹ Lihat SP/28/A/47-Surat Setiausaha Agong Persatuan Islam Sa-Tanah Melayu Pejabat Agong Kepada Setiausaha PAS Chawangan 23 Oktober 1965 untuk mengetahui tentang keadaan kesihatan Dr Burhanuddin al-Helmy yang merengkok dalam penjara. Lihat Transkrip Za'ba II, 1970, hlm. 21 pula untuk mengetahui keadaan Za'ba yang tidak dinaikkan gaji di MCKK, tidak ditawarkan jawatan tetap sehingga akhirnya 'dipecat' dan ditukarkan ke Jabatan Karang Mengarang di SITC pada 1924. Manakala lihat CO 537/3753, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No.15/1948, 15 Ogos 1948, hlm. 584 untuk mengetahui tentang penangkapan Ustaz Abu Bakar al-Baqir.



Ehya Assyariff sebagai markas kegiatan penentangan British menyebabkan dengan mudahnya British menjadikan tenaga pengajar maahad tersebut sebagai sasaran penangkapan tenaga penting penggerak parti ini. Selain itu, penubuhan MATA yang diperjuangkan oleh beliau juga terlalu drastik dan menentang kuasa pentadbiran jawatan agama Islam negeri di bawah kuasa sultan. Penubuhan MATA seolah-olah cuba mengambilalih kuasa jabatan agama di bawah kuasa sultan dan sudah semestinya Kaum Muda menghadapi kesukaran untuk menghadapi tekanan yang hebat daripada pihak istana dan jabatan agama negeri.⁴⁰ Berbeza dengan gerakan islah yang dibawa oleh Muhammadiyah di Indonesia yang bergerak secara halus dan berselindung di sebalik perjuangan untuk pendidikan masyarakat. Muhammadiyah tidak diharamkan oleh Belanda walaupun misi mereka berjaya untuk mengerakkan kesedaran masyarakat menentang Belanda. Mungkin Muhammadiyah telah belajar daripada sejarah lampau bahawa perjuangan Gerakan Paderi secara radikal menemui kegagalan dan akhirnya tewas dengan kekuatan persenjataan penjajah yang lebih canggih.

Perjuangan Kaum Muda menjadi malap juga adalah disebabkan mereka mendapat tentangan yang hebat daripada Kaum Tua. Masa dan tenaga Kaum Muda banyak dihabiskan melayan polemik-polemik yang berlaku dengan Kaum Tua baik di dada-dada akhbar, majalah ataupun medan dakwah di masjid-masjid ataupun kampung-kampung. Akhirnya masyarakat Melayu menjadi keliru dengan konflik yang berlaku. Bagi penduduk kampung yang sudah sebatu dengan ajaran Kaum Tua, mereka sukar menerima pembawaan fahaman pembaharuan yang disampaikan oleh Kaum Muda di surau-surau ataupun masjid-masjid. Malah penentangan daripada akar umbi masyarakat

⁴⁰ Lihat *Utusan Melayu*, 28 Januari dan 18 Februari 1948 memuatkan berita tentang MATA tidak berpuas hati tentang Majlis Agama Negeri yang terikat dengan pengaruh istana.

berlaku sebagaimana Syeikh Tahir Jalaluddin di pukul di Melaka dan Dr. Burhanuddin al-Helmy yang ingin dipukul oleh orang kampungnya sendiri di Changkat Tualang.

Perbalahan demi perbalahan berlaku termasuk ancaman keselamatan, ugutan dan terdapat beberapa laporan polis yang dilaporkan hingga menyeret Kaum Muda disiasat kerana dikatakan pergerakan mereka didalangi oleh Parti Komunis Malaya.⁴¹ Hanya segelintir simpatisme yang bersifat individu atau kelompok kecil yang menyokong Kaum Muda di kampung-kampung dan suara-suara mereka ini ditenggelami oleh golongan yang menyokong Kaum Tua yang mendapat tempat dalam jabatan agama, istana dan disokong oleh bangsawan Melayu dalam pentadbiran negeri.

Aliran Kaum Muda ini mengalami kelemahan yang ketara apabila di ulama-
ulama Kaum Muda ini sendiri berpecah ekoran fahaman politik yang berbeza. Pejuang-pejuang Kaum Muda ini mempunyai aliran politik yang berbeza sama ada pejuang aliran kiri menentang pihak British, menentang golongan istana ataupun menyokong UMNO ataupun PAS. Misalnya di Perlis agak unik kerana Kaum Muda yang menguasai politik dan pentadbiran mempunyai hubungan yang baik dengan istana dan mereka merupakan pemimpin UMNO peringkat negeri. Apabila Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari menyertai PAS pada 1957 dan Syeikh Ahmad yang menjadi Menteri Besar Pertama melalui pilihanraya pada 28 Mei 1959, mereka mulai menjadi seteru politik hingga melupai perjuangan asal untuk mengislahkan negeri Perlis secara menyeluruh. Akhirnya impian untuk mengislahkan Perlis secara menyeluruh mengikut aliran Kaum Muda tidak tercapai. Malah dengan kuasa politik yang ada pada Syeikh Ahmad, beliau

⁴¹ AP 425/1349 Religious Conflict in Mukim Paya 1949, Arkib Negara Malaysia.



memecat Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari daripada jawatannya sebagai Imam Besar Masjid Alawiyah kerana bimbang pengaruh PAS menular dalam masyarakat di Perlis terutama apabila khutbah-khutbahnya begitu pedas berkaitan politik Islam.⁴²

5.4 Tribulasi dan Cabaran dalam Perjuangan Kaum Muda

Sekitar 1920 hingga 1940-an merupakan tempoh masa yang paling kritikal konflik Kaum Muda dan Kaum Tua yang berlaku di Tanah Melayu. Sama ada di bandar ataupun kampung, konflik itu berlangsung secara terbuka baik di media penerbitan, di institusi pondok, madrasah, surau ataupun masjid. Kaum Tua ini menggunakan institusi agama seperti jabatan agama Islam yang menguasai dan menguruskan institusi masjid, surau, imam, kadi dan guru-guru untuk menyekat kegiatan Kaum Muda. Kaum Muda tidak mendapat tempat untuk menjadi Kadi ataupun jawatan Imam malahan guru-guru agama Kaum Muda tidak diberikan tauliah untuk mengajar. Sebaliknya terdapat ustaz-ustaz Kaum Tua mengintip ustaz-ustaz Kaum Muda mengajar untuk menyekat pengaruh ilmu mereka melebar luas dalam masyarakat.⁴³

Cabaran utama dalam perjuangan Kaum Muda adalah menghadapi polemik perdebatan dengan Kaum Tua. Siri perdebatan antara Kaum Muda dan Kaum Tua di Kelantan dan Pulau Pinang semuanya mencapai kegagalan kerana kedua-dua pihak tidak berlapang dada ketika berdebat. Malah konflik yang berlaku menyebabkan berlakunya tribulasi kepada pejuang Kaum Muda sama ada mereka dicemuh, dihalau

⁴² Temubual dengan Tn Hj Fauzi bin Abu Bakar di rumah beliau pada 5 Mei 2016 di Taman Pekeliling, Kangar, Perlis.

⁴³ *Utusan Melayu* 30 Julai 1949 dengan tajuk "Mengapa terhendap-hendap?"





ataupun hingga berlaku pergaduhan antara para pengikut aliran tersebut. Hal ini menimbulkan kesan yang mendalam terhadap perkembangan dakwah Islam di Tanah Melayu dan merencatkan kelancaran semangat kesedaran kemerdekaan yang di bawa oleh Kaum Muda bagi memastikan orang Melayu tidak lagi mundur dalam serba serbi kehidupan seterusnya bangkit menuntut kemerdekaan.

Syed Syeikh al-Hadi menerima tribulasi pertamanya sebagai tokoh gerakan Kaum Muda apabila Madrasah al-Hadi yang dipimpinnya dipulau oleh masyarakat setempat. Pada tahun 1917, semasa era pembukaan madrasah tersebut kebanyakan pelajarinya merupakan orang dewasa. Manakala pada tahun kedua pula tidak ramai kanak-kanak yang dihantar belajar di situ. Penuntut yang ada di madrasah itu hanyalah 30 orang kerana Syed Syeikh al-Hadi tidak disukai oleh penduduk di situ. Golongan yang anti Kaum Muda sangat berpengaruh di Melaka Tengah dan mereka sering memburuk-burukkan Syed Syeikh al-Hadi. Sikapnya yang tegas terhadap firkah islah menyebabkan syarahannya dipulau oleh orang Melaka hingga beliau terpaksa melarikan diri dari Melaka dengan menyamar berpakaian wanita kerana bimbang dipukul oleh orang kampung.⁴⁴

Setelah Syed Syeikh al-Hadi meninggalkan Melaka dan berhijrah ke Pulau Pinang pada 1918, Haji Bachik telah mengambil inisiatif untuk meneruskan penyebaran firkah Kaum Muda di Melaka. Beliau mendirikan sekolah Arab di Jalan Chan Kun Ching, Bandar Kaba. Guru-gurunya didatangkan dari Mesir namun sekolah ini juga menerima nasib yang sama. Haji Bachik tidak berputus asa dan terus berusaha

⁴⁴ A.H Edrus, *Persuratan Melayu 3: Drama dan Perkembangan Bahasa Melayu*, Singapura: Qalam, 1961, hlm. 237.





mengembangkan ajaran ini dengan mengambil guru-guru dari Sumatera sekitar 1920-an. Sumatera merupakan tempat yang ramai melahirkan Kaum Muda kerana ulama-ulama yang terdidik di sana mendapat pendedahan dari Mesir dan Mekah.⁴⁵ Antara guru-guru dari Sumatera tersebut ialah Kassimmudin, Yusuf Efendi. Manakala Ibrahim al-Mulla al-Azhari pula didatangkan khas dari Yugoslavia.⁴⁶

Di Alor Gajah pula, aliran Kaum Muda diperkenalkan oleh Sheikh Tahir Jalaluddin. Kedatangan beliau pada 1926 dan 1927 ke Melaka memberi kesan positif kepada dakwah aliran Kaum Muda kerana beliau mempunyai saudara mara di Kampung Baharu. Kuliah dan ceramah beliau mendapat tempat dalam masyarakat dan mereka berminat dengan pembaharuan islah yang diperjuangkan oleh Kaum Muda tersebut. Para pelajarnya mula berusaha mendapatkan guru-guru yang mempunyai firka



Walaupun didatangkan ulama islah yang hebat dari negara luar, pegangan orang Melaka terhadap ajaran Kaum Tua ini begitu tebal dan menimbulkan kontroversi pada sekitar 1920-an. Perdebatan demi perdebatan berlangsung tanpa kesudahan kerana tiadanya hakim yang neutral. Haji Latif, pemimpin Kaum Tua mengambil Haji Khalil yang berjawatan mufti dan bersikap pro Kaum Tua menjadi hakim.⁴⁸ Dalam perdebatan antara mereka, Kaum Muda terpaksa lari dari dipukul oleh kumpulan Kaum Tua yang lebih ramai. Malah Syeikh Tahir Jalaluddin pernah dipukul di Masjid Kampung Keling,

⁴⁵ *Ibid.*, hlm. 37.

⁴⁶ Abdul Aziz bin Mat Ton, Gerakan Ansarul Sunnah dalam Kegiatan Kaum Muda Melaka, Latihan Ilmiah Jabatan Sastera, Universiti Malaya 1972/73.

⁴⁷ *Ibid.*, hlm. 39.

⁴⁸ Tuan Guru Haji Khalil Haji Hussin merupakan Mufti pertama Melaka pada tahun 1926. Beliau lahir pada 1885 dan pernah menetap di Mekah selama 22 tahun.





Melaka kerana Kaum Tua tidak berpuas hati dengan penjelasan beliau selaku, ulama yang cuba mengubah minda masyarakat Melayu ketika itu. Kaum Tua tidak dapat menerima pandangan Kaum Muda yang menyebarkan pemikiran bahawa bertali leher, berseluar panjang, bersolat tidak memakai lebai, haji yang tidak berserban adalah tidak bercanggah dengan Islam. Di pihak Kaum Muda pula, mereka sengaja membuat provokasi dengan menunjuk-nunjuk kepada masyarakat seperti menunaikan solat dengan berseluar panjang dan tidak berlebai ketika tidak bersolat.⁴⁹

Perjuangan Kaum Tua di Melaka menjadi lemah apabila Haji Bachik meninggal dunia pada 1936. Namun begitu, usaha mengembangkan pengaruh Kaum Muda diteruskan oleh anaknya yang bernama Encik Hashim bin Haji Bachik yang bergandingan dengan Haji Sharif bin Sukkar. Manakala anak Syed Syeikh al-Hadi, Syed Alwi al-Hadi cuba mendirikan sekolah Inggeris beraliran agama di Bandar Hilir Melaka pada 1939. Namun semuanya gagal untuk menarik sokongan orang Melayu Melaka untuk menyokong fahaman Kaum Muda ini. Semua usaha untuk mengembangkan pengaruh Kaum Muda ini tidak dapat berjalan lancar. Kemuncak perjuangan di Melaka apabila satu pertubuhan yang dikenali sebagai Gerakan Ansarul Sunnah ditubuhkan di Bandar Melaka. Bagaimanapun disebabkan keradikalan Kaum Muda di sini, pendaftaran pertubuhan gerakan ini ditolak oleh British.⁵⁰

Sehingga tahun 1931, beberapa guru dari Sumatera dijemput datang ke Tanah Melayu. Antaranya ialah Encik Borhan, Haji Abdul Rahman dan Ibnu Hajjar. Ekoran jumlah penuntut yang semakin ramai, kelas yang hanya bermula di rumah akhirnya

⁴⁹ Abdul Aziz bin Mat Ton, *Gerakan Ansarul Sunnah dalam Kegiatan Kaum Muda Melaka*, Latihan Ilmiah Jabatan Sastera, Universiti Malaya, 1972/73, hlm. 37.

⁵⁰ *Ibid.*, 39-40





berpindah ke Masjid Jelatang di Kampung Baharu. Walau bagaimanapun, tidak sampai sebulan perjalanan pengajian tersebut berlangsung, penuntut aliran Kaum Muda diserang di dalam masjid berkenaan ketika sedang belajar. Namun serangan tersebut tidak membantutkan perkembangan aliran Kaum Muda di kampung itu. Setelah diadili, pegawai daerah dan Residen British membenarkan Kaum Muda terus menjalankan kegiatan dakwah mereka kerana pihak mufti Melaka sendiri tidak dapat menunjukkan bukti bahawa aliran yang dibawa oleh Kaum Muda ini adalah sesat atau menyeleweng. Justeru, untuk meneruskan misi islah mereka, Kaum Muda mendirikan madrasah mereka sendiri di atas tanah yang diwakafkan oleh isteri Haji Muluk.⁵¹

Pada 1933, Kaum Muda di Alor Gajah menjemput seorang guru lepasan Sekolah Tinggi di India bernama Lebai Ma'adah yang berkelulusan Universiti Aligarh, India. Mereka turut mengundang guru dari Minangkabau iaitu Pakeh Suren, Engku Satti dan Pakeh Ahmad. Pengaruh Kaum Muda di Alor Gajah sangat ketara kerana didukung pemimpin setempat seperti Haji Talib yang diterima sebagai pemimpin agama dan masyarakat setempat. Di samping itu peranan tokoh agama Kaum Muda yang dibawa masuk seperti Haji Ahmad Amin yang mengajar secara konsisten selama 10 tahun di daerah berkenaan menjadikan pengaruh Kaum Muda tersebar meluas di daerah berkenaan.⁵²

Di Jasin, kegiatan Kaum Muda tertumpu di Jasin Hilir. Aliran Kaum Muda ini disebarkan oleh Hj Ahmad bin Amin sekembalinya beliau dari Mekah pada 1939. Walaupun beliau seorang yang berilmu dan warak tetapi tidak diterima penduduk

⁵¹ *Ibid.*, hlm. 39-40

⁵² *Ibid.*, hlm. 42.





setempat kerana dikatakan belajar di tempat aliran Wahabi di Mekah. Namun begitu, hal ini tidak mematahkan semangat beliau untuk mendirikan Madrasah Tarbiatul Dinniah di Terentang pada awal 1940. Madrasah yang didirikan hasil wang derma orang ramai itu berfungsi untuk mengajar kanak-kanak pada waktu pagi dan orang dewasa pada waktu malam. Mereka mempelajari selok belok ilmu al-Quran dan juga bahasa Inggeris. Hasilnya pengaruh Kaum Muda berkembang subur di daerah berkenaan walaupun fahaman tersebut tidak dapat disebarikan secara menyeluruh di kampung berkenaan kerana Haji Ahmad Amin tidak disukai oleh penduduk tempatan. Antara sebabnya beliau tidak disukai penduduk tempatan kerana gaya dakwah beliau yang menentang arus seperti berkhutbah dalam bahasa Melayu dengan tidak membaca teks atau kitab, tidak mahu memakai kerudong atau jubah semasa berkhutbah disamping begitu lantang mengkritik amalan bidaah dan khurafat yang masih menebal dalam



masyarakat setempat.

Kaum Tua yang terdiri daripada golongan yang berpengaruh dalam masyarakat seperti kadi, mufti dan pegawai kerajaan menggunakan kuasa yang mereka ada untuk memalapkan pengaruh Kaum Muda yang semakin melebar dalam masyarakat. Antara langkah awal diambil adalah dengan memecat imam-imam Kaum Muda. Antara sasaran mereka ialah Hj Ali bin Lais yang menjadi Imam Masjid Sempang Kerayong. Beliau dipecat atas perintah Pemangku Kadi pada awal Ramadhan 1955 kerana tidak mengikut arahan Mufti Melaka mengadakan solat Terawih pada hari pertama Ramadhan. Kaum Muda tidak berpuas hati dengan tindakan tersebut dan Kaum Tua pula berusaha mencari pengganti imam masjid berkenaan. Akhirnya pemangku Kadi terpaksa mengadakan pengundian dengan memanggil seluruh kariah Sempang Kerayong untuk menentukan jawatan Imam Masjid Sempang Kerayong pada Jun 1955. Terdapat dua calon imam





iaitu Haji Ali Lais yang mewakili Kaum Muda dan Haji Abdullah yang disokong Kaum Tua. Akhirnya Haji Ali mendapat 102 undi dan Haji Abdullah hanya mendapat 15 undi sahaja. Walau bagaimanapun amat mengejutkan warga kariah Kampung Sempang Kerayong kerana Pemangku Kadi Jasin masih tidak dapat menerima keputusan itu dan menggantung jawatan Imam Hj Ali tanpa alasan.⁵³

Akhirnya Kaum Muda bermufarakah dari berjemaah di masjid berkenaan dan mereka mendirikan surau kecil termasuk menunaikan solat Jumaat bermula 14 Jun 1955. Kaum Muda melaporkan permasalahan itu kepada Pegawai Daerah Jasin dan beliau memberi kebenaran untuk mendirikan solat jumaat bermula 22 Jun 1955. Sejak itu Kaum Muda di kampung tersebut menggelarkan kumpulan mereka sebagai Ansarul Sunnah (Penyokong Sunnah). Manakala Kaum Tua pula tetap bersolat di Masjid Sempang Kerayong dengan berimamkan Haji Abdullah bin Aman yang dilantik oleh Pemangku Kadi Jasin. Konflik tersebut telah memecah belahkan masyarakat kerana mereka terus pulau memulau antara kumpulan berkenaan termasuk dalam kegiatan seharian seperti kenduri kahwin, tanah wakaf perkuburan, harta zakat fitrah yang terkumpul sebelumnya dan termasuk kegiatan parti politik. Yang paling menerima kesan yang teruk akibat konflik tersebut adalah Kaum Muda kerana kebanyakan urusan kemasyarakatan seperti urusan nikah kahwin dipegang oleh Kaum Tua.⁵⁴

⁵³ Pada tahun 1955, Mufti Melaka mengistiharkan anak bulan telah kelihatan sehari lebih awal dari semua negeri di Tanah Melayu. Kaum Muda tidak mahu mengikut perintah tersebut kerana hari tersebut dianggap hari yang 'syak' iaitu tidak sependapat dengan majoriti mufti-mufti negeri lain dan dianggap ganjil penentuan tarikh tersebut. Hj Ali bin Lais yang tidak setuju dengan pandangan mufti Melaka telah menguzurkan diri dan terawih tidak dapat diadakan pada malam pertama Ramadhan pada tahun itu. *Ibid.*, hlm. 46.

⁵⁴ Catatan Pejabat Kadi Jasin tentang Perkara Saman Bil. 42/72 PKJ dalam perbicaraan pada 23hb Mei 1962, Haji Said bin Yahya didenda \$25.00 kerana menikahkan pasangan tanpa tauliah mengikut fasal 150/59 Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Melaka. Pada tahun yang sama juga, isu yang sama berlaku kepada semua pegawai masjid Kaum Muda disaman antara \$25.00 ke \$50.00 bagi kes yang serupa.





Sehingga bulan April 1962, terdapat 20 perkahwinan Kaum Muda tidak dapat didaftarkan kerana tidak mendapat kerjasama golongan Kaum Tua yang menguasai pentadbiran urusan perkahwinan. Kadi Jasin tidak mahu mendaftarkan perkahwinan pengikut aliran Kaum Muda. Manakala imam masjid aliran Kaum Tua pula tidak mahu menikahkan perkahwinan kerana urusan pernikahan hanya di tangan imam masjid yang mendapat tauliah daripada pejabat Kadi. Akhirnya Kaum Muda menguruskan sendiri majlis pernikahan kumpulan mereka sehingga disaman Mahkamah Kadi Jasin kerana dituduh menikahkan pasangan tanpa tauliah.⁵⁵

Kaum Muda cuba mendapatkan tauliah daripada Pejabat Ugama Islam Melaka PUI (M), agar pegawai-pegawai masjid mereka mudah menikahkan pasangan. Permohonan mereka mendapatkan tauliah dari Pejabat Pendaftaran Nikah kahwin pada 28 Ogos 1956 ditolak oleh pegawai berkenaan. Pada 20 Disember 1956, mereka cuba memohon kepada Residen Melaka tetapi masih gagal. Untuk memenuhi tuntutan Undang-undang yang ditetapkan oleh PUI (M) supaya masjid dan pegawainya didaftarkan bermula tarikh 27 Disember 1959, Kaum Muda cuba untuk mendaftarkan masjid dan para pegawainya tetapi PUI (M) masih menolak permohonan mereka. Kaum Muda turut menghantar satu memorandum kepada PUI (M) untuk membantah sikap berat sebelah mereka itu.

Akhirnya PUI (M) cuba memecahkan kariah tersebut kepada dua iaitu Sempang Kerayong dan Terentang tetapi dibantah oleh sebahagian penduduk kampung. Kaum Muda juga cuba merayu kepada Gabenor Melaka untuk menolong menyelesaikan

⁵⁵*Ibid.*





masalah tersebut tetapi juga gagal. Bahkan Yang Di Pertuan Agong juga tidak dapat menolong menyelesaikan masalah tersebut. Mengikut Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak Tahun 1959, hal ini dapat diselesaikan oleh Majlis Agama Islam tetapi malangnya daripada 12 orang ahli majlis agama tersebut, hanya seorang sahaja orang Kaum Muda dan dua orang yang bersimpati dengan permasalahan ini.⁵⁶ Akhirnya dalam keadaan terpaksa, golongan Kaum Muda terpaksa berpura-pura mengakui bermazhab Shafie dan sejak 19 Ogos 1971, semua pegawai masjid diberi tauliah untuk menjalankan segala kegiatan keagamaan secara sah di sisi undang-undang pentadbiran Islam Melaka.⁵⁷Demikianlah tribulasi dan cabaran yang dihadapi oleh pengikut aliran Kaum Muda di Melaka yang mendapat tentangan hebat daripada Kaum Tua dalam menjalani kehidupan seharian.



membangkitkan kesedaran orang Melayu. Za'ba bukan sahaja menerima tentangan daripada golongan Kaum Tua tetapi juga tindakan daripada British dan pihak istana. Kaum Tua yang menguasai sistem birokrasi dalam jabatan agama yang mendapat kepercayaan istana berjaya mempengaruhi kerajaan untuk menghalang atau menyingkirkan pengaruh Kaum Muda dalam masyarakat. Antaranya Kaum Muda ini dihalang menerbitkan buku dan majalah, memegang jawatan agama dan ada yang dihalau keluar daripada daerah sebagaimana yang berlaku di Perlis dan Perak.

Bagi Za'ba, Kaum Tua merupakan penghalang kemajuan umat Islam dan ini dinukil oleh beliau sebagai:

⁵⁶ Lihat Penyata Tahunan Majlis Ugama Islam Melaka dari 1962 hingga 1972.

⁵⁷ Lihat surat Pejabat Ugama Islam Melaka bil 78 dalam PUI (M) 554.





Apabila nampak oleh mereka itu akan satu-satu orang yang cenderung kepada memajukan daripada barang yang telah sedia ada itu dihukum dia oleh mereka itu salah dan kafir... dan dikeluarkan dia daripada kandang agama Islam! Bahkan telah sampailah nasib kemalangan umat Muslimin pada tiap-tiap masa dalam beberapa keturunan yang telah lalu bahawa mereka kerap kali disesatkan oleh pekerjaan suatu puak daripada Ulama Tua yang tiada baginya kenangan atas kemajuan dan tiada atas ilmu melainkan hendak menjahanamkan dan mempermainkan akan segala anak-anak Islam yang berani dan mencuba hendak menaikkan dan memuliakan semula akan bangsa-bangsa Muslimin yang telah jatuh terendam karam ini.⁵⁸

Malah Za'ba menjelaskan Kaum Muda sebagai golongan yang berjuang untuk menegakkan Islam yang sebenar tanpa ditambah-tambah dari ajaran Islam yang sejati.

Hal ini digambarkan oleh Za'ba seperti berikut:

*The liberal or Kaum Muda party takes their stand on the hypothesis that we moslems have departed from the original teaching of Islam as preached in its simplicity by the prophet and his immediate followers; that innumerable accretions have been added to the pure Islam of the early days.*⁵⁹

Sikap Za'ba yang menyokong gerakan Kaum Muda ini mendapat perhatian pihak Istana dan British. Ciri-ciri penulisannya yang kritis dan sinis kepada pembesar-pembesar Melayu dan penjajah British menyebabkan penulisannya menjadi perhatian semua pihak. Pada 1920, ketika Za'ba sedang mengikuti kursus ikhtisas perguruan, seorang Pegawai Pelajaran Kolonial, A.Kier memberi amaran lisan kepada beliau agar tidak menyebarkan fikirannya kepada pelajar MCKK yang dianggap bahaya oleh British.⁶⁰ Pada 1921, Raja Chulan juga mengarahkan Zaba memberhentikan

⁵⁸ Lihat Adnan Hj Nawang, "Za'ba dan Ajaran Khwaja Kamaluddin", hlm. 97-98.

⁵⁹ Za'ba, "The Malays and Religion" dalam *Tamadun Islam di Malaysia*, Khoo Kay Kim et. al (sunt.), Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1980, hlm. 109.

⁶⁰ Alexander Kier lahir di Scotland pada 1884 dan merupakan pegawai perkhidmatan pendidikan Negeri-Negeri Selat dan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu pada 1906. Beliau pernah menjadi Nazir sekolah-sekolah di Perak dari 1909-1912 dan menjadi Guru Besar di Maktab Latihan Guru, Matang. Pada 1938,





penulisannya kerana dianggap cuba menghasut fikiran pembaca agar benci kepada kerajaan British. Guru Besar MCKK ketika itu, L.S.S Jermyn turut mengawasi kegiatan Za'ba dengan memeriksa bahan bacaan di kediaman Za'ba. Za'ba merupakan pelanggan tetap *Islamic review* (England), *al Manar*, *al-Hilal* (Mesir) *The Light* dan *The Muhammadan* (India)⁶¹. Daripada tinjauan tersebut, beliau mendapati bahan bacaan Zaba berbahaya dan mengandungi pemikiran anti British. Menurutny, Za'ba menunjukkan:

*is imparting his anti-British views. There is no doubt that he has also corrupted or endeavoured to corrupt the minds of some of his pupils at Kuala Kangsar College.*⁶²

Akibat kelantangannya, gaji tahunan Za'ba disekat sejak 1919 dan tidak dilantik

ke jawatan tetap perguruan walaupun memiliki kelulusan ikhtisas perguruan. Gajinya kekal pada tahap awal berkhidmat di MCKK sejak lima tahun yang lalu⁶³ hinggalah beliau ditukarkan ke Kuala Lumpur sebagai penterjemah dan mengarang buku teks sekolah Melayu mulai 1 Jun 1923.⁶⁴ Pertukaran ini sebenarnya bermotifkan politik untuk menyibukkan Za'ba dengan kerja-kerja penulisan buku teks sekolah. Selain Kier dan Jermyn, R.O Winstedt turut berperanan mengawasi kegiatan penulisan Za'ba sejak 1920. Beliau menasihati Za'ba agar menjadi ahli *The Straits Branch, Royal Asiatic Society* dapat menyumbang rencana kepadanya. Harapannya agar tulisan Zaba tidak lagi mengkritik British.⁶⁵

beliau bersara sebagai Ketua Nazir Sekolah-Sekolah British Negeri Negeri Selat dan Negeri Negeri Melayu Bersekutu. Lihat William R. Roff, (ed) "The Wondering Thoughts, of a Dying Man. The Life and Times of Haji Abdul Majid bin Zainuddin", hlm. 67-68.

⁶¹ Lihat C.O 537/908, "The Malayan Bulletin of Political Intelligence", January 1923.

⁶² *Ibid.*

⁶³ Lihat Transkrip Za'ba II, 1970, hlm. 21.

⁶⁴ *Ibid.*, hlm. 23.

⁶⁵ *Ibid.*, hlm. 22.



British turut menghantar polis perisik untuk mengawasi kegiatan Za'ba. British melantik Abdul Majid Zainuddin, rakan baiknya sebagai Polis Cawangan Khas untuk membatasi kegiatan Za'ba. Dalam hal ini persetujuan Za'ba dan Abdul Majid Zainuddin dalam mempertahankan prinsip perjuangan masing-masing berlangsung hingga akhir hayat mereka. Za'ba dan rakan-rakannya berusaha menubuhkan persatuan yang dapat menjadi tempat untuk guru-guru dan wartawan Melayu berbincang untuk memajukan hal ehwal orang Melayu. Perbincangan mereka berkisar tentang kedudukan pelajaran orang Melayu, bahasa Melayu dan aspek-aspek lain tentang kepentingan orang Melayu baik dari segi ekonomi, politik dan sosial.

Pada 1934, Za'ba menganggotai *Sahabat Pena* yang diasaskan oleh Kaum Muda iaitu Syeikh al-Hadi, Syed Alwi Al-Hadi, S.M Zainal Abidin dan Mohd Zain Ayob.⁶⁶ Pada 1935, Za'ba dilantik sebagai Ahli Kehormat *Sahabat Pena* dan Penasihat Umum persatuan berkenaan pada 1938. Persatuan ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan dan pada 1937 ahli persatuan ini berjumlah 9867.⁶⁷ Persatuan ini berjaya menganjurkan Persidangan Kebangsaan kali pertamanya di Taiping, Perak pada 11 November 1934. Ahlinya yang lebih 1000 orang itu datang dari seluruh Tanah Melayu.⁶⁸ Polis Cawangan Khas cuba melumpuhkan persatuan ini kerana bimbang suara orang Melayu akan lebih kuat kedengaran menentang British untuk membelia orang Melayu. Sebagai pegawai Polis Cawangan Khas, Haji Abdul Majid dipertanggungjawabkan untuk memastikan persatuan ini tidak mengganggu gugat kedudukan British di Tanah Melayu.

⁶⁶ Arifin bin Ishak, "*Tarikh Sahabat Pena*", 1941, hlm. 10.

⁶⁷ *Ibid.*, hlm. 10.

⁶⁸ Selepas itu *Sahabat Pena* berjaya menganjurkan banyak Perjumpaan Agung yang lain seperti Kuala Lumpur (1934 dan 1935), Pulau Pinang (1936), Singapura (1937), Ipoh (1938) dan Seremban (1939). *Ibid.*, hlm. 12.



British mula mengintip pergerakan Za'ba sejak beliau mula mengkritik dengan lantang pentadbiran British dan Raja-Raja Melayu sewaktu bertugas di MCKK lagi. Bagi British, Za'ba menggunakan persatuan tersebut untuk membangkitkan kesedaran kemerdekaan kepada orang Melayu untuk bangun menentang dasar British yang tidak adil terhadap orang Melayu sedangkan British telah mengambil sepenuhnya hasil ekonomi orang Melayu untuk kepentingan mereka. Za'ba menggunakan persatuan *Sabahat Pena* ini untuk menerbitkan buku dan majalah bagi menyedarkan orang Melayu. Walaupun persatuan ini bertujuan untuk memberikan perhatian untuk membangunkan bahasa Melayu tetapi persatuan ini turut mempunyai tujuan yang tersirat iaitu untuk yang “ada perasaan pengetahuan amnya dan yang mengambil gemar dalam hal-hal yang bersangkutan dengan hal-hal Melayu dan perkara Melayu.”⁶⁹



British mengetahui melalui tali barut yang dilantiknya bahawa persatuan ini membawa idea reformasi Islam yang dibawa oleh Kaum Muda. Pergerakan persatuan *Sahabat Pena* ini sentiasa dicurigai British kerana secara tersiratnya, persatuan ini cuba menyedarkan orang Melayu untuk menuntut kebebasan dari British melalui gerakan islah yang dibawa oleh Kaum Muda ini. Walaupun tujuan persatuan itu tertulis dalam perlembagaannya untuk “membantu diri sendiri dan bekerjasama dalam kalangan cerdik pandai Melayu untuk memajukan surat menyurat dan karang mengarang, keluasan akal dan fikiran, kesempurnaan akhlak dan pengetahuan-pengetahuan yang boleh dibangkitkan pada amnya umat Melayu” tetapi British tetap curiga. Ini disebabkan walaupun dalam Pendaftar Persekutuan menyatakan persatuan itu tidak akan mencampuri “siasah kerajaan atau perkara-perkara yang sabit termasuk di dalam

⁶⁹ Lihat catatan Za'ba: “Persekutuan Surat-Suratan Melayu Kuala Lumpur”, dalam *Exercise Book*, bertarikh 6 hingga 11 Januari 1924 (12 halaman bertulis Jawi dan Inggeris).



maknanya”⁷⁰ tetapi persatuan ini tetap lantang menyatakan ketidakpuasan hati orang Melayu terhadap dasar British kerana meminggirkan orang Melayu.

Za’ba juga menghadapi tribulasi dalam perjuangan daripada pihak istana dan pembesar Melayu. Buku terjemahannya hasil daripada pemikiran Ibn Taimiyyah, Imam Ghazali dan Syeikh Muhammad Abduh yang bertajuk *Pendapatan Perbahasan Ulama pada Kejadian Perbuatan dan Perusahaan* (1934) menimbulkan kemarahan ulama dan Sultan Perak kerana dianggap berbahaya dari segi pegangan akidah orang Melayu. Pada 29 April 1935, Residen British Perak datang ke SITC dan mengarahkan Za’ba memohon maaf kepada Sultan Perak, Sultan Iskandar Syah⁷¹ yang mengharamkan buku berkenaan atas nasihat ulama di Perak. Za’ba juga diberikan amaran oleh Pengarah pendidikan Negeri-Negeri Melayu yang berpusat di Singapura agar tidak menyiarkan sebarang penerbitan melainkan dengan keizinan bertulis daripada Pengetua SITC.

*In future you may not print or publish or cause to be printed or publish any matter whatever without the previous permission in writing of the Principal of the Sultan Idris Training College.*⁷²

Selain Za’ba, tokoh Kaum Muda yang menerima tribulasi yang hebat ialah Syeikh Abu Bakar al-Asy’ari. Sebaik sahaja tamat pengajiannya di Mesir pada 1935, beliau pulang ke kampung halamannya. Dakwah yang disampaikan oleh Syeikh Abu Bakar al-Asy’ari mendapat tentangan saudara mara dan masyarakat di Balik Pulau,

⁷⁰ Lihat *Majalah Kemajuan Pengetahuan*, hlm. 15.

⁷¹ Lihat surat Za’ba kepada Sultan Perak pada 7 Mei 1935 melalui *Advisor on Education, Malay States* dan surat beliau kepada Sultan Perak melalui *The British Resident, Perak* pada 13 Mei 1935.

⁷² Surat *Director of Education SS and of Advisor on Education, Malay States, Singapore* kepada Za’ba, 15 Ogos 1935.



Pulau Pinang. Pendapat dan idea pembaharuannya dianggap ekstrem oleh masyarakat setempat ketika itu yang masih kuat memegang ajaran Kaum Tua.⁷³

Walau bagaimanapun ini tidak mematahkan semangat beliau untuk terus berdakwah. Beliau menggunakan ilmu yang ada padanya untuk menjadi pengarang majalah *Saudara* yang diterajui oleh Kaum Muda di Pulau Pinang. Akhirnya beliau terpaksa mengambil keputusan untuk berhijrah ke Kedah kerana ditentang oleh masyarakat termasuk saudara mara beliau sendiri. Namun di Kedah beliau turut ditentang oleh penduduk tempatan kerana masyarakat di sana turut tidak dapat menerima ajaran islah yang dibawa oleh Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari. Sambutan yang dingin daripada penduduk Kedah adalah kerana sistem pengajian pondok yang dikuasai oleh Kaum Tua begitu menebal dan fahaman Kaum Muda ini begitu asing bagi mereka.

Memandangkan ajarannya tidak dapat diterima, beliau terpaksa berniaga kecil-kecilan di Alor Setar seperti menjual selipar, terompah dan barangan runcit untuk kegunaan di rumah sehinggalah beliau dijemput ke Perlis untuk membantu ulama-ulama Perlis mengembangkan dakwah islah di sana pada 1936.⁷⁴

Di Perlis, Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari menjadi guru agama di Madrasah Alwiyyah, Kangar pada 1936.⁷⁵ Memandangkan peranannya agak terhad di situ, beliau akhirnya dilantik sebagai Imam Besar Masjid Alwi, Perlis.⁷⁶ Antara langkah awal beliau adalah menghapuskan amalan memukul tabuh yang digunakan untuk memanggil umat

⁷³ Mohd Yaakub/ Zulkifli Haji Yusoff (1990), hlm. 114.

⁷⁴ Lihat Abdul Rahman Hj Abdullah, *Sejarah Ikhtilaf Mazhab Di Malaysia: Suatu Kajian Tentang Perkembangan Pemikiran Tajdid dan Islah*: Shah Alam, Karisma Publication, 2010, hlm. 193.

⁷⁵ Haron Din, 'Syeikh Abu Bakar Al-Ashaari: Ulama Tegas dan Berani' dalam *Gerakan Islam di Perlis: Sejarah dan Pemikiran*: Kuala Lumpur, Penerbitan Pena Sdn. Bhd, 1989, hlm. 103.

⁷⁶ Zakaria@Mahmood Daud, 'Ahli Sunnah Perlis: Kelahiran dan Perkembangannya' dalam *Jurnal Usuluddin*, 1996, bil 5, hlm. 142.





Islam bersembahyang.⁷⁷Di samping menjadi pengarang, beliau turut menjadi guru agama rakyat di Sekolah Derma pada tahun 1952.⁷⁸ Kesempatan tersebut digunakan sebaiknya untuk menyampaikan dakwah islah melalui ceramah dan khutbahnya. Di samping itu beliau turut mengeluarkan buku dan mengeluarkan fatwa yang menimbulkan kontroversi hingga menimbulkan tekanan kepada beliau kerana Jabatan Agama Islam Negeri Sembilan mahu melaporkannya kepada Majlis Raja-Raja Melayu untuk diambil tindakan. Kaum Tua menggelarkan ajaran beliau ini sebagai ‘ajaran kaum baru’ ke dalam masyarakat di Perlis.⁷⁹

Untuk menangkis tentangan itu beliau telah menulis sebuah buku yang bertajuk *Ibadat Rasulullah* yang dicetak pada 1956. Buku tersebut akhirnya diharamkan oleh kebanyakan Majlis Agama Islam dan jabatan agama di negeri-negeri Melayu seperti yang berlaku di Perak, Johor dan Negeri Sembilan. Karya tersebut diharamkan kerana beliau mempertikaikan amalan-amalan tradisi masyarakat Melayu dalam solat seperti membaca *usaili* sebagai niat solat yang dianggap bidaah oleh Syeikh Abu Bakar al-Asy’ari. Ijtihad beliau berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah tanpa bertaqlid kepada mana-mana ulama dan mazhab.⁸⁰ Menurut beliau amalan tersebut tidak dilakukan oleh Rasulullah s.a.w dan dianggap bidaah. Selain itu kontroversi juga berlaku daripada kenyataan beliau tentang fatwa biawak, katak, mengkarung adalah halal dimakan.⁸¹ Pendirian beliau yang tegas dan berani dapat dilihat dalam kenyataan seperti berikut:

⁷⁷ Lihat Abdul Rahman Hj Abdullah, *Gerakan Ahli Sunnah Di Perlis, Suatu Kajian Tentang Kaum Muda 1927-1970*, Latihan ilmiah Jabatan Sejarah, Universiti Sains Malaysia 1979/1980, hlm. 25.

⁷⁸ Abdul Rahman Haji Abdullah, *Gerakan Islam di Perlis: Sejarah dan Pemikiran*: Kuala Lumpur, Penerbitan Pena Sdn. Bhd, 1989, hlm. 19-20.

⁷⁹ Mohd Yaakub /Zulkifli Haji Yusoff , 1990, hlm, 114.

⁸⁰ Abu Bakar Ash’ari, *Sembahyang Rasullulah*: Singapura: Tanpa Penerbit, 1956, hlm. 175-177.

⁸¹ Ajaran ini pernah disampaikan ketika mengajar secara sambilan di Madrasah al-Sunnah di Bohor Cicar Perlis. Namun kontroversi hanya menular apabila fatwa ini dtulis dalam buku *Ibadat Rasulullah* yang ditulis pada 1957, hlm. 30.





“Tiap-tiap barang pada asalnya mempunyai hukum mubah (harus). Maksudnya sekalian macam benda seperti makanan, minuman, hukum asalnya adalah mubah, yakni boleh kecuali kalau ada dalil yang menegahnya, baharu hukumnya menjadi haram.”⁸²

Keberanian fatwa beliau menyebabkan akhbar-akhbar menjadikan polemik tersebut lebih hangat sehingga mengundang alim ulama termasuk para mufti menentang beliau. Syeikh Abu Bakar al-Asy’ari tetap dengan pendiriannya malah mencabar penentang-penentangannya agar menunjukkan dalil pengharaman binatang tersebut.⁸³ Sebenarnya, Syeikh Abu Bakar al-Asy’ari bukanlah mengajar orang ramai untuk makan katak, ular, biawak dan sebagainya tetapi beliau bila tidak berani mengharamkan binatang-binatang tersebut kerana Allah tidak mengharamkannya di dalam al-Quran. Kenyataan ini berdasarkan dalil-dalil daripada surah al-Baqarah ayat 173 seperti berikut:



Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan bagimu bangkai, darah, daging babi dan binatang yang (ketika disembelih) disebut (nama) selain Allah.

Beberapa imam mazhab yang lain turut tidak mengharamkan binatang-binatang berkenaan kerana tiada dalil pengharamannya berdasarkan hadis-hadis.⁸⁴ Namun pendirian Syeikh Abu Bakar al-Asy’ari tetap tegas dengan fatwanya hingga masyarakat sekeliling yang tidak bersetuju dengannya mengenakan tekanan kepada beliau dengan mengikat biawak pada tiang rumah Syeikh Abu Bakar al-Asy’ari sebagai manifestasi protes terhadap fatwa tersebut.⁸⁵ Jabatan Agama Islam Perak turut mengundang Syeikh Abu Bakar al-Asy’ari untuk berdebat sebagai respon fatwa beliau. Namun, Syeikh Abu

⁸² Abu Bakar Ash’ari, *Ibadat Rasullullah*, 1957, hlm. 176-177.

⁸³ *Berita Harian* 29 Rejab 1377H bertajuk *Perkara Kitab: Pengarangnya Mencabar Di tunjukkan Dalil*.

⁸⁴ Shukor Mat, *As-Sunnah Di Perlis, Kangar*: Media One Publications, 2001, hlm. 24.

⁸⁵ *Ibid.*, hlm. 18.





Bakar al-Asy'ari menolak perdebatan itu dengan alasan “tidak ada faedah yang dapat diharapkan dari perbahasan mengenai masalah *ijtihadiyyah*.”⁸⁶

Fatwa beliau yang kontroversi ini menimbulkan reaksi kurang senang juga kepada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Negeri Sembilan yang mencabar beliau berdebat secara terbuka mengikut mazhab Syafie yang secara jelas mengharamkan binatang-binatang berkenaan. Sekiranya Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari menolak untuk berdebat, perkara tersebut akan dibawa kepada Majlis Raja-Raja Melayu untuk diambil tindakan dengan mengharamkan buku tersebut. Respon daripada cabaran tersebut, Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari menegaskan kalau tindakan itu diambil maka itu adalah suatu yang amat bodoh.⁸⁷ Ekoran perdebatan tersebut gagal diadakan, beberapa negeri seperti Perak, Negeri Sembilan, Selangor dan Johor telah mengharamkan buku *Ibadat Rasulullah* tersebut. Walaupun buku tersebut telah diharamkan oleh beberapa negeri tetapi telah diterbitkan semula dengan dibuat beberapa pindaan dengan judul yang baharu iaitu “Sembahyang Rasulullah” pada tahun 1957.

Selain itu terdapat juga isu yang kontroversi berhubung dengan fatwanya yang membenarkan zakat dan fitrah dikeluarkan dalam bentuk wang sedangkan amalan tradisional masyarakat Melayu mengeluarkannya dalam bentuk makanan.⁸⁸ Begitu juga dengan pemindahan mata dari orang Islam kepada bukan Islam yang pada menurut Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari adalah sah dan murni tujuannya. Beliau juga mengeluarkan fatwa bahawa wang loteri kebajikan masyarakat tidak boleh digunakan untuk mendirikan masjid sebagaimana yang diamalkan oleh kerajaan Barisan Nasional

⁸⁶ *Berita Harian* 30 Rabiul awal 1377H.

⁸⁷ *Berita Harian* 30 Rejab 1377H.

⁸⁸ Abdul Rahman Hj Abdullah, 1989, hlm. 31, Lihat juga Shukor Mat, 2001, hlm. 24.





pada ketika itu.⁸⁹ Walaupun banyak fatwa beliau mencetuskan kontroversi, tetapi fatwa berkenaan akhirnya diterima dalam masyarakat kini seperti amalan pendermaan organ dan pemberian zakat dengan nilai mata wang. Hal ini menunjukkan idea islah yang dibawa oleh beliau adalah tepat dan pemikirannya adalah melangkaui zamannya. Ijtihadnya yang mendahului zamannya itu tidak dapat diterima oleh masyarakat ketika itu tetapi kini fatwa pendermaan organ dan pemberian zakat berasaskan mata wang diterima sepakat oleh ulama-ulama mutakhir di negara ini.

Individu yang paling kuat menghadapi tekanan dari sudut tekanan politik yang dihadapi oleh Kaum Muda dalam menuntut kemerdekaan ialah Dr. Burhanuddin al-Helmy. Tribulasi yang dihadapi oleh beliau dalam kegiatan Kaum Muda bermula sekembalinya beliau menuntut dari India. Kejayaan Dr Burhanuddin al-Helmy menjadi kebanggaan masyarakat kampung dan menjadi contoh tauladan kepada ibu-bapa untuk menjadikan anak-anak mereka berjaya seperti beliau. Kejayaan beliau menjadi kebanggaan keluarganya kerana belum ada lagi anak kampung Changkat Tualang yang berpendidikan tinggi hingga berjaya ke luar negara.

Namun begitu apabila Dr Burhanuddin al-Helmy pulang ke kampungnya, beliau tidak betah melihat amalan beragama orang kampungnya yang banyak terikat dengan adat Melayu yang ditokok tambah dan diada-adakan dalam agama. Amalan-amalan tersebut kadang-kadang membazir dan tiada dalam ajaran Islam seperti amalan mengetuk beduk, membaca tahlil, talkin mayat dan fidyah solat. Punca terjadinya

⁸⁹ *Ibid.*, hlm. 107.





permasalahan tersebut kerana masyarakat kampung tidak memahami ajaran Islam sepertimana yang terkandung dalam al-Quran dan hadis.

Selain itu berpunca daripada sesetengah golongan ustaz tradisional yang menyampaikan ajaran Islam tanpa bersandarkan dalil al-Quran dan hadis yang sahih. Ajaran agama yang diajari tersebut diveduk dari mulut ke mulut guru secara tidak rasmi yang diperoleh melalui pendidikan yang tidak rasmi sama ada melalui pendidikan pondok atau pendidikan di rumah. Di kampung-kampung, sesiapa yang mengetahui sedikit pengetahuan agama akan dilantik sebagai guru agama, imam ataupun pentadbir masjid dan surau untuk menguruskan hal ehwal agama.

Bagi Dr. Burhanuddin al-Helmy, perkara seperti ini tidak boleh dibiarkan dan beliau cuba membetulkan amalan agama penduduk kampungnya. Perkara ini menimbulkan konflik antara beliau dengan penduduk kampungnya hingga sampai ke pengetahuan Sultan Perak yang turut tidak menyukai golongan Kaum Muda ini. Mufti Perak, Haji Mohd. Zain memanggil Dr. Burhanuddin al-Helmy ke Kuala Kangsar dan menasihati beliau keluar dari kampungnya demi mengelakkan polemik tersebut terus perpanjangan kerana ada di antara orang kampung yang ingin memukulnya. Ini disebabkan peristiwa Dr. Burhanuddin al-Helmy menegur bilal Haji Haron yang bercakap cakap ketika menegur orang yang bising ketika khatib membaca khutbah. Teguran Dr. Burhanuddin al-Helmy tersebut tidak disenangi oleh beliau hingga diadakan satu perjumpaan untuk menyelesaikan konflik tersebut.⁹⁰

⁹⁰ Ramlah Adam, *Burhanuddin Al-Helmy: Suatu Kemelut Politik*: Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003, hlm. 13.





Apabila Dr. Burhanuddin al-Helmy meminta Haji Haron memberi kitab dan dalil-dalil berkaitan perbuatannya, Haji Haron menjadi berang kerana gagal mengemukakan dalil-dalil berkenaan. Penduduk kampung yang menyokong Haji Haron ingin mencederakan Dr. Burhanuddin al-Helmy tetapi beliau bernasib baik kerana bapa saudaranya, Haji Mohammad menyelamatkan situasi tersebut. Peristiwa itu menyebabkan Dr. Burhanuddin al-Helmy berkelana membawa diri ke Singapura.⁹¹

Di Singapura Dr. Burhanuddin al-Helmy diterima menjadi tenaga pengajar di Madrasah al-Junid. Sewaktu di Singapura, pergaulan beliau turut terdedah dengan para pemimpin Kesatuan Melayu Singapura (KMS) yang membela nasib orang Melayu seperti memperjuangkan hak perumahan, tanah, pendidikan yang tidak dipedulikan oleh British. Beliau turut bergaul dengan wartawan-wartawan di Singapura termasuk Onn Jaafar yang menjadi pengarang Lembaga Malaya di Singapura.⁹² Dr. Burhanuddin al-Helmy yang tinggal berhampiran dengan pejabat akhbar ini iaitu di *North Bridge Road* selalu berbual-bual dengan Onn Jaafar tentang politik, ekonomi dan sosial orang Melayu.⁹³

Kecenderungannya bergaul dengan para wartawan menyebabkan Dr Burhanuddin al-Helmy turut terpanggil menerbitkan sebuah majalah yang berjudul *Taman Bahagia* pada 1937. Namun selepas satu jam penerbitan majalah itu, Dr Burhanuddin al-Helmy ditangkap British kerana majalah tersebut mengkritik mereka

⁹¹ *Ibid.*

⁹² Beliau turut menjadi pengarang empat akhbar Melayu iaitu *Warta Malaya* (1930-1933), *Warta Jenaka* (1935) Lembaga Malaya dan Lembaga (1935-1941). Akhirnya Onn Jaafar menceburi politik hingga mengasaskan UMNO, *Independence of Malaya Party* (IMP) dan Parti Negara. Lihat Ramlah Adam, 1992, *Dato Onn Jaafar, Pengasas Kemerdekaan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

⁹³ *Federation of Malaya, Parliamentary Debates Dewan Rakyat*. Part II, Vol. III *Third Session*, October 1961 to January 1962. *The Death of Dato' Onn bin Ja'far*. 22 January 1962.





dan orang Yahudi yang telah mengambil hak Palestin daripada dunia umat Islam. British serta merta menangkap beliau kerana tulisan Dr Burhanuddin al-Helmy berupaya menaikkan kesedaran umat Islam di Tanah Melayu untuk membenci British.⁹⁴

Akhirnya Dr Burhanuddin al-Helmy ditahan selama satu malam sahaja apabila diikat jamin sebanyak \$1000.00 oleh keluarga al-Sagoff. Walau bagaimanapun apabila dibicarakan, beliau didapati bersalah. Keputusan ini dapat dijangkakan kerana tindakan beliau itu boleh mengancam kepentingan British dan menyuburkan semangat anti-British dalam kalangan umat Islam. Akhirnya beliau terpenjara selama enam bulan dan bermulalah pengalaman pertamanya di dalam penjara sebagai pejuang pembebasan rakyat yang tertindas di bumi sendiri baik di Tanah Melayu atau dunia umat Islam di Palestin.⁹⁵



Selain itu sebagai aktivis nasionalisme Kaum Muda yang memperjuangkan hak orang Islam, Dr Burhanuddin al-Helmy sekali lagi ditangkap pada 18 Disember 1950 pada pukul 3 pagi di rumahnya di Geylang Road dalam kes penentangan orang Melayu terhadap keputusan penghakiman Natrah yang memihak keluarga asalnya di Belanda. Polis mengeledah rumah Dr Burhanuddin al-Helmy untuk mendapatkan bahan bukti seperti surat menyurat dan kertas bertulis. Beliau digari dihadapan isteri dan anaknya yang menangis kesedihan. Selain beliau, lima lagi aktivis PKMM iaitu Mohd. Mustaza, Taha Kalu dan Derus Sarip dan Abdul Mohamad bin Abdul Karim Ghani dan Syed Ali al-Attas seorang penerbit akhbar di Singapura ditahan sebagai penggerak demonstrasi selama 3 hari itu. Mereka ditahan di bawah Undang-undang Darurat Singapura dan

⁹⁴ Abdullah Hussein, “*Burhanuddin al-Helmy, Pelopor Kebangkitan Semangat Kebangsaan Melayu*”, dlm. Dewan Masyarakat, November, 1969.

⁹⁵ Ramlah Adam, *Burhanuddin Al-Helmy: Suatu Kemelut Politik*, 2003, hlm. 15-16.



ditempatkan di Pulau Sekijang sebelum ditahan di Pulau Belakang Mati dan Pulau St. John Singapura.⁹⁶

Seminggu kemudian, nasib Dr Burhanuddin al-Helmy dan kawan-kawannya itu dibela oleh sebuah jawatankuasa yang dikenali sebagai Panitia Kemerdekaan Malaya yang diketuai oleh Ibrahim Haji Yaacob di Indonesia.⁹⁷ Antara rancangan yang digagaskan oleh mereka adalah mendesak Dewan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu membidas tindakan British kerana tangkapan itu adalah satu “tekanan kepada gerakan kebangsaan”. Panitia ini juga menyeru agar seluruh gerakan kebangsaan Asia Tenggara mendesak British membebaskan tahanan politik. Parlimen British juga didesak agar membebaskan tahanan tersebut kerana penahanan ini adalah bertentangan dengan asas demokrasi dan hak menentukan nasib bangsa Malaya”.⁹⁸

Penangkapan Dr Burhanuddin Al-Helmy sehingga 1953 itu turut memberi kesan langsung kepada keluarganya di Singapura dan adik beradik beliau di Tanah Melayu. Rumah adiknya, Ustaz Halim turut digeledah dan beliau turut disoal siasat di Balai Polis Ipoh kerana dikhuatiri terlibat secara tidak langsung dengan kes Natrah tersebut. Semua surat menyurat abangnya dirampas. British bimbang pengaruh anti-British kesan pengangkapan aktivis di Singapura itu menular di Tanah Melayu kerana gerakan isu Natrah ini melibatkan isu agama umat Islam.⁹⁹ Selain itu Dr Burhanuddin al-Helmy turut menghadapi tribulasi yang amat getir apabila isteri tercintanya, Puan Aminah meminta cerai taklik kerana tidak tahan kesusahan hidup setelah suaminya terpenjara.

⁹⁶ *Utusan Melayu*, 19/12/1950.

⁹⁷ *Utusan Melayu* 1/1/1951.

⁹⁸ *Utusan Melayu*, 1/1/1951

⁹⁹ Ramlah Adam, *Burhanuddin Al-Helmy : Suatu Kemelut Politik*, hlm, 111.



Sebelum dipenjarapun Dr Burhanuddin al-Helmy pernah mengadu kepada Mustapha Hussein bahawa isterinya sering bergaduh dengannya kerana tidak dapat menerima kesibukan dan kemiskinannya sebagai orang politik.¹⁰⁰

Seorang lagi aktivis Kaum Muda yang bergerak dalam politik dan mengalami tribulasi yang hebat ialah Ustaz Abu Bakar al-Baqir. Tribulasi tersebut berlaku apabila beliau begitu aktif menggerakkan Hizbul Muslimin. Namun pergerakan yang berpusat di Maahad al-Ehya Assariff itu berkubur apabila tujuh pemimpinnya yang menggerakkan Hizbul Muslimin tersebut ditangkap pada jam 12.00 tengah hari pada 29hb. Julai 1948. Mereka ditangkap kerana dianggap ‘berbahaya kepada negeri’. Apabila tiga pemimpin utama Hizbul Muslimin ditangkap iaitu Ustaz Abu Bakar al-Baqir, Ustaz Abrab Tamimi dan Ustaz Abdul Rauf bin Nur maka pergerakan MATA, PEPERMAS dan LEPİR yang turut diterajui oleh penggerak yang sama turut berkubur ekoran tindakan British itu. British mengenakan tekanan terhadap mereka dengan alasan yang dangkal untuk menjaga ketenteraman negeri daripada pengaruh Parti Komunis disamping tuduhan yang berasingan.¹⁰¹

Antara tuduhan yang dilemparkan kepada Ustaz Abu Bakar adalah menghasut masyarakat supaya jangan membeli susu dan sabun dari kedai Cina kerana kedai Melayu turut menjual barangan berkenaan dan tuduhan ini dinafikan oleh Ustaz Abu Bakar sendiri. Ustaz Abrab Tarmimi dituduh membawa anasir politik luar kerana beliau berasal dari Indonesia dan Ustaz Abu Bakar Rauf Nur dituduh menderhakai sultan kerana tidak menyebut nama sultan dalam khutbahnya dan beberapa khutbahnya adalah

¹⁰⁰ SP89/86 Surat Persendirian Mustapha Hussein. Surat berkenaan tidak bertarikh.

¹⁰¹ Nabir Haji Abdullah, *Maahad Il Ihya Assyarif Gunung Semanggol 1934-1959*, hlm. 198.



mengenai perjuangan Hizbul Muslimin.¹⁰² Ekoran itu mereka dizalimi dan terpenjara selama lima tahun. Empat lagi yang ditangkap di Masjid Tinggi ialah Ustaz Abdul Wahab Nur, Mohammad Abas, Mohd. Nor Haji Mokhtar dan Abdullah Hakim. Mereka ditangkap kerana dituduh begitu kuat menyokong dan menggerakkan Hizbul Muslimin.

Selain tribulasi tersebut terdapat cabaran-cabaran lain yang dihadapi oleh Kaum Muda dalam perjuangan mereka. Kemunculan golongan elit Melayu aliran pendidikan Inggeris telah mengambil alih peranan menggerakkan semangat kebangsaan orang Melayu melalui penubuhan UMNO. Parti ini mendapat tempat dalam hati rakyat kerana tidak diberikan tekanan oleh British berbanding PAS. Malah golongan elit ini bersifat mesra British berbanding golongan Islah yang anti British. British yang menyedari gerakan haluan kiri yang semakin kuat ekoran diresapi oleh pengaruh komunis, bimbang penguasaan kuasa mereka di Tanah Melayu akan berakhir. Justeru, British menggunakan UMNO untuk menyelamatkan dominasi politik mereka dengan memberikan kemerdekaan segera bagi mematikan gerakan perjuangan kemerdekaan menentang British. Tindakan British tersebut amat tepat apabila Tanah Melayu mendapat kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, semangat gerakan kemerdekaan yang dibawa oleh golongan berhaluan kiri ini menjadi luntur dan berada pada kedudukan anti klimiks.

Masyarakat Melayu yang sebahagiannya menyokong gerakan kemerdekaan ini begitu teruja dengan kemerdekaan yang dicapai oleh UMNO dan PERIKATAN. Rakyat mula merasakan tiada keperluan lagi untuk terus berjuang menentang British kerana

¹⁰²*Ibid*, hlm. 199.



kemerdekaan telah diraih. Selepas kemerdekaan, hanya PKM yang masih berjuang di hutan untuk menentang British dan kerajaan Tanah Melayu yang baru merdeka. Manakala PAS pula memilih untuk menyertai sistem demokrasi untuk membela nasib rakyat melalui jalan pilihan raya. Kesan secara langsung kepada kemerdekaan ini, British masih terus berkuasa kerana kemerdekaan Tanah Melayu di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman masih di bawah pengaruh British yang masih mahu terus berkuasa menjarah hasil bumi di Tanah Melayu.

Kaum Muda pula dilihat oleh masyarakat gagal mencetuskan satu gerakan politik yang hebat untuk membangunkan kesedaran kemerdekaan masyarakat Melayu ketika itu. Ini dapat dibuktikan dengan mudahnya British menggagalkan gerakan kemerdekaan yang dibawa oleh Kaum Muda melalui kewujudan Hizbul Muslimin dengan hanya menangkap beberapa tokoh pimpinan tersebut. Gerakan islah di Tanah Melayu tidak disokong oleh gerakan akar umbi yang kuat untuk meneruskan kelangsungan Hizbul Muslimin dan ahli-ahlinya mampu menyaksikan parti islah itu berkubur begitu sahaja. Gerakan islah aliran politik orang Melayu seolah-olahnya mati setelah Hizbul Muslimin diharamkan oleh British hinggalah PAS ditubuhkan pada 1951 untuk meneruskan kelangsungan tersebut.

Tindakan majlis agama yang berpengaruh dalam pentadbiran negeri berjaya turut berjaya melemahkan pengaruh Kaum Muda. Mereka merangka rang undang-undang menyekat penyebaran akhbar dan majalah di negeri-negeri Melayu. Rencana-rencana yang tersiar dalam majalah-majaklah Kaum Muda berkenaan turut mengugat Majlis Agama Islam yang dilihat gagal berperanan untuk mengembalikan masyarakat kepada ajaran Islam yang sebenar tanpa dikotori dengan amalan yang bidaah yang



diada-adakan dalam agama. Kewibawaan majlis agama turut tercabar apabila MATA meluluskan resolusi untuk dibawa kepada sultan agar peranan mengembalikan kedaulatan dan perkembangan agama diberi peranan kepada MATA. Langkah ahli Mesyuarat Negeri menyekat penyebaran akhbar dan majalah islah ini mendapat tentangan pembaca dari luar negeri. Misalnya Majalah *Semangat Islam* pada April 1930 menyiarkan protes para pelajar Melayu dan Indonesia yang menuntut di Mesir ketika itu. Walau bagaimanapun bagi British gerakan Kaum Muda untuk mempengaruhi masyarakat melalui majalah dan akhbar tidaklah begitu ekstrim sebagai gerakan komunis yang lebih bahaya kerana polemik Kaum Muda dan Kaum Tua ini hanya berkisar tentang ibadat dalam Islam dan tidak sampai menggulingkan kerajaan dengan menggunakan senjata sebagaimana gerakan komunis.¹⁰³

Konsep islah yang didukung oleh akhbar-akhbar ini menimbulkan rasa curiga kepada ketua-ketua agama di negeri-negeri Melayu seperti Selangor, Perak, Pahang dan Negeri Sembilan dan juga di Johor, Kedah dan juga Kelantan.¹⁰⁴ Mereka menganggap segala kritikan itu mengugat kedudukan mereka sama ada sebagai guru agama di kampung, mufti dan pegawai agama di pejabat agama negeri-negeri atau sultan sebagai ketua agama negeri-negeri berkenaan. Selain itu, British turut tergugat dan curiga terhadap kecenderungan akhbar *Saudara* menyiarkan berita dan rencana berkaitan Timur Tengah. Tulisan pengarangnya, Syed Syeikh al-Hadi yang tajam menyebabkan

¹⁰³ Hasil persidangan residen-residen negeri melayu yang diadakan pada 12 hingga 13 Mei 1930 membuat keputusan bahawa langkah-langkah baharu untuk mengadakan undang-undang baru menyekat kemasukkan akhbar-akhbar dari negeri selat adalah tidak perlu kerana Enakmen 1919 yang telah wujud adalah mencukupi untuk menghadapi masalah ini. Lihat Selangor, SCM, 22 Mei 1930 dan Pahang PGCM Julai 1930.

¹⁰⁴ Seorang pembaca dari Kelantan telah menulis dalam *Suara Benar* mencadangkan agar Kerajaan mengharamkan akhbar *Saudara* sebagaimana dilakukan kepada rencana “al-Fatwa” dalam Kesatuan Islam Bandung yang telah diharamkan di Johor, Kedah dan Kelantan. *Saudara* dikatakan berbahaya kerana lebih hampir kepada masyarakat Tanah Melayu dan sering dibaca oleh murid-murid sekolah. Lihat *Suara Benar*, bil.17, tahun.1, 28 Okt 1932, hlm. 6.



beliau pernah ditahan oleh pihak polis namun dibebaskan apabila berjaya membela dirinya.¹⁰⁵ Majlis Agama Islam di negeri-negeri Melayu turut mengenakan tekanan dengan cuba menghalang penyebaran akhbar dan majalah keluaran Kaum Muda tersebut. Di Kelantan, akhbar Saudara pernah dihalang penyebarannya untuk menyekat aliran tersebut idea dan fahaman islah yang banyak dipelopori oleh Kaum Muda.¹⁰⁶

5.5 Kesimpulan

Reaksi masyarakat adalah berbelah bahagi sama ada menyokong atau menentang perjuangan Kaum Muda dan Kaum Tua. Bagi golongan ulama tradisional, mereka secara jelas menentang perjuangan Kaum Muda ini kerana aliran pemikiran yang dibawa oleh mereka dianggap boleh menimbulkan perpecahan dalam masyarakat yang telah selesa dengan amalan tradisional bermazhab Syafie. Bagi golongan bangsawan dan istana, rata-ratanya menentang perjuangan Kaum Muda ini ekoran kritikan-kritikan Kaum Muda terhadap institusi sultan. Namun begitu bukanlah semua tokoh Kaum Muda melancarkan kritikan kepada golongan tersebut secara terbuka. Terdapat juga tokoh Kaum Muda seperti Syeikh Tahir Jalaluddin dan Haji Wan Musa yang mempunyai hubungan baik dengan pihak istana. Malah tokoh-tokoh Kaum Muda di Perlis pula turut mendapat tempat yang istimewa dengan memegang tampuk pemerintahan dalam Kerajaan Negeri dengan mendapat restu daripada istana. Bagi British, Kaum Muda tidaklah satu ancaman yang besar kerana persoalan yang dibawa

¹⁰⁵ Siti Rodziah Nyan, Akhbar Saudara: Pencetus Kesedaran Masyarakat Melayu, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2009, hlm. 56.

¹⁰⁶ Al-Ikhwan, Jil. 3, Bil. 7, 16 Mac 1929, hlm. 215.





oleh mereka kebanyakannya berkisar kepada isu-isu ibadat khusus hinggalah British mula memberi perhatian kepada Kaum Muda ini apabila mereka mula melibatkan diri dengan penubuhan parti politik.

Manakala bagi masyarakat pada peringkat akar umbi, mereka terbahagi kepada dua kelompok yang keliru sama ada ingin menyokong ulama tradisional ataupun mengikut perubahan yang ingin dibawa oleh Kaum Muda dalam masyarakat. Justeru, kekuatan dan kelemahan perjuangan Kaum Muda ini adalah berdasarkan kepada pengaruh persekitaran masyarakat. Sekiranya masyarakat tersebut terdedah kepada bahan bacaan seperti akhbar, majalah dan perkembangan madrasah, maka masyarakat di tempat berkenaan akan mudah menyokong Kaum Muda. Sebaliknya jika di negeri tersebut mempunyai pengaruh institusi pendidikan pondok yang kuat seperti di Kedah, pengaruh Kaum Muda tidak menyerlah dalam kalangan masyarakat berkenaan. Dalam memperjuangkan kesedaran kepada masyarakat, Kaum Muda berdepan dengan pelbagai tribulasi dan cabaran seperti difitnah, dipulau, dipukul, dibuang negeri atau ditangkap oleh British untuk menggagalkan perjuangan mereka memberi kesedaran keagamaan dan kemerdekaan kepada Tanah Melayu.





RUMUSAN

Kaum Muda menggerakkan kesedaran kemerdekaan kepada masyarakat Melayu bermula dengan gerakan islah dan tajdid. Gerakan islah dan taqlid merupakan satu gerakan dakwah yang bertujuan membaiki dan membawa perubahan kepada masyarakat agar mereka kembali kepada ajaran Islam sebenar dengan meninggalkan amalan bidaah dan khurafat yang menebal dalam masyarakat Melayu. Berdasarkan kajian lalu, perjuangan Kaum Muda selama ini hanya dilihat berkisar untuk mengislahkan masyarakat terhadap persoalan keagamaan semata-mata hingga menimbulkan kontroversi dengan Kaum Tua. Namun melalui kajian semasa, didapati perjuangan Kaum Muda tidak sekadar mengislahkan orang Melayu agar kembali menuruti ajaran agama yang sebenarnya tetapi perjuangan mereka jauh lebih terkehadapan dengan menyuntik semangat kesedaran kemerdekaan kepada orang Melayu.





Selain itu daripada kajian lampau mendapati Kaum Muda ini mendapat pendidikan hasil pengaruh menuntut di luar negara terutamanya di Timur Tengah. Namun begitu apabila kajian dibuat, ternyata Kaum Muda juga lahir di Tanah Melayu hasil daripada pendidikan tempatan sama ada dari sekolah Inggeris ataupun madrasah. Za'ba dan Ustaz Abu Bakar al-Baqir merupakan contoh ikon anak Melayu beraliran Kaum Muda yang tidak menuntut di luar negara. Namun begitu, pengaruh persekitaran yang berlaku di luar negara sampai kepada mereka melalui pembacaan majalah islah dari luar negara yang dilanggan dan hasil usaha dakwah ulama-ulama Kaum Muda yang menyampaikan seruan islah kepada masyarakat yang membuka madrasah dan menerbitkan akhbar di Tanah Melayu.

Hasil kajian penulis mendapati, seolah-olah satu konsesus boleh dibuat bahawa tokoh-tokoh Kaum Muda yang menggerakkan kesedaran kemerdekaan ini merupakan agamawan termasuk Za'ba. Za'ba terdidik dengan aliran kebangsaan dan Inggeris secara formal. Walaupun begitu, beliau turut mendapat pendidikan agama yang tidak formal tetapi mendalam daripada ulama yang mengajar di kampung halamannya. Za'ba mahir berbahasa Arab dan mampu mengungkap persoalan agama dengan baik sehingga beliau mampu duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan tokoh-tokoh Kaum Muda aliran agama yang lain. Ekoran hubungan baiknya dengan ulama-ulama islah seperti Syeikh Tahir Jalaluddin, Hamka, Khawaja Kamaluddin dan Syed Syeikh Rasyid Ridha menjadikan beliau terdedah dengan idea islah mereka yang selari dengan firkah Kaum Muda di Tanah Melayu.

Pada peringkat awal gelombang pertama kegiatan Kaum Muda sekitar 1900-an hingga 1930-an lebih bercorak pemupukan kesedaran menghayati ajaran agama





sebenarnya. Namun begitu tidak bermakna Kaum Muda generasi pertama ini tidak menyentuh langsung persoalan politik, ekonomi dan sosial orang Melayu. Cumanya mereka lebih menitikberatkan persoalan seperti hukum hakam dalam beribadah. Pelaksanaan tuntutan ibadat yang betul dan sah lebih diberi keutamaan berbanding persoalan lain. Persoalan memerdekakan orang Melayu daripada kepompong kemiskinan dan penjajahan ekonomi daripada warga pendatang lebih utama diketengahkan sebelum orang Melayu itu bersedia menuntut kemerdekaan daripada British. Pendekatan perjuangan Kaum Muda untuk melebarkan pengaruh mereka sangat berkesan apabila madrasah-madrasah islah yang diusahakan mereka ini tumbuh bagaikan cendawan selepas hujan.

Di samping itu kejayaan Kaum Muda menerbitkan majalah dan akhbar turut melonjakkan pengaruh mereka pada mata masyarakat Melayu. Mereka turut mengutarakan persoalan-persoalan berkaitan politik, ekonomi dan sosial orang Melayu walaupun Kaum Muda pada masa itu tidak menubuhkan parti politik sebagai wadah perjuangan mereka. Manakala reformis Kaum Muda gelombang kedua pula mengerakkan kesedaran politik pada era 30-an, walaupun implikasi-implikasi politik sudah dapat dikesan sekitar 1920-an lagi sewaktu golongan Kaum Muda ini menuntut di luar negara.

Kaedah Kaum Muda di Tanah Melayu menggerakkan kesedaran kemerdekaan orang Melayu melalui pelbagai pendekatan. Pelbagai pendekatan terpaksa dilaksanakan untuk memastikan perancangan kemerdekaan ini mendapat sokongan rakyat dan mengikut lunas-lunas perundangan ketika itu. Kesedaran melalui penulisan amat penting sebagai pendekatan awal untuk menyedarkan masyarakat Melayu agar bangkit





dari kealpaan dan seterusnya menuntut kemerdekaan segera. Pendekatan secara halus ini melibatkan pendekatan menubuhkan madrasah, menerbitkan akhbar dan juga penulisan buku yang berjaya menarik perhatian masyarakat tempatan.

Kewujudan madrasah-madrasah yang dinaungi oleh Kaum Muda turut menjadi faktor perkembangan gerakan mereka. Firkah-firkah yang dibawa oleh guru-guru madrasah dari negara yang kuat pengaruh gerakan islahnya turut mempengaruhi para pelajar untuk turut serta dalam gerakan Kaum Muda di Tanah Melayu. Dr Buhanuddin al-Helmy dan Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari adalah antara ikon tokoh Kaum Muda lepasan madrasah aliran Kaum Muda ini. Akhirnya mereka yang mempunyai kesedaran islah inilah cuba membentuk pemikiran masyarakat Melayu agar bangun daripada kealpaan, kemiskinan, ketinggalan dalam pelbagai aspek kehidupan dan seterusnya mempunyai perasaan bangun menentang penjajah.

Gerakan menuntut kemerdekaan pada awal 30-an dicetus oleh tokoh-tokoh agamawan Kaum Muda. Perjuangan mereka menentang British mendapat inspirasi daripada tokoh-tokoh islah di negara umat Islam yang lain seperti Mesir, India dan juga Indonesia. Namun begitu, penjajah cuba memamatkan perjuangan kemerdekaan mereka dengan menangkap dan mengharamkan wadah perjuangan Kaum Muda tersebut. Pejuang-pejuang Kaum Muda seperti Ustaz Abu Bakar al-Baqir dan Dr. Burhanuddin al-Helmy adalah tidak asing dalam sejarah perjuangan menentang penjajahan British. Namun begitu berdasarkan kajian semasa, terdapat juga tokoh Kaum Muda yang tersisih dalam lipatan sejarah tetapi turut menyumbang dalam gerakan tersebut sepertimana Maulana Abdullah. Beliau adalah contoh seorang ulama Kaum Muda yang





berjuang menentang British dengan mengangkat senjata sehingga menyebabkannya dipenjara oleh penjajah tersebut.

Gerakan Islah yang dibawa oleh Kaum Muda di Tanah Melayu menuntut kemerdekaan menjadi semakin marak apabila Tanah Melayu dijajah oleh Jepun. Tokoh-tokoh Kaum Muda ketika itu seperti Dr Buhanuddin al-Helmi, Ustaz Abu Bakar al-Baqir dan Maulana Abdullah Noh telah bergiat secara langsung untuk menentang British dengan bekerjasama dengan Jepun untuk mengusir mereka. Walaupun mereka terpaksa bekerjasama dengan satu lagi bangsa asing yang tidak dapat dipastikan kejujurannya tetapi inilah satu-satunya peluang yang ada untuk menghalau British dari bumi Melayu. Namun begitu, takdir mengatasi segala-galanya. Pengeboman Nagasaki dan Hiroshima pada bulan Ogos 1945 menyebabkan Jepun mengundurkan diri dari Tanah Melayu setelah menyerah kalah kepada tentera Berikat pada Perang Dunia Kedua. Ekoran itu, pejuang-pejuang kemerdekaan berhaluan kiri di Tanah Melayu ini terpaksa membayar dengan harga yang mahal apabila mereka ditangkap dan dipenjarakan kerana terlibat dalam perjuangan menentang British.

Seruan pembaharuan atau tajdid yang dibawa oleh Kaum Muda tidak hanya tertumpu kepada aspek kefahaman dalam usul fiqh semata-mata tetapi turut meliputi soal pendidikan, ekonomi dan juga politik orang Melayu. Dari sudut politik kepartian, tidak semua tokoh reformis terlibat dalam dunia politik. Namun begitu, tokoh-tokoh gelombang pertama Kaum Muda seperti Syed Syeikh al-Hadi dan Syeikh Tahir Jalaluddin walaupun tidak menyertai parti politik tetapi mereka turut memberi kesedaran kemerdekaan secara tidak langsung kepada masyarakat dengan menyedarkan orang Melayu agar kembali kepada penghayatan agama Islam melalui dakwah, penerbitan dan





kegiatan mendirikan madrasah. Daripada penghayatan kepada ajaran Islam inilah, suburnya bibit-bibit kesedaran untuk berjuang kerana membebaskan tanah air daripada penjajahan merupakan satu kewajiban yang dituntut dalam Islam.

Tokoh-tokoh Kaum Muda ini menerbitkan akhbar, majalah dan madrasah untuk menyedarkan orang Melayu tentang sikap penjajah yang sebenar. British datang untuk mengeksploitasi sumber ekonomi semahu-mahunya sedangkan orang Melayu masih leka dan ketinggalan dalam pelbagai bidang kehidupan. Namun begitu, aktivis Kaum Muda ini turut mengingatkan orang Melayu bahawa kepentingan untuk memerdekakan orang Melayu daripada kemiskinan dan kejahilan adalah lebih diutamakan daripada memerdekakan negara daripada penjajahan British. Tiada ertinya kemerdekaan jika bangsa Melayu itu terus ketinggalan sedangkan imigran asing dapat mengisi kemerdekaan tersebut dengan kejayaan.

Manakala tokoh-tokoh Kaum Muda generasi kedua yang terlibat mewarnai politik tanah air adalah seperti Maulana Abdullah Noh, Ustaz Abu Bakar Bakiq, Dr. Burhanuddin al-Helmy, Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari dan Za'ba. Za'ba merupakan ikon orang Melayu yang popular dalam bidang bahasa tetapi kajian beliau sebagai tokoh Kaum Muda sebagai penggerak kesedaran kemerdekaan orang Melayu kurang ditonjolkan. Walaupun pada peringkat awal Za'ba bergiat dalam politik dengan menyertai UMNO tetapi akhirnya beliau lebih cenderung memberi kesedaran kepada orang Melayu melalui pena.

Daripada senarai tokoh Kaum Muda yang dikaji hanya Ustaz Abu Bakar al-Baqir dan Dr. Burhanuddin al-Helmy sahaja yang menjadi tonggak utama kepada





gerakan parti politik untuk perjuangan kemerdekaan tanah air. Hizbul Muslimin yang ditubuhkan oleh Ustaz Abu Bakar al-Baqir merupakan parti politik Islam yang pertama menuntut kemerdekaan bagi Tanah Melayu. Tuntutan kemerdekaan ini dicorakkan dengan semangat perjuangan Islam menentang kemerdekaan yang dipelopori oleh Kaum Muda. Perjuangan kemerdekaan ini juga adalah kesinambungan perjuangan kemerdekaan yang diperjuangkan oleh reformis Islam yang berkembang di Timur Tengah, India, Indonesia dan seluruh dunia Islam secara amnya. Persamaan perjuangan berteraskan faktor agama membuatkan aktivis Kaum Muda di Tanah Melayu turut berjuang bersama-sama masyarakat tempatan yang memberi sokongan kepada perjuangan mereka. Apatah lagi dalam menghadapi pengaruh Barat yang membawa pengaruh agama Kristian dan dasar imperialisme mereka yang ingin menguasai politik dan ekonomi Tanah Melayu yang turut melanda negara umat Islam di seluruh dunia.



Manakala Dr. Burhanuddin al-Helmy yang terlibat secara langsung dengan KMM dan PKMM turut menggerakkan orang Melayu untuk bersatu dan mempertahankan tanah air daripada ancaman British. Dr. Burhanuddin al-Helmy berjaya meraih sokongan golongan bukan Melayu seperti AMCJA untuk bersama-sama menentang konsep Persekutuan Tanah Melayu. Sosok kepimpinan beliau berjaya meyakinkan masyarakat bukan Melayu terutamanya orang Cina untuk mewujudkan gabungan PUTERA-AMCJA bagi membela golongan rakyat bawahan dan menyalahkan British keluar dari Tanah Melayu. Hal ini terbukti dengan kejayaan mengusulkan Perlembagaan Rakyat pada 1947. Namun begitu apabila British menolak perlembagaan tersebut dan ingin meneruskan Perlembagaan Persekutuan maka berlakulah Hartal ataupun mogok pada 20 Oktober 1947. Ini membuktikan aktivis Kaum Muda seperti Dr. Burhanuddin al-Helmy ini, berjaya menggerakkan kesedaran masyarakat berbilang





kaum di Tanah Melayu untuk menuntut kemerdekaan. Apabila Dr. Burhanuddin al-Helmy memimpin PAS pula, beliau merangkumkan konsep kebangsaan Melayu tersebut dengan tunjang Islam. Ini melonjakkan lagi sokongan orang Melayu terhadap perjuangan aktivis Kaum Muda ini dalam menggerakkan kesedaran kemerdekaan Tanah Melayu. Begitu juga dengan Maulana Abdullah Noh yang terlibat dengan KMM turut mengangkat senjata dengan bekerjasama dengan Jepun demi mencapai matlamat menyanahkan British daripada bumi Melayu ini. Walaupun akhirnya beliau terpenjara oleh tindakan British tetapi setelah keluar daripada penjara tersebut tidak mematahkan beliau untuk bergiat dalam PKMM dan API Kelantan. Beliau sering berkempen untuk memberi kesedaran kepada masyarakat untuk menuntut kemerdekaan melalui kuliah dan siri-siri ceramahnya di serata Kelantan.



Selain itu, tokoh yang lain seperti Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari dan Za'ba turut terlibat dengan politik tetapi mereka bukanlah tokoh utama dan tidak memimpin parti pada peringkat tertinggi. Mereka hanyalah penggerak parti peringkat daerah sahaja. Aktivis Kaum Muda seperti Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari dan Za'ba terbatas bergiat aktif dalam politik pada peringkat tertinggi mungkin disebabkan oleh kekangan mereka sebagai penjawat awam sepertimana Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari yang bertugas sebagai Imam Masjid Negeri Perlis dan juga Za'ba sebagai pegawai kerajaan British. Za'ba mengakui bahawa dirinya tidak berminat untuk aktif dalam politik walaupun pada peringkat awal, beliaulah antara tulang belakang dalam penubuhan UMNO pada 1946.

Walaupun bagaimanapun, kesemua mereka yang ditonjolkan dalam kajian ini merupakan aktivis Kaum Muda yang menjadi penggerak kesedaran kemerdekaan kerana untuk menggerakkan kesedaran kemerdekaan tidak semestinya melalui jalan





politik. Kegiatan mereka turut meliputi penubuhan madrasah, penerbitan akhbar dan majalah di samping menubuhkan persatuan, parti politik serta sebahagian kecil terlibat dalam gerakan ketenteraan. Sumbangan mereka adalah berdasarkan kecenderungan dan kelebihan masing-masing berdasarkan latar belakang pendidikan yang berbeza. Namun kesemua mereka itu merupakan aset yang sangat penting dalam perjuangan Kaum Muda di Tanah Melayu. Semangat yang dipelopori oleh Kaum Muda ini berjaya membangkitkan semangat menentang British di Tanah Melayu. Kaum Muda yang rata-ratanya golongan agamawan menentang penjajahan British secara konsisten. Usaha mereka berjaya membangkitkan gerakan-gerakan Islam yang berbau politik di Tanah Melayu dan negeri yang paling menonjol dengan gerakan kesedaran tersebut adalah di Perak. Ustaz Abu Bakar al-Bakir berjaya menubuhkan Hizbul Muslimin sebagai parti Islam yang pertama di Tanah Melayu yang didokongi oleh Kaum Muda.



Namun begitu, perjuangan Kaum Muda ini mendapat rintangan yang hebat baik daripada kolonial British, aristokrat Melayu, Kaum Tua dan masyarakat Melayu tradisional yang telah sehati dengan ajaran yang dibawa oleh Kaum Tua. Akhirnya ada dalam kalangan aktivis Kaum Muda ini dipulau, dilabel, dihalau, dipukul dan turut dipenjarakan. Parti politik Islam yang ditubuh oleh Ustaz Abu Bakar al-Baqir seperti Hizbul Muslimin juga tidak lama hayatnya kerana diharamkan melalui pengisytiharan darurat pada 18 Jun 1948. Penguatkuasaan Akta Darurat 1948 tersebut adalah untuk membendung kebangkitan rakyat menentang British. Dengan menggunakan akta tersebut, ramailah para pemimpin Hizbul Muslimin ditangkap dan dipenjarakan sehingga tiada pimpinan berkaliber yang tinggal untuk memimpin Hizbul Muslimin.





Masyarakat Melayu juga tidak semuanya menyambut baik gerakan Kaum Muda untuk membuat perubahan baik dalam bidang politik, ekonomi dan sosial. Sebahagian daripada golongan tradisional yang dikenali sebagai Kaum Tua merasakan Kaum Muda ini hanya merosakkan pemikiran dan amalan beragama masyarakat tradisi yang telah selesai dengan amalan kehidupan beragama sejak dahulu kala. Malah Kaum Tua turut membuat propaganda dengan mengaitkan perjuangan Kaum Muda ini didalangi oleh kegiatan komunis. Pandangan Kaum Tua yang sangat dihormati dalam masyarakat menyebabkan sebahagian orang Melayu terpengaruh dengan dakwaan tersebut. Apatah lagi kedudukan mereka sebagai ketua agama dalam masyarakat menyebabkan pandangan mereka diterima termasuk dalam hal agama yang telah sebatikan dan menjadi darah daging dalam amalan kehidupan masyarakat seharian. Amalan-amalan seperti tahlil, talkin, fidyah solat dan lain lain lagi telah menjadi sebahagian daripada amalan beragama masyarakat terutamanya di kampung-kampung walaupun sebenarnya menurut Kaum Muda amalan tersebut merupakan adat yang perlu ditinggalkan kerana tiadanya nas atau dalil yang menunjukkan Nabi Muhammad S.A.W dan para sahabat melakukannya.

Apabila Kaum Muda memodenkan pengajian pondok menjadi madrasah, mereka menerapkan pengajaran agama di samping meniupkan semangat kemerdekaan tersebut kepada para pelajar madrasah. Guru-guru beraliran Kaum Muda ini memodenkan pemikiran masyarakat dengan idea Syeikh Syed Jamaluddin al-Afghani, Syeikh Muhammad Abduh dan Syeikh Rasyid Redha. Gerakan ini turut mendorong kesedaran kepada nasionalis tempatan yang lain untuk turut terlibat menuntut kemerdekaan secara terbuka dengan menubuhkan KMM di bawah pimpinan Ibrahim Yaakub pada 1937. Golongan nasionalis inilah sebenarnya ditakuti penjajah apabila





diharamkan oleh Jepun pada 1941. Begitu juga dengan PKMM yang ditubuhkan pada 1945 yang akhirnya diharamkan oleh British pada 1956.

Kedatangan British ke Tanah Melayu kali kedua merupakan tahap yang paling kritikal bagi Kaum Muda apabila British mula menggariskan dasar-dasar mereka yang lebih agresif seperti membentuk Malayan Union pada 1946 di Tanah Melayu. Pada tempoh ini gerakan Kaum Muda berlandaskan parti politik menghadapi tekanan yang hebat apabila ramai pimpinan mereka ditangkap British apabila Akta Darurat 1948 diperkenalkan untuk menyekat gerakan kemerdekaan di Tanah Melayu. Akhirnya gerakan kesedaran kemerdekaan yang dipimpin oleh Kaum Muda ini menuju suasana suram walaupun tidak mematikan semangat perjuangan rakyat untuk menuntut kemerdekaan dengan penubuhan PAS.



Walaupun Hizbul Muslimin diharamkan British tetapi tidak mematikan perjuangan kemerdekaan oleh golongan ulama. Pada Mukhtamar Ulama Ketiga anjuran UMNO Butterworth Pulau Pinang pada 14 November 1951 PAS berjaya ditubuhkan. Keanggotaannya yang terdiri daripada golongan ulama dan bekas keahlian Hizbul Muslimin berhasrat untuk menubuhkan negara Islam dan kemerdekaan penuh telah menarik minat golongan nasionalis seperti Dr Burhanuddin al-Helmy untuk memimpin PAS pada 1956.

Namun begitu lompong perjuangan kemerdekaan tersebut pantas diisi oleh UMNO dan Perikatan yang berhaluan kanan dan direstui British. UMNO meneruskan





kesinambungan perjuangannya daripada 'Hidup Melayu' kepada 'Merdeka'. Obor perjuangan kemerdekaan yang disambut pula oleh UMNO ini berjaya menuntutnya daripada British melalui diplomasi dan menjadikan parti ini popular dalam kalangan orang Melayu berbanding parti berhaluan kiri lain yang turut menuntut kemerdekaan sepertimana PAS.

Walaupun kemerdekaan Tanah Melayu diraih oleh UMNO dan Perikatan tetapi Kaum Mudalah merupakan penggerak kesedaran kemerdekaan orang Melayu menentang rejim penjajah British di Tanah Melayu. Malah Kaum Muda merupakan pelopor awal perjuangan menentang penjajah dan menuntut kemerdekaan. Perjuangan mereka ini seiring dengan hasrat untuk mengislahkan masyarakat. Namun begitu, kebangkitan mereka turut ditentang oleh orang Melayu terutamanya golongan agamawan yang konservatif dan aristokrat yang mempunyai kepentingan.

Manakala sesetengah orang Melayu di kampung yang masih kuat dibelenggui budaya khurafat, tahyul di samping masalah khilafiah dalam amalan beragama agak sukar menerima perubahan tersebut. Namun setelah mereka tempuhi berbagai-bagai ranjau dan duri, era perjuangan mereka melangkah setapak demi setapak sehingga bangsa Melayu akhirnya bangkit untuk membuat perubahan. Orang Melayu sedikit demi sedikit membuat perubahan dalam kehidupan beragama termasuk mempunyai kesedaran dalam politik dan ekonomi, seterusnya menuntut kemerdekaan daripada pihak British hasil daripada kesedaran yang ditiupkan oleh Kaum Muda ini. Untuk menyekat gerakan rakyat ini, British memasung perjuangan Kaum Muda ini dengan memenjara aktivis Kaum Muda ini. Perjuangan mereka ini diharungi dengan tabah walaupun terpaksa berpisah dengan keluarga, sanak-saudara dan masyarakat. Inilah





perjuangan dan pengorbanan besar oleh mereka yang bergelar Kaum Muda di Tanah Melayu.

Walaupun kemerdekaan yang dikecapi diraih melalui UMNO dan Perikatan hasil rundingan dengan British tetapi sebenarnya golongan Kaum Muda inilah yang menggerakkan kesedaran kemerdekaan tersebut kepada masyarakat ketika mana UMNO ketika itu masih belum wujud. Malah penubuhan UMNO pada peringkat awal bukanlah untuk memerdekakan tanah air sebaliknya menyeru kepada slogan 'Hidup Melayu' dalam perjuangannya menentang penubuhan Malayan Union. Ketika gerakan Islam yang dipimpin oleh Kaum Muda dan nasional berhaluan kiri menentang British secara terbuka, pada masa yang sama UMNO hanya sebagai penyokong dalam pentadbiran British di Tanah Melayu. Apabila British sudah tidak mampu lagi membendung kebangkitan rakyat yang dibawa oleh gerakan ulama, nasionalis dan golongan komunis, British cuma meredakan kebangkitan rakyat dengan memberi kemerdekaan kepada Tanah Melayu kepada golongan yang pro kepada perjuangan mereka.. British tiada pilihan melainkan terpaksa memberi kemerdekaan demi meneruskan kelangsungan penguasaan mereka terhadap kedudukan politik dan ekonomi di Tanah Melayu.

Justeru, British terpaksa berunding dengan parti berhaluan kanan yang boleh terus menerima kehadiran mereka walaupun kemerdekaan telah diraih di Tanah Melayu. UMNO di bawah Tunku Abdul Rahman mempunyai alasan yang tersendiri untuk menerima rundingan kemerdekaan ini. Rundingan kemerdekaan ini merupakan salah satu jalan pintas untuk Tanah Melayu merdeka lebih awal selain dapat menyekat pengaruh komunis menguasai Tanah Melayu. Akhirnya kemerdekaan yang dikecapi itu





berjaya meredakan gerakan rakyat yang diperjuangkan oleh golongan berhaluan kiri. Apabila ramai aktivis kemerdekaan berhaluan kiri dipenjarakan dan parti mereka diharamkan oleh British, UMNO menggunakan peluang daripada desakan rakyat tersebut untuk berjuang memerdekakan Tanah Melayu. Selepas kemerdekaan tercapai, UMNO terus popular sebagai parti pejuang kemerdekaan manakala parti berhaluan kiri terus malap kerana kemerdekaan telah diraih hasil usaha UMNO dan Perikatan. Namun begitu kedudukan parti politik Islam seperti PAS yang dipimpin oleh Dr. Burhanuddin al-Helmy masih terus bernafas kerana sebahagian besar daripada rakyat Tanah Melayu menyedari, kemerdekaan yang dikecapi bukanlah kemerdekaan penuh dan mutlak.

Buktinya British didapati masih dapat mendominasi kuasa politik dan ekonomi di Tanah Melayu melalui perkongsian kuasa dengan UMNO dalam pentadbiran negara.

UMNO dilihat boleh bertolak ansur dengan British berbanding golongan Kaum Muda atau nasionalis tanah air berhaluan kiri yang sudah pastinya akan mengusir British keluar dari Tanah Melayu. Meskipun Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, British terus mengaut sumber ekonomi negara dan pentadbiran negara hanya bertukar daripada pegawai British kepada ahli politik UMNO yang masih mengekalkan sistem pentadbiran British dengan menjadikan Suruhanjaya Reid sebagai Perlembagaan Persekutuan.

Walaupun aktivis Kaum Muda tidak berjaya meraih kemerdekaan melalui pimpinan, kesatuan dan parti politik mereka tetapi gerakan yang dipimpin mereka ini berjaya menjadi penggerak kesedaran kemerdekaan kepada masyarakat Melayu dalam tempoh 50 tahun sebelum kemerdekaan Tanah Melayu diraih. Mereka menggerakkan kesedaran agar orang Melayu bangkit menentang penjajah British sekalipun mereka





bukanlah penyudah kepada gerakan kemerdekaan yang diraih pada 31 Ogos 1957 tersebut. Justeru, golongan yang berjaya mendapat kemerdekaan ini tidak perlu mendabik dada seolah-olah golongan kiri tidak berperanan dalam memberi kesedaran untuk menuntut kemerdekaan. Justeru, fakta sejarah kemerdekaan ini perlu dilaporkan dengan tepat dan disisipkan dalam teks sejarah sama ada di sekolah ataupun di institusi pengajian tinggi negara.



RUJUKAN

Sumber Pertama





AP No 425/1349, Laporan polis *Religious Conflict in Mukim Paya*, Aduan oleh Ketua Kadi, Perlis pada 8 /8/ 1349H bersamaan 26 April 1931M. Sumber Arkib Negara Malaysia.

AP No 425/1349, Laporan siasatan aduan Kadi terhadap kegiatan komunis di Kangar, 8/12/1349H. Sumber Arkib Negara Malaysia.

BMA/ADM, Intelligent Report Malaya Command and Formation Under Command 9/16/17 January 1946.

BMA/ADM From HQ Command to Saceea Alfsea, 9/16, 17 January 1946.

CAB 129/28/21, *The Situation in Malaya*.

Catatan Za'ba dalam Exercise Book, English College, Johor Bahru, 24 April 1918 (Jawi).

Catatan Za'ba, "Catatan Kongres 1946", Majlis, 4 Mac 1946.

CAB 129/48/59, Malaya, *Memorandum by the Secretary of State for the Colonies*.

CO 273/516, F.646, *Malayan Security Service (MSS): Political Intelligence Journal, Januari 1948-August 1948, Public Record Office, London, No.36 Malay Nationalist Party, 4 and Review No. 39.Appendix D.*

CO 273/ 534/ 16, *The Malayan Bulletin of Political Intelligence* No.39, May 1926.

CO 273/616/8, Annual Police Reports, 1934 and 1935, Confidential Appendices *Straits Settlements Police Special Branch Report for the Year 1935*.

CO 537/908, *The Malayan Bulletin of Political Intelligence*, January 1923.

CO 537/1582/136697, *Secret HQ Malaya Command, Weekly Intelligence Review* No.36. Malay Nationalist Party, 4 and Review No. 39.Appendix D.

CO 537/2151-*Activities of the Organization known as API, The Straits Times*, 1 April 1947.

CO 537/3751, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 2/1948, 31 Januari 1948; No. 6/1948, 31 Mac 1948; No. 7/1948, 15 April 1948; No. 8/1948, 30 April 1948; No.9/1948, 15 Mei 1948.

CO 537/3751, *Malayan Security Service Political Intelligence Journal*, No. 3/1948, 15 February 1948, Part II, *Malay And Indonesian Organisations, Personalities* No 2: Kiyai Hj Mashoor Azahari.

CO 537/3752, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 13/1948,





15 Julai 1948; No.15/1948, 15 Ogos 1948; No.10/1948, 31 Mei 1948; No.11/1948, 15 Jun 1948; No.10/1948, 31 Mei 1948, No.14/1948, 31 Julai 1948, No. 15/1948, 15 Ogos 1948

CO 537/ 3753, *Malayan Security Service, Political Intelligence Journal*, No. 15/1948, 15 ogos 1948.

CO 537/3754/1948/55400/5/, *Pan Malayan Review of Political and Security Intelligence*, No. 1/1948, Part I, *Political Intelligence Review*, 1 September 1948.

CO 537/4742/522243/4, *Political Report* No 3, For January 1949, "Malay Nationalist Party."

C.O. 717/210.52849/3, Pengistihan darurat, Memorandum of The Situation in Malaya "The Malayan Bulletin of Political Intelligence", January 1923.

C.O 1030/438, *Representations Made On New Constitution of Federation of Malaya, Federation of Malaya to SS/CO*, 13 May 1956.

Federation of Malaya, Annual Report of 1953. Kuala Lumpur: Government Printer. Malaysia, *A Plot is Exposed, Cmd. 12 Of 1965, Government Printer*, 1965. Malaysia. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, 1979.

FO 371/76000, *Pan-Malayan Review of Political and Security Intelligence*, No.20/1949, 28 September 1949, *Part I, Political Intelligence Review*,

HCO 638/1935. Ag. Sec. High Com. to Bat, 11 Dec, 1935. Copy of report on Syekh Abdullah by Detective Branch Penang.

Kel. M. 37/1918. Copy Memo. Syed Mohamed bin Aqil to Sec. High Com. Singapore, British Adviser to Setia Usaha Majlis, 13 May 1916.

Kel. M.115/21. Minit Datuk Seri Paduka Raja, 10 Mac 1921.

Kel. PM.191/19. Minit Mufti Hj Wan Muhammad kepada Datuk Bentara Jaya, 29 Julai, 1919.

Kel. K. 303/ 1916, Minute. British Adviser 29 April 1916 tentang peletakan jawatan Mufti Hj Wan Musa Abdul Samad.

Kel. K. 1458/29. Sec.High Com. To Principal Sec. of State for Foreign Affairs, 20 July, 1929. Encl. Establishment of Wahabi Influence in Mecca.

Pahang Confidential. Fail Kaum Muda: Memo Residen British Selangor kepada Setiausaha Residen Perak, Negeri Sembilan dan Pahang daripada salinan Fail Federal State Confidential, 9 November 1937, 245/37.

Parliamentary Debates, Dewan Rakyat, Official Report, Col. 111, No. 18, Col 1638. *Memorandum by the Secretary of State for the Colonies/ PIJ No. 16/46*.





Parliamentary Debates Dewan Rakyat.Part II, Vol.III *Third Session*, October 1961 to January 1962. *The Death of Dato' Onn bin Ja'far*. 22 January 1962.

Penyata Tahunan Majlis Ugama Islam Melaka dari 1962 hingga 1972.

Report on the Parliamentary and State Election 1959, Government Press, Kuala Lumpur, 1960.

Resident Commissioner of Johore (RCJ), No. 56/11/1946.

Selangor, SCM, 22 Mei 1930.

SP 10, Catatan Latar Belakang dan Riwayat Hidup Syeikh Tahir Jalaluddin.

SP 10, Diari 1909 Syeikh Tahir Jalaluddin.

SP 10, Diari 1923 Syeikh Tahir Jalaluddin.

SP 10, Surat pelantikan Syeikh Tahir sebagai Pemeriksa Kiblat oleh Sultan Idris Murshidil Aazam Shah pada 3 Oktober 1900.

SP 10/16, Surat Hamka kepada Syeikh Tahir Jalaluddin.

SP 10/16, Surat Imam Paduka Raja kepada Syeikh Tahir berhubung jawatan Kadi Besar Perak 6/1/1919.

SP 10/22, Undang-undang penubuhan Lembaga Pengelola Madrasah al-Mashoor, Pulau Pinang.

SP 10/32, Surat Madrasah al-Masyhoor kepada Syeikh Tahir.

SP 10/36, Surat Madrasah al-Mashoor mengenai pelajar-pelajar yang dihantar ke Mesir dan majlis keramaian yang diadakan.

SP 10/109, Syair Renungan

SP 10/109, Syair *Perasaan Pemerhatian*

SP 10/114, Syair *Doa dan Harapan*

SP 10/572, Za'ba bertanya hukum kepada syeikh Tahir mengenai pembahagian harta pusaka dan juga puasa. 14/3/29

SP 10/1109, Catatan Syeikh Tahir mengenai kematian Syed Syeikh al-Hady.

SP 10/1306, Za'ba mengucapkan terima kasih kepada Syeikh Tahir kerana mengirim kitab.

SP10/E-6, Surat Haji Muhammad Said kepada Syeikh Tahir Jalaluddin pada 2 Januari 1927.

SP 18/73/86, Surat Za'ba menulis surat kepada pengetua SITC tentang cita-citanya menyambung pelajaran ke Eropah 18/6/1924.

SP 18/73/99, Surat mohon maaf Bashir A.Mallcl, editor Majalah The Muslim (The Organ of the Anjuman-i-Islam) atas kekasaran penerbit majalah tersebut mengkritik Za'ba dalam artikelnya pada 25/9/1926.

SP 28/A/9, PAS 1955-1958, Penyata-penyata mesyuarat PAS dan mesyuarat daripada Pejabat Agong PAS dari 10 Januari 1956 hingga 20 Januari 1956.

SP 28/A/18, Kongres PAS 1962-1964.

SP 28/A/30, Kongres PAS, Peringatan Mesyuarat Agung PAS yang keenam pada hari Sabtu dan Ahad 24-25 Ogos 1957, di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur.

SP 28/A/9, PAS 1955-1958, Siaran Politik, 1/9/1958.

SP 28/A/9, PAS 1955-1958, Surat Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman kepada Setiausaha Agung PAS, 10.





SP 24/1, Syed Alwi, "Riwayat Hidup."

SP24/3, Syed Alwi, *Bapa Nobel Melayu*.

SP/28/A/35, Beberapa surat Dr. Burhanuddin kepada Hassan Adli.

SP 60/6, *Petikan-petikan tulisan Sheikh al-Hadi dari al-Imam dan al-Ikhwan*.

SP 89/86, Mustapha Hussein menulis mengenai Dr. Burhanuddin al-Helmy, Pelopor Kebangkitan Semangat.

Surat Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak kepada Syeikh Tahir Jalaluddin, Bil.5 dalam Sultan Perak 30/04, 10 Ogos 1904.

Sijil Government Standard Seven Certificate, (1914) milik Za'ba.

Sijil Darjah Lima Za'ba 1909.

Surat Saman Pejabat Kadi Jasin, Bil. 42/72 PKJ pada 23hb Mei 1962 yang melibatkan denda menikah pasangan tanpa tauliah.

Surat Pejabat Ugama Islam Melaka bil 78 dalam PUI (M) 554.

Surat Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri kepada Za'ba 12 Mei 1962.

Surat Za'ba kepada Abdul Aziz bin Din pada 22 Mei 1946 mengenai pendapatnya mengenai perasaan orang Melayu terhadap rancangan Malayan Union.

Surat Za'ba kepada Bahanan bin Yusuf, 12 September 1939.

Surat Za'ba kepada Brother Patrick, 24 Januari 1915.

Surat Za'ba kepada *The Manager al-Hilal*, Tanggala, Cairo, 28 Februari 1921 dan 1 Mac 1921.

Surat Za'ba kepada The Manager Islamic Review, The Mosque Surrey, England, 30 November 1918.

Transkrip Za'ba I, Arkib Negara Malaysia, 1970.



Tesis

Abdul Aziz Mat Ton. (1972). Latihan Ilmiah *Gerakan Ansarul Sunnah dalam Kegiatan Kaum Muda Melaka*. Universiti Malaya.

Abdul Rahman Md Yusuf. (1977). *Ahmad Boestamam, Ahli Politik, Wartawan dan Sasterawan*. Latihan Ilmiah, Jabatan Penulisan, Universiti Malaya.

Abu Bakar Hamzah. (1981) *Al-Imam-It's Role in Malay Society 1906-1908*, Thesis Ph.D. University of Kent.

Hashim Ismail. (2003). *Pemikiran Kaum Muda di Dalam Novel-Novel Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua*. Tesis Ph.D, Akademik Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Kasmuri Selamat. (2006). *Gerakan Pembaharuan Dalam Islam di Sumatera Barat: Suatu Kajian Perbandingan antara Gerakan Paderi, Kaum Muda dan Organisasi Persyarikatan Muhammadiyah*. Tesis Ph.D, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Muhammad bin Daud, *Madrasah al-Mashoor al-Islamiyah*. Pulau Pinang: 1916-1969. Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1980.





Mohd Sarim Mustajab, (1975), *Islam dan Perkembangannya dalam Masyarakat Melayu di Semenanjung Tanah Melayu 1900-1940-an*, tesis M.A , UKM .

Md Sharif Abu Hassan, “Akhbar Majlis (1931-1940)”, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1976.

Rodiah Sulung, Tuan Hj Ahmad Fuad Hassan: Biografi Seorang Pejuang Politik Islam, Latihan ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 1987.

Rohani Kasmon, (1999)“Pelibatan Kaum Muda dalam Perkembangan Pendidikan Islam Di Tanah Melayu Sebelum Merdeka.”

Sidek Fadhil, *Ash-Syeikh Muhammad Abduh-Satu Tinjauan Kritis Terhadap Pemikiran dan Rumusan Mengenai Pengaruhnya Dalam Masyarakat Melayu*, Tesis M.Litt, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1978.

Suhaila bt Mohd Noor (2011), *Isu-Isu Wanita Dalam Majalah Melayu: Kajian Di antara Pandangan Kaum Tua dan Kaum Muda*. Latihan Ilimiah, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Mohammad Aboulkhir Zaki, (1965) “*Modern Muslim Thought in Egypt and its impact on Islam in Malaya*,” Ph.D. Thesis, Universiti of London.

Mohd Khalil Hussein, (1958), *The Department of Religious Affairs, Perak*, Latihan Ilmiah Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Nornajwa Ghazali. (2008). *Sumbangan Syeikh Abu Bakar Ash'ari dalam bidang tafsir: Kajian terhadap Intisari Tafsir Juzuk Amma*, Tesis Sarjana, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Nur Salwa Ibrahim. (2007), *Sumbangan Maulana Abdullah Noh Dalam Pengajian Tafsir: Kajian Terhadap Kitab Khulasah Al-Qur'an*. Tesis Sarjana Usuluddin, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Tan Seng Huat. (1961). “*The Life and times of Sayyid Sheikh al-Hadi*”, Latihan Ilmiah, Universiti Malaya.

Wan Nawang Wan Sulung. (1983). *Kumpulan Ittiba'us Sunnah di Kuala Pilah, Negeri Sembilan*, Latihan Ilmiah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zainap Ibrahim, (1983) “Perkembangan Kaum Tua dan Kaum Muda di Jasin: Satu Kajian di Kampung Terentang”, Latihan Ilmiah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.





Zainon Ahmad. (1979). *“The Life, Times and Thought of Sayyid Shaykh Ahmad al-Hadi”*, M.A. Thesis, University of Malaya.

Kertas Kerja Seminar

Abdullah Tain. “The Place of Islamic Religious Education in Malay Society”, Kertas Kerja Seminar Pusat Pengajian Sejarah Tenggara Asia, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2 Nov 1972.

Abdul Malik Karim Amrullah (Hamka), “Pengaruh Islam dalam Sastera Melayu”, Kertas Kerja Seminar Kebudayaan Islam dan Kebudayaan Melayu, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia, Kuala Lumpur, 25-28 Julai 1976.

Abu Bakar al-Bakir, “Pendidikan dan Pelajaran agama Islam sebelum merdeka”, Kertas Kerja Seminar ME 405, Tokoh-Tokoh Malaysia, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 18 September 1973.

Abu Bakar al-Baqir, “Gerakan-gerakan Politik yang Berunsur atau Berkaitan dengan Uagama Islam di Malaysia”, Kertas Kerja Seminar ME 405-Siri Tokoh-tokoh Malaysia, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 19 September 1973.



Abu Hanifah Haris, “Reaksi British terhadap kegiatan Hizbul Muslimin di Tanah Melayu, 1948-1949.” *Prosiding Persidangan Intelektual Kebangsaan Malaysia 2013* pada 17-18 April 2013 di Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Ibrahim Hj Yaakub, “Sejarah Perintis Kemerdekaan Malaysia-Bahagian kedua”, Kertas kerja *Seminar ME405 (Sejarah Tokoh-Tokoh Malaysia)*, Jabatan Sejarah UKM.29/8/1973. (Tidak dibentangkan kerana tokoh tidak dapat hadir)

Ishak Hj Muhammad, “Politik Tanah Melayu hingga pendudukan Jepun”, – Siri Sejarah Tokoh-Tokoh Malaysia, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 24 Julai 1973.

Ishak Saat. “Kebangkitan Gerakan Islah Islam di Tanah Melayu sebelum merdeka”, Simposium Gerakan Islah Sebelum Kemerdekaan Tanah Melayu dan Isu-Isu Semasa: Peranan Madrasah dan Sekolah Agama, Universiti Teknologi Petronas 8 Disember 2011.

Mohamad Arshad Saidin & Muhammad Pisol Mat Isa. “Madrasah-Madrasah Gerakan Islah di Perak: Suatu Sorotan”, Kertas Kerja Simposium Gerakan Islah Sebelum Kemerdekaan Tanah Melayu dan Isu-Isu Semasa: Peranan Madrasah dan Sekolah Agama, Universiti Teknologi Petronas, 8 Disember 2011.

Mohd Fadli Ghani dan Raja Ahmad Iskandar Raja Yaacob. 2011. “Madrasah Al-Balaghul Mubin, 1938-1947: Kesan dan Pengaruhnya terhadap Perkembangan Politik Islam di Kelantan Selepas Perang Dunia Kedua”, Kertas kerja Simposium





Gerakan Islah Sebelum Kemerdekaan Tanah Melayu dan Isu-Isu Semasa, Universiti Teknologi Petronas, 8 Disember 2011.

Silcock & Aziz. (1950). *Nationalism in Malaya*, 11th Conference Institute of Pacific Relations, Lucknow, India, Oktober 3-15.

Zeus A. Salazar, "Indio, Filipino, Malay: Rizal as a Malay Nationalism", Persidangan Antarabangsa Tamadun Melayu (2nd), Kuala Lumpur, 15-20 Ogos 1989.

Buku

Abdul Rauh Yaacob. (2006). *Gerakan Islah dan Tajdid di Dunia Islam dalam Sejarah dan Tamadun Islam* PY1262. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

_____ (2007). Hubungan Pemikiran Islam Timur Tengah dan Alam Melayu dalam Farid Mat Zain, *Islam di Tanah Melayu* Abad ke-19, Shah Alam: Karisma Publication.

Abdul Aziz Mat Ton. (2000). *Politik al-Imam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdul Ghani Hj. Shamsuddin, (1989) *Tajdid dalam pendidikan dan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.

Abdul Halim El-Muhammady. (1982). *Pengaruh Madhab Shafi'i dan Masalah Kaum Muda di Malaysia*. Penerbit Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah.

Abdul Hayei bin Hj. Abdul Sukor. (1990). Biografi Dan Pemikiran Tajdid Shah Waliyullah al-Dihlawi dalam *Tokoh-Tokoh Pemikir Dakwah*. Petaling Jaya: Selangor.

Abdul Latif Abu Bakar. (1996). Peranan Penulisan Dalam Gerakan Kebangsaan dalam *Melaka dan Arus Gerakan Kebangsaan Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

_____ (1980). Akhbar Melayu dan Penubuhan Persatuan-Persatuan Negeri Melayu, 1926-1941', *Malaysia Dari Segi Sejarah*, No 9.

_____ (1984). *Abdul Rahim Kajai: Wartawan dan Sasterawan Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____ (1985). Akhbar, Desentralisasi dan Persatuan Negeri Melayu, dalam. Khoo Kay Kim, *Sejarah Masyarakat Melayu Moden*, Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya.

Abdullah Alwi Haji Hassan. (1981). *Islam di Singapura: Satu Pengenalan dalam Islamika 1*, Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.





Abdullah Alwi Hj. Hassan. (1980). The Development of Islamic Education in Kelantan, dalam Khoo Kay Kim & Mohd. Fadzil Othman (ed.). *Tamadun Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

Abdullah Azmi Khalid. (1996). “Ekonomi Melayu Kurun ke-19: Sara Diri atau Komersil?” dalam Badriyah Haji Salleh & Tan liok Ee (pnyt.), *Alam Pensejarahan: Dari Pelbagai Perspektif*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdullah Jaafar. (1984). Al-Imam dalam Khoo Kay Kim (sunt.), *Sejarah Masyarakat Melayu Moden Kuala Lumpur*: Persatuan Muzium Malaysia.

Abdullah Hassan. (1982). Haji Ahmad Amin 1905-1971: Tokoh Kaum Muda Jasin, dalam Cheah Boon Kheng (ed.) *Tokoh-Tokoh Tempatan dan Dokumen-Dokumen dalam Sejarah Malaysia*, Kertas berkala Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan No.2, Universiti Sanis Malaysia.

Abdullah Noh. (1946). *Semangat Perajurit-Perajurit Muslim*, Pustaka Maktabah Ismailiyah: Kota Baharu Kelantan.

Abdullah Zakaria. (1997). *Pasir Salak Pusat Gerakan Menentang British di Perak*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya/ Yayasan Perak.



Abdul Majid Zainuddin. (1928). *The Malays in Malaya, by One of Them*, Singapore: Malaya Publishing House Ltd.

Abdul Rahman Haji Abdullah. (1989). *Gerakan Islah di Perlis: Sejarah dan Pemikiran*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pena.

_____ (1994). *Gerakan Anti Penjajahan di Malaysia 1511-1950: Pengaruh Agama dan Tariqat*, Kuala Lumpur: Pubication Kintan Sdn. Bhd.

_____ (1998). *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*. Penerbitan bersama Pusat Pendidikan Jarak Jauh USM dan Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____ (2010). *Sejarah Ikhtilaf Mazhab Di Malaysia: Suatu Kajian Tentang Perkembangan Pemikiran Tajdid dan Islah*: Shah Alam, Karisma Publication.

Aboe Bakar. (1955). *Sejarah Masjid dan Amal Ibadah di Dalamnya*, Jakarta: N.V.Viss and Co.

Abu Bakar al, Ash'ari. (1954). *Pergerakan Kaum Wanita Dalam Islam*, Pulau Pinang: Persama Press.

_____ (1956). *Sembahyang Rasullulah*: Singapura: Tanpa Penerbit.





_____ (1957). *Ibadat Rasullullah*, Persama Press, Pulau Pinang.

Abu Bakar Hamzah. (1982). Al-Imam and Politics, dalam Lutpi Ibrahim, *Islamika II*, Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.

_____ (1990). *Al-Imam: Its Role in Malay Society 1906-1908*, Kuala Lumpur: Media Cendiakawan.

Abu Zaki. (1950). Belalah Nasib Penuntut-penuntut Sekolah Agama, dalam *Penuntut* (Majalah triwulan Gabungan Pelajar-Pelajar Melayu Semenanjung-GPMS), Bil 1, tahun 1, Kuala Lumpur.

Abu Zar bin Abu Hassan, "Pengaruh gerakan Islah di Negeri Perlis", Kertas Projek, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2005/2006,

Adnan Haji Mohd Nawang. (1980). "Za'ba dan Ajaran Khwaja Kamaluddin", dalam Khoo Kay Kim (ed.), *Pendidikan di Malaysia Dahulu dan Sekarang*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

_____ (1994). *Za'ba: Patriot dan Pendeta Melayu*, Kuala Lumpur: Yayasan Penataran Ilmu.



_____ (2009). *Za'ba dan Melayu*, Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Afif Azhari dan Mimien Maimunah Z. (1996) *Muhammad Abduh dan Pengaruhnya di Indonesia*, Surabaya: Al-Ikhlash.

Ahmad Boestamam. (1972). *Merintis Jalan Ke Puncak*, Kuala Lumpur: Pustaka Kejora.

Ahmad Zaki Abdul Latif. (2006). *Transformasi Gerakan Islah dan Dakwah di Timur Tengah dan di Malaysia*, Pusat Penerbitan Universiti (UPENA): Universiti Teknologi Mara.

A. H Edrus (1961). *Persuratan Melayu 3: Drama dan Perkembangan Bahasa Melayu*, Singapura: Qalam.

A. Jainuri (1981). *Muhammadiyah Gerakan Reformasi Islam di Jawa pada Awal Abad Kedua Puluh*, Surabaya: PT Bina Ilmu.

Al-Attas, Syed Muhammad Naquib (1980). *The concept of education In Islam*. Kuala Lumpur: ABIM.

Albert Hourani. (1983). *Arabic Thought in the Liberal Age 1798-1939*, Cambridge: Cambridge University Press, (Cetakan semula).

Alijah Gordon. (1999). *The Real Cry of Syed Shaykh al-Hady*: Kuala Lumpur.





Amat Juhari Moain. (1970). Reformasi Islam Yang Revolusioner-Muhammad Abduh, *Dewan Masyarakat*, Jilid VIII, Bil. 8, Kuala-Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Anwar al-Jundi. (2003). *Hassan al-Banna ad-Da'iyah al-Imam wa al-Mujaddid Asy-Syahid, Biografi Hassan al-Banna: Imam Para Da'i dan Mujaddih yang menemui syahid*, Terj. Khalifurrahman Fath, Solo, Media Insani Press.

A.Samad Ahmad ed. (1985). *Kerajaan Johor-Riau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,

Asywadie Syukur. (1982). Lc, H. M. *Perbandingan mazhab*, Surabaya: P.T. Bina Ilmu.

A. Wahab Ali. (1966). "The Emergence of the Novel in Modern Indonesian and Malaysian Literature, Li Chuan Siu", *Iktisar Kesusasteraan Melayu Baru 1830-1945*, Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Antara.

Bachtiar Djamily. (1994). *Riwayat Hidup dan Perjuangan Syeikh Tahir Jalaluddin al-Falaki*. (Jakarta: PT Kreasi Jaya Utama).

_____ (1994). *Riwayat Hidup dan Perjuangan Syeikh Tahir Jalaluddin al-Falaki al Azhari*. Kuala Lumpur: Asmah Publisher.



Badriyah Hj Salleh. (1990). "Imperialisme, Ekonomi, Kajian ke atas Imperialisme Industri Getah di Tanah Melayu", dalam Cheah Boon Kheng dan Abu Talib Ahmad, *Kolonialisme di Malaysia dan Negara-Negara lain*. Kuala Lumpur.

Brian Harrison. (1976), 'Anglo-Chinese College at Malacca 1818-1843' dalam Cowan, C.D. dan Wolters, O.W, (ed.), *Southeast Asian History and Historiography*. Ithaca and London,

Burhanuddin al-Helmy. (1946) "Agama dan Politik" dalam *Panel Pengkaji Sejarah, PAS Dalam Arus Perjuangan Kemerdekaan: Esei dan Dokumen*, t.t. *Perjuangan Kita*.

_____ (1988), *al-Islam dan Sosialisme*, Kuala Lumpur: Ikraq.

_____ (1954). *Falsafah Kebangsaan Melayu*, Bukit Mertajam: Pustaka Semenanjung.

_____ (1946). *Perjuangan kita*, Singapura: Terbitan Parti Kebangsaan Melayu Malaya.

_____ (1955). *Pidato di Kongres Partai Rakyat, Singapura: Partai Rakyat*.

_____ (1946). "Nur Kemerdekaan", *Suluh Malaya*.

Buyong Adil. (1983). *Perjuangan Orang Melayu Menentang Penjajahan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.





Cenderamata Jubli Perak Pemerintahan DYMM Tuanku Raja Perlis. (1971). tanpa halaman.

Charles C. Adams (1968), *Islam and Modernism in Egypt*, New York: Russell & Russell, (Edisi baharu).

Cheah Boon Kheng. (1979). “*The Japanese Occupation in Malaya 1941-1945: Ibrahim Yaakub and the Struggle for Indonesia Raya*”, JSEAH, dalam *Indonesia*, No 28.

_____. 1983. *Red Star over Malaya: Resistance and social conflict during and after the Japanese Occupation of Malaya 1941-46*. Singapore: Singapore University Press.

Coleman J.S ed. (1965). *Education and Political Development*, Princeton University Press, New Jersey.

Deliar Noer. (1980). *Gerakan Moden Islam di Indonesia 1900-1942*. Jakarta: LP3ES,

Drabble, J.H. (1972). ‘Investment in the Rubber Industry in Malaya c. 1900-1922’ dlm. *Journal South East Asian (JSEAS)*, Jilid. III, No. 2, September, Lampiran A.

Dwight E.Lee. (1942). The Origin of Pan-Islamism, *The American Historical Review*, Vol.48, No.2.



Fadhullullah Jamil. (2000). *Islam di Asia Barat, Sejarah Penjajahan dan Pergolakan, Baru Cave: Thinkers Library*.

_____. (2003). Pengaruh Pemikiran Syed Jamaluddin al-Afghani dan Syeikh Muhammad Abduh terhadap Syeikh Tahir Jalaluddin, dalam Sohaimi Abdul Aziz, ed. *Syeikh Tahir Jalaluddin Pemikir Islam*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Farhat Tabssum. (2006). *Deoband Ulema’s Movement For The Freedom of India*, Manak Publication, New Delhi.

Jalbani. G.N. (1967). *Teaching of Syah Waliyullah*, Sy. Muhammad Asyraf, Kasymiri, Lahore (Pakistan).

Hanrahan. G.N (1989). *Communist Struggle in Malaya*, New York: Institute of Pacific Relations, 1954

Richard W.Stubbs, *Hearts and Minds in Guerrilla Warfare: the Malayan Emergency 1948-1960*, Singapore: Oxford University Press.

H.Munawir Sjadzali, M.A, (1993), *Islam dan Tata Negara: Ajaran, Sejarah dan Pemikiran*, Jakarta, UI Press,

Hairi Abdullah. (1973). “Kebangkitan dan Gerakan Tentera Selendang Merah” dalam *Sejarah Daerah Muar dan Batu Pahat*”, JEBAT, No. 3/4.

Hamka (1958). *Teguran Suci dan Jujur Terhadap Mufti Johor*, Singapura: Persatuan





Muhammadiyah Singapura.

_____ (1961). *Pengaruh Muhammad 'Abduh di Indonesia* Djakarta: Tintamas.

_____ (2010). *Ayahku*. Shah Alam: Pustaka Dini.

_____ (1967). *Ajahku: Riwayat Hidup Dr. H. Abd. Karim Amrullah dan Perdjjuangan Kaum Agama di Sumatera*, Djakarta: Penerbit Djajamurni, Djakarta.

_____ (1982). *Ayahku*, Jakarta: Uminda.

_____ (1961). *Pengaruh Muhammad 'Abduh di Indonesia*, Djakarta: Tintamas.

_____ (2010). *Teguran Suci dan Jujur Terhadap Mufti Johor*, Selangor: Pustaka Dini, Cetakan Semula.

Haron Din. (1989). "Syeikh Abu Bakar Al-Ashaari: Ulama Tegas dan Berani" dalam *Gerakan Islam di Perlis: Sejarah dan Pemikiran*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pena Sdn. Bhd.

_____ (1993). "Al-Syeikh Abu Bakar al-Al-Asy'ari" dalam Ismail Mat, (edt.), *Ulama Silam Dalam Kenangan*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia

Harper, T.N (2001). *The End of Empire and The Making of Malaya*, Cambridge: Cambridge Universiti Press.

Hashim A. Ghani. (1988). *Kata Berbalas Sesat dan Haram Bermazhab*. Kuala Pilah: KTF Institut.

Hashim Ismail. (2010). *Hermeneutik: Reaksi Reformasi Kaum Muda*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hassan Said Karmi. (1970). *Al-Manar and English-Arabic Dictionary*, Beirut: Longman Libraise Du Liban.

Hayei bin Abdul Sukor. (1990). Biografi Dan Pemikiran Tajdid Shah Waliyullah al-Dihlawi dalam *Tokoh-Tokoh Pemikir Dakwah*. Penerbit Dewan Pustaka Islam, Petaling Jaya.

Ian. Proudfoot. (1985). "Pre-War Periodicals: Notes To Roff's Bibliography Drawn From Governments Gazettes" dlm. *Kekal Abadi*, Kuala Lumpur, Vol 4. No. 4.

Ibrahim Abu Bakar. (1994), *Islamic Modernism in Malaya-The Life and Thought of Sayid Syekh al-Hadi 1867-1934*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Ibrahim Mahmood. (1981). *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.





II Ihya Assyarif, *Buku Peringatan Suku Abad* (sempena sambutan Jubilee Perak), November 1959.

II Ihya, *Pulau Pinang: Lembaga Pustaka II Ihya*, Persama Press, 1947, bil 1, tahun 1.

Imam Munawwir (1985). *Mengenal Pribadi 3 Pendekar dan Pemikir Islam dari Semasa ke Semasa*, (Cetakan Pertama), Surabaya: PT Bina Ilmu.

Insun Sony Mustapha. (1999). *Memoir Mustapha Hussain*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ishak Saat. (2009). "Golongan agama Pencetus Awal Perjuangan Kemerdekaan Tanah Melayu" dalam Azlizan Mat Enh ed. *Isu-isu Terpilih dalam Sejarah Pemikiran*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.

_____ (2011). *Radikalisme Melayu Perak 1945-1970*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

_____ (2013). *Politik Suara Rakyat: Pulau Pinang*, Universiti Sains Malaysia.

Iskandar Haji Ahmad. (1973). *Persuratkhabaran Melayu (1876-1968)*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ismail Abdul Rahman dan Mat Asin Dolah. (1992). "Syeikh Tahir Jalaluddin, 1869-1956. *Reformis Islam Dalam Ulama Silam dalam Kenangan*", Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ismail Awang. (1975), 'Maulana Abdullah Noh (1905-1947)' dalam *Majalah Pengasuh*, bil. 408.

Ismail Che Daud (ed.). (2012). *Tokoh-Tokoh Ulama' Semenanjung Melayu (1)*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press.

Ismail Ibrahim, Ismail Abdul Rahman dan Mat Asin Dollah. (1992). Syeikh Tahir Jalaluddin (1869-1956), Reformis Islam, dalam Ismail Mat, (ed.), *Ulama Silam dalam Kenangan*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ismail Hamid. (1985). *Peradaban Melayu dan Islam*, Petaling Jaya: Penerbitan Fajar.

Ismail Mat. (1993). "Dato Sayyid Alwi Tahir al-Haddad", dalam *Ulama' Silam dalam Kenangan*. Selangor. Malindo Printers Sdn. Bhd.

Ismail Said. (2007). *Dr. Burhanuddin al-Helmi: Pejuang Melayu Sejati*, Shah Alam: Karisma Publications.

Johan Jaafar, Mohd Thani Ahmad & Safian Hussain (ed.). (1981). *Sejarah Kesusasteraan Melayu*, Jilid I. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jelani Harun & Azmi Iskandar Merican. (2008). Pengarang Manuskrip dan Permulaan Percetakan di Pulau Pinang, dalam Sohaimi Abdul Aziz (ed.), *Cakerawala Penulisan*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.





Kamaruddin Jaafar. (1980). *Dr. Burhanuddin al-Helmy: Islam dan Kebangsaan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbitan Yayasan Anda.

_____ (2000). Burhanuddin al-Helmy, Ucapan Di Mesyuarat Agong PAS ke-12, 1964', dlm. *Burhanuddin Al-Helmy: Pemikiran dan Perjuangan*, Kuala Lumpur: Ikdas Sdn.Bhd.

_____ (2000). *Burhanuddin Al-Helmy: Pemikiran dan Perjuangan*, Kuala Lumpur: Ikdas Sdn.Bhd.

_____ (2000). *Dr. Burhanuddin al-Helmy: Politik Melayu dan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbitan Yayasan Anda.

Kamus Dewan. (2002). Edisi Ketiga, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamus Dewan. (2013). Edisi Keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khairuddin Said. (2011). *Pemikiran Islah Yusuf Ahmad Lubis*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya Press.

Khairul Nizam Zainal Badri. (2008). *Ketokohan dan Pemikiran Abu Bakar al-Baqir*, Karisma Publication, Shah Alam.



Khoo Kay Kim. (1977). Semenanjung Tanah Melayu: Satu Kajian Politik, 1900-1941, dalam Zainal Abidin Wahid, *Sejarah Malaysia Sepintas Lalu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Khoo Kay Kim, Mohd. Fadzil Othman dan Abdullah Zakaria Ghazali. (1980). *Islam di Malaysia: Persatuan Sejarah Malaysia*.

Khoo Kay Kim et al. (ed.), (1979). *Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

Kusmin Busyairi, *Pembahasan Risalah Tauhid, Karya Muhammad Abduh*, al-Jami'ah, No 29, Yogyakarta: Institut Agama Islam Negeri Sunan Kalijaga, tanpa tahun.

Li Dun Jen. (1982). *British Malaya: An Economic Analysis*. Kuala Lumpur, Libraise Du Liban.

Madrasah al-Khairat al-Islamiah. (1961). Buku Peringatan Seperempat Abad, Pokok Sena, Kepala Batas, Seberang Perai, 5 dan 6 April.

Mahayuddin Haji Yahaya. (2001), *Islam di Alam Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mahmud Abu Rayyah. (1961), *Jamal al - Din al-Afghani Ba'ith Nahdah al-Syarq*, Dar al- Ma'arif.





Mayhew, A. (1938). *Education in the Colonial Empire*. London: Longmans and Co.

Md. Salleh Md Gaus. (1984). *Politik Melayu Pulau Pinang 1945-1957*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Md. Sidin Ahmad Ishak et.al. (2000). *The Malays in the Middle East*, Kuala Lumpur: Universiti of Malaya Press.

Memorandum Za'ba, "Malay Attitudes Towards the Project of a University or Universiy College", 22 April 1947.

Mohd Radzi Othman dan O.K.Rahmat. (2008). *Gerakan Pembaharuan Islam: Satu Kajian di Perlis dan hubungkaitnya dengan Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia, edisi Baharu.

Mohd Yaakub/ Zulkifli Haji Yusoff. (1990). *Riwayat Hidup Muhammad Abduh dan Sumbangannya dalam Tokoh-Tokoh Pemikir Dakwah*, Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam.

_____ (1990). Pengaruh Pemikiran Muhammad 'Abduh dalam Gerakan Islam di Malaysian dalam *Tokoh-Tokoh Pemikir Dakwah*, Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam.

Mohammad Kamal Abdul Majid. (1990) *Ibn Taymiyyah dan Sumbangannya kepada Islam dalam Tokoh-Tokoh Pemikir Gerakan Dakwah*. Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam.

Mohamad Kamil Ab. Majid, ed. (1990). *Tokoh-Tokoh Pemikir Dakwah*. Petaling Jaya. Dewan Pustaka Islam.

Mohamad Saleeh Rahamad. (2005). *Pencerekaan dalam Novel Sejarah*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Mohamed Nordin Sopiee. (1974). *From Malayan Union to Singapore Separation Political Unification in the Malaysia Region 1945-1965*. University Malaya Press, Kuala Lumpur.

Mohammad Kamal Abdul Majid. *Tokoh-Tokoh Pemikir Gerakan Dakwah*. Petaling Jaya, Dewan Pustaka Islam. 1990.

Mohammad Redzuan Othman. (1998). The Role of Makka-Educated Malays in the Development of Early Islamic Scholarship and Education in Malay, *Journal of Islamic Studies*, vol. 9, no.2, Julai.

_____ (2005). *Islam dan Masyarakat Melayu, Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

_____ (2006). "Idea Kemajuan Dalam Pemikiran dan Perjuangan Sayyid Shaykh Al-Hadi" dalam Mohammad Redzuan Othman, *Sejarah Pembinaan Negara Bangsa*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.





_____ (2007). Masjid al-Haram sebagai sebuah Institusi Pengajian: Peranannya dalam Perkembangan Awal Pendidikan dan Intelektualisme Melayu, dalam Farid Mat Zain (penyunting), *Islam di Tanah Melayu Abad ke-19*.

_____ (2012). “Syeikh Junid Tola (1886-1948): Ulama Progresif Penggerak Kesedaran Politik dan Kemajuan Sosio-Ekonomi Masyarakat” dalam Arba’yah Mohd Noor, Mohammad Redzuan Othman, Suffian Mansor & Salina Zainol (ed.), *Persada Jauhari, Kumpulan Esei Sempena Persaraan Prof. Emeritus Datuk Wira Dr. Mohd Yusoff bin Hj Hasyim*, Kuala Lumpur : Terbitan Jabatan Sejarah Universiti Malaya.

Mohd Radzi Abdul Hamid. (2009). *Pendudukan Jepun di Tanah Melayu dan Borneo*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka, 2009.

Mohd Radzi Othman, O.K.Rahmat. (2008). *Gerakan Pembaharuan Islam. Satu kajian di negeri Perlis dan Hubungkaitnya dengan Malaysia*. Edisi Baharu, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Mohd Sarim Hj. Mustajab. (1975/76) “Syed Syeikh Abdullah Maghribi: Pendidik dan Kaum Muda”, *Jebat*, No. 5/6.

_____ (1988). Akhbar dan Majalah Agama Sebelum Perang: Sumbangan dan Peranannya dalam Perkembangan Masyarakat, dalam *Akhbar dan Majalah di Malaysia: Sejarah dan perkembangan*, Jabatan Sejarah, UKM, Bangi.

Mohd Yaakub/Zulkifli Haji Yusoff. (1990). *Riwayat Hidup Muhammad Abduh dan Sumbangannya* dalam Mohamad Kamil Ab. Majid (ed.), *Tokoh-Tokoh Pemikir Dakwah*: Petaling Jaya, Selangor.

Muhammad bin Abdullah al-Salman. (1988). *Rasyid Rida wa Da’wah al-Sheikh Muhammad bin Abd al-Wahhab*, Kuwait: Maktabah al-Ma’ala.

Muhammad Imarah. (2005). *Mencari format peradaban Islam*. Diterjemahkan oleh Muhammad Yasar dan Muhammad Hikam, Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.

Muhammad Radjab. (1964). *Perang Paderi*, Jakarta: Nalai Pustaka.

Muhammad Rasyid Rida. (1953). *Wakil Rakyat Dalam Islam*, Abdullah Basmeh et al. (terj) Singapore: Qalam.

Muhammad Yunus bin Hamidi. (1961). *Sejarah Pergerakan Politik Melayu Semenanjung*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

Murodi. (1999). *Melacak Asal-Usul Gerakan Paderi di Sumatera Barat*, Jakarta: Logos.





Mustaffa Abdullah. (2009). *Rasyid Rida: Pengaruhnya di Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Nabir Abdullah. (1976). *Maahad Il Ihya As-Syariff Gunung Semanggol, 1934-1959*, Kuala Lumpur: Percetakan Khee Meng.

Ni'mah Ismail Omar & Mustaffa Suhaimi. (1998). *Fadhlullah Suhaimi*, Ulu Kelang: Progressive House.

Nik Abdul Aziz bin Nik Hasan. (1980). *Pendidikan di Malaysia dahulu dan sekarang*. Kuala Lumpur.

_____ (1983). Lima Orang Tokoh Ulama di Negeri Kelantan 1860-1940 dalam *Islam di Kelantan*. Kuala Lumpur, United Selangor Press Sdn. Bhd.

Nikki R. Keddie. (1968). *An Islamic Response to Imperialism, Political and Religious Writing of Sayyid Jamal El-Din- al- Afghani*, Berkeley: Universiti of California Press.

_____ (1972). *Sayyid Jamal ad-Din al-Afghani. –A Political Biography*. Los Angeles: University of California Press.



Norahida Mohamed. (2015). *Muhammad Rashid Rida, Pemikir dan Reformis Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Norman J. Parmer, *Colonial Labor Policy and Administration: A History of Labor in the Rubber Plantation in Malaya. 1910-1941*. New York, 1960.

Oii Keat Gin. (2012). Mereka Datang untuk Berdagang dan Bermastautin: Perkembangan Pulau Pinang sebagai Bandar Raya Pelabuhan Kosmopolitan 1780-an -1880 dalam *Warisan Wilayah Utara Semenanjung Malaysia*.

Othman Bakar. (1980), Haji Salleh Masri pengasas al-Masriyyah, dalam *Buku Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

Abdul Halim El-Muhammady. (1982). *Pengaruh Madhhab Shafii dan masalah Kaum Muda di Malaysia.*, Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah.

Peter Riddell. 2001), *Islam and the Malay-Indonesian World*, Singapore: Horizon Books.

Raden Soenarno. (1960). "Malay Nationalism 1900-1945", *Journal South East Asian History*, Vol. 1, No. 1, Mac.

_____ (1960). "Malay Nationalisme 1896-1941". *Journal of Southeast Asean History*. Vol 1, March.





Rahim Osman. (1979) *Madrasah al-Masyhur al-Islamiyyah*, Pulau Pinang, dalam Khoo Kay Kim et al. (ed.), *Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

Ramlah Adam. (1992). *Dato' Onn Jaafar, Pengasas Kemerdekaan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____ (1993). "Dr. Burhanuddin al-Helmy: Kajian Mengenai Kegiatannya Dalam PKMM 1946-1948", *Siri Kertas Kerja Akademik Pengajian Melayu*, bil. 2.

_____ (1999). *Sumbanganmu Dikenang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____ (2003). *Burhanuddin al-Helmy: Suatu Kemelut Politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____ (2005). *Dato' Onn Jaafar: Pengasas Kemerdekaan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Riduan Mohammad Nor & Mohd Fadli Ghani. (2007). *Ulama dalam sorotan Perjuangan Kemerdekaan*.

Roff. W.R., (1978) "The Wondering Thoughts, of a Dying Man. The Life and Times of Haji Abdul Majid bin Zainuddin", Kuala Lumpur: Oxford University Press.

_____ (1967). *The Origins of Malaya Nationalism*, New Haven and London: Yale University Press.

_____ (1967). *Sejarah Suratkhabar Melayu, Monograf Persatuan Bahasa Melayu*, Universiti Malaya.

_____ (1967). *The Origins of Malay Nationalism (Pustaka Ilmu)*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya Press.

_____ (1975). *Nasionalisma Melayu*, terj. Ahmad Boestamam. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

_____ (1980). *The Origins of Malay Nationalism*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Saari Sungib. (2010). *Tokoh-tokoh Besar Gerakan Islam Dalam Sejarah*. Rijal Media, Sains Malaysia.

Sadka Emily. (1968). *The Protected Malay States 1874-1895*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

Saliha Hj. Hassan. (1974). Dr Burhanuddin al-Helmy-The Ideal of Malay Nasionalist, *Malaysia in History*, vol xvii, No.1, June.





Sayid Quthub (1982). *Fizhilaalil Quran, Di bawah Naungan Al-Quran*. Terj. H. Bey Ariffin dan Jamaludin Kafie. Surabaya. Pt. Bina Ilmu.

Sayyid Alwi Bin Tahir al-Haddad (1977), *Fatwa Mufti Kerajaan Johor*. (t.t.p), Bahagian Penerbitan Jabatan Agama Johor.

Sheikh Tahir Jalaluddin. (1953). *Risalah Penebas Bid'ah di Kepala Batas*, Persama Press, Pulau Pinang.

Shohana Hussin. (2016). Tokoh dan Institusi Pendidikan Islam di Pulau Pinang, dalam Muhammad Salleh & Mahani Musa (ed.), *Masyarakat Melayu Pulau Pinang Dalam Arus Sejarah*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Shukor Mat. (2001). *As-Sunnah Di Perlis, Kangar*: Media One Publications.

Siti Rodziah Nyan. (2009). *Akhbar Saudara: Pencetus Kesedaran Masyarakat Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Steenbrink. (1984). *Beberapa Aspek Tentang Islam di Indonesia*, Jakarta: Bulan Bintang.

Sutrisno Kuntoyo, Tuanku Imam Bonjol, Bandung: Angkasa, t.t

Syafiq A. Mughni. (1994). *Hassan Bandung: Pemikir Islam Radikal*, Surabaya: Bina Ilmu.

Syed Alwi al-Hadi. (1999). "The Life of My Father" dalam A.Gordon (ed). *The Real Cry of Syed Syakh al-Hady*. Kuala Lumpur: Malaysia Sociological Research Institute.

Syed Syeikh al-Hadi. (1984), *Hikayat Faridah Hanom*, Cetakan semula, Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

Talib Samad, (1992). Syed Syeikh al-Hadi. Sasterawan Progresif Melayu, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,

Talib Samat. (2003). "Syed Syeikh al-Hadi: Kehidupan dan Pandangan Hidupnya yang Terpancar dalam Karya Sastera" dalam Sohaimi Abdul Aziz (editor), *Syed Syeikh al-Hadi: Cendekia dan Sasterawan Ulung*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Tregonning, K.G., ed. (1962). *Papers on Malayan History*, Oxford University Press, Singapore.

Virginia Thompson. (1967). *Postmortem on Malaya*, New York: The Macmillan Company, 1943.

Winstedt. (1947). *The Malays - A Cultural History Singapore*, Kelly & Walsh.





Wong Lin Ken. (1965). *The Malayan Tin Industry to 1914*, Tucson: University of Arizona Press, 1965.

Yahya Ismail. (1978). *Masalah Melayu Pulau Pinang*, Kuala Lumpur: Dinamika Kreatif.

Yusoff Zaky Yaacob. (1988). Tok Kenali (1868-1933) dalam Ismail Che Daud, *Tokoh-Tokoh Ulama Semenanjung Melayu 1*. Kota Bharu: MAIK.

Zachary Abuza. (2007). *Political Islam and Violence in Indonesia*, Oxon, United Kingdom: Routledge.

Zainal Abidin Ahmad. (1934). *Ilmu Mengarang Melayu*, Tanjung Malim: Pejabat Karang-Mengarang SITC.

_____, (1980). "The Malays and Religion" dalam *Tamadun Islam* di Malaysia dalam Khoo Kay Kim et. al (sunt.), Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

_____, (1984). *Perangai Bergantung pada diri sendiri*, disunting semula oleh Hamdan Hassan, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zakaria @ Mahmud Daud/ Ahmad Zaki Ibrahim. (1990). "Pemikiran Muhammad Abd al-Wahab dan Pengaruhnya Kepada Dunia Islam dalam Bidang Akidah dan Politik" dalam Mohammad Kamal Abdul Majid. *Tokoh-Tokoh Pemikir Gerakan Dakwah*. Petaling Jaya, Dewan Pustaka Islam.

Jurnal / Makalah

Abdul Aziz Ishak, "Jenderam, Nasionalisme dan Pelampau Agama", *Pembina Generasi*, Oktober/November, 1985.

Abdul Aziz Mat Ton, "Kaum Muda di Melaka", *Jurnal Sejarah*, Jld. XII 1973/74.

Abdullah Hussein, "Burhanuddin al - Helmy, Pelopor Kebangkitan Semangat Kebangsaan Melayu", *Dewan Masyarakat*, November 1969.

Andaya, L. "From Rum to Tokyo: The Search for Anti-Colonial Allies by the Rulers of Riau, 1899-1914", dalam *Indonesia*, bil 24, 1977.

A.Nasir Haji Mahfudz, "Syed Syeikh al-Hadi: Sasterawan dan Ulama Progresif" dlm. *Dian*, bil 64.

Cf. Ismail Sudin, "Beberapa Aspek Sejarah Sosial Kuala Kangsar", *Jurnal Sejarah*, Jil. 10.1971/72.





Kamaruddin Ibrahim. Al-Maulul Fadhal Lebai Mohammad Maadah bin Layang, *Jurnal Persatuan Muzium (Purba)*, 1984.

Khoo Kay Kim. *Nasionalisme Melayu C.1919-1941: Suatu Tatapan Semula*, *Jebat*, bil. 28, 2001.

Mohammad Redzuan Othman 1998, "The Role of Makka-Educated Malays in the Development of Early Islamic Scholarship and Education in Malaya", *Journal of Islamic Studies*, vol. 9, no.2, July 1998.

Mohd. Sarim Haji Mustajab, "Syed Syeikh Abdullah Maghribi: Pendidik dan Kaum Muda", *Jebat*, No.5/6, 1975/76.

_____, "Syekh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Falaki: Pelopor Gerakan Islah Islamiyyah di Tanah Melayu", *Malaysia in History*, Vol XX, No. 11, December 1977.

_____, "Satu nota tentang Haji Abbas Mohd Taha", *Malaysia in History*, Vol.21, No.1, June, 1978.

_____, "Gerakan Islah Islamiyah di Tanah Melayu 1906 hingga 1948". *Jurnal dalam Malaysia: Sejarah dan proses pembangunan*. Kuala Lumpur, Persatuan Sejarah Malaysia.



Radin Soenarno, "Malay Nationalism 1900-1945," *Journal of South East Asian History*, Vol.1. No.1, March, 1960.

_____, "Malay Nationalisme 1896-1941". *Journey of Southeast Asean History*. Vol 1, March 1960.

Rasyidah Ismail. "Dr Burhanuddin al-Helmy, "Anak Melayu Pertama Mempelajari Homeopathy", *Dewan Masyarakat*, Disember, 1969.

Roff. W.R., "Kaum Muda-Kaum Tua; Innovation and Reaction Amongst the Malays, 1900-1941", dalam K. G. Tregonning (ed.), *Papers on Malayan History*, Singapore: *Journal of South-East Asian History*, 1962.

_____, "Indonesian and Malay Students in Cairo", *Journal Indonesia*. Cornell University's Southeast Asia Program, Volume 9, April, 1970.

Shafie Abu Bakar. "Ke arah Pembaikan dan Pengembangan Sistem Pendidikan Pondok di Malaysia", *Pendidikan Islam*, bil 2, October, 1978.

Stockwell, R.J., "British Policy and Malay Politics During Malayan Union Experiment 1940-1946", dalam *JMBRAS*, 1979.

_____, "British Policy and Malay Politics During Malayan Union Experiments 1942-1948," dalam *JMBRAS*, 1979.





Winstedt, R.O., “*Malay Titles*”, *JMBRAS* 18:2, 1941.

Yahya Ismail. “Syed Sheikh al-Hadi,” *Dewan Sastera*, Jilid 2, bil 1, 15hb Januari. 1972.

_____, “Syed Sheikh Ahmad al-Hadi Zaman Baru dalam Bidang Novel di Bumi Pulau Pinang” dalam. *Dewan Bahasa*, 18:11 November. 1974.

Yeop A. Hamid. “Semangat Nasionalisme Dari Sekolah Rakyat,” *Mastika*, Kuala Lumpur, Penerbitan Utusan Melayu, , bil 8 tahun ke-31, Ogos, 1971.

Yusuf Bakar. “Maahad Il Ihya Assyarif- Badan Dakwah Islam Malaysia,” dalam *Qiblat*, bil 22, tahun 2, 1972.

Zainal Abidin bin Ahmad, “Modern Development”, *JMBRAS*, XVII:III, Januari, hlm.156, 1940.

_____, “Islam, the Most Comprehensive Religion,” *The Muslim*, Singapore, Vol.II, No.2, February, 1923.

Zakaria @ Mahmood Daud. (1996), “Ahli Sunnah Perlis: Kelahiran Dan Perkembangannya”, dalam *Jurnal Usuluddin*, bil 5.



Al-Ikhwan, 1928

Al-Ikhya, 1 Februari 1947

Al-Imam, Jilid 1 dan 2, 23 Julai 1906-1908

Al-Islah, Jilid 1, 1970.

Ar-Rajaa, Jilid 2, 1928

Berita Harian, 12 April 1970

Dewan Sastera, Mei 1974

Islamic Review, vol. 1, 1913-1914

Kekal Abadi, No.4. Disember 1985

Jasa 8 Disember 1929

Kritik, 20 Mac 1956

Lembaga Melayu, 19 dan 28 Mei 1917

Lidah Benar, 10 Jun 1930

Majalah Guru, 1 Julai 1927

Majalah Qalam, Jun 1951- Januari 1953

Majlis, Januari 1933- Mac 1947

Malay Tribune, 19 Oktober 1946

Malaya Merdeka, 7 Jun 1950

Pelita Malaya, 5 April 1946

Pengasoh, 11 Julai dan 28 Mac 1926

Pilehan Timoer, 7, April 1928

Saudara 20hb Oktober 1928- 2 Oktober 1940

Semaian, bil.1 Jilid 1, Ogos 1923





Seruan Azhar, Jilid 1, No.7, April 1926
Straits Times, 9 April 1955
Suara Benar, 28 Okt 1932
Suara Islam 15 Mei 1957
Suara Malaya, 1 Jun 1946
Suluh Malaya, 4 Mei 1946.
Sunday Mail, 23 Februari 1947
Utusan Malaysia, 6 hb November 2016.
Utusan Melayu, 2 Julai 1947-3 Ogos 1959
Utusan Zaman, Julai 1940-26 April 1948
Warta Jenaka, 1935
Warta Malaya, 1930-1933
Warta Negara, 28 Januari 1946- 29 September 1950

Temu Bual

Temu bual dengan Nik Abdul Aziz bin Nik Mat, bekas Menteri Besar Kelantan di kediamannya di Kampung Pulau Melaka pada 3 Mei 2013 jam 6.30 pagi.

Temu bual dengan Puan Aniqah Rusda bt Abu Bakar pada 2 November 2013 jam 2.30 petang di rumahnya di Taman Panglima, Ipoh Perak. Beliau merupakan anak bongsu Ustaz Abu Bakar Baqir.



Temu bual dengan Tuan Haji Ghazi Ahmad Bin Abdullah, anak Maulana Abdullah Noh di Masjid Rahimah, Greenwood, Batu Caves pada 26hb Mac 2016.

Temu bual dengan Tuan Haji Daud bin Said atau lebih dikenali sebagai Pak Muda Daud di rumah beliau di Kampung Dalam Kemunting pada 18 Mac 2016.

Temu bual dengan Tuan Haji Che Abdul Hamid bin Che Yusuf pada 30 Mei 2016 di Lot Manal 1, Tanah Merah, Kelantan.

Temu bual dengan Tuan Haji Abdul Halim Husni bin Haji Salleh di rumahnya di Kampung Dalam Kemunting pada 18 Mac 2016.

Temu bual dengan Haji Wan Muhammad bin Wan Abdullah atau dikenali sebagai Tok Wan Mat pada 18 Mac 2016.

Temu bual dengan Tn Hj Fauzi bin Abu Bakar di rumah beliau pada 5 Mei 2016 di Taman Pekeliling, Kangar, Perlis. Beliau merupakan anak ketiga Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari.

Temu bual dengan Dr. Sabri Salamon pada 27 Disember 2016 di Felda Kampung Awah, Temerloh, Pahang. Beliau merupakan bekas pelajar Maahad al-Ehya As-Syariff dari tahun 1955 hingga 1959.

Transkrip Pita Nombor 1, wawancara Sidek Jamil dari Arkib Negara Malaysia bersama



Y.B Dato Haji Hassan Adli bin Mohamad Arshad pada 15 ogos, 1978.


Transkrip Za'ba: "*The Talk on Islam*", Broadcast 3 Januari 1961, 7.15 pagi, Sumber
Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

LAMPIRAN A



Maulana Abdullah Noh ketika berkhidmat dalam Batalion Giyu-Gun di Singapura.
(Sumber: Koleksi Peribadi Tuan Haji Ghazi Ahmad Bin Abdullah)

LAMPIRAN B



Kulit kitab Semangat Perajurit-Perajurit Muslim Karya Maulana Noh
(Sumber: Koleksi Peribadi Tuan Haji Ghazi Abdullah)

LAMPIRAN C



Syeikh Abu Bakar al-Asy'ari
(Koleksi Peribadi Tuan Hj Fauzi bin Abu Bakar)

LAMPIRAN D



Syeikh Tahir Jalaluddin
(Sumber: Arkib Negara Malaysia)

LAMPIRAN E



Ustaz Abu Bakar al-Baqir
(Sumber: Koleksi gambar sambutan 82 tahun Maahad al Ehya Assyarif pada 16hb
April 2016 di Maahad al-Ehya Assyarif)